



LAPORAN TAHUNAN 2017



KANDUNGAN

TRANSFORMASI MEMBERIKAN KESAN	2

RAKYAT DIUTAMAKAN	4

TINJAUAN TAHUN 2017	6

NTP	16

LAMPIRAN

PERBELANJAAN 2017	284

TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PWC	285


PRESTASI NTP 2017	286

Petunjuk Prestasi Utama



PERUTUSAN PERDANA MENTERI

TRANSFORMASI MEMBERIKAN KESAN



**YAB DATO' SRI
MOHD NAJIB TUN ABDUL RAZAK**
Perdana Menteri Malaysia

Setelah mengambil alih jawatan Perdana Menteri, saya telah melancarkan Program Transformasi Negara (National Transformation Programme, NTP) pada tahun 2010 untuk memacu Malaysia keluar dari perangkap pendapatan sederhana ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Selepas tujuh tahun pelaksanaan NTP, suka cita saya mengumumkan bahawa program tersebut telah mendatangkan hasil positif yang mampu dilihat dan dirasakan di seluruh negara. Banyak kejayaan telah dicapai setakat perjalanan yang berterusan ini, dan yang paling penting janji kita kepada rakyat ditepati.

Saya berasa amat bangga dengan peralihan kita keluar daripada perangkap pendapatan sederhana dan menghampiri matlamat untuk menjadi menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi. Ini dibuktikan dengan pengurangan jurang antara Pendapatan Negara Kasar (PNK) per kapita negara dengan ambang pendapatan tinggi Bank Dunia dari 33% pada tahun 2010 kepada 20% pada tahun 2017.

Walaupun kini merupakan tempoh yang cukup berliku bagi banyak negara, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia telah berkembang 5.9% pada tahun ini. Pertumbuhan ini merupakan yang tertinggi dalam tempoh tiga tahun, dan mengatasi kadar pertumbuhan negara-negara jiran seperti Singapura, Indonesia, Korea Selatan dan Taiwan. Prospek cerah ekonomi kita juga disahkan oleh institusi-institusi antarabangsa seperti Bank Dunia, Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund, IMF), dan Bank Pembangunan Asia (Asian Development Bank, ADB) yang telah meningkatkan ramalan kadar pertumbuhan negara sebanyak

dua kali pada tahun ini. Selain itu, semua agensi penarafan utama telah mengesahkan bahawa Malaysia berada dalam band "A" dengan unjuran pertumbuhan yang stabil.

Pada masa tertentu, pihak Kerajaan perlu membuat keputusan yang sukar tetapi wajar demi memastikan kemajuan. Ini termasuklah rasionalisasi subsidi yang sebelum ini telah dibelanjakan secara purata kepada seluruh rakyat tanpa mengira tahap keperluan, selain pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (Goods and Services Tax, GST) untuk meningkatkan kecekapan kutipan cukai. Meskipun menghadapi bantahan dan kritikan yang hebat, kita kekal dengan pendirian ini kerana kita tahu bahawa ini adalah keputusan yang betul. Natijahnya, semua rakyat Malaysia dapat menyaksikan penurunan defisit fiskal negara daripada 6.7% pada tahun 2009 kepada 3.0% pada tahun 2017.

Kerajaan juga melaksanakan penambahbaikan dasar kewangan awam dan Malaysia merupakan salah sebuah daripada beberapa buah negara yang menetapkan had statutori ke atas jumlah pinjaman Kerajaan, membuktikan kegigihan dan disiplin Kerajaan dalam membawa perubahan. Walaupun tahap hutang Kerajaan berada pada 51% daripada PNK pada tahun 2017, peratusan tersebut masih di bawah had statutori 55% yang ditetapkan. Tindakan ini telah meningkatkan keupayaan Kerajaan untuk melabur dalam pembangunan sosial, lantas membolehkan kita memberi tumpuan kepada keperluan rakyat dan menghulurkan bantuan kepada rakyat yang benar-benar memerlukan.

Selain daripada pembaharuan fiskal, pihak Kerajaan telah berusaha untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi dan merencanakan pelaburan daripada pihak swasta. Sebelum pelaksanaan NTP, ekonomi negara terlalu bergantung kepada industri minyak dan gas yang terdedah kepada ketidakstabilan harga pasaran dan pelaburan awam. Misalnya, pada tahun 2009, industri minyak dan gas telah menyumbang 41% daripada keseluruhan pendapatan negara, manakala pelaburan swasta pula masih berada di bawah paras 55% daripada jumlah keseluruhan pelaburan, lantas memungkinan risiko kepada ekonomi negara.

Pemikiran strategik kita serta usaha mempelbagaikan ekonomi negara ternyata berkesan, terutamanya dengan penurunan harga pasaran minyak dunia pada tahun 2014. Usaha-usaha ini telah meningkatkan daya tahan ekonomi dan melindungi negara dari kesan kemelesetan ekonomi. Melalui 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Economic Area, NKEA) yang telah dikenal pasti, pendapatan Kerajaan daripada industri minyak telah berkurang kepada 15% pada tahun 2017. NTP juga telah menggalakkan pelaburan swasta, di mana pelaburan swasta telah meningkat dari 55% daripada jumlah keseluruhan pelaburan pada tahun 2010 kepada 68% pada tahun 2017.

12 NKEA tersebut telah menyumbang kepada 75% PNK negara pada hujung tahun 2017 harga semasa. Hal ini telah membawa kepada penambahan 2.68 juta 'tenaga kerja' sejak tahun 2010 berdasarkan definisi dan metodologi CSDU (untuk maklumat lanjut berkenaan 12 sektor ini, sila rujuk bahagian Tinjauan Tahun 2017 dan bab-bab NTP dalam laporan tahunan ini).

Hasil daripada pembaharuan dasar yang dilaksanakan sejak tahun 2010, keyakinan pelabur asing terhadap pasaran Malaysia telah melonjak naik. Ini terbukti dengan kemasukan ramai pelabur baharu sejak beberapa tahun kebelakangan ini.



Pada tahun 2017, Saudi Aramco, sebuah syarikat minyak milik Arab Saudi telah komited untuk melabur US\$7 bilion dalam projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (Refinery and Petrochemical Integrated Development, RAPID) di Kompleks Bersepadu Petroleum Pengerang (Pengerang Integrated Petroleum Complex, PIPC), dan US\$900 juta lagi untuk 50% pegangan ekuiti dalam perniagaan polimer di bawah syarikat Petronas Chemicals Group Berhad.

Sementara itu, Huawei, sebuah syarikat peralatan dan perkhidmatan rangkaian dan telekomunikasi, telah memilih Malaysia sebagai ibu pejabat operasi sedunia, pusat penyimpanan data dan pusat latihan global. Syarikat tersebut telah melabur sebanyak RM2.2 bilion untuk membina pusat operasinya di negara kita, mewujudkan lebih daripada 2,370 peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

Satu lagi pencapaian Malaysia yang boleh kita dibanggakan adalah pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (Digital Free Trade Zone, DFTZ) pada bulan Mac 2017 oleh Jack Ma, pengasas dan pengerusi eksekutif Kumpulan Alibaba. Zon ini akan menyediakan 24,700 ekar platform fizikal dan maya di Sepang KLIA Aeropolis bagi membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk memanfaatkan perkembangan ekonomi internet dan aktiviti e-dagang merentas sempadan. DFTZ disasarkan untuk menjadi hab serantau yang baharu untuk inovasi berasaskan internet dan dijangka akan menggandakan eksport produk PKS kepada US\$38 bilion, mewujudkan 60,000 pekerjaan dan memudahkan cara perdagangan barangan bernilai US\$65 bilion menjelang 2025.

Syarikat-syarikat ini memilih Malaysia sebagai destinasi pelaburan untuk memperkembangkan perniagaan mereka disebabkan oleh dasar yang telah kita laksanakan yang menjadikan negara ini sebuah destinasi yang menarik. Usaha-usaha ini diiktiraf oleh Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum, WEF), di mana Laporan Daya Saingan Global 2017-2018 meletakkan Malaysia sebagai negara ke-23 paling berdaya saing, dan hanya di belakang Singapura dalam kalangan negara ASEAN.

Ketika Kerajaan mula-mula merancang hala tuju NTP, kita maklum bahawa transformasi yang menyeluruh hanya mampu dicapai apabila hasil usaha tersebut bersifat terangkum dan mampan. Hal ini penting agar tiada rakyat yang ketinggalan apabila Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi kelak, selain memastikan agar kesejahteraan masyarakat dapat terus dikekalkan pada masa akan datang.

Dalam hal ini, Pekali Gini negara yang mengukur jurang pendapatan telah menunjukkan penurunan kepada 0.399 pada tahun 2016 berbanding 0.441 pada tahun 2009. Kita kini berada pada landasan yang betul dalam usaha mengurangkan jurang pendapatan dan meningkatkan kuasa pembelian rakyat dalam jangka masa panjang, di samping memastikan mutu hidup yang lebih baik untuk seluruh warga Malaysia.

Selain itu, kita juga telah mencatatkan penurunan kadar kemiskinan yang memberangsangkan sejak bermulanya program NTP. Hasil daripada program-program seperti 1AZAM, kadar kemiskinan nasional telah menurun kepada 0.4% pada tahun 2016 daripada 3.8% pada tahun 2010, dengan peningkatan dalam purata pendapatan bulanan isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) kepada RM2,848 pada tahun 2016 berbanding RM1,440 pada tahun 2009. Bagi membantu rakyat menangani kos sara hidup, pada tahun 2017 sahaja, RM6.31 bilion telah diagihkan melalui pemberian BRIM kepada 7.22 juta individu dan keluarga yang layak. Sejak tahun

2012, pihak Kerajaan telah mengagihkan sejumlah RM25.62 bilion menerusi pemberian BRIM.

Sementara itu, pembangunan di kawasan luar bandar diteruskan bagi memastikan masyarakat desa dapat sama-sama menikmati hasil transformasi negara. Sehingga kini, 6.8 juta penduduk luar bandar telah mendapat manfaat dari inisiatif-inisiatif strategik NTP, termasuklah akses kepada air terawat, bekalan elektrik 24 jam dan kesalinghubungan jalan yang lebih baik.

Tambahan, kita telah berjaya menyiapkan projek Transit Aliran Massa (Mass Rapid Transit, MRT) yang pertama di negara kita dengan pelancaran Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) pada tahun 2017. Laluan MRT SBK menjadi bukti bahawa Malaysia telah mengorak langkah dalam menaik taraf sistem pengangkutan awam, di samping mempamerkan pengurusan dan pelaksanaan yang cemerlang dengan siapnya projek ini dalam tempoh masa yang dijadualkan serta di bawah bajet yang diperuntukkan.

Kini, 1.2 juta rakyat yang tinggal di sepanjang koridor Sungai Buloh-Kajang mendapat manfaat daripada laluan 51 km ini dari segi pengurangan kos, masa perjalanan dan kesesakan lalu lintas di kawasan berhampiran laluan MRT. Perniagaan dan hartanah di sepanjang laluan tersebut juga berkembang maju hasil daripada kesan limpah dari projek mega "infra-rakyat" ini.

Kita juga sedang membangunkan Landasan Keretapi Pantai Timur (East Coast Railway Link, ECRL) yang akan menghubungkan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang dengan pantai timur semenanjung Malaysia. Projek ini dijangka akan mencipta 80,000 pekerjaan baharu dan akan memanfaatkan 5.4 juta penumpang setahun mulai tahun 2030.

Pencapaian seperti projek MRT dan ECRL hanya dapat dijadikan kenyataan dengan pertumbuhan ekonomi yang mampan, kestabilan sosioekonomi serta pengurusan fiskal yang baik sejak 2010. Tambahan, usaha sama antara penjawat awam, sektor swasta dan rakyat sejak permulaan NTP juga telah membawa kepada kejayaan inisiatif-inisiatif di bawah NTP.

Perkhidmatan awam kita memainkan peranan yang penting dalam memastikan transformasi yang berjaya dan mampan melalui NTP. Oleh itu, Kerajaan telah menubuhkan Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam (Civil Service Delivery Unit, CSDU) pada Mac 2017 untuk mengambil alih tugas dari Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). Tindakan ini membolehkan penjawat awam untuk mengambil alih fasa terakhir transformasi negara sepenuhnya, dan merealisasikan hasrat untuk membina budaya kerja yang lebih berdaya saing dan berorientasikan pencapaian dalam perkhidmatan awam. Kini, kita dapat lihat lebih ramai penjawat awam yang mengambil langkah proaktif dalam memastikan penyampaian inisiatif yang dapat membawa perubahan.

Melihat kepada kemajuan gemilang yang telah kita capai setakat ini, saya amat yakin bahawa kita akan dapat mencapai matlamat NTP untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kita juga telah memulakan perancangan seterusnya di bawah Transformasi Nasional 2050 (TN50). Apabila kita telah merealisasikan visi menjadi negara maju, perancangan seterusnya adalah untuk menjadi salah sebuah negara yang paling maju di dunia dari segi pembangunan ekonomi, kesejahteraan rakyat dan inovasi menjelang tahun 2050.



PERUTUSAN TIMBALAN PERDANA MENTERI

RAKYAT DIUTAMAKAN



**YAB DATO' SERI DR.
AHMAD ZAHID HAMIDI**

Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Ketika Kerajaan mula melaksanakan NTP pada tahun 2010, kita sedia maklum bahawa penyampaian perkhidmatan awam harus ditransformasikan untuk menyokong perubahan sosioekonomi yang kita impikan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi. Demi mencapai matlamat ini, kita telah menggesa semua Kementerian untuk melaksanakan agenda perubahan yang meletakkan rakyat sebagai keutamaan.

Kini, tujuh tahun telah berlalu sejak kita memulakan transformasi dan sukacita saya menyatakan bahawa Kerajaan masih menjalankan tanggungjawab menangani isu-isu rakyat. Antara isu utama yang dibangkitkan adalah isu peningkatan kos sara hidup, satu fenomena yang bukan sahaja dialami oleh Malaysia. Malah menurut laporan Kos Sara Hidup 2017 dari Economic Intelligence Unit, Kuala Lumpur berada di tangga ke-96 daripada 133 bandar yang dikaji. Singapura, Hong Kong dan Zurich merupakan antara bandar yang paling mahal untuk didiami. Berdasarkan laporan tersebut, kos sara hidup global tahun 2017 yang berada di paras 74% (dengan mengambil purata indeks dari kesemua bandar yang dikaji dan menggunakan bandar New York sebagai rujukan) amat dipengaruhi oleh faktor-faktor luaran seperti pergerakan mata wang. Inflasi harga barangan dan perkhidmatan, yang lazimnya berlaku dalam ekonomi yang berkembang, juga turut memburukkan lagi keadaan.

Oleh yang demikian, Kerajaan telah melancarkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) pada tahun 2012 bagi membantu rakyat menangani impak kenaikan kos sara hidup. Lebih daripada tujuh juta rakyat dan isi rumah telah mendapat manfaat daripada bantuan langsung ini yang berjumlah RM25.62 bilion, di mana RM6.31 bilion daripada jumlah tersebut telah disalurkan pada tahun 2017.

BR1M merupakan pendekatan kritikal Kerajaan dalam menyalurkan bantuan segera kepada rakyat. Selain itu, melalui Jawatankuasa Khas Kabinet untuk Menangani Kos Sara Hidup Rakyat, Kerajaan juga telah merangka beberapa strategi jangka panjang untuk menangani kos sara hidup. Jawatankuasa ini telah menjalankan kajian secara menyeluruh untuk mengurangkan kesan peningkatan kos sara hidup dalam hal-hal berkaitan dengan makanan, perumahan dan pengangkutan.

Pada tahun 2017, Jawatankuasa tersebut memberi fokus kepada kemiskinan bandar oleh sebab kos sara hidup yang lebih tinggi di kawasan-kawasan bandar. Hasilnya, inisiatif-inisiatif seperti My Farm Outlet (MFO), program Q'Fish, Gedung Makanan Nasional, program SiswaSave dan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia untuk pelajar universiti telah dilaksanakan. Saya ingin memaklumkan bahawa sebahagian besar daripada inisiatif-inisiatif tersebut disasarkan kepada isi rumah berpendapatan 40% terendah (B40) dan mereka akan terus menjadi tumpuan utama. Di bawah pentadbiran Kerajaan sekarang, rakyat Malaysia yang berada dalam kumpulan B40 telah secara beransur-ansur keluar dari kelompok tersebut. Ini terbukti dengan pembasmian kemiskinan secara menyeluruh dan kadar kemiskinan negara berada pada paras 0.4% sahaja pada tahun 2016. Selain daripada itu, pelbagai peluang penjana pendapatan telah dirangka melalui program seperti 1AZAM di bawah NTP, yang telah menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan median bulanan kumpulan B40 kepada RM3,000 pada tahun 2016 berbanding RM2,629 pada tahun 2014. Purata pendapatan golongan B40 pula telah meningkat kepada RM2,828 dari RM2,537 dalam tempoh masa yang sama.

Pada tahun 2017, 100,420 rakyat Malaysia telah mendapat manfaat melalui program 1AZAM dan berjaya meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya RM300. Kita juga telah merangka satu program susulan yang dipanggil Beyond 1AZAM, dengan harapan agar peserta 1AZAM yang telah berjaya akan terus maju dan mencipta lebih banyak peluang pekerjaan melalui latihan lanjutan, sokongan keusahawanan dan akses kepada pinjaman mikro dan pembiayaan perniagaan kecil yang berterusan. Sehingga tahun 2017, program ini telah mengubah kehidupan 5,674 orang peserta, yang merupakan satu peningkatan berbanding 1,511 orang peserta pada tahun 2015 ketika Beyond 1AZAM mula diperkenalkan.

Kerajaan juga telah membantu golongan B40 untuk memanfaatkan ekonomi digital agar mereka dapat keluar dari kepompong kemiskinan dan memanfaatkan peluang



yang ada pada zaman teknologi ini dengan sebaiknya. Selaras dengan itu, program e-Rezeki dan e-Usahawan telah diperkenal untuk meningkatkan pendapatan purata peserta melalui pepadanan kemahiran dan crowdsourcing dari platform atas talian. E-Rezeki menyasarkan untuk melahirkan 500 peserta yang berjaya menjana pendapatan tambahan melalui platform *crowdsourcing* dan platform tersebut kini mempunyai 5,898 orang peserta berdaftar. E-Usahawan pula telah berjaya menarik minat 12,300 orang peserta. Para peserta program e-Usahawan telah berjaya menjana pendapatan sebanyak RM24.3 juta melalui pelbagai jenis perniagaan berasaskan digital.

Selain itu, Kerajaan juga telah meningkatkan kualiti kehidupan komuniti luar bandar secara berterusan. Sejak tahun 2010, usaha membangunkan kawasan luar bandar telah membawa kepada pembinaan dan penyelenggaraan 6,868 km jalan di kawasan luar bandar, penyediaan akses bekalan air kepada 354,400 isi rumah, penyambungan bekalan elektrik yang stabil kepada 161,931 rumah, serta pembinaan dan pembaikan 103,033 rumah untuk golongan miskin di luar bandar.

Walaupun isi rumah berpendapatan rendah dan masyarakat luar bandar merupakan kumpulan-kumpulan yang diberikan keutamaan oleh Kerajaan, namun perhatian juga turut diberikan kepada penduduk bandar bagi memastikan kestabilan pembangunan sosioekonomi. Sehubungan itu, usaha Kerajaan untuk menaik taraf rangkaian pengangkutan awam bandar telah memacu penyediaan sistem pengangkutan awam yang bertaraf dunia.

Kemajuan ini bukan sahaja dicapai melalui pembinaan Mass Rapid Transit (MRT), di mana landasan pertama telah disiapkan pada tahun 2017, tetapi juga dengan penambahbaikan perkhidmatan bas dan teksi. Usaha ini berpandukan visi YAB Perdana Menteri untuk mewujudkan perkhidmatan pengangkutan awam yang mudah diakses, andal, selamat, mematuhi piawaian antarabangsa dan pada harga yang berpatutan. Kita juga sedang mentransformasikan setiap aspek pengangkutan di bandar bagi membolehkan pengguna merancang perjalanan harian sehingga ke destinasi terakhir mereka. Melalui penambahbaikan infrastruktur, pembangunan kapasiti dan penyediaan mod pengangkutan awam baharu, kita telah berjaya menggandakan nisbah pengguna dari 10% pada tahun 2010 kepada 20% pada tahun 2015. Purata penumpang harian juga terus meningkat kepada 1.21 juta penumpang pada tahun yang sama.

Demi generasi akan datang, kita juga telah memulakan pembaharuan pendidikan bagi memastikan belia kita berdaya saing di peringkat global dan usaha ini bermula dari peringkat prasekolah. Oleh itu, pada tahun 2017, Kerajaan telah memberi fokus peningkatan kesedaran mengenai kepentingan pendidikan prasekolah dalam kalangan ibu bapa bagi menggalakkan enrolmen penuh prasekolah di Malaysia. Kadar enrolmen prasekolah kebangsaan telah meningkat kepada 84.26% pada tahun 2017, yang mewakili 884,983 kanak-kanak berumur 4+ dan 5+.

Di peringkat sekolah rendah dan menengah, tumpuan kita adalah untuk meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar untuk meningkatkan daya saing global mereka. Bagi tujuan ini, kita telah melaksanakan Program Dwi Bahasa (Dual Language Programme, DLP) dan Program Imersif Tinggi (Highly Immersive Programme, HIP). Program-program ini akan melahirkan golongan pelajar yang mahir berbahasa Inggeris dan seterusnya membantu mereka menghadapi dunia pekerjaan yang sangat kompetitif. Pada tahun 2017 sahaja, DLP telah dilaksanakan di 1,214 buah sekolah, peningkatan yang ketara berbanding 378 buah sekolah pada tahun sebelumnya. HIP pula telah diperluas kepada 5,526 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh negara, memberikan lebih 2.54 juta orang pelajar pendedahan yang lebih luas kepada bahasa perantara global ini. Semua inisiatif untuk meningkatkan kecekapan berbahasa Inggeris telah dijalankan tanpa mengeneipkan kepentingan Bahasa Kebangsaan kita.

Bagi menangani kadar jenayah yang merupakan salah satu kebimbangan rakyat, Kerajaan terus menjalankan usaha memerangi jenayah untuk memastikan keselamatan dan keamanan rakyat terjamin. Ini dibuktikan apabila kita beralih kepada pendekatan yang lebih berorientasikan perkhidmatan melalui program Modern Policing di mana orang ramai dilibatkan secara langsung bagi mengurangkan rasa ketakutan mereka terhadap jenayah. Hasil daripada usaha memerangi jenayah, kita telah mencatatkan pencapaian kadar jenayah yang memberangsangkan, iaitu daripada 352.07 kes jenayah bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2016 ke 306.15 kes jenayah bagi setiap 100,000 penduduk pada tahun 2017. Ini merupakan penurunan sebanyak 13%.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga telah meningkatkan usaha untuk membanteras rasuah melalui pencegahan, penguatkuasaan dan pendidikan. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Kerajaan tetap komited dalam usaha untuk menghapuskan rasuah dalam sektor awam dan swasta. Namun, persefahaman dan persetujuan bersama semua pihak adalah perlu bagi membasmi amalan yang tidak beretika dan mengamalkan integriti di semua peringkat.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada penjawat awam dan semua rakyat Malaysia atas sokongan dan kerjasama yang diberikan dalam usaha transformasi ini. Saya yakin bahawa dengan kerjasama semua pihak, kita boleh terus memacu kejayaan dalam penyampaian perkhidmatan Kerajaan dan mencapai bukan sahaja matlamat untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, malah sebuah negara yang mengutamakan keperluan dan kepentingan rakyat.



TINJAUAN NTP TAHUN 2017



**YB DATUK SERI PANGLIMA
ABDUL RAHMAN DAHLAN**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri,
Unit Perancang Ekonomi



YBHG TAN SRI DR. ALI HAMSA

Ketua Setiausaha Negara

Program Transformasi Negara (NTP) telah berjaya mencapai kejayaan baharu pada tahun 2017 di mana tanggungjawab untuk meneruskan usaha transformasi telah diserahkan kepada Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam (Civil Service Delivery Unit, CSDU) di bawah Jabatan Perdana Menteri. Peralihan ini telah membolehkan Kerajaan untuk menginstitusikan amalan terbaik dan budaya berlandaskan prestasi di kalangan penjawat awam. Berteraskan tadbir urus yang baik, keterangkuman sosioekonomi, dan kemampunan, kini kita semakin hampir dengan matlamat untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi.

Momentum yang ditonjolkan NTP telah berjaya mengeluarkan Malaysia daripada terperangkap dalam jurang pendapatan sederhana dengan PNK per kapita mencecah US\$9,660 pada tahun 2017 berbanding ambang pendapatan tinggi Bank Dunia, US\$12,087¹ sekali gus merapatkan jurang PNK per kapita Malaysia dengan ambang pendapatan tinggi Bank Dunia kepada 20% pada 2017. Pengurangan jurang dari 33% semasa permulaan NTP pada tahun 2010 merupakan satu pencapaian yang amat membanggakan.

Pertumbuhan PNK yang mantap adalah hasil daripada asas ekonomi kukuh yang telah dibina melalui 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (National Key Results Area, NKEA) di bawah NTP, di mana momentum pertumbuhan dalam pelbagai sektor ekonomi melindungi satu sama lain daripada pergolakan pasaran yang tidak menentu selepas kemelesetan kewangan global pada tahun 2008. Tambahan pula, Kerajaan telah memperkukuhkan kerangka dasar utama melalui Inisiatif Pembaharuan Strategik (Strategic Reform Initiatives, SRI) untuk merangsang daya saing


perniagaan, liberalisasi, pengurusan bakat, mewujudkan peluang yang sama rata dan menggalakkan keusahawanan.

Selain itu, kesejahteraan rakyat terus menjadi keutamaan dan Kerajaan akan terus komited untuk menunaikan janji untuk meningkatkan taraf hidup dan menangani isu-isu yang dihadapi rakyat. Hasrat ini direalisasikan melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (National Key Results Areas, NKRA), selaras dengan kerangka Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (Public Service Delivery Transformation, PSDT) dan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS).

Pada tahun ini, dengan penuh rasa bangga kami mengumumkan pelancaran program Pengurusan Bakat Melalui Penyelesaian Masalah (Problem Solving Talent Management, PSTM) yang memanfaatkan kumpulan bakat sedia ada dalam perkhidmatan awam untuk menambah baik proses penyampaian Kerajaan, dan pada masa yang sama melengkapkan mekanisme NTP. PSTM kini diuruskan oleh CSDU dan pelbagai cadangan yang memberangsangkan untuk menangani masalah-masalah kritikal telah dibentuk. Salah satu contoh cadangan tersebut adalah penubuhan satu pasukan petugas khas untuk meningkatkan kedudukan daya saing Malaysia.


Para penjawat awam akan terus mengambil langkah yang proaktif untuk menerajui inisiatif-inisiatif berteraskan transformasi dan memberikan komitmen untuk mencapai sasaran NTP. Komitmen ini menggambarkan peranan utama yang dimainkan oleh penjawat awam serta sektor swasta dan rakyat, dalam memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif strategik negara bagi menjamin kemakmuran dan pembangunan untuk semua rakyat Malaysia pada tahun-tahun akan datang.

¹ Anggaran berdasarkan pengiraan PNK per kapita Bank Dunia (Atlas Method).



Berdasarkan kiraan per kapita Bank Dunia (Atlas Method), Harga Malar 2005.

Malaysia mengekalkan sasarannya ke arah keseimbangan fiskal



MENINGKATKAN KECEKAPAN KERAJAAN

Pelan Hala Tuju NTP memperincikan agenda transformasi sosioekonomi Kerajaan yang mengutamakan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam dan memastikan isu-isu utama yang dihadapi oleh rakyat ditangani. Kerajaan menyedari bahawa dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi, selain rangsangan ekonomi, Kerajaan juga perlu melaksanakan dasar yang berkesan dalam pasaran global yang berkembang pesat.

Kreativiti dan inovasi dalam memaksimumkan penggunaan sumber adalah penting dalam usaha kita untuk mencapai tahap kecekapan dan hasil yang lebih mantap. Oleh itu, Kerajaan telah menerapkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS) yang merupakan sebuah platform penting dalam pelaksanaan transformasi nasional. Berlandaskan slogan “kos rendah, impak yang tinggi dan pelaksanaan pantas”, NBOS telah berjaya menggalakkan penyelarasan antara agensi-agensi Kerajaan dengan mengurangkan pertindihan kerja dan memecahkan “mentaliti silo” yang wujud di antara unit-unit Kerajaan.

Setakat ini, lebih daripada 100 inisiatif NBOS telah berjaya dilaksanakan untuk mengatasi pelbagai isu berkaitan ekonomi dan sosial. Salah satu contoh terbaik adalah

pembangunan Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre, UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre, RTC), yang berfungsi sebagai pusat sehenti yang menyediakan pelbagai perkhidmatan Kerajaan bersepadu di bawah satu bumbung. Model perkhidmatan awam seumpama ini telah diiktiraf oleh Bank Dunia sebagai salah satu yang terbaik di dunia pada tahun 2016. Pusat-pusat ini telah membolehkan Kerajaan menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM2 bilion, memastikan sumber-sumber yang ada digunakan sepenuhnya dan sebaiknya, serta menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Akses kepada perkhidmatan awam masih agak terhad bagi segelintir masyarakat, sejak tahun 2013, Kerajaan telah menubuhkan Pusat Transformasi Komuniti Bergerak (Mobile Community Transformation Centre, Mobile CTC). Inisiatif ini telah berjaya memendekkan masa perjalanan serta menangani kekangan logistik komuniti di kawasan pedalaman dan terpencil untuk mengakses perkhidmatan-perkhidmatan yang hanya boleh didapati di UTC, RTC atau pejabat-pejabat Kerajaan.

Selain itu, salah satu inisiatif utama lain di bawah NBOS adalah penubuhan Pusat Latihan 1Malaysia (1Malaysia Training Centres, 1MTC) yang berfungsi sebagai pusat kemudahan latihan Kerajaan sedia ada. Kewujudan 1MTC mampu mengurangkan keperluan bagi Kementerian dan agensi Kerajaan untuk menyewa kemudahan pihak ketiga pada harga yang tinggi. Kemudahan 1MTC juga terbuka kepada orang awam, sektor swasta serta badan bukan kerajaan untuk membantu mereka mencapai sasaran pembinaan kapasiti masing-masing.

Perkhidmatan-perkhidmatan yang berteraskan NBOS telah diperkukuhkan oleh program Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (Public Service Delivery Transformation, PSDT) yang diperkenalkan pada tahun 2013. Program PSDT berlandaskan prinsip-prinsip kerjasama strategik, usaha sama dan saling ketergantungan antara agensi dalam usaha membentuk perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, dinamik, berteraskan rakyat dan berintegriti tinggi. Usaha ini telah diterjemahkan kepada 1,432 inisiatif transformasi, di mana 216 inisiatif diklasifikasikan sebagai berimpak tinggi. Inisiatif-inisiatif tersebut memberi kemudahan kepada orang awam untuk mendapat akses kepada pelbagai perkhidmatan awam seperti penjagaan kesihatan, dalam masa yang sama meningkatkan hasil dan produktiviti Kerajaan dan memperluas saluran penyampaian melalui penglibatan NGO dan masyarakat.

Program PSDT telah dilaksanakan selaras dengan NTP yang mengenal pasti tujuh bidang keutamaan rakyat, atau dikenali sebagai Bidang Keberhasilan Utama Negara

(National Key Results Areas, NKRAs), yang disasarkan untuk ditambah baik oleh Kerajaan melalui pembaharuan sektor awam.

Pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA)

Menangani Peningkatan Kos Sara Hidup

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kekal sebagai bantuan segera untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup. Sejak tahun 2012, tujuh juta rakyat Malaysia telah mendapat manfaat daripada BR1M berjumlah RM25.62 bilion yang membolehkan mereka menampung sebahagian perbelanjaan seharian seperti bil-bil bulanan, yuran sekolah serta kos perubatan. Di samping itu, melalui Jawatankuasa Khas bagi Menangani Kos Sara Hidup Rakyat yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Kerajaan sedang berusaha untuk merangka strategi jangka masa panjang untuk menyelesaikan isu kos sara hidup seperti menguruskan kos pengeluaran produk makanan melalui program-program di bawah NBOS.

Membanteras Rasuah

Kerajaan berhasrat untuk membentangkan Peruntukan Liabiliti Korporat di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) di Parlimen pada tahun 2018. Peruntukan tersebut bertujuan untuk mengukuhkan liabiliti jenayah korporat, di mana syarikat akan bertanggungjawab secara langsung bagi perbuatan rasuah, melainkan mereka dapat membuktikan secara sah bahawa mereka mempunyai prosedur yang cukup untuk mengelakkan gejala rasuah. Selain itu, Sistem Pengurusan Anti Rasuah (ABMS) MS-ISO 37001 juga telah diperkenalkan pada tahun 2017 untuk membantu sesebuah organisasi untuk melaksanakan langkah-langkah yang menepati amalan dan kawalan anti-rasuah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.

Mengurangkan Jenayah

Sejak permulaan pelaksanaan NTP pada tahun 2010, jenayah indeks negara telah berkurang sebanyak 53%. Inisiatif seperti Kepolisan Moden, misalnya, telah mentransformasi pasukan polis untuk menjadi sebuah organisasi berteraskan perkhidmatan dan celik teknologi. Selaras dengan perubahan penduduk dan piawai antarabangsa, Polis Diraja Malaysia telah mula mengukur jumlah jenayah berdasarkan setiap 100,000 penduduk. Pada tahun 2017, kadar jenayah dicatatkan pada kadar 306.15 bagi setiap 100,000 penduduk, berbanding kadar asas 352.07 bagi setiap 100,000 penduduk yang telah ditetapkan pada 2016. Petunjuk Persepsi Jenayah (Perception of Crime Indicator) juga telah diperkenalkan untuk membolehkan pihak polis dan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menentukan jurang utama keselamatan yang perlu ditambah baik.



Memastikan Pendidikan Berkualiti

Program Dwibahasa (Dual Language Programme, DLP) dan Program Imersif Tinggi (Highly Immersive Programme, HIP) yang diperkenalkan untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar kita terus mencatatkan hasil yang positif. Program DLP kini dilaksanakan di 1,214 buah sekolah manakala program HIP diperluaskan kepada 5,526 buah sekolah rendah dan menengah di seluruh Malaysia, melibatkan 2.54 juta pelajar. Bagi memastikan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan guru, latihan untuk guru Bahasa Inggeris telah diperbanyakkan dan lebih daripada separuh guru Bahasa Inggeris seluruh negara telah berjaya meningkatkan penguasaan ke tahap C1, atau Effective Operational Proficiency berdasarkan Common European Framework of Reference. Di peringkat pra-sekolah, kemasukan pelajar telah meningkat kepada 84.26%, bersamaan dengan 884,983 kanak-kanak pra-sekolah baharu pada tahun 2017.

Meningkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah

Setakat tahun 2016, kadar kemiskinan di Malaysia telah menurun kepada 0.4%, hasil daripada program-program seperti 1AZAM yang telah meningkatkan pendapatan sekurang-kurangnya sebanyak RM300 bagi 100,420 individu, atau 91% daripada jumlah peserta yang dipantau. Selain itu, bilangan peserta 1AZAM yang dikategorikan sebagai miskin telah menurun kepada 58.69% pada tahun 2016 berbanding 89.17% pada tahun 2009. Di samping itu, peserta 1AZAM yang berjaya turut diberi bantuan tambahan melalui program Beyond 1AZAM yang kini mencatatkan jumlah peserta seramai 5,674 orang pada tahun 2017. Kerajaan juga telah memperkenalkan program e-Rezeki dan e-Usahawan untuk memberikan akses kepada peluang untuk menjana pendapatan melalui kaedah digital bagi golongan B40.

Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar

Sehingga tahun 2017, NTP telah membina dan menaik taraf 6,868 km jalan di kawasan luar bandar melalui Program Jalan Luar Bandar dan Jalan Perhubungan Desa, dan menyediakan 354,400 dan 161,931 isi rumah dengan bekalan air dan elektrik masing-masing di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar dan Program Bekalan Elektrik Luar Bandar. Di samping itu, 103,033 isi rumah telah mendapat manfaat daripada pembinaan dan pemulihan rumah melalui Program Perumahan Rakyat Termiskin. Aktiviti ekonomi seperti Desa Lestari dan Rural Business Challenge juga telah menggalakkan semangat keusahawanan, lantas mengukuhkan ekonomi penduduk di luar bandar. Setakat ini, kira-kira 6.8 juta penduduk luar bandar telah menikmati manfaat daripada NKRA ini.

Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

Tahun 2017 merupakan tahun yang amat penting bagi pengangkutan awam bandar di Greater Kuala Lumpur/ Lembah Klang. Pelancaran Laluan 1 Transit Aliran Massa (Mass Rapid Transit, MRT) pada 17 Julai 2017 menandakan permulaan era baharu dalam sistem pengangkutan bandar kita. Pelancaran MRT telah menyumbang kepada peningkatan jumlah purata penumpang harian rel dan bas sebanyak 1.21 juta penumpang berbanding 1.16 juta penumpang pada tahun sebelumnya. Dalam usaha meningkatkan perkhidmatan batuan pertama dan terakhir, Malaysia telah menjadi salah satu negara yang pertama di dunia untuk membenarkan perkhidmatan e-panggilan (e-hailing) seperti Uber dan Grab. Di samping itu, Sistem Pembayaran Umum Bersepadu dan pembinaan kemudahan tempat letak kereta di stesen kereta api juga dijangka akan menggalakkan rakyat untuk menggunakan pengangkutan awam.

MEMPERTAHANKAN KETAHANAN EKONOMI DAN DAYA SAING PERNIAGAAN

NTP terus membina daya tahan ekonomi Malaysia melalui usaha mempelbagaikan ekonomi yang diterajui 12 Bidang Ekonomi Utama Negara. Malah, KDNK tahun ini meningkat sebanyak 5.9%, mencecah nilai RM1,173.6 bilion pada harga malar yang menjangkaui sasaran asal para penganalisa. Pada tahun 2017, hasil negara daripada NKEA mewakili 75% PNK yang berjumlah RM1,316.3 bilion pada harga semasa.

Kepelbagaian ekonomi melalui NKEA juga dapat dilihat melalui pengurangan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas sebagai sumber pendapatan Kerajaan, dan dalam masa yang sama meningkatkan sumbangan daripada sektor utama yang lain. Pada tahun 2017, pendapatan hasil sektor minyak dan gas mewakili 15% hasil Kerajaan dan ini menunjukkan pengurangan yang ketara berbanding 41% pada tahun 2009. Hasil daripada usaha mengoptimumkan sumber pendapatan, hasil pendapatan Kerajaan telah meningkat dari RM185 bilion pada tahun 2011 kepada RM225 bilion pada 2017 dengan kadar pertumbuhan tahunan kompaun (compound annual growth rate, CAGR) sebanyak 3% dalam tempoh tersebut.

Kestabilan kewangan Kerajaan dan defisit fiskal yang telah berkurang lebih separuh dari 6.7% pada tahun

2009 kepada 3.0% pada tahun 2017 terus memperkukuh lanskap ekonomi negara. Selain itu, nisbah hutang Kerajaan berbanding KDNK berada pada 51%, di bawah 55% yang telah ditetapkan untuk tahun 2017. Secara keseluruhannya, faktor-faktor ini memaparkan asas-asas ekonomi yang kukuh, membolehkan ekonomi kita teguh menempuhi cabaran luaran.

Secara keseluruhannya, semua pencapaian di atas telah berjaya menambah baik daya saing global Malaysia, di mana negara kita telah melonjak dari tangga ke-25 pada tahun 2016 ke tangga ke-23 pada tahun 2017 dalam Indeks Daya Saing Global Forum Ekonomi Dunia. Pencapaian ini meletakkan kita di antara negara-negara yang teratas di rantau Asia. Dari segi kemudahan untuk menjalankan perniagaan, Malaysia menduduki tempat ke-24 daripada 190 negara menerusi Laporan Menjalankan Perniagaan Bank Dunia 2018, di mana kita merupakan negara kedua teratas di kalangan negara ASEAN dan keempat terbaik di Asia Pasifik.

Sejak NTP mula dilaksanakan, sektor swasta memainkan peranan yang penting dalam pertumbuhan ekonomi, dan menyumbang 68% daripada keseluruhan nilai pelaburan, memaparkan CAGR 10.5% pada tahun 2010-2017. Pada masa yang sama, persekitaran ekonomi yang positif dan pengiktirafan dari institusi global turut menyumbang kepada kemasukan pelaburan langsung asing (FDI).

Hal ini jelas dengan termeterainya pelaburan yang telah dibuat oleh beberapa syarikat ternama dunia, antaranya termasuk:


- Broadcom Limited, syarikat ternama dalam industri semikonduktor, telah memindahkan Hab Pengedaran Global dari Singapura ke Malaysia pada tahun 2017;
- Huawei, penyedia penyelesaian teknologi maklumat dan komunikasi Global (ICT), telah menjadikan Malaysia sebagai ibu pejabat operasi serantau pada tahun 2017;
- Saudi Aramco, syarikat gergasi minyak, telah komited untuk melabur sebanyak US\$7 bilion untuk memperoleh kepentingan sebanyak 50% dalam Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) Petronas pada tahun 2017;
- HSBC, syarikat perbankan global, terus komited untuk melabur lebih daripada RM1 bilion untuk membina ibu pejabat serantaunya yang baharu di Tun Razak Exchange;
- Konglomerat e-dagang China Alibaba Group telah menubuhkan Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) di Sepang.

Selain meningkatkan kerancakan persekitaran perniagaan di Malaysia, pelaburan ini juga telah menyumbang kepada pengetahuan teknikal di kalangan industri tempatan, selain pembukaan peluang pekerjaan tempatan.

Pelaburan terealisasi dipercepat pasca-ETP

(RM bil)

- Awam
- Swasta



Rancangan Malaysia Ke-9

Rancangan Malaysia Ke-10

Rancangan Malaysia Ke-11



Zon Perdagangan Bebas Digital (Digital Free Trade Zone, DFTZ)

DFTZ Malaysia adalah yang pertama seumpamanya di dunia yang dilancarkan pada Mac 2017 untuk meningkatkan pertumbuhan e-dagang Malaysia dan meletakkan negara sebagai hab serantau untuk inovasi berasaskan internet. DFTZ bakal menyediakan zon fizikal dan maya untuk memudahkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) memanfaatkan perkembangan ekonomi digital dan aktiviti e-dagang merentasi sempadan. Zon fizikal ini merangkumi e-Fulfilment Hub dan Satellite Services Hub, manakala zon maya meliputi e-Services Platform.

Zon tersebut akan ditempatkan di KLIA Aeropolis, sebuah pembangunan seluas 24,700 ekar yang akan dibangunkan oleh Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB) yang dijangka akan menjana pelaburan domestik dan asing bernilai lebih RM7 bilion. DFTZ telah menetapkan sasaran bagi tahun 2025 untuk menggandakan kadar pertumbuhan eksport barangan PKS kepada US\$38 bilion, mencipta 60,000 peluang pekerjaan dan memudahkan cara perdagangan barangan bernilai US\$65 bilion.

Majlis pelancaran DFTZ telah menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman (MoU) antara empat pihak:

- Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Kumpulan Alibaba untuk kerjasama strategik dalam pembangunan DFTZ di Malaysia, selaras dengan matlamat Platform Perdagangan Dunia Elektronik (eWTP); dan pembangunan hab serantau untuk perniagaan e-dagang, kemudahan perdagangan, onboarding PKS, cloud services untuk syarikat, dan sebuah pusat e-Fulfilment dan logistik.
- MAHB dan Cainiao Network untuk pembangunan hab e-dagang dan logistik serantau di KLIA Aeropolis.
- Alipay bersama Maybank dan CIMB untuk melancarkan pembayaran kod bar Alipay di Malaysia. Usaha sama ini akan membolehkan pelancong dari China membuat pembayaran menggunakan Alipay e-wallet, suatu kaedah pembayaran yang paling mereka gemari. Usaha sama ini juga akan mendedahkan peniaga-peniaga Malaysia kepada pasaran China yang luas.
- MDEC dan Catcha Group untuk bekerjasama dalam penubuhan Bandaraya Internet Kuala Lumpur (KLIC).

Sehingga kini, lebih daripada 1,500 PKS terlibat dalam pelbagai peringkat onboarding di DFTZ.

Sejak 2010, ekonomi Malaysia telah mencatatkan penambahan 2.68 juta 'tenaga kerja'² (sehingga suku keempat 2017) yang mana 27.2% adalah pekerja berkemahiran. Sebagai tambahan, jurang pendapatan telah berkurang, seperti dipamerkan oleh Pekali Gini. Pada tahun 2016, Pekali Gini Malaysia menurun kepada 0.399, pengurangan ketara berbanding 0.441 pada tahun 2009. Pengurangan jurang pendapatan ini disokong oleh pertumbuhan pendapatan median dan min negara yang masing-masing mencecah RM5,228 dan RM6,958 pada tahun 2016 berbanding RM2,841 dan RM4,025 pada tahun 2009.

Di samping itu, golongan pendapatan isi rumah pertengahan 40% (M40) dan terbawah 40% (B40) juga memperlihatkan peningkatan dalam median dan min pendapatan. Pada tahun 2016, golongan M40 telah mencatatkan pertumbuhan pendapatan median sebanyak 6.9% setahun kepada RM 6,275 berbanding RM5,465 pada tahun 2014, manakala pendapatan median golongan B40 juga telah meningkat sebanyak 6.6%

kepada RM3,000 berbanding RM2,629 pada tahun 2014. Selain itu, pendapatan min golongan M40 turut meningkat sebanyak 6.9% kepada RM6,502 pada tahun 2016 berbanding RM5,662 pada tahun 2014, manakala pendapatan min golongan B40 naik sebanyak 5.8% kepada RM2,848 berbanding RM2,537 pada tahun 2014.

Penurunan kadar kemiskinan di Malaysia sejak tahun 2009 terus menunjukkan dasar inklusif negara dalam usaha membantu kumpulan sasaran ini. Pada tahun 2016, kadar kemiskinan telah turun kepada 0.4% berbanding 3.8% pada tahun 2009 dengan penurunan kadar kemiskinan di semua negeri. Secara khususnya, kemiskinan di kawasan luar bandar telah menurun dengan ketara kepada 1% daripada 8.4% pada tahun 2009, sejajar dengan usaha yang intensif dalam pembangunan luar bandar sejak tujuh tahun yang lalu.

Perkembangan sosioekonomi ini membuktikan kepentingan dan keberhasilan NTP, lantas mengukuhkan hasrat kita dalam mencapai status negara berpendapatan tinggi.

² Pengiraan 'tenaga kerja' berdasarkan definisi dan metodologi CSDU, data diperoleh daripada Penyiasatan Tenaga Buruh, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Pencapaian Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (NKEA)

NILAI PNK (RM BILION) PADA HARGA SEMASA	
SEKTOR NKEA	2017
Pertanian	73.6
Kelapa Sawit/Getah	79.9
Minyak, Gas dan Tenaga	203.5
Elektrik dan Elektronik	63.4
Pemborongan dan Peruncitan	201.9
Pendidikan ³	58.3
Penjagaan Kesihatan ³	26.0
Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi	58.7
Pelancongan	81.1
Perkhidmatan Kewangan	73.9
Perkhidmatan Perniagaan	64.0
JUMLAH NKEA	984.3
Lain-lain Industri	393.2
JUMLAH (PNK)	1,316.3

Pertanian

NKEA Pertanian terus membangunkan sektor pertanian melalui peralihan kepada agribusiness yang bernilai tinggi. Pada tahun ini, sektor ini menyumbang RM73.6 bilion kepada PNK, melebihi sasaran Pelan Hala Tuju sebanyak RM49 bilion menjelang tahun 2020. Hal ini didorong oleh pertumbuhan sektor makanan yang diproses, segmen akuakultur dan produk herba, di samping pembangunan PKS pertanian yang menyediakan peluang penjana pendapatan bagi pekebun kecil pada tahun 2017. Sektor makanan yang diproses telah menyaksikan penglibatan sebanyak 154 PKS dan jualan berjumlah RM511.21 juta untuk menyokong syarikat utama sepanjang rantai nilai pada

tahun 2017. Jumlah ini merupakan jumlah tertinggi yang pernah dicatatkan sejak program pembangunan PKS ini dilaksanakan pada tahun 2015.

Perkhidmatan Perniagaan

Sektor perkhidmatan perniagaan terus menyediakan perkhidmatan berkemahiran tinggi kepada ekonomi dan meningkatkan pendapatan negara. PNK yang dijana daripada sektor perkhidmatan perniagaan pada tahun 2017 berjumlah RM64 bilion, disumbangkan oleh industri aeroangkasa, perkongsian perkhidmatan dan penyumbangan luar, pusat data, pembinaan dan baik pulih kapal, dan teknologi hijau. Antara pencapaian sektor ini ialah pertumbuhan ketara industri aeroangkasa terutamanya dalam sektor pembuatan dan penyelenggaraan, pembaikan dan pemuliharaan (maintenance, repair and overhaul, MRO) aeroangkasa dengan pelantikan Composites Technology Research Malaysia (CTRM) Sdn Bhd sebagai pembekal sumber tunggal bagi pembuatan dan bekalan penutup kipas Airbus A350. Selain itu, UMW Aerospace merupakan syarikat Malaysia pertama yang menjadi pembekal kelongsong kipas tahap satu kepada Rolls-Royce dengan nilai kontrak berjumlah RM830 juta pada tahun 2017. Justeru, Malaysia menempa posisi sebagai pembekal utama komponen struktur kapal terbang.

Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi

Sektor kandungan dan infrastruktur komunikasi menjadi tumpuan utama NTP dalam merapatkan jurang ekonomi bandar dan luar bandar. Pembangunan sektor ini bertujuan untuk membuka platform ekonomi digital ke kawasan luar bandar dengan hasrat untuk meningkatkan penyertaan komuniti luar bandar dalam ekonomi dan menambah kadar pendapatan per kapita negara. Projek kabel dasar laut negara sepanjang 3,800 km yang dikenali sebagai Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKRIM) telah siap dan telah mula beroperasi pada 16 September 2017 bagi meningkatkan kesalinghubungan antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, lantas menurunkan kesesakan internet di antara tiga wilayah tersebut. Sepanjang tahun ini, NKEA ini telah merekodkan PNK berjumlah RM58.7 bilion daripada hasil penembusan telekomunikasi yang semakin meningkat serta pengeluaran kandungan kreatif yang semakin bertambah.

Elektrikal dan Elektronik (E&E)

Eksport E&E Malaysia kekal mencatatkan pertumbuhan yang kuat dengan mengambil peluang daripada hasil kemajuan pesat dalam teknologi dan revolusi digital global. Pada tahun 2017, industri ini mencatatkan eksport bernilai RM343 bilion dan PNK sebanyak RM63.4 bilion. Pertumbuhan ini didorong oleh pelaburan dalam

³ Termasuk pendidikan awam dan penjagaan kesihatan awam.



pembuatan semikonduktor, modul solar, produk LED dan perkakas rumah, dan kejayaan ini mencerminkan hasil usaha NKEA untuk menginovasikan pembuatan bernilai tinggi. Antara pencapaian sektor ini ialah pelaburan fasa pertama OSRAM dalam fasiliti epitaksi LED, fabrikasi wafer, dan pembuatan produk bersepadu yang beroperasi sejak November 2017. Malah, MIMOS dan NCIA telah berjaya menubuhkan satu pusat pembangunan modal insan dalam bidang peralatan dan fabrikasi wafer yang menawarkan latihan yang holistik dan berpandukan industri, berdasarkan kurikulum yang dibangunkan bersama dengan SFAM.

Pendidikan

Malaysia berjaya mengekalkan daya tarikkannya sebagai destinasi pendidikan bertaraf dunia. NKEA ini telah mencatatkan PNK sebanyak RM58.3 bilion melalui pelbagai aktiviti sektor swasta yang telah memacu lebih banyak kemasukan pelajar antarabangsa. Hal ini terbukti melalui peningkatan jumlah pelajar kepada 170,068 pendaftaran pelajar dalam institusi pengajian tinggi pada tahun 2017, berbanding 70,000 orang pada tahun 2010. Pencapaian ini adalah hasil peningkatan usaha pemasaran oleh sektor swasta dan Kerajaan, kehadiran jenama pendidikan bertaraf dunia di Malaysia, serta tawaran pelbagai jurusan dan disiplin yang berjaya menarik lebih ramai pelajar antarabangsa untuk meneruskan pendidikan di Malaysia. Di samping itu, universiti-universiti di Malaysia juga mencatat kemajuan yang memberangsangkan dalam pencapaian kedudukan 50 teratas di dunia dalam bidang Hospitaliti dan Pengurusan Senggang, Kejuruteraan Elektrikal dan Elektronik, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Mekanikal, Sains Alam Sekitar dan lain-lain.

Perkhidmatan Kewangan

Langkah Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi dalam rangkuman sektor perkhidmatan membolehkan Malaysia menghadapi cabaran ekonomi dunia. Aktiviti dalam NKEA ini masih kekal diterajui oleh sektor swasta yang dipandu oleh para pengawal selia, bagi memastikan akses kepada perkhidmatan kewangan dan kemampuan Malaysia memperkembangkan rangkaian serantau serta inovasi melalui teknologi kewangan. Sistem kewangan Malaysia disepadukan di peringkat serantau untuk menyokong hubungan ekonomi dan kewangan yang lebih kukuh seperti yang ditonjolkan dengan kehadiran dan aktiviti bank komersial Malaysia di kalangan negara ASEAN. Sehingga tahun 2017, nilai modal, pasaran ekuiti dan hutang masing-masing berjumlah RM3.2 trilion, RM1.9 trilion dan RM1.3 trilion, manakala Assets under Management berjumlah RM776.2 bilion. Tambahan lagi, Malaysia menguasai 30% daripada jumlah nilai pasaran global aset Syariah, dan juga merupakan peneraju terbitan

sukuk di peringkat antarabangsa. Hal ini menyumbang kepada RM73.9 bilion PNK yang dihasilkan oleh NKEA ini pada tahun 2017.

Greater Kuala Lumpur / Lembah Klang

Laluan 1 MRT dari Sungai Buloh ke Kajang telah dilancarkan pada 17 Julai 2017, dua minggu lebih awal daripada jadual dan merupakan suatu pencapaian yang signifikan dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup serta kesalinghubungan di Kuala Lumpur dan Lembah Klang. Wilayah ini terus mencatatkan kemajuan melalui satu lagi projek ikonik, iaitu River of Life (ROL) yang melibatkan usaha pembersihan dan pencantikan lapan batang sungai bertujuan meningkatkan kelestarian alam sekitar, memangkinkan pelaburan dan memastikan kualiti hidup yang lebih baik di dalam dan di sekitar ibu negara. Projek ROL juga dianugerahkan dengan Anugerah Kecemerlangan oleh International Federation of Landscape Architects di bawah kategori Lanskap Kebudayaan dan Urban di bawah Asia-Pacific Landscape Architecture Awards 2017.

Penjagaan Kesihatan

Sejak NKEA Penjagaan Kesihatan diperkenalkan pada tahun 2011, industri ini telah berkembang dengan pesat. Pada tahun 2017, dan untuk tahun ketiga berturut-turut, Malaysia telah diiktiraf oleh majalah The International Living dan International Medical Travel Journal (IMTJ) sebagai salah sebuah negara yang menawarkan penjagaan kesihatan terbaik dari segi kualiti perkhidmatan, kebolehcapaian, kos dan piawai pilihan pemulihan selepas proses pembedahan (post-procedure recuperation options), serta "Health and Medical Tourism Destination of the Year" masing-masing. Pada tahun 2017, sektor ini mencatatkan PNK sebanyak RM26 bilion. Salah satu pencapaian, Garis Panduan Ujian Klinikal Fasa I yang membolehkan ujian fasa awal untuk penyediaan dan penemuan ubat-ubatan di Malaysia telah disiapkan. Tambahan lagi, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Warga Emas Swasta diluluskan pada tahun 2017 untuk mengawal pusat penjagaan warga tua swasta dan ini memastikan perkhidmatan berkualiti akan diberi kepada warga emas.

Minyak, Gas dan Tenaga

Meskipun harga minyak mentah jatuh pada tahun 2017, Malaysia terus komited dalam usahanya untuk menambah nilai dalam sektor minyak dan gas. Sektor ini mencatatkan PNK sebanyak RM203.5 bilion pada tahun 2017. Inisiatif utama di bawah NKEA ini adalah Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang yang telah berjaya menarik pelaburan yang tinggi. Projek ini menjadi berita utama pada bulan Februari 2017 dengan upacara penandatanganan Perjanjian

Pembelian Saham (SPA) oleh gergasi minyak Saudi Aramco untuk melabur US\$7 bilion dalam projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) di Pengerang, yang merupakan aliran masuk FDI terbesar ke Malaysia. Ia juga merupakan pelaburan Saudi Aramco yang terbesar di luar Arab Saudi sehingga kini, manakala perkembangan yang positif dalam bidang kecekapan tenaga dan tenaga boleh diperbaharui telah memperkukuhkan komitmen negara kepada ikrar Persidangan Ke-21 Negara Parti (COP21) Perjanjian Paris untuk mengurangkan 45% pengeluaran gas rumah hijau menjelang 2030.

Minyak Sawit dan Getah

Kedudukan Malaysia sebagai peneraju perladangan dan komoditi global utama berterusan pada tahun 2017 dengan jumlah eksport minyak sawit dan produk berasaskan sawit sebanyak RM77.8 bilion, serta eksport getah asli dan sebatian getah berjumlah RM9.36 bilion, suatu peningkatan yang besar berbanding RM5.89 bilion pada tahun lepas. Geran berjumlah RM41 juta yang diperuntukkan untuk 10 projek pembangunan makanan berasaskan sawit, produk kesihatan dan makanan haiwan pada tahun 2017 turut menggambarkan kemajuan yang dicapai dalam usaha mempromosi manfaat nutrisi minyak sawit seperti tocotrienol dan carotenoids untuk kegunaan komersial. Penanaman baharu dan penanaman semula getah telah mencapai sasaran 8,557 hektar tahun ini. Selain itu, RM132.7 juta telah diperuntukkan bagi penanaman sebanyak 8,557 hektar getah di Sabah dan Sarawak. Hasilnya, sumbangan PNK oleh NKEA ini mencecah RM79.9 bilion pada tahun 2017.

Pelancongan

Sektor pelancongan terus mencapai sasaran 36 juta ketibaan pelancong setahun dan sumbangan PNK sebanyak RM104 bilion pada tahun 2020, dengan ketibaan pelancong seramai 25.7 juta pada tahun 2017 susulan pelancaran kemudahan e-Visa bagi pelancong dari 10 buah negara, antaranya China, India dan Bhutan. Perolehan pelancongan mencapai RM81.4 bilion pada tahun 2017 dan sejak 2011, sektor ini telah menyumbang sebanyak RM81.1 bilion kepada PNK negara. Semua ini telah dicapai dengan usaha kita untuk memantapkan tawaran dan tarikan pelancongan, lantas menjadikan Malaysia salah sebuah daripada 17 destinasi yang mesti dilawati pada tahun 2017 oleh CNN Travel. Ipoh, Perak juga disenaraikan oleh Lonely Planet sebagai salah satu daripada 10 bandar percutian terbaik pada tahun 2017. Sementara itu, Kuala Lumpur turut dinamakan sebagai salah satu antara 10 bandar terbaik di dunia dari aspek pertumbuhan pelancongan oleh World Travel and Tourism Council (WTTC).

Pemborongan dan Peruncitan

Sektor pemborongan dan peruncitan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi pada

tahun 2017, dengan sumbangan KNDK sebanyak RM205.2 bilion dan PNK sebanyak RM201.9 bilion. Usaha berterusan dalam memodenkan dan merevolusikan sektor ini telah berjaya meningkatkan tahap kepercayaan pengguna kepada 76.6% menurut Global Consumer Confidence Trend Tracker oleh Nielsen. Malaysia turut mempertahankan kedudukan ketiga dalam Global Retail Development Index oleh AT Kearney selama dua tahun berturut-turut. Kita juga terus menyokong transformasi peruncit kecil dan bengkel automotif serta memudahkan usaha industri untuk mempelbagaikan pengalaman membeli-belah untuk memacu pelaburan serta kepenggunaan, terutamanya dengan memanfaatkan perkembangan baharu dalam dunia digital.

Pencapaian Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI)

Inisiatif Pembaharuan Strategik (Strategic Reform Initiatives, SRI) terus memainkan peranan penting dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan dan memperkukuhkan daya saing Malaysia di peringkat antarabangsa, selain menggalakkan keterangkuman dan kelestarian dalam transformasi negara kita.

Merapatkan Jurang Ketaksamaan

SRI ini menerajui penerapan prinsip “pertumbuhan dengan ekuiti” untuk memastikan perancangan inklusif dan pertumbuhan ekonomi yang seimbang. SRI ini juga telah membuka jalan bagi pembangunan masyarakat Bumiputera dan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera (BETR) 1.0 pada tahun 2011 untuk menangani isu-isu utama yang dihadapi oleh komuniti terbesar Malaysia ini secara menyeluruh. Setakat tahun 2017, BETR 1.0 telah mewujudkan sejumlah RM122.2 bilion peluang perniagaan. Pada April 2017, YAB Perdana Menteri telah melancarkan pelan hala tuju Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) sebagai tambahan kepada BETR 1.0 bagi memberi fokus kepada peningkatan kesejahteraan masyarakat Bumiputera melalui peningkatan bina upaya dan penglibatan ekonomi.

Persaingan, Standard dan Liberalisasi

SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi juga terus memainkan peranan sebagai pemacu utama dalam meningkatkan daya saing negara melalui pembasmian amalan antipersaingan, penggalakan amalan perniagaan bertaraf dunia dan usaha memudah cara sektor perkhidmatan yang dinamik melalui rangka kerja pengawalseliaan. Sepanjang tahun ini, 300 daripada 327 aduan antipersaingan telah ditangani oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC), di mana lima keputusan telah dikeluarkan terhadap syarikat yang didapati terlibat dengan tingkah laku antipersaingan. Dalam meningkatkan kualiti barangan dan perkhidmatan, sepanjang tahun 2017, 5,331 standard telah disediakan untuk perniagaan



dan pengguna, yang mana 510 standard telah diwajibkan untuk diguna pakai oleh pengawal selia. Sementara itu, kedudukan dari segi daya saing global turut meningkat, mencerminkan usaha kita untuk meningkatkan lanskap serta daya saing perniagaan dalam negara.

Pembangunan Modal Insan

Dalam usaha kita mengorak langkah menjadi negara berpendapatan tinggi, bekalan bakat juga perlu maju seiring demi memenuhi keperluan pasaran buruh. Hal ini boleh dicapai melalui pemodenan undang-undang buruh; pewujudan jaringan keselamatan buruh; pengukuhan pengurusan sumber manusia; analisis pasaran buruh; peningkatan kemahiran dan pembinaan semula kemahiran; serta pemanfaatan bakat wanita. Kita kini berada di landasan yang betul di mana prestasi pembangunan modal insan global negara berada pada kedudukan kedua terbaik di Asia Tenggara dan pada kedudukan ke-33 di dunia menurut Laporan Modal Insan Global 2017 yang diterbitkan oleh Forum Ekonomi Dunia berbanding tempat ke-42 pada tahun 2016, dengan skor yang tinggi bagi komponen keupayaan, pembangunan dan pengetahuan. Laporan Antarabangsa Pengarah Wanita Korporat 2017 mengenai Lembaga Pengarah Wanita dalam Syarikat Asia Pasifik juga telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ketiga daripada 20 negara di Asia Pasifik hasil pencapaian kita dalam meningkatkan bilangan pengarah wanita. Pasaran buruh juga menyaksikan perkembangan ketara pada tahun ini dengan lulusnya tiga undang-undang utama, iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri, Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 dan Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan 2017 bagi menyediakan perlindungan pekerja yang lebih meluas.

Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT)

Di bawah SRI PSDT, Kerajaan memberi tumpuan kepada transformasi penyampaian perkhidmatan kesihatan awam kepada rakyat dengan memperkenalkan inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN. Peningkatan yang signifikan dalam mengurangkan masa menunggu serta kesesakan di hospital mendorong pelaksanaan Penjagaan Kesihatan LEAN ke semua 133 hospital di seluruh negara secara berperingkat. Sehingga kini, 52 buah hospital di bawah Kementerian Kesihatan telah melaksanakan inisiatif ini di pelbagai jabatan, dengan sasaran agar metodologi LEAN diperluas ke hospital awam lain. Selain LEAN, lebih daripada 100 inisiatif NBOS dan 1,432 inisiatif PSDT telah dilaksanakan untuk menangani pelbagai isu sosioekonomi dan menyediakan perkhidmatan awam yang lebih baik kepada rakyat. Inisiatif ini termasuklah Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan 1Malaysia Customer Service of Civil Servants (ISERVE).

Pembaharuan Kewangan Awam

SRI Pembaharuan Kewangan Awam terus memastikan pengoptimuman sumber Kerajaan melalui pengurusan

kewangan yang berhemat serta perluasan dasar percukaian negara untuk pengumpulan pendapatan yang adil dan berkesan. Usaha ini memastikan kedudukan fiskal kita ke arah bajet yang hampir seimbang, dengan perapatan jurang defisit fiskal kepada 3.0% pada tahun 2017. Pengurusan kewangan yang baik ini juga membolehkan Kerajaan menyalurkan perbelanjaan pembangunan dan bantuan awam dengan lebih berkesan kepada yang pihak-pihak yang memerlukan.

2020 DAN SELANJUTNYA

Kerajaan terus konsisten dan maju ke hadapan dengan agenda NTP dan fakta-fakta nyata membuktikan hal ini. Kejayaan NTP tidak mungkin dapat direalisasikan tanpa usaha keras penjawat awam dalam melaksanakan pembaharuan dan memastikan semua perubahan ini akan memberikan manfaat positif kepada semua rakyat Malaysia.

Dengan hanya dua tahun lagi dari tahun 2020, Kerajaan tetap teguh dan komited untuk meneruskan agenda NTP. Program ini telah terbukti membawa hasil yang positif dan kami yakin aspirasi untuk menjadi negara berpendapatan tinggi akan tercapai.

Sejajar dengan semangat transformasi, NTP menggalakkan ketelusan, wacana awam dan penglibatan dalam program pembangunan nasional. Oleh itu, Kerajaan telah memulakan perancangan masa depan melalui program Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk mengekalkan pertumbuhan Malaysia dari tahun 2020 hingga 2050. Melalui sesi penglibatan dengan pelbagai lapisan masyarakat tempatan termasuklah golongan profesional, pelajar, institusi awam dan swasta, aspirasi telah dikumpul dan disusun untuk memuktamadkan rangka kerja TN50 pada tahun 2017. Proses ini sejajar dengan usaha YAB Perdana Menteri untuk mewujudkan visi negara baharu yang pro-rakyat dan bottom-up.

Secara keseluruhannya, TN50 akan melonjakkan Malaysia untuk menjadi antara 20 negara teratas dalam pembangunan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi. Sebagai tambahan, Kerajaan akan terus meningkatkan penyampaian perkhidmatan untuk meghadapi cabaran yang akan datang dengan sasaran baharu ini. Malaysia semestinya akan berjaya dalam usaha transformasinya melalui usaha yang mampan, inklusif dan adil, selain menjadikan rakyat sebagai keutamaan dalam melaksanakan transformasi.



MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR

**MENYAMPAIKAN PERKHIDMATAN
PENGANGKUTAN AWAM
BERTARAF DUNIA DI BANDAR**



YB DATO' SRI LIOW TIONG LAI
Menteri Pengangkutan

Rangkaian pengangkutan awam yang baik boleh memanfaatkan pertumbuhan ekonomi, peningkatan penduduk dan pelbagai keperluan aktiviti bandar. Hasrat kita ketika merangka NKRA Pengangkutan Awam Bandar (Urban Public Transport, UPT) pada tahun 2010 adalah untuk mewujudkan rangkaian pengangkutan awam yang menarik dan mampan bagi mengatasi kesesakan lalu lintas, akses kepada perkhidmatan awam yang tidak sekata serta persepsi negatif terhadap perkhidmatan yang kurang meyakinkan. Semenjak itu, kita telah menggandakan nisbah mod pengangkutan awam kepada 20% berbanding tahun 2010, sekali gus membuktikan hasil kerja Kerajaan dalam pengangkutan awam bandar.

Permintaan untuk pengangkutan awam dijangka akan meningkat apabila Malaysia mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Transformasi ini didorong oleh pembinaan infrastruktur pengangkutan awam yang baharu seperti projek MRT yang dilancarkan sepenuhnya pada bulan Julai 2017 di samping peluasan dan penaiktarafan infrastruktur rel sedia ada seperti LRT dan KTM.

Banyak cabaran yang ditempuhi dalam usaha mempertingkatkan pengangkutan awam bandar. Namun, kita mesti terus melangkah ke hadapan bagi memastikan projek-projek disiapkan dalam tempoh yang dijadualkan untuk memenuhi keperluan rakyat. Sistem pengangkutan awam yang baik adalah penting bagi pembangunan dan pertumbuhan ekonomi yang berterusan. Pejabat Pengurusan Penyampaian (Delivery Management Office, DMO) NKRA UPT memainkan peranan penting dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan yang menyeluruh bagi membolehkan semua pihak bekerjasama dengan efektif. DMO juga telah menanamkan sikap proaktif dalam semua pihak yang terlibat supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil dengan segera, termasuk mengadakan sesi

penyelesaian masalah yang kerap, pengurusan pihak berkepentingan yang baik serta memudahkan proses membuat keputusan di peringkat dalaman.

Berpegang kepada wawasan Kementerian Pengangkutan dalam menerajui transformasi sistem pengangkutan yang bersepadu, cekap serta selamat, saya percaya bahawa pada masa hadapan, seluruh rakyat Malaysia akan dapat menikmati kemudahan pengangkutan awam bandar yang bertaraf dunia yang kita semua boleh banggakan.

**YB DATO' SRI NANCY SHUKRI**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Kerajaan berhasrat untuk melihat sistem pengangkutan awam Malaysia menjadi mod pilihan bagi penduduk bandar dan menyasarkan pengurangan kesesakan di bandar-bandar kita. Ini akan mempertingkatkan produktiviti kita dan juga menambah baik kualiti kehidupan masyarakat bandar serta daya huni bandar-bandar di Malaysia.

Dalam usaha ini, kerajaan telah mengambil pendekatan mesra pasaran yang mengutamakan keperluan pengguna pengangkutan awam terlebih dahulu. Ini dapat dilihat melalui pengenalan rang undang-undang yang mengesahkan perkhidmatan e-panggilan (*e-hailing*) sebagai respons kepada permintaan yang tinggi oleh orang ramai terhadap perkhidmatan tersebut. Hal ini meletakkan Malaysia antara negara pertama yang membolehkan perkhidmatan teksi serta e-panggilan untuk wujud seiringan secara adil dan telus. Ini juga turut menyumbang kepada peningkatan kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir.

Sebagai pengiktirafan terhadap usaha memodenkan sistem pengangkutan awam negara, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) telah menerima Anugerah Amalan Terbaik Antarabangsa (International Best Practices Award) daripada Persatuan Pengawal Pengangkutan Antarabangsa (International Association of Transport Regulators, IATR) bagi kategori Inovasi, Pembaharuan, dan Penyepaduan Pelbagai Mod Pengangkutan untuk Pelan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara dan Program Transformasi Industri Teksi pada Oktober 2017.

Pada tahun 2017, NKRA ini telah beralih daripada pelaporan pada waktu puncak pagi (7pagi - 9pagi) kepada pelaporan purata penumpang harian memandangkan ini merupakan kaedah pengukuran penggunaan pengangkutan awam yang lebih tepat dan digunakan secara meluas di peringkat global. Perubahan dalam metrik pelaporan ini membolehkan perangkaan penyelesaian yang lebih berkesan dalam meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Pelbagai inisiatif telah dilaksanakan sejak tahun 2010

untuk meningkatkan bilangan keseluruhan penumpang. Namun, sasaran untuk meningkatkan jumlahnya terus menjadi suatu cabaran kerana perkara ini memerlukan anjakan paradigma masyarakat Malaysia dalam memilih penggunaan pengangkutan yang tersedia. Walau bagaimanapun, kombinasi purata harian keseluruhan bagi rel dan bas masih meningkat sebanyak 4% kepada 1.21 juta pada tahun 2017 daripada 1.16 juta pada tahun sebelum ini.

Kesalinghubungan batuan terakhir adalah penting, walaupun ini bukan suatu tugas yang mudah. Sebagai contoh, projek Bus Rapid Transit (BRT) KL-Klang telah ditangguhkan setelah mengambil pertimbangan bahawa jajaran yang dicadangkan akan bertindan dengan laluan LRT3 yang kini sedang dalam pembinaan. Sebaliknya, perkhidmatan rel MRT dan LRT akan dipertingkatkan melalui penyediaan sistem bas pengantara yang lebih cekap dan menyeluruh.

Kita juga telah mengkaji ekosistem pengangkutan awam bandar bagi mengenal pasti cara untuk menarik pengguna dan memudahkan penggunaan pengangkutan awam bandar. Sehubungan dengan itu, SPAD bakal melancarkan aplikasi mudah alih Perancang Perjalanan (Journey Planner) pada awal tahun 2018 untuk memudahkan perjalanan seseorang individu ketika menggunakan pengangkutan awam.

Walaupun Kerajaan sedang bergerak ke arah penyempurnaan projek utama pengangkutan awam bandar, lebih banyak inisiatif penolak (*push*) diperlukan untuk menggalakkan lagi penggunaan pengangkutan awam bandar. Namun demikian, saya yakin bahawa keberhasilan yang telah dicapai setakat ini telah mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap kualiti dan keandalan rangkaian pengangkutan awam selaras dengan aspirasi negara menuju pencapaian status negara berpendapatan tinggi.



MEMPERTINGKATKAN TUNJANG RANGKAIAN PENGANGKUTAN AWAM REL GREATER KL/LEMBAH KLANG

Di setiap bandar global, rel bandar merupakan jaringan penting yang mengikat pelbagai mod pengangkutan awam yang berbeza. Disebabkan oleh kepelbagaian, kapasiti dan keandalannya, rel bandar memainkan peranan utama dalam rangkaian pengangkutan sesebuah bandar yang sedang berkembang dan dinamik.

Projek Peluasan Laluan LRT yang disempurnakan pada tahun 2016 telah menghubungkan Kelana Jaya dan Sri Petaling ke Putra Heights dengan penambahan 35km landasan rel baharu dan 23 stesen baharu ke rangkaian LRT. Gabungan dua perkhidmatan LRT Laluan Kelana Jaya dan Ampang Jaya juga telah membentuk satu rangkaian yang lancar. Kini, jumlah penumpang harian LRT telah meningkat sebanyak 4% daripada 439,985 pada tahun 2016 kepada 457,658 pada tahun 2017 bagi kedua-dua Laluan Kelana Jaya dan Ampang sekali gus menyumbang sebanyak 38% kepada jumlah keseluruhan penumpang pengangkutan awam pada tahun 2017.

“MRT merupakan mod perjalanan yang lebih mesra alam memandangkan MRT mengurangkan pengeluaran karbon melalui pengalihan kira-kira 160,000 kenderaan dari jalan raya Lembah Klang setiap hari.”

LRT3 merupakan sebuah projek Rancangan Pembangunan Rel Bandar (Urban Rail Development Plan, URDP) di bawah seliaan SPAD yang bertujuan menghubungkan dua juta penduduk dalam lingkungan koridor barat Lembah Klang dari Bandar Utama ke Johan Setia, Klang, menjelang tahun 2021. Pembinaan laluan baharu ini telah dimulakan dan akan menyalinghubung pelbagai elemen Pelan Induk Greater KL/Lembah Klang untuk membangunkan sebuah sistem pengangkutan awam bersepadu. Pemilik projek, Prasarana Malaysia Bhd, pada masa ini sedang menganugerahkan kontrak pembinaan projek dan memuktamadkan pelarasan jajaran tersebut.

Pelaksanaan operasi penuh Laluan 1 MRT (Sungai Buloh – Kajang, SBK) telah memangkinkan lagi pengangkutan awam bandar di Greater KL/Lembah Klang. Meskipun terdapat

cabaran seperti isu pemilikan tanah, projek mega sepanjang 51 kilometer tersebut telah disiapkan lebih awal daripada jadual dengan perbelanjaan yang lebih rendah daripada belanjawan. Laluan tersebut memberikan khidmat kepada koridor dari barat laut ke tenggara KL dengan kawasan tumpuan penduduk yang tinggi, iaitu lebih kurang 1.2 juta penduduk. Sehingga kini, Laluan SBK telah merekodkan purata 110,000 penumpang sehari dan ini adalah suatu kadar penggunaan yang memberangsangkan bagi sebuah mod pengangkutan awam yang baharu. Seperti pengangkutan rel yang lain, MRT merupakan mod perjalanan yang lebih mesra alam memandangkan MRT mengurangkan pengeluaran karbon melalui pengalihan kira-kira 160,000 kenderaan dari jalan raya Lembah Klang setiap hari. Berikutan penyediaan projek tersebut, laluan MRT SBK telah menjadi antara pilihan utama pengguna rel dan bas Greater KL/Lembah Klang.

Perkhidmatan KTM Komuter terus mencatat kadar ketibaan tepat pada masa sebanyak 95% (dalam lingkungan 10 minit masa ketibaan yang dijadualkan) pada waktu puncak pagi. Penambahbaikan dalam bentuk jarak kepala (*headway*) dan kekerapan sedang dinilai untuk menjadikan perjalanan dengan rel lebih mudah. Ini akan memerlukan penyediaan Projek Landasan Berkembar Lembah Klang (Klang Valley Double Track, KVDT), yang telah bermula pada tahun 2015, melibatkan pemuliharaan landasan serta penaiktarafan stesen dan sistem isyarat kereta api tertua di Greater KL/Lembah Klang.

Projek KVDT melibatkan pemuliharaan landasan sepanjang 40 kilometer di antara Rawang dan Salak Selatan, termasuk laluan Sentul dan Simpang Batu. Ini menandakan usaha KTM Berhad (KTMB) untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan KTM dan mengurangkan penangguhan serta pembatalan perkhidmatan. Projek ini dijadualkan siap pada tahun 2019 dengan fokus KTMB untuk menambah baik 16 stesen selain penaiktarafan sistem isyarat dan elektrifikasi yang sedia ada. Meskipun para penumpang dijangka mengalami gangguan dari semasa ke semasa ketika penaiktarafan dijalankan, SPAD mengawasi prestasi KTM bagi memastikan kerja-



Jumlah penumpang harian LRT bagi Laluan Kelana Jaya dan Ampang meningkat sebanyak 4% daripada 439,985 pada tahun 2016 kepada 457,658 pada tahun 2017.

kerja KVDT mempunyai impak yang minimum terhadap operasi dan masa ketibaan tren. Walau bagaimanapun, penyempurnaan projek ini dijangka mampu menambah baik perkhidmatan secara keseluruhan, terutamanya dari aspek maklumat jadual penumpang dan prestasi keselamatan untuk semua pengguna perkhidmatan kereta api KTM.

KL Monorel merupakan pengantara rel utama untuk perjalanan batuan terakhir bagi kebanyakan penumpang dalam lingkungan Kawasan Pusat Bandar (Central Business District, CBD) di Kuala Lumpur. Walau bagaimanapun, perkhidmatan ini sedang mengalami kesesakan dan memerlukan penaiktarafan dengan jumlah penumpang mencecah kapasiti dan permintaan penumpang dijangka terus meningkat. Kini, Prasarana sedang berusaha menangani isu kapasiti dan keselamatan dalam sistem monorel sedia ada dan telah menyediakan perkhidmatan bas sebagai alternatif kepada perkhidmatan rel. Selain itu, lima set tren empat gerabak yang telah dihentikan pada Mei 2017 atas faktor keselamatan telah beroperasi semula pada hujung tahun 2017. Rancangan sedang dirancang bagi memperoleh sembilan set tren empat gerabak tambahan untuk menggantikan empat set tren empat gerabak yang sedia ada menjelang akhir tahun 2019 bagi menambah kapasiti yang sangat diperlukan untuk perkhidmatan monorel.

MENGGIATKAN PERKHIDMATAN KESALINGHUBUNGAN BATUAN PERTAMA DAN TERAKHIR

Bas memainkan peranan yang penting dalam menyediakan kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir, membolehkan pengguna pengangkutan awam menikmati sepenuhnya rangkaian UPT untuk tiba ke destinasi masing-masing.

Inisiatif Penyusunan Semula Rangkaian Bas Berhenti-henti (Bus Network Revamp, BNR) merupakan rancangan Kerajaan untuk menggiatkan kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir yang meliputi lebih banyak kawasan di Greater KL/Lembah Klang bagi meningkatkan akses dan persepadaan penumpang dengan mod pengangkutan yang lain. Enam koridor bas terdahulu telah distruktur semula untuk menjadi lapan koridor dengan sistem nombor laluan bas yang lebih tersusun. Sejak pelaksanaan inisiatif ini pada Disember 2015, BNR telah berjaya menghasilkan 9% kenaikan penumpang untuk perkhidmatan bas henti-henti di Greater KL/Lembah Klang. Tambahan itu, 90% daripada semua pengendali telah meningkatkan



Laluan bas pengantara MRT menambah baik kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir.

perkhidmatan bas mereka dengan penaiktarafan bas pengantara yang baharu di bawah BNR.

Pada masa ini terdapat 11 pengendali bas henti-henti di kawasan Greater KL/Lembah Klang yang memberi perkhidmatan di 348 laluan setiap hari dan menyumbang kepada peningkatan penumpang bas henti-henti. Sejak pelaksanaan BNR, liputan perkhidmatan telah meningkat sebanyak 20.4% (daripada 7,643 km kepada 9,202 km), dengan pengenalan laluan baharu dan penyelarasan perkhidmatan yang bertindan. Pengendali bas juga turut meningkatkan kekerapan perjalanan bas untuk laluan yang mempunyai permintaan penumpang yang tinggi.

Laluan bas pengantara LRT dan MRT turut meningkatkan persepadaan rangkaian pengangkutan awam di bawah BNR dan menambah baik kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir. Tambang ditetapkan pada hanya RM1 dengan 192 bas pengantara yang memberi perkhidmatan di 49 laluan. Kekerapan bas adalah antara 10 ke 15 minit bergantung pada keadaan lalu lintas. Laluan bas biasanya tidak melebihi 10 kilometer menjadikan perkhidmatan bas pengantara lebih selesa dan tepat pada masa untuk para pengguna.

Cabaran utama yang dihadapi dalam menambah baik kesalinghubungan adalah kekurangan pemandu bas, terutamanya di Lembah Klang. Hal ini kerana pemandu yang memiliki lesen kenderaan berat lebih berminat untuk memandu bas ekspres atau kenderaan kargo. Namun demikian, Prasarana dan pengendali bas yang lain tetap meneruskan usaha untuk meningkatkan pengambilan pemandu bas, termasuk kajian semula penggajian dan faedah lain.

Walaupun inisiatif BNR telah terbukti berjaya, usaha-usaha untuk meningkatkan liputan perkhidmatan bas mesti diteruskan. Dengan wujudnya banyak projek pengangkutan, komersial dan perumahan baharu yang sedang berkembang di Greater KL/Lembah Klang, masih terdapat ruang untuk memperluas dan mengoptimumkan rangkaian perkhidmatan bas di sekitar bandar. SPAD



juga turut mengawasi operasi semasa BNR dalam usaha berterusan untuk meningkatkan kesalinghubungan bagi pengguna yang menggunakan perkhidmatan bas.

“Inisiatif Bus Network Revamp merupakan rancangan Kerajaan untuk menggiatkan kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir yang meliputi lebih banyak kawasan di Greater KL/Lembah Klang bagi meningkatkan penggunaan dan persepaduan penumpang dengan mod pengangkutan yang lain.”

Untuk meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam, Kerajaan telah memasang 4,547 panel maklumat bagi menambah baik penyediaan maklumat laluan dan jadual perjalanan bas henti-henti di semua 13 majlis tempatan di kawasan Greater KL/Lembah Klang antara tahun 2016 hingga 2017. Daripada jumlah tersebut, 3,257 telah dipasang dalam kawasan tumpuan tinggi penumpang pada tahun 2017 menjangkau sasaran pemasangan 3,000 panel setahun. Pada masa yang sama, usaha berterusan dijalankan oleh SPAD bagi menggalakkan majlis tempatan untuk menambah baik perhentian bas, laluan bas, keselamatan lalu lintas dan pejalan kaki.

Sehubungan itu, SPAD telah mengenal pasti 28 perhentian bas utama yang akan dibina oleh majlis tempatan (terutamanya MBPJ, MBSA, MPS dan DBKL) berdasarkan lokasi yang mempunyai kepadatan dan bilangan penumpang yang tinggi. Semua majlis tempatan telah

memberikan komitmen untuk membina perhentian bas ini pada tahun 2018 dan menambah baik akses pejalan kaki di sekitar kawasan perhentian bas. SPAD juga telah bekerja rapat dengan pihak DBKL untuk menguatkuasakan laluan bas di kawasan pusat bandar Kuala Lumpur melalui kempen kesedaran dan penguatkuasaan bersama. Walaupun 14 laluan bas telah dibina di KL sejak tahun 1997, kebanyakan pengguna jalan raya masih melakukan kesalahan dengan memandu kenderaan persendirian mereka di laluan bas yang telah ditetapkan disebabkan oleh kurangnya penguatkuasaan dan kesedaran.

Setakat tahun 2017, sejumlah lapan hab terminal dalam bandar yang juga dikenali sebagai Hentian Akhir Bandar (HAB), telah disiapkan sepenuhnya bagi memudahkan aliran lalu lintas dari pinggir bandar ke dalam bandar. Hab ini terdiri daripada HAB Pasar Seni, HAB Munshi Abdullah, HAB Jalan Silang, HAB Wira Damai, HAB PJS 3/2 dan HAB Seksyen 19. HAB Seksyen 17 dan HAB Jalan Othman telah disiapkan pada tahun 2017. Hab-hab ini menyepadukan pelbagai mod pengangkutan awam yang merangkumi bas dan teksi dengan menambah baik aliran lalu lintas di kawasan bas henti-henti serta menyediakan kemudahan dan laluan pejalan kaki.

Koridor BRT KL-Klang, yang telah dirancang untuk tiga jalan raya utama; iaitu Lebuhraya Persekutuan, Jalan Tun Sambanthan dan Jalan Syed Putra, telah ditangguhkan atas sebab jajaran yang dicadangkan bertindan dengan laluan LRT3 baharu selain cabaran kewangan dan pelaksanaan projek.

Perkhidmatan teksi merupakan satu lagi elemen penting dalam ekosistem kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir. Pada tahun 2016, Kerajaan telah mengambil tindakan berani dengan memperkenalkan Program Transformasi Industri Teksi (TITP) bagi tujuan mewujudkan pembaharuan yang adil dan saksama demi memberi manfaat kepada pemandu, pengendali dan juga penumpang.



2,460 lesen baharu untuk teksi perseorangan diluluskan, dengan 581 pemandu telah menerima geran tunai sebanyak RM5,000 untuk membeli teksi baru yang merupakan sebahagian daripada inisiatif di bawah Program Transformasi Industri Teksi (TITP).



Bas-bas dua tingkat yang dikendalikan oleh Prasarana di beberapa laluan di Kuala Lumpur.

Pada tahun 2017, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan dana baharu sebanyak RM183 juta untuk memberi pemandu teksi individu geran sebanyak RM5,000 untuk membeli kenderaan baharu untuk digunakan sebagai teksi di bawah platform e-panggilan. Inisiatif ini akan mengambil masa lima tahun dan dijangkakan untuk memanfaatkan lebih 30,000 pemandu teksi sedia ada. TITP telah meluluskan sebanyak 2,460 lesen teksi individu yang baharu, dengan 581 pemandu telah menerima geran tersebut.

“Usul pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang telah dibentangkan oleh SPAD untuk memasukkan perkhidmatan e-panggilan telah diluluskan oleh Parlimen pada 15 Ogos 2017.”

Pada 31 Mac 2017, SPAD menetapkan dasar baharu untuk membenarkan lebih banyak jenis kenderaan yang boleh digunakan sebagai teksi, sekali gus memberikan lebih keselesaan dan keselamatan kepada penumpang di samping menggalakkan pemandu teksi untuk bersaing secara sihat dengan penyedia perkhidmatan e-panggilan. TITP juga telah menetapkan standard minimum untuk kontrak “pajak” teksi bagi memastikan layanan yang adil kepada syarikat dan pemandu, serta telah memperkenalkan program latihan yang lebih mantap untuk pemandu teksi dan e-panggilan yang berfokuskan kepada khidmat pelanggan.

Dalam mengurus pasaran baharu e-panggilan, usul pindaan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 yang telah dibentangkan oleh SPAD untuk memasukkan perkhidmatan e-panggilan telah diluluskan oleh Parlimen pada 15 Ogos 2017. Pada masa yang sama, butiran terperinci peraturan dan dasar perkongsian perjalanan telah dirangka oleh SPAD dan akan dikuatkuasakan pada awal 2018. Penguatkuasaan ini akan membolehkan perkhidmatan teksi dan e-panggilan untuk wujud secara seiringan. Malaysia mengikuti peredaran zaman dan merintis laluan untuk hasil yang positif bagi industri teksi secara menyeluruh dengan penerimaan TITP serta membolehkan penggunaan sistem e-panggilan.

Sebelum pelaksanaan peraturan e-panggilan, SPAD telah memulakan langkah pra-pendaftaran bagi pemandu e-panggilan dari 26 Jun hingga 30 September 2017, dengan mengutamakan pemeriksaan latar belakang yang ketat. Di bawah dasar e-panggilan, pengendali e-panggilan seperti Uber dan Grab dikehendaki mendapatkan Lesen Perniagaan Pengantaraan (Intermediation Business Licences, IBL) daripada SPAD untuk beroperasi. Pemegang lesen IBL dikehendaki mematuhi beberapa syarat operasi, seperti:

- Menyediakan perlindungan insurans e-panggilan yang menyeluruh untuk pemandu, penumpang, kenderaan dan pihak ketiga;
- Memastikan pemandu dan kenderaan mereka mematuhi peraturan sepanjang waktu dan juga melakukan saringan latar belakang yang ketat berhubung dengan rekod jenayah, kesihatan dan saman;
- Setiap pemandu mesti memiliki kad pemandu digital yang sah;
- Melakukan pemeriksaan tahunan kenderaan; dan
- Memberi kerjasama sepenuhnya dengan pihak berkuasa berkaitan dengan perkongsian data, penyiasatan kejadian dan semakan audit secara rawak.

Selain itu, seiring dengan matlamat baharu industri, Sistem Perkhidmatan Teksi Berpusat (Centralised Taxi Service System, CTSS), kini dikenali sebagai Sistem Pengawasan Prestasi Teksi (Taxi Performance Monitoring System, TPMS), telah disemak semula untuk memasukkan perkhidmatan e-panggilan. Manakala, skop baharu sistem perkhidmatan teksi akan melibatkan penggantian meter analog kepada meter digital. Walau bagaimanapun, konsep dan dasar e-panggilan sedang dikaji lagi bagi menjamin kejelasan sebelum pelaksanaan TPMS boleh dimulakan. Sehingga itu, SPAD akan terus mengurus dan memantau TPMS.



MENJADIKAN PENGANGKUTAN AWAM SUATU PILIHAN YANG MENARIK

Meskipun beberapa projek berimpak tinggi UPT telah pun siap setakat tahun 2017, rakyat juga perlu memainkan peranan mereka dalam memastikan kejayaan pengangkutan awam bandar di Greater KL/Lembah Klang. Selain bertanggungjawab terhadap aset UPT, rakyat harus memilih untuk menggunakan pengangkutan awam berbanding dengan kenderaan persendirian.

Ini bermakna mereka perlu memberi komitmen dengan meninggalkan kereta di rumah atau di tempat letak kenderaan yang disediakan ketika menggunakan pengangkutan awam. Perkara ini juga memerlukan peralihan secara berperingkat seperti mencuba perkhidmatan bas untuk ke destinasi yang dikehendaki pada hujung minggu atau menaiki pengangkutan awam sekurang-kurangnya sekali dalam seminggu.

Bagi tujuan ini, SPAD akan melancarkan aplikasi mudah alih Perancang Perjalanan secara percuma untuk orang ramai pada suku pertama 2018. Aplikasi ini telah direka

dengan usaha sama semua pengendali bas dan rel. Dengan Perancang Perjalanan ini, orang ramai kini boleh mengakses maklumat berkaitan pengangkutan awam bersepadu seperti waktu ketibaan, jadual, pilihan perjalanan dan notifikasi masa sebenar dengan menggunakan telefon pintar mereka. Pengguna juga boleh merancang perjalanan mereka berdasarkan kriteria yang dipilih seperti laluan terpantas, pertukaran paling sedikit atau laluan yang memerlukan perjalanan kaki yang paling minimum. Aplikasi Perancang Perjalanan dijangka mampu merangsang permintaan terhadap pengangkutan awam melalui maklumat perjalanan bagi semua rangkaian pengangkutan awam secara menyeluruh.

“Sistem Pembayaran Umum Bersepadu bakal mengurangkan halangan bagi pertukaran antara mod pengangkutan awam.”

Peluasan sistem pengangkutan awam secara berterusan di Greater KL/Lembah Klang telah menyebabkan penambahan rangkaian yang semakin kompleks yang memerlukan penyepaduan yang lebih baik merentas semua mod pengangkutan. Sebagai respons terhadap



Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Ab Aziz Kaprawi melancarkan Kutipan Tambang Automatik (AFC) bersempena Sukan Asia Tenggara (SEA) KL 2017.



Park 'n Ride (PnR) memudahkan pengguna kenderaan persendirian untuk meneruskan perjalanan mereka melalui mod pengangkutan awam.

perkara ini, Kerajaan telah mewujudkan Sistem Pembayaran Umum Bersepadu (Integrated Common Payment System, ICPS), iaitu sebuah sistem tiket untuk semua pengendali kereta api dan bas henti-henti di Lembah Klang. Objektif sistem ini adalah untuk mengurangkan halangan bagi pertukaran antara mod pengangkutan awam serta menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang lebih giat melalui penetapan harga yang lebih optimum. Fasa pertama projek ini (sehingga pertengahan 2019) akan bertumpu kepada perkhidmatan rel bandar dan seterusnya akan diperluas kepada perkhidmatan bas henti-henti bagi membolehkan penyepaduan yang lancar dengan mod rel pada masa hadapan.

Inisiatif ini yang terdiri daripada pembangunan pusat tempat penjelasan untuk transit dan penyepaduan antara pengendali transit, pengeluaran kad dan sistem saluran bayaran yang lain telah berjaya disempurnakan sebanyak 61% pada tahun 2017. ICPS menggunakan teknologi Europay MasterCard Visa (EMV) dan Near Field Communication (NFC), yang membolehkan penggunaan Touch 'n Go, kad bank tanpa sentuh EMV, pembayaran melalui telefon mudah alih serta kaedah lain yang boleh disesuaikan untuk keperluan masa hadapan.

Kerja pemasangan dan penyepaduan merupakan fasa projek yang paling kritikal, di mana 20 bulan adalah diperlukan untuk menyiapkan kerja-kerja yang melibatkan pelbagai pihak. Fasa ini merangkumi pemasangan 6,200 pembaca ICPS di pagar automatik stesen, mesin tiket layan diri dan peralatan lain di semua 190 stesen dan juga sistem penyepaduan antara penyelesaian teras ICPS

dengan lima sistem bahagian belakang (*back-end*) di bawah Prasarana, MRT, KTM Komuter, Touch 'n Go dan pengendali pembayaran dalam talian di bawah Paynet untuk kad bank. Setiap pihak perlu menambah baik sistem bahagian belakang masing-masing untuk tujuan penyepaduan dan memerlukan pelaksanaan secara berperingkat bagi mengelakkan risiko dan gangguan perkhidmatan. Oleh itu, pelancaran ICPS yang dijadualkan pada tahun 2018 telah dianjak ke Jun 2019.

“Lebih banyak PnR telah dibina di lokasi strategik di sepanjang rangkaian rel Greater KL/Lembah Klang dengan jumlah melebihi 20,000 ruang letak kereta.”

Dengan kerja penyepaduan ICPS yang sedang dijalankan, orang ramai bakal menikmati penggunaan satu kad yang sama bagi perkhidmatan Prasarana (termasuk rel dan bus), MRT dan KTMB pada tahun 2018. Tambahan pula, penyepaduan penuh dengan kad yang sama dan kad bank MyDebit serta pembayaran mudah alih akan dapat direalisasikan menjelang Jun 2019.

Sementara itu, penyepaduan sistem Kutipan Tambang Automatik (AFC) menggunakan Touch 'n Go telah pun siap dan dilancarkan pada 24 Ogos 2017 bersempena dengan temasya Sukan Asia Tenggara (SEA) KL 2017. Pelaksanaan AFC ini telah melibatkan 13 buah stesen, antaranya stesen KTM Bank Negara, Subang, KL Sentral




dan Bandar Tasik Selatan yang menyalinghubung dengan perkhidmatan laluan Ampang, Sri Petaling atau Kelana Jaya ke Stadium Bukit Jalil.

Kemudahan Park 'n Ride (PnR) telah dikenal pasti sebagai satu lagi komponen penting dalam menarik penggunaan pengangkutan awam. Ia memudahkan pengguna kenderaan persendirian untuk meneruskan perjalanan mereka melalui mod pengangkutan awam. Untuk tujuan tersebut, lebih banyak PnR telah dibina di lokasi strategik di sepanjang rangkaian rel Greater KL/Lembah Klang dengan jumlah melebihi 20,000 ruang letak kereta. Pada tahun 2017, tempat letak kereta baharu telah dibina di Klang dan Rawang dan masing-masing dijangka siap pada tahun 2018 dan 2019. Di bawah MOT, 2,759 ruang letak kereta telah dibina di lapan PnR termasuk Salak Tinggi, Taman Bahagia, Taman Jaya, Taman Paramount, UKM dan Nilai.

Pengendali pengangkutan awam juga telah mengambil langkah proaktif dalam menyediakan kemudahan PnR. Sehingga 2017, Prasarana telah menyediakan ruang letak kereta di rangkaian LRT sebanyak 10,102, dan 4,091 telah

INDEKS KEPUASAN PELANGGAN



disiapkan pada tahun 2017. Purata penggunaan PnR untuk LRT ialah 79%, dengan 15 daripada 31 stesen mencatat 100% kadar penggunaan. Sebagai contoh, PnR LRT di stesen Glenmarie (569 tempat letak kereta) dan Putra Heights (452 tempat letak kereta) beroperasi pada

Testimoni Pengguna Pengangkutan Awam

Nora binti Ahmad

Nora, seorang profesional yang bekerja di sebuah institusi perbankan menggunakan perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT) setiap hari untuk ke tempat kerjanya sejak Julai 2017. "Sebelum menaiki MRT, saya memandu atau menaiki Transit Aliran Ringan (LRT) untuk ke tempat kerja," jelasnya.

Kini, walaupun beliau tetap perlu memandu ke stesen MRT, perkhidmatan ini amat memudahkan perjalanannya. Beliau mendapati bahawa MRT adalah suatu alternatif untuk perjalanan harian yang pantas, boleh dipercayai dan berpatutan dari segi kos. "Setakat ini, secara umumnya pengalaman saya menggunakan MRT amat baik."

Nora berpendapat bahawa walaupun sistem pengangkutan awam di wilayah Greater KL / Lembah Klang maju dengan stabil, terdapat beberapa aspek yang boleh ditambah baik, antaranya laluan bas pengantara MRT. "Antara penambahbaikan yang boleh dibuat adalah perancangan laluan bas pengantara yang bergerak dua hala untuk kemudahan para pengguna agar mereka tidak perlu melalui keseluruhan laluan bas tersebut apabila perhentian mereka hanya satu perhentian dari stesen," ujarnya.



Beliau juga menyeru para pemandu yang memandu bersendirian untuk mempertimbangkan penggunaan pengangkutan awam untuk ke tempat kerja bagi mengelakkan pembayaran yuran letak kereta yang mahal, terutamanya jika mereka bekerja di tengah-tengah bandar KL.

"Saya berharap akan ada lebih banyak lagi laluan dan sambungan MRT, dan saya juga berharap perancangan bas pengantara akan ditambah baik. Penambahbaikan ini akan menarik lebih ramai orang untuk menaiki pengangkutan awam."

kapasiti penuh dan telah berjaya menarik penumpang dari luar KL untuk menggunakan pengangkutan awam. Dengan pelancaran penuh laluan MRT SBK pada 2017, 14 tempat letak kereta bertingkat dan terbuka dengan 8,000 ruang letak kereta telah dibina di beberapa stesen di sepanjang laluan. Juga dalam perancangan ialah tambahan 5,275 ruang letak kereta di 11 stesen di sepanjang laluan LRT3 yang dijadualkan siap pada 2020.

Parkway Dropzone (PDZ) telah dibina di stesen kereta api dengan jumlah penumpang yang ramai untuk penyepaduan yang lebih baik dengan infrastruktur sedia ada seperti perhentian bas dengan laluan pejalan kaki berbumbung, penghubung pejalan kaki untuk penumpang sampai ke stesen dan kemudahan transit untuk penumpang bas atau teksi menaiki kereta api bagi menggalakkan perkongsian kereta. PDZ juga merupakan suatu kemudahan transit untuk penumpang bas dan teksi untuk menaiki perkhidmatan rel. Tiga PDZ telah dirancang dan sebuah PDZ telah siap pada tahun 2016 (PDZ Kg. Dato' Harun) dan sebuah lagi PDZ siap pada tahun 2017 (PDZ Serdang). PDZ Batu Tiga akan siap pada tahun 2018 dengan kelewatan disebabkan oleh cabaran penyelarasan dan kerjasama antara pihak yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan.

Mesyuarat penyelarasan secara berkala dengan agensi yang berbeza, pihak berkuasa tempatan dan pihak berkepentingan yang terlibat dalam perancangan dan pelaksanaan telah diadakan untuk menyelesaikan cabaran tersebut. Sementara itu, isu-isu yang relevan juga dikemukakan pada peringkat DMO hingga ke Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan untuk mempercepatkan tatacara dan proses kelulusan. Selain itu, perjumpaan berterusan diadakan bersama-sama dengan penduduk dan pengguna untuk mendapatkan maklum balas dan kerjasama mereka ketika menghadapi ketidakselesaan seperti kebisingan, debu serta kesesakan lalu lintas dan pejalan kaki sepanjang tempoh pembinaan.

Terminal Pengangkutan Bersepadu Gombak (Integrated Transport Terminal, ITT) akan menjadi hab bagi semua bas antara bandar yang beroperasi di laluan KL-Pantai Timur. Ia kini menunjukkan perkembangan selepas menghadapi pelbagai cabaran dari segi teknikal dan pemilikan tanah. Penempatan semula utiliti dan kerja tanah telah bermula pada tahun 2017 sementara pelebaran jalan MRR2 diperlukan untuk mengurangkan kesesakan dan memudahkan akses bas ke ITT. ITT Gombak dijangka siap pada tahun 2019.

Kerajaan telah mengambil pendekatan untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam secara berperingkat. Langkah pertama yang telah diambil adalah untuk meningkatkan kapasiti melalui pembangunan infrastruktur pengangkutan awam. Kerajaan kini juga sedang merencanakan kapasiti penggunaan pengangkutan awam dengan menggalakkan lebih ramai pengguna berubah daripada mod persendirian kepada pengangkutan awam melalui penggunaan faktor penolakan (*push*).

Pada tahun 2017, agensi pengangkutan awam dan pihak berkuasa tempatan mula melaksanakan cadangan daripada Bengkel Pengurusan Lalu Lintas 2016 dengan memperkenalkan secara berperingkat faktor penolakan (*push*) seperti mengkaji semula kadar bayaran tempat letak kereta awam dan pengurangan ruang letak kereta di pinggir jalan selain memperkukuh penguatkuasaan letak kereta di kawasan pusat bandar (CBD) KL. DBKL juga telah mewujudkan beberapa zon 'bebas kereta' seperti di Jalan Petaling dan Jalan Masjid India serta memperkenalkan Pagi Bebas Kereta KL pada setiap hari Ahad pertama dan ketiga setiap bulan di jalan-jalan utama sekitar Kuala Lumpur. Langkah ini merupakan langkah yang tepat bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam yang berterusan di CBD KL dan membantu mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas. Di samping itu, SPAD terus bekerjasama dengan DBKL untuk memperkukuh penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan laluan bas dan teksi supaya dapat membantu mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar dengan memudahkan pergerakan kenderaan pengangkutan awam.

Bengkel Penumpang Pengangkutan Awam juga telah diadakan pada Mei 2017 untuk mengenal pasti lebih banyak cara untuk meningkatkan penumpang pengangkutan awam di Greater KL/Lembah Klang. Bengkel ini menggariskan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan dan mengekalkan pengguna pengangkutan awam dengan memperbaiki keandalan, keselesaan dan harga mampu bayar perkhidmatan bas dan rel di Greater KL/Lembah Klang. 13 inisiatif telah berjaya digariskan hasil rumusan bengkel ini. Lima daripada inisiatif tersebut telah dilaksanakan pada tahun 2017, yang merangkumi pengenalan pakej tambang menarik dan kerjasama antara peniaga dan komuniti tempatan untuk kesalinghubungan batuan pertama dan terakhir bagi menggalakkan perkhidmatan pengangkutan awam. Pada Ogos 2017, Prasarana dan ERL telah melancarkan tiket pengangkutan KL TravelPass yang telah ditambah baik bagi membolehkan penumpang menikmati pertukaran lapangan terbang KLIA Ekspres pada harga diskaun beserta dengan penggunaan perkhidmatan rel Rapid KL dua hari tanpa had. Untuk merapatkan jurang batuan pertama dan terakhir perkhidmatan rel, pengendali rel dan e-panggilan juga turut bekerjasama dalam melaksanakan pelbagai promosi dan diskaun untuk pengguna pengangkutan awam.

SPAD akan terus bekerja keras bagi memastikan kesemua 13 inisiatif berjaya dilaksanakan, sekali gus menjamin peningkatan jumlah penumpang pengangkutan awam serta memperbaiki penggunaan semua mod pengangkutan awam di kawasan Greater KL/Lembah Klang. Bagi tahun 2018, inisiatif yang sedang dipertimbangkan termasuk pengecualian cukai untuk pengguna pengangkutan awam, dan juga penaiktarafan perhentian bas serta sistem pembayaran.



Perancangan Perjalanan Lebih Mudah dengan Aplikasi myJourney oleh SPAD

Pembangunan aplikasi perancang perjalanan 'myJourney' adalah sebahagian daripada usaha yang dilaksanakan oleh pihak Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk memudahkan pengguna pengangkutan awam. Idea untuk membangunkan aplikasi ini dicetuskan pada tahun 2015 dengan tujuan untuk membantu para pengguna untuk merancang perjalanan menggunakan pengangkutan awam dalam kawasan Greater KL/Lembah Klang. Kandungan aplikasi ini meliputi perkhidmatan bas dan kereta api serta menampilkan maklumat masa nyata perkhidmatan bas dan KTM Komuter.

Pengurus projek pembangunan aplikasi myJourney adalah Nurul Asyikin Abdul Razak dari Unit Mobiliti SPAD. Selain daripada tugas-tugas pengurusan, beliau juga menerajui usaha mengumpul maklum balas mengenai aplikasi tersebut daripada pihak-pihak berkepentingan, serta bekerja rapat dengan pemaju aplikasi untuk menangani isu-isu teknikal yang dihadapi. "Saya juga terlibat dalam reka bentuk aplikasi ini dan hasilnya adalah apa yang anda dapat lihat pada hari ni. Reka bentuk tersebut juga diaplikasikan kepada laman sesawang Journey Planner dan aplikasi mudah alih," jelas Nurul.



Menurut Nurul, antara ciri utama myJourney adalah ciri perancang perjalanan, paparan jadual serta info terkini tentang perkhidmatan. "Ciri 'perancang perjalanan' adalah ciri utama myJourney. Para pengguna boleh memasukkan destinasi yang mereka ingin tuju dan aplikasi ini akan memaparkan pilihan perjalanan yang terbaik. Pilihan ini juga boleh disusun berdasarkan masa perjalanan paling pantas, tambang paling murah atau jarak perjalanan paling pendek. Pengguna juga boleh melihat jadual mod pengangkutan pilihan mereka di bawah ciri 'jadual'. Tambahan lagi, terdapat juga ciri 'info terkini' di mana para operator boleh memaklumkan sebarang gangguan perkhidmatan and aplikasi ini akan memberikan pilihan perjalanan lain kepada pengguna."

Proses pembangunan aplikasi perancang perjalanan ini juga ada cabarannya. Antara cabaran utama adalah dalam memastikan perjalanan yang dirancang adalah perjalanan yang terbaik bagi setiap perjalanan yang dicadangkan oleh aplikasi ini. Memandangkan aplikasi ini merangkumi semua mod pengangkutan dan semua operator, beratus-ratus kombinasi boleh terhasil daripada satu carian. Nurul berkata, terdapat juga cabaran-cabaran teknikal. "Proses mendapatkan maklumat berjadual daripada para operator agak mudah, namun agak sukar untuk kami mendapatkan maklumat masa nyata. Oleh itu, semua hentian bas di Greater KL/Lembah Klang dikenal pasti dan ditandakan dengan ID unik. SPAD juga telah membangunkan Sistem Pemantauan Prestasi Hab (PMHS) yang terletak di ibu pejabat kami untuk memantau prestasi perkhidmatan bas. Semua data dari PMHS kemudiannya dihantar ke platform myJourney. Selain itu, SPAD juga telah mengintegrasikan server myJourney dan KTMB untuk memperoleh data masa nyata perkhidmatan KTM Komuter."

Nurul dan pasukan SPAD yang bertanggungjawab membangunkan aplikasi myJourney akan terus menambah baik aplikasi tersebut apabila lebih banyak data berkenaan pengangkutan awam diperolehi, terutamanya dari laluan sambungan LRT3, laluan MRT SSP dan perkhidmatan bas dan kereta api baharu. "Adalah harapan saya agar aplikasi myJourney SPAD ini akan menjadi pilihan utama para pengguna untuk merancang perjalanan mereka. Saya berharap aplikasi ini dapat memainkan peranan dalam pengumpulan data mengenai pengguna pengangkutan awam di Malaysia agar SPAD dapat menambah baik rancangan SPAD untuk pengangkutan awam." Aplikasi ini dijangka akan dilancarkan kepada awam pada tahun 2018.

Testimoni Pengguna Pengangkutan Awam

Nurul Fatiah Abdul Aziz



Nurul Fatiah Abdul Aziz, seorang siswazah Universiti Malaysia Sabah berusia 23 tahun, sering menggunakan gabungan perkhidmatan perkongsian pengangkutan – termasuklah LRT atau MRT serta bas – untuk ke NGO alam sekitar di mana dia kini menjadi sukarelawan. “Sebelum ini, saya memandu ke tempat kerja bersama rakan, atau abang saya menghantar saya. Namun kini saya tidak ada kawan yang tinggal berdekatan jadi ianya lebih mudah jika saya menggunakan pengangkutan awam,” jelasnya.

Menurut Fatiah, pengangkutan awam lebih mudah diramal dan menepati masa berbanding memandu. Ini membolehkan Fatiah menganggarkan masa ketibaannya dengan tepat. “Sebagai contoh, jika saya menaiki MRT, saya sudahpun tahu berapa tempoh perjalanan antara setiap stesen jadi saya akan dapat mengagak berapa lama perjalanan saya. Jika saya memandu, kadang kala saya akan tersangkut dalam kesesakan yang tidak dijangka.”

Selain itu, Fatiah juga mendapati bahawa menaiki pengangkutan awam lebih murah. “LRT dan MRT merupakan alternatif yang lebih murah untuk saya. Kadang kala saya akan memandu ke tempat kerja

tetapi perbelanjaan untuk petrol menelan belanja yang banyak. Dengan menaiki pengangkutan awam, saya tidak perlu menghabiskan masa dalam kesesakan lalu lintas dan tidak perlu risau tentang mencari tempat untuk meletakkan kereta,” tambah beliau.

Meskipun pengalamannya menaiki LRT dan MRT amat baik, Fatiah merasakan terdapat banyak ruang untuk menambah baik perkhidmatan bas, terutamanya di negeri-negeri lain. “Bilangan bas di Greater KL/ Lembah Klang boleh ditambah bagi membolehkan lebih ramai rakyat menggunakan perkhidmatan ini. Di negeri-negeri lain pula, saya berharap perkhidmatan bas dapat ditambah baik dan dijadikan lebih cekap. Sebagai contoh, di Sabah bas-bas lama atau van masih digunakan.

“Saya mempunyai ramai rakan sekerja yang tinggal di luar Lembah Klang dan ramai daripada mereka memilih untuk menggunakan LRT/MRT kerana kosnya lebih murah.”

Fatih berpendapat bahawa lebih ramai rakyat di Greater KL/Lembah Klang perlu mula menggunakan pengangkutan awam dengan lebih kerap. “Beralih kepada penggunaan pengangkutan awam akan memberi banyak manfaat kepada alam sekitar kerana kita akan dapat mengurangkan pencemaran udara dan bunyi, lantas meningkatkan kesihatan kita. Saya juga mempunyai ramai rakan sekerja yang tinggal di luar Lembah Klang dan ramai daripada mereka memilih untuk menggunakan LRT/MRT kerana kosnya yang lebih murah. Jika mereka memandu ke tempat kerja, kosnya mencecah RM50 untuk petrol setiap minggu. Menaiki pengangkutan awam mengurangkan perbelanjaan sebanyak hampir separuh jumlah tersebut.”



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Banyak projek berimpak tinggi telah disiapkan dan dengan ketara telah mengubah lanskap pengangkutan awam bandar di Greater KL/Lembah Klang. Kerajaan berhasrat meningkatkan nisbah mod pengangkutan awam dan hal ini telah berjaya dicapai dengan peningkatan nisbah mod daripada hanya 10% pada tahun 2010 kepada 20% pada tahun 2015. Walau bagaimanapun, peningkatan selanjutnya dalam nisbah mod pengangkutan awam berbanding dengan pengangkutan persendirian akan bergantung kepada perubahan mentaliti orang ramai terhadap pengangkutan awam.

Nisbah mod pengangkutan awam:

Year	2010	2015	2020	2030
Nisbah Mod Pengangkutan Awam	10%	19.6%	25% (sasaran)	40% (sasaran)

Sumber: Tinjauan GKL LPT 2015 (SPAD)

Kajian Pengangkutan Awam akan dijalankan pada 2018 oleh SPAD untuk mendapatkan ukuran yang lebih jelas mengenai impak keseluruhan inisiatif pengangkutan awam bandar di Greater KL/Lembah Klang selepas tujuh tahun perkembangan NTP. Sasaran untuk mencapai nisbah mod sebanyak 25% menjelang tahun 2020 dan 40% menjelang tahun 2030 akan terus menjadi suatu cabaran. SPAD, yang berfungsi sebagai badan pengawal selia yang memantau NKRA, juga telah menetapkan sasaran purata penumpang harian pengangkutan awam di kawasan Greater KL/Lembah Klang berjumlah 1.6 juta menjelang tahun 2020. SPAD akan terus berusaha melalui pelbagai inisiatif, antaranya mengembangkan kapasiti dan pengurusan permintaan perjalanan yang akan membantu merealisasikan sasaran ini.

Kerjasama rakyat adalah penting untuk merealisasikan sepenuhnya cita-cita NKRA UPT. Rakyat mesti melibatkan wakil tempatan mereka dan pengendali pengangkutan awam untuk meningkatkan akses kepada pengangkutan awam. Langkah-langkah yang boleh disarankan adalah seperti penyediaan perkhidmatan yang lebih kerap, pembinaan perhentian bas baharu, kemudahan PnR dan laluan pejalan kaki serta pencahayaan yang lebih baik di sekitar perhentian dan stesen. Rakyat juga mesti berkongsi tanggungjawab dalam menjaga kemudahan awam yang disediakan, seperti panel maklumat bas dan aset pengangkutan awam bagi mengekalkan fungsi rangkaian dan infrastruktur ini untuk generasi akan datang.

Memandangkan sistem pengangkutan awam menjadi semakin andal, selesa dan mudah diakses dengan kesalinghubungan yang lebih baik, usaha ke arah meningkatkan permintaan perjalanan perlu dirancarkan untuk meningkatkan daya tarikan penggunaan pengangkutan awam berbanding dengan kenderaan persendirian. Strategi baharu dalam bergerak ke hadapan akan mengkaji isu mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Tugas yang terhampar di hadapan bukannya mudah, namun tetap perlu dilaksanakan untuk mencapai aspirasi NKRA UPT bagi tahun 2020 dan seterusnya.



**MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH
BERPENDAPATAN RENDAH**



**MENEMPA TRANSFORMASI
YANG INKLUSIF**



YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Tahap kemiskinan yang rendah merupakan penanda sesebuah negara berkembang maju. Sebagai agenda utama di bawah NTP dan sejajar dengan transformasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi, Kerajaan komited untuk meningkatkan kesamarataan pendapatan dengan memastikan keterangkuman ekonomi bagi isi rumah berpendapatan rendah dan menghapuskan kemiskinan. Sejak NKRA ini dilaksanakan, Malaysia telah mencatat pengurangan tahap kemiskinan yang ketara iaitu daripada hampir 4% pada tahun 2009 kepada 0.4% sahaja pada tahun 2016.

Pencapaian ini dipacu oleh beberapa program seperti 1Akhiri Zaman Miskin (1AZAM), yang bertujuan menggalakkan keusahawanan dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah untuk meningkatkan pendapatan mereka. Pada masa ini, 100,420 peserta, iaitu 91% daripada semua peserta setakat ini, telah mencatat peningkatan pendapatan sebanyak sekurang-kurangnya RM300 dalam mana-mana tiga bulan sepanjang tempoh menyertai program 1AZAM dalam tahun taksiran. Di samping itu, hasil Kajian Penilaian Keberkesanan Program 1AZAM yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pada tahun 2016 menunjukkan peratusan peserta 1AZAM yang dikategorikan sebagai "miskin" menurun daripada 89.17% pada tahun 2009 kepada 58.69% pada tahun 2016, iaitu pengurangan sebanyak 30.48%.

Peserta yang berjaya dalam program 1AZAM akan terus diperkasa melalui program Beyond 1AZAM, yang membolehkan perniagaan mereka dikembangkan dengan penyediaan latihan dan sokongan keusahawanan, akses kepada pembiayaan perniagaan mikro dan kecil serta bimbingan tambahan. Program tersebut dilancarkan pada tahun 2015 dengan 1,511 peserta dan kini mencatat jumlah keseluruhan peserta sebanyak 5,674 orang.

Selain itu, program e-Rezeki dan e-Usahawan yang masing-masing telah dilancarkan pada tahun 2016 dan 2017 membolehkan peserta meraih pendapatan tambahan melalui platform digital dan memberi akses untuk memanfaatkan peluang melalui ekonomi digital.

Usaha untuk membasmi kemiskinan sememangnya tidak pernah mudah, dan saya memuji semua rakan agensi yang telah memainkan peranan yang proaktif dalam membantu kelompok yang paling mudah terjejas. Sokongan mereka yang tidak pernah luntur telah membuka peluang baharu yang lebih baik buat kumpulan B40 untuk menamatkan kitaran kemiskinan. Meskipun menghadapi pelbagai ranjau dan cabaran di sepanjang jalan, Kerajaan akan terus menerapkan inovasi dan kemajuan teknologi untuk merealisasikan matlamat NKRA ini.

MENYEDIAKAN PELUANG PENJANAAN PENDAPATAN KEPADA ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH

Antara KPI utama bagi program 1AZAM adalah untuk meningkatkan pendapatan bulanan peserta program, di mana kemajuan diukur dengan membandingkan pendapatan peserta sebelum dan selepas menerima pelbagai sokongan yang disediakan oleh program tersebut. Peserta dianggap telah meraih manfaat daripada program 1AZAM sekiranya pendapatan mereka meningkat sebanyak minimum RM300 sebulan dalam mana-mana tiga bulan sepanjang tempoh menyertai program 1AZAM. Pada tahun 2017, seramai 5,708 orang daripada sasaran 5,150 peserta telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka sekurang-kurangnya RM300, menjadikan jumlah peserta yang berjaya seramai 100,420 orang sejak tahun 2012.

Peserta yang berjaya dalam program 1AZAM diberi pengukuhan selanjutnya melalui program susulan Beyond 1AZAM, yang direka khusus untuk mengembangkan

perniagaan mereka melalui latihan lanjutan, sokongan keusahawanan, akses kepada pembiayaan perniagaan mikro dan kecil serta bimbingan tambahan. Pada tahun ini, 695 peserta terlibat dalam program Beyond 1AZAM, dan semuanya berjaya meningkatkan pendapatan mereka sebanyak sekurang-kurangnya 20%. Secara keseluruhan, 5,674 peserta telah mengikuti program Beyond 1AZAM, satu peningkatan ketara daripada bilangan awal seramai 1,511 peserta ketika program tersebut diperkenalkan pada tahun 2015.

Namun begitu, pencapaian kuantitatif daripada KPI sahaja bukanlah ukuran penuh bagi keberhasilan yang dihasratkan kerana matlamat sebenar inisiatif ini adalah untuk melahirkan peserta yang mampu berdikari, yang akan memberi komitmen sepenuhnya kepada program 1AZAM dan seterusnya mampu membebaskan diri daripada belenggu kemiskinan serta bersedia menghadapi realiti dunia perniagaan yang mencabar dan sukar diramal. Oleh itu, pelaksana program memainkan peranan yang penting dalam memberikan sokongan, motivasi dan hala tuju kepada peserta untuk membimbing mereka ke arah bermentaliti global yang kompetitif serta memastikan peserta membina keyakinan untuk meneruskan laluan baharu setelah mereka tamat menjalani program 1AZAM dan Beyond 1AZAM.



Pembekalan bantuan peralatan program 1AZAM di Kapit, Sarawak.



MEMANFAATKAN TEKNOLOGI UNTUK MEMECAHKAN KITARAN KEMISKINAN

Kerajaan telah mengenal pasti Ekonomi Digital sebagai agenda utama untuk memacu negara ke arah aspirasi negara berpendapatan tinggi. Untuk memastikan keinklusi agar rakyat daripada semua latar belakang dapat meraih manfaat daripada agenda ini, amatlah penting bagi isi rumah berpendapatan rendah diberi akses kepada platform digital yang dapat mewujudkan peluang untuk menjana pendapatan dan berfungsi sebagai gerbang laluan kepada perniagaan global.

Oleh yang demikian, program e-Rezeki dan e-Usahawan diperkenalkan pada tahun 2016 dan 2017 masing-masing sebagai komponen digital 1AZAM. Kedua-dua program yang dilaksanakan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) tersebut memacu pendekatan berteraskan teknologi oleh Kerajaan, disokong oleh kejayaan kajian kes dan transformasi positif yang disaksikan di negara-negara yang pesat membangun. Untuk menggalakkan isi rumah berpendapatan rendah khususnya daripada kumpulan B40 agar memanfaatkan platform-platform digital ini untuk meningkatkan pendapatan mereka melebihi garis kemiskinan, Kerajaan telah membenarkan lebih seorang daripada setiap isi rumah untuk menyertai program tersebut.



Pn. Sharifah binti Dun, peserta 1AZAM.

1AZAM membantu menjana pendapatan lebih tinggi bagi pengusaha gerai makanan

“Nama saya Sharifah binti Dun dan saya mengusahakan sebuah gerai makanan, Gerai Chik Pah di Desa Pandan, Kuala Lumpur. Saya mengetahui tentang program 1AZAM dari rakan-rakan dan pelanggan-pelanggan, dan saya membuat keputusan untuk memohon kerana program ini menawarkan bantuan dan bukannya suatu pinjaman. Pada tahun 2013, saya telah menerima bantuan ‘Pakej Gorengan’ bernilai RM3,000 yang merangkumi sebuah gerai, kualiti, senduk, minyak masak, gas dan peralatan lain termasuklah bahan-bahan mentah.

Bantuan ini membolehkan saya menambahkan makanan goreng dalam menu gerai saya. Pendapatan kasar saya meningkat dari RM70 sehari kepada hampir RM2,000 sehari. Secara purata, hasil kasar harian saya ialah kira-kira RM1,000 dan saya berazam untuk mencapai keuntungan kasar harian sebanyak RM5,000 hingga RM6,000 sehari.

Dalam masa terdekat ini, saya bercadang untuk memperoleh trak makanan untuk mengembangkan perniagaan saya. Selepas saya mendapatkan trak makanan, saya ingin memperkenalkannya dan mewar-warkannya melalui rancangan “Nasi Lemak Kopi O”. Matlamat jangka panjang saya ialah untuk memiliki restoran sendiri.

Nasihat saya kepada para peserta program 1AZAM adalah cubalah sebaik mungkin untuk mengembangkan perniagaan. Berusahalah bersungguh-sungguh dan janganlah berputus asa.

Bagi mereka yang ingin meningkatkan pendapatan isi rumah, saya menasihatkan agar mencuba perniagaan dan peluang baharu. Kita mesti bekerja keras untuk mencari peluang baharu untuk meningkatkan pendapatan. Jika kita tidak mencari peluang, peluang tersebut tidak akan datang sendirinya.”

Menambah Baik Program-Program Yang Meningkatkan Punca Pendapatan



Nor Salimah Binti Musa,
Head of Delivery Management
Office (DMO).

Nor Salimah Musa, Ketua Pejabat Pengurusan Penyampaian (Delivery Management Office, DMO) NKRA LIH di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merupakan individu yang bertanggungjawab ke atas program 1AZAM Niaga dan 1AZAM Khidmat – program-program yang direka untuk membantu golongan miskin tegar, miskin tegar dan kumpulan B40 keluar dari kemiskinan dengan menawarkan kit permulaan perniagaan kecil dan disertai sokongan pengawasan. Sejumlah 39,545 orang peserta telah mengambil bahagian dalam kedua-dua program tersebut antara bulan Januari 2012 hingga November 2017.

“Tugas utama saya ialah merancang Program-Program 1AZAM Niaga dan 1AZAM Khidmat berdasarkan peruntukan bajet yang diterima (daripada Kerajaan) dan memastikan keberkesanan pelaksanaannya”, kata Nor Salimah. “Apabila mengetahui jumlah peruntukan bagi tahun tersebut, saya bersama pegawai-pegawai saya, akan memutuskan cara-cara untuk menyalurkannya kepada para penerima yang layak dengan berkesan. Kami akan menentukan KPI yang ingin dicapai pada tahun tersebut.

“Sepanjang tahun, saya bersama pasukan saya akan bertemu para peserta dan menjalankan temu duga dengan mereka yang berminat dan layak untuk menyertai program-program 1AZAM. Bagi yang layak, kami memberikan ‘kit permulaan’ iaitu pakej yang membantu mereka memulakan perniagaan berskala kecil. Kit ini menyediakan peralatan dan bahan-bahan mentah yang mencukupi untuk para peserta memulakan perniagaan mereka dan seterusnya menggunakan keuntungan untuk terus mengembangkan perniagaan mereka.”

Peningkatan pendapatan isi rumah melebihi RM300 digunakan sebagai penanda aras oleh DMO bagi mengukur kejayaan program 1AZAM. Berdasarkan Kaji Selidik Penilaian Impak yang dijalankan pada tahun 2016, hampir 60% peserta mencapai tanda aras ini.

Sejak mengambil alih peranan Ketua Pejabat Pengurusan Penyampaian pada bulan Jun 2017, Nor Salimah telah mengenal pasti tiga cabaran utama kepada kadar kejayaan semasa: kekurangan mindset keusahawan, potensi keuntungan yang lebih rendah di kawasan luar bandar dan pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan para peserta program.

“Tiga cabaran ini agak sukar, tetapi kami telah memikirkan beberapa idea untuk menanganinya,” kongsi beliau. “Sebagai contoh, kita boleh memberikan pakej tersebut kepada individu dari kalangan ahli keluarga yang menunjukkan semangat keusahawanan yang paling tinggi. Ini mungkin memastikan kemampuan perniagaan yang lebih baik.

“Bagi peserta-peserta di kawasan luar bandar yang tidak mempunyai ramai pelanggan dengan pendapatan boleh guna, kami mula memikirkan cara untuk membantu mereka menjual produk secara dalam talian, contohnya melalui e-Usahawan. Pada masa ini kita perlu menyesuaikan diri dengan mentaliti pelanggan yang mengharapkan produk dan perkhidmatan datang kepada mereka, berbanding sebaliknya.



“Untuk mengatasi cabaran kemampanan perniagaan peserta akibat pengurusan kewangan yang lemah, kami perlu melakukan lebih daripada kursus kesedaran kewangan yang telah disediakan di dalam program ini. Sebagai contoh ada peserta yang menghabiskan semua keuntungan untuk membeli telefon pintar baharu tanpa memperuntukkan sebahagian dari keuntungan tersebut untuk meneruskan perniagaan. Cabaran ini sebahagiannya boleh diatasi dengan mengutamakan bantuan kepada pemohon-pemohon yang benar-benar mempunyai keinginan untuk berniaga.”

“Untuk mengatasi cabaran kemampanan perniagaan peserta akibat pengurusan kewangan yang lemah, kami perlu melakukan lebih daripada kursus kesedaran kewangan yang telah disediakan di dalam program ini.”

Banyak halangan dalam pelaksanaan perlu dihapuskan bagi membolehkan Nor Salimah dan pegawai-pegawai menjalankan tugas dengan sebaiknya agar para peserta 1AZAM Niaga dan 1AZAM Khidmat mencapai potensi mereka dengan lebih baik. “Matlamat kami adalah untuk membantu. Justeru dari semasa ke semasa, kami akan menyemak dan menambah baik dari segi prosedur, borang dan proses,” kata beliau. Di bawah pimpinannya, DMO telah menghapuskan salah satu syarat iaitu mengecualikan pengemukaan slip pengesahan gaji bagi petani dan peniaga, kecil semasa memohon bantuan melalui program-program 1AZAM Niaga dan 1AZAM Khidmat.

DMO juga mengambil kira maklum balas yang diterima dari pihak-pihak berkepentingan untuk mengoptimumkan pelaksanaan program-program 1AZAM Niaga dan 1AZAM Khidmat.

Mengambil kira maklum balas yang diterima, pakej-pakej di bawah 1AZAM Niaga dan 1AZAM Khidmat akan dikurangkan kepada 15 pakej sahaja pada tahun 2018. “Kami bermula dengan 27 pakej sebelum mendapati bahawa sesetengah pakej itu tidak sesuai atau tidak memberi keuntungan seperti yang diharapkan kepada peserta. Oleh itu, kami mengambil inisiatif menambah beberapa pakej, menggabungkan beberapa pakej dan menggugurkan sebahagiannya. Antaranya sebelum ini kami tidak mempunyai pakej kedai runcit, namun sekarang sudah ada.”

Seterusnya, DMO bercadang untuk melancarkan program baharu 1AZAM yang dikenali sebagai program AZAM Belia. “Berbeza dengan program-program 1AZAM Niaga dan 1AZAM Khidmat, AZAM Belia akan menawarkan sokongan mentor sebagai tambahan kepada pakej bantuan dan pengawasan,” kata Nor Salimah. Projek rintis akan bermula pada tahun 2018 melibatkan 100 orang belia.

Menekankan kepentingan merancang beberapa tahun lebih awal, Nor Salimah berharap untuk melihat kesan berganda dari kejayaan pelaksanaan kesemua program 1AZAM di bawah pimpinan beliau, supaya mampu mengeluarkan peserta 1AZAM dari kepompong kemiskinan dengan memanfaatkan sepenuhnya sokongan-sokongan kewangan yang disediakan oleh Kerajaan.

Program e-Usahawan ialah program pembangunan keusahawanan digital yang disasarkan kepada golongan belia dan usahawan kecil. Program tersebut boleh diakses secara dalam talian mulai Julai 2017, dan menjelang akhir tahun 2017, 12,300 peserta telah menyertai program tersebut berbanding sasaran 8,110 orang. Sehingga kini, program ini telah menjana pendapatan berjumlah RM24.3 juta.

“Penting bagi isi rumah berpendapatan rendah diberi akses kepada platform digital yang dapat mewujudkan peluang penajaan pendapatan serta berfungsi sebagai gerbang laluan kepada perniagaan global.”

Memandangkan program e-Usahawan baru sahaja mula dilaksanakan tahun ini, Kementerian telah memberi keutamaan kepada usaha menarik peserta untuk menyertai program ini. Walau bagaimanapun mulai tahun 2018, Kementerian akan mula memantau bilangan peserta yang telah berjaya menjana pendapatan melalui program e-Usahawan, di mana sasaran peserta yang berjaya ditetapkan pada 2,000 orang.

Antara cabaran inisiatif e-Usahawan ini adalah untuk memastikan program tersebut boleh dioptimumkan oleh para pesertanya yang berasal daripada pelbagai latar belakang dan tahap celik teknologi yang berbeza-beza. Tambahan pula, sesetengah peserta belum lagi terdidik sepenuhnya tentang strategi pemasaran dalam talian yang berkesan. Sehubungan dengan itu, MDEC akan meneruskan usahanya untuk memastikan peserta



Sesi verifikasi pemohon bantuan program 1AZAM di Lingga, Sarawak.



Sesi verifikasi pemohon bantuan program 1AZAM di Penaga, Pulau Pinang.

diberi pendedahan kepada program celik teknologi dan pemasaran dalam talian untuk meningkatkan daya saing mereka dalam bidang keusahawanan dalam talian.

Sementara itu, pembangunan platform sumber khalayak (crowdsourcing) digital, iaitu platform e-Rezeki, yang disasarkan untuk menawarkan perkhidmatan berasaskan digital untuk menjana pendapatan telah berjaya mendaftarkan sejumlah 5,898 peserta daripada sasaran 5,000 orang pada tahun 2017.

Namun begitu, potensi sebenar program e-Rezeki belum lagi tercapai kerana bukan semua peserta berjaya menggunakan program e-Rezeki sebagai landas pelancaran untuk memperoleh pendapatan yang lebih tinggi yang akan melonjakkan mereka melepasi garis kemiskinan. MDEC akan mempergiat usaha untuk mendidik semua peserta e-Rezeki tentang kepentingan mengekalkan program ini sebagai sumber pendapatan tambahan yang tetap.

Dalam usaha meluaskan NKRA ini, MDEC menjangka akan melatih 13,000 – 14,000 individu lagi daripada kumpulan B40 melalui kedua-dua program e-Usahawan dan e-Rezeki pada tahun 2018.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Usaha pada masa hadapan akan terus tertumpu kepada pendekatan holistik untuk menangani dan meringankan kesukaran yang dihadapi oleh golongan masyarakat Malaysia yang mudah terjejas dari segi kewangan. Susulan Makmal Isi Rumah Berpendapatan Rendah yang dijalankan pada tahun 2012, Kerajaan telah berusaha gigih untuk menyediakan pendidikan celik kewangan kepada peserta 1AZAM melalui kerjasama dengan NGO, universiti dan sektor korporat. Langkah ini telah meningkatkan taraf hidup 5,340 rakyat pada tahun 2017.

Melalui usaha-usaha ini, golongan berpendapatan rendah telah berjaya meningkatkan pendapatan mereka dan menikmati kualiti hidup yang lebih baik, seperti yang dapat dilihat melalui mereka yang berjaya keluar daripada cengkaman kemiskinan melalui program 1AZAM. Sebahagian daripada peserta ini telah memperlihatkan perkembangan yang cemerlang dan minat dalam keusahawanan, dan sejak itu telah berganjak ke hadapan untuk menyumbang kembali kepada masyarakat melalui keupayaan mereka untuk menjana peluang pekerjaan, sekali gus memastikan kitaran yang berkekalan dalam pembasmian kemiskinan.

Selain itu, agenda digital akan menjadi pemangkin utama untuk menjana pendapatan bagi kumpulan B40 dan membasmi kemiskinan dengan membawa peluang perniagaan global ke hujung jari mereka. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah memperlihatkan komitmennya dengan menjanjikan RM100 juta dalam Bajet 2018 untuk membangunkan lagi kedua-dua program e-USAHAWAN dan e-REZEKI. Langkah ini adalah sejajar dengan komitmen Kerajaan untuk memacu ekonomi digital yang dijangka akan menyumbang lebih 20% kepada KDNK Malaysia menjelang tahun 2020 dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang inklusif.



MENGURANGKAN JENAYAH

**MENJADIKAN MALAYSIA
NEGARA YANG LEBIH SELAMAT**



YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri

Sejak pelaksanaan NKRA Mengurangkan Jenayah, kita telah meningkatkan usaha untuk mengurangkan jenayah secara keseluruhan. Inisiatif kita, seiring dengan komitmen dan dedikasi agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri, telah menampakkan banyak kejayaan, sepertimana yang dibuktikan dengan penurunan jenayah indeks yang ketara sebanyak 53% dari tahun 2010 hingga 2017.

Untuk mendapatkan gambaran yang tepat mengenai kadar jenayah di peringkat akar umbi, Polis Diraja Malaysia pada tahun 2017 telah memulakan pengiraan baharu, iaitu parameter antarabangsa bagi pengiraan jenayah indeks. Dengan kaedah baharu ini, jenayah indeks dikira bagi setiap 100,000 penduduk; dengan itu, kita mengambil kira peningkatan populasi. Pada penghujung tahun 2017, kita telah merekodkan kadar jenayah indeks 306.15 bagi setiap 100,000 penduduk berbanding dengan kadar asas, iaitu 352.07 bagi setiap 100,000 penduduk yang telah ditetapkan pada tahun 2016.

Sejajar dengan itu, Polis Diraja Malaysia turut menggunakan Penunjuk Persepsi Jenayah (Perception of Crime Indicator, PCI) untuk menangani dan mengukur keberkesanan usaha pencegahan jenayah. Pada tahun 2017, kita telah mencatat pengurangan sebanyak 39.8% dalam persepsi rasa takut orang awam terhadap kemungkinan menjadi mangsa jenayah di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor.

Menyedari bahawa jenayah mesti dibanteras dari akar umbi, kita telah mengambil pendekatan yang lebih holistik dari aspek pemulihan dan integrasi semula banduan untuk mengurangkan kadar penjenayah berulang, sekali gus mengurangkan kadar kemungkinan jenayah. Justeru, kita akan terus meningkatkan kemahiran banduan agar mereka mempunyai peluang yang lebih cerah untuk kembali ke pangkuan masyarakat selepas dibebaskan,

dan mengkaji semula pendekatan terhadap jenayah dadah. Untuk memastikan kadar jenayah terus terkawal, inisiatif baharu seperti program Kepolisan Moden dan peningkatan keselamatan sempadan turut dilaksanakan.

Dalam usaha membanteras jenayah, saya ingin merakamkan terima kasih kepada Polis Diraja Malaysia dan rakyat yang semakin aktif terlibat dalam kepolisan komuniti dan pihak berkepentingan NKRA yang lain seperti Jabatan Penjara Malaysia dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan atas prestasi yang cemerlang. 2017 menjadi tahun contoh bagi NKRA ini, namun demi memastikan kemajuan dapat terus dikekalkan, kita harus sentiasa berjaga-jaga. Dengan ini, saya menyeru pihak media agar memainkan peranan yang lebih besar dalam usaha memerangi jenayah dan menyebarkan maklumat mencegah jenayah. Liputan media turut membantu memupuk kepercayaan rakyat melalui penyampaian keberkesanan pasukan keselamatan dan cara untuk rakyat turut mengambil bahagian. Ini amat penting untuk mengawal rasa takut terhadap jenayah dalam kalangan rakyat.

Melangkah ke hadapan, kita akan terus bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam sistem keadilan jenayah, kerajaan tempatan dan persekutuan selain sektor swasta untuk mendorong mereka agar memainkan peranan yang lebih aktif dalam membanteras jenayah. Di samping kepolisan komuniti oleh rakyat, usaha-usaha tersebut akan mewujudkan masa depan yang lebih selamat untuk semua.

MENGURANGKAN KEJADIAN JENAYAH DAN MENGEKALKAN TANGGAPAN POSITIF

Polis Diraja Malaysia (PDRM) sentiasa berusaha untuk mengurangkan kadar jenayah indeks tahun demi tahun. Sejak pelancaran NTP, kerajaan telah mencatat pengurangan daripada 486 jenayah dilaporkan setiap hari pada tahun 2010 kepada 307 pada tahun 2016. Pada tahun 2017, purata bilangan jenayah yang dilaporkan setiap hari ialah 272, menunjukkan pengurangan berterusan kejadian jenayah. Jenayah indeks di Malaysia merangkumi 13 jenis jenayah yang berlaku dengan kerap dan secara umum yang menggambarkan keseluruhan landskap jenayah di Malaysia. Jenayah ini dibahagikan kepada kecurian harta benda (kecurian kereta, motosikal, van, lori dan jentera berat, jenayah ragut, serta pecah rumah) dan jenayah ganas (bunuh, rogol, rompakan bersenjata, rompakan tanpa senjata, serangan menggunakan senjata, serangan dan rompakan tanpa senjata).

“Bilangan kes jenayah yang dilaporkan setiap hari menurun dari 486 pada tahun 2010 kepada 307 pada tahun 2016.”

Pada tahun 2017, PDRM telah meminda pengukuran jenayah indeks daripada purata jenayah yang dilaporkan setiap hari kepada insiden jenayah bagi setiap 100,000 penduduk, sejajar dengan piawaian Pejabat Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Dadah dan Jenayah (United Nations Office on Drugs and Crime, UNODC). Kaedah pengukuran ini mencerminkan kadar jenayah indeks dengan lebih tepat, kerana ia mengambil kira rekod jenayah bagi saiz populasi tertentu. Kaedah baharu ini membolehkan Malaysia membandingkan statistik jenayah dengan negara-negara lain di dunia, khususnya dengan negara ahli UNODC yang lain. Berdasarkan kepada Global Peace Index 2017 yang dikeluarkan oleh Institute for Economics and Peace, Malaysia berada di kedudukan 29 daripada 163 negara. Jumlah 352.07 kejadian jenayah bagi setiap 100,000 penduduk yang dicatat pada tahun 2016 kini digunakan sebagai nilai kaedah asas bagi pengukuran pada masa akan datang. Pada penghujung tahun 2017, kadar jenayah di seluruh negara dicatat pada 306.15 bagi setiap 100,000 penduduk, iaitu penurunan sebanyak 13% daripada tahun 2016.

Demi memastikan penambahbaikan Penunjuk Persepsi Jenayah (PCI) yang berterusan, PDRM akan terus meyakinkan rakyat bahawa keselamatan dalam negara adalah terkawal dan keselamatan awam merupakan keutamaan pasukan polis. Susulan pelancaran tinjauan PCI di Kuala Lumpur pada tahun 2016, tinjauan pada tahun 2017 diperluas lagi ke tiga negeri, iaitu Selangor, Pulau Pinang dan Johor untuk memperoleh lebih banyak data tentang persepsi rakyat terhadap jenayah di negeri-negeri lain di Malaysia. Hasil pelaksanaan inisiatif yang melangkaui NKRA ini, PCI telah mencatat pengurangan daripada 61% pada tahun 2016 ke 37% pada tahun 2017, dengan Kuala Lumpur mencatat bacaan PCI sebanyak 42%, Pulau Pinang sebanyak 33%, Johor sebanyak 35% dan Selangor sebanyak 37%.

TRANSFORMASI KEPOLISAN UNTUK PERKHIDMATAN YANG LEBIH BAIK KEPADA RAKYAT

Program Kepolisan Moden yang dilancarkan oleh PDRM pada tahun 2015 telah menyumbang kepada kemajuan dalam membanteras kegiatan jenayah dan meningkatkan persepsi orang awam terhadap jenayah. Program ini mengubah kepolisan tradisional kepada kaedah yang berorientasikan perkhidmatan dan mesra pelanggan, melalui penekanan terhadap teknologi dan kecekapan dengan memperkemas dan mempermudah proses dan amalan kerja yang lama. Selain itu, program ini bertujuan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keselamatan dan keamanan dengan pengerahan lebih ramai anggota polis di lapangan dan penambahbaikan proses pemfailan laporan polis.

Antara inisiatif di bawah program Kepolisan Moden ialah:

- Pembangunan semula sistem pelaporan polis dipermudah (sPRS);
- Pelaksanaan sistem penilaian pelanggan di balai polis di bawah Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (IPK KL);
- Pewujudan sistem semakan dalam talian (<https://sso.rmp.gov.my>) yang telah menambah baik proses siasatan dengan memudahkan pelaporan status siasatan pada setiap tahap;
- Pelaksanaan penuh Terminal Data Mudah Alih (Mobile Data Terminal, MDT), iaitu komputer mudah alih yang dipasang pada kenderaan peronda yang disambungkan kepada sistem PDRM untuk membolehkan anggota polis melakukan pemeriksaan individu tertentu terus di lokasi;



- Mewujudkan dan melaksanakan sistem i-Quarters untuk memantau pembahagian dan penempatan kuarters bagi anggota polis; dan
- Penggunaan tablet mudah alih untuk membuat laporan polis di lokasi jenayah, sekali gus menggantikan amalan tradisi, iaitu menulis laporan jenayah secara manual dalam buku log Laporan Khas dan buku log Laporan Kecemasan menurut Seksyen 107 Kanun Prosedur Jenayah.

Pada masa ini, inisiatif Kepolisan Moden dilaksanakan secara rintis di dua balai polis di Kuala Lumpur, iaitu balai polis Taman Tun Dr. Ismail dan Pantai. Balai polis ini telah melaksanakan kesemua inisiatif Kepolisan Moden dengan sejumlah 360 pegawai polis. Melangkah ke hadapan, program ini akan dilaksanakan di semua 24 balai di bawah IPK KL menjelang tahun 2018 melibatkan 11,500 pegawai polis, atau kira-kira 10% daripada anggota polis di lapangan.

Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik (JSPT) PDRM juga terus mengendalikan kesalahan trafik secara tegas dengan mengeluarkan saman POL 257 kepada pesalah trafik di lokasi apabila kesalahan dikesan. Sehingga Disember 2017, PDRM telah mengeluarkan 1,941,799 saman POL 257, dan 803,561 daripadanya telah

berjaya dikutip. Pada tahun 2018, PDRM menyasarkan kutipan saman yang lebih tinggi, iaitu sekurang-kurangnya 42% berbanding dengan 40% pada tahun 2017. Penguatkuasaan kutipan saman adalah penting kerana ia merupakan hukuman kepada pesalah selain mendidik mereka mengenai akibat kesilapan mereka dan mencegah kesalahan trafik.

Sehubungan itu, PDRM telah melaksanakan beberapa langkah untuk memudahkan pembayaran saman seperti saluran dalam talian melalui MyEG Services, pembayaran menggunakan kad melalui mesin teler automatik (ATM) Maybank, pelbagai sistem pembayaran dalam talian menggunakan komputer (COPS), kaunter trafik yang terdapat di pusat beli-belah selain ibu pejabat kontinjen dan daerah serta kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan terpilih.

PDRM telah menetapkan hala tuju strategik dan pelan tindakan bagi inisiatif Kepolisan Moden untuk mencapai standard penguatkuasaan undang-undang bertaraf dunia menjelang tahun 2020. Selepas penyempurnaan fasa dua inisiatif ini pada tahun 2017, PDRM akan menumpukan pelaksanaan di seluruh pasukan polis di Kuala Lumpur untuk memastikan langkah keselamatan yang menyeluruh disediakan untuk rakyat.



Pelancaran sistem e-Reporting di balai polis Taman Tun Dr. Ismail pada 10 Mac 2017.

Peluang Baharu untuk Para Banduan

Khairul Zakran dan M.K. Manogaran merupakan dua individu yang berjaya hasil daripada program peningkatan kemahiran banduan. Program tersebut telah memberi nafas baharu dalam kehidupan mereka. Khairul yang menghabiskan sebahagian besar zaman mudanya dalam penjara amat menyanjungi program ini kerana program ini telah memberikannya peluang untuk memulakan kehidupan yang baharu. Mengikut beliau, “Saat anda melangkah masuk ke penjara, segala baik buruk yang anda pernah lakukan perlu ditinggalkan. Pangkat, pencapaian dan dendam sudah tidak bermakna lagi.” Beliau menghabiskan masanya di dalam penjara membina disiplin, mendalami kerohanian dan mengasah kemahiran interpersonal.

Antara aktiviti yang ditawarkan di bawah program peningkatan kemahiran ini termasuklah membuat kuih-muih, mengukir kayu, menjahit serta membuat songket dan batik. Pada beberapa bulan pertama di dalam penjara, Manogaran melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti seperti pembungkusan paip dan pemotongan rumput. Namun begitu, program yang memberi impak yang paling besar terhadapnya adalah apabila terpilih untuk menjalani kursus memandu yang dijalankan dengan kerjasama Metro Driving Academy (Metro).

“Syarat kemasukannya tidak terlalu ketat,” kata Manogaran, “Bagus, kerana kami pun tidaklah mempunyai kelayakan yang tinggi.” Antara latihan yang diberikan oleh Metro termasuk cara-cara untuk mengendalikan pelbagai jenis kenderaan termasuk motosikal, kereta, serta kenderaan-kenderaan berat seperti lori dan bas.

PKP (Penolong Komisioner Penjara) Haji Wan Ramzan Wan Ahmad menyatakan bahawa objektif program peningkatan kemahiran banduan ini adalah untuk

mewujudkan haluan untuk para banduan memulakan kehidupan baru apabila dibebaskan kelak. Menurut beliau lagi, kebanyakan banduan adalah dari segmen B40 dan pihak Jabatan cuba untuk memberikan mereka peluang untuk keluar daripada segmen tersebut. “Ramai daripada mereka berjaya meraih pendapatan melebihi RM2,500 melalui pekerjaan yang mereka perolehi dengan adanya pensijilan daripada Metro,” tambah beliau.

Antara sebab Khairul dan Manogaran mampu menjalani latihan enam bulan tersebut adalah kerana adanya layanan baik dari pihak Metro. “Latihan yang kami terima bukan sahaja tentang cara-cara memperbaiki tingkap dan enjin kenderaan. Kami juga belajar tentang sisi jasmani kami – bagaimana jam biologi tubuh manusia berfungsi, mengapa cuaca panas memberi kesan terhadap pemandu jarak jauh dan sebagainya. Program ini menghasilkan graduan yang amat bagus kerana kami tahu alternatif untuk kekal segar, dan kami faham tentang kepentingan keselamatan penumpang dan kargo,” kata Manogaran.

Khairul menekankan bagaimana masa di dalam penjara memberi peluang untuk para banduan berfikir dan melakukan perkara-perkara yang mereka tidak berkesempatan sebelum ini. Oleh itu, setiap program peningkatan kemahiran yang beliau jalani bukan sahaja mengasah kemahiran teknikalnya, tetapi juga kemahiran insaniah. “Orang selalu bertanggapan banduan tidak dibenarkan berkomunikasi di dalam penjara, tetapi realitinya, kami masih lagi menjalani kehidupan seperti manusia biasa.”

Apabila memohon kerja lepas keluar penjara, tanggapan ini jugalah yang membina stigma bahawa bekas banduan akan terus dibayangi kesilapan yang menyebabkan mereka dimasukkan ke dalam penjara.

“Unit vokasional Jabatan Penjara sedang merumus kaedah baharu untuk membantu banduan apabila mereka dibebaskan daripada penjara,” kata Haji Wan Ramzan. “Terdahulu, program latihan lebih banyak memberikan fokus kepada kemahiran semata-mata, tetapi program latihan terkini lebih menyeluruh dan memberi fokus dalam mencipta haluan kerjaya untuk para peserta. Sejak 2007, kami telah melatih 13,000 orang banduan.”

Khairul dan Manogaran mengakui bahawa mereka lebih mudah untuk mendapat pekerjaan dengan pensijilan yang mereka perolehi semasa di dalam penjara. Di akhir setiap program peningkatan kemahiran, para peserta diberikan Sijil Kemahiran Malaysia. Pensijilan ini memberikan mereka kelebihan dalam bidang yang mereka pilih. Sebagai contoh, kebanyakan pemandu di Malaysia tidak



Penjara Kajang, Selangor.



mempunyai pensijilan lain selain daripada lesen kenderaan. Maka, pensijilan SKM memberikan mereka suatu kelebihan berbanding calon-calon lain.

Mereka berdua telah lama meninggalkan penjara dan berjaya membina kerjaya masing-masing. Khairul yang bermula sebagai seorang kerani di Akademi Memandu Metro kini bekerja dalam bidang keselamatan persendirian dan terlibat dalam pelbagai program kemasyarakatan. Beliau juga membina platform untuk membantu individu yang ingin meningkatkan kemahiran. Manogaran pula bermula sebagai seorang pemandu di Metro dan kini telah dinaikkan pangkat kepada Ketua Pemandu.

Meskipun program ini membawa banyak kebaikan, namun terdapat juga pelbagai cabaran dan rintangan dalam pelaksanaannya. “Sokongan penuh daripada pihak Kerajaan, terutamanya dari segi dana, amat penting dalam pelaksanaan program-program latihan ini,” kata Haji Wan Ramzan. “Dana diperlukan untuk membawa masuk pelatih profesional dan membina infrastruktur.”

Perkara yang paling menyedihkan adalah sikap rakyat Malaysia terhadap bekas banduan. Manogaran dan Khairul berkata, seringkali rakan-rakan dan keluarga tidak memberikan sokongan kepada bekas banduan. “Punca utamanya adalah tanggapan mereka terhadap kami,” kata Khairul, “Saya keluar daripada penjara dengan maruah, tapi apa yang meruntuhkan semangat saya adalah apabila orang memulaukan saya.”

Masyarakat kita perlu mengubah mentaliti dan menghapuskan pandangan serong terhadap bekas banduan. Mereka sepatutnya membantu bekas banduan menyesuaikan diri semula dengan masyarakat. “Setiap orang tidak pernah impikan untuk masuk penjara, dan masyarakat memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan kadar residivisme,” ujar Haji Wan Ramzan. “Penjara mampu mengubah seseorang,” kata Manogaran. “Saya berharap agar lebih ramai orang mampu menerima kami dalam dunia pekerjaan. Berikan kami peluang untuk membuktikan diri kami.”



Khairul Zakran (kiri) dan M.K Manogaran (kanan), peserta program peningkatan kemahiran banduan.

MELIBATKAN ORANG AWAM DALAM KEPERLUAN KESELAMATAN

Dalam usaha untuk lebih memahami kebimbangan orang awam berhubung dengan jenayah dan keselamatan, Kerajaan telah membangunkan Indeks Penglibatan Komuniti (Community Engagement Index, CEI). CEI bertujuan untuk menstrukturkan semula dan menyelaras cara PDRM berinteraksi dengan rakyat dan usaha ini diukur berdasarkan tiga kriteria: peratusan penglibatan (rondaan); keamatan penglibatan (tempoh interaksi); dan keberkesanan penglibatan (penghargaan).



Ketua Polis Negara, Tan Sri Dato' Sri Mohamad Fuzi Harun melihat dengan lebih dekat aset terbaru milik PDRM motosikal Kawasaki scrambler model KLX 250.

Inisiatif ini merangkumi dua platform penglibatan komuniti, iaitu program 'Talk to Us' di Kuala Lumpur dan juga Hari Bertemu Pelanggan yang telah dilancarkan di 13 negeri. Dua platform ini, khususnya program 'Talk to Us', diadakan untuk mendapatkan maklum balas daripada orang awam tentang cara polis boleh menambah baik prestasi demi meningkatkan rasa selamat dalam kalangan orang awam. Antara maklum balas yang diterima daripada orang ramai termasuklah supaya polis meronda kawasan tertentu dengan lebih kerap pada waktu malam selain meningkatkan keramahan dan keterbukaan anggota polis. Program ini sejajar dengan moto PDRM, "Polis dan Masyarakat Berpisah Tiada". Pada tahun 2017 sahaja, PDRM telah mengadakan 1,687 program penglibatan di seluruh negara.

MENERAPKAN PENDEKATAN MENYELURUH UNTUK MEMBANTERAS PENYALAHGUNAAN DADAH

Ketagihan dadah kekal menjadi kebimbangan utama di negara ini dan Kerajaan terus gigih berusaha untuk membasmi masalah sosial ini. Pada tahun 2017, polis menemui 18 makmal pemprosesan dadah dan menahan 73 anggota sindiket dadah. Dadah yang bernilai kira-kira RM198.54 juta turut dirampas semasa serbuan polis.

Di bawah NTP, Kerajaan telah melaksanakan pendekatan baharu dalam program rawatan dan pemulihan dadah untuk memerangi ketagihan. Diketuai oleh Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), langkah-langkah berikut merupakan antara usaha yang telah dilaksanakan untuk menangani masalah ini:

- Penubuhan pusat pemulihan dadah (PUSPEN) untuk mengenal pasti dan mengasingkan penagih dadah mengikut jenis ketagihan dan keperluan rawatan mereka. NGO digalakkan untuk memperluas operasi dengan mengendalikan PUSPEN terpilih atau rumah pertengahan, sekali gus membolehkan mereka memanfaatkan pengalaman profesional mereka dan menghasilkan kadar pemulihan yang lebih tinggi kepada lebih ramai penagih dadah;
- Menaik taraf dua Pusat Pemulihan & Penjagaan (Cure & Care Centre, CCSC) yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Pemulihan Penagihan Dadah, kepada Klinik Mini Pemulihan & Penjagaan 1Malaysia (Mini C&C) di kawasan hitam; dan
- Meminda Akta Penagih Dadah 1983 untuk menjadikan ketidakpatuhan suatu kesalahan boleh tangkap untuk mengurangkan masa yang diambil bagi menangkap Orang Kena Pengawasan (OKP) yang tidak patuh kerana waran tidak lagi diperlukan.

Inisiatif membanteras penyalahgunaan dadah harus menjadi usaha bersama antara Kerajaan dengan komuniti. Justeru, Program Pernerdayaan Komuniti (Community Empowerment Programme, CEP) berusaha mendapatkan kerjasama komuniti dalam memerangi penyalahgunaan dadah. Jentera utama bagi CEP ialah Pengupayaan Komuniti - Strategi Pencegahan Penyalahgunaan Dadah (Community Battery - Drug Abuse Prevention Strategies, COMBAT-DAPS), iaitu produk kerjasama antara Universiti Sains Islam Malaysia, Pusat bagi Penyelidikan



Penyalahgunaan Dadah Asia (Asian Centre for Research on Drug Abuse, ACREDA) dan AADK.

Matlamat COMBAT-DAPS adalah untuk menyampaikan maklumat tentang pencegahan penyalahgunaan dadah kepada komuniti. Maklumat yang dikongsi dengan peserta semasa sesi ini termasuklah jenis dadah dan kesannya, undang-undang dan dasar di Malaysia yang berkaitan dengan penggunaan dan penyalahgunaan dadah di samping status penagihan dadah di Malaysia.

“Kaedah lama iaitu penangkapan, pemenjaraan dan pemulihan secara ‘cold turkey’ digantikan dengan sistem berteraskan kesihatan.”

Berpanduan amalan COMBAT-DAPS, satu Rangka Kerja Peluasan Pemerikasaan telah dibangunkan dan dilaksanakan di beberapa daerah lagi. Rangka Kerja Peluasan Pemerikasaan menumpukan penyertaan komuniti secara aktif pada peringkat daerah di setiap negeri, pembangunan keupayaan untuk pemimpin komuniti dari segi pengurusan program serta pembangunan persekitaran sokongan. Proses mewujudkan persekitaran sokongan melibatkan lapan rakan kongsi strategik (agensi-agensi Kerajaan dan persatuan) dan enam rakan pintar (NGO) untuk menyertai program dan aktiviti.

Rakan kongsi strategik ini terdiri daripada Kementerian Belia dan Sukan, PDRM, Pertubuhan Sukarelawan Rakyat (RELA), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan dan Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional. Rakan kongsi pintar terdiri daripada PEMADAM, Pengasih Malaysia, perikatan yang terdiri daripada persatuan belia seperti Belia 4B, entiti persendirian, SKUAD 1Malaysia, serta pelbagai NGO dan persatuan lain.

Sasaran bagi tahun 2017 adalah untuk melancarkan Program Pemerikasaan Komuniti di 50 kawasan berisiko tinggi daripada 178 kawasan yang telah dikenal pasti. Sehingga 2017, AADK telah melaksanakan program ini di 64 kawasan berisiko tinggi, melebihi sasarannya sebanyak 28%.

Inisiatif untuk menakrifkan semula kesalahan jenayah terhadap penagih dadah juga sedang dilaksanakan.

Kaedah lama iaitu penangkapan, pemenjaraan dan pemulihan secara ‘cold turkey’ digantikan dengan sistem berteraskan kesihatan yang menekankan penglibatan komuniti dan penyediaan rawatan pemulihan dari mula hingga akhir. Susulan kejayaan projek rintis di daerah Besut, Terengganu pada tahun 2016, yang menyaksikan 54% daripada sukarelawan yang mendaftar untuk rawatan berjaya mengekalkan kehidupan bebas dadah, AADK kini diperkasakan dengan penguatkuasaan di bawah Seksyen 3(1) Akta Penyalahgunaan Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283) di 106 daerah di seluruh negara. Ini membolehkan pegawai AADK menahan mana-mana individu yang disyaki sebagai penagih dadah. Mereka boleh ditahan untuk tempoh tidak melebihi 24 jam di lokasi tertentu untuk menjalani ujian air kencing.

Undang-undang ini membolehkan AADK bertindak segera untuk mengekang penyalahgunaan dadah. Antara operasi yang dijalankan di bawah undang-undang ini ialah Ops Cegah, Ops Bersepadu dan Ops Sepayang melalui kerjasama antara AADK dengan PDRM. Pada tahun 2017, AADK telah menjalankan 5,431 operasi dan 40,800 ujian air kencing. Daripada semua ujian tersebut, 21,941 (54%) daripada mereka yang ditahan didapati positif dadah.

MENCIPTA MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH BAGI BANDUAN

Sejak pelancaran NTP, inisiatif berkaitan dengan penjara telah tertumpu kepada peningkatan sokongan kepada banduan selepas dibebaskan untuk memulakan kehidupan baharu. Sehubungan ini, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil langkah proaktif dan pragmatik untuk pemulihan bekas banduan melalui Program Pembangunan Insan.

Program pemulihan telah dibangunkan untuk banduan selepas mengambil kira kriteria seperti kategori jenayah, tahap pendidikan, umur dan tahap amalan agama dalam kalangan banduan untuk memberikan struktur, rasa kekitaan dan matlamat kepada banduan. Penerapan pendekatan pemulihan ini dilakukan berdasarkan falsafah “bakal banduan akan pulih dengan bantuan dan bimbingan bersepadu”.

Proses pemilihan bagi bakal peserta program latihan kemahiran ini dilaksanakan selepas menyempurnakan dua fasa pemulihan berstruktur; iaitu fasa orientasi (fasa

pertama) yang mengembalikan kesihatan fizikal dan mental yang optimum kepada banduan, membentuk serta membina disiplin mereka dan membantu banduan menyesuaikan diri dengan kehidupan di penjara; diikuti dengan fasa pembangunan sikap (fasa kedua) yang memupuk tingkah laku yang baik melalui ilmu jasmani dan rohani.



Penjara Wanita Kajang, Selangor.

Banduan kemudiannya akan menyertai program latihan kemahiran masing-masing untuk melengkapkan diri dengan kemahiran bagi meningkatkan kebolehan untuk mendapatkan pekerjaan dan mendaftarkan mereka dalam skim penempatan pekerjaan yang akan memastikan mereka dapat menyara diri sendiri selepas dibebaskan.

Pada tahun ini, Jabatan Penjara meneruskan program latihan kemahiran bertauliah, iaitu pensijilan kemahiran teknikal dan vokasional di bawah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (Construction Industry Development Board, CIDB). Program ini diperakui oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran dan Jabatan Tenaga Manusia, Kementerian Sumber Manusia serta Kementerian Kerja Raya. Program latihan ini direka khusus untuk banduan rakyat Malaysia dalam fasa ketiga Program Pembangunan Insan, yang mempersiapkan banduan untuk kembali semula ke pangkuan masyarakat.

Program SLDN menawarkan kursus latihan yang diperakukan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran. Latihan dan pensijilan dijalankan secara dalaman (in-house), dengan 47 kursus berasaskan Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (National Occupational Skills Standard, NOSS) ditawarkan di 42 institusi penjara dan pusat pemulihan komuniti di seluruh negara. Latihan ini diselia oleh pegawai daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran yang bertindak sebagai jurulatih dan pengajar, penyelaras SLDN dan Pegawai Pensijilan Luar. Antara

kursus yang ditawarkan dalam program ini termasuklah kursus dalam bidang penyediaan makanan dan pembuatan kek, jahitan, pembikinan, pembuatan perabot, ukir kayu, landskap asas dan kerja pembinaan, kejuruteraan mekanikal, servis kenderaan, seni tembikar, kerja paip, kerja logam dan pertanian.

Program CIDB adalah program berasaskan latihan dan peperiksaan yang dinilai oleh pengajar daripada Akademi Binaan Malaysia. CIDB menawarkan empat kursus berkaitan dengan pembinaan: pemasangan siling tetap, perdagangan kargo basah, pembinaan landskap dan pemasangan pendawaian untuk bangunan.

Seiring dengan itu, kursus jangka pendek (Sijil Asas Kemahiran Jangka Pendek) ditawarkan kepada banduan yang menerima hukuman penjara singkat atau mereka yang tidak layak untuk menyertai dua jenis latihan kemahiran yang lain. Melalui kursus jangka pendek ini, banduan dapat mempelajari kemahiran vokasional yang akan menjadi asas untuk membina kerjaya selepas tamat menjalani hukuman penjara. Antara kursus ini termasuklah pembinaan asas, pembaikan dan penyelenggaraan penyaman udara, pembuatan jeruk dan sos, pembuatan kuih tradisional, penanaman cendawan, penternakan lebah, penanaman sayuran, penyediaan tapak untuk penanaman anak benih dan sayuran, refleksologi dan menggunting rambut.

“Banduan dilengkapkan dengan kemahiran bagi memastikan mereka dapat menyara diri sendiri selepas dibebaskan.”

Sehingga tahun 2017, 2,854 banduan telah menyertai program latihan kemahiran berbanding dengan 2,265 pada tahun 2016. Daripada 2,854 peserta, 2,073 menyertai program di bawah SLDN, 141 di bawah CIDB manakala 640 di bawah Sijil Asas Kemahiran Jangka Pendek.

Pertimbangan belanjawan menjadi cabaran bagi Jabatan Pembangunan Kemahiran memandangkan pembangunan infrastruktur dan pengagihan sumber untuk menyediakan latihan memerlukan peruntukan belanjawan daripada Kerajaan.

Untuk meningkatkan proses pemulihan, Jabatan Penjara akan mengukuhkan program pemulihan dan peningkatan sokongan selepas pembebasan, dengan menambahkan bilangan kakitangan dan agensi Kerajaan yang terlibat dalam proses menghantar pulang banduan pendatang asing.



Jabatan Penjara turut mewujudkan prosedur operasi piawai (Standard Operating Procedure, SOP) menurut Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 yang membolehkan Jabatan memindahkan banduan yang layak ke pusat pemulihan, dan mengelakkan pemenjaraan serta merta bagi pesalah yang terbabit dengan kesalahan berkaitan dengan dadah atau kesalahan kecil. Akta ini membenarkan pesalah bagi kesalahan kecil menjalani hukuman di luar penjara melalui hukuman komuniti di bawah seliaan Jabatan Penjara jika pesalah merupakan pesalah kali pertama atau telah dikenakan hukuman jenayah yang kurang serius. Hukuman komuniti bagi pemulihan dipilih untuk mencegah ulang kesalahan dan ulang laku jenayah. Inisiatif ini sejajar dengan usaha Kerajaan untuk melaksanakan hukuman alternatif dan proses jenayah yang lebih berkesan dan teratur.

“AKSEM telah melaksanakan 145.8% inisiatif kejayaan pantas di sempadan Selatan Thailand.”

Selain itu, Makmal Penjara yang diadakan pada 2017 telah mencadangkan pindaan kepada Kanun Prosedur Jenayah, Akta Kehadiran Wajib 1954 dan Akta-akta berkaitan dengan dadah bagi penagih untuk mendapatkan rawatan di luar penjara menjelang tahun 2020.

Jabatan Penjara turut menyasarkan peningkatan proses pemulihan untuk mencapai kadar ulang laku jenayah 5% daripada kadar semasa 8.9% menjelang tahun 2020. Kadar ulang laku jenayah semasa telah menyebabkan kesesakan di penjara, dengan purata kadar kapasiti berlebihan sebanyak 17%. Menjelang tahun 2020, Jabatan Penjara menyasarkan pengurangan kapasiti berlebihan di penjara dengan mengalihkan dua per tiga daripada banduan yang layak dengan cara mewajibkan banduan yang layak untuk menjalani program pemulihan yang berkesan.

MEMASTIKAN KESELAMATAN SEMPADAN

Makmal Keselamatan Sempadan yang melibatkan 16 agensi Kerajaan telah diadakan pada tahun 2016 untuk membangunkan rangka kerja mesra bagi hubungan sempadan dan program untuk memperkukuh

sempadan darat Malaysia (terutamanya sempadan dengan Thailand) daripada penerobosan sempadan dan penyeludupan haram. Program ini merangkumi 21 inisiatif khusus, termasuk pembentukan Agensi Kawalan Sempadan (AKSEM) pada tahun 2017 untuk memacu keseluruhan program.

21 inisiatif dikategorikan di bawah enam bidang fokus yang berikut:

- Memperkemas Proses dan Dasar Sempadan;
- Mengubah Cara Berfikir dan Budaya Komuniti Sempadan;
- Menambah Baik Infrastruktur Fizikal, Modal Insan dan Teknologi;
- Memperkasakan Keupayaan Kakitangan di Sempadan;
- Memupuk Kerjasama yang Lebih Erat Antara Agensi; dan
- Menerapkan Budaya yang Menekankan Integriti dan Maruah.

Sehingga 2017, AKSEM telah melaksanakan 145.8% daripada enam inisiatif kejayaan pantas di beberapa Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (Immigration, Customs, and Quarantine Security Complexes, ICQS) di sempadan Kedah dan Kelantan dengan Selatan Thailand. Kejayaan pantas yang telah dicapai termasuklah latihan pentauliah dan pembangunan kakitangan keselamatan sempadan, pengenalan dan pelaksanaan ketekunan wajar dan ujian integriti, sesi bina pasukan suku tahunan, penguatkuasaan lebih tegas di komuniti sempadan, pusingan kerja setiap enam hingga 12 bulan di sempadan dan program kesedaran sempadan. Kejayaan ini dapat dicapai berikutan pelulusan Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) 2017 di samping pindaan Arahan Majlis Keselamatan Negara No. 15 yang menguatkuasakan rangka kerja baharu di sempadan Malaysia-Thailand, Sarawak-Kalimantan dan Sabah-Kalimantan.

Selain AKSEM, agensi utama yang terlibat dalam keselamatan sempadan termasuklah PDRM, Pasukan Gerakan Am, Jabatan Kastam, Jabatan Imigresen dan AADK. Berdasarkan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS), RELA mungkin akan turut terlibat terutamanya di Sarawak yang mempunyai banyak laluan haram untuk merentasi sempadan Kalimantan yang panjang dan mudah ditembusi. Selain itu, RELA telah menyediakan tenaga manusia tambahan kepada polis dan CIQ (Kastam, Imigresen dan Kuarantin) untuk mengawal pintu masuk sempadan.

Pendekatan Holistik PDRM dalam Memerangi Jenayah

Polis Diraja Malaysia (PDRM) layak diberi pengiktirafan berikutan usaha mereka dalam mendekati masyarakat melalui pelbagai program penglibatan, menurut Choo Lub Khung, Setiausaha Agung Persatuan Penduduk BK5 Bandar Kinrara Puchong. “Orang ramai kini lebih menyedari bahawa pegawai-pegawai PDRM berkerja siang dan malam di pusat-pusat kawalan bagi memastikan keselamatan mereka terjaga,” ujar Choo. Beliau percaya bahawa dengan peningkatan kesedaran ini, lebih ramai penduduk yang bersedia untuk menjadi mata dan telinga PDRM.

Ini satu petanda yang baik kerana Choo berpendapat bahawa pembanterasannya jenayah memerlukan kerjasama semua pihak – individu, masyarakat, syarikat-syarikat, badan bukan kerajaan dan semua agensi Kerajaan. Menurut Choo, Penunjuk Persepsi Jenayah (Perception of Crime Indicator, PCI) dan Indeks Penglibatan Komuniti (Community Engagement Index, CEI) yang baru dibangunkan merupakan penanda aras bagi persepsi rakyat terhadap jenayah. Namun, keputusan indeks-indeks tersebut menunjukkan bahawa masih banyak penambahbaikan yang perlu dilakukan oleh PDRM.

“Ketakutan terhadap terjadinya jenayah dan kejadian jenayah yang sebenarnya berlaku merupakan dua isu yang berasingan. Rakyat merasakan seolah-olah kadar jenayah

semakin meningkat disebabkan berita yang diterima melalui saluran media tanpa usul periksa fakta sebenar. Berita tersebut kemudian disebarkan secara meluas kepada rakan-rakan melalui media sosial,” kata beliau lagi.

Walau bagaimanapun, Choo mengakui PDRM telah meletakkan usaha dalam transformasi menjadi badan yang lebih berorientasikan masyarakat. “PDRM kini lebih prihatin terhadap masyarakat dan telah berubah menjadi organisasi yang berteraskan perkhidmatan dalam memerangi jenayah dan memastikan keselamatan masyarakat,” kata Choo.

Namun begitu, masih banyak penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam hal ini. “Transformasi ini harus dilaksanakan secara menyeluruh. PDRM harus lebih proaktif dalam menggunakan media-media baharu bagi berkongsi kaedah pencegahan jenayah kepada mereka yang giat dalam pencegahan jenayah di kalangan masyarakat. Melalui mereka ini, maklumat-maklumat ini akan disampaikan kepada rakyat dengan lebih cepat,” tambah beliau.

Choo berkata, kedua-dua PCI dan CEI memberikan maklumat penting tentang apa yang dirasakan oleh masyarakat dan PDRM boleh menggunakan maklumat ini dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih selamat. “Masyarakat berhak untuk berasa selamat, kerana persepsi terhadap keselamatan ini memberi kesan kepada kualiti kehidupan kami.”



Persatuan penduduk BK5 Bandar Kinrara Puchong bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM).



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

NKRA Mengurangkan Jenayah telah berjaya meraih pencapaian besar dalam menurunkan kadar jenayah indeks Malaysia sepanjang tempoh pelaksanaan NTP. Perubahan yang besar berjaya dicapai melalui usaha bersepadu dalam seluruh sistem keadilan jenayah. Untuk mengekalkan kemajuan ini, orang awam serta agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri seperti PDRM, AADK dan Jabatan Penjara mesti memainkan peranan mereka dalam usaha membanteras dan mencegah jenayah, pengesanan dan penahanan pesalah, jaminan dan reman, penyediaan kes, penempatan semula dan pemulihan.

NKRA ini akan terus memperkukuh sempadan Malaysia untuk menyekat aktiviti penyeludupan haram. Selain itu, dalam usaha memastikan keselamatan rakyat, PDRM akan meneruskan inisiatif kepolisan berorientasikan komuniti yang menumpukan usaha menjalin hubungan dan kerjasama dengan komuniti. Sikap proaktif dalam menangani kebimbangan berkaitan dengan keselamatan orang awam akan diteruskan untuk mengukuhkan kemampunan dalam berdepan suasana urbanisasi yang semakin meluas dan penghijrahan antara negeri di negara ini.

Untuk memastikan pengurangan jenayah di negara ini tahun demi tahun berdasarkan populasi, semua rakyat Malaysia digesa mengambil bahagian. Orang awam mesti memainkan peranan dengan meningkatkan kewaspadaan dan memantau aktiviti yang berlaku di kejiranan mereka. Selain itu, hubungan dua hala yang erat antara orang awam dengan polis akan mengukuhkan usaha membanteras jenayah.



MEMBANTERAS RASUAH

**MENINGKATKAN
STANDARD INTEGRITI**



YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri

Kerajaan Malaysia sentiasa tegas dalam meneruskan iltizam untuk menghapuskan gejala rasuah. Usaha ini memerlukan pelaksanaan pembaharuan tegas yang memerlukan sokongan semua pihak. Walaupun usaha lebih gigih diperlukan untuk membasmi rasuah dalam negara kita, kita juga perlu mengakui bahawa pelbagai kemajuan besar telah dapat dicapai sejak Kerajaan menjadikan usaha membanteras rasuah salah satu keutamaan di bawah NTP.

Pencapaian ini terbukti melalui Peruntukan Liabiliti Korporat dalam Akta SPRM yang kini sedang dirangka. Usaha ini menandakan langkah penting dalam mempertanggungjawabkan syarikat-syarikat atas amalan rasuah. Sistem Pengurusan Antirasuah MS-ISO 37001 juga telah diperkenalkan untuk membantu organisasi-organisasi menguatkuasakan langkah-langkah yang menepati amalan dan kawalan antirasuah yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Saya pasti bahawa perkembangan ini akan menyumbang kepada peningkatan budaya kejujuran dan integriti di negara kita.

Saya juga berbesar hati menyatakan bahawa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah meningkatkan usaha mereka dalam penyiasatan dan penyelesaian kes-kes rasuah. Pada tahun 2017, SPRM berjaya menyelesaikan siasatan dan mendapatkan sabitan bagi 80.7% daripada jumlah kes yang didaftarkan. SPRM akan meneruskan usaha untuk memperkukuh penguatkuasaannya dalam memerangi rasuah selagi ia berleluasa.

Seiring dengan inisiatif-inisiatif yang dinyatakan di atas, Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU) Jabatan Perdana Menteri yang ditubuhkan pada tahun 2015 telah dinaiktaraf kepada Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) untuk mengukuhkan infrastruktur keinstitutional bagi pembanteras rasuah. Langkah ini akan menyokong dan mengukuhkan NKRA melalui

penyelarasan pihak berkepentingan yang lebih baik dan pembangunan keupayaan penjawat awam bagi meningkatkan lagi penyampaian tadbir urus, integriti dan pematuhan yang baik dalam amalan hak asasi manusia. JITN turut bekerjasama dengan organisasi luar seperti Perikatan Integriti Perniagaan (Business Integrity Alliance, BIA) dan Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Institute of Corporate Governance, MICG) untuk menggalakkan inisiatif tadbir urus yang baik dalam sektor swasta, serta mempertingkatkan pengetahuan dan pendedahan terhadap amalan terbaik dalam tadbir urus korporat.

Semua usaha ini amat penting untuk menambah baik skor Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index, CPI), di mana Kerajaan berhasrat untuk menjadi antara 30 negara terbaik dalam Indeks ini menjelang tahun 2020. Pada tahun 2017, Malaysia berada pada kedudukan ke-62 daripada 180 negara. Berikutan ini, pihak Kerajaan telah mengadakan bengkel pada September 2017 untuk meningkatkan kedudukan CPI negara. Berikutan bengkel ini, tujuh inisiatif untuk menambah baik usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan antirasuah kini berada dalam proses pelaksanaan.

Dengan hasrat dan tekad politik yang jitu untuk mengekang kegiatan rasuah, penipuan dan salah laku lain melalui pendekatan yang lebih pragmatik dan menyeluruh, saya yakin bahawa Malaysia akan mencapai tahap integriti yang lebih tinggi menjelang tahun 2020.

PENDIRIAN YANG TEGAS DALAM MENENTANG AMALAN RASUAH

Pelan Hala Tuju NTP telah mengenal pasti aspek penguatkuasaan dan pematuhan yang lebih tegas sebagai pemangkin dalam usaha menurunkan kadar rasuah di Malaysia.

Pada tahun 2017, 58.9% daripada kes rasuah telah berjaya diselesaikan dalam tempoh setahun selepas pendaftaran dalam tahun 2016. Mahkamah turut menyabit 80.7% daripada jumlah kes yang didaftarkan. Semua pencapaian ini dipacu oleh keberkesanan Mahkamah Khas untuk Rasuah dan SPRM dalam menjalankan penyiasatan. Selain itu, 1,405 daripada 1,695 jumlah kes yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2015 telah diselesaikan pada tahun 2017, iaitu pada kadar penyelesaian kes sebanyak 76.5%.

Satu lagi fokus di bawah NKRA ini adalah integriti agensi penguatkuasaan. Sebagaimana yang digariskan dalam Pelan Hala Tuju GTP pada 2010, keberkesanan agensi-agensi seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM),

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Jabatan Imigresen dan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah dipantau rapi susulan peningkatan kadar jenayah dan kekurangan tindakan ke atas kesalahan jenayah pada masa itu. Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (Enforcement Agency Integrity Commission, EAIC) telah ditubuhkan pada tahun 2011 untuk mengukuhkan integriti pelbagai agensi penguatkuasaan di bawah bidang kuasanya dengan matlamat untuk membina keyakinan orang ramai terhadap pihak-pihak berkuasa. Sehingga 2017, 343 kes telah berjaya diselesaikan, iaitu 64% daripada jumlah kertas penyiasatan yang didaftarkan antara tahun 2012 hingga 2017. Tahun ini EAIC juga telah mengadakan dua sesi pendengaran awam berkenaan isu kematian bawah tahanan.

“SPRM telah berjaya menyelesaikan 58.9% kes rasuah dalam tempoh setahun pendaftaran kes tersebut dan 80.7% daripada kes tersebut telah disabitkan.”

Sementara itu, bagi memahami isu yang dihadapi oleh agensi-agensi dengan lebih mendalam dan menjalin kerjasama dengan agensi-agensi tersebut, EAIC



Seminar Hakim Mahkamah Rasuah khas diadakan pada bulan November 2017.



telah mengunjungi 32 buah agensi pada tahun 2017, termasuklah Agensi Antidadah Kebangsaan Pulau Pinang, Ibu Pejabat Kontinjen Polis Sabah dan JPJ Johor.

Selari dengan tanggungjawab pihak berkuasa anti-rasuah, rakyat turut memainkan peranan yang penting dalam memerangi rasuah. Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) adalah penting untuk menggalakkan pelaporan mengenai kes dakwaan jenayah, rasuah serta penyalahgunaan kuasa. Perlindungan yang diberikan oleh Akta tersebut merangkumi kerahsiaan maklumat dan perlindungan daripada tuntutan mahkamah. Pemberi maklumat turut dilindungi daripada kemungkinan kemudaratan, iaitu istilah yang secara amnya merujuk kepada akibat yang timbul daripada tindakan mendedahkan maklumat. Akibat sedemikian termasuklah ancaman bahaya fizikal dan juga diskriminasi di tempat kerja.

Oleh itu, Akta tersebut melindungi “pemberi maklumat” yang mendedahkan maklumat tentang penyalah laku, sekali gus menggalakkan lebih ramai pemberi maklumat mengemukakan laporan. Justeru Akta ini membantu memupuk persekitaran toleransi sifar terhadap amalan rasuah dan apa-apa bentuk salah laku yang lain. Walau bagaimanapun, usaha-usaha masih perlu dipertingkatkan bagi menggalakkan orang ramai untuk memberi maklumat mengenai isu-isu integriti dan rasuah.

Untuk menggalakkan lagi penyertaan orang ramai dalam usaha menentang rasuah, sebuah sistem aduan atas talian yang dipanggil Sistem Pengurusan Aduan (Complaint Management System, CMS) telah disediakan untuk orang ramai membuat aduan atau menyalurkan maklumat berkenaan rasuah. Penjawat awam yang melaporkan tentang amalan rasuah juga akan diberikan ganjaran. Gerakan Revolusi Antirasuah, atau GERAH, suatu wadah kempen dan penglibatan antirasuah awam yang mendorong dan menggalakkan orang ramai supaya melaporkan rasuah, turut diwujudkan. Sejak kempen ke-4 GERAH, SPRM telah berjaya mendaftar 16,000 individu sebagai ahli GERAH. Usaha-usaha GERAH pula disokong oleh Sahabat GERAH, iaitu suatu kumpulan yang terdiri daripada orang ramai yang mendaftar sebagai rakan GERAH dan bersedia membantu SPRM dalam memerangi rasuah.

Akhir sekali, inisiatif Ikrar Bebas Rasuah (IBR), turut diperkenalkan. Inisiatif ini merupakan sebuah ikrar terbuka bertulis oleh individu daripada organisasi awam dan swasta untuk menyatakan sentimen antirasuah dan juga melaporkan kegiatan sedemikian.

MENGUKUHKAN RANGKA KERJA PEMBANTERASAN RASUAH

Berganding Bahu Membanteras Rasuah

Usaha membanteras gejala rasuah memerlukan komitmen daripada seluruh anggota masyarakat Malaysia. Oleh itu, Kerajaan telah berusaha dengan gigih untuk melibatkan komuniti perniagaan dan masyarakat sivil dalam usaha anti-rasuah. Syarikat swasta dan syarikat berkaitan Kerajaan digalakkan untuk menandatangani Ikrar Integriti Korporat. Kerjasama sektor awam dan swasta untuk menggalakkan integriti dan tadbir urus yang baik dalam entiti swasta dilakukan berdasarkan rangka kerja Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) yang dijadikan model untuk menyokong inisiatif integriti korporat di Malaysia. Ini termasuk menambah baik tadbir urus, etika perniagaan dan tanggungjawab sosial korporat. Usaha-usaha ini memerlukan komitmen jangka panjang dan rasa tanggungjawab yang mendalam oleh semua pihak berkepentingan untuk mencapai sepenuhnya objektif CISM. Sehingga kini, terdapat seramai 1,119 pihak yang telah menandatangani CISM.

“Sehingga 31 Disember 2017, 223,167 Perjanjian Integriti sudah ditandatangani, yang melibatkan projek-projek yang bernilai sebanyak RM13 bilion.”

Syarikat-syarikat yang terlibat dalam Perolehan Kerajaan juga telah diwajibkan untuk menandatangani Perjanjian Integriti. Perjanjian Integriti merupakan inisiatif NKRA Membanteras Rasuah yang telah bermula pada tahun 2010. Inisiatif ini bertujuan untuk meningkatkan ketelusan dan membanteras amalan rasuah dalam proses-proses perolehan Kerajaan. Sehingga 31 Disember 2017, 223,167 Perjanjian Integriti sudah ditandatangani, yang melibatkan projek-projek yang bernilai sebanyak RM13 bilion.

Memperkasakan Integriti Korporat

Cadangan memperkenalkan Peruntukan Liabiliti Korporat ke dalam pindaan Akta SPRM 2009 telah dikenal pasti dalam usaha untuk menghalang syarikat korporat daripada menggalakkan pekerjaanya terlibat dalam amalan rasuah, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Peruntukan tersebut akan mengenakan liabiliti jenayah terhadap syarikat atas kesalahan rasuah yang dilakukan oleh para pekerja, melainkan syarikat yang didakwa itu boleh membuktikan bahawa prosedur untuk mengelakkan penglibatan pekerjaanya dalam aktiviti rasuah telah disediakan dengan selengkapannya. Peruntukan ini akan turut memperkasakan Akta SPRM yang pada masa ini tidak mempertanggungjawabkan ahli lembaga pengarah, ketua pegawai eksekutif dan badan korporat secara langsung atas tindakan para pekerja mereka. Dalam beberapa kes, pekerja yang terbabit telah ditangkap dan dihukum walaupun salah laku tersebut dilakukan atas arahan dari syarikat. Peruntukan Liabiliti Korporat bertujuan untuk mengatasi kes-kes seperti ini dan telah disyorkan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (Organisation for Economic Co-operation and Development, OECD) sebagai salah satu undang-undang terbaik untuk membendung korupsi. Peruntukan ini dijangka akan dibentangkan di Parlimen pada tahun 2018.

Pengenalan Peruntukan Liabiliti Korporat akan diperkenalkan menjelang tahun 2018 dan disokong oleh penerapan piawaian ISO 37001 dalam Sistem Pengurusan Antirasuah Malaysia (ABMS - MS-ISO 37001) yang akan memperluaskan kawalan antirasuah yang sedia ada. Peruntukan ini telah dilancarkan pada 27 Oktober 2017 dan akan meletakkan Malaysia sejajar dengan Konvensyen Anti-Rasuah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (United Nations Convention Against Corruption, UNCAC). Piawaian tersebut menetapkan beberapa langkah yang khusus bagi membantu organisasi-organisasi untuk mencegah, mengesan dan menangani rasuah. Antara langkah yang ditetapkan termasuklah pengamalan dasar anti-rasuah dan pelantikan seorang penyelia untuk memantau pematuhan amalan antirasuah, latihan dan penilaian risiko.

Pada masa kini, pematuhan MS ISO 37001:2016 dilaksanakan secara sukarela sehinggalah piawaian ini diwartakan atau menjadi rujukan dalam Akta-akta atau peraturan-peraturan yang berkaitan. Sehingga kini, 11 organisasi termasuk badan-badan korporat, agensi-agensi awam dan pihak berkuasa tempatan telah diberi pensijilan MS ISO 37001:2016 oleh SIRIM QAS Internasional Sdn Bhd.

Meningkatkan Pengawasan Integriti Sistem Politik

Di bawah NTP, usaha memerangi rasuah turut tertumpu kepada usaha pembaharuan amalan tadbir urus pembiayaan politik, berikutan tuntutan rakyat agar maklumat mengenai sumber dana politik selama ini dijadikan lebih telus. Bagi memenuhi kehendak ini, YAB Perdana Menteri telah menubuhkan Jawatankuasa Perundingan Nasional Mengenai Pembiayaan Politik (National Consultative Committee on Political Funding, NCCPF) pada 14 Ogos 2015 untuk membina struktur pengawalseliaan yang dapat menangani pembiayaan politik dengan menyeluruh.

“Kelulusan Rang Undang-Undang Pembiayaan Politik akan menandakan suatu transformasi yang revolusi dalam usaha meningkatkan integriti sistem politik Malaysia.”

Pada tahun 2017 pula, sebuah Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan untuk menyediakan draf Rang Undang-Undang Pembiayaan Politik. Draf ini mengambil kira maklum balas yang diterima oleh semua pihak yang terlibat dalam sesi temuan JKNMPP yang telah dijalankan sejak tahun 2016. Pembentangan dan kelulusan Rang Undang-Undang ini di Parlimen kelak akan menandakan suatu transformasi yang revolusi dalam usaha meningkatkan integriti sistem politik Malaysia. 32 cadangan akan dipertimbangkan dalam Rang Undang-undang baharu tersebut termasuklah derma politik dan pentadbirannya, perbelanjaan, pendedahan dan pembiayaan awam. Penyediaan pertama Rang Undang-undang ini sedang dilaksanakan oleh Institut Integriti Malaysia (IIM).



Bengkel Indeks Persepsi Rasuah dijalankan untuk menambah baik skor CPI Malaysia.



19 orang hakim dari 14 buah negeri telah menghadiri Seminar Hakim Mahkamah Rasuah Khas.

TADBIR URUS YANG BAIK SEBAGAI SUATU KEBANGGAAN

Keberkesanan usaha negara dalam menentang rasuah memerlukan pematuhan terhadap kawalan antirasuah dan peningkatan dalam standard integriti. Hal ini seterusnya memerlukan peningkatan kesedaran dan latihan bagi pegawai-pegawai yang berkaitan, terutamanya mereka yang terlibat dalam proses yang terdedah kepada risiko tinggi rasuah dan sogokan. Oleh yang demikian, Kerajaan telah bekerjasama dengan badan-badan seperti Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Institute of Corporate Governance, MICG) dan Perikatan Integriti Perniagaan (Business Integrity Alliance, BIA) bagi menyediakan panduan kepada organisasi-organisasi untuk menambah baik amalan tadbir urus dan pencegahan rasuah. Pada tahun 2017, MICG dan BIA telah berjaya melatih 53 syarikat tersenarai awam (PLC) dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Berkenaan latihan untuk mahkamah pula, Seminar Hakim Mahkamah Rasuah Khas telah diadakan setiap tahun sejak 2011 dengan tujuan meningkatkan pemahaman menyeluruh tentang peruntukan undang-undang menurut Akta SPRM 2009. Latihan untuk hakim mengenai rasuah merangkumi pelbagai topik termasuklah penulisan pertimbangan undang-undang dan kerumitan dalam menangani pelbagai jenis cabaran dalam pengendalian kes rasuah. Dari 2011 ke 2018, sebanyak lapan kursus telah dijalankan untuk melatih Hakim Mahkamah Rasuah Khas dan telah melibatkan 152 hakim dari seluruh negara. Kursus ini secara amnya tertumpu pada penggunaan undang-undang negara terhadap isu menghadapi rasuah. Pada tahun 2017, 19 hakim dari 14 negeri telah menghadiri kursus sepanjang tiga hari yang diadakan di Shah Alam, Selangor.

Perjuangan JITN membanteras rasuah



Zaeidah Mohamed Esa,
Ketua Pengarah,
Jabatan Integriti dan
Tadbir Urus Negara.

Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) memainkan peranan yang amat besar dalam usaha membanteras rasuah. JITN asalnya sebuah unit yang dikenali sebagai Bahagian Integriti dan Tadbir Urus (BITU) di Jabatan Perdana Menteri sebelum unit tersebut dinaik taraf menjadi sebuah jabatan sendiri pada November 2017. Kini, JITN berperanan sebagai Pejabat Pengurusan Penyampaian (Delivery Management Office, DMO) yang memantau pelaksanaan inisiatif NKRA Membanteras Rasuah selain bertindak sebagai agensi pusat untuk pengurusan integriti, tadbir urus, dan hak asasi manusia dalam sektor awam dan swasta.

Sebagai Ketua Pengarah JITN, tanggungjawab Zaeidah Mohamed Esa termasuklah memantau dan mengawasi keseluruhan pelaksanaan fungsi teras JITN berdasarkan prinsip-prinsip pencegahan rasuah menerusi transformasi penetapan minda dan sikap rakyat Malaysia. Tugas beliau melibatkan penetapan amalan tadbir urus baik, prosedur, serta peraturan yang menyumbang kepada pengurangan kadar rasuah dalam negara ini.

“JITN komited dalam menjalankan tanggungjawabnya untuk memantau semua inisiatif NKRA dan memastikan semua inisiatif ini berjaya dilaksanakan. Ini termasuk menjalankan Bengkel Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index, CPI) untuk menambah baik skor CPI Malaysia daripada 49 pada tahun 2016 kepada 55 menjelang tahun 2020; selain mempromosi Sistem Pengurusan Antirasuah (Anti-Bribery Management System, ABMS) untuk menggalakkan syarikat-syarikat mendapatkan pensijilan MS ISO 37001, antara lain,” jelas Zaeidah.

Beliau juga menegaskan bahawa walaupun JITN merupakan barisan hadapan dalam usaha memerangi rasuah, namun usaha ini merupakan usaha sama semua unit dalam Kerajaan. Dalam perkhidmatan awam, ketua-ketua unit integriti di semua kementerian, jabatan, dan

agensi bertanggungjawab turut membantu memacu perubahan bagi memperkukuhkan integriti dan tadbir urus dalaman. “Mereka berperanan sebagai ejen transformasi dalam jabatan masing-masing, dan perlu melapor kepada saya, sebagai Ketua Pengarah JITN. Rantaian perintah yang baharu ini akan membantu memupuk budaya kebertanggungjawaban organisasi yang kukuh dengan intoleransi sifar terhadap penyalahgunaan kuasa dan rasuah.”

Selanjutnya, kursus untuk para hakim yang berkhidmat di Mahkamah Khas untuk Rasuah telah dijalankan dengan kerjasama Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia. JITN juga bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia untuk menyenggara portal web Sistem Integriti Korporat Malaysia (Corporate Integrity System Malaysia, CISM).

“Rasuah turut berlaku dalam sektor swasta. Melalui kerjasama strategik dengan Business Integrity Alliance Berhad dan Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia, agenda untuk memperkasa integriti dan tadbir urus swasta dalam sektor swasta boleh dilaksanakan dengan lebih berkesan. JITN juga membiayai wakil Malaysia ke Persidangan Menentang Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dan Akademi Antirasuah Antarabangsa; kedua-duanya membuka saluran bagi kerjasama multilateral dalam pelbagai inisiatif pencegahan rasuah,” Zaeidah menjelaskan.

Beliau mengakui bahawa rasuah bukan sahaja berlaku di Malaysia, atau hanya dalam sektor awam atau swasta. “Rasuah wujud di mana-mana, sama ada dalam institusi antarabangsa, institusi agama, badan sukarela, atau pertubuhan sukan. Saya secara peribadi berpendapat bahawa usaha untuk membanteras rasuah sepenuhnya pada semua peringkat merupakan cabaran terbesar JITN. Usaha memerangi rasuah haruslah bermula dengan penyelesaian yang proaktif. Oleh itu, adalah tanggungjawab JITN untuk memastikan integriti dan tadbir urus baik berjaya diterapkan dan diperhalusi, terutamanya dalam semua sistem dan dasar Kerajaan.”

Kesemua usaha dan inisiatif yang dirancang ini diharapkan dapat menyumbang kepada penurunan kadar rasuah di Malaysia, dan pada masa yang sama, menjajarkan penetapan minda rakyat dengan matlamat NTP untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi. “Matlamat NTP bukan sahaja untuk mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi tetapi juga pertumbuhan yang mampan dan inklusif. Ekonomi kita kini lebih kukuh dan mampan dan pada pendapat saya, kita semakin menghampiri sasaran untuk mencapai status negara maju menjelang tahun 2020.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Pada masa hadapan, usaha-usaha baru akan diperkenalkan untuk meningkatkan kedudukan Malaysia dalam penarafan CPI dan memastikan peningkatan yang lebih kukuh dalam ketelusan dan integriti pelaksanaan perkhidmatan awam negara. Jabatan Integriti dan Tadbir Urus Negara (JITN) yang baru ditubuhkan akan menjadi agensi utama untuk memantau dan menyelaraskan aktiviti yang berkaitan dengan NKRA Membanteras Rasuah.

Untuk memastikan kedudukan CPI Malaysia bertambah baik pada tahun-tahun akan datang, sebuah bengkel telah diadakan dari 5 hingga 7 September 2017 untuk menangani kemerosotan kedudukan CPI negara. Hasil penting yang dijana daripada bengkel ini merangkumi tujuh inisiatif utama yang telah dikenal pasti untuk menangani 13 isu utama yang dikemukakan berkaitan dengan pencegahan, penguatkuasaan dan persepsi. Inisiatif-inisiatif ini akan dilaksanakan pada tahun 2018 oleh pihak yang berkaitan.

Sejajar dengan pengenalan Peruntukan Liabiliti Korporat di bawah Akta SPRM dan sebagai langkah berjaga-jaga untuk mengurangkan rasuah dan menggalakkan tadbir urus yang baik, Kerajaan juga akan menggalakkan syarikat supaya memperoleh pensijilan MS-ISO 37001. Memandangkan piawaian tersebut boleh digunakan sebagai garis panduan pematuhan antirasuah dalam Akta SPRM 2009, lebih banyak syarikat dijangka akan memperoleh sijil tersebut bagi menunjukkan pematuhan terhadap peruntukan baharu ini.



MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT

**MEMBANTU RAKYAT
DALAM MENGURUS
KOS SARA HIDUP**



YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri Merangkap Menteri Dalam Negeri

Sepanjang pelaksanaan Program Transformasi Negara (NTP), kajian semula langkah-langkah fiskal telah dilakukan bagi menggalakkan pertumbuhan sosioekonomi yang mampan dan pada masa yang sama memastikan pertumbuhan dicapai tanpa mengabaikan kumpulan rakyat yang benar-benar memerlukan. Justeru itu, Kerajaan telah memperkenalkan langkah-langkah tertentu untuk mengurangkan impak kenaikan kos sara hidup ke atas rakyat.

Impak kos sara hidup bukan hanya berlaku di Malaysia, malahan fenomena ini turut dihadapi oleh rakyat di seluruh dunia. Menurut Kaji Selidik Kos Sara Hidup Dunia 2017 oleh Economic Intelligence Unit yang mengambil purata indeks semua bandar yang telah dikaji dengan menetapkan New York sebagai bandar asas, kos sara hidup global telah meningkat sebanyak 74% disebabkan deflasi dan penurunan nilai mata wang. Singapura kekal sebagai bandar paling mahal di dunia selama empat tahun berturut-turut, diikuti oleh Hong Kong dan Zurich. Manakala, Kuala Lumpur berada di kedudukan ke-96 daripada 133 bandar-bandar yang terlibat dalam kajian ini.

Dalam hal ini, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) merupakan medium utama Kerajaan dalam usaha membantu rakyat Malaysia menguruskan kos sara hidup. Sejak tahun 2012, BR1M berjumlah RM25.65 bilion yang dibayar terus kepada para penerima telah membantu lebih daripada 7 juta individu serta keluarga dalam mengurangkan beban perbelanjaan seperti pembayaran bil bulanan, yuran pengajian dan kos perubatan.

Selain bantuan secara langsung melalui BR1M, Kerajaan juga merangka strategi-strategi jangka panjang untuk menangani kos sara hidup. Pada tahun 2016, agenda utama Kerajaan turut tertumpu kepada penguatkuasaan untuk mencegah kenaikan harga produk-produk asas selepas GST diperkenalkan. Pada tahun 2017 pula, kemiskinan bandar merupakan fokus utama Jawatankuasa memandangkan kos sara hidup lebih tinggi di kawasan bandar.

Kerajaan ini juga telah menyenaraikan beberapa strategi jangka sederhana dan panjang bagi memantau kos pengeluaran produk makanan yang akan dilaksanakan oleh pelbagai pihak dalam sektor awam dan swasta menggunakan pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS). Antaranya adalah mengoptimumkan pengeluaran bagi memastikan bekalan yang mencukupi untuk menampung permintaan terutamanya bagi hasil tani, ternakan dan perikanan. Sebuah jawatankuasa juga telah ditubuhkan untuk mengkaji kos di sepanjang rantai bekalan bagi mencegah manipulasi harga oleh orang tengah atau pihak perantara. Inisiatif-inisiatif seperti My Farm Outlet (MFO), Program Q'Fish dan Gudang Makanan Nasional juga telah dilaksanakan untuk membantu mengurangkan beban perbelanjaan dalam pembelian barang makanan. Bagi mengurangkan impak kos sara hidup ke atas pelajar universiti tempatan, terutamanya mereka di bandar-bandar besar, Kerajaan telah memperkenalkan program SiswaSave dan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia.

Dalam usaha memastikan semua rakyat mampu memiliki rumah sendiri, Kerajaan telah mengambil kira faktor-faktor asas seperti keperluan isi rumah, trend harga rumah dan lokasi dalam melaksanakan skim perumahan serta inisiatif-inisiatif berdasarkan keperluan rakyat. Projek Perumahan Rakyat (PPR), PPR Sewa Untuk Memiliki, Skim Pinjaman Perumahan (SPP) dan MyDeposit merupakan antara inisiatif yang disasarkan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

Diharapkan dengan pendekatan secara holistik ini, Kerajaan dapat menyediakan kemudahan-kemudahan yang lebih baik untuk membantu golongan sasaran yang telah dikenal pasti.

MEMBANTU MEREKA YANG MEMERLUKAN

Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) merupakan medium utama Kerajaan dalam menyampaikan bantuan segera kepada rakyat untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat yang kian meningkat.

Sejak diperkenalkan pada tahun 2012, lebih daripada 7 juta individu serta keluarga telah menerima manfaat daripada RM25.62 bilion yang diperuntukkan untuk BR1M. BR1M adalah suatu inisiatif yang terangkum dan dapat dinikmati oleh semua rakyat Malaysia yang layak, termasuklah 1.4 juta penerima di Sabah dan Sarawak.

“Sejak tahun 2012, BR1M berjumlah RM25.65 bilion telah membantu lebih daripada 7 juta individu serta keluarga.”

Pada tahun 2017, RM6.31 bilion telah diagihkan kepada 7.22 juta individu serta keluarga yang layak. Jumlah ini termasuk RM1,200 setiap isi rumah untuk 3.84 juta isi rumah yang berpendapatan di bawah RM3,000 sebulan; RM900 setiap isi rumah kepada 392,319 isi rumah yang berpendapatan antara RM3,001 dan RM4,000 sebulan; serta RM450 setiap seorang kepada 2.98 juta individu bujang yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan.



Gambar dari Utusan Online

Tujuh juta individu dan keluarga telah menerima manfaat daripada BR1M.



Gambar dari Utusan Online

BR1M membantu perbelanjaan individu dan keluarga.

Walaupun ada yang mengatakan bahawa pemberian wang hanya menyediakan bantuan sementara, BR1M telah terbukti membantu dalam meringankan beban kewangan golongan berpendapatan rendah. Wang tersebut boleh digunakan untuk pelbagai tujuan seperti pembelian barangan runcit, pembayaran bil bulanan atau perbelanjaan persekolahan anak-anak. Kajian daripada Bank Dunia dan Stanford University turut menyokong pengagihan wang tunai yang disasarkan melalui program-program seperti BR1M. Kajian tersebut mendapati bahawa kebanyakan penerima memanfaatkan wang bantuan untuk pendidikan anak-anak atau lain-lain tujuan yang berfaedah untuk keluarga.

Pada tahun 2017, Kerajaan telah melancarkan BR1M Upliftment Programme yang dilaksanakan dengan kerjasama Bank Simpanan Nasional (BSN), Proton dan UBER untuk membantu golongan B40 menjana pendapatan yang lebih tinggi. Melalui program ini, penerima BR1M boleh memilih untuk menggunakan dana tersebut sebagai bayaran deposit kereta dengan pihak Proton untuk menjadi pemandu UBER. Program ini akan dapat memenuhi keperluan dua segmen iaitu mereka yang mempunyai kereta yang memenuhi kriteria untuk menyediakan perkhidmatan UBER dan mereka yang tidak mempunyai kereta yang memenuhi kriteria UBER. Bagi segmen pertama, penerima BR1M boleh terus menjadi pemandu UBER setelah lulus pemeriksaan latar belakang serta keperluan kenderaan. Mereka yang tidak mempunyai kereta atau kereta yang tidak memenuhi kriteria UBER boleh mendapatkan bantuan daripada Proton dan Bank Simpanan Nasional Malaysia.

Selain mewujudkan peluang pekerjaan dan menjana pendapatan, BR1M Upliftment Programme juga secara tidak langsung dapat meningkatkan kecekapan pengangkutan awam pada waktu puncak, mengurangkan kesesakan jalan raya serta menjimatkan perbelanjaan orang ramai untuk pengangkutan awam. Dalam jangka panjang, peruntukan BR1M juga dapat dijiat untuk perkara-perkara lain.



Peluang untuk Kehidupan yang Selesa

Projek Perumahan Rakyat (PPR) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan Dan Kerajaan Tempatan telah memberi manfaat kepada beribu isi rumah dengan penyediaan rumah kos rendah, dan antaranya ada Fadzillah Shaari dan keluarganya.

“Sebelum kami berpindah ke rumah PPR ini, kami sekeluarga menyewa di kawasan setinggan di Datuk Keramat,” kongsi beliau. “Kami sentiasa risau jika rumah kami dilanda banjir, terbakar atau dihalau oleh tuan rumah. Perkara itu sudah biasa berlaku di kawasan tersebut.”

Kini, Fadzillah dan keluarganya tinggal di Blok C, PPR Hiliran Ampang. Sejak tahun 2006, beliau menyewa rumah tersebut pada kadar RM124 sebulan namun pada tahun 2010, beliau membuat keputusan untuk membeli rumah tersebut pada harga RM35,000. Keluarga beliau menerima rebat tunai RM2,500 kerana membayar jumlah penuh, lantas menjadikan harga rumah tersebut hanya RM32,500.

“Kami gembira tinggal di sini. Suasananya selesa dan dekat dengan tempat kerja saya, selain amat mudah untuk diakses,” kata Fadzillah. Rumahnya mempunyai tiga bilik tidur dan dua bilik air, dan kawasan kejiranan tersebut dilengkapi pelbagai kemudahan seperti taman permainan kanak-kanak, tadika, surau, pusat internet, pusat jagaan warga emas, pusat kesihatan dan sebuah dewan serbaguna. Kelab kejirannya yang mempunyai lebih 100 ahli juga aktif menjalankan aktiviti-aktiviti yang berfaedah untuk golongan belia dan warga emas. Kini, sebuah tempat letak kereta bertingkat sedang dibangunkan untuk menangani isu letak kereta yang dihadapi penduduk.

Fadzillah diperkenalkan kepada PPR oleh beberapa pegawai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ketika itu mereka sedang menjalankan kajian di kawasan Datuk Keramat dan apabila mendapat tahu bahawa keluarganya layak untuk memohon PPR, beliau terus membuat permohonan. Dalam proses mendapatkan sebuah unit PPR, Fadzillah amat kagum kerana keluarga yang mempunyai anak kecil dan warga emas diberikan keutamaan.

Sejurus permohonannya diluluskan, Fadzillah dan keluarganya pindah masuk ke dalam rumah mereka yang dilengkapi dengan sistem elektrik dan bekalan air yang sedia berfungsi. Ramai dalam kalangan ahli keluarga dan rakan-rakan yang mengucapkan tahniah



PPR memberi peluang kepada semua rakyat untuk menikmati perumahan yang selesa.

kepada Fadzillah kerana berjaya mendapatkan sebuah unit PPR dan mereka juga berminat dengan program ini. “Mereka sering mengeluh bahawa kos sara hidup kini tinggi, dan agak sukar untuk mencari rumah dengan kadar sewa yang rendah,” kata Fadzillah. “(Sebelum saya membeli unit ini) Sewa saya hanya RM124 sebulan, walhal ada yang membayar sehingga RM600, RM700, RM800 sebulan untuk rumah yang mempunyai satu atau dua bilik. Hal ini lebih sukar untuk keluarga-keluarga yang besar.”

Fadzillah berharap lebih banyak unit PPR akan dibina pada masa hadapan untuk keluarga-keluarga seperti keluarga beliau dan beliau amat gembira setiap tahun bilangan PPR yang dibina bertambah, termasuklah rumah pangsa, rumah flat dan rumah teres. Beliau yang rasa bertuah kerana mendapat maklumat mengenai PPR daripada pegawai DBKL berkata bahawa kesedaran berkenaan program ini perlu diperluas agar lebih ramai mendapat manfaat melaluinya.

“(Sebagai salah seorang yang mendapat manfaat melalui PPR,) saya akan terus berkongsi maklumat mengenai PPR kepada keluarga berpendapatan rendah lain agar mereka juga boleh memanfaatkannya seperti kami.”

KADS1M – Bantuan Kewangan untuk Pelajar

Ayu Nur Hani Azman, 21 tahun, merupakan seorang pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan Pengangkutan di UiTM Puncak Alam dan merupakan seorang pengguna KADS1M yang ditawarkan oleh Bank Rakyat. Kad Debit-i Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) adalah kad tanpa sentuh 3-dalam-1 patuh Syariah yang berfungsi sebagai kad diskaun, ATM dan debit. Tiada sebarang bayaran transaksi asing tambahan dikenakan atas penggunaan kad tersebut dan jika terdapat sebarang transaksi meragukan, pemegang kad akan diberikan notifikasi melalui SMS.

“Saya telah menerima pelbagai bantuan daripada Kerajaan seperti kad diskaun dan baucar buku, tetapi setakat ini saya paling menggemari KADS1M,” kata beliau dengan penuh semangat. “Kami (para pelajar) boleh menggunakan RM250 yang didepositkan ke dalam akaun tersebut untuk apa sahaja perbelanjaan. Wang tersebut ternyata membantu perbelanjaan saya di universiti.”

Beliau menggunakan wang tersebut untuk membayar kos petrol, makanan dan buku. Ayu juga kerap menggunakan diskaun yang boleh didapati dengan penggunaan kad tersebut untuk penjimatan lebih. “Dengan menggunakan kad ini, saya boleh mendapatkan diskaun 10% di MPH, selain diskaun di restoran makanan segera seperti KFC dan Marry Brown. Diskaun-diskaun ini bagus, kerana saya dapat mengurangkan kos perbelanjaan, terutamanya kos membeli peralatan belajar.”

Pemegang KADS1M boleh menikmati diskaun untuk barangan dan perkhidmatan dari pelbagai kategori

termasuklah automotif, buku dan alat tulis, klinik kesihatan, makanan dan minuman, optometri, pendidikan, percetakan dan cenderamata, pakaian, penginapan, pengangkutan

dan perjalanan, barangan runcit, salun dan kecantikan, sukan dan rekreasi, dan lain-lain dengan lebih 2000 pedagang berdaftar.

Proses permohonan KADS1M amat mudah, walaupun memakan masa sedikit, kata Ayu. Beliau mendapat maklumat mengenai KADS1M melalui rakan-rakan dan media massa. Ayu memohon KADS1M secara atas talian pada permulaan 2017 dan kad tersebut sedia untuk diambil di cawangan Bank Negara yang terdekat pada pertengahan 2017.

Sebagai pengguna kad tersebut, Ayu mempunyai beberapa nasihat untuk para pemohon kali pertama. “Saya nasihatkan pemohon untuk memulakan proses permohonan awal kerana kad tersebut mengambil masa untuk disiapkan,” kata Ayu. “Anda akan mendapat emel dari Bank Negara menyatakan kelulusan kad tersebut, dan dalam situasi saya, proses tersebut mengambil masa berbulan-bulan tetapi anda perlu bersabar.”

Ramai rakan-rakan Ayu turut menerima KADS1M dan mereka juga telah menikmati manfaat melalui penggunaan kad tersebut. Beliau menekankan kepentingan pengurusan kewangan dalam kalangan para pelajar yang menerima bantuan kewangan. “Bagus jika kita boleh merancang untuk menggunakan wang tersebut secara efektif. Ada rakan saya yang menggunakan keseluruhan RM250 tersebut untuk berhibur. KADS1M sepatutnya membantu kita dalam pembelajaran, dan kita sepatutnya menggunakan wang tersebut sebaiknya.”

KADS1M banyak membantu pelajar sepertinya dan Ayu berharap untuk menamatkan pengajian menjelang tahun 2020, berjaya dalam kerjaya pilihannya dan dapat menyumbang semula kepada negara.



**Ayu Nur Hani Azman,
pengguna KADS1M.**



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Apabila Program Transformasi Negara (NTP) diperkenalkan pada tahun 2010, Kerajaan berhasrat untuk memastikan penambahbaikan sosioekonomi yang terangkum dan mampan. Hasilnya, kadar kemiskinan dalam negara telah menurun dengan konsisten sejak 7 tahun lalu dan kini peratusannya berada di bawah 0.4% (pada 2016). Sementara itu, isi rumah di Malaysia menikmati peningkatan pendapatan median sebanyak 6.6% dari RM4,585 pada 2014 kepada RM5,228 pada tahun 2016. Pelaksanaan gaji minima juga mendorong kepada peningkatan pendapatan gaji yang ketara dalam kalangan golongan B40.

Isu-isu berkaitan kos sara hidup sering dibincangkan oleh banyak pihak di negara ini sehinggakan mereka lupa bahawa pengaruh global juga boleh menjejaskan kesejahteraan rakyat. Oleh itu, dasar fiskal yang berdisiplin amat penting untuk menyokong ekonomi dan memenuhi tanggungjawab jangka panjang kepada rakyat. Hasil transformasi yang telah dikecapi adalah jelas termasuklah ekonomi yang lebih kukuh dan berkembang, penurunan defisit tahunan, peningkatan gaji, penurunan kadar kemiskinan, kos penjagaan kesihatan yang berpatutan, dan pendidikan yang lebih berkualiti. Jumlah pelaburan dalam negara juga konsisten dan sehingga Disember 2017, negara telah merekodkan KDNK RM1,352.5 bilion.

Meskipun perjalanan kita penuh berliku, namun asas bagi pengurusan kos sara hidup telah disediakan. Selaras dengan teras utama NTP yang memberi fokus kepada kemampanan sosioekonomi dan keterangkuman, Kerajaan berusaha untuk memudah cara peluang bagi rakyat menjana pendapatan demi meningkatkan kesejahteraan hidup serta membantu menangani kos sara hidup yang sentiasa terkesan oleh pasaran global. Dalam jangka panjang, rakyat tidak hanya bergantung pada subsidi dan bantuan kewangan semata-mata tetapi mendapat peluang untuk menjana pendapatan yang kukuh dalam menangani kos sara hidup secara mampan kerana peningkatan ekonomi haruslah dikongsi bersama. Bagi mencapai matlamat ini, Malaysia harus kekal berdaya saing dan meneruskan usaha untuk menarik pelaburan strategik untuk membina ekonomi yang kukuh demi generasi akan datang.





PEMBANGUNAN LUAR BANDAR



TRANSFORMASI PENGHIDUPAN LUAR BANDAR



YB DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

Ketika NTP dimulakan, kita telah mengenal pasti bahawa banyak yang perlu dilakukan untuk penduduk luar bandar yang mewakili 35% daripada keseluruhan rakyat Malaysia. Pada masa itu, kebanyakan perkampungan di Sabah dan Sarawak masih belum dihubungkan dengan jalan raya, manakala 25% isi rumah masih tidak mendapat akses bekalan elektrik. Tambahan pula, lebih 40% isi rumah di Sabah dan Sarawak serta 12% penduduk luar bandar di Semenanjung Malaysia hanya mempunyai akses yang terhad kepada air bersih atau air terawat.

NKRA Pembangunan Luar Bandar berusaha memperbaiki keadaan ini sebagai pemangkin untuk mentransformasi kehidupan dan ekonomi penduduk di kawasan luar bandar. Matlamat NKRA ini adalah untuk memastikan komuniti luar bandar dibekalkan dengan infrastruktur dan kehidupan yang mampan serta diberi peluang menyertai aktiviti ekonomi dengan visi mengurangkan jurang perbezaan di antara penduduk bandar dan luar bandar serta mencapai perkembangan ekonomi yang inklusif dan seimbang.

Sejak tahun 2010, matlamat program ini telah dicapai melalui pembinaan dan penambahbaikan jalan di kawasan luar bandar, penyambungan bekalan air bersih dan terawat, dan bekalan elektrik 24 jam serta pembinaan dan pemulihan rumah untuk golongan miskin. Tambahan lagi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) telah memperkenalkan program-program ekonomi untuk meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar bagi memastikan mereka menikmati faedah pemodenan. Sehingga hujung tahun 2017, usaha ini telah memanfaatkan seramai 6.8 juta penduduk.

Adalah penting untuk diberi perhatian bahawa walaupun NKRA Pembangunan Luar Bandar telah mencapai sasaran hala tuju NTP yang dilancarkan pada tahun 2010, KKLW akan tetap meneruskan inisiatif pembangunan

luar bandar selari dengan agenda nasional. Walaupun perolehan tanah menjadi cabaran utama bagi projek pembangunan luar bandar, melalui kerjasama akrab antara pihak-pihak berkepentingan, projek-projek ini dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan.

Melangkah ke hadapan, KKLW akan meningkatkan usaha dalam melaksanakan dasar Kerajaan sejajar dengan Transformasi Nasional 2050 (TN50). Kementerian dan agensi-agensi akan terus berkhidmat sebagai ejen transformasi untuk komuniti luar bandar dalam merealisasikan matlamat TN50 bagi menjamin kemakmuran negara.

INFRASTRUKTUR UNTUK SEMUA

Penyediaan infrastruktur luar bandar memberi fokus kepada pengurusan polariti pelaburan Kerajaan di kawasan bandar dan luar bandar bagi memastikan transformasi Malaysia dilaksanakan di seluruh pelusuk negara. Sejak tahun 2010, NTP telah mempercepatkan pembangunan di kawasan luar bandar melalui pelbagai program pembinaan jalan dan juga penyediaan kemudahan elektrik serta bekalan air.

“Dari tahun 2010 hingga 2017, 6,868 km jalan telah dibina dan dinaik taraf melalui JALB dan JPD yang telah memanfaatkan 3.7 juta penduduk kampung.”

Selaras dengan ini, KKLW menyelia dua program pembinaan jalan: Program Jalan Luar Bandar (JALB) dan Jalan Perhubungan Desa (JPD). JALB bertujuan untuk menaik taraf dan meningkatkan liputan sistem jalan raya luar bandar dengan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan terpencil bagi menggalakkan pertumbuhan industri di kawasan tersebut. Inisiatif ini memudahkan perjalanan kenderaan berat dan komersial, meluaskan jangkauan kenderaan serta memacu perkembangan ekonomi di kawasan sekitarnya. Inisiatif ini turut melengkapkan aspirasi KKLW untuk memperluas liputan infrastruktur asas di kampung-kampung seluruh Malaysia.



Projek yang telah siap di bawah Program Jalan Luar Bandar.

JPD pula melibatkan jalan-jalan yang menghubungkan sesebuah kampung ke kampung yang lain atau ke lebuh raya utama untuk menambah baik akses antara lokasi di pedalaman, memberi penduduk luar bandar lebih pilihan dalam perjalanan dan meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Jalan-jalan yang dibina juga memperbaiki kesalinghubungan penduduk luar bandar ke pusat kesihatan, klinik, sekolah, pusat ibadat dan pusat komuniti serta kemudahan awam yang lain. Projek JPD memberi fokus kepada pembinaan jalan-jalan baharu dan juga menaik taraf jalan tanah atau laterit kepada jalan premix/betar, separuh turap atau jalan konkrit.

Dari tahun 2010 hingga 2017, 6,868 km jalan telah dibina dan dinaik taraf melalui JALB dan JPD yang telah memanfaatkan 3.7 juta penduduk kampung. Ini merupakan jarak yang hampir sama di antara Putrajaya dan Mumbai, India melalui jalan darat.

Perkhidmatan lain yang amat penting di bawah inisiatif pembangunan luar bandar adalah penyediaan bekalan air yang dilaksanakan melalui Program Air Luar Bandar (BALB). Program ini menyediakan bekalan air bersih dan terawat, kepada penduduk luar bandar termasuk komuniti Orang Asli. Bekalan air ini disalurkan melalui sistem retikulasi atau sistem sumber air alternatif dan loji rawatan air yang baharu, sementara loji rawatan air yang sedia ada turut di naik taraf.

BALB bertindak sebagai pendorong kepada pembangunan ekonomi luar bandar, terutamanya dalam sektor pertanian, pelancongan dan industri. Dalam memastikan air bersih dan terawat sampai ke komuniti luar bandar secara komprehensif dan tepat pada waktunya, pihak Kementerian telah menyediakan 354,400 isi rumah dengan bekalan air. Sejak tahun 2010 hingga 2017, 1.8 juta individu telah mendapat manfaat melalui inisiatif ini dan keseluruhan liputan bekalan air di Malaysia telah melebihi 90%.

Sementara itu, program tenaga elektrik luar bandar di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) memainkan peranan penting dalam penyediaan bekalan elektrik 24 jam kepada penduduk luar bandar. Hal ini dapat dicapai dengan menghubungkan kampung ke talian grid dan sistem alternatif seperti sistem hibrid solar dan hibrid mikro. Pemasangan lampu jalan kampung turut dilaksanakan untuk memastikan bekalan elektrik yang stabil terutamanya di kawasan-kawasan terpencil. Projek ini merangkumi pembinaan stesen transmisi, pengagihan serta pendawaian sehingga ke kotak meter di rumah. Sejak tahun 2010, inisiatif ini telah menyambungkan 161,931 isi rumah dengan bekalan elektrik dan memanfaatkan 809,655 penduduk luar bandar yang tinggal di 85% kampung-kampung di seluruh Malaysia. Dengan siapnya projek ini, keseluruhan liputan bekalan elektrik ke seluruh Malaysia kini hampir mencecah 100%.



Stesen hibrid suria di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar.

Walaupun inisiatif ini telah menghasilkan impak yang besar, pihak Kementerian menghadapi cabaran yang berlaku saban tahun dalam perolehan tanah. Memandangkan sebahagian daripada tanah untuk projek pembangunan infrastruktur adalah milik persendirian, pihak Kementerian telah mengambil inisiatif turun padang untuk berunding sendiri dengan tuan tanah.

MENYEDIKAN DAN MENAIK TARAF PERUMAHAN PENDUDUK LUAR BANDAR

Sejajar dengan transformasi Malaysia ke arah negara maju, Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) telah dilaksanakan bagi membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar serta mencapai pertumbuhan yang inklusif dan seimbang di peringkat nasional. Projek ini merangkumi pembinaan rumah baharu dan pemulihan rumah sedia ada untuk memberikan penduduk kampung, kediaman yang lebih selamat dan selesa.

Projek ini mensasarkan golongan miskin tegar yang berdaftar dalam pangkalan data e-Kasih dengan keutamaan diberikan kepada warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) serta ibu tunggal yang mempunyai ramai tanggungan. Pada tahun 2017, saiz rumah yang dibina diperluas dari 600 kaki persegi kepada 660 kaki persegi, manakala reka bentuk rumah turut ditambah baik. Dari tahun 2010 hingga 2017, 103,033 buah rumah telah dibina atau dibaik pulih, menyediakan rumah yang selesa kepada 515,170 penduduk kampung.

Bagi memastikan peruntukan perumahan diberikan kepada yang benar-benar memerlukan, pihak Kementerian akan mengadakan lawatan bagi menilai kelayakan bakal penerima yang dicadangkan daripada senarai e-Kasih.



Sebuah tangki air di bawah Program Bekalan Air Luar Bandar.

Usahawan Dari Perlis Maju Ke Hadapan Selepas Menyertai Cabaran Perniagaan

Ketika memohon untuk menyertai program Cabaran Perniagaan Luar Bandar (Rural Business Challenge, RBC) pada tahun 2015, Mohd Syafiq bin Drahman tidak terbayang betapa besarnya impak program itu ke atas perniagaannya.

Syafiq menguruskan Ameqin Sepakat Sdn Bhd, sebuah perniagaan mengecat dan pembekal automotif di Arau, Perlis. Beliau memohon untuk menyertai program RBC selepas mendapat tahu tentang program pembangunan usahawan luar bandar ini daripada seorang rakan.

Pada tahun 2017, 87% daripada pemenang RBC dari tahun 2015 telah meningkatkan pendapatan mereka melebihi 30%. Usahawan yang berusia 30 tahun ini berkata pertandingan yang dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di bawah NKRA Meningkatkan Pembangunan Luar Bandar ini amat mencabar.

“Kadang kala saya berasa tertekan,” kongsi beliau. Walau bagaimanapun, perasaan ini dapat diketepikan dengan sokongan dan galakan daripada rakan-rakan. Ketabahan beliau membuahkan hasil apabila dipilih sebagai pemenang RBC.

Sebagai sebahagian daripada hadiah kemenangannya, pihak Kementerian telah membiayai pembelian mesin baharu serta pengubahsuaian untuk membesarkan bengkel beliau. “Geran RBC membantu mengembangkan perniagaan saya,” kata Syafiq. “Saya dapat membina sebuah bangunan baharu untuk menampung perkembangan perniagaan serta membuat sambungan kepada bangunan yang sedia ada.”

Namun, sokongan daripada pihak KKLW bukan sahaja dari segi bantuan kewangan tetapi juga dalam bentuk khidmat nasihat dan peluang networking. “Saya menerima khidmat nasihat tentang cara-cara untuk memperkembangkan perniagaan,” kata Syafiq. “Saya juga berpeluang bertemu dengan usahawan-usahawan daripada pelbagai jenis perniagaan yang lain. Melalui pertemuan ini, kami dapat berkongsi pengalaman dan bertukar-tukar pendapat.”

Syafiq mengakui bahawa perniagaannya bertambah baik selepas menyertai RBC. Profil beliau juga bertambah hebat, membolehkan beliau untuk menarik pelanggan baharu selain memudahkan permohonan pinjaman. Kedudukan kewangan perniagaannya juga semakin kukuh

dengan peningkatan dari RM300,000 sebelum beliau menyertai RBC kepada RM600,000 pada tahun 2017.

“Program ini telah mengubah kehidupan serta perniagaan saya,” kata Syafiq. “Sebelum ini syarikat saya tidaklah berapa dikenali. Kini, saya mendapat lebih banyak peluang perniagaan kerana saya lebih dikenali. Pinjaman perniagaan juga lebih mudah dipohon.”

Pemenang RBC ini juga mempunyai nasihat bernas untuk usahawan-usahawan muda di luar bandar yang bercita-cita untuk memenangi RBC pada masa hadapan. “Nasihat saya kepada mereka yang ingin menyertai RBC adalah untuk kuatkan semangat dan keazaman,” tegas beliau. “Sentiasa yakin apabila berhadapan dengan panel juri. Pastikan pelan perniagaan anda kukuh dan jangan berputus asa. Kejayaan tidak datang dengan mudah tanpa usaha, doa dan tawakal kepada Allah swt.”

Usahawan yang menetap di Perlis ini berkata beliau kini bermatlamat untuk menjadi pilihan pertama pelanggan dalam negeri tersebut dalam jangka masa terdekat serta ingin meluaskan perniagaannya ke negeri-negeri lain pada masa akan datang.



Pemenang RBC, Mohd Syafiq bin Drahman.



MEMPERKASA KOMUNITI MELALUI KEUSAHAWANAN

Sejajar dengan matlamat NTP, pembangunan ekonomi luar bandar memainkan peranan penting dalam mentransformasi keseluruhan ekonomi Malaysia. Bagi tujuan ini, inisiatif Desa Lestari dan Rural Business Challenge (RBC) berperanan sebagai teras utama KKLW dalam usaha meningkatkan ekonomi luar bandar.

Program Desa Lestari dilaksanakan dengan tujuan untuk mentransformasikan desa menjadi sebuah kawasan yang maju dengan penduduk yang berpendapatan tinggi. Usaha ini dilaksanakan melalui penubuhan koperasi yang bertindak sebagai medium untuk membangunkan serta membolehkan komuniti merancang dan mengendalikan projek-projek pembangunan. Program ini turut membuka peluang pekerjaan kepada penduduk desa termasuk ibu tunggal dan warga tua. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2013, 88 desa telah berjaya merangsang aktiviti ekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk, mencatatkan 95,832 penerima manfaat.

Antara projek Desa Lestari yang telah dilaksanakan sejak tahun 2013 ialah penternakan lebah dan projek perkhidmatan ladang di Kampung Paloh 1, Gua Musang, Kelantan. Pada tahun 2017, 15 buah kampung lagi telah menyertai projek Desa Lestari.

Belia berumur 18 hingga 40 tahun dipelawa untuk bersaing dalam RBC dengan mengemukakan cadangan pelan perniagaan yang mampan serta mampu meraih keuntungan demi pembangunan perniagaan di kawasan luar bandar. Program ini juga bertujuan untuk menggalakkan belia luar bandar memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan, membuka peluang pekerjaan dan memangkin pertumbuhan ekonomi luar bandar untuk meningkatkan daya tarikan kawasan kampung sebagai tempat untuk didiami.

“88 desa telah berjaya merangsang aktiviti ekonomi dan meningkatkan pendapatan penduduk, mencatatkan 95,832 penerima manfaat.”

Pada tahun 2017, 87% pemenang-pemenang RBC dari tahun 2015 telah merekodkan peningkatan pendapatan melebihi 30%. Pada tahun 2017, pihak Kementerian telah mempromosikan pembangunan keusahawanan melalui program Reality Rural Business Challenge, satu rancangan TV realiti yang menonjolkan pencapaian pemenang-pemenang RBC bagi menarik belia luar bandar menceburi program keusahawanan ini. Kerajaan mengambil pendekatan yang dinamik dan moden dengan penggunaan platform yang interaktif dan menarik seperti rancangan televisyen serta pameran bagi menarik minat golongan belia terhadap bidang keusahawanan. Walau bagaimanapun, pemilihan projek yang mampu menjana pulangan besar serta mendapatkan peserta yang berkebolehan mengendalikan perniagaan dengan baik merupakan antara cabaran yang dihadapi.



Program Desa Lestari dilaksanakan dengan tujuan untuk mentransformasikan desa menjadi sebuah kawasan yang maju dengan penduduk yang berpendapatan tinggi.

Membina Asas untuk Kemajuan Komuniti Luar Bandar

Ahmad Firdaus Baharuddin, Setiausaha Bahagian di Bahagian Prasarana di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah seorang yang sangat komited terhadap tugasnya.

“Jadual saya amat padat dan melibatkan banyak mesyuarat dan lawatan ke kawasan luar bandar di seluruh Malaysia,” beliau berkongsi. “Walaupun perjalanan untuk ke kebanyakan kawasan ini agak rumit dan memakan masa, tiada yang lebih baik daripada lawatan secara peribadi ke tempat-tempat ini. Lawatan-lawatan ini membantu kami untuk memahami senario sebenar yang berlaku di kawasan pedalaman, membolehkan kami menjalankan tugas dengan lebih berkesan.”

Skop tugas beliau secara langsung merangkumi enam jenis program yang berkaitan dengan pembangunan kawasan luar bandar: Program Jalan Kampung, Program Jalan Luar Bandar, Program Bekalan Air Luar Bandar, Program Bekalan Elektrik Luar Bandar, Program Lampu Jalan Kampung dan Program Kemudahan Sosial. Program-program ini bertujuan untuk merapatkan jurang kemajuan antara kawasan bandar dengan luar bandar dengan mewujudkan asas yang kukuh

untuk kemajuan komuniti luar bandar, lantas memberi peluang kepada semua rakyat Malaysia untuk berjaya tanpa mengira lokasi.

Hubung kait secara langsung dan positif antara peningkatan infrastruktur dan kualiti hidup yang lebih baik dapat dilihat dengan jelas di kawasan luar bandar. Sebagai contoh, pembinaan jalan kampung dan pemasangan lampu di kawasan luar bandar membawa kepada peningkatan aktiviti ekonomi, pendidikan dan sosial, pengurangan kadar jenayah, pengurangan kadar kemalangan serta peningkatan akses kepada penjagaan kesihatan dan peluang pendidikan, antara lain. Penyambungan elektrik 24 jam yang stabil di kawasan luar bandar juga membuka peluang kepada begitu banyak aktiviti yang sebelumnya tidak mungkin dapat dilakukan.

Walau bagaimanapun, tidak semua projek berjalan lancar. “Kerap kali kami perlu bekerja dengan pelbagai pihak untuk menyiapkan projek. Sesetengah projek mungkin terlewat atau terhenti disebabkan oleh isu tanah dan kerenah birokrasi,” Ahmad Firdaus berkongsi, “Saya juga perlu mengurus pembiayaan yang disediakan untuk mengoptimalkan perbelanjaan.”



Proses pembinaan jalan luar bandar.



Beliau berkongsi bahawa ini perlu dilakukan kerana kos memainkan peranan penting dan jangkaan kedua-dua penerima manfaat serta pihak yang berkepentingan perlu diuruskan.

Ahmad Firdaus yakin bahawa dalam konteks pertumbuhan inklusif untuk negara, peningkatan infrastruktur di kawasan luar bandar adalah penting tetapi usaha ini perlu menjadi sebahagian daripada strategi berbilang serampang yang lebih luas. “Projek *one-off* di kampung-kampung memang tidak memadai. Penduduk kampung kita mungkin mendapat akses kepada bekalan elektrik dan air tetapi mereka masih tidak dapat menyertai ekonomi digital disebabkan kekangan kewangan, infrastruktur logistik serta internet. Misalnya, mereka memerlukan akses kepada bank dan pejabat pos yang mungkin terletak jauh dari kampung mereka. Jika kita mahu memastikan pertumbuhan yang inklusif, pembangunan-pembangunan ini mesti wujud seiring.”

Meskipun berhadapan dengan cabaran, Ahmad Firdaus berbangga dengan usaha pasukannya. Hasil usaha mereka jelas; empat daripada enam program di bawah Bahagian Prasarana menjangkau sasaran. Program Bekalan Air Luar Bandar (dengan peruntukan RM632.40 juta) mencapai kejayaan paling baik dengan membekalkan air bersih kepada 5,326 isi rumah di luar bandar. Program ini mencapai kadar lengkap 177.53%, melebihi sasaran asalnya untuk membekalkan air bersih kepada 3,000 isi rumah.

Satu lagi projek dengan pencapaian yang memberangsangkan adalah Program Kemudahan Sosial (dengan peruntukan RM60 juta), yang melengkapkan 1,222 projek, atau 152.75% kadar lengkap berbanding sasaran asal 800 projek. Antara projek di bawah Program Kemudahan Sosial termasuklah pembinaan jeti baharu, naik taraf surau dan dewan, pemasangan longkang serta naik taraf infrastruktur lain yang dirancang dan seperti yang diminta.

Program Jalan Luar Bandar (dengan peruntukan RM887.82 juta) dan Program Jalan Kampung (dengan peruntukan RM284 juta) mencapai kadar lengkap 111.74% dan 102.91%, masing-masing meliputi 245.82 km dan 582.45 km jalan baharu. Antara program lain yang dilaksanakan termasuklah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (dengan peruntukan RM447 juta) yang

hampir siap. Projek ini kini 98.05% lengkap dan telah memanfaatkan 8,110 isi rumah di kawasan luar bandar.

Apabila ditanya mengenai pembangunan jangka panjang kawasan luar bandar, Ahmad Firdaus menegaskan bahawa beliau komited untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar. “Pada asasnya, kita mahu taraf hidup di kawasan luar bandar sama baik dengan taraf hidup di kawasan bandar agar rakyat tidak perlu berpindah untuk menikmati kemudahan yang baik,” kata beliau, “Kami akan terus bekerja dengan rakan-rakan kongsi serta agensi-agensi berkenaan untuk merealisasikan matlamat ini.”



Ahmad Firdaus turun padang untuk memastikan kelancaran projek pembangunan luar bandar.

Menerangi Kehidupan Komuniti Bario

Penduduk kawasan bandar mungkin mengambil ringan dan tidak begitu menghargai kemudahan bekalan elektrik. Namun, bagi penduduk di kawasan pedalaman, terutamanya di Sabah dan Sarawak, bekalan elektrik merupakan suatu kemewahan. Di kawasan-kawasan tersebut, bekalan elektrik hanya dapat dinikmati oleh penduduk yang cukup kaya untuk membeli penjana elektrik untuk rumah mereka atau penduduk yang bernasib baik tinggal di kawasan yang disambungkan kepada grid elektrik.

Bagi penduduk yang tidak berada dalam mana-mana kategori ini, Skim Pembekalan Elektrik Luar Bandar berperanan menyediakan kemudahan bekalan elektrik kepada mereka.

Dayang Nalin, 54 tahun, dari Kampung Arur Dalam di daerah Bario, Sarawak seorang petani sepenuh masa sejak tahun 2007. Keluarganya menyara kehidupan dengan menanam padi, nanas dan kopi. “Kampung Arur Dalam adalah kampung pertama di Bario yang menikmati bekalan elektrik hibrid suria,” kata ibu kepada dua orang anak ini. “Pada mulanya, bekalan elektrik tidaklah begitu baik tetapi sejak Disember 2017, kami mula menikmati bekalan elektrik 24 jam (terima kasih kepada Skim Pembekalan Elektrik Luar Bandar).”

Kini, keluarga Dayang, serta beratus-ratus isi rumah di Bario, mendapat bekalan elektrik dari Stesen Janakuasa Hibrid Suria Berpusat Bario. Sistem ini dipacu oleh tenaga hibrid solar dan merupakan projek solar terbesar di bawah inisiatif pembekalan elektrik alternatif luar bandar di Sarawak yang diusahakan oleh Kerajaan. Dua sumber tenaga yang digunakan ialah fotovoltan suria (70%) dan penjana diesel (30%).

Pembinaan stesen tersebut bermula pada tahun 2010 dan dilancarkan pada Oktober 2016. Kini, Stesen Janakuasa Hibrid Suria Berpusat tersebut menyediakan bekalan elektrik pada harga mampu dimiliki serta boleh diperbaharui kepada penduduk Bario. Bario terletak pada kedudukan 3,200 kaki dari aras laut dan dikelilingi kawasan bergunung-ganang yang membuatkan sambungan elektrik kepada grid elektrik tradisional negeri mustahil.

“Hampir semua kerja dapur dan tugas harian sukar untuk dilakukan sebelum kami mendapat bekalan elektrik,” Dayang berkongsi. “Selepas makan malam, biasanya tiada aktiviti yang dijalankan. Dulu kami perlu menyalakan kayu api untuk memasak dan menggunakan ‘damar’ atau lampu kerosin untuk mendapatkan cahaya (pada waktu malam).”

Akses kepada bekalan elektrik yang stabil telah banyak memudahkan tugas harian penduduk seperti Dayang dan secara keseluruhannya telah memberikan impak yang positif kepada para penduduk kampung. Taraf hidup yang bertambah baik ini turut meningkatkan aktiviti ekonomi. “Sejak bekalan elektrik boleh diperolehi dengan mudah, aktiviti seperti membakar dan membuat jem nenas (menggunakan perkakas elektrik) dapat dilakukan,” kata beliau.

Dayang teruja untuk melihat pembangunan selanjutnya di kampung beliau, termasuklah perkembangan aktiviti pelancongan dan pertanian. “(Saya akan berasa gembira jika) rumah panjang berusia 55 tahun itu dipasang atap dan genting baharu. Selain itu, sungai jernih Arur Dalam juga boleh dijadikan tarikan pelancong, membawa aktiviti ekonomi terus ke kampung kami,” beliau mencadangkan. “Di samping itu, saya berharap tanah terbiar di kampung ini boleh diusahakan dengan penanaman pokok durian dan kopi Arabica, antara lain (untuk pendapatan tambahan)”.



Ladang suria program bekalan elektrik luar bandar di Bario.



TINJAUAN MASA HADAPAN ▶▶

Dalam meneruskan kesinambungan program pembangunan infrastruktur luar bandar bagi memastikan keterangkuman sosioekonomi, KKLW akan memberi tumpuan yang lebih kepada kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak di mana kadar pembangunannya tidak semaju jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia. Antara faktor yang menyebabkan hal ini adalah keadaan geografinya yang terpencil, lantas menyukarkan pelan pembangunan selain melibatkan kos yang lebih tinggi. Secara keseluruhannya, pihak Kementerian akan meningkatkan strategi dan usaha bagi merealisasikan pelan pembangunan luar bandar Kerajaan.



PENDIDIKAN

**MEMBANGUNKAN SISTEM
PENDIDIKAN HOLISTIK
DARI PERINGKAT AWAL**

**YB DATO' SERI MAHDZIR KHALID**

Menteri Pendidikan

Di bawah NTP, keberhasilan murid perlu dipertingkatkan agar anak-anak kita mampu bersaing pada peringkat global dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, Kementerian telah memberi penekanan kepada inisiatif-inisiatif untuk meningkatkan kualiti sistem pendidikan negara sejak tahun 2010 dan ini telah mengubah budaya kerja ke arah budaya yang berorientasikan prestasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Situasi ini berbeza sebelum inisiatif NTP Pendidikan diperkenalkan pada tahun 2009, di mana prestasi murid Malaysia agak ketinggalan berbanding negara-negara lain di rantau ASEAN berdasarkan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) dan Programme for International Student Assessment (PISA).

Untuk memastikan murid-murid menguasai Bahasa Inggeris dengan lebih baik, pelaksanaan Program Dwibahasa (Dual Language Programme, DLP) dan Program Imersif Tinggi (Highly Immersive Programme, HIP) telah berjaya menghasilkan keputusan yang memberangsangkan. Pada tahun 2017 sahaja, DLP telah dilaksanakan di 1,214 buah sekolah dan ini merupakan suatu peningkatan yang amat tinggi berbanding 378 buah sekolah pada tahun sebelumnya apabila program tersebut dimulakan sebagai projek perintis. HIP juga telah diperluaskan ke 5,526 buah sekolah di seluruh negara (3,693 buah sekolah rendah dan 1,807 buah sekolah menengah), memberikan 2.54 juta orang murid pendedahan yang lebih tinggi kepada *lingua franca* global ini.

Menyedari kepentingan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan guru, Kementerian Pendidikan (KPM) telah memberikan tumpuan kepada pelaksanaan sesi latihan yang lebih intensif untuk guru-guru Bahasa Inggeris. Setakat ini, 34% guru-guru Bahasa Inggeris di seluruh negara telah mencapai tahap penguasaan minimum C1.

Dalam usaha menyediakan pendidikan awal yang berkualiti untuk anak-anak kita, inisiatif intensif yang dijalankan dalam menggalakkan penyertaan ke prasekolah telah membawa kepada peningkatan yang ketara dalam kadar enrolmen iaitu 84.26% atau bersamaan dengan 884,983 orang murid prasekolah baharu pada tahun 2017. Walaupun kumpulan umur kanak-kanak 5+ telah hampir mencapai tahap enrolmen sejagat iaitu 90.89%, banyak lagi usaha yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kadar enrolmen bagi kumpulan usia 4+ yang masih berada pada tahap 77.8%. Kerajaan berhasrat untuk terus menawarkan bantuan yuran kepada keluarga-keluarga yang layak dan menggiatkan usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai manfaat pendidikan prasekolah seawal umur 4+.

Perancangan yang teliti dan struktur pelaksanaan dari pelbagai aspek masih penting dalam menyelesaikan masalah sistemik dan mewujudkan suasana pembelajaran yang mampan untuk rakyat Malaysia pada masa hadapan. Dalam usaha mempertingkatkan sistem pendidikan negara, inisiatif-inisiatif di bawah NTP ini memerlukan kerjasama daripada pelbagai pihak berkepentingan untuk mencapai sasaran Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM). Saya yakin bahawa sinergi antara sektor awam dan swasta akan menyokong usaha Kementerian dalam merealisasikan aspirasi-aspirasi PPPM ini.

**YB DATO' SERI HAJI IDRIS JUSOH**

Menteri Pendidikan Tinggi

Sektor pendidikan memainkan peranan penting bukan sahaja dari segi pembangunan modal insan dan produktiviti tenaga kerja, tetapi juga sebagai salah satu enjin pertumbuhan ekonomi melalui sektor pendidikan swasta. Untuk mencapai matlamat ini, NKEA Pendidikan memberi penekanan utama kepada pengukuhan perkhidmatan pendidikan swasta dengan menggalakkan penggunaan perkhidmatan pendidikan swasta, membantu pelaburan swasta ke dalam sektor pendidikan dan mempergiatkan eksport perkhidmatan pendidikan, lantas menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan global.

Melalui aktiviti-aktiviti pemasaran, promosi dan pelbagai aktiviti lain yang dijalankan oleh institusi pendidikan tinggi (IPT) awam dan swasta, Malaysia telah menjadi destinasi pilihan untuk pelajar antarabangsa, dengan 170,068 enrolmen pada tahun 2017 berbanding hanya 70,000 pada tahun 2010. Malah, dengan adanya 11 buah IPT asing terkemuka yang telah menubuhkan kampus cawangan dan menjalankan usaha sama di sini, Malaysia kini berada di landasan yang tepat untuk menjadi peneraju global dalam pendidikan antarabangsa.

Perkembangan yang memberangsangkan juga dicapai melalui penubuhan kluster disiplin sebagai salah satu usaha pembangunan kemahiran tempatan. Kluster-kluster disiplin ini bertujuan untuk membina rangkaian usaha sama institusi akademik bersama pihak industri untuk meningkatkan penawaran dan standard dalam bidang pendidikan. Rangkaian usaha sama ini akan dipupuk melalui kerjasama institusi akademik dan pihak industri dalam menghasilkan kurikulum dan program pendidikan yang berkualiti tinggi untuk para pelajar.

Kluster-kluster disiplin utama yang telah ditubuhkan termasuklah hospitaliti dan pelancongan, kewangan dan perniagaan Islam, pembangunan permainan video dan perakaunan profesional. Kesemua kluster disiplin ini telah mencatatkan perkembangan yang baik dengan peningkatan dalam jumlah pendaftaran setiap tahun.

Selain itu, universiti-universiti Malaysia telah mencapai kedudukan antara 50 yang terbaik di dunia dalam bidang-bidang seperti Hospitaliti dan Pengurusan Riadah, Kejuruteraan Elektronik dan Elektrikal, Kejuruteraan Kimia, Kejuruteraan Mekanikal dan Sains Alam Sekitar, dan banyak lagi.

Usaha untuk terus memangkin sektor pendidikan swasta berdasarkan matlamat transformasi kita menghadapi pelbagai cabaran, terutamanya dengan persaingan yang sengit daripada pusat-pusat pendidikan antarabangsa yang lain. Ini memerlukan penyelarasan dan kerjasama yang lebih teliti dengan Kementerian-Kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri dan Kementerian Kesihatan untuk mempercepatkan pemprosesan visa pelajar bagi meningkatkan pendaftaran pelajar antarabangsa. Pada tahun 2017, kami juga telah menjalankan Makmal Pelajar Antarabangsa bersama wakil-wakil daripada sektor awam dan swasta untuk menambah baik pemprosesan visa di kemasukan pelajar antarabangsa dan mewujudkan suasana yang kondusif bagi pelajar-pelajar tersebut semasa pengajian mereka di Malaysia. Kami juga telah mengenal pasti usaha-usaha untuk memperbaiki daya pemasaran Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa yang utama, dan koordinasi inisiatif-inisiatif ini sedang dilaksanakan oleh Education Malaysia Global Services (EMGS).

Pendekatan secara berkolaborasi untuk meningkatkan penyelarasan dan dialog antara bahagian, jabatan dan agensi pelbagai Kementerian ini telah menjadi asas penyampaian hasil di bawah NKEA Pendidikan dan dijangka akan terus mempertingkatkan kesepakatan dan keharmonian di antara pihak-pihak berkepentingan. Penjajaran dengan matlamat-matlamat Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan memastikan ekosistem pendidikan tinggi kita terus meningkat seiring dengan moto kami, "Soaring Upwards".



TRANSFORMASI PENDIDIKAN YANG MAMPAN

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) telah diperkenalkan pada tahun 2013 sebagai usaha perluasan transformasi sistem pendidikan di Malaysia. Pelan Pembangunan ini sedang dilaksanakan dalam tiga Gelombang: Gelombang 2 PPPM telah bermula sejak tahun 2016 selepas Gelombang 1 berakhir pada tahun 2015, manakala Gelombang 3 dijadualkan bermula pada tahun 2021.

Dalam Gelombang 2 PPPM, inovasi yang berterusan dalam usaha meningkatkan penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta sedang diterokai melalui inisiatif perkongsian awam-swasta (PPP) yang disasarkan akan lebih memperkasakan komuniti di seluruh Malaysia untuk menyokong dan memberi motivasi kepada sekolah untuk meningkatkan prestasi mereka. PPP Pendidikan boleh wujud dalam pelbagai bentuk termasuklah PPP ringan

seperti program penajaan one-off dan PPP penuh di mana sektor swasta boleh menguruskan sebuah sekolah awam sepenuhnya. Sehingga bulan 2017, terdapat peningkatan sebanyak 178% dalam jumlah penaja iaitu 4,093 dari 1,473 pada tahun 2016.

Walau bagaimanapun, inisiatif PPP setakat ini lebih cenderung kepada 'sokongan dari sektor swasta' berbanding 'diterajui oleh sektor swasta'. Sebagai langkah pertama untuk menarik lebih banyak penyertaan sektor swasta dalam program pendidikan, KPM telah menjalankan kajian kebolehlaksanaan program sekolah-sekolah awam yang diurus penuh oleh pihak swasta pada tahun ini. Sebuah model PPP baharu telah dihasilkan berikutan Makmal PPP yang dijalankan pada tahun 2016 dan telah melibatkan wakil-wakil daripada sektor awam dan swasta. Model baharu yang dihasilkan ini dijangka akan mula dilaksanakan pada tahun 2018.

Untuk memastikan pihak berkepentingan PPP sentiasa termaklum mengenai inisiatif PPP, sebuah ikon pautan PPP telah ditambah di laman web KPM (<https://www.moe.gov.my>) pada tahun 2017. Pautan ini berfungsi sebagai pusat sehati elektronik bagi hal-hal berkaitan PPP.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM)

Gelombang 1 PPPM memfokus kepada penyampaian keberhasilan segera yang akan melancarkan transformasi sistem pendidikan. Dalam tempoh tersebut, kesemua inisiatif bertumpu kepada meningkatkan kualiti pengajaran dan kemahiran guru-guru sedia ada, meningkatkan kualiti kepimpinan sekolah dengan menambah baik kriteria pelantikan dan latihan untuk pengetua, serta mempertingkatkan kemahiran literasi murid (dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris) dan kemahiran numerasi melalui program-program pemulihan yang intensif. Kementerian juga berusaha untuk memperkukuh dan memperkasa jabatan pendidikan negeri dan pejabat pendidikan daerah untuk meningkatkan kualiti sokongan yang disampaikan oleh barisan hadapan KPM kepada semua sekolah.

Di bawah Gelombang 2, Kementerian akan melaksanakan perubahan struktur yang bertujuan untuk mempercepatkan transformasi. Ini termasuklah memperkenalkan pakej kerjaya baharu bagi 421,000 orang guru dan 10,000 orang pengetua, memberi pilihan kepada sekolah untuk meningkatkan masa pendedahan Bahasa Inggeris dan memperkenalkan kurikulum yang diperbaharui untuk sekolah rendah dan menengah yang menekankan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang diperlukan untuk berjaya dalam ekonomi global hari ini.

Fokus Gelombang 3 adalah untuk mempercepatkan peningkatan prestasi sistem pendidikan Malaysia, lantas melonjakkannya ke kelompok sepertiga terbaik di peringkat antarabangsa. Untuk memulakan perjalanan menuju matlamat ini, Kementerian akan memfokus kepada peningkatan keluwesan operasi bagi memupuk budaya kecemerlangan profesional yang diterajui rakan setugas. Kepimpinan sedemikian dijangka lebih berinovasi dan berupaya melonjakkan pencapaian ke tahap yang lebih tinggi melalui peningkatan pengurusan berasaskan sekolah yang lebih berautonomi dari segi pelaksanaan kurikulum serta peruntukan belanjawan untuk sekolah yang layak. Matlamat utama adalah untuk mencipta sistem yang mampan, berinovasi dan mampu meningkatkan pencapaian ke tahap yang lebih tinggi.

Program Imersif Tinggi Meningkatkan Pendedahan Murid kepada Bahasa Inggeris

Program Imersif Tinggi (Highly Immersive Programme, HIP) menyokong perkembangan persekitaran Bahasa Inggeris yang berimersif tinggi di sekolah-sekolah. Program ini mengandungi empat jenis aktiviti utama iaitu Di Dalam Kelas, Di Luar Kelas, Kelas Tambahan, dan Bantuan (Outreach). Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris (English Language Teaching Centre, ELTC) yang merupakan sebahagian daripada KPM bertindak sebagai Sekretariat HIP. Tugas ELTC ialah untuk menyelia pelaksanaan HIP serta memastikan kemampuhan program tersebut. Selain itu, ELTC juga mengadakan lawatan-lawatan sokongan dan menilai kejayaan serta impak HIP. ELTC juga berhubung dengan pegawai-pegawai Bahasa Inggeris di peringkat daerah dan negeri untuk menangani cabaran-cabaran dalam pelaksanaan HIP dan membincangkan langkah-langkah ke hadapan bagi HIP. Pegawai-pegawai bahasa ini turut membantu ELTC menjalankan pemantauan HIP di sekolah-sekolah yang terlibat.

Sebagai Ketua Aliran Kerja untuk program HIP di ELTC, Dr. Kalminderjit Kaur a/p Gurcharan Singh memainkan empat peranan utama, iaitu merancang pembiayaan, aktiviti-aktiviti dan pelaksanaan program HIP di sekolah-sekolah; menjalankan program orientasi; merancang strategi untuk pengawasan dan penilaian; dan menganjurkan aktiviti-aktiviti keterlibatan seperti kolokium, simposium dan perbincangan yang menjadi platform bagi sekolah-sekolah HIP untuk berkongsi amalan-amalan terbaik serta membincangkan strategi untuk kemampuhan jangka panjang.

Dr. Kalminderjit, atau lebih dikenali sebagai Dr. Kalminderjit, percaya bahawa kejayaan HIP di sesebuah sekolah bergantung kepada komitmen dan sokongan daripada pemimpin sekolah, guru-guru dan komuniti di sekitarnya. “Kita perlu memastikan yang sekolah-sekolah ini menerima maklumat yang betul mengenai HIP. Seluruh komuniti sekolah perlu menyokong HIP jika ingin program ini berjaya. Ini bermaksud pemimpin sekolah dan guru-guru perlu komited untuk mencapai matlamat-matlamat program ini. Selain itu, pemantauan berterusan juga perlu dijalankan pada peringkat daerah dan negeri.”

Dr. Kalminderjit percaya bahawa HIP telah membuahkan hasil-hasil yang positif. “Melalui program ini, kami telah menyaksikan perkembangan sebuah persekitaran yang imersif dan kaya dengan bahasa di sekolah-sekolah yang melaksanakannya. Persekitaran yang membina ini membuatkan para pelajar lebih yakin dan bersikap positif

dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Seluruh komuniti sekolah terlibat dalam aktiviti-aktiviti Bahasa Inggeris di dalam dan luar kelas, sementara penglibatan ibu bapa dalam aktiviti-aktiviti pembelajaran bahasa oleh murid-murid di sekolah juga telah meningkat.”

Melalui pelbagai aktiviti HIP, murid-murid kini mendapat lebih pendedahan kepada Bahasa Inggeris. “Kajian menunjukkan bahawa peningkatan pendedahan terhadap sesuatu bahasa memberi kesan secara langsung kepada peningkatan dalam kemahiran bahasa tersebut,” kata Dr. Kalminderjit. Beliau juga menambah bahawa penglibatan pelajar dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan Bahasa Inggeris menandakan mereka lebih yakin menggunakan bahasa tersebut.

Walaupun bagaimanapun, terdapat beberapa aspek HIP yang masih boleh diperbaiki. Dr. Kalminderjit berpendapat bahawa kadar penggunaan Bahasa Inggeris oleh murid-murid boleh direkodkan dengan lebih baik, dan para guru besar yang menerajui program ini boleh memberikan sokongan berterusan yang lebih kuat.

“Saya berharap agar sistem pendidikan negara kita menghasilkan murid-murid yang mampu berkomunikasi dengan fasih dalam Bahasa Inggeris pada peringkat antarabangsa dan mempamerkan kebolehan kritikal serta kreatif dalam menggunakan bahasa tersebut.”

Bengkel Pidato dan Drama Memberi Sentuhan Inovatif dalam Pembelajaran Bahasa Inggeris

Salah satu kelebihan HIP ialah penggunaan kaedah-kaedah inovatif bagi memastikan murid-murid sentiasa berminat untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Antara aktiviti inovatif yang dijalankan termasuklah sebuah bengkel pidato dan drama yang diadakan dalam persekitaran luar bilik darjah. Enfinity Academy of Musical Theatre & Performing Arts (ENACT) dengan kerjasama Yayasan Sime Darby telah menjalankan bengkel selama empat hari ini khas untuk murid-murid yang tidak mendapat pendedahan kepada penggunaan Bahasa Inggeris. Program ini melibatkan murid-murid dari 20 buah sekolah di empat buah negeri. ENACT merupakan sebahagian daripada Enfinity Vision Media, iaitu sebuah syarikat penerbitan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa.

Pengarah Kursus Enfinity Vision Media, iaitu Joanna Bessey yang merupakan pengasas bengkel tersebut juga memainkan peranan sebagai salah seorang tenaga pengajar. Menurut beliau, bengkel tersebut telah dihasilkan bagi meningkatkan keyakinan murid-murid untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. “Bersama guru-guru ENACT yang berpengalaman, pakar-pakar teater kami yang diiktiraf



dan penggunaan kaedah mereka yang mantap, kami memastikan murid-murid memahami modul drama yang direka khas untuk bengkel ini,” terang Bessey.

Modul drama ini adalah sebahagian daripada buku kerja aktiviti pidato dan drama yang turut dihasilkan oleh Bessey. Buku kerja ini berfungsi sebagai buku panduan guru semasa bengkel ini dijalankan. “Dengan buku ini, sekolah-sekolah akan dapat menubuhkan kelab pidato dan drama mereka sendiri untuk meneruskan program ini,” tambah Bessey.

Dalam bengkel tersebut, murid-murid merancang, menghasilkan dan mempersembahkan drama pendek mereka sendiri. Melalui proses tersebut, mereka mempelajari cara-cara untuk menyesuaikan diri dengan perubahan, bekerjasama dengan ahli kumpulan, menangani tekanan masa, berkongsi idea, bercerita dan berkomunikasi dengan tatap muka Bahasa Inggeris yang betul dengan jelas, yakin dan ikhlas. “Dan mereka melakukan aktiviti-aktiviti ini sambil berseronok,” kata Bessey.

Mohd Jamil bin Ismail, bapa kepada Nurul Huda Najihah yang merupakan seorang murid SK Pengkalan Baharu di Perak, bersetuju dengan pelaksanaan program tersebut. “Anak saya mendapati bengkel ini memudahkan murid

untuk mempelajari Bahasa Inggeris. Dia gembira dapat menyertai bengkel ini.” SK Pengkalan Baharu merupakan salah satu daripada 20 buah sekolah yang mengambil bahagian dalam bengkel ENACT. Mohd Jamil berpendapat bahawa bengkel tersebut merupakan sebuah program yang bagus dan beliau berharap yang program ini dapat dilanjutkan dan diadakan selepas waktu persekolahan juga. “Walaupun kemahiran Bahasa Inggeris beliau sudah bagus, anak saya tidak mempunyai banyak peluang untuk bertutur dalam Bahasa Inggeris. Bengkel ini memberinya peluang untuk meluahkan perasaannya dalam Bahasa Inggeris.”

Richard Mark a/l Ricky, iaitu seorang pelajar dari SK Runchang di Pahang, mendapati bahawa bengkel tersebut sangat menyeronokkan dan berharap yang lebih banyak aktiviti seperti itu akan diadakan dalam Bahasa Inggeris. “Kebanyakan latihan bertutur Bahasa Inggeris ialah bersama rakan-rakan di sekolah tetapi kami tidak dapat melakukannya dengan kerap,” terangnya. Ibu angkatnya, Rohaya a/p Semana, percaya yang anaknya telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran Bahasa Inggerisnya. “Beliau tidak pernah menyanyi dalam Bahasa Inggeris, tetapi kini saya selalu mendengar beliau berbuat demikian di rumah.” Rohaya berharap anaknya akan dapat memahami Bahasa Inggeris dengan lebih baik melalui inisiatif ini dan inisiatif-inisiatif lain di sekolah.



Murid-murid mengambil bahagian dalam program-program yang dijalankan oleh Enfiniti Academy of Musical Theatre & Performing Arts.

MENGUKUHKAN MODEL PENDIDIKAN

Perjalanan pembelajaran individu bermula dari peringkat awal. Oleh itu, sistem pendidikan Malaysia telah dibentuk untuk memenuhi keperluan tersebut melalui usaha menggalakkan enrolmen ke pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE). Inisiatif ini juga bertujuan untuk melengkapi usaha bagi membolehkan wanita kembali bekerja selepas melahirkan anak, yang kini sedang dijalankan di bawah Inisiatif Pembaharuan Strategik Pembangunan Modal Insan.

“Kadar pendaftaran ke pusat penjagaan kanak-kanak meningkat dari 4% pada tahun 2010 ke 6.92% pada tahun 2017, melibatkan 177,228 daripada 2.5 juta orang kanak-kanak berusia 4 tahun dan ke bawah.”

Bantuan yuran adalah inisiatif utama Kerajaan dalam menggalakkan enrolmen ke pusat ECCE. Pada tahun 2017, Kerajaan telah memperuntukkan RM3 juta untuk bantuan yuran bagi pusat penjagaan swasta, dan peruntukan ini telah berjaya membantu meringankan beban kos penjagaan kanak-kanak untuk 1,030 buah keluarga. Kerajaan juga telah menyalurkan RM18 juta dalam bentuk bantuan yuran kepada 32,378 orang kanak-kanak daripada keluarga berpendapatan rendah untuk mendaftar ke pusat prasekolah swasta di kawasan yang tidak mempunyai prasekolah awam. Selain itu, RM88,521 telah disalurkan kepada Majlis ECCE dan RM20,000 telah diserahkan kepada Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia untuk menjalankan program sokongan dan kempen pendaftaran.

Hasilnya, kadar pendaftaran ke pusat penjagaan kanak-kanak di negara ini meningkat dari 4% pada tahun 2010 ke 6.92% pada tahun 2017 dan melibatkan 177,228 daripada 2.5 juta orang kanak-kanak berusia 4 tahun dan ke bawah. Selain itu, kadar enrolmen prasekolah di negara ini meningkat daripada 72.4% pada tahun 2010 kepada 84.26% pada tahun 2017, iaitu mewakili 884,983 orang kanak-kanak berusia 4+ dan 5+. Kadar enrolmen berdasarkan kumpulan umur masih tidak seimbang di mana hanya 77.8% kanak-kanak berusia 4+ telah

berdaftar di prasekolah, manakala kadar enrolmen dalam kalangan kanak-kanak berusia 5+ hampir mencapai tahap enrolmen sejagat iaitu 90.89%. Dalam usaha merapatkan jurang ini, KPM akan mengutamakan usaha memudahkan proses pendaftaran, menambah baik peraturan untuk membina prasekolah swasta baharu dan meneruskan pemberian bantuan yuran.

Selain daripada bantuan kewangan, Kerajaan turut memfokus kepada peningkatan standard pendidikan prasekolah dan pada tahun 2016 telah mengumumkan sebuah polisi baharu yang menetapkan tahap kelayakan minimum guru-guru prasekolah pada tahap diploma dalam ECCE. Sebanyak 32.85% daripada 34,740 guru-guru prasekolah kini memenuhi kelayakan tersebut. Polisi ini akan berkuatkuasa sepenuhnya pada tahun 2020, di mana semua guru perlu memiliki kelayakan tersebut. Ini bukan sahaja akan meningkatkan kualiti pendidikan prasekolah, tetapi juga dijangka akan menggalakkan institusi pendidikan tinggi awam dan swasta untuk menawarkan kursus diploma ECCE. Kerajaan akan turut membantu guru-guru prasekolah swasta untuk mendapatkan diploma ECCE menjelang tahun 2020 dengan memanfaatkan keupayaan Institut Pendidikan Guru (IPG) bagi melatih guru-guru prasekolah swasta. KPM dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan turut memastikan institusi pendidikan tinggi (IPT) menawarkan diploma ECCE berkualiti tinggi.

Selain itu, pembangunan hab bersepadu ECCE di Kota Kemuning oleh SEGi Education Group akan membantu menyediakan khidmat pendidikan dan latihan yang diperlukan oleh golongan profesional ECCE. Pembangunan hab tersebut kini sedang dijalankan selepas mendapat kelulusan daripada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) pada tahun 2017.



Kementerian menyasarkan untuk memastikan semua murid celik huruf dan angka.



Penilaian sendiri bagi Standard Kualiti Prasekolah Kebangsaan ialah satu lagi langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan bagi menjamin kualiti yang tinggi untuk prasekolah. Sejak diperkenalkan pada tahun 2015, 23,285 prasekolah telah mengambil bahagian dalam penilaian pada tahun 2017, di mana 98.86% telah mencapai standard kualiti minimum. Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) bersama agensi-agensi lain, iaitu Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Bahagian Pendidikan Swasta KPM telah menjalankan aktiviti pengesahan ke atas kaedah penilaian diri di 95 buah pusat prasekolah swasta. Daripada jumlah ini, 82 atau 86.32% memenuhi standard kualiti minimum.

Pada peringkat sekolah rendah pula, program Saringan Literasi dan Numerasi (LINUS) yang bertujuan untuk memastikan semua murid mencapai kemahiran literasi asas (Bahasa Malaysia dan Inggeris) dan kemahiran numerasi menjelang akhir Tahun 3 sudah dilaksanakan selama lapan tahun. Pada tahun 2017, kadar literasi Bahasa Malaysia, literasi Bahasa Inggeris dan numerasi masing-masing telah dicatatkan pada 98.3%, 95.7% dan 98.8%. Pelaksanaannya sejak lapan tahun lalu telah menjadikan program tersebut satu aspek yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kelas. Seterusnya, untuk memastikan semua murid sekolah rendah menguasai kemahiran literasi dan numerasi bukan sahaja pada tahap asas tetapi juga pada tahap yang lebih tinggi, sebuah program akan dibangunkan pada tahun 2018 dengan aspirasi untuk memberikan murid-murid Tahun 4 hingga 6 kemahiran literasi dan numerasi yang bersesuaian dengan sukatan pelajaran di sekolah.

MENTRANSFORMASIKAN MURID MALAYSIA MENJADI WARGA GLOBAL

Sebagai sebahagian daripada usaha memupuk rakyat Malaysia yang berdaya saing pada peringkat global melalui peningkatan penguasaan Bahasa Inggeris, Kerajaan telah memperkenalkan Program Dwibahasa (DLP) pada tahun 2016. DLP bermula dengan sebuah projek rintis yang melibatkan murid-murid Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 1 di 378 buah sekolah. Program tersebut telah diperluaskan ke 836 buah sekolah lagi pada tahun 2017 menjadikan bilangan sekolah yang melaksanakan DLP sebanyak 1,214 buah sekolah (585 buah sekolah rendah dan 629 sekolah menengah). Sehingga kini, sejumlah 129,859



YB Dato' Seri Mahdzir Khalid telah merasmikan kampus ELTC yang baharu dan Persidangan HIP yang kedua pada 14 Ogos 2017.

orang murid telah mengambil bahagian dalam DLP. Sebuah perbandingan di antara pencapaian murid DLP dalam pentaksiran akhir tahun 2016 dengan pentaksiran pertengahan tahun 2017 menunjukkan bahawa 36.38% daripada 14,794 orang murid sekolah rendah dan 46.4% daripada 22,965 orang murid sekolah menengah telah menunjukkan peningkatan dalam ujian Bahasa Inggeris.

Dalam usaha memastikan pelaksanaan DLP yang berkesan, English Language Training Centre (ELTC) telah mengadakan kursus latihan guru dalam talian untuk membantu guru-guru Sains dan Matematik mengajar subjek-subjek tersebut dalam Bahasa Inggeris. Menjelang akhir tahun 2017, seramai 709 orang guru DLP telah melengkapkan modul-modul dalam talian. Selain itu, beberapa institusi pendidikan swasta telah bekerjasama dengan KPM untuk membantu beberapa buah sekolah di mana guru-guru dan murid-muridnya menghadapi cabaran dalam pelaksanaan program tersebut. Inisiatif ini merangkumi program Teach English and Create Hope (TEACH) yang dijalankan oleh Fakulti Pengajian Pendidikan dari Universiti Putra Malaysia untuk SK Bandar Tasik Kesuma dan SK Saujana Impian, program sokongan Bahasa Inggeris oleh International School of Kuala Lumpur (ISKL) untuk guru-guru DLP di enam buah sekolah di Kuala Lumpur, latihan guru Bahasa Inggeris oleh Berjaya University College of Hospitality untuk dua buah sekolah DLP dan sebuah program sokongan DLP oleh Sri UCSI untuk dua buah sekolah di Selangor.

Untuk meluaskan DLP tanpa risiko pencairan program, KPM akan memilih sekolah berdasarkan empat kriteria iaitu institusi tersebut mestilah mempunyai sumber yang mencukupi, guru-guru yang berkebolehan, kebenaran ibu bapa untuk pelaksanaan DLP, serta pencapaian dalam Bahasa Malaysia (BM) yang setara atau melebihi markah purata kebangsaan.

Pada masa hadapan, program DLP akan memfokus kepada peluasan sekolah di kawasan luar bandar. Oleh itu, keutamaan akan diberikan untuk melatih guru-guru DLP bagi memastikan mereka berkebolehan untuk mengajar Matematik dan Sains dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Selain itu, terdapat juga keperluan yang penting bagi sekolah-sekolah menengah untuk mula menawarkan DLP bagi memastikan para murid DLP dari sekolah rendah boleh melalui proses peralihan ke sekolah menengah yang juga menawarkan program tersebut.

Program Imersif Tinggi (HIP) ialah satu lagi usaha untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid dengan memberikan imersi yang lebih tinggi melalui pelbagai aktiviti di dalam dan di luar kelas, kelas tambahan dan program bantuan. Pada tahun 2016, Fasa 1 dan Fasa 2 HIP telah dilaksanakan, di mana 58% daripada sekolah-sekolah terlibat mencapai tahap imersif 3 dan ke atas. Fasa 1 HIP telah dilaksanakan di 94 buah sekolah rendah di enam buah negeri bermula bulan Mac 2016, iaitu Perlis, Pahang, Perak, Negeri Sembilan, Sabah dan Sarawak. Fasa 2 pula bermula pada bulan Julai 2016 melibatkan 1,106 buah sekolah di seluruh negara. Fasa 3 dilaksanakan pada tahun 2017 dengan 4,326 buah sekolah yang mengambil bahagian, menjadikan bilangan sekolah yang mengambil bahagian dalam HIP berjumlah 5,526. Menjelang tahun 2018, Kementerian mensasarkan 10,000 buah sekolah untuk mengambil bahagian dalam HIP.

Dalam usaha meningkatkan keberkesanan HIP, Persidangan HIP yang kedua telah diadakan di ELTC pada bulan Ogos 2017, di mana ia merupakan platform untuk membincangkan pelaksanaan amalan terbaik di sekolah, impak, cabaran dan hala tuju HIP. Strategi untuk meningkatkan penglibatan seluruh warga sekolah, ibu bapa dan komuniti untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris dalam kalangan murid juga telah dibincangkan. Sebanyak 178 buah sekolah di seluruh negara serta 11 *outreach partner* yang terlibat dalam program ini telah mengambil bahagian dalam Persidangan HIP tersebut.

Beberapa badan pendidikan dan syarikat swasta telah membantu dalam program intervensi bagi sekolah-sekolah HIP dengan mengenalpasti rakan strategik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dalam Bahasa Inggeris. Program-program ini melibatkan sebuah Program Bahasa Inggeris selama enam bulan yang dijalankan oleh SOLS 24/7 untuk SMK Seri Tasik dan SJKT Vivekananda; Program Pidato dan Drama Bahasa Inggeris yang dijalankan oleh Enfinity Academy dan ditaja oleh Yayasan Sime Darby untuk 20 buah sekolah HIP di Selangor, Perak, Negeri Sembilan dan Pahang; sebuah program drama

Bahasa Inggeris yang dijalankan oleh Taylor's University dan ditaja oleh Mah Sing dengan kerjasama The Edge Education Foundation; dan program Bahasa Inggeris, Sains dan ICT yang dijalankan oleh Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) untuk SK Sungai Lesong, Perak, iaitu sebuah sekolah yang melaksanakan DLP dan HIP.

“Beberapa badan pendidikan dan syarikat swasta telah membantu dalam program intervensi bagi sekolah-sekolah HIP dengan mengenal pasti rakan strategik untuk menjalankan aktiviti-aktiviti dalam Bahasa Inggeris.”

Untuk memastikan guru-guru mencapai tahap penguasaan bahasa yang diperlukan, semua guru Bahasa Inggeris disasarkan untuk mencapai tahap penguasaan minimum C1 berdasarkan Common European Framework of Reference for Languages (CEFR). Sehingga kini, kira-kira 34% daripada 42,105 orang guru Bahasa Inggeris telah mencapai tahap penguasaan C1. Peraturan untuk mewajibkan penguasaan Bahasa Inggeris pada tahap minimum Band C1 untuk guru-guru Bahasa Inggeris baharu akan dilaksanakan pada tahun 2020.

KPM juga meneruskan usaha untuk meningkatkan tahap penguasaan guru-guru dalam perkhidmatan untuk Bahasa Inggeris yang tidak mencapai tahap minimum dengan menawarkan kursus Professional Upskilling of English Language Teachers (ProELT). 16,000 orang guru telah dilatih dalam kursus tersebut sejak tahun 2012. Pada tahun 2016, Kementerian telah melaksanakan kursus tersebut melalui ELTC. Setakat ini, pusat tersebut berupaya melatih 650 orang guru setiap tahun.

Program ProELT ini tidak dirancang sebagai sebuah inisiatif kekal kerana Kerajaan ingin melaksanakan kriteria penguasaan minimum Bahasa Inggeris untuk guru-guru baharu menjelang tahun 2020. Pada tahun 2017, 60% guru yang menamatkan pengajian dari IPG telah mencapai tahap C1 sebelum memulakan perkhidmatan. IPG juga telah menetapkan kriteria pemilihan di mana calon-calon perlu mendapat minimum 5A dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dan kriteria tambahan bagi calon guru praperkhidmatan Bahasa Inggeris ialah gred A atau A+ dalam kertas Bahasa Inggeris SPM.



Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)

LEVEL			GENERAL DESCRIPTION
Proficient user	C2	Mastery	Highly proficient - can use English very fluently, precisely and sensitively in most contexts
	C1	Effective Operational Proficiency	Able to use English fluently and flexibly in a wide range of contexts
Independent user	B2	Vantage	Can use English effectively, with some fluency, in a range of contexts
	B1	Threshold	Can communicate essential points and ideas in familiar contexts
Basic user	A2	Waystage	Can communicate in English within a limited range of contexts
	A1	Breakthrough	Can communicate in basic English with help from the listener

MEMPERKASAKAN MURID BERKEPERLUAN KHAS (MBK)

Pada tahun 2016, YAB Perdana Menteri telah melancarkan pelan tindakan untuk murid berkeperluan khas yang merangkumi 10 strategi utama. Salah satu daripadanya ialah untuk memperkasakan ekonomi individu berkeperluan khas dengan melibatkan mereka dalam latihan vokasional dan pekerjaan pentadbiran yang disediakan oleh Kerajaan, NGO dan sektor swasta. Untuk menyokong usaha ini, sebuah makmal mini telah diadakan pada bulan Mei 2017 untuk membentuk rangka kerja bagi membantu peralihan MBK yang tamat sekolah menengah kepada alam pekerjaan.

Rangka kerja tersebut membahagikan MBK kepada dua kategori iaitu yang memiliki kad Orang Kurang Upaya (OKU) dan yang tidak memilikinya. Makmal ini mencadangkan dua modul peralihan untuk MBK sekolah rendah dan menengah untuk dibentuk pada tahun 2017 dan dilaksanakan pada bulan Mei 2018, diterajui oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan disokong oleh KPM, KPT, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan JobsMalaysia.

MELENGKAPKAN MURID DENGAN ALAT PEMBELAJARAN BERTARAF DUNIA

KPM telah memperkenalkan 1BestariNet pada tahun 2011 untuk melengkapi sekolah dengan Frog Virtual Learning Environment (VLE), iaitu sebuah platform bersepadu yang membolehkan pengajaran, pembelajaran, usaha sama dan fungsi pentadbiran dilaksanakan melalui Internet. Fasa 2 program ini bermula pada tahun 2016 dan diteruskan pada tahun 2017.

Untuk menggalakkan penggunaan platform VLE di sekolah, Kementerian telah berusaha untuk meningkatkan capaian internet dengan mengurangkan bilangan sekolah yang dihubungkan melalui sistem talian internet yang lebih perlahan iaitu Asymmetric Digital Subscriber Line (ADSL) dan Very Small Aperture Terminal (VSAT), dan sebaliknya menghubungkan semua sekolah dengan internet berkelajuan tinggi antara 2-10 Mbps menjelang tahun 2020. Pada tahun 2017, 92.6% daripada 9,732 buah sekolah telah dihubungkan dengan internet berkelajuan 2-10 Mbps, manakala bilangan sekolah yang dihubungkan dengan ADSL dan VSAT telah berkurangan dengan ketara kepada 3,357 buah sekolah. Peningkatan dalam capaian internet ini telah membawa kepada peningkatan penggunaan VLE dalam kalangan murid. Pada tahun 2017, purata bulanan sebanyak 865,738 orang murid yang

menggunakan VLE dalam sekurang-kurangnya satu sesi pembelajaran seminggu telah dicatatkan, berbanding sasaran purata bulanan sebanyak 660,000 orang murid.

Kementerian akan menghasilkan lebih banyak kandungan pembelajaran untuk menggalakkan lebih ramai murid menggunakan platform Frog VLE. Kementerian juga sedang mengkaji kebolehlaksanaan polisi dan garis panduan yang membenarkan murid-murid membawa peralatan mudah alih ke sekolah untuk meningkatkan penggunaan VLE.



Frog VLE menyokong pembelajaran abad ke-21 di sekolah.

PERANAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA

Seiring dengan aspirasi PPPM – Pendidikan Tinggi (PPPM (PT)) untuk menyokong IPT awam dan swasta bagi membolehkan Malaysia bersaing di peringkat global, sektor swasta kini dianggap sebagai enjin pertumbuhan dalam sistem pendidikan tinggi Malaysia. Ini kerana IPT swasta menempatkan kira-kira 693,322 daripada 1.34 juta orang pelajar pendidikan tinggi yang didaftarkan di negara ini.

IPT swasta memainkan peranan integral kepada sistem pendidikan tinggi di Malaysia. Dalam NTP, IPT swasta telah dikenal pasti sebagai pemacu utama inisiatif di bawah NKEA Pendidikan. KPT, melalui PPPM (PT) ingin mewujudkan rangka kerja pengawalan pendidikan tinggi untuk IPT awam dan swasta melalui polisi yang menyokong perkembangan pendidikan tinggi terutamanya melalui program ijazah berkualiti tinggi di IPT swasta. Dalam erti kata lain, Kementerian ingin menggalakkan pertumbuhan institusi tanpa menjejaskan kualiti sektor pendidikan tinggi swasta.

Terdapat pelbagai strategi dan inisiatif yang relevan untuk IPT awam dan swasta, contohnya inisiatif Redesigning Higher Education yang terdiri daripada inisiatif-inisiatif utama dari PPPM (PT). Fokus yang lebih tinggi juga diberikan kepada hasil, prestasi dan standard kualiti melalui penggunaan kaedah penarafan (rating) seperti SETARA dan MyQuest. Prestasi dan keberhasilan akan digunakan sebagai sebahagian daripada kriteria dalam menentukan polisi seperti pemberian lesen untuk IPT swasta untuk membolehkan pengambilan pelajar antarabangsa.

MENJADIKAN MALAYSIA HAB PENDIDIKAN ANTARABANGSA

Untuk menjadikan Malaysia lebih menyerlah pada peringkat global, KPT telah melaksanakan pelan yang menyeluruh seperti yang dinyatakan dalam Shift 8: Global Prominence di bawah PPPM (PT). Di bawah PPPM (PT), KPT berikrar untuk meningkatkan penyelarasan semua aktiviti yang berkaitan dengan pengurusan pelajar antarabangsa. Ini adalah untuk meningkatkan keupayaan Malaysia untuk menerima pelajar antarabangsa dengan sasaran sebanyak 250,000 orang pelajar menjelang tahun 2025. Pada tahun 2017, seramai 170,068 pelajar antarabangsa telah mendaftar dalam program yang ditawarkan di Malaysia (136,293 di IPT, 33,031 di sekolah dan pusat bahasa dan 744 di institusi teknikal dan vokasional).

Kementerian akan bekerjasama dengan semua pihak berkepentingan, baik dari IPT mahupun Jabatan Imigresen untuk memastikan pelajar menikmati pengalaman yang lancar dari saat mereka memulakan permohonan hinggalah mereka menamatkan pengajian. Kementerian juga ingin membina ketampakan global dan kepercayaan yang lebih tinggi terhadap jenama pendidikan tinggi Malaysia. Untuk mencapai matlamat ini, Kementerian akan bekerjasama dengan agensi-agensi yang relevan untuk menghasilkan dan melaksanakan aktiviti-aktiviti promosi berimpak tinggi. Matlamat seterusnya akan dicapai melalui penyediaan program-program inovatif yang dapat menarik minat lebih ramai pelajar dan menambah baik pengalaman pelajar.

Menarik ahli-ahli akademik yang tersohor pada peringkat global

Seiring dengan strategi yang disebut sebelum ini, bilangan sekolah antarabangsa yang beroperasi di negara



ini telah mencecah 132 buah KPM dan KPT menjalankan pengawasan teliti ke atas prestasi sekolah dan institusi pendidikan, dan telah mengambil pendekatan yang lebih berhemat dalam meluluskan lesen baharu bagi memastikan hanya pengendali-pengendali yang terkemuka sahaja yang akan beroperasi di negara ini. Garis panduan untuk penubuhan sekolah antarabangsa baharu kini boleh didapati di laman web KPM.

Untuk meningkatkan sokongan terhadap status negara sebagai hab pendidikan, Kerajaan bersedia untuk membantu kemasukan institusi Tier Satu dalam penubuhan kampus cawangan di negara ini. Malaysia kini menempatkan lima kampus cawangan universiti bertaraf dunia dari Australia, China dan United Kingdom (UK). Terdapat lima buah institusi dari UK, iaitu Nottingham University, Reading University, Newcastle University of Medicine, Heriot-Watt University dan Southampton University (kampus terbesar di luar UK). Asia School of Business, sebuah usaha sama antara Bank Negara Malaysia dan MIT Sloan School of Management turut telah beroperasi di Malaysia. Kelas MBA pertamanya telah bermula pada bulan September 2016 dan daripada 47 orang pelajar, 31 adalah pelajar-pelajar asing dari serata dunia. Kehadiran kampus cawangan antarabangsa ini juga membuktikan keyakinan pihak luar terhadap sistem pendidikan tinggi dan potensi Malaysia sebagai destinasi pendidikan tinggi.

“Malaysia kini menempatkan lima kampus cawangan universiti bertaraf dunia dari Australia, China dan United Kingdom.”

Sementara itu, inisiatif EduCity@Iskandar (EduCity), sebuah kompleks pendidikan pelbagai varsiti yang pertama di Asia juga merupakan strategi yang berkesan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pendidikan peringkat tinggi yang unggul melalui integrasi universiti dan institusi pendidikan tinggi, komuniti akademik, pusat tindakan industri dan R&D, penginapan pelajar, kemudahan rekreasi dan sukan dalam satu lokasi dan merupakan yang pertama seumpamanya di Asia. EduCity yang ditubuhkan pada tahun 2011 kini mempunyai lebih 4,500 orang pelajar dan 600 orang alumni. Pada tahun 2017, EduCity telah mencapai 4,393 pendaftaran pelajar. Usaha akan terus dipergiatkan untuk memastikan bahawa EduCity terus menarik lebih ramai pelajar ke hab pendidikan tersebut.

Penambahbaikan infrastruktur dan kemudahan akan diteruskan di EduCity untuk memastikan ia dapat terus menarik pelajar. Beberapa pelan infrastruktur yang bertujuan untuk mempertingkatkan pengalaman pelajar sedang dalam perancangan, termasuklah pusat kesatuan pelajar yang dijangka akan mula dibina pada pertengahan tahun 2018 dan rancangan perluasan gimnasium pada suku pertama tahun 2018. Penambahbaikan lain termasuklah pembinaan sebuah padang ragbi di mana kerja-kerja awal telah bermula pada akhir tahun 2017. Lanjutan dari maklum balas mengenai Student Village (hostel pelajar) yang diterima daripada para pelajar dan rakan kongsi, proses pengubahsuaian dan penambahbaikan Student Village juga akan dilaksanakan.

Bagi memperluaskan capaian ke atas bakal-bakal pelajar, EduCity telah bekerjasama dengan Education Malaysia Global Service (EMGS) untuk mengadakan jerayawara (roadshow) di Kazakhstan, Indonesia, China dan Korea Selatan. Jerayawara tersebut menerima 57 permohonan untuk kemasukan tahun akademik 2017/2018 dan permohonan mereka telah dihantar ke universiti-universiti yang berkenaan. Usaha pemasaran akan menjadi pemacu utama dalam meningkatkan pendaftaran pelajar ke EduCity pada tahun-tahun akan datang.

Membantu hab pendidikan antarabangsa Malaysia

EMGS ialah organisasi penyelaras untuk pendidikan tinggi yang beroperasi di bawah KPT untuk memasarkan jenama pendidikan Malaysia serta menguruskan permohonan, pemprosesan dan pembaharuan visa pelajar antarabangsa.

Pada tahun 2017, EMGS menerima 51,464 permohonan visa baharu dari IPT awam dan swasta, pusat bahasa dan pusat latihan yang diiktiraf. Tempoh pemprosesan untuk pengeluaran Surat Kelulusan Visa (VAL) selepas dokumen permohonan visa disemak dan disahkan telah dikurangkan dari 20 hari bekerja pada tahun 2016 kepada 7 hari bekerja pada tahun 2017 untuk permohonan yang lengkap. Ini berikutan penubuhan pasukan petugas di Pejabat Imigresen Cyberjaya dari 24 Januari hingga 8 Februari 2017 untuk menyelesaikan lebih 7,000 permohonan tertunggak. Jabatan Imigresen juga telah mengambil pegawai tambahan untuk memproses permohonan VAL. Dengan penambahan pegawai baru ini, tempoh keseluruhan untuk pemprosesan visa, dari permohonan visa hingga pengeluaran visa untuk pelajar-pelajar antarabangsa yang berada di negara ini, telah dikurangkan dari maksimum 77 hari kepada 14 hari. Ini merupakan penambahbaikan yang sangat penting memandangkan pemprosesan visa yang mengambil masa yang lama merupakan satu halangan kepada pendaftaran pelajar antarabangsa pada tahun-tahun sebelum ini.

EMGS juga telah melaksanakan Big Data Analytics (BDA) melalui Business Intelligence Dashboard. Dashboard ini membekalkan KPT dan pihak-pihak berkepentingannya maklumat mengenai trend pelajar antarabangsa di Malaysia dengan memudahkan akses kepada data mengenai pelajar dan institusi. Pangkalan data EMGS yang besar mampu memberikan data masa sebenar (real-time) untuk 646,153 rekod permohonan. EMGS juga telah merangka sebuah dashboard menggunakan BDA untuk KPT bagi memberikan lebih banyak maklumat mengenai operasi hariannya.

“EMGS juga melaksanakan Big Data Analytics untuk mendapatkan maklumat mengenai trend pelajar antarabangsa di Malaysia.”

Untuk mengesahkan identiti pelajar semasa saringan kesihatan sebelum dan selepas ketibaan, EMGS telah melaksanakan langkah pengesahan biometrik (pembaca cap jari) di 108 buah klinik panel EMGS di Malaysia. Ini menjamin kesahihan setiap keputusan saringan kesihatan, mengelakkan pelanggaran undang-undang di klinik-klinik tersebut seperti pelajar menggantikan pelajar lain dan mengurangkan risiko penyebaran penyakit berjangkit. Ia juga memastikan pelajar yang tiba di Malaysia ialah individu sama yang menjalani saringan kesihatan di luar negara. Setakat akhir bulan Ogos 2017, EMGS telah merekodkan 26,672 set data biometrik untuk kegunaan pada masa hadapan semasa proses pendaftaran dan pengesahan di Malaysia.

Setakat ini, saringan kesihatan sebelum ketibaan di Klinik Panel EMGS hanya diwajibkan untuk pelajar-pelajar dari India, Bangladesh dan Sri Lanka, dan ini mungkin menyebabkan pelajar-pelajar dari negara lain tidak menjalani saringan kesihatan dan membawa risiko penyakit. Terdapat Laporan Pemeriksaan Perubatan (MER) yang dihantar oleh pelajar dari negara lain yang tidak lengkap atau diisi dalam bahasa selain Bahasa Inggeris. Dalam sesetengah kes, cap jari pelajar tidak direkodkan dan klinik di Malaysia tidak dapat mengesahkan identiti pelajar semasa saringan kesihatan selepas ketibaan. Pada masa hadapan, EMGS akan menyemak keperluan untuk semua pelajar antarabangsa menjalankan saringan kesihatan di Klinik Panel EMGS sahaja. Ini akan memastikan semua penyerahan MER lengkap kerana EMGS memastikan kesemua klinik tersebut mematuhi standard penyerahan yang ditetapkan.

Pada bulan Ogos 2017, sebuah Makmal Pelajar Antarabangsa telah diadakan untuk mengenal pasti cara-cara untuk meningkatkan daya saing dan daya penarik Malaysia sebagai sebuah destinasi pelajar antarabangsa. Makmal ini telah dihadiri oleh lebih daripada 80 wakil dari sektor awam dan swasta.

Antara cadangan Makmal Pelajar Antarabangsa tersebut termasuklah:

- Memperbaiki proses saringan kesihatan;
- Memperkenalkan mekanisme pemprofilan pelajar;
- Membenarkan pelajar antarabangsa bekerja di Malaysia semasa pengajian;
- Mempertingkatkan pengenalan pelajar antarabangsa (iKad);
- Membenarkan penyambungan visa secara automatik selepas tamat pengajian bagi pelajar antarabangsa; dan
- Melaksanakan usaha pemasaran yang selaras di antara semua institusi pendidikan dan agensi berkaitan.

Pada masa hadapan, inisiatif pemasaran untuk EMGS pada tahun 2018 akan melibatkan lebih banyak aktiviti promosi pengambilan pelajar melalui penyertaan dalam lebih daripada 60 acara antarabangsa seperti acara British Council's Going Global 2018 yang akan dianjurkan bersama KPT pada bulan Mei 2018. Lebih banyak jerayawara akan diadakan pada tahun hadapan di pasaran-pasaran utama seperti China, Indonesia dan India yang boleh memberikan ketampakan jenama yang lebih tinggi. EMGS juga akan menggiatkan penglibatan perunding pendidikan profesional dan ejen perekrutan melalui platform antarabangsa seperti ICEF di Jerman, Brazil, Korea, Jepun dan Vietnam; dan St. Alphe di Thailand dan Rusia dalam usaha menembusi pasaran-pasaran baharu, di samping mengekalkan pasaran-pasaran sedia ada iaitu Indonesia, China, Asia Tengah dan Asia Selatan.

EMGS juga akan menerajui usahasama pemasaran antara kementerian, jabatan dan agensi seperti MATRADE dan MOTAC, dengan institusi pendidikan bagi memastikan sinergi dalam mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan antarabangsa. EMGS akan berusaha untuk memastikan institusi-institusi pendidikan yang terlibat akan beralih dari mempromosikan institusi masing-masing dan mengambil pendekatan holistik dengan mempromosikan Malaysia sebagai hab pendidikan yang menarik.



Sekolah Rendah di Perak Menyahut Cabaran Meningkatkan Kemahiran Bahasa Inggeris Murid

Sekolah Kebangsaan Sungai Lesong (SKSL) adalah sebuah sekolah luar bandar di daerah Batang Padang, Perak yang merupakan sekolah perintis untuk Program Dwibahasa (DLP) dan Program Imersif Tinggi (HIP). Bekas guru besar SKSL, Zamri bin Abdul Rani, menyahut cabaran melaksanakan kedua-dua inisiatif tersebut dengan positif. "Kita perlukan sebuah anjakan paradigma dalam kalangan pihak berkepentingan, terutamanya murid-murid, agar Bahasa Inggeris dilihat sebagai bahasa yang praktikal untuk diajar di sekolah-sekolah bandar dan pinggir bandar," kata beliau.

Sebagai tunggak pentadbiran di sekolah tersebut, Zamri menghadapi cabaran dalam membina keyakinan guru-guru dan ibu bapa terhadap program-program ini. Pembiayaan inisiatif-inisiatif DLP dan HIP juga merupakan cabaran, yang memerlukan SKSL mendapatkan pembiayaan daripada persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) untuk membeli bahan-bahan pengajaran dan rujukan yang diperlukan.

Namun begitu, Zamri sentiasa memberikan galakan dan sokongan kepada guru-guru di sekolah tersebut, dan sanggup menghadiri kelas-kelas mereka bagi membuktikan sokongan dan komitmen beliau. "Saya perlu membantu mereka melihat dari sudut yang lebih luas, dari segi akademik," katanya. Beliau juga berjumpa dan berbincang dengan ibu bapa murid untuk meyakinkan mereka bahawa pelajar-pelajar yang mempelajari mata pelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris mempunyai masa depan yang lebih cerah.

Beliau menyatakan kejayaan inisiatif-inisiatif tersebut adalah atas bantuan dan sokongan Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri. SKSL dihubungkan dengan Universiti Tunku Abdul Rahman yang menyalurkan bantuan kepada sekolah tersebut susulan kunjungan daripada Sekretariat HIP iaitu Pusat Pengajaran Bahasa Inggeris (English Language Teaching Centre).

SKSL telah menyahut cabaran dan menjadi sekolah HIP yang ketiga terbaik di seluruh negara pada tahun 2016, di mana murid menggunakan Bahasa Inggeris di luar bilik darjah. "Kami menggunakan 'Scrabble' sebagai asas untuk permainan 'Word Attack' bagi

membantu meningkatkan perbendaharaan kata murid; kami juga telah mencipta kawasan 'HIP-Zonia' yang mempunyai pelbagai permainan berunsur pendidikan dalam Bahasa Inggeris untuk dinikmati oleh murid-murid semasa waktu rehat dan waktu-waktu lapang yang lain." Pada tahun 2017, SKSL mempunyai kelas-kelas DLP dalam Tahun Satu, Dua, Empat, dan Lima, dan tahun 2018 akan menyaksikan murid-murid kelas DLP menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Kelas-kelas DLP mempunyai kadar lulus 100% bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris dan Sains. Selain itu, perhimpunan mingguan sekolah juga diadakan sepenuhnya dalam Bahasa Inggeris.

Secara peribadi, Zamri berpendapat bahawa kesemua inisiatif ini penting dalam usaha mencapai matlamat Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dengan memperkasa murid-murid dengan kemahiran Bahasa Inggeris untuk menghadapi pelbagai cabaran dalam dunia yang lebih global. Namun begitu, beliau merasakan bahawa pembiayaan HIP boleh dipertingkatkan lagi. "Untuk mencipta persekitaran yang kondusif bagi pembelajaran Bahasa Inggeris dengan kaedah yang imersif, sekolah-sekolah luar bandar memerlukan pembiayaan yang mencukupi agar dapat menyediakan bahan-bahan Bahasa Inggeris yang mencukupi kepada murid-murid."

Zamri berharap HIP dan DLP boleh dilanjutkan dan diperluaskan ke semua sekolah dan program-program ini direka supaya dapat lebih mandiri.



Zamri (di tengah), iaitu bekas guru besar Sekolah Kebangsaan Sungai Lesong, bekerjasama dengan pihak Kementerian dan ibu bapa secara aktif bagi menjayakan aktiviti HIP dan DLP.

MEMBINA BAKAT BERDAYA SAING MELALUI KLUSTER DISIPLIN

Penubuhan kluster-kluster pendidikan tinggi swasta bertujuan untuk membangunkan bakat dalam bidang-bidang khusus. Inisiatif ini memastikan Malaysia mempunyai bakat berkemahiran tinggi seiring dengan aspirasi negara untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Aspirasi ini akan dicapai dengan memanfaatkan rangkaian institusi pendidikan, institusi antarabangsa dan industri berkaitan yang sedia ada untuk bekerjasama dan menghasilkan penawaran akademik yang relevan.

Kluster pendidikan kewangan dan perniagaan Islam

Kluster pendidikan kewangan dan perniagaan Islam sedang dibangunkan melalui kepimpinan International Council of Islamic Finance Educators (ICIFE). Di bawah pimpinan Presiden baharu yang dilantik pada bulan Mac 2017, Majlis ini memberi penekanan kepada penambahan keahlian tempatan dan asing dalam kalangan individu dan institusi. Objektif Majlis ini adalah untuk mewujudkan sebuah badan profesional untuk pengajar-pengajar kewangan Islam bertaualiah yang terdiri daripada ahli-ahli akademik dan golongan profesional industri.

Untuk meningkatkan keahliannya, ICIFE telah mengambil bahagian dalam pelbagai persidangan kewangan Islam di rantau ini seperti Kuala Lumpur Islamic Finance Forum 2017 (KLIFF) dan 5th Global Waqf Conference di Indonesia yang diadakan pada bulan Oktober 2017. Berikutan penyertaan dalam persidangan tersebut, sebanyak 16 badan dan institut baharu telah memohon keahlian ICIFE.

ICIFE juga berusaha memperkembangkan kurikulum sedia ada untuk bidang ekonomi dan kewangan Islam dengan mengadakan 2nd Roundtable on Islamic Economic and Finance dari 21-22 September 2017. Perbincangan yang dihadiri oleh ahli akademik, ketua jabatan dan dekan fakulti dari 18 buah universiti di Malaysia dan Indonesia berobjektif untuk memperbaiki kandungan dan menentukan amalan-amalan terbaik dalam pelaksanaan kurikulum tersebut.

Kluster pendidikan sains kesihatan

UCSI University Teaching Hospital (UCSI Hospital) sedang dibina untuk menyediakan kemudahan yang canggih untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar perubatan untuk bekerja dengan pakar-pakar perubatan terkemuka dunia bagi mengoptimumkan pengalaman praktikal mereka dan

menjamin pekerjaan selepas tamat pengajian. Pembinaan UCSI Hospital telah mencapai tahap 80% pada bulan Disember 2017, dan pembinaan dijangka siap sepenuhnya pada akhir bulan Mac 2018. UCSI Hospital yang dibina secara berperingkat ini dijangka akan mula beroperasi pada bulan Julai 2018 dengan kapasiti sebanyak 130 buah katil. Pada peringkat awal operasinya, perkhidmatan teras UCSI Hospital akan melibatkan perubatan dalaman, kardiologi, rawatan kemalangan dan kecemasan, pembedahan am, ortopedik, ginekologi, serta pembedahan plastik dan rekonstruktif.


“UCSI Hospital bekerjasama dengan pakar-pakar perubatan terkemuka dunia untuk membawa pengetahuan pakar kepada para pelajarnya.”

Untuk meningkatkan kedudukan pada peringkat negara dan antarabangsa, UCSI Hospital telah mula berhubung dengan Harvard University untuk menjalankan usaha sama klinikal dalam bidang kardiologi, pembedahan kardiotorasik serta pembedahan plastik dan rekonstruktif. UCSI juga sedang berusaha membangunkan lebih banyak peluang kerjasama penyelidikan bersama Harvard. Kedua-dua pihak pernah bekerjasama dalam bidang lain: setakat ini, lima orang pelajar UCSI University telah dipilih untuk menjalankan penyelidikan berimpak tinggi selama setahun di Harvard.

UCSI Hospital juga bekerjasama dengan pakar-pakar perubatan terkemuka dunia untuk membawa pengetahuan pakar kepada para pelajarnya. Sebagai contoh, Dr. Gordon Harold Williams – seorang pakar endokrin terkemuka dunia yang menerajui Program Hormonal Mechanisms of Cardiometabolic Injury di Hospital Brigham dan Wanita, Harvard, yang telah menerbitkan lebih daripada 500 kajian dalam jurnal-jurnal terkemuka – kini berkhidmat sebagai profesor pelawat di Fakulti Perubatan dan Sains Sosial UCSI University. UCSI juga telah memperoleh kepakaran ahli-ahli akademik terkemuka dari King's College London dan Institut Jantung dan Diabetes Baker IDI sebagai profesor-pelawat.

Kluster hospitaliti dan pelancongan

NTP ini mensasarkan untuk menyokong industri pelancongan dengan meningkatkan bilangan graduan hospitaliti dan pelancongan dari 20,000 pada tahun 2009 kepada 50,000 pada tahun 2020. Melalui inisiatif yang diterajui oleh Malaysia Centre of Tourism and Hospitality



Kluster pendidikan tinggi bertujuan untuk membangunkan bakat dalam bidang-bidang khusus.

Education (MyCenTHE), 24,280 pelajar telah mendaftar untuk kursus hospitaliti dan pelancongan di institusi-institusi swasta pada tahun 2017 berbanding sasaran sebanyak 26,000.

Pada tahun 2017, MyCenTHE, bersama Sunway University, Taylor's University dan KDU University College telah menubuhkan Jawatankuasa EPP10 yang bersama-sama merancang dan melaksanakan National Awareness Campaign on Hospitality and Tourism. Kempen ini telah dijalankan untuk memasarkan dan meningkatkan kesedaran mengenai kursus hospitaliti dan pelancongan untuk menggalakkan pendaftaran pelajar baharu. Ia akan menangani masalah mengenai kebolehpasaran graduan hospitaliti dan pelancongan dengan menggalakkan fokus ke atas pembinaan kemahiran boleh pindah. Ini adalah kerana terdapat persepsi umum bahawa pemasaran yang tidak mencukupi serta gaji rendah yang ditawarkan oleh sektor swasta telah mengurangkan minat pelajar untuk menceburi industri hospitaliti dan pelancongan.

MyCenTHE juga telah meningkatkan keahliannya dari 15 ahli dan tujuh peneraju kluster pada tahun 2016 kepada 19 orang ahli, sembilan peneraju kluster dan empat pemimpin disiplin dari institusi-institusi di seluruh Malaysia pada tahun 2017, lantas mempamerkan satu lagi usaha sama yang rapat di antara Kerajaan dan sektor swasta dalam membangunkan ekosistem pendidikan di Malaysia. Dengan lebih banyak institusi menawarkan kursus hospitaliti dan pelancongan bergabung tenaga di bawah MyCenTHE dan Jawatankuasa EPP10, lebih banyak institusi dijangka akan mengambil bahagian dan akan menghasilkan peningkatan yang ketara dalam pendaftaran untuk kursus hospitaliti dan pelancongan.

Kluster pembangunan permainan video

Dalam usaha memastikan aliran bakat secara berterusan ke dalam industri pembangunan permainan video, aktiviti-aktiviti keterlibatan telah dikenal pasti untuk mendekati para murid dan sekolah-sekolah melalui ceramah kerjaya, bengkel dan acara di sekolah. Ia turut bertujuan untuk mempertingkatkan pengetahuan kaunselor sekolah mengenai industri pembangunan permainan video pada peringkat global dan tempatan serta peluang pekerjaan yang wujud dalam industri tersebut.

Sejak tahun 2013, institusi-institusi seperti KDU University College, Tunku Abdul Rahman University College, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) telah menjalankan aktiviti keterlibatan bersama kaunselor sekolah menengah di Lembah Klang dan Melaka. Aktiviti-aktivitinya melibatkan lawatan kaunselor sekolah ke pejabat Streamline Studios, iaitu sebuah studio pembangunan permainan video dari Amerika Syarikat, dan Codemasters Studios KL, salah satu studio pembangunan permainan video yang tertua di UK. Ini membolehkan kaunselor sekolah mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pembangunan permainan video di samping membolehkan peneraju projek kluster pembangunan permainan video melawat sekolah rendah dan berhubung terus dengan murid-murid.

Sebagai salah satu daripada aktiviti di bawah kluster ini, aktiviti keterlibatan sekolah menengah melalui bengkel dan pertandingan juga telah dijalankan untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai industri pembangunan permainan video dan proses-prosesnya serta untuk mendemonstrasi pembangunan video sebagai kerjaya.

teknikal dengan peluang perkembangan yang besar. Salah satu acara terbesar dalam bidang ini ialah TableTop, iaitu satu aktiviti yang bertumpu kepada mendidik dan memberikan murid-murid sekolah menengah pengetahuan mengenai pembangunan permainan video menggunakan permainan papan (board games). Peserta perlu mencipta sebuah permainan meja (table-top) yang menarik dan inovatif menggunakan tema yang diberi. Aktiviti pendedahan seperti ini termasuklah Global Game Jam, sebuah bengkel pembangunan permainan video untuk murid-murid sekolah menengah dan Smartmob Mobile Game Competition yang telah diadakan di Selangor dan Melaka setiap tahun sejak tahun 2015.

Kesemua pertandingan dan bengkel ini telah memupuk minat murid-murid sekolah menengah dan memberi mereka peluang untuk mencuba proses penghasilan permainan video. Pada tahun 2017 sahaja, 36 buah sekolah dan 251 orang murid sekolah menengah terlibat dalam acara-acara di bawah kluster disiplin ini. Sejak pertandingan TableTop diperkenalkan pada tahun 2013, 718 orang murid daripada 128 buah sekolah telah mengambil bahagian. Trend menunjukkan peningkatan penglibatan pelajar tahunan yang mengambil bahagian dalam pertandingan ini.

Antara cabaran utama dalam membangunkan kluster disiplin ini ialah mendapatkan sokongan awal daripada sekolah dan pejabat pendidikan daerah untuk terlibat dalam aktiviti berkaitan kerana kurangnya kesedaran mengenai kluster pembangunan permainan video. Namun demikian, berdasarkan kepada pengalaman lepas, respon terhadap kluster ini amat menggalakkan sebaik sahaja pegawai-pegawai berkenaan sedar akan peluang yang ada dalam kluster disiplin ini. Pada masa akan datang, inisiatif kluster pembangunan permainan video ini akan dikembangkan ke negeri-negeri lain, bermula dengan Pulau Pinang dan Sabah pada tahun 2018.

Kluster perakaunan

Kluster ini diterajui oleh Sunway TES Sdn Bhd, Sunway TES Centre for Accountancy Excellence (CAE) yang bertujuan untuk mempertingkatkan bekalan bakat perakaunan dengan menggabungkan kelayakan perakaunan profesional dengan program ijazah perakaunan sedia ada yang ditawarkan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi awam dan swasta.

Mulai bulan November 2015, Sunway TES CAE mula bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) untuk meningkatkan kualiti sukatan pelajaran bagi Diploma Perakaunan selama tiga tahun untuk memastikan kelayakan tersebut selari dengan keperluan industri. Ini merupakan aspirasi untuk menghubungkan kaedah pengajaran politeknik supaya selaras dengan program pensijilan profesional dan untuk meningkatkan kesediaan

pelajar ke alam pekerjaan. Pada 14 Jun 2016, satu MoU telah ditandatangani antara Sunway TES CAE dan JPP.

Selepas menandatangani MoU tersebut, Sunway TES CAE telah menghasilkan model pengajaran yang kemudiannya diguna pakai di Politeknik Port Dickson. Model pengajaran tersebut menggabungkan program Train-the-Trainers (TTT) selama satu minggu, di mana pengajar menerima anjakan paradigma dari akademik kepada perspektif profesional. Model pengajaran ini juga mengandungi program Bahasa Inggeris Intensif selama dua minggu untuk meningkatkan penguasaan Bahasa Inggeris pelajar sebagai persediaan untuk mempelajari subjek-subjek ACCA F5 (Pengurusan Prestasi) dan F6 (Pencukaian); kursus pembelajaran ACCA F5 selama enam bulan dan subjek-subjek F6 dengan kelas Bahasa Inggeris Intensif adalah untuk memastikan pelajar bersedia untuk mempelajari subjek-subjek ACCA; dan sebuah modul untuk mengenai cara-cara menjawab peperiksaan akhir ACCA F5 dan F6.

Kursus pengajian selama enam bulan telah dijalankan dari bulan Januari ke Jun 2017 oleh Sunway TES CAE dan 18 orang pelajar dari tujuh politeknik telah dipilih untuk menyertai program khas ini sebagai persediaan menghadapi peperiksaan akhir pada bulan Jun 2017. Susulan kursus pembelajaran tersebut, kadar lulus untuk ujian F5 dan F6 masing-masing sebanyak 1% dan 41%, di mana seorang pelajar tidak menduduki peperiksaan akhir. Cabaran-cabaran yang dikenal pasti oleh pensyarah sebagai penyebab utama keputusan suboptimum ini termasuklah disiplin yang rendah dalam kalangan pelajar dan kemahiran bahasa yang lemah. Berikutan itu, sebuah Program TTT telah dijalankan dari 4 hingga 8 Ogos 2017 untuk 10 orang pensyarah daripada Politeknik Port Dickson mengenai sukatan pelajaran F5 dan F6.



Kerajaan bekerjasama dengan IPT untuk meneraju kluster-kluster disiplin pendidikan.



MEWUJUDKAN SALURAN PENDIDIKAN ALTERNATIF

Kerajaan Malaysia konsisten dalam menerajui Pendidikan dan Latihan Vokasional dan Teknikal (Technical Vocational Education and Training, TVET) bagi menyediakan saluran alternatif untuk pelajar mendapatkan kelayakan profesional. Bidang fokus ini mensasarkan untuk memperbesar dan meningkatkan kualiti institusi latihan kemahiran swasta yang akan menarik lebih banyak pelajar vokasional antarabangsa. Ini akan dicapai dengan meningkatkan PPP bersama sekolah-sekolah teknik dan vokasional ; membantu pelaburan industri dalam latihan untuk menyediakan pendidikan alternatif sebagai pilihan kepada pelajar dan menjalin hubungan yang lebih rapat dengan industri.

Pada tahun 2017, melalui 18 buah agensi yang dikenalpasti, seramai 8,380 orang pelajar telah dilatih melalui pendekatan berasaskan industri. Ini telah membantu mengurangkan jurang kemahiran dan menyumbang kepada kadar pengambilan pekerjaan yang lebih tinggi dalam kalangan graduan TVET. Pada masa hadapan, Kerajaan akan terus

menyokong PPP untuk memastikan graduan-graduan TVET bersedia untuk menceburi industri.

Usaha-usaha juga menjurus kepada kualiti pengajar TVET berdasarkan 6 e-profiling competencies. Sehingga kini, seramai 15,471 pengajar TVET telah melengkapkan penilaian kecekapan di dalam sistem e-profiling. Centre for Instructor and Advanced Skill Training (CIAST) di bawah KSM giat menjalankan pengawasan dan penyelarasan dengan agensi-agensi yang terlibat untuk melaksanakan latihan melalui tugas pembekalan dan peningkatan kemahiran berdasarkan keputusan analisis kecekapan melalui e-profiling untuk memastikan latihan yang benar-benar diperlukan akan dijalankan.

KSM juga telah mengambil langkah-langkah bagi meningkatkan tahap TVET, iaitu dengan menetapkan sekurang-kurangnya 30% daripada keseluruhan pengambilan pelajar di semua institut latihan kemahiran awam melaksanakan latihan secara Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN), menetapkan agar badan yang diterajui industri mewajibkan syarikat/ahli mereka menjadi penyedia latihan SLDN dan meningkatkan insentif kewangan bagi perantis dari RM300 ke RM500 untuk meningkatkan jumlah pelajar yang dilatih di bawah SLDN.



Demonstrasi penyediaan meja makan oleh Mercure Kota Kinabalu kepada pelajar Ascot Academy.

Penjenamaan Semula MyCenTHE untuk Kekal Relevan dalam Industri

Menurut Profesor Dr. Kashif Hussain, Dekan Fakulti Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan dari UCSI University, Malaysia kini memperoleh lebih RM100 bilion dalam perolehan pelancongan dan angka ini dijangka meningkat ke RM168 bilion menjelang tahun 2020 dan RM295 bilion menjelang tahun 2027. “Pada tahun 2016, industri hospitaliti menyokong 639,500 pekerjaan secara langsung, dan 1,700,500 pekerjaan secara tidak langsung, iaitu mewakili 12% daripada jumlah pekerjaan dalam negara. Menjelang tahun 2027, industri ini akan menyumbang secara langsung kepada penggajian 956,000 individu (5.4% jumlah pekerjaan) dan secara tidak langsung menyokong 2,564,000 pekerjaan (14.5% jumlah pekerjaan).

Sebagai salah satu inisiatif di bawah NTP untuk membangunkan kluster hospitaliti dan pelancongan, Malaysia Centre for Tourism and Hospitality Education (MyCenTHE) telah dilancarkan pada tahun 2010 dengan matlamat untuk melengkapkan industri pelancongan dan hospitaliti di Malaysia dengan sumber manusia yang berkualiti. Objektif-objektif utamanya adalah untuk meningkatkan pengeluaran tahunan kakitangan pelancongan dan hospitaliti ke 50,000 menjelang tahun 2020, dan meningkatkan jumlah pemegang diploma dan ijazah dalam industri ini ke 50%. UCSI University telah dilantik oleh KPTM untuk menerajui inisiatif ini.

Setakat ini, 24 buah institut pengajian tinggi (IPT) di Malaysia sedang bekerjasama dengan MyCenTHE untuk mempromosikan pendidikan pelancongan dan hospitaliti, dengan sembilan peneraju kluster yang mewakili negeri Sarawak, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka, Sabah, Johor, Pahang, Kedah, dan Perak. Dr. Kashif yang juga merupakan Presiden MyCenTHE menyatakan bahawa kluster hospitaliti dan pelancongan ialah satu bidang yang luas. “Institusi-institusi pendidikan yang menawarkan pendidikan pelancongan dan hospitaliti mempunyai peluang yang besar untuk membangunkan program-program baru dan unik, mempersiapkan para siswazah untuk bekerja di pelbagai hotel dan resort, semua jenis cawangan F&B, syarikat penerbangan dan syarikat pengangkutan lain, tempat budaya dan tempat yang dikhususkan untuk industri acara dan banyak lagi di negara ini.”

MyCenTHE berazam untuk melihat peningkatan gaji bulanan purata dalam industri ini daripada RM2,000 menjadi RM4,000 agar para siswazah dapat menikmati kerjaya yang mampan dan kehidupan yang lebih baik pada masa hadapan. Oleh itu, adalah penting untuk memastikan pendidikan pelancongan relevan dengan keperluan-keperluan industri pelancongan. “Kesemua peneraju kluster MyCenTHE telah melaksanakan pembelajaran berasaskan pekerjaan dalam kurikulum yang mereka tawarkan. Pendekatan ini telah memberikan para pelajar kemahiran-kemahiran profesional yang diperlukan, sesuai dengan trend-trend industri, pengalaman kehidupan



Dr. Kashif Hussain, iaitu Dekan Fakulti Hospitaliti dan Pengurusan Pelancongan dari UCSI University dan Presiden MyCenTHE.

sebenar, dan peluang-peluang pekerjaan yang berdaya maju; yang telah meningkatkan kebolehgajian siswazah dan keterlibatan industri,” kata Dr. Kashif.

Pada tahun 2017, MyCenTHE bersama rakan-rakan kongsi IPTnya telah menubuhkan sebuah jawatankuasa kerja yang terdiri daripada empat pemain utama sektor pendidikan (UCSI University, KDU University College, Sunway University dan Taylor’s University) untuk meningkatkan kualiti tenaga kerja melalui usaha sama institusi-institusi ahli di enam buah negeri. “Kami menyusun semula segala strategi dan perancangan utama kami selepas ini. Kami juga meningkatkan usaha-usaha penjenamaan dan promosi dengan menjalankan Kempen Kesedaran Kebangsaan 2017, serta mendekati golongan muda dan orang awam melalui media sosial bagi meningkatkan kesedaran mengenai masa depan industri hospitaliti dan pelancongan serta bidang-bidang kerjaya yang berkaitan,” terang Dr. Kashif.

Kempen Kesedaran Kebangsaan 2017, dengan slogan “Kami Mahukan Anda Dalam Industri Hospitaliti dan Pelancongan” telah diadakan pada bulan Oktober dan November 2017 di Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang, Kedah, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Johor, Sabah dan Sarawak. “Objektif kempen seluruh negara ini ialah untuk mempromosikan industri hospitaliti dan pelancongan kepada 3,000 orang murid dari 100 buah sekolah tempatan, di mana mereka telah melawat pelbagai hotel, resort, taman tema, pusat konvensyen dan syarikat pelancongan, untuk mendekati alam sekitar, gaya hidup bekerja, dan budaya industri ini. Kami berharap dengan kempen ini, kami akan dapat merapatkan jurang antara golongan akademik dan industri.”

“Sebagai penyedia pendidikan tinggi, kami perlu memastikan bahawa para siswazah yang kami hasilkan adalah yang terbaik, bukan sahaja dalam industri, tetapi untuk industri ini. Industri ini memerlukan sumber manusia berkualiti yang berkebolehan untuk memenuhi keperluan pelanggan atau tetamu mereka serta menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti tinggi. Kami ingin memastikan pendidikan hospitaliti dan pelancongan bukan sahaja memberi impak yang positif kepada ekonomi negara, tetapi juga membantu membangunkan kumpulan bakat sedia ada dan akan datang.”



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Berikutan pelbagai kejayaan dan cabaran yang dihadapi pada tahun 2017, pendekatan yang lebih terperinci dalam pembentukan polisi dan kelancaran proses adalah penting untuk membawa inisiatif pendidikan NTP seperti pendaftaran ECCE, peningkatan kemahiran guru dan mempromosikan DLP dan HIP ke tahap yang seterusnya. Rakyat boleh menjangkakan bahawa tahun hadapan bakal menjadi lebih menarik dengan pelaksanaan garis panduan yang baharu hasil daripada pelbagai makmal yang dijalankan pada tahun 2017, terutamanya daripada Makmal Mini Pelajar Berkeperluan Khas dan Makmal Pelajar Antarabangsa.

Dalam usaha mempromosikan Malaysia sebagai destinasi utama untuk pendidikan, aktiviti pemasaran antarabangsa dengan pihak berkepentingan yang relevan dan proses kemasukan pelajar akan dipertingkatkan untuk meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global. Setiap kluster disiplin akan memfokus kepada peningkatan pemasaran dan penjenamaan dengan menyatukan dan menjalin usaha sama baharu antara pemain industri dan penyedia pendidikan untuk meningkatkan pendaftaran dalam setiap disiplin serta meningkatkan kesedaran mengenai peluang dalam industri berkaitan. Sementara itu, EduCity@Iskandar akan terus menambah baik infrastruktur dan mempertingkatkan aktiviti pemasaran di dalam dan luar negara untuk merangsang pendaftaran pelajar-pelajar tempatan dan antarabangsa dalam institusi-institusi EduCity.



GREATER KUALA LUMPUR / LEMBAH KLANG

**MEMBERI NAFAS BARU
KEPADA LANSKAP BANDAR**



YB DATUK SERI TENGKU ADNAN TENGKU MANSOR

Menteri Wilayah Persekutuan

Kawasan Greater Kuala Lumpur dan Lembah Klang (Greater KL/Lembah Klang) pesat berkembang dari segi kesalinghubungan, sekali gus membawa kekayaan dan kemakmuran kepada penduduknya, sejajar dengan matlamat NKEA Greater KL/Lembah Klang untuk meningkatkan daya huninya dan menjadi pusat komersial yang berdaya saing di arena antarabangsa. Sumbangan NKEA ini kepada PNK dijangka meningkat daripada RM248 bilion pada tahun 2010 kepada RM693 bilion menjelang tahun 2020, sementara kemajuan terkini bagi usaha untuk mewujudkan 320,000 pekerjaan menjelang 2020 menepati garis masa perancangan.

Dalam usaha meningkatkan daya huni dan daya saing serantaunya, NKEA Greater KL/Lembah Klang telah melaksanakan inisiatif untuk menambah baik kesalinghubungan kawasan tersebut, menghidupkan kembali sungai dan melindungi kawasan hijau, mengukuhkan daya penarik komersial dan memastikan pengurusan sumber air dan sisa dilaksanakan dengan efektif untuk memenuhi keperluan populasinya yang semakin bertambah untuk memacu aktiviti ekonomi. Menurut laporan Global Liveability Report 2017 oleh Economist Intelligence Unit (EIU), Kuala Lumpur telah meningkatkan daya huninya daripada kedudukan ke-78 pada tahun 2010 kepada tempat ke-70 daripada 140 bandar, dan kekal sebagai bandar raya kedua paling berdaya huni di Asia Tenggara.

Bagi tujuan ini, beberapa projek yang dimulakan pada tahun 2010 telah mencapai penanda kemajuan penting sepanjang tahun ini, mewakili pencapaian bukan sahaja bagi NKEA ini, bahkan turut menjadi tunjang utama transformasi Malaysia di bawah NTP. Penanda kemajuan ini termasuklah penyempurnaan keseluruhan Laluan 1 MRT pada 17 Julai 2017. Projek tersebut berjaya disiapkan dua minggu lebih awal daripada tarikh yang ditetapkan dengan penjimatan RM2 bilion. Laluan 1 MRT kini mencatat purata 110,000

penumpang sehari dan bilangan penumpang dijangka kian bertambah dengan peningkatan kesalinghubungan dalam kawasan Greater KL/Lembah Klang.

Inisiatif penting yang lain termasuklah projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life, RoL), yang bertujuan mentransformasikan Sungai Klang dan Sungai Gombak serta kawasan sekitarnya kepada tempat aktiviti rekreasi yang berkembang maju dan meningkatkan nilai ekonominya, sepertimana yang disaksikan di bandar-bandar bertaraf dunia yang lain. Projek tersebut menandakan pelancaran Fasa 1 pengindahan sungai pada 28 Ogos 2017, iaitu tempat tarikan premium baharu di sepanjang 2.7 km tepian sungai di tengah bandar yang meningkatkan keceriaan suasana untuk rakyat dan juga para pelancong. Projek tersebut turut meraih pengiktirafan antarabangsa apabila AECOM, firma infrastruktur yang bertanggungjawab mereka bentuk keseluruhan pengindahan sungai, berjaya menerima Anugerah Kecemerlangan oleh Persekutuan Arkitek Lanskap Antarabangsa dan Anugerah Seni Bina Lanskap Asia-Pasifik 2017 di bawah kategori Lanskap Budaya dan Bandar.

Kejayaan NKEA ini adalah hasil kerjasama erat antara Kementerian dan agensi yang berkaitan serta sokongan orang ramai dalam memastikan kemampunan penambahbaikan di Greater KL/Lembah Klang. Semakin kita menghampiri penanda tahun 2020, semua pihak berkepentingan perlu bersama-sama meningkatkan usaha bagi memastikan penyempurnaan projek adalah sejajar dengan sasaran negara.

MEWUJUDKAN KESALINGHUBUNGAN DALAM BANDAR DAN KAWASAN SEKITARNYA

Projek Transit Aliran Berkapasiti Tinggi Lembah Klang

Sebagai projek utama di bawah NTP, projek MRT dilahirkan untuk menambah kapasiti kepada sistem pengangkutan awam Greater KL/Lembah Klang yang semakin berkembang, di samping memungkinkan aktiviti ekonomi. MRT turut menyumbang kepada daya huni Greater KL/Lembah Klang dengan menyediakan pilihan pengangkutan yang lebih mesra alam untuk bergerak di sekitar kawasan bandar. Projek ini dijangka akan mengurangkan kira-kira 160,000 bilangan kenderaan dari jalan raya dan mengurangkan penghasilan sebanyak 34,400 tan karbon dioksida setahun.



Laluan 1 MRT mula beroperasi sepenuhnya pada 17 Julai 2017.

Projek tersebut mencapai penanda kemajuan penting apabila keseluruhan Laluan 1 MRT [Laluan Sungai Buloh – Kajang (SBK)] dilancarkan pada 17 Julai 2017, lantas menambah baik kesalinghubungan dalam Greater KL/Lembah Klang dan menghampiri matlamat sebagai kawasan yang saling terhubung sepenuhnya. Laluan tersebut merangkumi 31 hentian dari Sungai Buloh ke Kajang dan mampu menyediakan perkhidmatan untuk populasi sebanyak 1.2 juta individu. Kesalinghubungan laluan tersebut dipertingkatkan lagi melalui integrasi dengan rangkaian rel sedia ada yang meliputi perkhidmatan LRT, Monorail, KTM Komuter, KLIA Express dan KLIA Transit.



Perasmian Laluan 1 MRT oleh YAB Perdana Menteri di stesen Tun Razak Exchange.

Fasa kedua projek MRT [Laluan Sungai Buloh – Serdang – Putrajaya (SSP)] sedang dalam pembinaan dan dimulakan dengan upacara pecah tanah di Stesen Putrajaya Sentral oleh YAB Perdana Menteri pada 15 September 2016. Sehingga tahun 2017, aliran kerja yang berkaitan dengan jejambat, kerja bawah tanah, sistem elektrik dan mekanikal telah dilaksanakan mengikut perancangan. Sehingga 31 Disember 2017, Laluan SSP telah mencapai tahap kemajuan 19.13%. Fasa pertama Laluan SSP MRT dirancang untuk beroperasi menjelang suku kedua tahun 2021, manakala laluan penuh SSP akan beroperasi pada tahun berikutnya.

Secara bersama, Laluan SBK dan SSP akan menyediakan kapasiti tambahan untuk mengangkut seramai 900,000 penumpang sehari. Pada masa yang sama, fasa ketiga (Laluan Bulatan) projek MRT dalam perancangan. Laluan Bulatan akan membentuk lingkaran di sekeliling kawasan Greater KL/Lembah Klang, justeru melengkapkan keseluruhan projek MRT.

Rangkaian rel bandar MRT merupakan projek kompleks yang melibatkan pembinaan di kawasan bandar yang sangat sesak. Oleh yang demikian, amalan terbaik yang telah diuji di seluruh dunia dan terbukti berkesan diterapkan bagi meningkatkan kecekapan tenaga kerja di samping mengurangkan risiko kerosakan dan kecederaan. Bagi tujuan ini, gangguan lazim daripada tapak pembinaan seperti pencemaran bunyi dan udara, penutupan jalan, dan kemungkinan kerosakan kepada harta benda berhampiran akan diurus dengan lebih baik dengan penggunaan langkah-langkah pencegahan seperti penghalang bunyi. Aspek keselamatan di tapak pembinaan dan kawasan sekitarnya akan diberi keutamaan, terutamanya di lokasi yang hampir dengan laluan pejalan kaki, lalu lintas yang sibuk, dan bangunan. Bagi memastikan pematuan, penilaian impak dan interaksi dengan pihak berkepentingan akan dijalankan secara berkala.



Untuk mendapatkan maklumat dan kemajuan terkini tentang pembangunan MRT, orang ramai boleh mengakses pelbagai titik sentuh MRT secara luar talian dan dalam talian. Ini termasuklah pusat maklumat yang terletak di Viva Mall Kuala Lumpur dan Atmosphere Putrajaya, serta pusat maklumat bergerak dan kiosk di pusat beli-belah yang lain. Orang ramai juga boleh memberikan maklum balas tentang pembangunan MRT melalui <http://www.mymrt.com.my/en/feedback-form>.

Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur – Singapura

Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur – Singapura (KL-SG HSR) ialah satu lagi projek yang bertujuan meningkatkan kesalinghubungan Greater KL/Lembah Klang. Projek ini disasarkan untuk mewujudkan pengganda sosioekonomi melalui kelompok ekonomi yang dijangka berkembang di sepanjang landasan kereta api.

Perkhidmatan tersebut bakal mengurangkan masa perjalanan di antara KL dan Singapura kepada 90 minit. Projek ini akan melalui lapan stesen: tujuh di Malaysia dan satu di Singapura. Bermula dari Bandar Malaysia, laluan HSR akan melalui Bangi – Putrajaya, Seremban, Melaka,

Muar, Batu Pahat dan Iskandar Puteri sebelum sampai ke Jurong East, Singapura.

Peningkatan kesalinghubungan antara dua penggerak ekonomi utama di Asia Tenggara ini dijangka mempermudah perniagaan rentas sempadan dengan memberikan akses kepada pasaran yang lebih luas. Pada masa yang sama, orang ramai dapat menikmati masa perjalanan yang lebih pendek dan perjalanan yang lebih selesa melalui sambungan antara satu pusat bandar ke pusat bandar yang lain di sepanjang koridor tersebut. Pada tahun 2017, dua Taklimat Industri peringkat antarabangsa telah diadakan dengan Pihak Berkuasa Pengangkutan Darat (Land Transport Authority, LTA) Singapura untuk menyediakan tender pada tahun 2018 bagi penubuhan syarikat aset HSR yang dibiayai pihak swasta (AssetsCo).

Keputusan tender HSR AssetsCo dijangka akan diumumkan pada tahun 2018, dan selepas itu pihak yang dilantik akan bertanggungjawab untuk mereka bentuk, membina, membiayai dan mengurus semua kenderaan transit rel serta aset kereta api. Pada 17 Oktober 2017, YAB Perdana Menteri telah melancarkan konsep reka bentuk stesen serta Ground Control Point Survey Works.



Laluan 1 MRT dijangka akan menyediakan perkhidmatan untuk populasi sebanyak 1.2 juta individu.

Projek sebesar ini akan memerlukan ramai tenaga kerja dengan kepakaran dalam industri kereta api berkelajuan tinggi, dan bekalan tenaga mahir ini tidak mencukupi di Malaysia memandangkan industri ini secara relatifnya masih baharu di negara kita. Untuk menangani masalah ini, beberapa inisiatif telah dikenal pasti untuk membangunkan dan meningkatkan kemahiran tenaga mahir tempatan dengan kemahiran teknikal yang diperlukan melalui program dan modul akademik, modul Latihan dan Pendidikan Teknik dan Vokasional (TVET), pembangunan semula profesional dan pembinaan semula kemahiran, serta Program Jurutera Muda. Inisiatif-inisiatif ini akan menyediakan latihan semasa kerja serta pentaksiran dan penilaian berterusan melalui kerjasama dengan institusi pengajian tinggi dan institusi TVET serta rakan kerjasama projek.

“Peningkatan kesalinghubungan antara dua penggerak ekonomi utama di Asia Tenggara ini dijangka mempermudah perniagaan rentas sempadan dengan akses kepada pasaran yang lebih luas.”

Pada tahun 2017, MyHSR Corp bersama-sama dengan Unit Perancang Ekonomi turut membangunkan Program Pembangunan Sosioekonomi (SEDP) untuk mempercepatkan perkembangan inklusif di bandar-bandar di sepanjang koridor HSR. SEDP akan dilaksanakan dengan fokus kepada tiga komponen: ekonomi, keterangkuman dan kemampanan. Setiap komponen disokong oleh sehimpunan pemangkin untuk memaksimumkan manfaat kepada masyarakat tempatan dan memastikan penyertaan yang bermakna dalam pembangunannya. Acara Permulaan Penyampaian SEDP dan Pleno CTP (Cities Transformation Programme) telah dianjurkan pada Februari 2017 untuk mengongsikan gambaran keseluruhan dan kemajuan terkini SEDP. Acara-acara ini turut bertindak sebagai platform untuk memulakan program penyampaian SEDP, iaitu Program Perancangan Ekonomi (Economic Acceleration Programme, EAP) dan Program Transformasi Bandar (CTP).



YB Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan telah merasmikan Permulaan Penyampaian SEDP and Pleno CTP (Cities Transformation Programme) pada Februari 2017.

Pelan Induk Rangkaian Pejalan Kaki dan Laluan Basikal

Sejak tahun 2010, laluan pejalan kaki sepanjang 49.8 km di sekitar Kuala Lumpur telah diturap semula, pagar anti-panjat telah dipasang dan pokok-pokok lanskap telah ditambah sebagai salah satu daripada projek untuk menambah baik jaringan pejalan kaki dengan pembangunan utama di bandar serta merancakkan aktiviti komersial dan santai. Perubahan ini telah mempertingkatkan keselesaan dan keselamatan pejalan kaki dan seterusnya menggalakkan lebih banyak perjalanan secara berjalan kaki di sekitar bandar.

Susulan kejayaan penyiapan laluan basikal yang menghubungkan Mid Valley dan Dataran Merdeka pada tahun 2015, DBKL akan menggalakkan mobiliti orang ramai dengan merangkumkan pelan induk rangkaian pejalan kaki dan laluan basikal dalam pembangunan pada masa kini dan akan datang. Pelan induk tersebut akan siap pada tahun 2018 dan akan mengambil kira pandangan orang ramai dan perbincangan kumpulan.

Rangkaian pejalan kaki dan laluan basikal akan menjadi sebahagian daripada pelan induk tersebut sebagai panduan kepada DBKL dan pihak berkuasa tempatan untuk menaik taraf laluan basikal. Ini akan melengkapkan perkhidmatan baharu seperti perkongsian basikal di sekitar kawasan Greater KL yang menggalakkan pengangkutan berkarbon rendah untuk warganya. Pengenalan pelan induk tersebut turut disasarkan untuk membimbing pihak berkuasa tempatan dan majlis bandar raya supaya merancang semula peruntukan kawasan jalan, yang pada masa ini lebih mengutamakan kenderaan.



MERANCAKKAN AKTIVITI EKONOMI DI GREATER KUALA LUMPUR DAN LEMBAH KLANG

Meskipun berdepan dengan prospek ekonomi global yang mencabar pada tahun 2017, InvestKL tetap gigih dalam usahanya untuk memudahkan penubuhan 100 perbadanan multinasional (MNC) di Greater KL/Lembah Klang menjelang tahun 2020. Kemajuan dicapai melalui interaksi dengan peringkat pengurusan atasan dan pemantapan hubungan dengan pelbagai rakan kerjasama. Hasilnya, InvestKL berjaya mencatat kemasukan 12 MNC pada tahun 2017.

Sesi interaksi dengan pihak berkepentingan diadakan sepanjang tahun melalui kerjasama yang erat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebagai pengawal selia utama bagi pelaburan langsung asing. Sesi itu membolehkan InvestKL mempermudah kemasukan MNC, memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang keperluan dan kebimbangan setiap MNC serta memastikan sokongan yang berterusan kepada MNC sedia ada untuk menggalakkan kehadiran mereka di Malaysia bagi jangka masa panjang. Sesi yang dijalankan pada tahun 2017 termasuklah rundingan meja bulat Delegasi Perancis bersama Gerakan Perusahaan Perancis (The Movement of the Enterprises of France, MEDEF), iaitu persekutuan majikan terbesar di Perancis, serta majlis makan tengah hari bersempena dengan kunjungan Presiden Perancis ke Kuala Lumpur.

“InvestKL berjaya mencatatkan kemasukan 12 MNC pada tahun 2017.”

Inisiatif kerjasama strategik dengan empat firma perakaunan utama dan dewan perniagaan antarabangsa, antara lainnya, akan turut dimanfaatkan untuk melibatkan pelabur berpotensi dan mendapatkan MNC selebihnya yang diperlukan untuk mencapai sasaran tahun 2020. Pada masa yang sama, promosi yang berterusan mengenai kelebihan kawasan Greater KL/Lembah Klang

akan dijalankan merentas platform media tempatan dan antarabangsa melalui medium tradisional dan juga digital.

InvestKL juga akan mengambil bahagian dan menganjurkan pelbagai inisiatif rundingan meja bulat untuk sektor dan kawasan yang berlainan. Antara acara yang dirancang termasuklah Rundingan Meja Bulat Minyak dan Gas, serta Persidangan Jaluran dan Laluan (Belt and Road Conference) dan Simposium Cukai. Interaksi ini akan berlangsung di seluruh dunia, termasuk di bandar-bandar besar di US, Eropah, China dan Jepun. Di tanah air, InvestKL turut menganjur sesi persidangan antara industri insurans bersama Bank Negara Malaysia untuk membincangkan polisi dan peraturan yang mampu memberi manfaat kepada kedua-dua pihak untuk menggalakkan pertumbuhan industri untuk jangka masa panjang. Kejayaan berturutan InvestKL untuk menarik MNC ke Greater KL/Lembah Klang adalah bukti keberkesanan inisiatif-inisiatif tersebut.

Sementara itu, TalentCorp terus menarik dan mengekalkan bakat berkemahiran tinggi di Malaysia untuk menyokong keperluan bakat di Greater KL/Lembah Klang. Sehingga tahun 2017, program Penarikan dan Pengekalan Tenaga Mahir Tajaan (STAR) telah mendaftarkan sebanyak 1,206 pemegang biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Di bawah Program Kepulangan Pakar (Returning Expert Programme, REP), sebanyak 405 pemohon telah diluluskan setakat tahun 2017. Untuk memastikan kejayaan yang berterusan, pemasaran hendaklah dipergiatkan untuk meningkatkan minat dalam kalangan ahli profesional Malaysia yang pulang selepas bertugas di luar negara. Sementara itu, program Pas Pemastautin-Tenaga Mahir (Residence Pass-Talent, RP-T), yang bertujuan mengekalkan ekspatriat berkemahiran tinggi di Malaysia, telah meluluskan sebanyak 1,049 pemohon pada tahun yang sama, sekali gus memantapkan kumpulan bakat berkemahiran tinggi dan meningkatkan kadar pemindahan pengetahuan di Malaysia.

Adalah penting untuk kita memastikan permohonan pas pekerjaan diproses dalam cara yang lebih mudah dan tepat pada masanya untuk menarik minat pemohon, terutamanya memandangkan kekangan sumber manusia mungkin menjejaskan kecekapan proses permohonan. Pada tahun 2017, Pusat MyXpats berjaya memproses 97% daripada pas pekerjaan dalam masa lima hari sepertimana yang dijanjikan dalam piagamnya, manakala sistem dalam talian Bahagian Perkhidmatan Ekspatriat (Expatriate Service Division, ESD) telah mendaftarkan 13,000 syarikat dan memproses 106,000 permohonan sejak tahun 2014.

MEMBANGUNKAN BANDAR BERTARAF DUNIA

Sungai Nadi Kehidupan

Dengan mengambil kira hakikat bahawa populasi di Greater KL/Lembah Klang semakin meningkat, amatlah penting untuk kita memastikan kawasan ini terus menjadi persekitaran yang berdaya huni. Oleh itu, mulai tahun 2011, usaha yang besar telah disalurkan untuk menambah baik sungai-sungai di kawasan ini di bawah projek Sungai Nadi Kehidupan (River of Life, RoL). Susulan pelancaran Fasa 1 pada tahun 2017, projek yang mengutamakan alam sekitar ini disasarkan akan siap menjelang tahun 2020 seperti dirancang.

Sejajar dengan proses pembersihan sungai, kerja-kerja terus dilaksanakan di lapan anak sungai yang meliputi jarak sejauh 110 km untuk mencapai tahap Kelas IIB (selamat untuk kegunaan rekreasi) menurut indeks kualiti air (WQI). Kualiti air diukur mengikut kelas: Kelas I menandakan kualiti air yang paling tinggi manakala Kelas V berada dalam keadaan yang sangat tercemar. Sebelum pelaksanaan projek RoL, WQI bagi sungai-sungai dalam lingkungan projek RoL berada pada tahap yang

memudaratkan, iaitu Kelas IV-V, tetapi selepas inisiatif-inisiatif pembersihan dijalankan WQI bagi kelapan-lapan anak sungai telah bertambah baik kepada Kelas III.

Sejak tahun 2011, sejumlah 27 loji rawatan kumbahan dan rangkaian paip pembetungan sepanjang 136.33 km telah dinaik taraf dan dipasang, dengan satu lagi loji rawatan kumbahan dan tambahan rangkaian paip pembetungan sepanjang 7 km masih sedang dibina. Untuk mengelakkan risiko limpahan efluen atau kepincangan fungsi yang akan memburukkan lagi pencemaran sungai, loji rawatan berkapasiti kecil yang lama dan sedia ada turut dinaik taraf, di mana 13 loji direka semula menjadi loji rawatan kumbahan daerah manakala 267 loji sedang dalam proses untuk ditutup mengikut jadual.

Agensi-agensi yang terlibat telah mengenal pasti air kumbahan daripada pasar basah sebagai salah satu punca utama pencemaran sungai. Sebagai langkah balas, empat loji rawatan air kumbahan untuk pasar-pasar basah di Kuala Lumpur telah dibina dengan tambahan lima loji di Selangor berada pada peringkat akhir pembinaan. Sejumlah 504 perangkap bahan cemar, pengaut sampah dan benteng balak telah dipasang, manakala 13 loji rawatan sungai telah dibina dan dua lagi sedang dalam proses pembinaan.

Kerja-kerja baik pulih di sepanjang 13 km tebing Sungai Kerayong dan kerja-kerja pengukuhan tebing sungai di lokasi-lokasi terpilih di Sungai Klang dan Sungai

BACAAN TERKINI*

Sasaran RoL adalah untuk mencapai **Kelas IIB** (selamat untuk sentuhan dan kegunaan rekreasi) **menjelang tahun 2020**



Indeks kualiti air sungai-sungai di bawah projek RoL bagi tahun 2017.



Gombak juga telah disempurnakan. Di samping itu, sistem pemintas telah dipasang di sepanjang 10.7 km kawasan sungai di bawah komponen pengindahan sungai projek RoL. Sistem tersebut direka khusus untuk memintas sampah sarap dan air dari jalanan yang tidak diperangkap oleh kemudahan rawatan air kumbahan dan diubah halanya kepada lapan loji rawatan air basuhan sebelum air tersebut dilepaskan ke dalam sungai. Penggunaan sistem ini akan dapat memastikan yang kualiti air di sepanjang 10.7 km kawasan sungai dapat mencapai tahap Kelas IIB. Pada masa ini, empat sistem pemintas telah disiapkan dengan pemintas selebihnya masih dalam pembinaan.


Komponen pengindahan sungai telah mencapai penanda kemajuan penting pada tahun 2017, susulan penaiktarafan kawasan yang melingkungi 10.7 km sungai dari Titiwangsa ke Brickfields, dengan Masjid Jamek sebagai titik tumpuannya. Kerja-kerja baik pulih dan pengubahsuaian Masjid Jamek telah selesai dan kawasan tersebut kini menjadi lebih mudah dilalui dan menarik kepada pelanggan, pengunjung dan pejalan kaki.

Ciri air pancut dan lampu Kolam Biru di Masjid Jamek telah dilancarkan serentak dengan projek pengindahan Fasa 1 RoL pada 28 Ogos 2017 oleh YAB Perdana Menteri. Kerja-kerja pengindahan telah bermula sejak tahun 2014 di kawasan sekitar Dataran Merdeka, Masjid India, PWTC dan Brickfields, manakala satu kontrak untuk kerja-kerja pengindahan Taman Tasik Titiwangsa sedang melalui proses tender. Pengindahan semua kawasan terlibat dijangka siap pada tahun 2019. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) akan terus bekerjasama dengan DBKL untuk memastikan penyempurnaan Fasa 2 kerja-kerja pengindahan sungai. Semua projek diurus secara rapi dan penilaian kemajuan dilakukan secara kerap bagi setiap nod dan pakej.

Pembuangan bahan asing ke dalam saluran air kawasan Greater KL/Lembah Klang akan menghalang dan berkemungkinan merencatkan usaha pembersihan sungai. Oleh yang demikian, interaksi selanjutnya bersama orang ramai perlu dilakukan. Untuk membantu kempen ini, sebanyak lima fasa Program Jangkauan Awam (Public Outreach Programme, POP) telah dirancang. Setiap Fasa POP diperuntukkan kepada satu kawasan Kuala Lumpur dan Lembah Klang dan mensasarkan masyarakat tempatan (kanak-kanak bersekolah, peniaga makanan dan lain-lain) yang tinggal dalam lingkungan 300m dari tebing sungai untuk meningkatkan kesedaran tentang kebersihan sungai. POP turut memupuk pemikiran sivik untuk memastikan kemampanan dan pengekaln kualiti sungai yang lebih baik.

Walaupun projek RoL telah mencatat penambahbaikan yang cukup besar, projek ini boleh tergendala akibat kerja-kerja pembinaan, kekangan geografi dan keadaan tanah. Namun, kerjasama berterusan antara kerajaan

dengan agensi-agensi swasta akan dipertingkatkan untuk mengurangkan kelewatan dalam menyiapkan projek tersebut. Usaha yang sedang dilaksanakan dalam mendidik orang ramai mesti diteruskan untuk memastikan kemudahan yang telah dinaik taraf tidak dirosakkan.



Kawasan liputan Program Jangkauan Awam.

Memelihara kawasan hijau

Inisiatif Penanaman Pokok dan Pengambilan Taman Angkat telah mencapai dan seterusnya menjangkau sasaran penanaman 100,000 pokok menjelang tahun 2020 di Kuala Lumpur pada tahun 2013, tujuh tahun lebih awal daripada jadual. Walau bagaimanapun, terdapat usaha yang berterusan untuk meningkatkan bilangan ini demi memastikan Greater KL/Lembah Klang menjadi lebih hijau dan lebih berdaya huni.

Susulan inisiatif penanaman pokok oleh Wilhelmsen Ship Services dan Wilhelmsen Ship Management pada tahun 2016, empat taman tambahan diambil sebagai taman angkat pada tahun 2017 oleh perbadanan swasta dan organisasi masyarakat. Permintaan tersebut digalakkan melalui perkongsian dengan Yayasan Hijau yang membenarkan dana pengambilan taman angkat dikecualikan daripada cukai.



Tun Perak Pocket Park yang telah dinaik taraf menambah kehijauan kepada persimpangan bandar yang sibuk dan menggunakan batuan sungai daripada projek River of Life yang berdekatan.

Usaha sama antara Think City dengan Seksan Design untuk mereka bentuk semula dan mengolah tujuan kawasan sedia ada telah membawa kepada pelancaran Laman Tun Perak. Laman tersebut turut menampilkan batuan yang dikitar semula daripada batu tongkol sungai yang dialih keluar dari kawasan projek RoL.

Naza TTDI turut komited terhadap inisiatif penajaan korporat berskala besar bagi taman di KL Metropolis, yang bernilai RM20 juta bagi tempoh 15 tahun. Selain itu, taman pemuliharaan paku-pakis dibina di Hotel Stripes oleh YTL di Jalan Kemuning, Kuala Lumpur, manakala AIA Group mengambil sebahagian daripada Taman Metropolitan Kepong sebagai taman angkat.

Mempromosikan lokasi ikonik

Kerja sedia ada untuk membangunkan jejak warisan sedang berjalan dengan lancar mengikut Pelan Induk Jejak Warisan. Kerja pembangunan sedang dijalankan bagi Jejak Warisan 5 hingga 8, meskipun berhadapan dengan cabaran termasuk penempatan semula utiliti berhampiran.

Jejak Warisan 5, atau Jejak Pahlawan, yang menghubungkan Presint 7 projek RoL ke Jalan Parlimen, masih lagi dalam pembinaan disebabkan oleh cabaran bekerja dalam ruangan terbatas dan kesesakan trafik. Jejak Warisan 6, atau Jejak Rimba Bandar dijangka akan siap pada tahun 2018, di mana 1.2 km kawasan di sepanjang Jalan Ampang dan salah satu pintu masuk ke Hutan Simpan Bukit Nanas akan dinaik taraf, lantas membolehkan pengunjung mengakses satu-satunya hutan hujan dara yang masih ada di bandar Kuala Lumpur.

Jejak Warisan 7 dan 8, atau Jejak Bijih Timah, bakal menyaksikan laluan pejalan kakinya dinaik taraf dan dua taman poket baharu dibina di Jalan Sultan dan Jalan Panggong. Projek ini dijangka siap pada tahun 2018. Kawasan tumpuan pelancong yang terkenal di Jalan Petaling dan kawasan sekitarnya itu akan menggalakkan lebih banyak pengunjung mempelajari sejarah Kuala Lumpur yang menarik tentang pelombongan timah dan peniaga timah.



Pengurusan sisa pepejal dan air

Pengurusan sisa pepejal (solid waste management, SWM) ialah satu lagi bidang fokus yang dikenal pasti di bawah NKEA ini. Di Semenanjung Malaysia, SWM bagi negeri-negeri di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam 2007 (Akta 672) ditadbir oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Akta 672 mensasarkan pengurangan amaun sisa pepejal yang dihantar ke tapak kambus tanah sebanyak 40% menjelang tahun 2020. Walau bagaimanapun, inisiatif tersebut memerlukan penyelesaian inovatif dan penyertaan sektor swasta untuk mengurangkan kebergantungan pada Kerajaan yang banyak membiayai pelaburan dalam SWM pada masa ini.

Oleh yang demikian, inisiatif Pernyataan Keperluan Kawasan Tadahan (Catchment Area Needs Statement, CANS) yang diilhamkan semasa Makmal Pengurusan Sisa Pepejal pada Julai 2015 disasarkan untuk menggalakkan penyertaan sektor swasta dengan menyediakan platform yang mengandungi maklumat berkaitan untuk keperluan pelencongan muatan dan pencartaan aliran sisa bagi lokasi tertentu. Maklumat ini akan membantu sektor swasta dalam menyediakan cadangan yang sesuai untuk menangani pelencongan muatan dan pada masa yang sama mengurangkan modal dan perbelanjaan operasi oleh Kerajaan. Inisiatif ini menyampaikan mesej pelawaan yang jelas kepada sektor swasta untuk terlibat dalam SWM. Dengan mencadangkan penyelesaian pengurusan sisa pepejal yang disesuaikan mengikut tempat, sektor swasta dapat membantu Kerajaan mencapai sasarannya untuk pelencongan sisa dan merangsang industri pemuliharaan sisa setempat di samping mengurangkan beban kewangan Kerajaan.

Meskipun JPSPN ingin bekerjasama dengan sektor swasta untuk meneroka perkongsian yang bertumpukan penyelesaian, jabatan tersebut sebelum ini tidak mempunyai sistem penilaian yang sesuai dan kapasiti untuk menilai cadangan yang diterima daripada sektor swasta. Untuk menangani cabaran ini, Siri Penilaian Perniagaan (Business Evaluation Pipeline, BEP) telah dibangunkan untuk menilai cadangan SWM daripada sektor swasta. Versi 1.0 BEP yang memperkemas format dan kriteria penilaian untuk penerimgunaan awal telah dilancarkan pada Februari 2017. Versi 2.0 BEP, yang akan merangkum kriteria penilaian yang menyeluruh, dijangka akan sedia untuk penerimgunaan menjelang akhir tahun 2017. BEP akan disepadukan dengan CANS sebaik sahaja ia beroperasi sepenuhnya.

Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) kini menerajui projek Loji Rawatan Kumbahan Berpusat

Langat (Langat Centralised Sewage Treatment Plant, LCSTP) yang akan membolehkan perawatan 207,000 m³ kumbahan sehari, atau 920,000 nilai kesetaraan populasi (population equivalent, PE), untuk menambah baik kualiti efluen yang dirawat dan mengurangkan pencemaran ammonia ke dalam Sungai Langat yang merupakan salah satu kawasan tadahan air penting yang memenuhi keperluan populasi Greater KL. Projek ini juga akan mewujudkan ruang tambahan untuk rekreasi dan kemudahan untuk orang ramai memandangkan sebahagian besar projek ini akan dibina di bawah tanah.

Meliputi kawasan tadahan Langat dengan luas purata 61.72 km persegi dari Batu 11 Cheras ke Kajang, reka bentuk loji tersebut turut mengambil kira rasionalisasi 164 loji rawatan kecil dari Batu 11 Cheras, Desa Baiduri, Cheras Jaya, Kajang 1 dan Kajang 3, termasuk Penjara Kajang. Projek tersebut dijadualkan siap menjelang Oktober 2020.

Projek lain yang sedang dijalankan termasuklah Loji Rawatan Kumbahan Upper Kerayong yang dijangka siap pada tahun 2018 meliputi kawasan Cheras dan Ampang. Projek-projek rangkaian paip dan rasionalisasi di Puchong dan Kajang juga dijangka siap pada tahun 2018 susulan kejayaan penyediaan rangkaian paip dan rasionalisasi di Petaling Jaya Utara dan Klang pada tahun 2017. Projek-projek ini akan membantu memastikan peningkatan kumbahan dan efluen daripada populasi yang lebih besar diperangkap dan dirawat untuk melindungi kualiti alam sekitar di kawasan Greater KL.



Loji Rawatan Kumbahan Bunus merupakan sebahagian daripada usaha untuk mempernaik kualiti air di Sungai Bunus.

Penyelesaian Strategik MRT: Pembaharuan dalam Pembinaan

Projek Aliran Transit Massa Lembah Klang (Klang Valley Mass Rapid Transit, KVMRT) merupakan projek infrastruktur terbesar di Malaysia. Oleh itu, demi penyempurnaan projek ini, Kerajaan telah mengamanahkan MMC Gamuda KVMRT Sdn Bhd (MMC Gamuda) sebagai Project Delivery Partner (PDP).

Maslan Othman, Timbalan Pengarah Projek MMC Gamuda berkata bahawa kejayaan projek MRT adalah hasil daripada perancangan penjajaran laluan MRT yang teliti, pengurusan reka bentuk, perolehan serta pengurusan pembinaan.

Dari segi penjajaran laluan, salah satu cabaran utama yang dihadapi adalah kadar kepadatan Kuala Lumpur. “Selain itu, penjajaran laluan tersebut juga harus melalui beberapa perbandaran dan hab perniagaan seperti KL Sentral dan Bukit Bintang. Pemilihan ini harus mengambil kira keseimbangan dalam mengoptimumkan bilangan penumpang dengan integrasi MRT dalam sistem pengangkutan yang sedia ada. Pada masa yang sama, pemerolehan tanah dan impak sosial ke atas masyarakat sekeliling kawasan pembinaan MRT perlulah berada di tahap paling minima,” ujar Maslan.

Pengetahuan yang meluas berkenaan rantaian nilai industri memberikan MMC Gamuda kelebihan dalam membina sebuah strategi pemerolehan yang memastikan pengagihan kerja yang optimum, di mana fokus diberikan kepada pemain tempatan bagi meningkatkan kebolehan dan kemahiran mereka. PDP terlibat dalam semua peringkat project ini bersama MRT Corp (MRTC) serta Jurutera Perunding Bebas (Independent Consulting Engineers, ICE).

Demi memastikan pegurusan pembinaan yang berkesan, PDP diberikan kuasa untuk campur tangan jika berlaku isu-isu yang boleh menjejaskan penyempurnaan projek ini tepat pada masanya. “Apabila keadaan memerlukan, kami akan menghantar pegawai yang berpengalaman dan sumber-sumber lain bagi mengelakkan berlakunya penangguhan. Para kontraktor memberi maklum balas yang positif dan bekerjasama dengan kami, dan ini membolehkan kerja-kerja berjalan lancar,” kata Maslan.



Keseluruhan projek MRT berjalan lancar hasil komunikasi korporat yang proaktif serta penglibatan dengan pihak berkepentingan.

Salah satu cabaran yang dihadapi adalah dalam aspek kesihatan, keselamatan dan penjagaan alam sekitar. Ini kerana para kontraktor di Malaysia masih belum biasa dengan piawaian ketat dan berkelas dunia yang dikenakan oleh MMC Gamuda yang diselia oleh ICE. Adalah penting untuk projek berskala besar seperti ini mempunyai penyelarasan dalam memastikan keselamatan semua yang terlibat.

“Kami telah menubuhkan Pusat Latihan KVMRT untuk mewajibkan latihan keselamatan ke atas semua vendor, kontraktor dan pekerja melalui sistem passport. Latihan yang diadakan telah membawa perubahan positif dalam mindset dan sikap kepada budaya kerja yang selamat,” terang Maslan. Adalah didapati bahawa kejadian kecederaan dan kematian di tapak pembinaan berkurang secara signifikan berbanding projek-projek serupa yang telah dijalankan.

Hasil usahasama MMC Gamuda, MRTC dan ICE, projek MRT ini berjaya disiapkan pada masa yang ditetapkan tanpa melebihi peruntukan yang disediakan, kata Pengarah Eksekutif/Ketua Pegawai Eksekutif HSS Integrated Sdn Bhd (HSSI), Dato’ Ir. Nitchiananthan a/l Balasubramaniam. HSSI, iaitu sebuah entiti bersekutu HSS Engineers Berhad, telah terlibat dengan pembinaan MRT Laluan 1 pada tahun 2011 dan terus terlibat dengan pembinaan MRT Laluan 2 sebagai ICE pada tahun 2015. “Kami dibawa masuk untuk membantu tadbir urus. Ini adalah project PDP berskala besar pertama di negara ini dengan kos RM20-30 bilion. Seluruh struktur tadbir urus ini memerlukan




badan bebas untuk mengaudit PDP dan juga projek ini sendiri, termasuklah pengurusan aliran tunai bon Danalnfra yang membiayai pembinaan MRT Laluan 1,” terang Dato’ Nitchiananthan.

Beliau berpendapat bahawa keseluruhan projek MRT berjalan lancar hasil komunikasi korporat yang proaktif serta penglibatan dengan pihak berkepentingan melalui media sosial dan mesyuarat. “Kerjasama antara MRT, PDP, dan ICE secara keseluruhannya amat baik, dan hubungan baik ini juga telah berlanjutan dalam pembinaan Laluan 2.” Dato’ Nitchiananthan berkata yang semua pihak yang terlibat telah memberikan komitmen dan semua pihak menjalankan tugas masing-masing secara sinergistik.

Impak pembangunan projek MRT amat ketara. “Sekurang-kurangnya 30% daripada sistem yang digunakan – termasuklah rolling stock, komunikasi dan sistem isyarat – telah diperolehi dari pembekal

tempatan. Para pemain industri kereta api telah berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan kebolehan bakat dalam syarikat tempatan sebagai persediaan untuk kerja-kerja pembinaan MRT Laluan 2 dan 3, Kereta Api Berkelajuan Tinggi, Laluan Rel Pantai Timur serta kerja menambah baik trek di sektor selatan. Projek MRT ini banyak menyumbang kepada pembangunan industri kereta api serta kepakaran dalam Malaysia,” kata Dato’ Nitchiananthan.

Projek MRT telah memberikan kesan yang besar kepada Lembah Klang dari segi peralihan modal. Dato’ Nitchiananthan melaporkan bahawa bilangan penumpang MRT Laluan 1 amat memberangsangkan. “Walau bagaimanapun, itu tidak bermakna kita tidak boleh mencapai lebih daripada itu. Apabila strategi dan polisi dalam aspek penetapan harga jalan raya, kos kesesakan dan kadar letak kereta yang lebih tinggi dilaksanakan, bilangan penumpang MRT dijangka akan meningkat dengan mendadak.”



Pembinaan stesen Merdeka.

Malaysia Pilihan Sports Direct dari United Kingdom

Sports Direct, iaitu peruncit barangan sukan terbesar dari United Kingdom telah mengenal pasti Malaysia sebagai lokasi yang sesuai untuk mengembangkan perniagaannya di Asia Tenggara, dan kini sedang bekerjasama dengan InvestKL dan Suruhanjaya Tinggi British untuk menjadikan Malaysia hab serantaunya.

“Kami menjalankan perniagaan dalam bidang sukan. Dengan menjadikan Malaysia hab serantau kami, kami akan dapat menawarkan rangkaian terluas barangan sukan dan nilai terbaik untuk jenama-jenama tulen kepada 648 juta orang pelanggan di ASEAN,” kata Paul Gibbons, Pengarah Urusan Sports Direct Malaysia. Syarikat tersebut yang telah melabur kira-kira RM120 juta dalam tempoh tujuh tahun sepanjang berada di Malaysia kini merancang untuk memanfaatkan operasinya di Malaysia sebagai batu loncatan untuk menembusi pasaran negara-negara jiran seperti Singapura, Thailand dan Vietnam dalam masa tiga tahun akan datang.

Gibbons yang menggelar Malaysia sebagai “lokasi yang sesuai untuk bertapak dan mengembangkan perniagaan” menyatakan bahawa kos operasi yang lebih rendah, lokasi di kawasan pertengahan, sistem kehakiman yang hampir sama dengan sistem di United Kingdom, infrastruktur dan kesalinghubungan yang baik, pelabuhan berpusat dan kemudahan menjalankan perniagaan adalah sebab-sebab utama Malaysia dipilih sebagai hab serantau bagi Sports Direct.

Walaupun turun naik mata wang dan beberapa perubahan dalam polisi telah menyebabkan sedikit gangguan jangka pendek kepada perniagaan Sports Direct, Gibbons menyatakan bahawa “tiada negara yang boleh menguruskan perkembangan perniagaan ke Asia Tenggara dan Asia Pasifik dengan lebih baik berbanding Malaysia.”

Syarikat ini juga memanfaatkan beberapa trend utama peruncitan, terutamanya permintaan untuk peruncitan yang menawarkan pengalaman dan penerimaan e-dagang yang pantas. Pada bulan Oktober 2017, Sports Direct Malaysia telah melancarkan sebuah kedai utama baharu setinggi lima tingkat dan berkeluasan 26,000 kaki persegi di Bukit Bintang. Kedai tersebut juga mempunyai ruang untuk mengendalikan kelas kecergasan di tingkat atas. Syarikat gergasi barangan sukan ini juga akan memulakan perniagaan web domestik dan menawarkan lebih banyak produk di platform e-dagang Lazada.

Sementara itu, Gibbons juga berbangga dengan kadar atrisi yang rendah dalam kalangan kakitangan Sports Direct Malaysia, iaitu kurang daripada 2%. Beliau menyatakan bahawa kebanyakan daripada lebih 700

orang kakitangannya berbakat dan mempunyai minat dalam bidang sukan, dan ini menyumbang kepada pengalaman pelanggan yang sangat baik.

Syarikat ini turut mengutamakan latihan, perkembangan dan kenaikan pangkat kakitangan sedia ada secara dalaman berbanding pengambilan kakitangan melalui pencari eksekutif (head-hunter) untuk pengisian jawatan-jawatan kanan. Kursus pelatih pengurusan juga disediakan dan kakitangan dari ibu pejabat Sports Direct Malaysia turut dilatih untuk menerajui perkembangan serantau yang telah dirancang oleh syarikat ini.

Gibbons menghargai sokongan yang diberikan oleh InvestKL dan Suruhanjaya Tinggi British yang memudahkan perkembangan dan kehadiran syarikat ini di rantau ASEAN. Malaysia kini berada pada landasan yang tepat untuk menjadi ekonomi keempat terbesar pada dekad yang akan datang, dan banyak syarikat kini ingin menembusi pasaran ini disebabkan faktor berkembang pesat dalam golongan berpendapatan sederhana. Menawarkan lebih 72 jenama sukan antarabangsa dan fokus kepada penyampaian perkhidmatan yang lebih baik untuk pelanggan melalui kedai-kedai baharu yang lebih besar, Sports Direct kini berada dalam kedudukan yang baik untuk menjadi peruncit barangan sukan nombor satu bukan sahaja di Malaysia, tetapi juga di ASEAN.



Paul Gibbons, Pengarah Urusan Sports Direct Malaysia.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

NKEA Greater KL/Lembah Klang telah banyak mencapai kejayaan sejak NKEA ini diperkenalkan daripada Makmal-makmal NTP yang diadakan pada tahun 2010. Banyak inisiatif kini telah disempurnakan manakala beberapa projek pembinaan utama jangka panjang telah mencapai kemajuan yang kukuh, bermula dengan penyiapan Laluan 1 MRT dan RoL Fasa 1 pengindahan sungai. Meskipun pelbagai cabaran dihadapi semasa menyiapkan projek-projek tersebut, para pelaksana yang menjadi tunjang NKEA sentiasa memantau dengan rapi sasarannya bagi tahun 2020. Hasilnya, NKEA ini berada di landasan yang betul untuk mencapai sasarannya untuk mentransformasikan kawasan ini dan menjadi daya penarik kepada pelaburan dan pekerjaan berkemahiran tinggi, menambah baik kesalinghubungan, mewujudkan tempat ikonik baharu dan mempertingkatkan perkhidmatan asas.

NKEA ini komited untuk memastikan manfaat projek di bawah bidang kuasanya akan terus dinikmati oleh generasi sekarang dan masa hadapan melalui inisiatif seperti penanaman pokok, pengambilan taman angkat dan Program Jangkauan Awam RoL. Inisiatif-inisiatif ini bukan sahaja akan memupuk rasa pemilikan yang lebih mendalam terhadap bandar raya ini dalam kalangan rakyat, bahkan akan turut mempertingkatkan kelestarian alam sekitar. Sesungguhnya, perangkuman Kuala Lumpur sebagai bandar anggota dalam Kumpulan Kepimpinan Iklim Bandar Raya Besar C40 pada tahun 2016 menggambarkan komitmennya untuk menangani perubahan iklim sejajar dengan agenda kelestarian NTP dan akan membantu mengukuhkan cita-cita Greater KL/Lembah Klang untuk menjadi kawasan yang berdaya saing dari segi ekonomi dan memastikan daya huni untuk semua warganya.



MINYAK, GAS DAN TENAGA



**MEMPERKASAKAN
KEPELBAGAIAN EKONOMI**



YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MAXIMUS JOHNTY ONGKILI

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air

Permintaan bekalan elektrik di Malaysia dipenuhi menerusi penggunaan pelbagai jenis bahan api untuk memastikan kelestarian bekalan dan harga yang berpatutan untuk rakyat. Pada tahun 2017, gas dan batu arang masing-masing menghasilkan 46% dan 42% daripada jumlah keseluruhan penjanaan elektrik, manakala 11% daripada bekalan elektrik dijana dari kuasa hidro.

Selaras dengan komitmen Kerajaan terhadap Persidangan 21 Negara Parti (COP 21) di Paris untuk mengurangkan 45% daripada pelepasan gas rumah hijau menjelang 2030, Malaysia menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, terutamanya tenaga solar melalui inisiatif-inisiatif seperti Mekanisma Tarif Galakan (Feed-In-Tariff), Program Solar Berskala Besar (LSS) dan Pemeteran Tenaga Bersih (Net Energy Metering). Tenaga boleh diperbaharui kini mencapai 22.5% daripada jumlah kapasiti campuran setakat ini, berbanding sasaran ASEAN sebanyak 23% menjelang 2025.

Selain tenaga boleh diperbaharui, melalui mekanisme Kontrak Prestasi Tenaga (Energy Performance Contracting, EPC), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) juga telah mengambil inisiatif untuk menggalakkan pelaburan dalam langkah-langkah kecekapan tenaga dalam bangunan. Bagi membantu Syarikat Perkhidmatan Tenaga (Energy Service Companies, ESCO) untuk mendapat modal daripada institusi kewangan komersial dan memperkukuh profil kredit kewangan mereka, Dana EPC telah diwujudkan pada bulan Ogos 2017.

Sementara itu, dalam bidang minyak dan gas pula, bekalan berlebihan di arena global dalam dekad kebelakangan ini terus memberi tekanan ke atas harga minyak mentah. Oleh itu, Kerajaan perlu memastikan pertumbuhan industri melalui aktiviti-aktiviti nilai tambah yang tinggi dan dalam masa yang sama mengekalkan pengeluaran domestik. Pada tahun 2017, NKEA OGE menyumbang 15% daripada jumlah PNK negara (RM203.5 bilion).

Sektor hulu minyak dan gas dioptimumkan dengan teliti menerusi pelbagai inisiatif oleh PETRONAS dan usaha-usaha ini telah membawa kepada pengeluaran yang memuaskan.

PETRONAS juga telah melaksanakan promosi secara meluas untuk menarik syarikat-syarikat Eksplorasi & Pengeluaran (E&P) untuk melabur dan beroperasi dalam sektor minyak dan gas di Malaysia.

Walaupun sektor Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (Oil and Gas Services and Equipment, OGSE) menghadapi cabaran berikutan penyusutan harga minyak, Malaysia terus berjaya menarik syarikat-syarikat multinasional OGSE berprofil tinggi. Malahan, sejak tahun 2011, negara kita merupakan pusat aktiviti OGSE di rantau Asia Pasifik, di mana 18 daripada 50 pertubuhan utama syarikat MNC dalam bidang OGSE telah menubuhkan ibu pejabat serantau mereka di sini. Syarikat-syarikat OGSE tempatan juga menerokai pasaran di luar Malaysia, membuktikan keutuhan ekosistem minyak dan gas sedia ada yang membolehkan para pemain tempatan untuk terus berkembang maju.

Untuk membuka jalan bagi liberalisasi pasaran gas asli di Semenanjung Malaysia, Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 telah dikuatkuasakan pada 16 Januari 2017. Kelulusan dan penguatkuasaan Akta itu berlaku tepat pada masanya kerana harga gas global makin selari dengan peningkatan perdagangan cecair gas asli (liquefied natural gas, LNG). Pasaran gas yang lebih terbuka akan membolehkan lebih banyak bekalan gas alternatif berada dalam pasaran di bawah ketetapan Akses Pihak Ketiga, mewujudkan pasaran gas asli yang berdaya saing di Semenanjung Malaysia. Tambahan pula, tarif elektrik dan tarif gas asli di Semenanjung Malaysia akan mencerminkan harga pasaran, selari dengan negara berpendapatan tinggi lain.

Industri minyak, gas dan tenaga sememangnya memainkan peranan yang penting dalam memacu Malaysia ke status negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Usaha ini haruslah dijalankan tanpa mengabaikan tanggungjawab menyahkarbon bagi menangani isu perubahan iklim. Matlamat ini hanya boleh dicapai melalui kerjasama yang padu antara Kerajaan dan pihak swasta.



Pelantar Pusat Pemprosesan Tenggara PETRONAS.

MEMASTIKAN KELESTARIAN PENGELUARAN

Inisiatif-inisiatif sektor hulu di bawah NKEA ini bertujuan untuk memanjangkan jangka hayat sumber-sumber asli sedia ada dengan mengoptimumkan aktiviti-aktiviti penerokaan, pembangunan dan pengeluaran untuk mengatasi penurunan pengeluaran minyak dan gas negara. Usaha-usaha ini diketuai PETRONAS dan ianya sejajar dengan hala tuju industri global.

Permintaan di dalam pasaran minyak global dijangka akan terus berkurangan disebabkan oleh penggunaan bahan api yang lebih efektif, peningkatan tenaga boleh diperbaharui serta teknologi-teknologi yang berkaitan, dan pertumbuhan ekonomi dunia yang kurang memberangsangkan. Pada masa yang sama, bekalan gas asli yang berlebihan di pasaran dunia telah menyebabkan perubahan model kontrak gas asli cecair kepada jangka masa yang lebih pendek dan jumlah isipadu yang lebih rendah. Ini menyukarkan usaha syarikat-syarikat minyak dan gas untuk melaksanakan pembangunan projek-projek LNG baharu berskala besar di serata dunia. Walaupun permintaan terhadap gas asli dijangka akan meningkat, batu arang masih merupakan pesaing hebat dalam pasaran bahan api bagi penjanaan kuasa elektrik disebabkan kosnya yang lebih rendah. Tambahan pula, para pembeli LNG kini turut berperanan sebagai penjual, dan kerjasama antara para pembeli LNG dijangka akan

terus diperhebatkan. Keadaan pasaran akan menjadi lebih mencabar bagi penjual LNG sedia ada dan juga syarikat-syarikat minyak dan gas.

Sementara itu, dalam bidang cari gali dan pengeluaran minyak, harga pasaran minyak yang rendah telah memberi impak negatif terhadap kelangsungan projek-projek untuk menghidupkan semula medan minyak yang sedia ada melalui teknologi-teknologi Enhanced Oil Recovery (EOR) ekoran nisbah pengeluaran yang rendah dan kos pengeluaran yang tinggi berbanding dengan medan minyak yang masih mempunyai rizab berlebihan. Tambahan pula, kerumitan projek-projek EOR memerlukan kepakaran dan teknologi khusus. Harga pasaran minyak yang rendah telah mengurangkan pelaksanaan projek-projek EOR kerana projek tersebut kurang berpotensi dari segi ekonomi, di samping penurunan kadar pengeluaran yang lebih ketara berbanding medan minyak yang lebih besar. Disebabkan oleh keadaan harga minyak pasaran, kontraktor-kontraktor yang terlibat dalam kontrak perkongsian pengeluaran (PSC) sedang mengurangkan perbelanjaan dalam aktiviti hulu cari gali minyak, khususnya di kawasan berprospektiviti rendah.

Walaupun persekitaran kian mencabar, PETRONAS telah mencapai kejayaan besar pada tahun 2017 bagi lima projek EOR di Malaysia, menjangkau sasaran pengeluaran minyak dan gas dari medan marginal. Untuk mengekalkan kadar pengeluaran minyak dan gas tempatan, PETRONAS akan terus memasarkan blok carigali melalui pusingan bidaan tahunan domestik dan juga di peringkat antarabangsa, untuk terus menarik minat pemain industri untuk melabur dalam aktiviti cari gali minyak di Malaysia.



AKSES PIHAK KETIGA MEMANGKIN LIBERALISASI PASARAN TENAGA

Persekitaran pasaran global yang memberi impak terhadap harga gas asli di pasaran dan perubahan dalam struktur kontrak LNG telah membolehkan industri memenuhi permintaan terpendam gas asli. Ini membolehkan liberalisasi pasaran gas asli di Semenanjung Malaysia berlaku melalui peralihan ke harga pasaran secara berperingkat dan memastikan kemasukan lebih ramai pihak ketiga ke dalam pasaran gas asli.

Sehubungan dengan itu, Suruhanjaya Tenaga (ST) telah memperkenalkan Akses Pihak Ketiga (Third Party Access, TPA) dan memfokuskan kepada penubuhan rangka kerja sokongan untuk memastikan penguatkuasaan yang berkesan. Akta Bekalan Gas (Pindaan) 2016 telah dikuatkuasakan pada 16 Januari 2017 dan lesen-lesen baharu telah dikeluarkan kepada pemain-pemain sedia ada dan juga baharu. Ini menandakan permulaan ke arah liberalisasi pasaran gas asli di Semenanjung Malaysia. Pemain-pemain sedia ada yang memiliki terminal-terminal penggasan semula diwajibkan untuk memohon lesen penggasan semula daripada ST, manakala pemain-pemain baharu yang berminat untuk mengimport gas asli perlu memohon lesen untuk membawa masuk gas tersebut (Lesen Pengimportan ke Terminal Penggasan Semula). ST juga telah memuktamadkan garis panduan penentuan tarif untuk kemudahan-kemudahan penggasan semula, paip pengangkutan dan pengagihan yang akan dibuka untuk TPA di bawah kerangka yang baharu.

Walau bagaimanapun, memandangkan TPA merupakan konsep baharu di pasaran gas asli Semenanjung Malaysia, salah satu cabaran terbesar bagi ST adalah untuk mendapat sokongan daripada pemain sedia ada, dan juga bakal pemain baharu yang masih kurang arif tentang peraturan-peraturan baharu yang memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan rejim baharu ini. ST juga menghadapi cabaran untuk menyelaraskan peraturan berhubung kait akses kepada kemudahan gas asli merentasi rantaian nilai (iaitu terminal penggasan semula, sistem penghantaran dan pengagihan). Ini merupakan usaha besar memandangkan struktur pasaran yang masih tertutup di Semenanjung Malaysia.

Dalam hal ini, ST telah mengadakan pelbagai sesi perbincangan dengan pemain sedia ada dan juga bakal pemain tentang penstrukturan TPA, serta menyelaraskan peraturan untuk mewujudkan keanjalan dalam penggunaan kemudahan gas asli untuk membolehkan kegunaan kargo LNG spot dan bekalan pihak ketiga. Dalam jangka sederhana dan panjang, kewujudan permintaan gas baharu kekal sebagai keutamaan untuk menarik minat pemain baharu untuk mengambil bahagian dalam pasaran domestik.

MEMANFAATKAN PERTUMBUHAN DARI SEGMENT HILIRAN

Pengalaman dan kepakaran Malaysia dalam industri minyak dan gas telah membolehkan pembangunan segmen hiliran giat berkembang maju. Walau bagaimanapun, masih terdapat banyak ruang untuk pertumbuhan, terutamanya dalam usaha untuk memanfaatkan hasil daripada peningkatan aliran minyak mentah antarabangsa, produk tertapis dan gas asli. Terdapat juga peluang untuk mencungkil nilai daripada permintaan gas asli yang masih rendah.

Untuk tujuan ini, Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang sedang dibina di Pengerang, Johor merupakan projek pelaburan hiliran terbesar di Malaysia. Ia kini menempatkan Kompleks Bersepadu Pengerang (PIC) PETRONAS dan Terminal Petroleum Perairan Dalam Pengerang (PDT).

“Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC) yang sedang dibina di Pengerang, Johor merupakan projek pelaburan hiliran terbesar di Malaysia.”

Fungsi sebenar PIPC yang efektif hanya boleh dicapai apabila infrastruktur sokongan dan kemudahan awam yang diperlukan telah disediakan. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah merancang 25 projek infrastruktur PIPC utama yang bernilai kira-kira RM2.49 bilion untuk memenuhi keperluan Kompleks tersebut. Untuk memastikan keberkesanan penyampaian projek-projek tersebut, Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan Projek Persekutuan (FPSC) yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara, telah ditubuhkan untuk memberi sokongan yang diperlukan kepada Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor (JPDC), agensi pelaksana untuk membangunkan infrastruktur dan kemudahan awam di PIPC, serta sembilan Kementerian dan Agensi Kerajaan Persekutuan/Negeri yang terlibat dalam pembangunannya. Struktur tadbir urus ini membolehkan pengenalan masalah dan penyelesaian yang berkesan bagi memastikan semua projek infrastruktur siap tepat pada masanya.

Pembangunan infrastruktur PIPC telah mencatatkan beberapa pencapaian penting pada tahun 2017. Ini termasuk pembinaan balai polis di Taman Bayu Damai yang siap pada akhir tahun dan pembinaan jalan empat lorong, dua hala yang menghubungkan Kampung Bukit Gelugor dan Kampung Pengerang. Pembangunan jalan ini akan membolehkan perjalanan yang lebih selamat dan selesa bagi penduduk tempatan. Kerja naik taraf jalan dari Bandar Penawar ke Sungai Rengit yang terletak di sekitar Pengerang dan juga Klinik Kesihatan Sungai Rengit, dijangka akan siap pada pertengahan tahun 2018 bagi menampung lebih ramai pesakit. Di samping itu, projek-projek pembangunan tersebut akan menyediakan perkhidmatan yang lebih berkesan untuk warga tempatan.

Sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk mempromosi dan memperoleh pelaburan untuk merealisasikan visi PIPC sebagai hab minyak dan gas hiliran bersepadu, JPDC pada tahun 2017 telah menerima Surat Niat (LOI) daripada syarikat-syarikat tempatan dan asing untuk pelaburan hiliran bernilai RM2.3 bilion.

Antara usaha untuk meningkatkan kecekapan tenaga kerja mahir semasa bagi memenuhi keperluan industri adalah kerjasama di antara JPDC dengan Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) di Bandar Penawar untuk menyediakan latihan kepada lebih 300 pelajar tentang keselamatan tapak; perancah (scaffolding); kesihatan, keselamatan dan persekitaran (HSE); kimpalan; penyeliaan; dan rigging dan slinging. Pelatih yang tamat latihan akan diperakui di bawah Program Akreditasi Industri, di mana program tersebut kini merekodkan kadar kejayaan dalam kebolehpasaran graduan sebanyak 90%.

Kompleks Bersepadu Pengerang: Merintis Pelaburan Hiliran Berskala Besar

Projek PIC di bawah PETRONAS dibina dengan tujuan untuk mengembangkan sektor hiliran minyak dan gas Malaysia dimana pembangunannya telah mencapai 84% pada penghujung tahun 2017. Pembinaan PIC adalah mengikut jadual untuk memulakan operasi pada suku pertama 2019.

Projek ini menjadi berita utama pada bulan Februari 2017 dengan majlis tandatangan Perjanjian Pembelian Saham (SPA) oleh syarikat gergasi minyak Saudi Aramco untuk melabur dalam projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) di PIC. Ini merupakan pelaburan bersejarah di dalam industri kerana ia melibatkan kerjasama dua syarikat profesional minyak



YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar Johor, Tan Sri Mohd Sidek Hassan, Pengerusi PETRONAS dan Tan Sri Wan Zulkiflee Wan Ariffin, Presiden dan Ketua Pengawai Eksekutif PETRONAS merasmikan Stesen Jana Kuasa Penjanaan Bersama Pengerang (PCP).

nasional gergasi dunia dalam sebuah projek baharu yang berskala global. Ini akan mewujudkan limpahan pelaburan yang memberangsangkan, dimana ia dapat meningkatkan reputasi PIPC di kalangan para pelabur.

Saudi Aramco akan melabur kira-kira US\$7 bilion dalam projek RAPID yang merupakan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) terbesar ke Malaysia. Ia juga merupakan pelaburan Saudi Aramco yang terbesar di luar Arab Saudi sehingga kini. Ini adalah urusan niaga yang unik, dan bahagian terpentingnya adalah penyertaan ekuiti dalam kompleks penapisan dan petrokimia bersepadu di RAPID. Saudi Aramco membeli kepentingan ekuiti yang sama dalam dua unit PETRONAS, iaitu PRPC Polymers Sdn Bhd dan PRPC RC Sdn Bhd.

Di bawah kerjasama ini, Saudi Aramco akan membekalkan sehingga 70% daripada keperluan bahan mentah kilang penapisan yang dijangka akan memulakan operasi pada tahun 2020. Pada masa yang sama, bekalan gas asli, elektrik dan utiliti lain akan disediakan oleh PETRONAS. Penglibatan Saudi Aramco, syarikat yang mempunyai rizab terbesar di dunia, sebagai rakan kongsi akan membantu memastikan bekalan bahan mentah yang berterusan ke kilang penapisan.

Saudi Aramco, pemilik bersama SADARA Chemical Company (kompleks petrokimia terbesar di dunia), merupakan salah sebuah syarikat minyak terkemuka di dunia, dengan kepakaran tinggi dalam aspek pengeluaran pada kos yang rendah. Perkongsian ini memberi PETRONAS akses kepada pengalaman luas Saudi Aramco dalam pelaksanaan dan operasi projek-projek petrokimia berskala besar dan bersepadu,



menjadikannya rakan kongsi yang sangat berharga untuk PETRONAS.

Selain daripada pelaburan Saudi Aramco, PIC juga mencapai beberapa kejayaan sepanjang tahun, termasuk ketibaan dua relau modular, atau pemanas minyak mentah pada 20 Januari 2017. Relau ini merupakan komponen penting dalam unit penyulingan bahan mentah di dalam kilang penapisan dan ianya adalah kritikal dalam menyediakan input untuk unit-unit proses lain di kilang penapisan. Relau ini juga merupakan pemanas terbesar yang pernah dipasang di Malaysia dengan berat kira-kira 1,000 tan dan mempunyai kapasiti pemprosesan sebanyak 150,000 tong sehari (bpd).

Tambahan daripada itu, dua dandang sisa haba modular (modularised waste heat boilers) telah berjaya dipasang di kilang penapisan pada 21 Mac 2017. Dandang tersebut merupakan komponen penting Unit Residual Fluid Catalytic Cracking (RFCC) dalam kilang penapisan yang berfungsi untuk memecahkan sisa atmosfera yang dirawat-hidro (hydro-treated atmospheric residue) untuk menjadi bahan mentah bagi kemudahan pemecah wap (steam cracker). Setiap dandang haba buangan mempunyai berat kira-kira 2,000 tan dan ia merupakan dandang yang terbesar di Malaysia. Unit Penyulingan Minyak (CDU) terbesar di Malaysia juga berjaya dipasang pada 10 Jun 2017. CDU direka untuk memproses 300,000 tong minyak mentah masam sederhana sehari dalam satu ruangan penyulingan. CDU ini juga berfungsi sebagai tunjang kepada pusat penapisan kerana ia adalah unit proses pertama yang menerima bahan mentah untuk diproses. Pemasangan lajur CDU tunggal di projek ini antara yang terbesar dalam industri penapisan. Lajur tersebut direka oleh Sinopec Engineering dan dihasilkan oleh KNM Process Systems Sdn Bhd di Gebeng, Pahang. Ia merangkumi kelebaran sepanjang hampir 10 meter dengan ketinggian 66 meter dan berat yang mencapai 1,300 tan.

RAPID terdiri daripada kilang penapisan, pemecah wap dan kompleks petrokimia, kini telah mencapai 82%, dengan semua kemudahan utama siap dipasang. Kompleks petrokimia terdiri daripada pelbagai unit pengeluaran untuk menambah nilai kepada C2 dan C3 yang dihasilkan dari kompleks penapisan dan pemecah wap. Ia akan memanfaatkan peluang pasaran produk petrokimia komoditi yang pelbagai di rantau ini, dan akan memperkukuh kedudukan PETRONAS dalam industri petrokimia yang sangat berdaya saing.

Kilang penapisan akan menjadi sumber utama bagi bahan mentah untuk kompleks petrokimia hiliran yang

terletak di dalam RAPID. Fasiliti ini akan menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam pasaran produk kimia Asia dan membuka jalan untuk meneroka peluang bagi produk petrokimia premium dan berspesifikasi istimewa. Di samping itu, ia juga akan menembusi pasaran produk automotif, farmaseutikal dan produk komersial. Kilang penapisan dijangka akan beroperasi dalam suku pertama tahun 2019.

Kilang penapisan yang merupakan antara yang terbaik dalam kelasnya dengan nilai Indeks Kompleks Nelson 9.5 dari jumlah skor tertinggi sebanyak 15, mampu menghasilkan produk bernilai tinggi daripada minyak mentah. Indeks Kompleks Nelson menyediakan metrik ringkas untuk menilai kerumitan kilang dan unit penapisan. Nilai indeks yang lebih tinggi pada indeks boleh dikaitkan dengan nilai produk akhir yang lebih tinggi. Kapasiti penapisan RAPID akan menjadi yang terbesar di Malaysia dan yang keempat terbesar di Asia Tenggara.

“Fasiliti RAPID bakal menjadikan Malaysia sebagai peneraju dalam pasaran produk kimia Asia.”

Status pembangunan Stesen Jana Kuasa Penjanaan Bersama Pengerang (PCP) yang berkuasa 1,220 MW juga amat memberangsangkan, dengan unit pertama dari empat unit telah beroperasi pada pertengahan Oktober 2017. 400 MW telah dibekalkan kepada grid elektrik nasional Semenanjung Malaysia. Untuk memudahkan penghantaran ke Tenaga Nasional Berhad (TNB), talian penghantaran Pengerang 275-kV sepanjang 52 km telah disediakan dari PCP ke pencawang TNB di Tanjung Langsat. PCP direka sebagai pembekal utiliti yang berdiri-sendiri (khas) untuk RAPID, sambil membekalkan 400 MW kuasa kepada TNB. Selain daripada penjanaan elektrik, PCP juga akan menyediakan bekalan wap yang berterusan sehingga kadar 1,480 tan sejam untuk kegunaan loji-loji yang terdapat di dalam Kompleks. Jumlah besar wap yang diperlukan untuk keperluan proses di RAPID memberi peluang yang unik untuk mewujudkan proses penjanaan kuasa elektrik yang cekap dalam susunan penjanaan bersama.

Terminal Penggasan Semula 2 (RGT2) memulakan operasi komersial pada bulan Oktober 2017 untuk menyediakan bekalan gas asli kepada RAPID, PCP dan grid Penggunaan Gas Semenanjung (PGU) dalam usaha menyumbang terhadap ketersediaan gas di Semenanjung Malaysia. Ia akan menawarkan

kemudahan untuk memunggah atau memuat semula LNG, dan juga penyimpanan, pengendalian, dan pengelasan semula LNG. Unit pengelasan semula terminal juga mempunyai kapasiti sebanyak 3.5 juta tan setahun (kira-kira 700 MMscfd) dan akan disambungkan ke PGU melalui Laluan Paip Gas Pengerang. Ia juga merangkumi dua unit tangki simpanan LNG berkapasiti 200,000 m³, dan satu sisi atas jeti LNG dengan kemudahan pemungghaan/pemuatan semula LNG. RGT2 bukan sahaja akan memainkan peranan penting dalam keselamatan tenaga Semenanjung Malaysia, tetapi juga bertindak sebagai titik masuk tambah bagi pembekal gas pihak ketiga untuk menembusi pasaran gas asli tempatan, menjadikannya satu langkah ke hadapan untuk membuka pasaran gas asli di Semenanjung Malaysia.

Pengembangan Terminal Air Dalam Pengerang

Fasa Kedua Terminal Petroleum Perairan Dalam Pengerang (PDT) sedang dalam pembinaan dan akan menambah 2.1 juta m³ kepada kapasiti sedia ada yang berjumlah sebanyak 1.3 juta m³ dari Fasa 1 PDT. Pada September 2017, dua tangki minyak PDT mencapai status Bersedia Untuk Permulaan (status

RFSU – Ready For Start Up). Sehingga December 2017, PDT menerima lebih daripada 1,458 kapal dengan 7 Pengangkut Minyak Mentah Sangat Besar (VLCC). PDT juga telah mengendalikan sejumlah 1.5 juta tan metrik (pengeluaran/kemasukan) produk petroleum. Dalam usaha untuk memperluas kapasiti penyimpanan minyak, Kerajaan bekerjasama rapat dengan pengendali terminal untuk meneroka peluang-peluang yang berpotensi tinggi.

Sementara itu, terminal penyimpanan minyak di Johor Selatan mendapat faedah daripada dasar GST berkadar sifar yang baru diperkenalkan. Dasar tersebut mengecualikan perkhidmatan yang dibekalkan kepada pelanggan di luar negara yang berhubungan dengan barangan untuk dieksport. Insentif ini menggariskan komitmen Malaysia untuk menjadi pusat penyimpanan minyak dan gas serantau. Pada tahun 2016, terminal simpanan minyak yang terletak di Johor Selatan seperti Tanjung Bin, Tanjung Langsat, Far East Oil Terminal One (FEOTO) di Pasir Gudang dan Pengerang telah dimasukkan di bawah indeks harga FOB Straits baharu oleh S&P Global Platts yang mencerminkan kehadiran Malaysia sebagai pemain penting dalam pasaran ini.



Fasa Kedua Terminal Petroleum Perairan Dalam Pengerang (PDT) akan menambah 2.1 juta m³ kepada kapasiti sedia ada di Pengerang.



MEMANGKIN AKTIVITI OGSE

Untuk menjadikan Malaysia sebagai hab Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (OGSE), Perbadanan Sumber Petroleum Malaysia (MPRC) telah memulakan beberapa inisiatif, termasuk memudahcara pengembangan syarikat OGSE tempatan ke rantau Asia Pasifik; membina reputasi Malaysia sebagai hab serantau dengan mewujudkan kehadiran Malaysia dalam pameran minyak dan gas yang terkenal di peringkat global; dan menarik minat syarikat MNC OGSE untuk menubuhkan ibu pejabat serantau di Malaysia. Pada masa ini lima syarikat utama OGSE dunia mempunyai ibu pejabat serantau yang terletak di Kuala Lumpur, dan 18 daripada 50 syarikat OGSE terkemuka dunia sudah pun berada di Malaysia. Kerajaan menyasarkan untuk mempunyai separuh daripada ibu pejabat serantau MNC OGSE di Malaysia menjelang 2020.

Pelaburan syarikat OGSE, sama ada sebagai FDI atau pelaburan langsung domestik (DDI) juga terus berada di paras yang menggalakkan. Sehingga Disember 2017, RM724.5 juta telah dicapai, melebihi sasaran tahun ini iaitu sebanyak RM650 juta, manakala angka kumulatif dari 2012 hingga Disember 2017 berjumlah RM7.7 bilion, meletakkan sektor ini pada landasan untuk mencapai sasaran 2020 iaitu sebanyak RM10 bilion.

Walaupun persekitaran harga minyak rendah merupakan cabaran besar untuk pemain hulu, ia membolehkan pemain hiliran seperti penapisan petrokimia serta kemudahan pengeluaran metanol dan LNG untuk berkembang maju kerana kos operasi kekal rendah dan margin keuntungan terus meningkat. MPRC telah melakukan pengubahsuaian strategi dan menyesuaikan fokusnya untuk memudahkan pelaburan dalam segmen hiliran, yang membolehkan ia melebihi matlamatnya untuk memperoleh pelaburan sebanyak RM736 juta pada

2017. Pelaburan yang ketara pada tahun ini adalah dari Hengyuan Refining Company Bhd (dahulunya dikenali sebagai Shell Refining Company Bhd) dengan RM609 juta dan Innochems Technologies Sdn Bhd dengan RM12 juta. Walaupun persekitaran terus mencabar, MPRC tetap komited untuk menyokong pelaburan oleh syarikat OGSE hulu.

Pembida kali pertama untuk projek antarabangsa dalam segmen pasaran baharu adalah barometer yang baik untuk mengukur daya saing firma tempatan. Pada tahun 2017, lapan syarikat berjaya membida untuk projek global (lihat jadual untuk maklumat lanjut), menjadikan jumlah kumulatif setakat ini kepada 54, hampir dengan sasaran 2020 iaitu sebanyak 60.

Pemasaran/pemudahcaraan perdagangan oleh MPRC melalui pameran perdagangan dan misi pemasaran khusus dengan agensi-agensi Kerajaan yang utama telah giat dijalankan pada tahun-tahun sebelumnya yang membawa kepada peningkatan reputasi untuk syarikat-syarikat OGSE Malaysia. Asia Tenggara dan Timur Tengah terus memberi peluang bagi syarikat OGSE untuk menembusi pasaran. Oleh itu, MPRC tetap komited untuk membantu syarikat-syarikat OGSE dalam usaha mereka untuk mengembangkan sayap di Asia Tenggara dan Timur Tengah. Sejak beberapa bulan kebelakangan ini, syarikat-syarikat OGSE juga berusaha untuk menceburkan diri ke Amerika Selatan, terutamanya Mexico dan Brazil. Dengan kedua-dua negara Amerika Selatan ini membuka pasaran mereka kepada syarikat-syarikat OGSE antarabangsa, MPRC juga akan meningkatkan usaha pembangunan eksport Malaysia ke rantau tersebut.

Walau bagaimanapun, selaras dengan penjimatan perbelanjaan di kalangan agensi-agensi Kerajaan, aktiviti pembangunan eksport antarabangsa seperti misi perdagangan dan pameran pada persidangan utama dikurangkan pada tahun 2017. Ini memberi kesan terhadap

Syarikat	Negara	Perkhidmatan yang diberikan
Dyna Segmen Sdn Bhd	Iran	Pembaikan Paip Atas Talian (Teknologi sendiri buatan Malaysia)
Flytech Engineering Sdn Bhd	Thailand	Hos getah fleksibel (Teknologi sendiri buatan Malaysia)
IEV Group Sdn Bhd	Iran	Pengawalan pertumbuhan marin (Teknologi sendiri buatan Malaysia)
MISC Bhd	Brazil	Penyewaan dan operasi FPSO
MIT Innovation Sdn Bhd	Saudi	Alat gerudi ICWD drilling tools (teknologi sendiri buatan Malaysia)
MIT Innovation Sdn Bhd	Oman	Alat gerudi ICWD (teknologi sendiri buatan Malaysia)
Sylmax Technology Resources Sdn Bhd	Vietnam	Ujian geseran lapangan terbang helikopter
TRK Resources Sdn Bhd	Vietnam	Perkhidmatan pemeriksaan lapangan terbang helikopter (termasuk ujian geseran lapangan terbang helikopter)

pengukuhan peluang pemasaran MPRC pada masa akan datang, lantas kesedaran komuniti minyak dan gas antarabangsa terhadap keupayaan OGSE Malaysia akan terjejas. Pada masa yang sama, pemain OGSE Malaysia juga kurang mempunyai maklumat yang mencukupi mengenai situasi pasaran dan projek antarabangsa pada jangka masa panjang dan sederhana.

Demi mengatasi cabaran tersebut, terdapat perancangan untuk bekerjasama dengan MATRADE dan syarikat MNC yang bertapak di Malaysia untuk mengenalpasti peluang perniagaan OGSE global, yang kemudiannya akan dikongsi dengan syarikat tempatan. MATRADE dan MPRC akan meningkatkan kerjasama dengan pemain OGSE Malaysia untuk membuka peluang kepada mereka untuk mencapai pelanggan di pasaran sasaran. Usaha promosi dan pemasaran untuk meningkatkan kesedaran tentang keupayaan OGSE Malaysia kepada pelanggan global juga akan ditingkatkan.

Sepanjang tahun ini, MPRC menyaksikan kemasukan syarikat OGSE dari Eropah, Australia, dan China. Pada masa yang sama, semakin banyak syarikat kejuruteraan menubuhkan ibu pejabat serantau untuk mengambil peluang dalam sektor hiliran di Malaysia, di samping pasaran hiliran di rantau Asia Pasifik yang semakin berkembang.

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, Malaysia telah berjaya menarik minat syarikat MNC berasaskan perkhidmatan, berbanding syarikat pembuatan yang menjadi kelaziman sebelumnya. Ini adalah sejajar dengan transformasi negara dari ekonomi perkilangan ke negara berasaskan perkhidmatan dan berpendapatan tinggi. Dari segi pelaburan MNC di Malaysia, sama ada melalui peluang penggabungan atau usaha sama, kesemua enam syarikat yang disasarkan telah menubuhkan pejabat di Malaysia pada tahun 2017, membawa angka kumulatif

dari 33 kepada 39 syarikat, menghampiri sasaran 50 menjelang 2020. MNC yang menubuhkan ibu pejabat serantau di Malaysia pada tahun 2017 termasuk sebuah syarikat kimpalan dari Perancis, Serimax yang berpindah dari Singapura. Tiga syarikat juga menubuhkan ibu pejabat baharu di sini: Global SCS, sebuah syarikat perkhidmatan pemeriksaan integriti aset dari Aberdeen; Maire Tecnimont, firma kejuruteraan pembinaan dari Milan; dan EM & I, sebuah firma pemeriksaan integriti aset dan penyelenggaraan khusus dari UK. Selain itu, Serba Dinamik Holdings Bhd telah menandatangani perjanjian dengan Monadelphous, sebuah kumpulan kejuruteraan Australia, untuk menubuhkan usaha sama bagi perniagaan penutupan dan pemulihan (shutdown and turn around).

Kerajaan telah lama menekankan keperluan industri untuk mempelbagaikan rangkaian produk dan memajukan lagi sektor hiliran. Dengan harga minyak yang terus berada di paras yang kurang memuaskan, lebih banyak syarikat OGSE antarabangsa dan tempatan yang kini kebanyakannya dalam perniagaan hulu mengalih fokus mereka terhadap peluang hiliran di Malaysia.

Pengurangan bilangan projek yang dikendalikan oleh operator bermakna bahawa industri OGSE perlu mementingkan skala, inovasi dan teknologi, tahap piawaian yang lebih tinggi, serta perkhidmatan bersepadu dan nilai tambah untuk mengukuhkan daya saing. Industri umumnya mengakui bahawa penurunan harga minyak dan gas akan menyingkirkan pemain yang tidak berdaya saing, manakala firma yang lebih kukuh akan kekal bertahan. Untuk memastikan kelestarian jangka panjang, syarikat-syarikat OGSE perlu mengkaji dan menyusun semula strategi, organisasi dan kewangan mereka untuk menyesuaikan diri dengan realiti baharu harga minyak yang lebih rendah dalam jangka panjang.



YB Dato Seri Hamzah Zainudin, Menteri Perdagangan dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, dan wakil syarikat Hengyuan di upacara pecah tanah kompleks pengeluaran petrol Euro 4M pada bulan Ogos 2017.



MEMASTIKAN KELESTARIAN TENAGA

Kerajaan tetap komited untuk mempromosi kecekapan tenaga selaras dengan keprihatinan terhadap alam sekitar dan memastikan kemampanan berterusan. Pada tahun 2017, Kerajaan berjaya menggalakkan 500 syarikat yang menggunakan tenaga secara intensif, iaitu dengan penggunaan elektrik sebanyak 3 juta kWh, untuk menjadi lebih cekap melalui Peraturan-Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik Dengan Cekap (EMEER) 2008. Syarikat-syarikat telah mengurangkan jumlah penggunaan tenaga kepada 14,455.86 GWh pada tahun 2017, iaitu 2.67% atau 355.42 GWh lebih rendah daripada penggunaan pada tahun 2015 iaitu sebanyak 14,811.28 GWh.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-11, KeTTHA juga telah mengurangkan Tarif Perindustrian Khas (SIT) sebanyak 2%, meneruskan usaha dari tahun sebelumnya untuk memberi insentif kepada industri intensif tenaga untuk menjadi lebih cekap tenaga dengan melaksanakan langkah percekapan tenaga yang sesuai. Tambahan pula, Kerajaan terus menggalakkan geran audit tenaga bersyarat untuk bangunan-bangunan industri dan komersial untuk merangsang penggunaan tenaga yang cekap dalam sektor swasta. Pada tahun 2017, 25 bangunan industri dan 30 komersial menjalani audit tenaga, melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Kementerian. Permohonan geran diluluskan untuk 65 bangunan komersial dan 90 bangunan industri untuk tahun 2016 dan 2017. Audit tenaga dan pengubahsuaian yang akan dijalankan oleh pemohon akan menghasilkan penjimatan tenaga sebanyak 295 GWh, yang bersamaan dengan penjimatan sebanyak RM106 juta. Ini juga boleh diterjemahkan kepada pengurangan 218 ktCO₂, yang diukur berdasarkan jumlah karbon tidak dilepaskan disebabkan oleh amalan audit dan pengubahsuaian.

Pada Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim (MTHPI) 2017 yang diadakan pada 2 Mac 2017, YAB Perdana Menteri telah meluluskan penubuhan dana Kontrak Prestasi Tenaga (EPC) untuk memangkin pertumbuhan industri perkhidmatan kecekapan tenaga tempatan yang masih baharu. Malaysia Debt Ventures Bhd (MDV), sebuah entiti dibawah Menteri Kewangan Diperbadankan, telah menyediakan dana berjumlah RM200 juta untuk pembiayaan dan ia juga ditugaskan untuk mengurus program pembiayaan tersebut. Sementara itu, EPC juga akan disokong oleh dana jaminan kredit yang disumbangkan oleh KeTTHA dan Projek Kecekapan Tenaga Sektor Bangunan JKR (BSEEP) yang dibiayai oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu - Dana Kemudahan Alam Sekitar Global (UNDP-GEF). Di samping itu,

KeTTHA akan menyediakan subsidi dalam bentuk diskaun kadar faedah sebanyak 1% setahun kepada pemohon yang berjaya. Sehingga kini, dana sebanyak RM20.7 juta telah disalurkan dengan 10 projek EPC. Dana tersebut akan merangsang pelaksanaan projek kecekapan tenaga dalam sektor bangunan dan membantu syarikat perkhidmatan tenaga (ESCOs) untuk mengatasi masalah dalam mendapatkan pembiayaan daripada institusi kewangan komersial.

“Sejak penubuhannya pada tahun 2011, Program Tarif Galakan (FiT) terus menyumbang kepada peningkatan kapasiti tenaga boleh diperbaharui, di mana 528.06 MW telah dipasang setakat Disember 2017.”

Kerajaan berharap kejayaan model pembiayaan EPC ini akan meningkatkan keyakinan institusi kewangan komersial dalam membiayai pelaksanaan ESCO untuk melaksanakan lebih banyak projek kecekapan tenaga menerusi kaedah EPC, lalu menggalakkan pertumbuhan industri.

Usaha berterusan untuk mengurangkan penjanaan elektrik Malaysia daripada bahan api fosil konvensional dikecapi melalui pengembangan kapasiti tenaga elektrik yang boleh diperbaharui kepada 7,271.74 MW daripada loji kuasa hidro besar termasuk panel solar luar grid. Kedua-dua sumber ini menyumbang kepada 21.67% daripada jumlah kapasiti elektrik dipasang di Malaysia. Sejak penubuhannya pada tahun 2011, Program Tarif Galakan (FiT) terus menyumbang kepada peningkatan kapasiti tenaga boleh diperbaharui.



Amcorp Perting Hydro 6MW, Bentong, Pahang.

PIPC – meningkatkan kemahiran, meninggikan taraf hidup

Projek mega Kompleks Petroleum Bersepadu Pengerang (PIPC), di bawah NKEA Minyak, Gas dan Tenaga bukan sahaja menarik perhatian kerana tambah nilai yang disumbangkannya kepada rantai nilai hiliran minyak dan gas di Johor dan Malaysia tetapi juga kerana projek tersebut telah menambah baik kehidupan rakyat yang tinggal di daerah dan negeri itu.

Peluang-peluang pekerjaan yang ditawarkan oleh Kompleks tersebut sepanjang pelbagai peringkat pembinaannya berperanan sebagai pemangkin peningkatan kemahiran bakat-bakat yang tinggal di kawasan sekitarnya. Ini secara langsung menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap kebolehan tenaga kerja dalam negara. Dalam hal ini, Perbadanan Pembangunan Petroleum Johor Berhad (JPDC), rakan kongsi projek ini, menyokong keperluan bakat PIPC melalui penyediaan pelbagai jenis latihan dan kursus pembangunan yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran modal insan untuk kelancaran projek.

Nurul Amri Sa'adon, 38 tahun, merupakan salah seorang daripada mereka yang mendapat manfaat daripada inisiatif penambahbaikan bakat yang dijalankan oleh JPDC. Anak jati Pengerang ini menjalani Kursus Keselamatan Tapak, iaitu latihan pembangunan kemahiran berorientasikan industri minyak dan gas yang dikendalikan oleh JPDC di Kolej

Komuniti Bandar Penawar. Susulan daripada kursus tersebut, beliau telah berjaya mendapatkan pekerjaan di PIPC sebagai Penyelia Keselamatan Tapak.

“Saya amat berterima kasih atas segala peluang yang saya perolehi melalui Kursus Keselamatan Tapak ini. Selain boleh memantapkan aspek pekerjaan yang telah saya ketahui, saya turut mempelajari pelbagai konsep-konsep baharu dan meningkatkan kemahiran dalam bidang keselamatan tapak,” kata Nurul Amri, yang sebelum ini terlibat dengan pengurusan projek dan keselamatan di beberapa firma terkemuka lain. Mohd Suffian Mohd Yunos, 30 tahun, juga mendapat pekerjaan kininya selepas selesai menjalani kursus yang sama. Setelah bekerja selama 10 tahun dalam industri pembinaan dan industri minyak dan gas, anak kelahiran Sungai Rengit, Johor ini mendapati kursus ini memberikannya pemahaman yang lebih mendalam mengenai kemahiran-kemahiran sebenar yang diperlukan sebagai seorang Penyelia Keselamatan Tapak.

Kedua-dua anak kelahiran Johor ini memberi penilaian positif tentang Kursus Keselamatan Tapak itu terutamanya kerana kursus tersebut telah dijalankan di Johor. “Sebelum JPDC menyediakan latihan seperti ini, latihan pembangunan kemahiran berorientasikan industri minyak dan gas lebih mudah didapati di negeri-negeri lain misalnya di Institut Teknologi Petroleum PETRONAS (INSTEP), Terengganu,” Nurul Amri berkongsi.



Terminal Penggasingan Semula 2 (RGT2) di Pengerang telah memulakan operasi pada penghujung tahun 2017.



Pembangunan Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia (RAPID) PETRONAS di Pengerang.

Dari segi kandungan kursus, Nurul Amri berpendapat kursus ini seimbang dari segi konsep bersifat teori serta pelaksanaan konsep tersebut secara praktikal di tempat kerja. “Keseimbangan ini sangat penting bagi memastikan peserta kursus tidak hanya dapat menghayati rangka kerja teori yang mendasari fungsi pekerjaan mereka tetapi juga dapat melaksanakan tugas pada tahap yang baik dengan pengetahuan yang diperoleh daripada kursus ini,” jelas Nurul Amri. Sentimen ini dikongsi oleh Mohd Suffian yang menambah bahawa manfaat yang diperoleh peserta kursus “akan bertambah dengan motivasi diri dan fokus – dua elemen penting untuk kejayaan dalam apa jua usaha.”

Walau bagaimanapun, Nurul Amri percaya bahawa latihan yang dijalankan boleh ditambah baik dalam beberapa aspek. “Amatlah baik sekiranya JPDC dapat menawarkan lebih banyak penajaan untuk membolehkan penduduk tempatan mengikuti pendidikan profesional berkaitan minyak dan gas di Johor. Dengan cara ini, mereka tidak perlu berhijrah ke negeri lain dan usaha ini dapat mengurangkan aliran keluar kepakaran daripada sektor minyak dan gas negeri,” jelas beliau. Selain itu, pemberian sijil kursus rasmi boleh menjadi bukti penambahbaikan kemahiran peserta kursus, lantas meningkatkan kebolehgajian mereka dalam pasaran kerja antarabangsa. Walaupun

Mohd Suffian berpandangan bahawa latihan semasa yang dijalankan memenuhi objektif pelaksanaan, beliau percaya bahawa kejayaan berterusan program ini bergantung kepada para jurulatih yang berdedikasi dan berkelayakan untuk mengendalikan program latihan.

Mohd Suffian berpendapat bahawa persefahaman industri-akademia adalah amat penting. “Keperluan bakat bakal meningkat dengan kemajuan Malaysia dalam industri minyak dan gas yang kompetitif ini. Keperluan kemahiran industri harus dipenuhi dan kita memerlukan bantuan akademia untuk memudah cara hal ini dengan penglibatan dan/atau bekerjasama dengan pemain industri.”

Kedua-dua anak kelahiran Johor ini berpendapat bahawa latihan oleh JPDC telah membolehkan mereka memegang jawatan mereka kini dan mereka berharap latihan tersebut akan menyediakan asas yang kukuh untuk prospek kerjaya mereka pada masa hadapan. Nurul Amri yakin beliau akan mendapat pekerjaan tetap selepas kontraknya tamat pada akhir tahun ini. “Saya yakin bahawa dengan latihan oleh JPDC ini, digandingkan pula dengan pengalaman praktikal yang saya peroleh daripada pekerjaan sekarang akan membolehkan saya untuk mendapat jawatan tetap apabila kontrak saya tamat,” beliau berkongsi.

Setakat Disember 2017, 528.06MW telah dipasang. Di bawah FiT, bilangan pembekal perkhidmatan PV solar yang dikawal selia oleh SEDA berkembang daripada hanya 30 pemain sebelum pembentukan SEDA pada tahun 2011 kepada 120 pemain pada tahun 2017. Dengan pengalaman yang luas, sokongan kewangan dan kepakaran yang diperoleh daripada penyertaan mereka dalam FiT, beberapa penyedia perkhidmatan telah meneroka peluang penubuhan ladang solar di pasaran tempatan dan luar negara.

Dilancarkan pada bulan Oktober 2016 dan dilaksanakan pada bulan November 2016, Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) memberi peluang kepada pengguna Malaysia untuk mengambil bahagian dalam gerakan ke arah penggunaan tenaga boleh diperbaharui pada skala yang lebih besar. NEM telah mengorak langkah yang jauh sejak tahun pertama pelaksanaannya, dengan jumlah kapasiti NEM yang diluluskan untuk 2017 berada pada tahap 6,114.48 kW. Walau bagaimanapun, kadar penerimaan oleh orang awam dan perniagaan adalah lebih rendah berbanding dengan projek FiT, walaupun kuota yang disediakan adalah lebih besar, iaitu 90 MW untuk Semenanjung Malaysia dan 10 MW untuk negeri Sabah. Kadar penggunaan yang rendah adalah disebabkan kurangnya kesedaran pengguna mengenai inisiatif baru ini dan tarif jualan balik yang lebih rendah kepada TNB, oleh sebab NEM menggalakkan penggunaan sendiri tenaga elektrik yang dihasilkan melalui PV solar dan bukannya menjual tenaga yang dijana. Oleh itu Kementerian sedang bekerjasama dengan ST dan agensi lain untuk mengukuhkan model operasi NEM dan meningkatkan usaha promosi untuk melonjakkan kadar penggunaan NEM pada tahun-tahun

akan datang.

Sementara itu, program Solar Berskala Besar (LSS) telah mengakhiri tahun pertama pelaksanaannya. Projek langsung LSS 2-MW di Sabah telah siap pada 15 September 2017, manakala satu lagi projek 48-MW di Sabah dan 200 MW di Semenanjung dijangka siap pada 2018.

ST juga telah menjalankan dua kitaran bidaan terbuka untuk operasi komersial LSS bagi tahun 2017 hingga 2020. Kitaran pertama bidaan terbuka untuk tempoh 2017-2018 telah selesai pada Disember 2016 dengan jumlah kapasiti 401 MW ditawarkan kepada 18 pemaju di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Labuan. Projek LSS pertama dijangka beroperasi pada 1 Januari 2018, dan lebih banyak projek dijangka siap sepanjang tahun seperti LSS Fast Track Semenanjung - Quantum Solar Park (Malaysia) Sdn Bhd, dengan kapasiti 150 MW; LSS Fast Track Semenanjung - Edra Solar Sdn Bhd, dengan kapasiti sebanyak 50 MW; LSS Fast Track Sabah - Tadau Energy Sdn Bhd dengan kapasiti sebanyak 48 MW; selain projek Bidaan Terbuka Kitaran Pertama 401 MW LSS.

Kitaran kedua bidaan terbuka untuk tempoh 2019-2020 kini berada dalam peringkat penilaian akhir dan dijadualkan akan selesai menjelang akhir tahun 2017.

Walaupun bagaimanapun, pembida yang berjaya didapati menghadapi kesukaran dalam memperoleh pembiayaan daripada institusi kewangan komersial disebabkan kekurangan kesedaran mengenai program LSS, dan ianya telah melambatkan pelaksanaan projek. Dengan usaha bersama oleh KeTTHA, Bank Negara Malaysia, dan agensi lain yang berkaitan, Malaysia berjaya memperkenalkan sukuk hijau untuk menangani jurang dalam pembiayaan hijau. KeTTHA juga bekerjasama rapat dengan ST untuk memantau dan memastikan projek-projek LSS siap tepat pada masanya. Pada Julai 2017, Suruhanjaya Sekuriti (SC) memperkenalkan sukuk hijau pertama di bawah inisiatif Pelaburan Mampan & Bertanggungjawab (SRI) untuk menangani jurang dalam pembiayaan hijau. Rangka kerja sukuk hijau ini adalah hasil kerjasama antara SC, Bank Negara Malaysia dan Bank Dunia. Pengembangan ekosistem pembiayaan yang kondusif merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk memenuhi komitmen Malaysia terhadap pengurangan intensiti pelepasan gas rumah hijau, selaras dengan Perjanjian COP 21 Paris. Pada 27 Julai 2017, sukuk hijau pertama dunia bernilai RM250 juta diterbitkan oleh Tadau Energy Sdn Bhd, diikuti oleh terbitan sukuk hijau terbesar dunia yang bernilai RM1 bilion oleh Quantum Solar Park Sdn Bhd. Kedua-dua sukuk adalah bertujuan untuk membiayai pembinaan projek solar berskala besar di Malaysia.



5 MW ladang suria Fortune 11 Sdn Bhd di Sepang, Selangor.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Walaupun harga minyak makin pulih secara beransur-ansur pada suku keempat tahun 2017 berikutan sekatan pengeluaran oleh OPEC dan pengeluar bukan OPEC, harga minyak secara amnya dijangka akan kekal berada pada paras semasa untuk masa terdekat. Walau bagaimanapun, pemain industri minyak dan gas di Malaysia berada pada posisi yang lebih kukuh untuk menghadapi cabaran, setelah membina kecekapan dan kepakaran mereka selama ini.

Seperti yang dinyatakan di atas, liberalisasi pasaran gas asli di Semenanjung Malaysia akan disokong oleh harga gas asli global yang rendah. Walau bagaimanapun, semua pihak perlu meningkatkan usaha untuk menubuhkan rangka kerja sokongan bagi penguatkuasaan TPA dan memudahkan kemasukan pemain baru ke pasaran gas asli di Semenanjung Malaysia. Ini penting kerana liberalisasi pasaran akan menyumbang kepada kemakmuran ekonomi dan keselamatan tenaga yang lebih kukuh.

Melangkah ke hadapan, penambahbaikan Pelan Induk Pembangunan PIPC mungkin akan terdiri daripada kawasan khas plastik dan bahan kimia, zon produk hiliran, serta pusat industri sederhana dan ringan dengan sasaran pelaburan keseluruhan meningkat daripada US\$29.5 bilion kepada US\$84.6 bilion. Kapasiti penyimpanan jumlah keseluruhan Terminal Petroleum Perairan Dalam Pengerang (PDT) dijangka meningkat kepada 3.2 juta m³ menjelang 2020, dan perbincangan telah dijalankan untuk meneroka potensinya sebagai simpanan rizab minyak strategik. Dalam jangka masa panjang, pertumbuhan infrastruktur serta pelaburan dalam kemudahan penyimpanan dan kompleks penapisan petrokimia baharu dijangka dapat merealisasikan wawasan Malaysia untuk menjadi hab hiliran minyak dan gas serantau, melengkapkan keupayaan Singapura sebagai salah satu pusat penapisan dan perdagangan minyak dunia.

Usaha pemasaran akan dipergiat untuk menarik minat syarikat MNC untuk memindah atau menubuhkan operasi serantau mereka di Malaysia. Pelaburan minyak dan gas baharu, terutamanya pelaburan berskala besar dari China, Rusia dan Timur Tengah; serta pelaburan berkualiti tinggi seperti pengilangan berteknologi tinggi dan pusat kecemerlangan untuk kerja-kerja kejuruteraan yang kompleks akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab OGSE. Walau bagaimanapun, kesedaran mengenai teknologi dan kepakaran di Malaysia di kalangan pasaran antarabangsa tetap penting untuk merealisasikan aspirasi negara.

Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada kecekapan tenaga dan inisiatif tenaga boleh diperbaharui untuk mencapai sasaran Rancangan Malaysia ke-11 serta memenuhi komitmen negara terhadap COP 21. Semua pihak perlu mengamalkan langkah-langkah meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan menyertai gerakan hijau dalam memelihara alam sekitar untuk generasi mendatang supaya Malaysia dapat setanding dengan negara-negara maju dan juga negara sedang membangun di seluruh dunia dalam menuju ke arah penggunaan tenaga yang lebih bersih.





PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN

**MEMODENKAN PENGALAMAN
MEMBELI-BELAH DI MALAYSIA**

**YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Sejak tujuh tahun yang lalu, industri pemborongan dan peruncitan telah merevolusikan pengalaman pengguna di Malaysia melalui pelbagai inisiatif yang diterajui oleh sektor swasta. Tambahan lagi, tahap persaingan dalam industri dan pilihan untuk pengguna telah meningkat berikutan dengan penerokaan konsep runcit baharu seperti e-dagang. Sektor pemborongan dan peruncitan merupakan penyumbang utama kepada KNDK keseluruhan Malaysia dengan sumbangan sebanyak RM205.2 bilion pada tahun 2017. Ini mewakili kenaikan sebanyak 10.14% daripada RM186.3 bilion pada tahun 2016.

Usaha yang berterusan untuk memodenkan, mengglobalisasikan dan merevolusikan sektor ini telah membawa kepada peningkatan dalam keyakinan pengguna kepada sebanyak 94 mata peratusan, menurut Laporan Keyakinan Pengguna Global oleh Nielsen. Keputusan tahun ini menunjukkan kenaikan dari 84 mata peratusan pada tahun 2016.

Kejayaan yang lebih besar adalah kedudukan Malaysia di AT Kearney Global Retail Development Index (GRDI) yang kini berada di tahap paling tinggi dalam tempoh 10 tahun. Pada tahun 2016, Malaysia telah mengekalkan tempatnya di kedudukan ketiga, selepas negara India dan China yang mempunyai pasaran pengguna yang lebih besar. Walaupun bersaing dengan negara lain seperti Singapura, Indonesia, Thailand dan Hong Kong, Malaysia masih merupakan pesaing yang kuat.

Kejayaan ini didorong oleh daya tahan sektor ini. Semakin berterusan ke atas projek-projek sedia ada memastikan strategi Kerajaan kekal relevan dan mampu memperkasa sektor pemborongan dan peruncitan di Malaysia. Untuk memastikan kejayaan yang berterusan, kami mengalu-alukan kemasukan pemain baharu untuk menyertai inisiatif Makan Bazaar, Big Box Boulevard, Virtual Mall dan tempat

peranginan kesihatan agar sektor ini kekal berdaya saing di peringkat global.

Pada masa akan datang, tumpuan khusus akan diberikan kepada industri e-dagang untuk memenuhi permintaan penggunaan domestik dan antarabangsa. Selaras dengan itu, sistem persijilan BizTrust telah dilancarkan pada Jun 2017, sejajar dengan Rancangan Strategik E-Perdagangan Negara.

Mengambil kira sektor e-dagang yang kian maju, serta kemajuan keseluruhan sektor pemborongan dan peruncitan; saya menyeru kepada semua pedagang dan pengguna untuk terus menyumbang dan menerima manfaat daripada kenaikan sektor ini.

MENGINOVASIKAN KEDAI FORMAT BESAR

Pembangunan kedai format besar merupakan bidang fokus di bawah NKEA ini untuk meningkatkan skala dan keupayaan pembekal perkhidmatan tempatan. Pembangunan kedai format besar menggalakkan pelaburan swasta, meningkatkan daya saing dalam pasaran, menyediakan pelbagai pilihan bagi pengguna dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Pada tahun 2016, sektor ini menggaji 1.7 juta pekerja, peningkatan sebanyak 13% berbanding 1.5 juta pekerja pada tahun 2010.

Setakat ini, 44 pasar raya hiper dan 56 pasar raya besar telah dibangunkan dan berjaya menarik pelaburan, termasuk pelaburan yang berjumlah RM1.27 bilion dari Lulu Group, Abu Dhabi yang menyasar untuk menubuhkan 10 buah pasaraya merentasi Malaysia menjelang tahun 2020. Pada tahun 2017, Tesco telah melancarkan dua pasar raya besar di Batu Pahat, Johor dan Bertam, Pulau Pinang. Giant pula telah membuka sebuah pasar raya besar di Tunjong, Kelantan. AEON pula telah membuka sebuah pasar raya hiper di Bandar Dato' Onn, Johor pada bulan September 2017.



Keyakinan pengguna telah meningkat pada tahun 2017, berbanding tahun 2016.

Sejajar dengan perubahan trend pengguna, operator pasar raya hiper dan pasar raya besar kini membuka kedai format kecil sebagai strategi baru mereka untuk mengejar trend semasa. Kini, pengguna di Malaysia lebih gemar berbelanja di kedai serbaneka bersaiz kecil yang berhampiran dengan kediaman mereka. Bertindak untuk memenuhi permintaan pengguna, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

(KPDNKK) telah meliberasikan sektor ini dengan meluluskan kedai milik syarikat asing yang bersaiz 2,000 meter persegi di Lembah Klang, Ipoh, Johor Bahru dan Pulau Pinang. Sebelum perubahan ini, kedai milik syarikat asing hanya diluluskan jika mempunyai saiz minimum 3,000 meter persegi.

“Pada tahun 2016, sektor ini menggaji 1.7 juta pekerja, peningkatan sebanyak 13% berbanding 1.5 juta pekerja pada tahun 2011.”

Namun demikian, sektor ini dirancang untuk berkembang secara seimbang. Bagi mengekalkan dasar perdagangan yang adil untuk industri format kecil sambil memudahkan pemindahan pengetahuan, KPDNKK telah menetapkan pegangan saham tempatan yang khusus bagi gedung format kecil. Selaras dengan itu, Giant telah melancarkan subsidiarinya, G Ekspres. Buat masa ini, terdapat lapan kedai G Ekspres di Lembah Klang. Giant juga telah memperolehi kelulusan daripada KPDNKK untuk membuka 500 kedai format kecil. Sementara itu, Tesco telah memperkenalkan dan membuka 9 Tesco Xpress yang berlokasi seperti berikut: dua di Pulau Pinang, empat di Selangor dan tiga di Kuala Lumpur. Perubahan trend ini, di mana operator berkomitmen untuk mengekalkan gedung format besar mereka sambil melabur dalam pembukaan gudang format kecil dan fasilitasi daripada KPDNKK memastikan pelaburan yang berterusan dalam sektor ini.

MEMBANGUNKAN PERUNCIT BERSAIZ KECIL DAN SEDERHANA

Inisiatif Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Pemodenan Bengkel Automotif (ATOM) bertujuan untuk membantu peruncit kecil memodenkan dan memperbaiki perniagaan mereka di dalam rantai nilai melalui peningkatan dalam keuntungan mereka. Peningkatan ini telah dicapai melalui pembangunan modal insan dan peningkatan tahap kepakaran peruncit melalui latihan, peralatan baharu, penambahbaikan paparan produk dengan menggunakan pemasaran strategik serta memperkenalkan sistem pengesanan inventori yang lebih baik.



Setakat ini, 2,367 buah kedai telah ditransformasikan di bawah program TUKAR. Para peserta telah merekodkan peningkatan pendapatan sebanyak 40%* selepas 12 bulan menyertai program ini. Sementara itu, sejumlah 864 buah bengkel telah ditransformasi di bawah program ATOM dan 80% peserta ATOM telah mencatatkan peningkatan pendapatan melebihi 40%*.

Pada tahun 2017, ATOM dan TUKAR menumpukan kepada peningkatan dan pengekaln prestasi peserta sedia ada yang berprestasi baik sepanjang fasa pertama program, iaitu daripada pelancaran TUKAR dan ATOM pada tahun 2011 hingga tahun 2016.

Bagi fasa kedua program TUKAR dan ATOM yang dilancarkan pada tahun 2017, seramai 28 peserta TUKAR dan 21 peserta ATOM yang sedia ada layak menerima pinjaman untuk mengembangkan perniagaan mereka. Para peserta yang layak perlu menunjukkan potensi yang tinggi untuk mengembangkan perniagaan berdasarkan rekod jualan terdahulu dan lokasi perniagaan, mempunyai rekod baik di pangkalan data CTOS dan CCRIS, tiada hutang tertunggak dan yang paling penting ialah peserta perlu menunjukkan minat untuk memperluaskan perniagaan mereka bagi memastikan kejayaan yang berterusan.

Program TUKAR dan ATOM mempunyai sistem pembiayaan yang bersifat sendiri. Pinjaman ini menggunakan sistem dana pusingan, di mana pinjaman yang telah dibayar balik semasa fasa pertama akan digunakan untuk membiayai projek di fasa kedua.

“Sejumlah 864 buah bengkel telah ditransformasi di bawah program ATOM dan 80% peserta ATOM mencatatkan peningkatan pendapatan melebihi 40%.”

Untuk memastikan daya maju program TUKAR dan ATOM, serta membantu peserta dengan pengurusan kewangan mereka, KPDNKK dan Bank Rakyat sentiasa menawarkan khidmat bimbingan dan nasihat kewangan melalui pelbagai program. Untuk memudah cara proses bimbingan, KPDNKK melalui Agensi Kaunseling Pengurusan Kredit (AKPK) telah mengadakan dua sesi Hari Terbuka pada tahun 2017 di mana peserta telah diberikan nasihat tentang penstrukturan atau penjadualan semula pembayaran balik pinjaman Bank Rakyat. Ketika

sesi tersebut, peserta juga diberikan nasihat profesional mengenai penyimpanan stok dan bajet oleh wakil industri seperti Tesco dan Malaysia Automotive Institute (MAI). Sebagai langkah susulan, Pejabat Pengurusan Penyampaian KPDNKK dan AKPK turut turun padang bagi memantau kesejahteraan dan kemajuan peserta.



Program TUKAR telah membantu memodenkan pengurusan perniagaan peruncit kecil.

* Berdasarkan Kajian Penilaian Impak Program TUKAR dan ATOM yang dijalankan pada tahun 2013. Sebuah kajian baharu akan dijalankan pada tahun 2018.



Persekitaran ekonomi yang ideal menjadikan negara ini sebuah platform yang baik untuk Tesco mengembangkan perniagaannya.

Tesco mengukuhkan kehadirannya di Malaysia

Pada tahun 2017, Tesco, rantai pasar raya dari Britain menyambut ulang tahun ke-15 di Malaysia. Kini, Tesco mempunyai 57 buah cawangan di seluruh negara. “Bagi syarikat induk kami di Britain, mengembangkan perniagaan ke Malaysia merupakan suatu langkah yang betul,” kata Azliza Baizura Azmel, Pengarah Perkhidmatan Korporat Tesco Malaysia yang menyatakan bahawa syarikat tersebut menyedari terdapat keperluan untuk memperkukuhkan kehadirannya di Asia. Persekitaran politik yang stabil, bekalan pekerja berkemahiran yang semakin berkembang, status Malaysia sebagai negara membangun serta rangka kerja polisi dan sistem perundangan yang baik menjadikan negara ini platform yang baik untuk Tesco mengembangkan perniagaannya di rantau ini.

Bermula dengan pembukaan cawangan pertamanya di Puchong pada tahun 2002, polisi-polisi dan usaha-usaha Kerajaan untuk memudahkan urusan menjalankan perniagaan mendorong Tesco untuk terus berkembang di Malaysia. Selain itu, Kerajaan Malaysia juga telah menguatkuasakan undang-undang persaingan dan perlindungan data untuk memastikan persaingan yang adil dalam sektor peruncitan, lantas menarik lebih banyak syarikat-syarikat asing.

Tesco turut bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan untuk memastikan produk-produk yang dijual diluluskan oleh MeSTI. “Pematuhan MeSTI memastikan produk-produk kami menepati piawaian dan tahap kualiti tertentu,” kata Pn. Azliza.

“Keputusan KPDNKK baru-baru ini untuk membenarkan kedai-kedai untuk membuka premis-premis yang lebih kecil membolehkan Tesco menembusi sektor format kecil.”

Syarikat tersebut juga mendapat sokongan penuh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK). “Dialog kami dengan KPDNKK amat penting kerana mereka sentiasa memberi perhatian terhadap apa yang kami suarakan,” kata Darshan Singh, Ketua Hubungan Kerajaan dan Perkhidmatan Korporat Tesco Malaysia.

Baru-baru ini KPDNKK membuat keputusan untuk membenarkan kedai-kedai format besar milik syarikat



asing untuk membuka premis-premis yang lebih kecil, lantas membolehkan Tesco menembusi sektor format kecil ini yang sangat menguntungkan dan ini telah membantu mengembangkan perniagaannya di negara ini. Perkembangan ini seiring dengan trend peruncitan semasa di mana pengguna lebih gemar membeli-belah di kedai-kedai yang lebih kecil berhampiran kediaman mereka. Pada tahun 2017, Tesco telah melancarkan rangkaian kedai-kedai generasi baharunya yang menumpukan kepada penjimatan masa, kadar nilai terbaik serta penggunaan teknologi seperti kaunter bayaran layan diri.

“Kumpulan bakat Malaysia yang kukuh menambah kepada kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia bagi Tesco.”

Syarikat ini juga cenderung untuk memanfaatkan bekalan bakat di Malaysia bagi memenuhi keperluan kakitangannya. “Kami sentiasa mencari jalan untuk mempelbagaikan bekalan bakat kami. Kami memberi keutamaan kepada rakyat Malaysia untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja-pekerja asing,” kata Azliza. Di bawah satu usaha sama dengan Kementerian Pendidikan, Tesco melatih dan meningkatkan kemahiran bakat-bakat muda yang berminat untuk bekerja selepas tamat sekolah menengah untuk meningkatkan kebolehgajian mereka. Sebagai nilai tambahan kepada ekonomi Malaysia, Tesco bekerjasama dengan rumah-rumah perlindungan gelandangan seperti Anjung Singgah di Kuala Lumpur. Usaha ini dilakukan dengan matlamat untuk mencipta peluang pekerjaan untuk golongan gelandangan serta ahli-ahli masyarakat yang terpinggir seperti golongan kurang upaya dan para pesara.

Pada masa hadapan, Tesco akan memanfaatkan teknologi untuk menambah baik perkhidmatan-perkhidmatannya serta meluaskan capaiannya di Malaysia. Untuk bergerak seiring dengan trend masa kini, Azliza menekankan kepentingan kehadiran maya dan fizikal. Sehubungan dengan itu, Tesco kini menawarkan penghantaran yang pantas melalui platform-platform e-dagang seperti LAZADA dan Happy Fresh sebagai tambahan kepada perkhidmatan penghantarannya sendiri. Penggunaan saluran-saluran ini didorong oleh perkembangan pesat e-dagang di Malaysia. Kerajaan berhasrat agar e-dagang terus dimanfaatkan bagi meningkatkan aktiviti ekonomi yang inklusif dan mencipta peluang-peluang penjana pendapatan.

Selain itu, Tesco juga menggunakan laman media sosial seperti Facebook untuk berinteraksi dengan lancar bersama pengguna, berkongsi maklumat dan menerima maklum balas bagi memastikan perkhidmatan-perkhidmatan mereka bergerak seiring dengan cawangan-cawangan mereka di Eropah dan Amerika Syarikat.



Azliza Baizura Azmel, Pengarah Perkhidmatan Korporat, Tesco Malaysia.



Zen5es Wellness Report dijangka akan menarik 60,00 individu yang berulang-alik di antara Johor Bahru and Singapura setiap hari.

PERSEDIAAN UNTUK MASA DEPAN PERUNCITAN

Penubuhan tempat peranginan kesihatan bertujuan untuk merevolusikan sektor pemborongan dan peruncitan untuk menarik lebih ramai pengguna dan pelancong bertaraf tinggi melalui konsep perubahan gaya hidup. Selaras dengan revolusi ini, Zen5es Wellness Resort di Iskandar, Johor sedang dibina. Apabila siap dibina, resort ini akan menjadi mercu tanda baharu Koridor Selatan Iskandar Malaysia. Keseluruhan projek ini dijangka akan menyumbang RM718 juta kepada Pendapatan Negara Kasar (PNK), menarik RM1 bilion dalam pelaburan dan mewujudkan 4,300 peluang pekerjaan untuk warga Malaysia merentasi semua peringkat kemahiran dan kepakaran. Tempat peranginan ini juga dijangka dapat memberi kesan pengganda di kalangan penduduk tempatan dan pengunjung antarabangsa melalui promosi kesedaran penjagaan kesihatan.

Memandangkan lokasi Zen5es terletak di pintu masuk Selatan Malaysia, resort berlokasi strategik dijangka mampu menarik 60,000 individu yang berulang-alik di antara Johor Bahru dan Singapura setiap hari. Tambahan pula, tempat peranginan ini akan bersebelahan dengan Sistem Transit Rapid (RTS) Bukit Chagar yang bakal dibina, sekaligus mempermudah pergerakan bagi pelangan di masa hadapan.

Pembangunan bersepadu ini akan mempunyai 53,000 kaki persegi kawasan runcit untuk sewa yang dibahagikan kepada tiga blok utama. Blok pertama akan menyediakan 729 unit perumahan keluarga, manakala blok kedua didirikan sebagai pangsapuri suite yang mempunyai 987 suite untuk dibeli secara pajakan seumur hidup. Blok ketiga akan didirikan sebagai hospital swasta yang dilengkapi dengan 529 katil, daripadanya 322 buah katil khusus untuk penjagaan warga emas dan penjagaan wanita dalam pantang. Unit kediaman akan dibuka untuk pembelian pada tahun 2021, setelah selesainya pembinaan tempat peranginan pada tahun yang sama.

“Zen5es Wellness Resort dijangka menyumbang RM718 juta kepada PNK, menarik RM1 bilion dalam pelaburan dan mewujudkan 4,300 peluang pekerjaan untuk warga Malaysia merentasi semua peringkat kemahiran dan kepakaran.”

Proses menyiapkan projek yang besar ini masih berjalan walaupun berhadapan dengan cabaran pasaran yang kurang memberangsangkan, yang menyukarkan proses mendapat pembiayaan bagi pembinaan. Walau bagaimanapun, dengan usaha yang berterusan untuk mencari sumber pembiayaan alternatif, risiko kelewatan masih mampu ditangani dengan baik.



Bandar Tempat Peranginan Kesejahteraan Yang Unik

Malaysia mempunyai masyarakat yang semakin menua dan bilangan warga emas dijangka akan berganda ke 5.8 juta atau 15.3% daripada populasi negara menjelang tahun 2030. Melihat kepada keadaan ini, syarikat pembangunan hartanah yang inovatif, Leadmont Group mengambil kesempatan menerokai industri tempat peranginan untuk memenuhi keperluan yang semakin meningkat bagi penjagaan kesihatan dan perkhidmatan perubatan yang berkualiti.

“Zen5es Wellness Resort ialah sebuah bandar resort sejahtera sehenti bersepadu,” kata Brendan Soh, Pengurus Jualan dan Pemasaran Leadmont Group. “Terletak hanya lima minit dari Iskandar City, Zen5es Wellness Resort dapat memanfaatkan reputasi Malaysia sebagai destinasi penjagaan kesihatan dan perubatan yang berpatutan serta lokasi yang strategik untuk menetap selepas bersara.”

Petunjuk positif yang menggalakkan

Tempat peranginan ini dijangka akan menarik minat rakyat Malaysia, komuniti ekspatriat dan pelancong-pelancong perubatan serantau dan antarabangsa kerana lokasinya yang berhampiran dengan Singapura dan Indonesia, hubungan ke pelbagai hab pengangkutan besar sedia ada dan akan datang, serta kadar tukaran mata wang yang murah. Pada tahun 2016, industri pelancongan perubatan di Malaysia menjana hasil melebihi RM1 bilion daripada kehadiran satu juta pelancong penjagaan kesihatan. Sherene Ali, Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia menjangka hasil daripada industri ini akan mencecah RM4 bilion menjelang tahun 2020.

Kerajaan Negeri Johor juga menyokong usaha ini di mana Menteri Besar YAB Dato' Mohamed Khaled Nordin telah menyuarakan hasrat agar Iskandar Malaysia mengikut jejak langkah Korea Selatan dan muncul sebagai destinasi pelancongan perubatan terkemuka di ASEAN. Brendan dan pasukannya bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Kementerian Kewangan (MOF). Mereka menerima nasihat, bimbingan dan – jika semua berjalan lancar – insentif-insentif cukai daripada Kerajaan.

Memahami keperluan pelancong perubatan

Peneraju projek yang bervisi dan pertama seumpamanya ialah Mimi Asche, Ketua Pegawai Operasi Bahagian Kesihatan dan Kesejahteraan Leadmont Group. “Keseluruhan Zen5es Wellness Resort akan menampilkan tiga blok dengan kemudahan-kemudahan seperti kafe, kedai runcit dan pasar raya di tingkat bawah. Blok yang pertama akan menawarkan kediaman-kediaman pelbagai generasi bersepadu untuk

keluarga manakala blok kedua ialah ‘apartmen untuk jangka panjang’ yang direka khusus untuk para pesara yang inginkan persekitaran selamat yang menggalakkan semangat kemasyarakatan dan persahabatan. Tempat peranginan ini juga akan menawarkan sebuah rumah penjagaan warga emas dan pusat penjagaan selepas bersalin. Blok yang ketiga pula ialah sebuah hospital pakar swasta,” jelas beliau. “Apa yang membuatkan tempat peranginan ini unik ialah pendekatan kami yang holistik. Keseluruhan kawasan ini direka bukan sahaja untuk menempatkan warga emas, tetapi juga pelancong-pelancong perubatan dari semua peringkat usia. Kami menggelarkannya ‘pendekatan antara generasi’.”

Mimi mempunyai minat yang mendalam terhadap penjagaan warga emas dan beliau membentuk model penjagaan Zen5es Wellness Resort mengikut amalan-amalan terbaik dari kemudahan-kemudahan penjagaan warga emas lain di seluruh dunia. “Zen5es Wellness Resort akan mengambil pendekatan yang terbaik, dan menggabungkan ciri-ciri yang sesuai dengan budaya tempatan.”

Memperkenalkan pengkhususan baru kepada rakyat Malaysia

Projek ini bakal memerlukan bilangan sumber manusia berkemahiran yang tinggi dan akan mewujudkan banyak peluang pekerjaan. “Malaysia mempunyai bakat dan kemahiran yang tepat. Namun, kita tidak mempunyai bilangan pekerja yang mencukupi (di negara ini),” kata Mimi yang merujuk kepada sejumlah besar rakyat Malaysia berkemahiran yang telah berhijrah ke luar negara. “Untuk menampung keperluan ini dan menyuntik suasana antarabangsa, kami akan turut mengupah bakat-bakat dari negara-negara ASEAN, terutamanya dalam sektor perubatan dan hospitaliti. Pada masa yang sama, kami berharap rakyat Malaysia yang berkemahiran dalam penjagaan warga emas akan tertarik dengan projek ini dan kembali untuk mendalami minat dalam bidang ini di negara mereka sendiri.”

Apabila projek utama di Iskandar Malaysia ini siap kelak, syarikat Leadmont Group bercadang untuk membina kemudahan seumpamanya dan menawarkan pilihan perkhidmatan pada harga yang berpatutan di seluruh Malaysia, termasuklah di bandar-bandar seperti Pulau Pinang, Sabah, Kota Kinabalu, Ipoh dan Melaka. “Kajian kami mendapati bahawa rakyat Malaysia mempunyai jangkaan yang rendah mengenai penjagaan warga emas, dan hal ini sangat menyedihkan. Saya ingin kita memperbaiki cara kita menjaga warga emas,” kata Mimi, “Inilah yang menjadi dorongan saya.”

Mempersiapkan Pemilik Perusahaan Kecil untuk Pengguna Moden



Intan Shahirah Ramli, Penolong Pengarah Kanan Pejabat Pengurusan Penyampaian di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) terlibat dalam NKEA Pemborongan dan Peruncitan sejak Julai 2013. Beliau menyelia dua projek di bawah

NKEA ini iaitu Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) dan Transformasi Bengkel Automotif (ATOM).

Kedua-dua program khusus untuk kedai runcit kecil dan bengkel automotif tempatan ini bermatlamat untuk meningkatkan daya saing perniagaan-perniagaan kecil di Malaysia agar mereka mampu bertahan dalam pasaran terbuka dan menuruti permintaan-permintaan pengguna yang kerap kali berubah dan lebih bertumpu kepada teknologi. Program TUKAR dan ATOM dicipta untuk memacu pertumbuhan dan mempercepatkan pemodenan perniagaan.

Usaha dan Hasil Transformasi

“Sejak pelaksanaan kedua-dua program ini, sehingga bulan Disember 2017, 2,367 buah kedai runcit tradisional telah mengambil bahagian dalam program TUKAR dan 864 orang pemilik bengkel automotif tempatan telah mengambil bahagian dalam program ATOM,” ulas Intan Shahirah. “Berdasarkan Kajian Impak 2013 yang kami jalankan, empat daripada lima peserta telah berjaya meningkatkan jualan kedai mereka. Kira-kira satu perempat daripada peserta-peserta yang berjaya telah meningkatkan jualan mereka sebanyak 80% dan ke atas.”

Di bawah program TUKAR dan ATOM, peruncit-peruncit tempatan menjalani dua jenis transformasi: fizikal dan mental. “Transformasi fizikal adalah transformasi luaran seperti penampilan kedai, penggunaan sistem *point-of-sale* di kaunter bayaran untuk merekodkan jualan harian, penggunaan peti sejuk dan peti sejuk beku untuk mengurangkan kerugian daripada kerosakan barangan segar seperti ikan dan sayur-sayuran, penggunaan mesin-mesin berkomputer untuk mengenal pasti masalah kenderaan dan banyak lagi,” kata Intan Shahirah. “Transformasi mental pula melibatkan usaha-usaha kami mengubah cara para peruncit menguruskan perniagaan mereka daripada kaedah tradisional kepada kaedah yang lebih tersusun.”

Usaha menggabungkan inisiatif-inisiatif tanggungjawab sosial korporat dalam program-program tersebut oleh KPDNKK mendapat sokongan positif dari sektor swasta. Pemilik-pemilik pasaraya hiper tempatan dan asing, serta pemain-pemain utama dalam perkhidmatan bengkel automotif berkongsi kepakaran dengan para peserta dalam pelbagai bidang termasuklah prosedur operasi standard, pengurusan kedai dan pelanggan, pengurusan stok dan inventori, dan sebagainya.

Mempercepatkan Perubahan Corak Pemikiran

Penjawat awam yang berpengalaman ini mengakui bahawa cabaran terbesar dalam pelaksanaan program TUKAR dan ATOM adalah dalam transformasi corak pemikiran peruncit-peruncit tempatan agar sentiasa konsisten selepas perniagaan mereka dimodenkan. “Kebanyakan peruncit tempatan (dalam program-program kami) tidak pernah menerima pendidikan formal dalam pengurusan kedai,” kata Intan Shahirah. “Mereka menjalankan perniagaan sama ada dengan menggunakan logik sendiri, atau rutin-rutin yang diperturunkan oleh ahli-ahli keluarga generasi pertama atau kedua yang mengendalikan perniagaan tersebut sebelum mereka.”

Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, usaha yang konsisten diperlukan dari para peruncit dan juga Kementerian. KPDNKK mengadakan lawatan-lawatan kedai dan pengawasan secara berkala. Kementerian tersebut juga mengadakan kursus-kursus percuma yang boleh dihadiri oleh pemilik-pemilik kedai untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan. Kursus-kursus ini juga membolehkan para peserta bertukar idea dan pengalaman antara satu sama lain. Usaha-usaha ini telah mendapat maklum balas positif, malah sebahagian peserta turut mewujudkan kumpulan untuk membuat pembelian pukal untuk menikmati keuntungan yang lebih banyak.

Permintaan pasaran berubah dan berkembang pantas seiring dengan perkembangan teknologi semasa. Sebagai contoh, peruncit-peruncit besar yang beroperasi di Malaysia seperti Tesco telah mengecapi kejayaan melalui perkhidmatan e-dagang yang kian mendapat penerimaan pengguna di Malaysia, membolehkan mereka meluaskan pasaran dan tidak hanya mengharapkan kunjungan pelanggan semata-mata. Pada masa hadapan, sektor pemborongan dan peruncitan akan menghadapi persaingan yang lebih tinggi termasuklah daripada platform-platform peruncitan e-dagang merentasi sempadan yang menawarkan harga yang lebih murah. “Oleh itu, perniagaan-perniagaan (di Malaysia) perlu memanfaatkan sepenuhnya penyelesaian-penyelesaian inovatif dan beralih ke arah perkhidmatan-perkhidmatan yang memberi nilai tambahan agar terus berjaya. Kegagalan berbuat demikian akan membuatkan mereka tidak lagi relevan apabila pesaing-pesaing mengatasi kebolehan mereka,” ujar Intan Shahirah.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Sebagai sektor ekonomi yang pesat berkembang selama tujuh tahun ini, sektor pemborongan dan peruncitan merekodkan penyumbangan yang ketara kepada PNK Malaysia, serta kadar pelaburan, and peluang pekerjaan di negara ini. Secara keseluruhan, sektor ini telah mencapai sasaran PNK 2020 berjumlah RM156 bilion pada tahun 2015. Kini, pada tahun 2017 ia telah menyumbang RM201.9 bilion kepada PNK negara. Sektor ini merupakan salah satu sektor dengan kadar pertumbuhan yang terpanjang di Malaysia kerana kadar pertumbuhannya telah melebihi pertumbuhan KDNK sejak tahun 2011.

Tambahan pula, pertumbuhan mantap sektor ini disumbangkan oleh projek yang telah disiapkan atau di mana sektor swasta telah memainkan peranan mereka. Ini termasuk penubuhan gedung beli-belah maya, amaxMALL yang menarik lebih 644 peruncit untuk menggunakan platform tersebut.

Bagi memastikan pengguna mempunyai pilihan yang pelbagai, NKEA ini telah menubuhkan Big Box Boulevards (BBB). BBB merupakan kedai bersepadu yang menempatkan peruncit yang berskala besar di satu lokasi penempatan. Kedai bersepadu BBB mengandungi pasar raya besar, gedung perabot, pusat produk digital dan kedai peralatan sukan. Kerajaan asalnya menyasar untuk mendirikan sebuah BBB menjelang tahun 2017, kini terdapat 3 outlet BBB yang telah dan sedang didirikan di Oasis Damansara oleh Sime Darby Brunsfield; Nilai 3 oleh Hatia Properties dan di Pusat Logistik Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Logistics Centre).

Antara projek lain yang diterajui oleh sektor swasta termasuk inisiatif Makan Bazaar yang menempatkan gerai penjaja, restoran servis segera, kafe, bar dan restoran bertaraf tinggi di bawah satu bumbung di lokasi strategik di seluruh negara. Tiga buah Makan Bazaar telahpun memulakan operasi di Oasis Square di Ara Damansara, Medini Mall di Nusajaya, Johor dan KLCC, sebuah lagi masih di tahap pembinaan. Sasaran untuk menambah 55,000 kaki persegi sebagai ruang perniagaan di KLIA2 menjelang tahun 2020 juga telah dicapai. Projek transformasi KLIA2 kepada hab peruncitan juga telah disiapkan pada tahun 2017. KLIA2 sebesar 350,000 kaki persegi, daripada jumlah ini; 118 lot telah ditawarkan kepada peruncit, 81 lot kepada kedai makanan dan minuman (F&B) dan 26 untuk servis perkhidmatan.

Platform perniagaan di atas talian giat menjadi lebih penting kepada para peruncit untuk membolehkan akses kepada lebih ramai pengguna, di samping perniagaan secara tradisional masih penting. Oleh yang demikian, untuk meningkatkan jualan dan pengedaran, para peruncit di seluruh Malaysia perlu mempertimbangkan penggunaan saluran secara fizikal serta di atas talian.

Usaha untuk mengembangkan sektor e-dagang dan perniagaan di atas talian Malaysia telah disokong dengan pelancaran BizTrust; iaitu sistem pensijilan keselamatan yang dilancarkan pada Jun 2017 untuk memperkukuh keyakinan pengguna apabila berurusan dengan entiti perniagaan di atas talian. BizTrust boleh diakses melalui Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk mengesahkan bahawa perniagaan di atas talian, termasuk peniaga yang beroperasi di media sosial memenuhi kriteria prinsip amanah seperti pendaftaran perniagaan serta mempunyai perlindungan data dan keselamatan di atas talian. Biztrust membolehkan entiti perniagaan di atas talian Malaysia untuk mengambil peluang akan pertumbuhan pesat industri e-dagang, sejajar dengan trend global terkini dan hasrat negara untuk membangunkan ekonomi digital melalui Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ).

Pada masa akan datang, adalah diharapkan projek-projek yang telah dibangunkan ini akan terus maju dan akan memacu pertumbuhan sektor pemborongan dan peruncitan.



MINYAK SAWIT DAN GETAH

**MENGEKALKAN
KEPIMPINAN GLOBAL
MALAYSIA DALAM KOMODITI**

**YB DATUK SERI MAH SIEW KEONG**

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

NKEA Sawit dan Getah telah berjaya memacu sektor minyak sawit dan getah ke kedudukan yang lebih tinggi dalam rantai nilai. Nilai eksport keseluruhan bagi produk minyak sawit dan produk berkaitan sawit berjumlah RM77.8 bilion manakala eksport bagi getah asli dan getah kompaun tempatan menyumbang sebanyak RM9.36 bilion pada tahun 2017, satu peningkatan yang sangat ketara daripada RM5.89 bilion pada tahun sebelumnya. Selain itu, eksport produk lateks tempatan telah mencatatkan hasil sebanyak RM17.45 bilion, peningkatan sebanyak 19% lebih tinggi berbanding tahun 2016.

Fokus utama industri sawit pada tahun 2017 ialah memperkukuh kemampuan pengeluaran minyak sawit. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif telah diperkenalkan termasuk pelaksanaan mandatori pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia menjelang akhir tahun 2019. Di samping itu, pekebun kecil persendirian yang merupakan 17% daripada pengusaha ladang sawit di Malaysia telah mencatatkan kejayaan yang cemerlang dalam program integrasi tanaman. Program ini diharapkan dapat meningkatkan hasil serta menjana pendapatan tambahan untuk para pekebun kecil yang terlibat.

Saya amat berbesar hati memaklumkan bahawa RM132.7 juta telah diperuntukkan untuk penanaman 8,557 hektar getah di Sabah dan Sarawak. Lembaga Industri Getah Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak akan giat melaksanakan program penanaman semula dan penanaman baru yang telah memberi manfaat kepada 2,890 pekebun kecil seperti yang disasarkan bagi tahun 2017.

MENJAMIN PENJANAAN NILAI YANG MAMPAN

Produktiviti dan hasil telah dikenal pasti sebagai bidang fokus untuk NKEA ini memandangkan terdapat permintaan global yang tinggi untuk komoditi. Penekanan juga telah diberikan kepada penambahbaikan amalan terbaik industri untuk meningkatkan hasil dan kualiti pengeluaran bagi menjana eksport. Ini telah membawa kepada kejayaan NKEA ini melepasi sasaran penanaman baharu dan penanaman semula untuk tahun 2020 dengan penanaman 110,844 hektar kelapa sawit dan 62,000 hektar getah. Sehingga kini, industri ini telah mencatatkan 126,290 hektar penanaman baharu dan penanaman semula kelapa sawit dan 215,634 hektar penanaman baharu dan penanaman semula getah. Industri getah juga secara amnya telah menunjukkan prestasi yang baik pada tahun 2017, di mana eksport getah asli dan getah kompaun tempatan telah menjana sebanyak RM9.36 bilion, satu peningkatan yang tinggi berbanding RM5.89 bilion pada tahun lalu. Sementara itu, eksport produk getah tempatan telah mencatatkan hasil sebanyak RM17.45 bilion, iaitu kenaikan sebanyak 19% daripada tahun 2016.

Namun begitu, aktiviti pada tahun 2017 telah terjejas oleh beberapa faktor dalaman dan luaran. Harga minyak sawit mentah (CPO) berlegar di sekitar RM2,300 hingga RM3,300 sepanjang tahun 2017, namun harga tersebut tetap lebih tinggi berbanding harga CPO pada tahun 2016, iaitu antara RM2,257 hingga RM3,200.

Pengeluaran tandan buah sawit segar (FFB) telah meningkat sebanyak 18% pada tahun 2017 kepada 101.74



Penanaman semula perlu dilakukan bagi ladang yang telah matang.

juta tan dari 86.33 juta tan pada tahun 2016. Walau bagaimanapun, kadar pengekstrakan minyak (OER) pada tahun ini tidak berada pada kadar yang optimum, iaitu 19.7% berbanding sasaran sebanyak 21.5% untuk tahun 2017. Kadar OER yang rendah ini adalah disebabkan tiga faktor utama iaitu penggunaan klon kelapa sawit yang rendah kualiti dalam penanaman, perancangan dan infrastruktur ladang yang kurang memuaskan, dan amalan penuaian yang kurang cekap seperti penuaian buah yang tidak masak.

“Sehingga kini, industri ini telah mencatatkan 126,290 hektar penanaman baharu dan penanaman semula kelapa sawit dan 215,634 hektar penanaman baharu dan penanaman semula getah.”

Kementerian akan menangani masalah kadar OER yang rendah dengan menggalakkan pemilihan benih yang terbaik dan yang mampu menjana hasil yang tinggi serta klon kelapa sawit berkualiti tinggi untuk penanaman. Kementerian juga sedang menjalankan usaha mendidik penanam dan penuai mengenai amalan penanaman, pengurusan ladang dan penuaian yang terbaik. Berkenaan amalan penuaian, Kementerian akan menekankan nilai jangka panjang dalam penuaian buah yang masak sahaja berbanding amalan menuai buah tanpa pemilihan teliti.

Sementara itu, perkembangan untuk penanaman baru dan penanaman semula minyak sawit pada tahun 2017 agak perlahan oleh sebab kelewatan dalam mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan Negeri Sarawak untuk menggunakan tanah Native Customary Rights (NCR) yang telah diperuntukkan bagi perladangan kelapa sawit. Sasaran 2017 akhirnya dapat juga dicapai, di mana 7,982 juta hektar penanaman baru dan 4,838 juta hektar penanaman semula telah dicatatkan untuk kelapa sawit berbanding sasaran keseluruhan sebanyak 12,000 hektar. Untuk mengelakkan kelewatan dalam penanaman pada tahun 2018, tanah yang telah dikenal pasti diperuntukkan untuk perladangan kelapa sawit akan dibuka lebih awal untuk aktiviti penanaman.

Penanaman baru dan penanaman semula getah pula telah mencapai sasaran 8,557 hektar untuk tahun 2017. Untuk tahun 2018, RM132.7 juta telah diperuntukkan untuk penanaman 8,557 hektar getah di Sabah dan di Sarawak dan aktiviti ini kini diselia dan dilaksanakan oleh Lembaga Industri Getah Sabah dan Jabatan Pertanian Sarawak. Seramai 2,890 pekebun kecil dijangka akan mendapat manfaat daripada program ini.



MEMBANGUNKAN SEKTOR HILIRAN

NKEA ini berhasrat untuk merealisasikan potensi sektor hiliran sepenuhnya dan menerokai bidang yang lebih menguntungkan dalam rantai nilai sektor minyak sawit dan getah. Langkah untuk memberi penekanan kepada aktiviti hiliran disokong dengan peruntukan sebanyak RM280 juta dalam bentuk geran di bawah Rancangan Malaysia ke-11. Dalam aspek ini, Kerajaan bukan sekadar membantu pemain-pemain besar industri ini tetapi juga perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Geran kerajaan untuk sektor minyak sawit ini dibahagikan kepada beberapa kategori, iaitu geran pengkomersialan untuk syarikat yang berminat untuk menghasilkan produk berasaskan sawit, produk kesihatan, makanan haiwan dan derivatif oleo bernilai tinggi; serta geran penyelidikan klinikal ke atas manfaat nutrisi minyak sawit dan fitonutrientnya.

Perkembangan dalam mempromosikan manfaat nutrien minyak sawit seperti tokotrienol dan karotenoid untuk penggunaan komersial dapat dilihat melalui peruntukan geran sebanyak RM41 juta untuk 10 projek penghasilan makanan berasaskan sawit, produk kesihatan dan makanan haiwan pada tahun 2017. Geran sebanyak RM2.7 juta juga telah diperuntukkan untuk tiga projek penghasilan derivatif oleo bernilai tinggi pada tahun 2017. Oleh itu, sebanyak RM97.5 juta pelaburan telah dijana untuk pengkomersialan produk-produk minyak sawit pada tahun 2017, menjadikan jumlah keseluruhannya sebanyak RM2.7 bilion untuk 57 projek sejak tahun 2011.

Untuk menggalakkan ujian klinikal ke atas fitonutrien minyak sawit dan oleokimianya, RM11.9 juta dalam bentuk geran penyelidikan klinikal telah dianugerahkan pada tahun 2017, menjadikan jumlah geran yang diperuntukkan bagi ujian klinikal sebanyak RM158.5 juta untuk 16 ujian yang dijalankan sejak tahun 2011.

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Industri (MPIC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) sentiasa meningkatkan usaha pemasaran untuk meningkatkan permohonan geran. Pada masa yang sama, MPIC dan MPOB juga akan membuat penyelarasan strategik bersama agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan SME Corp untuk mempromosikan geran ini dengan lebih lanjut.


Dalam sektor getah, Lembaga Getah Malaysia (MRB) telah menetapkan standard untuk getah dan produk getah Malaysia dalam usaha meningkatkan nilai eksportnya serta menjamin penggunaan domestik. Lima standard untuk getah dan produk getah Malaysia ialah ISO 3146, ISO 4074:2015, ISO/DIS 20163 dan ISO/FDIS 2930. Kesemua standard ini memberi penekanan kepada ujian pembangunan produk getah seperti polimer, pembungkusan Technically Specified Rubber (TSR), kondom, getah kompaun, getah beku dan getah krep.

“RM97.5 juta pelaburan telah dijana untuk pengkomersialan produk-produk minyak sawit pada tahun 2017.”

Selain itu, sokongan Kerajaan telah membolehkan syarikat tempatan meneruskan perkembangan agresif produk getah kering Malaysia ke pasaran global, dengan memfokus kepada hos perindustrian, alat ganti automotif daripada getah, mengukir semula (re-tread) bunga tayar dan produk-produk khas yang lain.

Dengan penurunan harga minyak mentah sejak kebelakangan ini, bahan petrokimia telah menjadi alternatif yang berdaya saing dari segi kos untuk derivatif getah, terutamanya ekoprena dan pureprena, dalam penghasilan pelbagai barangan komersial. Untuk menggalakkan penggunaan ekoprena dan pureprena, MRB telah bekerjasama dengan enam buah syarikat baru pada tahun 2017 untuk memanfaatkan kerjasama bagi menggalakkan penggunaan derivatif getah alternatif untuk aplikasi produk getah. Syarikat-syarikat tersebut ialah Silverstone Berhad, M-Xell Chemicals Sdn Bhd, Polymer Engineering Product & Construction Sdn Bhd, Proton Berhad, FT Hose dan Mitsubishi Chemical Corporation (MCC) dari Jepun.

Kerajaan juga akan giat mempromosikan ekoprena dan pureprena sebagai pilihan yang mesra alam dan boleh terbiodegradasi untuk meningkatkan kebolehpasarannya, seiring dengan sasaran untuk menjana lebih daripada RM5 bilion hasil keseluruhan bagi derivatif getah menjelang tahun 2020.



Ekspot produk getah tempatan menyumbang kepada pendapatan negara.

MENGALAKKAN KEMAMPAHAN ALAM SEKITAR

Skim Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) yang dilancarkan pada bulan Januari 2015 ialah sebuah skim pensijilan sukarela yang dilaksanakan oleh Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) untuk menangani isu-isu berkenaan amalan pengurusan, ketelusan, pematuan keperluan undang-undang, tanggungjawab sosial, penanaman baharu dan kemampuhan alam sekitar dalam industri minyak sawit. Pensijilan ini diberikan kepada ladang kelapa sawit yang diusahakan oleh pekebun kecil, syarikat dan perbadanan, serta fasiliti pemprosesan minyak sawit yang mematuhi standard dan amalan yang ditetapkan dan dipatuhi dalam industri minyak sawit mampan di peringkat global. Penjenamaan dengan standard MSPO akan meningkatkan nilai dan permintaan minyak sawit Malaysia sebagai minyak premium yang boleh dimakan (edible), berikutan wujudnya permintaan global untuk produk-produk yang diusahakan secara mampan.

Setakat ini, 30 kilang minyak sawit di Malaysia telah dianugerahkan pensijilan oleh MPOCC. Pada tahun 2017, MPOCC telah menganugerahkan pensijilan tersebut kepada 296,007 hektar kawasan minyak sawit baru.

Untuk mempercepatkan pelaksanaan pensijilan ini dalam seluruh industri minyak sawit Malaysia dan membawa industri ini ke tahap seterusnya secara konsisten, pensijilan MSPO akan diwajibkan kepada semua ladang kelapa sawit di Malaysia menjelang tahun 2019, memandangkan kaedah suka rela pensijilan tersebut telah melengkapkan sesetengah pihak dari memulakan proses tersebut. Pada bulan Februari 2017, Kementerian telah menetapkan tempoh pematuan

untuk pensijilan MSPO secara berperingkat. MPOCC juga dalam proses melatih lebih ramai Badan Pensijilan (CB) dan juruaudit yang berkecualan dan bertauliah untuk menambah baik proses pensijilan dan mempercepatkan proses audit dan pensijilan untuk pemohon.

Sementara itu, taklimat dan sesi dialog bersama pekebun kecil, persatuan dan kumpulan perladangan juga telah dijalankan untuk meningkatkan pemahaman mereka mengenai pensijilan MSPO dan menggalakkan pematuan standard. Pekebun kecil tempatan mungkin kurang keupayaan dan sumber untuk melaksanakan proses pematuan dan penyediaan pensijilan MSPO yang memakan masa di samping biasanya lebih mementingkan kuantiti berbanding kualiti FFB. Untuk menggalakkan pematuan terhadap standard MSPO, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM130 juta untuk membantu pekebun kecil mengambil langkah-langkah permulaan ke arah memenuhi keperluan pensijilan serta membantu mereka menanggung kos proses audit dan pensijilan. Pada masa yang sama, MPOCC bekerjasama dengan pihak berkepentingan untuk mencipta Standard Rantaian Bekalan MSPO untuk memastikan kawalan kualiti yang ketat bagi keseluruhan rantai bekalan MSPO. Oleh itu, protokol kawalan kualiti di kilang dan bahagian hiliran akan meletakkan tekanan kepada pekebun kecil di bahagian hulu untuk mematuhi standard FFB yang ketat, selari dengan pensijilan MSPO tersebut. Pada masa hadapan, Kementerian akan memastikan

“Setakat ini, 30 kilang minyak sawit di Malaysia telah dianugerahkan pensijilan oleh MPOCC.”

pensijilan MSPO mendapat pengiktirafan antarabangsa. Entiti minyak sawit yang sudah diberi pensijilan berdasarkan standard Roundtable on Sustainable Palm Oil (RSPO) yang diiktiraf di peringkat antarabangsa perlu melengkapkan pensijilan MSPO menjelang tahun 2018, manakala entiti minyak sawit yang tidak memiliki pensijilan RSPO serta pekebun kecil bebas dan pekebun kecil terancang perlu mendapatkan pensijilan MSPO menjelang tahun 2019. Kementerian mensasarkan pensijilan MSPO untuk disepadukan dengan standard RSPO dan untuk entiti minyak sawit Malaysia mempunyai dua pensijilan iaitu dari RSPO dan MSPO.

Dalam bidang tenaga yang boleh diperbaharui, lima loji biogas baru telah disiapkan pada tahun 2017. Selain daripada penjanaan elektrik, loji ini juga akan menyumbang kepada pengurangan jejak karbon daripada penghasilan minyak sawit.



Permintaan Tinggi untuk Kudapan Berkhasiat

Permintaan untuk kudapan berkhasiat kian meningkat dalam kalangan pengguna dan salah satu syarikat yang memenuhi permintaan ini adalah Haliza Industries Sdn Bhd (HISB). HISB merupakan pakar dalam pembuatan kudapan berkhasiat seperti kerepek ubi, bijirin dan perasa makanan yang diperbuat daripada bahan-bahan organik. Pada tahun 2017, HISB telah berupaya memperluas produknya untuk merangkumi kudapan berasaskan jagung setelah menerima Geran Pengkomersialan untuk Pembangunan Produk Berasaskan Makanan dan Kesihatan di bawah NKEA Minyak Sawit dan Getah.

“Pada bulan Ogos 2017, kami telah menerima sebuah geran sepada berjumlah RM2.5 juta dari Kerajaan. Geran tersebut telah digunakan untuk membeli mesin automatik berteknologi tinggi,” kata Datin Hajah Nor Haliza, pengasas Haliza Industries. “Mesin-mesin ini tidak boleh didapati di Malaysia dan perlu diimport. Selain menghasilkan produk yang lebih tinggi kualitinya, mesin ini juga meningkatkan kadar pengeluaran kami dari 100 kg bijirin sejam kepada 200 kg bijirin dalam tempoh yang sama.”

Geran ini juga telah membantu pertumbuhan perniagaan syarikat ini dan Datin Hajah Nor Haliza menjangka keuntungan yang berlipat ganda. Beliau kini bercadang untuk menambah bilangan pekerja dari 15 orang kepada 35 orang pekerja menjelang akhir 2018. Pengasas syarikat ini juga sedang dalam proses memuktamadkan pemerolehan gudang di China untuk dijadikan pusat pengedaran antarabangsanya. Kini, HISB mengeksport 90% daripada produk makanannya ke Arab Saudi, China, Singapura, Brunei dan Jepun.

HISB berjaya di negara-negara tersebut oleh kerana permintaan yang tinggi untuk produk yang mempunyai pensijilan halal, terutamanya di China dan Jepun. “Kami menyediakan produk yang menepati kualiti dan status halal yang dikehendaki oleh pasaran-pasaran ini,” ujar Datin Hajah Nor Haliza. Kata beliau, laman web rasmi HISB (www.haliza.com.my) memaparkan pelbagai lesen dan pensijilan yang telah dianugerahkan kepada syarikatnya. Pada masa hadapan, syarikat tersebut mensasarkan untuk memasuki pasaran Amerika, Australia dan New Zealand.

Kejayaan HISB banyak disumbangkan oleh promosi kudapan sihat yang dikeluarkannya. Produk-produk syarikat ini bukan sahaja diperbuat daripada bahan asli dan bebas MSG, malah produknya turut mengandungi tokotrienol, iaitu sejenis phytonutrien berasaskan sawit yang mempunyai manfaat kesihatan seperti peningkatan kesihatan jantung serta mampu mengurangkan risiko kanser.



Haliza Industries di Halal Fest 2017.

Pembiayaan juga diberikan di bawah NKEA Minyak Sawit dan Getah untuk kajian klinikal ke atas manfaat kesihatan minyak sawit dan phytonutrienya dalam bidang penyakit buah pinggang, perlindungan sistem saraf, artritis, penyakit kardiovaskular, kanser, penyakit hati berlemak, degenerasi makula, penyakit pankreas, radioproteksi dan nutrisi kanak-kanak.

Syarikat 100% Bumiputera ini komited untuk menghasilkan kudapan sihat dan sering menjemput institusi-institusi pengajian dan organisasi-organisasi untuk melawat kilang mereka dalam usaha meningkatkan kesedaran orang awam mengenai kebaikan tokotrienol. “Pada tahun 2017, 64 buah sekolah dan 10 pusat pengajian tinggi telah melawat kilang kami untuk mempelajari dengan lebih lanjut mengenai tokotrienol dan aspek lain dalam proses pembuatan makanan,” kata Datin Hajah Nor Haliza. “Dengan kesedaran ini, kami berharap untuk meningkatkan pengedaran produk kami dalam pasaran tempatan. Kami mahu produk kami dijual di Kedai Rakyat 1Malaysia, stesen minyak dan pasar raya.”

Pengasas syarikat ini menjulang tanggungjawab untuk menghasilkan produk makanan yang berkualiti dan beliau berharap yang usahawan-usahawan lain dalam bidang ini turut memberi komitmen yang sama. Pada tahun 2018 dan seterusnya, beliau berharap agar Kerajaan dan institusi-institusi swasta lain akan terus menyokongnya bagi mempercepatkan proses dan memperbesar skalanya dalam pasaran domestik dan antarabangsa. “Kami sedang dalam usaha mencari peluang dan pembiayaan untuk membina lebih banyak kilang dan saluran pengedaran bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat,” kongsi Datin Hajah Nor Haliza. “Kami juga mahu memberi fokus kepada rantai nilai kami dan mengoptimalkan hasil yang dihasilkan melalui penjualan produk kami.”

Masa depan Haliza Industri pasti cerah dengan pemimpin yang berwawasan serta permintaan global yang kian meningkat untuk produk-produk halal yang berkualiti tinggi dan berkhasiat.

Menuju Pengeluaran Biogas Sifar Menjelang Tahun 2020

Biogas, sejenis produk sampingan dari proses pengilangan minyak sawit terhasil apabila efluen kilang minyak sawit (palm oil mill effluent, POME) dirawat secara anaerobik untuk menyingkirkan bahan-bahan pencemar organik. Biogas merupakan sumber tenaga boleh diperbaharui yang diteroka sepenuhnya di negara-negara pengeluar minyak sawit seperti Malaysia yang menghasilkan kira-kira 63.4 juta tan POME pada tahun 2015. Pengumpulan dan penggunaan biogas boleh mengurangkan impak industri minyak sawit terhadap alam sekitar dan kebergantungan kepada minyak berasaskan petroleum selain menambah insentif kewangan kepada pengilang-pengilang melalui penjualan tenaga yang berlebihan.

Walau bagaimanapun, menurut kata Dr. Loh Soh Kheang, Ketua Unit Tenaga & Alam Sekitar di Bahagian Kejuruteraan dan Pemprosesan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Malaysian Palm Oil Board, MPOB), usaha-usaha mengumpul dan menggunakan biogas sebagai sejenis sumber tenaga boleh ditambah baik. Biogas yang tidak dikumpul membebaskan paras metana yang tinggi ke atmosfera, sejenis bahan yang mempercepatkan pemanasan global. Hal ini memburukkan imej industri minyak sawit dan mengurangkan daya penarik minyak sawit Malaysia serta produk-produknya di pasaran-pasaran yang peka terhadap alam sekitar seperti Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

Untuk mengatasi masalah ini, NKEA Minyak Sawit dan Getah telah direka untuk memberi tumpuan khusus kepada pembinaan kemudahan-kemudahan pengumpulan biogas atau penghindaran metana di kilang-kilang minyak sawit melalui salah satu projeknya. Usaha ini telah berjaya mempercepatkan penerimaan pelaksanaan biogas oleh kilang-kilang minyak sawit di seluruh negara. Setakat bulan Disember 2016, 92 buah loji biogas telah siap dibina, sembilan buah loji sedang dalam proses pembinaan dan 145 buah lagi di peringkat perancangan. Selain itu, semua kilang baharu dan sedia ada yang momohon untuk peningkatan daya pemprosesan (throughput) perlu menyertakan kemudahan-kemudahan pengumpulan biogas atau penghindaran metana. Pelbagai insentif peringkat kebangsaan telah membantu usaha-usaha ini, seperti pengenalan tarif galakan (feed-in-tariff) yang berkuat kuasa 1 Januari 2014, Skim Pembiayaan Teknologi Hijau dan insentif-insentif fiskal untuk tenaga boleh diperbaharui. Di peringkat antarabangsa, sebagai salah satu negara yang menandatangani Protokol Kyoto, pemain-pemain industri di Malaysia boleh menukar pengurangan gas rumah hijau kepada nilai tunai melalui Mekanisme Pembangunan Bersih.

Namun, menurut Dr. Loh dan pasukannya yang menerbitkan kertas penyelidikan bertajuk "First Report on Malaysia's experiences and development in biogas capture and

utilisation from palm oil mill effluent under the Economic Transformation Programme Current and future perspectives", Malaysia menghadapi pelbagai isu dan cabaran dalam pelaksanaan biogas di seluruh negara disebabkan masalah-masalah "berkaitan teknologi, kewangan, tadbir urus dan kesalinghubungan grid". Salah satu contoh cabaran ini adalah penyelesaian berkos rendah untuk pengumpulan biogas di Malaysia yang "sukar dicapai sepenuhnya" kerana isi padu pemprosesan yang sangat tidak menentu dan corak cuaca yang ekstrem. Penyelesaian-penyelesaian sedia ada tidak dapat merealisasikan potensi POME sepenuhnya. Walau bagaimanapun, banyak bidang yang masih boleh diteroka untuk membantu industri minyak sawit mencapai senario pengeluaran biogas sifar.

Sebagai contoh, penyelidikan dan pembangunan perlu giat dijalankan untuk mencari penyelesaian-penyelesaian yang inovatif dan kreatif kepada pendekatan-pendekatan kilang penapisan bio kerana lazimnya, tiada 'satu penyelesaian yang boleh diguna pakai untuk semua isu'. Terdapat juga keperluan untuk pengurusan rantai nilai yang holistik memandangkan daya maju ekonomi dan kemampuan projek tidak dapat dijamin tanpa penentuan aspek penggunaan biogas yang nyata. Selain itu, pelbagai pihak berkepentingan, agensi dan pemain industri tenaga boleh diperbaharui kurang bersepakat oleh kerana 'budaya mementingkan diri dan mengehendkan perkongsian maklumat'. Lebih banyak usaha perlu dijalankan untuk menggalakkan perkongsian pengalaman dan pengetahuan yang jelas dan berterusan agar keseluruhan ekosistem dapat mencapai kemajuan.

Pada masa hadapan, Dr. Loh menyeru agar usaha yang lebih gigih dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk memproses permohonan serta memudah cara dan menyelaraskan pelaksanaan biogas di seluruh negara melalui sebuah pusat sehati yang praktikal. Usaha ini diharapkan dapat membawa Malaysia ke arah pematuan penuh rangka kerja kemampuan kebangsaan dan antarabangsa di samping menjana pendapatan melalui biogas yang amat mudah didapati di negara Malaysia yang kaya dengan kelapa sawit ini.



Loji biogas menyumbang kepada sumber bekalan elektrik negara.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Inisiatif baru dan sedia ada akan diteruskan di bawah NKEA Minyak Sawit dan Getah bagi mengatasi turun naik pasaran global, termasuk langkah-langkah untuk mempertingkatkan sektor huluan dan hiliran dalam industri minyak sawit dan getah. NKEA ini bertekad untuk melonjakkan kadar pengambilan geran pengkomersialan dan geran pemerolehan teknologi. MPIC dan MPOB akan terus berhubung dengan pemain industri yang berminat untuk menceburi segmen hiliran minyak sawit melalui geran NKEA dan menggiatkan promosi bagi meningkatkan kesedaran mengenai geran.

NKEA ini juga akan berusaha untuk meningkatkan jumlah pensijilan MSPO yang dikeluarkan kepada entiti-entiti minyak sawit. Pensijilan MSPO adalah penting untuk membolehkan industri minyak sawit Malaysia dikenali sebagai industri mesra alam dan meluaskan eksportnya terutamanya ke pasaran-pasaran tegar di Eropah.



PELANCONGAN

MEMBANGUNKAN PUSAT PELANCONGAN ASIA



YB DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

Menteri Pelancongan dan Kebudayaan

Sektor pelancongan terus menjadi industri utama dalam ekonomi Malaysia. Pelbagai perkembangan penting yang dikecapi pada tahun 2017 akan memastikan sektor ini akan kekal sebagai pemacu pembangunan ekonomi negara pada masa akan datang. Sektor ini berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran kemasukan 36 juta pelancong dan RM104 bilion PNK menjelang tahun 2020.

Sektor pelancongan mencatat 25.7 juta dalam ketibaan pelancong pada tahun 2017. Perolehan sektor pelancongan kini berjumlah RM81.4 bilion pada tahun 2017, melebihi perolehan yang direkodkan pada tahun 2010 yang berjumlah RM56.5 bilion. Setakat ini, sektor pelancongan menyumbang RM81.1 bilion dalam PNK negara berbanding dengan RM37 bilion dalam PNK pada tahun 2009.

Malaysia juga terus menerima pengiktirafan antarabangsa dalam sektor pelancongan; Pulau Pinang telah dinamakan antara 17 destinasi wajib dikunjungi pada tahun 2017 oleh CNN Travel manakala Ipoh, Perak pula dinobatkan sebagai salah satu daripada 10 bandar popular untuk pelancongan pada tahun 2017 oleh Lonely Planet. Sementara itu, Kuala Lumpur turut dinamakan sebagai salah satu antara 10 bandar terbaik di dunia dari aspek pertumbuhan pelancongan oleh World Travel and Tourism Council (WTTC). Semua pengiktirafan ini membuktikan keberkesanan komitmen dan usaha yang dilakukan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan (Ministry of Tourism and Culture, MOTAC) serta sektor swasta untuk mencapai sasaran industri pelancongan.

Berikutan dengan kejayaan pelaksanaan e-Visa untuk pelancong dari China, India, Bangladesh, Pakistan, Nepal dan Myanmar pada tahun 2016, 2017 menyaksikan kemudahan ini diperluas kepada warga Sri Lanka, Bhutan, Serbia dan Montenegro; ini membawa bilangan negara yang layak kepada sepuluh, sekali gus menyumbang kepada kenaikan dalam jumlah ketibaan pelancong.

Pembukaan semula dan naik taraf lokasi acara bertaraf antarabangsa seperti Pusat Dagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) dan Kompleks Bukit Jalil telah meningkatkan kapasiti penganjuran acara secara keseluruhan dan meletakkan kita pada kedudukan yang lebih baik untuk memperoleh hak untuk menganjur acara yang lebih berprestij dan berpengaruh yang akan menarik khalayak antarabangsa yang lebih besar. Hal ini turut memperkukuh kedudukan negara yang sedia mantap sebagai suatu destinasi utama bagi penganjuran acara besar dan perniagaan. Usaha yang dijalankan oleh Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (Malaysia Convention and Exhibition Bureau, MyCEB) memberikan impak besar dalam memastikan Malaysia terus berkembang sebagai salah satu destinasi utama di rantau ini dalam pengendalian acara bertaraf dunia setelah berjaya menarik seramai 120,528 delegasi antarabangsa sepanjang tahun 2017, lantas menyumbang sejumlah RM1.4 bilion kepada ekonomi negara.

Kita mesti mengkaji semula inisiatif sedia ada dan memberi fokus kepada inisiatif penjana perubahan yang mempunyai potensi untuk memacu kita ke arah mencapai sasaran tahun 2020.

MENEMPATKAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI BELI-BELAH YANG MERIAH

Malaysia telah lama mengenal pasti kepentingan industri beli-belah untuk memacu pendapatan bagi industri pelancongan negara. Aktiviti membeli-belah sememangnya merupakan satu komponen yang menguntungkan dalam industri pelancongan negara dan usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai destinasi membeli-belah yang meriah telah berjaya meraih perbelanjaan pelancong sebanyak RM26 bilion pada tahun 2017, yang mencakup 32% daripada jumlah perolehan pelancongan berbanding dengan 28% pada tahun 2009.

Pencapaian ini berjaya dicapai dengan penganjuran acara tahunan seperti acara Jualan Nasional yang dilancarkan pada 1 Mac 2017 di Suria KLCC, kempen Miss SHOPhia Shop, peraduan Snap & Win atas talian bersempena

1Malaysia Super Sale 2017 dan “Malaysia Mega Sale – Pengalaman Beli-belah Mewah” yang dianjurkan bersama Melium Group dan Pavilion. Usaha gigih juga telah dijalankan untuk meletakkan Kuala Lumpur City Centre-Bukit Bintang sebagai presint beli-belah yang meriah. Kawasan tersebut merekodkan 124 juta jumlah orang (footfalls) pada tahun 2017, berbanding sasaran 105 juta.

Selain promosi runcit, industri ini juga telah mengenal pasti kraf Malaysia sebagai suatu peluang perniagaan peruncitan untuk mempelbagaikan penawaran unik negara ini. Dalam usaha untuk memperkenalkan seni dan kraf tempatan di kalangan pelancong dan menyediakan saluran bagi pengusaha kraf tangan dan usahawan tempatan untuk mengakses pasaran, Kraftangan Malaysia telah membuka outlet di Kompleks Kraf Johor, Tangs Melaka dan Plaza Sungai Wang di Kuala Lumpur. Produk dan barangan yang dijual di outlet ini termasuklah barangan cenderamata batik, piuter, rotan dan kayu, tembikar dan songket buatan tempatan. Ketiga-tiga outlet ini telah mencapai nilai hasil jualan sejumlah RM1.2 juta, sementara industri kraftangan secara keseluruhannya telah mencapai nilai hasil jualan sejumlah RM500.5 juta untuk tahun 2017.



Industri kraftangan secara keseluruhannya telah mencapai nilai hasil jualan sejumlah RM500.5 juta.



MENEMPATKAN MALAYSIA SEBAGAI DESTINASI PELANCONGAN TERUNGKUL

Berdasarkan pertumbuhan Malaysia sebagai destinasi pelancong yang diiktiraf pada peringkat global, industri pelancongan kekal berada pada landasan yang tepat untuk mencapai sasarannya, iaitu menarik 36 juta pelancong ke negara ini, dan meraih RM168 bilion dalam perolehan pelancong menjelang tahun 2020. Ketibaan pelancong telah mencapai 25.7 juta pada tahun 2017. Jumlah perolehan pelancong pula telah meningkat kepada RM81.4 juta pada tahun 2017, peningkatan sebanyak 44% berbanding RM56.5 bilion pada tahun 2010.

“Jumlah perolehan pelancong pula telah meningkat kepada RM81.4 juta pada tahun 2017, peningkatan sebanyak 44% berbanding RM56.5 bilion pada tahun 2010.”

Pada tahun 2017, kemudahan e-Visa telah diperluaskan kepada pelancong dari Sri Lanka, Bhutan, Serbia dan Montenegro. Usaha ini telah membawa bilangan negara yang layak untuk menikmati kemudahan e-Visa ini kepada sepuluh. Adalah diharapkan agar negara-negara ini akan menyumbang kepada kadar ketibaan pelancong ke Malaysia kerana pasaran-pasaran ini dijangka akan meningkat dalam tempoh 10 tahun yang akan datang, sejajar dengan peningkatan bilangan isi rumah berpendapatan sederhana di negara-negara tersebut.

Tapak warisan

Malaysia memiliki lima lokasi penting yang diiktiraf sebagai Warisan Dunia di dalam Senarai Warisan Dunia UNESCO. Ini termasuklah Bandaraya Melaka yang terkenal dan George Town, Pulau Pinang yang berada di sepanjang Selat Melaka dan telah menyaksikan lebih daripada 500 tahun pertukaran perdagangan dan budaya antara Timur dan Barat; Tapak Arkeologi Lembah Lenggong yang menempatkan rangka Orang Perak, iaitu rangka manusia paling lengkap dan tertua di Asia Tenggara serta rekod penempatan manusia yang menjangkau lebih daripada dua ribu tahun; sementara Taman Negara Mulu dan Taman Kinabalu di kepulauan Borneo merupakan lokasi biodiversiti yang penting. Semua lokasi ini memainkan peranan yang penting dalam menarik pelancong untuk mengunjungi Malaysia.

Statistik ketibaan pelawat ke lokasi Warisan Dunia setakat ini berjumlah 19 juta pelancong berbanding dengan sasaran sebanyak 16.5 juta pada tahun 2017. Bilangan pelawat ke tapak warisan di Malaysia melonjak naik pada hujung tahun berikutan dengan peningkatan ketibaan pelancong pada bulan November dan Disember.

Mempromosikan Industri Spa dan Kesejahteraan

MOTAC telah meneruskan usaha mempromosikan industri spa untuk mempelbagaikan penawaran pelancongan Malaysia. Pada bulan Oktober 2017, inisiatif Urutan Malaysia (Malaysian Signature Massage) telah berjaya dilancarkan untuk mempromosikan teknik urutan dan memperkenalkan produk yang berkaitan seperti aromaterapi dan minyakurut sebagai produk urutan unik khusus kepada negara ini. Ini seterusnya menjadi pemangkin yang berkesan bagi pemasaran industri spa Malaysia pada peringkat global.

Pelancaran ini turut menandakan permulaan program jerayawara pemasaran dan peningkatan kemahiran di seluruh negara yang telah dilaksanakan di beberapa negeri pada akhir tahun 2017 hingga ke tahun 2018. Promosi selanjutnya dan demo Urutan Malaysia di pameran dan forum pelancongan utama serantau dan global telah diadakan pada akhir tahun 2017 dan dirancang untuk tahun 2018, termasuk di Forum Pelancongan Asia (Asia Tourism Forum, ATF) Chiang Mai, Pameran Pelancongan Antarabangsa (International Tourism Fair, ITB) Berlin, Dubai Travel Mart dan World Travel Mart, London.

Hab Biodiversiti Mega Malaysia

Tapak Hab Biodiversiti Mega Malaysia (Malaysia Mega Biodiversity Hub, MMBH) merekodkan sejumlah 906,661 pelawat pada tahun 2017, berbanding dengan sasaran 750,000 pelawat pada tahun tersebut. Secara amnya, antara faktor yang telah mempengaruhi peningkatan bilangan pelawat ke tapak MMBH ialah tarikan sumber semula jadi, aktiviti rekreasi yang disediakan dan kemudahan untuk mengakses lokasi tersebut.

Aktiviti mendaki merupakan salah satu aktiviti paling popular yang dilakukan oleh pelancong di tapak MMBH, dengan sejumlah besar pelancong mendaki Gunung Tahan dan Gunung Kinabalu. Sementara itu, bagi mereka yang meminati pemuliharaan flora dan fauna pula, aktiviti di Pusat Pemuliharaan Gajah Kuala Gandah menitikberatkan pemulihan hidupan liar yang terjejas akibat kehilangan habitat. Lokasinya yang tidak jauh dari Kuala Lumpur dan kemudahan akses melalui lebuh raya turut meningkatkan daya tarikannya di kalangan pelancong. Taman Negara Gunung Mulu pula terkenal kerana hutan asli tropika di taman tersebut, mercu batu kapur yang unik dan pembentukan gua yang ekstensif, sekali gus menjadikannya tarikan kembara dan rekreasi yang popular.

Meskipun lokasi MMBH berjaya menarik pelancong dari luar dan dalam negara, antara cabaran utama yang dihadapi oleh kebanyakan lokasi ini ialah penyelenggaraan, keselamatan dan kemudahan jalan raya. Melangkah ke hadapan, kemampunan alam sekitar dan landskap sekitar mestilah diimbangi dengan teliti apabila mewujudkan lokasi baharu, selari dengan impak pertambahan pelancong kepada budaya orang tempatan.

Membangunkan Kelompok Ekopelancongan

Inisiatif pelancongan turut memberi fokus kepada pembangunan kelompok ekopelancongan. Pada tahun 2017, kawasan Taiping-Kuala Sepetang-Batu Kurau-Bukit Merah telah dikenal pasti sebagai lokasi yang akan dibangunkan sebagai kelompok ekopelancongan. Antara cadangan inisiatif untuk membangunkan kelompok ini termasuklah menambah baik papan tanda di lokasi ekopelancongan, meningkatkan kemahiran, memupuk perniagaan komuniti setempat dan mewujudkan program penyelidikan bagi pembangunan produk dan pemuliharaan. Inisiatif-inisiatif ini dijangka dapat memberikan manfaat kepada komuniti setempat melalui peningkatan aktiviti ekonomi yang dipacu oleh industri ekopelancongan.

Beberapa lokasi lain juga telah dikenal pasti sebagai kelompok ekopelancongan yang berpotensi, termasuklah Lanchang-Jerantut-Taman Negara (Pahang), Setiu-Merang-Penarik (Terengganu), Bako-Santubong-Semenggoh-Bau-Padawan (Sarawak)

dan Sandakan-Kinabatangan (Sabah). Untuk membangunkan kelompok ini, perbincangan telah diadakan bersama Unit Perancang Ekonomi Negeri untuk struktur pelaksanaan dan peluang konsesi projek. Perbincangan turut diadakan tentang pembangunan produk berpotensi yang terdapat di kelompok ekopelancongan, dan peranan yang dimainkan oleh pelbagai agensi yang terlibat.

Untuk memantau proses pembangunan ini, Kumpulan Penyelaras Destinasi Kelompok (Cluster Destination Coordination Group, CDCG) telah diwujudkan bagi kelompok Taiping-Kuala Sepetang-Batu Kurau-Bukit Merah. Lebih banyak CDCG bakal diwujudkan untuk mengurus kemajuan kelompok ekopelancongan di Pahang, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Untuk memastikan perkembangan di Malaysia sejajar dengan trend ekopelancongan global dan memastikan kemampunan, MOTAC telah menghasilkan Pelan Ekopelancongan Kebangsaan (National Ecotourism Plan, NEP) 2016-2025. Pelan ini merangkumi kerjasama antara Kerajaan, sektor swasta dan komuniti setempat, dengan fokus khusus terhadap bidang seperti pelaburan, konsesi pelancongan, sinergi antara ekopelancongan dan pemuliharaan, pemasaran dan promosi, dan pembangunan kelompok ekopelancongan. NEP akan bertindak sebagai platform untuk pembangunan mampan dan pemuliharaan lokasi ekopelancongan serta pengurangan tahap kemiskinan dan pemerasaan komuniti di Malaysia.



Pertumbuhan pelancongan pelayaran persiaran di Malaysia menjadi pemacu yang konsisten dalam industri pelancongan.



Pelancongan pelayaran persiaran

Pertumbuhan pelancongan pelayaran persiaran di Malaysia menjadi pemacu yang konsisten dalam industri pelancongan, dengan 471 ketibaan kapal persiaran antarabangsa di pelabuhan Malaysia yang membawa 924,885 penumpang ke pelabuhan utama negara. Ini membawa jumlah kapal persiaran yang telah berlabur di pelabuhan Malaysia kepada 599. Untuk meningkatkan kadar ketibaan penumpang, beberapa pembangunan baharu telah dirancang untuk memacu pertumbuhan sektor pelayaran persiaran dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelayaran persiaran.

Salah satu peserta utama industri, Kumpulan TUI telah menetapkan Langkawi sebagai pelabuhan pangkalannya pada tahun 2018. “TUI Discovery” akan berlabuh di Langkawi bermula pada Disember 2018 untuk memenuhi permintaan pasaran semasa musim dingin. Laluan kapal mereka termasuklah Langkawi, Pelabuhan Kelang, Melaka, Singapura, Koh Samui (Thailand), Laem Chabang (Thailand), Sihanoukville (Kemboja) dan Phu My (Vietnam). Berdasarkan jadual pelayaran persiaran, terdapat lapan pelayaran dengan 1,800 penumpang bagi setiap pelayaran.

Satu lagi peserta utama dalam industri pelayaran persiaran, Star Cruises juga telah meluaskan penawarannya dengan beberapa pilihan pelabuhan pangkalan dan penerbangan-pelayaran persiaran untuk memenuhi permintaan daripada pelancong Asia Tenggara dan rantau lain. Ini membolehkan mereka menyediakan laluan pelayaran dan jadual yang lebih fleksibel untuk memenuhi keperluan pelbagai pelanggan. Selain itu, dengan penetapan Pelabuhan Klang sebagai pelabuhan pangkalan Star Cruise, pelancong lebih mudah tiba dan berangkat melalui penerbangan dari Kuala Lumpur.

Royal Caribbean Cruises juga telah mengemukakan usul kepada Majlis Pelabuhan Pulau Pinang untuk meluaskan dermaga di Terminal Pelayaran Persiaran Port Swettenham untuk menyediakan ruang yang mencukupi bagi kapal persiaran yang lebih besar. Peluasan yang dicadangkan akan meliputi kerja memanjangkan jeti daripada 400 meter yang sedia ada kepada 688 meter. Pemanjangan ini akan membolehkan dua kapal persiaran mewah berlabuh secara serentak – setiap satunya boleh membawa 4,900 penumpang, iaitu peningkatan kapasiti jeti sedia ada yang membolehkan kapal persiaran yang membawa maksimum 3,000 penumpang setiap satu berlabuh. Pemanjangan ini termasuk ruang untuk bas persiaran menunggu dan mengambil penumpang yang menempah pakej kembara, selain akses yang lebih baik bagi warga emas dan orang kurang upaya.

MENCIPTA NILAI DARIPADA ACARA BESAR DAN ACARA PERNIAGAAN

Nilai industri acara besar melangkaui perbelanjaan untuk sewaan tempat, ia juga merangkumi industri sokongan seperti hospitaliti, hiburan dan makanan dan minuman (F&B), pengangkutan dan jualan runcit. Industri acara besar juga mempunyai nilai tidak ketara (*intangible*) yang strategik dalam memberikan pendedahan kepada pelawat acara dari seluruh dunia, yang mungkin berpotensi menjadi pelancong percutian malah juga pelabur di Malaysia.

Acara Berskala Besar

Dari tempoh tahun 2012 hingga 2017, acara berskala besar telah berjaya menyumbangkan RM3.17 bilion kepada ekonomi negara. Ini termasuk RM792.7 juta dalam perbelanjaan F&B dan hiburan, RM951 juta dalam perbelanjaan penginapan hotel dan RM951 juta dalam perbelanjaan runcit dan RM475.6 juta dari hasil-hasil lain. Antara destinasi acara paling popular di Malaysia termasuklah Kuala Lumpur, Georgetown, Langkawi dan Johor Bahru.

Pada tahun 2017, jumlah pelancong antarabangsa di acara berskala besar yang disokong oleh Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (Malaysia Convention & Exhibition Bureau, MyCEB) berjumlah 58,492 peserta antarabangsa. Acara-acara yang membantu melonjakkan nama Malaysia di peta dunia, termasuklah G-Dragon 2017 World Tour “Act III, M.O.T.T.E” di Kuala Lumpur pada September 2017 yang telah menarik seramai 8,813 pengunjung dengan jumlah perbelanjaan pelancong bernilai RM8.8 juta, dan Ed Sheeran Live in Malaysia pada November 2017 yang menarik kehadiran 12,956 penonton dengan jumlah perbelanjaan pelancong sebanyak RM12.8 juta. Di samping itu, acara sukan antarabangsa juga telah dianjurkan. Ironman® Malaysia dan Ironman® 70.3 Langkawi yang telah diadakan pada November 2017 berjaya menarik seramai 7,200 peserta dan penonton dengan jumlah perbelanjaan pelancong sebanyak RM22.3 juta. Satu lagi acara sukan antarabangsa, Viper Challenge Series 2017 pula berjaya menarik seramai 52,519 peserta dan penonton dan jumlah perbelanjaan pelancong sebanyak RM50.1 juta.

Di samping itu, beberapa acara muzik antarabangsa telah dianjurkan sepanjang tahun. Antaranya, Good Vibes Festival 2017 yang diadakan pada 12 hingga 13



Malaysia telah menganjurkan Ironman® Malaysia dan Ironman® 70.3 Langkawi pada November 2017.

Ogos berjaya menarik seramai 10,294 penonton dengan jumlah perbelanjaan pelancong sebanyak RM14.7 juta manakala K-Wave Music Festival yang diadakan pada 5 Ogos 2017 menarik kehadiran 14,672 penonton dengan jumlah perbelanjaan pelancong sebanyak RM14.97 juta.

Salah satu cabaran utama yang dihadapi oleh industri acara ialah pengurangan jumlah dana sokongan yang disediakan, iaitu peruntukan belanjawan daripada Kerajaan untuk acara antarabangsa. Ini berlaku meskipun segmen acara antarabangsa menjana pulangan ekonomi yang positif melalui manfaat ekonomi secara tidak langsung seperti penangguhan cukai, levi, GST dan perbelanjaan pelancong antarabangsa daripada acara yang dianjurkan di Malaysia. Untuk mengurangkan kesan rasionalisasi belanjawan, segmen acara antarabangsa telah menyesuaikan dan melaraskan fokus untuk menyokong lebih banyak acara yang memerlukan jumlah pelaburan yang lebih rendah daripada Kerajaan. Selain itu, acara yang dipilih perlu berupaya untuk menarik kehadiran peserta serantau. Pada masa ini, strategi utama Malaysia adalah untuk memenuhi kalendar dengan sebanyak mungkin acara dengan tujuan menawarkan kepelbagaian dan pilihan kepada bakal peserta serantau.

Untuk mencapai penyertaan dan pulangan yang tinggi dalam industri penganjuran acara, MyCEB akan mengenal pasti acara yang boleh menarik bilangan hadirin yang besar bagi setiap acara untuk menjana perolehan yang lebih tinggi. Contohnya, hanya konsert atau acara sukan yang mampu menarik lebih 10,000 hadirin dengan nisbah 3:1 (tempatan: antarabangsa) akan dipertimbangkan, untuk lokasi di Kuala Lumpur Sports City seperti Stadium Nasional Bukit Jalil dan Arena Axiata.

Acara Perniagaan

Dalam segmen acara perniagaan, MyCEB dan industri tempatan telah berjaya mendapatkan sejumlah 151 persidangan antarabangsa, kumpulan insentif dan acara pameran perdagangan setakat Disember 2017, yang berjumlah 381,342 bilangan hari delegasi, dengan anggaran nilai impak terhadap ekonomi sebanyak RM954 juta.

Antara acara utama yang telah dianjurkan termasuklah World Congress of the International Federation of Freight Forwarders Associations (FIATA) 2017 yang telah menarik 1,611 perwakilan dan Asia Pacific Life Insurance Congress (APLIC) 2017 yang mencatat jumlah delegasi seramai 4,563. Segmen kumpulan insentif juga turut menarik ramai delegasi, contohnya Amway Advance Sales & Marketing Training ke Malaysia yang telah membawa seramai 1,390 delegasi serta Babycare Leadership Summit 2017 yang telah membawa seramai 1,575 delegasi. Di samping itu, acara-acara seperti ini juga turut menyumbang kepada manfaat yang lebih besar kepada negara, seperti melonjakkan nama Malaysia sebagai antara destinasi utama untuk acara perniagaan, menggalakkan pemindahan pengetahuan di antara pakar antarabangsa dan peserta tempatan meningkatkan prospek perdagangan dan pelaburan serta mencatat sejarah untuk Malaysia.

Industri ini turut disokong oleh pengembangan komuniti persatuan Malaysia dengan penubuhan Pertubuhan Eksekutif Persatuan Malaysia (Malaysian Society of Association Executives) untuk memenuhi keperluan satu badan tunggal yang mengawal selia profesion eksekutif persatuan di Malaysia. Misi pertubuhan ini adalah untuk memajukan kewibawaan dan profesionalisme pertubuhan di Malaysia melalui khidmat sokongan, pendidikan dan nasihat.

Program pendidikan seperti Minggu Acara Perniagaan Malaysia dan Bengkel Bidaan turut diadakan sepanjang tahun untuk meningkatkan serta mengukuhkan kebolehan dan keupayaan industri tempatan. Inisiatif pembangunan kemahiran ini akan membolehkan industri acara perniagaan mencipta hasil transformasi dari segi peningkatan perbelanjaan bagi setiap pelancong selain menjana impak ekonomi yang lebih meluas untuk Malaysia.

Meskipun tahun 2017 menyaksikan impak positif bagi acara perniagaan dan segmen ini mempunyai potensi yang besar untuk menjana pendapatan bagi negara, lebih banyak usaha dan penekanan perlu dilakukan untuk menghasilkan sinergi yang lebih besar antara penganjur dengan Kementerian yang berkaitan dalam merealisasikan potensi manfaat sosioekonomi daripada acara perniagaan. MyCEB akan meneruskan kerjasama antara kementerian untuk mengenal pasti acara yang mampu memberikan sumbangan untuk mencapai matlamat NTP. Ini akan memastikan potensi peluang



kerjasama dan pembangunan perniagaan selaras dengan matlamat kementerian yang strategik.

Justeru, MyCEB telah membangunkan Hala Tuju Acara Perniagaan untuk memperkasakan pengetahuan dan ekonomi kreatif Malaysia. Pelan hala tuju ini menggariskan lima matlamat utama yang menginstitusikan platform bagi kerjasama dan sokongan pembangunan penganjur tempatan yang berkaliber.

- Meningkatkan pasaran Malaysia dengan ketara dalam konvensyen dan pameran yang dianjurkan di Asia Tenggara;
- Acara perniagaan akan memainkan peranan yang penting untuk merealisasikan sasaran 2020 untuk setiap Kementerian;
- Mencipta industri acara perniagaan yang paling profesional, berjaya dan mampan di Asia; dan
- Meningkatkan sumbangan acara perniagaan kepada KDNK negara, menghasilkan peluang pekerjaan dan hasil cukai dengan ketara
- Membantu rakyat Malaysia mengembangkan rangkaian pelaburan, perdagangan dan profesional global.

MyCEB akan turut memperkasakan Persatuan Penganjur dan Pembekal Konvensyen dan Pameran Malaysia (Malaysian Association of Convention and Exhibition Organisers and Suppliers, MACEOS) dan Majlis Industri Acara Perniagaan Malaysia yang baru ditubuhkan untuk menjadi penyokong tegar keperluan peserta acara perniagaan.



MyCEB telah membangunkan Hala Tuju Acara Perniagaan untuk memperkasakan pengetahuan dan ekonomi kreatif Malaysia.

MEMPERKUKUH PERHUBUNGAN PENGANGKUTAN UNTUK PELANCONG

Usaha untuk memperkukuhkan perhubungan pengangkutan untuk pelancong telah berjaya meningkatkan jaringan antara negara dan pasaran pelancong yang berpotensi. Setakat ini, sejumlah 158,682 tempat duduk setiap minggu telah diperoleh syarikat penerbangan Malaysia dari negara keutamaan yang dikenal pasti termasuk China, India, Australia, Jepun, Republik Korea dan Taiwan.

“Kerajaan akan mengadakan perbincangan dua hala berterusan dengan negara-negara sasaran yang berpotensi, khususnya untuk memanfaatkan Kumpulan Kerja Pengangkutan Udara ASEAN (ASEAN Air Transport Working Group, ASEAN ATWG) sebagai platform untuk membincangkan pengaturan perkhidmatan udara yang lebih liberal.”

Salah satu peristiwa yang menyerlah pada tahun 2017 ialah Perjanjian Perkhidmatan Udara (Air Service Agreement, ASA) baharu yang ditandatangani dengan Kerajaan India semasa lawatan YAB Perdana Menteri ke India pada 30 Mac hingga 4 April 2017. Sebanyak 1,861 tempat duduk tambahan telah diperoleh, menjadikan jumlah 22,531 tempat duduk setiap minggu ke enam bandar utama di India, iaitu Delhi, Kolkata, Mumbai, Chennai, Bangalore dan Hyderabad. Syarikat penerbangan tertentu dari Malaysia akan turut dibenarkan menyertai perjanjian perkongsian kod domestik dengan syarikat penerbangan India yang tertentu.

Perbincangan akan terus diadakan dengan India untuk memperoleh hak penerbangan tambahan. Ini termasuklah cadangan untuk menambahkan lapan bandar tier kedua kepada 18 bandar yang sedia ada. Bandar tambahan ini ialah Coimbatore, Pune, Madurai, Vijayawada, Mangalore, Surat, Chandigarh dan Srinagar.

Menjadikan Malaysia Destinasi Persidangan Antarabangsa

Persidangan-persidangan antarabangsa yang diadakan di Malaysia mempunyai impak yang lebih besar dari sekadar pelancongan. Persidangan-persidangan ini bertindak sebagai pemangkin transformasi, membantu menggalakkan perkembangan negara dalam pelbagai aspek termasuk melalui pemindahan pengetahuan, perangkaian (networking), pendedahan global dan menerajui isu-isu penting dan amalan-amalan terbaik. Oleh itu, Biro Konvensyen dan Pameran Malaysia (Malaysia Convention and Exhibition Bureau, MyCEB) telah bekerjasama dengan beberapa Kementerian untuk membawa masuk persidangan-persidangan yang membantu mereka mencapai matlamat-matlamat Kementerian.

MyCEB bekerjasama dengan beberapa Kementerian dan persatuan utama bagi mengenal pasti dan membida untuk persidangan-persidangan yang selari dengan matlamat dan keperluan pembangunan negara. "Strategi kami adalah untuk membawa masuk acara-acara yang berkaitan dengan bidang-bidang tumpuan Malaysia," kata Datuk Zulkefli Hj Sharif, Ketua Pegawai Eksekutif MyCEB.

Malaysia telah berjaya membawa masuk beberapa persidangan antarabangsa yang besar pada tahun 2017, hasil usaha agresif Kerajaan yang membida untuk acara-acara berprofil tinggi. Persidangan-persidangan besar yang diadakan di Malaysia pada tahun tersebut termasuklah International Federation of Freight Forwarders Associations' (FIATA) World Congress, International Forum on Quality and Safety in Healthcare Asia 2017 dan Asia-Pacific Retailers Convention and Exhibition (APRCE) 2017.

Dengan meneruskan momentum ini, tahun 2018 dijangka akan menjadi tahun yang lebih menyerlah untuk Malaysia



Tahun 2018 dijangka akan menjadi tahun yang lebih menyerlah untuk Malaysia dengan sebilangan persidangan dunia yang telah dijadualkan.

dengan sebilangan persidangan dunia yang telah dijadualkan, kebanyakannya hasil inisiatif-inisiatif NKEA Pelancongan, serta sokongan padu daripada Kerajaan. World Urban Forum Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu akan memulakan tahun 2018, mewakili persidangan global perdana bagi pembangunan bandar yang mampan. MyCEB telah bekerjasama dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk membawakan persidangan tersebut ke Kuala Lumpur.

Acara-acara lain dalam kalendar tahun 2018 termasuklah World Cancer Congress yang akan menonjolkan Malaysia sebagai tuan rumah antarabangsa dan World Chef Congress, di mana Kuala Lumpur mewakili rantau Asia di peringkat global dan memenangi hak untuk menjadi tuan rumah acara tersebut, mengatasi bandar-bandar berprofil tinggi yang turut bertanding seperti Vancouver, Kanada. Malaysia juga akan menganjurkan World Library and Information Congress 2018 dan International Solid Waste Association World Congress.

Memandangkan kini persidangan memainkan peranan yang semakin penting kepada perkembangan negara, MyCEB juga merekodkan hasil-hasil selain daripada statistik biasa seperti kedatangan dan perbelanjaan pelancong. Hasil-hasil tersebut termasuklah jumlah piagam dan Perjanjian Persefahaman yang ditandatangani, legasi yang ditinggalkan dan perjanjian perniagaan yang dimeterai.

Namun, masih banyak yang masih perlu dilakukan, termasuklah kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi membida untuk persidangan-persidangan utama. Jika dimanfaatkan sepenuhnya, negara akan memperoleh manfaat nasional yang besar apabila menjadi tuan rumah kepada pelbagai persidangan dan pameran antarabangsa.



International Federation of Freight Forwarders Associations' (FIATA) World Congress telah dianjurkan di Malaysia pada Oktober 2017.



Persidangan dan pameran dianggap aktiviti yang amat strategik di sesetengah negara. Negara Thailand, sebagai contoh, meletakkan biro yang setaraf dengan MyCEB iaitu Thailand Convention and Exhibition Bureau (TCEB) di bawah Jabatan Perdana Menteri, kata Datuk Zulkefli. Manfaat penganjuran acara-acara seperti ini adalah besar. Pertama, negara tuan rumah akan ditonjolkan dan dapat mempamerkan kelebihanannya. Tambahan lagi, pemindahan pengetahuan dapat berlaku apabila para cendekiawan, termasuk pemenang Anugerah Nobel, bertemu dan berinteraksi dengan warga tempatan. Destinasi persidangan tersebut juga menjadi sebuah legasi.

MyCEB yang ditubuhkan seiring dengan salah satu sasaran NTP untuk menjadikan Malaysia destinasi utama bagi acara dan persidangan telah mengusahakan beberapa inisiatif untuk meningkatkan daya saing negara dalam sektor ini. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah membawa tahap profesionalisme persatuan-persatuan dalam industri ini ke tahap lebih tinggi melalui Malaysia Society of Association Executives serta program Kesatria yang mengenal pasti pakar-pakar terkenal dan pihak-pihak berkuasa untuk menjadi 'duta' negara bagi membantu meningkatkan daya tarik Malaysia untuk menjadi tuan rumah sesuatu acara. MyCEB juga telah menghasilkan Pelan Tindakan Acara-Acara Perniagaan Malaysia untuk membantu memposisikan Malaysia sebagai hab acara-acara perniagaan di Asia.

Kini, kelebihan menjadi tuan rumah persidangan global juga mula disedari oleh lebih banyak negara dan ini bermakna Malaysia akan menghadapi persaingan yang lebih sengit.

Oleh itu, penganjur-penganjur persidangan juga mengambil kira pelbagai faktor lain selain daripada keperluan biasa.

"Mereka bukan sahaja melihat pada kecantikan alam negara atau sama ada negara tersebut mempunyai lapangan terbang yang baik," kata Datuk Zulkifli. "Keselamatan negara itu juga sangat penting."

Datuk Zulkifli juga menambah bahawa Malaysia perlu membina dan membuka laluan kepada ruang dan tempat yang lebih ikonik dan unik untuk meningkatkan daya saing negara ini.

Beliau menyatakan bahawa para delegasi yang datang ke negara ini ingin menikmati keistimewaan yang ditawarkan oleh negara tuan rumah. Sebagai contoh, para delegasi menikmati makan malam di Tembok Besar China ketika menghadiri persidangan di Beijing, di Sydney pula, makan malam disediakan di luar Sydney Opera House.

"Persaingan adalah sangat sengit sekarang kerana para penganjur persidangan ingin menawarkan pengalaman yang tidak dapat dibeli dengan wang," kata beliau. "Semua negara kini bersaing untuk menawarkan keistimewaan masing-masing bagi memenangi hak menjadi tuan rumah. Oleh itu, untuk berjaya merebut hak tersebut, kerjasama seluruh negara negara diperlukan, dari pihak imigresen, pihak berkuasa tempatan, sehinggalah hotel, semuanya perlu bersatu. Kerjasama antara jabatan dan agensi juga perlu dipertingkatkan kerana kita tidak boleh bekerja secara berasingan."



Malaysia perlu menyediakan ruang dan tempat yang lebih ikonik untuk meningkatkan daya saing negara ini.

Melonjakkan Pelancongan Melaka ke Tahap Lebih Tinggi

Visi Datuk Wira Boo Kuang Loon untuk menaikkan status Melaka sebagai destinasi pelancongan ke tahap yang baru kini semakin hampir menjadi realiti dengan penyiapan Encore Melaka yang dijangka pada suku kedua tahun 2018.

Encore Melaka merupakan pementasan teater secara langsung bertaraf dunia yang telah dipersembahkan secara eksklusif di China selama lebih 10 tahun sebagai sebahagian daripada siri Impressions persembahan. Melaka telah mengatasi 150 buah bandar di seluruh dunia untuk merebut peluang menjadi tuan rumah pementasan Impression yang pertama di luar negara China.

Apabila siap kelak, Encore Melaka dijangka akan menarik lebih satu juta penonton setiap tahun serta memeriahkan lagi latar budaya Melaka dan menjana industri kreatif tempatan melalui pembukaan peluang pekerjaan dan latihan untuk para penggiat seni tempatan, selain pemindahan teknologi dan pengetahuan. Teater Encore Melaka dijangka akan menjadi auditorium berputar 360-darjah yang pertama di Asia Tenggara dengan teknologi audio dan pencahayaan yang canggih.


Datuk Wira Boo, Ketua Pegawai Eksekutif Yong Tai, yang merupakan pemaju Impression Series-Encore Melaka, berkata projek tersebut akan meningkatkan standard pelancongan di Melaka, bukan sahaja dari segi lokasi, tetapi juga perkhidmatan.




“Impression Series-Encore Melaka adalah sebuah teater yang dibina khas dan tiada tandingan di rantau ini,” ujar beliau. “Apa yang kami tawarkan bukan sahaja kualiti dari segi peralatan seperti audio dan pencahayaan, tetapi juga perisiannya – keunikan persembahan budaya.”

Tambah beliau, Impression Series-Encore Melaka ialah sebahagian daripada Impression City yang telah dirancang rapi bagi memastikan kualiti perkhidmatannya setanding dengan standard global.

“Kami ingin menetapkan standard bagi perkhidmatan pelanggan yang cemerlang. Pengunjung-pengunjung akan dapat menikmati keindahan budaya tempatan secara visual, di samping lebih memahami Melaka dan pembentukan negara Malaysia yang moden,” kata beliau.



Encore Melaka dijangka akan menarik lebih satu juta penonton setiap tahun.



Encore Melaka ditempatkan di lokasi yang tidak jauh dari bandar dan dapat memberikan pemandangan Selat Melaka.

Datuk Wira Boo menambah, walaupun Impression Series-Encore Melaka berasal dari negara China, pementasan ini akan menampilkan “suara sebenar” masyarakat Melaka.

“Persembahan Impression Series-Encore Melaka ialah sebuah persembahan budaya yang menampilkan masyarakat yang meraikan kepelbagaian dan mengekalkan keharmonian,” tambah beliau. “Kaya dengan kepelbagaian dan inklusif, Melaka menawarkan persekitaran aman yang mengalu-alukan integrasi pelbagai etnik.”

Usaha untuk menjadi tuan rumah kepada persembahan yang terkemuka ini amat mencabar dan perancangannya mengambil masa bertahun-tahun. Bermula dengan surat rasmi kepada pihak Impression di China, yang disusuli oleh pelbagai penilaian yang terperinci dan lawatan ke China sebelum berjaya meyakinkan pihak Impression China untuk mengadakan persembahan antarabangsa pertama mereka di Melaka.

Kerajaan Malaysia turut memainkan peranan yang penting dalam pembangunan Impression Series-Encore Melaka dengan menawarkan Elaun Cukai Pelaburan serta geran-geran latihan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Geran-geran latihan ini diperuntukkan untuk melatih para penggiat seni tempatan dan merangkumi yuran latihan, perbelanjaan peralatan audio visual, sewa tapak serta dana untuk menampung perbelanjaan-perbelanjaan lain.

Sementara itu, kompleks pelancongan Impression City pula menawarkan gabungan tarikan hiburan, beli-belah, jamu selera, seni, budaya dan gaya hidup yang sesuai untuk para pengunjung tempatan dan pelancong. Kompleks tersebut dijangka akan menarik sejumlah 16 juta pelancong setiap tahun.

“Pelan induk Impression City diilhamkan daripada unsur-unsur alam sekitar dan kehidupan. Impression Series-Encore Melaka berada di pusat Impression City – mewakili matahari yang merupakan pusat sistem solar dalam falsafah pembangunan kami,” kata Datuk Wira Boo.

Antara cabaran yang dihadapi semasa pembangunannya termasuklah mengenal pasti lokasi yang sesuai untuk teater tersebut, iaitu tidak terlalu jauh dari bandar tetapi dapat memberikan pemandangan Selat Melaka yang indah. Datuk Wira Boo juga berkata perhatian tambahan perlu diberikan semasa tempoh pembinaan kerana reka bentuk luaran dan dalaman teater tersebut yang amat unik.

Tambah beliau lagi, penekanan dalam mempertingkatkan pengalaman pengunjung adalah penting jika Malaysia ingin meningkatkan keupayaannya dalam membangunkan tarikan-tarikan pelancong yang bertaraf dunia.

“Antara pertimbangan utama yang perlu diberi perhatian ialah kualiti infrastruktur perkhidmatan, keadaan kebersihan dan keselamatan,” kata beliau. “Kita perlu bekerjasama dengan penasihat-penasihat tempatan dan antarabangsa untuk menyemak dan merangka standard-standard industri.”



Usaha untuk memperkuat perhubungan pengangkutan untuk pelancong telah berjaya meningkatkan jaringan antara negara dan pasaran pelancong yang berpotensi.

Pada tahun ini, Kerajaan turut memohon hak penerbangan tambahan ke Australia, khususnya ke empat bandar utama. Hak penerbangan tambahan ke Australia akan meningkatkan perjalanan dan trafik antara kedua-dua negara dengan melonjakkan kapasiti tempat duduk setiap minggu.

Untuk terus meluaskan jaringan global Malaysia, Kerajaan akan mengadakan perbincangan dua hala berterusan dengan negara-negara sasaran yang berpotensi, khususnya untuk memanfaatkan Kumpulan Kerja Pengangkutan Udara ASEAN (ASEAN Air Transport Working Group, ASEAN ATWG) sebagai platform untuk membincangkan pengaturan perkhidmatan udara yang lebih liberal dengan negara-negara berkaitan. Walau bagaimanapun, rundingan tidak selalu dapat dijalankan dengan jelas dan mudah memandangkan setiap negara mempunyai dasar polisi dan kekangan yang berlainan berhubung dengan perancangan perkhidmatan udara.

Isu operasi dalam peruntukan slot, kekangan kapasiti lapangan terbang, slot dan hak penerbangan yang dihadapi oleh syarikat penerbangan Malaysia yang beroperasi di China dan Jepun, mungkin membantutkan keupayaan syarikat penerbangan Malaysia untuk mengakses pasaran ini dan menarik lebih ramai pelancongan dari negara-negara ini ke Malaysia untuk menangani isu tersebut. Kerajaan akan terus memudahkan cara syarikat penerbangan Malaysia yang tertentu ke rantau ini untuk membangunkan pasaran.

Malaysia, sebagai sebahagian daripada ASEAN, telah menganjurkan perbincangan tinjauan berhubung dengan perjanjian perkhidmatan udara antara Republik Korea dengan ASEAN pada 11 Oktober 2017 di Singapura. Ini merupakan perbincangan awal sebelum perbincangan

udara rasmi diadakan antara kedua-dua pihak. Kerajaan turut bersidang dengan negara-negara terbabit semasa Acara Rundingan Perkhidmatan Udara ICAO ke-10 (10th ICAO Air Services Negotiation Event, ICAN2017) yang diadakan di Colombo, Sri Lanka dari 4 hingga 8 Disember 2017. Ini membuktikan usaha berterusan untuk meliberalisasikan pengaturan perkhidmatan udara dan mendapatkan hak trafik tambahan ke negara-negara seperti Australia dan India, dengan penambahan sebanyak 3,500 kapasiti tempat duduk mingguan ke empat bandar utama di Australia. Satu lagi rundingan yang telah dirancang, iaitu Mesyuarat Perjanjian Perkhidmatan Udara Serantau (Regional Air Service Agreement, RASA) ASEAN-Jepun akan diadakan pada awal tahun 2018.

Untuk meningkatkan lagi ketibaan pelancong antarabangsa, promosi pelancongan perlu dipertingkatkan, khususnya ke China dan India, memandangkan kebanyakan syarikat penerbangan Malaysia kini tertumpu kepada dua pasaran besar ini. Sehubungan dengan itu, Tourism Malaysia telah menjalin kerjasama secara intensif dengan peserta industri untuk menghasilkan pakej khas ke Malaysia, dan menyertai beberapa promosi bersama dengan syarikat penerbangan asing seperti Singapore Airlines, Etihad Airways, Emirates dan Air Asia X untuk menarik ketibaan pelancong ke negara kita. Selain itu, syarikat penerbangan dan pengendali pelancongan digalakkan untuk menawarkan perkhidmatan penerbangan sewa khas dari bandar tier kedua atau ketiga khususnya dari China, Taiwan, Jepun dan Republik Korea ke destinasi baharu seperti pantai timur Malaysia, Johor Bahru dan Kuching. Tourism Malaysia juga menjalankan promosi bersasaran untuk menarik pelancong bernilai tinggi dengan menumpukan kepada segmen acara besar dan acara perniagaan, ekopelancongan dan beli-belah.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Dengan matlamat untuk mencatat sejumlah 36 juta ketibaan pelancong dan sumbangan PNK sebanyak RM104 bilion menjelang tahun 2020, sektor ini mesti terus melaksanakan inisiatif penjana perubahan.

Beberapa inisiatif daripada Makmal Pelancongan 2.0 telah dikenal pasti pada tahun 2016 yang mempunyai potensi untuk memacu pencapaian sasaran 2020. Selain inisiatif yang sedang dilaksanakan, seperti fokus terhadap acara perniagaan dan berskala besar, MOTAC akan terus menyusun strategi yang terbaik untuk melancarkan sektor kebitaraan yang telah dikenal pasti dalam makmal, termasuk aktiviti menyelam, pelancaran Urutan Malaysia ke seluruh negara serta inisiatif untuk kebudayaan dan kraf.

Sebagai sebahagian usaha berterusan MOTAC untuk memacu kemajuan dalam sektor pelancongan, satu kajian dasar yang baharu sedang dijalankan. Kajian Dasar Pelancongan Negara 2020-2050 sedang dalam proses perumusan dan pengkajian semula secara menyeluruh ke atas semua pelan dan dasar sedia ada yang berkaitan dengan sektor pelancongan di Malaysia. Pendekatan dua serampang digunakan: pertama, menyediakan hala tuju strategik yang menetapkan sasaran yang jelas untuk memantapkan dan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelancongan terunggul; kedua, mentransformasikan industri kepada persekitaran yang lebih mesra perniagaan untuk merangsang penglibatan perkongsian awam-swasta dalam pembangunan sektor ini.

Laporan akhir dijangka siap pada bulan Jun 2018. Setelah itu, kajian ini akan menjadi asas penyediaan rangka tindakan bagi pembangunan pelancongan di Malaysia dari tahun 2020 hingga 2050, dan lebih penting lagi, akan mengenal pasti sasaran baharu dari aspek perolehan ketibaan pelancong dan keperluan tenaga manusia dalam sektor menjelang tahun 2030.

Dari segi pemasaran dan promosi, Tourism Malaysia akan terus memaksimumkan impak daripada kempen promosi global dengan mengintegrasikan inisiatif-inisiatif berkaitan di bawah Kementerian lain seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi, MIDA dan MATRADE dalam usaha mereka untuk meningkatkan daya tarikan Malaysia di mata dunia. Selain itu, usaha untuk mempromosikan Malaysia sebagai lokasi penggambaran filem, dokumentari dan program rancangan realiti kepada studio dan stesen televisyen antarabangsa akan terus dipergiatkan. Selari dengan trend semasa, platform digital dan juga media sosial akan dijadikan sebagai medium utama untuk kempen promosi, publisiti dan juga pengiklanan mengenai pelancongan ke Malaysia.



ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK



**MENGINOVASI PEMBUATAN
BERNILAI TINGGI**

**YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Sektor elektrik dan elektronik (E&E) terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan perindustrian di Malaysia dan menyumbang kepada penciptaan peluang perniagaan serta pekerjaan baharu. Sumbangan PNK dari sektor E&E telah meningkat kepada RM63.4 bilion pada tahun 2017, berbanding dengan RM38.7 bilion pada tahun 2009. Malaysia merupakan pengeksport produk E&E ketujuh terbesar di dunia dengan nilai eksport sebanyak RM343.0 bilion, yang membentuk 36.7% keseluruhan eksport negara pada tahun 2017. Tambahan, industri ini turut melihat trend peningkatan eksport sejak empat tahun yang lalu dan merupakan satu-satunya industri yang mempunyai lebih dagangan empat tahun berturut-turut dari tahun 2014 hingga 2017. Kini, destinasi eksport utama produk E&E Malaysia termasuklah Singapura, China dan Amerika Syarikat.

Dalam persediaan untuk menghadapi revolusi digital global, sebuah Jawatankuasa Tertinggi (High Level Task Force, HLTF) yang dipengerusikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah dibentuk untuk menerajui penggubalan Pelan Tindakan Industri 4.0 Kebangsaan dengan mempertimbang dan mengambil kira maklum balas dari sektor awam dan swasta. Pelan tindakan ini telah mengenal pasti E&E sebagai bidang keutamaan.

Dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 2017, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) telah meluluskan 91 projek E&E dengan jumlah pelaburan sebanyak RM9 bilion. Daripada jumlah ini, 17 ialah projek baru dengan pelaburan berjumlah RM1.2 bilion, manakala 74 ialah projek pengembangan dan kepelbagaian dengan pelaburan berjumlah RM7.8 bilion. Pelaburan asing menyumbang sebanyak 86%, atau RM7.8 bilion manakala pelaburan domestik berjumlah sebanyak 13% atau RM1.2 bilion.

Kebanyakan pelaburan E&E melibatkan aktiviti pengembangan dan kepelbagaian dalam pembuatan produk diod pemancar cahaya (LED), perkakas rumah, wafer, sel dan modul solar, maka ini membolehkan Malaysia merealisasikan visi untuk beralih ke arah aktiviti hulu yang lebih bernilai. Industri ini dijangka akan menjana 9,238 peluang pekerjaan baharu.

Oleh yang sedemikian, Collaborative Research Engineering for Science and Technology (CREST) menyediakan platform yang kondusif untuk industri, para ilmiah serta Kerajaan untuk bekerjasama demi memupuk inovasi dan aktiviti penyelidikan. Pada tahun 2017, 11 projek baru yang berjumlah RM16.1 juta telah diluluskan dengan komitmen daripada CREST, sektor swasta dan universiti. Projek-projek ini dijangka akan menghasilkan reka cipta berkualiti tinggi untuk pengkomersialan. Di samping itu, 11 projek telah berjaya disiapkan di mana satu harta intelek (IP) didaftarkan dan satu lesen sumber terbuka dicipta. Sejak penubuhannya pada tahun 2012, CREST telah berjaya melahirkan 57 siswazah dengan unjuran pendapatan keseluruhan sebanyak RM16.2 juta dari tahun 2017 hingga 2022.

MITI kini giat bekerjasama dengan MIDA untuk menubuhkan Pusat Inovasi Pembuatan (Manufacturing Innovation Centre, MIC) untuk sektor E&E bagi menangani isu-isu berkaitan modal insan, pekerja asing, penerimaan teknologi, perbelanjaan R&D yang rendah dan kekurangan ekosistem yang kukuh. Usaha-usaha ini membuktikan komitmen MITI dalam memacu industri ini ke arah Industri 4.0 untuk memastikan Malaysia kekal berdaya saing dalam arena global.



YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

NTP terus memberi penekanan kepada peranan sektor elektrik dan elektronik (E&E) kerana sumbangannya kepada pembangunan sosioekonomi negara ini. Sehubungan itu, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama agensi-agensinya; MIMOS Berhad, SIRIM Berhad dan NanoMalaysia Berhad terus aktif dalam memainkan peranan mereka untuk mencergaskan sektor ini bagi menggalakkan pelaburan dan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Setakat tahun 2017, MIMOS telah berjaya menubuhkan platform perkongsian perkhidmatan untuk perkhidmatan analitikal termaju dalam industri semikonduktor. Buat masa ini, platform ini digunakan oleh lebih daripada 300 buah syarikat. Kemudahan yang disediakan ternyata sangat bermanfaat dalam menampung keperluan perniagaan dan industri, seperti yang terbukti melalui peningkatan eksport E&E dari RM249.8 bilion pada tahun 2010 kepada RM343.0 bilion pada tahun 2017. Selain itu, kemudahan tersebut juga telah membantu membangunkan ekonomi berasaskan pengetahuan dengan membolehkan para penyelidik dan saintis tempatan menghasilkan ciptaan yang lebih berkualiti tinggi bagi membolehkan mereka bersaing dalam arena global. Malaysia akan terus bergerak maju melalui peningkatan usaha sama dengan rakan kongsi antarabangsa dan pengiktirafan kemudahan yang menepati piawaian untuk penerimaan pasaran global.

NanoMalaysia Berhad, dalam menerajui penerimaan nanoteknologi oleh pemain sektor E&E, telah membantu dalam pembangunan dua produk inovatif pada tahun 2017 iaitu backup-storage graphene-based quantum cells (BSGQC) dan diod pemancar cahaya (LED) yang berasaskan substrat copper-based carbon nanotube (Cu-CNT).

Kejayaan pengkomersialan produk-produk ini dalam rangka masa NKEA yang digariskan akan meningkatkan

lagi kemampuan negara dalam penyimpanan tenaga untuk ekonomi yang berlandaskan tenaga solar pada masa hadapan. Untuk mempertingkatkan penerimaan BSGQC, usaha sama dengan syarikat tenaga solar dan pengendali telekomunikasi untuk melaksanakan percubaan lapangan penuh bagi BSGQC akan dirancang. Teknologi ini akan merevolusikan sektor tenaga dalam ekosistem E&E dengan mencipta platform teknologi sokongan bagi memenuhi keperluan tenaga pada masa hadapan di samping mengawal impak sektor ini kepada perubahan iklim.

Dalam menyediakan persekitaran yang memperkasa pemain industri, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS), dalam rantai nilai reka bentuk pembuatan, Pusat Reka Bentuk Eko-Perindustrian (EIDC) SIRIM terus menawarkan bantuan yang diperlukan. Malah, EIDC membantu firma tempatan dalam pengeluaran produk-produk mesra alam sekitar melalui eko-inovasi di samping meningkatkan kebolehan mereka untuk persaingan global.

Dalam usaha menangani cabaran yang akan datang, terutamanya dari segi buruh, automasi akan menjadi teknologi utama yang diguna pakai. SIRIM akan mengamalkan Industri 4.0 dengan memperkasa penerimaan pemain industri tempatan dalam teknologi pembuatan tambahan untuk meningkatkan keupayaan pengeluaran sektor ini melalui cadangan untuk menubuhkan Additive Manufacturing Demonstration Centre (AMDC).



TERUS MARA DENGAN SEMIKONDUKTOR

Malaysia mempunyai sejarah yang panjang dalam industri semikonduktor. Pada awalnya, aktiviti bertumpu kepada spektrum nilai tambahan rendah seperti pengujian dan pemasangan. Di bawah NTP, sektor ini telah beralih kepada fabrikasi semikonduktor teknologi matang dan berkembang kepada aktiviti-aktiviti nilai tambahan tinggi seperti pembungkusan lanjutan dan reka bentuk litar bersepadu (IC).

Rantaian Nilai Semikonduktor	Reka Bentuk dan R&D IC	Pembuatan dan Fabrikasi	Pembungkusan Lanjutan, Pemasangan dan Pengujian	Penjualan dan Pendedaran
Syarikat	• Pengeluar peranti bersepadu (IDM) • Syarikat tanpa fab • Syarikat pereka IC	• Foundri	• Syarikat pembungkusan lanjutan • Syarikat pemasangan dan pengujian sumber luar (OSAT)	• Pengeluar peralatan tulen (OEM) • Pengeluar reka bentuk tulen (ODM)
Industri Sokongan	• Syarikat automasi reka bentuk elektronik (EDA) • Syarikat harta intelek (IP)	• Pembekal peralatan khusus • Pembekal bahan kimia dan wafer mentah	• Pengeluar peralatan pengujian automatik (ATE) • Pembekal bahan pembungkusan dan kerangka plumbum	• Penyedia perkhidmatan pembuatan elektronik (EMS) • Pembekal peralatan

Rantaian nilai industri semikonduktor dan litar bersepadu (IC).

Menguatkan sektor fabrikasi wafer semikonduktor

Untuk mengukuhkan ekosistem elektrik dan elektronik (E&E) di Malaysia, terutamanya dalam industri semikonduktor, Persatuan Fabrikasi Semikonduktor Malaysia (Semiconductor Fabrication Association of Malaysia, SFAM) telah ditubuhkan pada tahun 2012. SFAM merupakan persatuan industri bagi syarikat yang menghasilkan wafer semikonduktor di Malaysia yang memainkan peranan sebagai badan rujukan untuk rakan kongsi fabrikasi wafer sedia ada dan akan datang di Malaysia dan menjadi wakil dalam perhubungan dengan pihak-pihak berkepentingan di peringkat tempatan dan global. SFAM yang dinaungi oleh presidennya Dato' Peter Halm dirasmikan pada 25 April 2017 di SEMICON Asia Tenggara dan dianggotai oleh X-FAB, Silterra, ON Semiconductor, OSRAM Opto Semiconductor, MIMOS Semiconductor, Infineon Technologies dan Fuji Electric. Anggota-anggota bersekutunya termasuklah Pusat Latihan Teknologi Tinggi (Advanced Technology Training Centre, ADTEC) Kulim dan Pusat Kecemerlangan Elektronik Bersepadu NCER berasaskan MEMS Pelbagai Disiplin Maju (Advanced Multidisciplinary MEMS-Based Integrated Electronic NCER Centre of Excellence, AMBIENCE), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP).

SFAM menyediakan khidmat nasihat berkenaan infrastruktur serta kualiti bekalan air dan jaminan bekalan elektrik, selain mempromosikan penandaan aras pelepasan industri dan had pelepasan berdasarkan piawaian global. Selain itu, SFAM turut memudah cara pembangunan industri semikonduktor dengan memperluas pangkalan pengeluar tempatan untuk menyokong aktiviti fabrikasi wafer. Terkini, persatuan tersebut mengambil bahagian dalam Nexus Produktiviti E&E bagi mempromosikan automasi dan Industri 4.0.

Dalam aspek pembangunan modal insan pula, SFAM bekerjasama dengan institut-institut pengajian seperti UniMAP, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Kuala Lumpur (UniKL) untuk menambah baik kurikulum kejuruteraan, sains dan teknologi, selain menyediakan program latihan untuk siswa serta membuka peluang penyelidikan untuk pelajar pascasiswazah dan para pensyarah. Sebagai contoh, Silterra, salah satu daripada ahli SFAM telah mengupah 180 pelatih pada tahun 2016 dan 2017. SFAM dan MIMOS juga telah membangunkan sebuah kurikulum untuk latihan semikonduktor bagi industri fabrikasi wafer.

SFAM juga bekerja rapat dengan agensi-agensi yang berkenaan seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Perbadanan Bakat Malaysia Berhad (TalentCorp) untuk mempercepat prosedur imigresen bagi menyokong keperluan kepakaran teknologi tinggi dalam industri fabrikasi wafer. Selain itu, bagi juruteknik berpengalaman, SFAM bekerjasama dengan politeknik dan pusat-pusat latihan bagi menyediakan program peningkatan kemahiran untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Antara Institusi yang terlibat ialah Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah (PTSB) Kulim, Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS) Jitra, ADTEC Kulim, ADTEC Taiping, dan Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah (KISMEC).

Menyokong fabrikasi wafer melalui makmal perkhidmatan analitikal termaju

Makmal Perkhidmatan Analitikal Termaju MIMOS menyokong industri fabrikasi wafer dengan memenuhi keperluan perkhidmatan analitikal. Setakat ini, lebih daripada 300 buah syarikat menggunakan perkongsian perkhidmatan analitikal nilai tambahan makmal tersebut, manakala lebih daripada 600 perkhidmatan telah diberikan kepada industri dalam analisis kegagalan dan bahan pada tahun 2017. Kewujudan infrastruktur lengkap bagi kebolehan analitikal termaju di Malaysia meningkatkan daya saing global negara, mengurangkan kebergantungan domestik terhadap perkhidmatan makmal negara asing, dan menurunkan kos serta tempoh pusing balik.

Walau bagaimanapun, kemajuan teknologi telah mewujudkan keperluan untuk peningkatan berterusan bagi membolehkan makmal tersebut terus mengikuti amalan Industri 4.0. Persaingan daripada perkhidmatan serantau dan global adalah tinggi, dan hal ini memerlukan makmal tersebut untuk terus menginovasi sistem, proses dan penawarannya untuk memenuhi permintaan dengan lebih baik.

Untuk menangani cabaran tersebut, makmal ini berusaha untuk menjalin kerjasama yang sama menguntungkan dengan institut penyelidikan dan syarikat-syarikat global seperti Interuniversity Microelectronics Centre (IMEC) Belgium, Institut Penyelidikan Teknologi Industri (Industrial Technology Research Institute, ITRI) Taiwan dan Institut Penyelidikan Elektronik dan Telekomunikasi (Electronics and Telecommunications Research Institute, ETRI) Korea, di samping mendapatkan dan mengekalkan pengiktirafan kemudahannya dengan ISO/IEC 17025, ISO 9001 dan piawaian lain untuk meningkatkan penerimaan pasaran global. Selain itu, disebabkan kebanyakan syarikat E&E teletak di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Northern Corridor Economic Region, NCER), termasuklah Taman Teknologi Tinggi Kulim (Kulim Hi-Tech Park, KHTP) di Kedah dan Kawasan Perindustrian

Bebas Bayan Lepas di Pulau Pinang, terdapat keperluan untuk menempatkan sebahagian daripada perkhidmatan makmal dan kebolehan penyelidikannya di wilayah utara bagi mengurangkan tempoh pusing balik.

Membangunkan reka bentuk litar bersepadu

Dalam bidang motor segerak magnet kekal (permanent magnet synchronous motors, PMSM), MIMOS dengan kerjasama firma-firma tempatan, My Technology dan Emerald Systems telah memperkenalkan Pengawal Gerakan Hijau (Green Motion Controller, GMC), sebuah penyelesaian IC baru yang mengawal dan menguruskan prestasi PMSM dengan cekap. GMC akan digunakan dalam aplikasi-aplikasi terpilih dan dijangka akan mengurangkan penggunaan tenaga sebanyak 40% berbanding dengan penyelesaian sedia ada. GMC berpotensi menggantikan pengawal PMSM sedia ada, seterusnya meringkaskan reka bentuk sistem dan mengurangkan kos produk sehingga 50%.

GMC ternyata berkesan dalam aplikasi mesin pengangkat perindustrian dan MIMOS telah berjaya membantu membangunkan prototaip jimat tenaga untuk digunakan dalam aplikasi perkakas elektrik, dan mencapai penjimatan tenaga melebihi 40%. MIMOS sedang bekerjasama dengan sebuah syarikat penyedia penyelesaian untuk membangunkan sebuah platform berasaskan GMC untuk digunakan dalam aplikasi kompresor pendingin hawa.

“*Pengawal Gerakan Hijau dijangka akan menjimatkan penggunaan tenaga sebanyak 40%.*”

Selain itu, sistem GMC juga telah ditunjuk kepada pengeluar peralatan tulen (OEM) di China dengan harapan berlakunya penerimaan ke dalam aplikasi perkakas elektrik mereka.

Membangunkan sektor pembungkusan lanjutan

Pembungkusan lanjutan, sebuah komponen dalam pembuatan semikonduktor, amat berdaya saing di Malaysia dengan pembuatan bahagian belakang (back-end) mantap yang didominasi oleh syarikat multinasional (MNC). Perubahan yang pesat dalam teknologi dan permintaan untuk pembungkusan lanjutan memacu para pengeluar untuk memperkenalkan pembungkusan baru yang berbeza untuk mengekalkan kelebihan litar bersepadu mereka yang bersaiz kecil, murah dan berprestasi tinggi.

Pada tahun 2017, RM1.2 bilion telah dilaburkan ke dalam sektor ini untuk menjalankan projek pengembangan dan kepelbagaian bagi menghasilkan pembungkusan



skala cip tahap wafer dan wafer bumping yang merupakan teknik-teknik dalam pembungkusan lanjutan. Pelaburan ini mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai destinasi pelaburan pilihan bagi syarikat-syarikat baru dan sedia ada walaupun dalam persekitaran ekonomi yang tidak menentu, sekali gus mengukuhkan keyakinan pelabur-pelabur tempatan dan asing terhadap asas ekonomi Malaysia.

seperti pengeluaran polisilikon, wafer, sel dan modul, dan aktiviti hiliran seperti penyongsang (inverter) dan penyepadu sistem (system integrator). Pada tahun 2017, projek pengembangan bernilai RM300 juta untuk menghasilkan jongkong, wafer, sel dan modul solar telah diluluskan oleh MIDA. Projek ini melibatkan pembuatan bersepadu produk-produk PV solar, dari jongkong hingga ke modul.

MEMPROMOSIKAN TENAGA MAMPAN

Malaysia telah memperkenalkan pelbagai insentif dan strategi untuk menggalakkan perkembangan sektor tenaga boleh diperbaharui. Dengan lokasi Malaysia yang terletak di kawasan khatulistiwa dan mendapat sinaran matahari sepanjang tahun, tenaga solar memainkan peranan yang penting dalam penjanaan tenaga di negara ini untuk masa akan datang.

Permintaan untuk tenaga solar dijangka akan meningkat kerana pengguna dan perniagaan makin sedar akan manfaatnya, bukan sahaja kepada alam sekitar, tetapi juga kepada ekonomi. Malaysia yang merupakan pengeksport utama sel dan modul fotovoltaiik (photovoltaic, PV) solar, mampu mendapat manfaat limpahan daripada kegunaan tenaga solar yang semakin meningkat di seluruh dunia, dan dijangka akan menyaksikan pertumbuhan antara 12%-20% dalam masa lima tahun akan datang.

Malaysia, yang merupakan pengeluar sel dan modul PV solar ketiga terbesar di dunia dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 4.1 GW dan 7.2 GW, mempunyai 250 buah syarikat yang terlibat dalam aktiviti hulu

LED DAN SSL TERUS MENYERLAH

Malaysia semakin terkenal sebagai hab pembuatan bagi pengeluar diod pemancar cahaya (LED). Pembangunan dan pengeluaran kluster LED di negara ini meliputi peralatan-peralatan semikonduktor untuk LED, fabrikasi wafer, serta pelbagai produk dan penyelesaian pencahayaan.

Mewujudkan peneraju pencahayaan keadaan pepejal tempatan

Program peningkatan keupayaan oleh Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) adalah untuk mewujudkan peneraju tempatan dalam bidang pencahayaan keadaan pepejal (SSL) yang mampu membangunkan rantai nilai SSL Malaysia ke arah cip dan aplikasi R&D. Program tersebut membantu syarikat-syarikat SSL tempatan berkembang ke luar negara melalui delegasi perdagangan yang fokus kepada bidang-bidang utama yang berkaitan dengan SSL, mewujudkan pengiktirafan harta intelek (IP) yang tinggi oleh Kerajaan untuk mencegah kemasukan produk-produk LED tiruan ke Malaysia dan mewujudkan pengawalan yang mesra alam serta kesedaran awam.



Dalam tempoh seminggu, kilang cip LED baharu OSRAM di Kulim, Kedah mampu menghasilkan LED yang mencukupi untuk menggantikan semua lampu jalan di New York, Rio de Janeiro, Hong Kong dan Berlin.

Skop bantuan SME Corp merangkumi peruntukan geran sepadan untuk kos pensijilan antarabangsa dan pemerolehan mesin automatik dan peralatan pengujian. Sehingga kini, SME Corp telah mengeluarkan peruntukan geran sepadan bernilai RM7.6 juta kepada 11 buah syarikat: Avialite, Primelux Energy, ecoNoon, P-Plus, Extra-Built, LED Vision, PCO Lite, Oversea Lighting & Electric, HANS LEDLite, Novabrite dan EcoTech LED. Syarikat-syarikat ini mencatatkan jumlah jualan tahunan sebanyak RM137.6 juta pada tahun 2017 berbanding RM70.1 juta pada tahun 2013 dan jumlah eksport tahunan bernilai RM8.4 juta berbanding RM6.3 juta pada tahun 2014.

Walau bagaimanapun, keadaan ekonomi global yang tidak memberangsangkan telah menyebabkan beberapa pembatalan pesanan dan lanjutan tempoh projek. Seseengah syarikat juga menghadapi masalah untuk mengembalikan daya saing dari segi kos, manakala kadar pertukaran asing yang tidak menentu pula telah meningkatkan kos pensijilan, import barangan mentah dan pembungkusan. Faktor-faktor ini akan menguatkan lagi ancaman persaingan daripada penawaran murah dari China.

Untuk meningkatkan daya saing eksport mereka, syarikat-syarikat LED telah menyertai Program Go-Ex, salah satu Program Berimpak Tinggi di bawah Pelan Induk PKS 2012-2020 yang dihasilkan sebagai sebahagian daripada inisiatif Kerajaan untuk membantu dan meningkatkan eksport perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia dengan mengukuhkan daya tahan dan daya saing mereka. Program yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) ini bertujuan

untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi oleh PKS untuk kemasukan ke pasaran baru berikutan kos pendahuluan yang tinggi dan kekurangan pengetahuan terperinci mengenai pasaran dan pesaing baru.

Memperkembang operasi bahagian hadapan LED

Sementara itu, pelaburan OSRAM di Kulim yang bertujuan untuk membangunkan fasiliti pembuatan epitaksi LED, fabrikasi wafer dan produk bersepadu pertama di Malaysia, sedang berjalan dengan lancar. Fasa pertama fasiliti tersebut kini beroperasi dengan 1,500 pekerja. Fasiliti ini akan menjalani dua lagi fasa perkembangan yang akan menaikkan jumlah keseluruhan pelaburan ini kepada RM4.9 bilion.

Epitaksi

Epitaksi merupakan teknik penghasilan lapisan hablur yang nipis dari sesuatu bahan ke atas suatu bahan hablur yang lain, di mana kekisi hablurnya adalah sepadan. Dalam erti kata lain, epitaksi berlaku apabila lapisan tambahan dari hablur semikonduktor terhasil di atas permukaan wafer.

Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara Malaysia (NCIA) telah membantu OSRAM dalam pemerolehan sistem pemendapan wap kimia organik logam (MOCVD) serta



Kilang OSRAM di Kulim akan menghasilkan cip LED biru yang mampu menghasilkan cahaya putih melalui lapisan penukar.



pelaksanaan Program Peningkatan Kompetensi Koridor Utara (NCEP) dan Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional di Taman Teknologi Tinggi Kulim (TVET@KHTP), yang dilaksanakan oleh KISMEC untuk melahirkan pekerja mahir untuk membantu operasi OSRAM di Kulim.

MENINGKATKAN KEMAMPUAN MALAYSIA DALAM PENGUJIAN, PENGUKURAN DAN AUTOMASI

Pengujian dan pengukuran merupakan asas kepada automasi dengan menghasilkan isyarat dan merakam tindak balas supaya sistem kawalan membuat keputusan tanpa campur tangan manusia. Impak automasi adalah sangat besar – ia meningkatkan produktiviti, kualiti dan tahap konsisten produk serta proses dalam perlombongan, pertanian, pembuatan dan perkhidmatan. Memandangkan hubungkaitnya dengan pelbagai sektor ekonomi, automasi akan menjadi pemangkin yang membantu dalam peralihan Malaysia kepada negara berteknologi tinggi.

Menubuhkan hab pengujian dan pengukuran

Sebuah hab pengujian dan pengukuran telah ditubuhkan di Pulau Pinang pada tahun 2014, yang diterajui oleh Keysight Technologies dan dibantu oleh NCIA, untuk membangunkan syarikat-syarikat pengujian dan pengukuran tempatan kerana mereka berhasrat untuk meningkatkan kebolehan dalam penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan. Hab tersebut telah menambah nilai ekosistem E&E tempatan dengan membangunkan kebolehan mereka dalam kejuruteraan kejituan tinggi. Hal ini membolehkan Keysight menggantikan pemerolehan komponen kejituan tinggi dari luar negara dengan komponen tempatan, dengan beberapa kilang pengeluarannya di negara lain juga kini memperoleh komponen tersebut daripada pembekal Malaysia.

Sehingga kini, tujuh pemain tempatan telah mendapat manfaat langsung daripada hab pengujian dan pengukuran ini. Sebagai contoh, CEEDTec dan Myreka kini merupakan pembekal tahap pertama Keysight yang telah menghasilkan 26 produk tempatan bersama Keysight untuk pasaran global dan mencipta 36 IP. Faedah daripada inisiatif ini sangat penting kerana pakej kerja pembekal tahap pertama ini kemudiannya dimanfaatkan oleh lima lagi pemain tempatan iaitu

STRiDE Electronics, Inari Amertron Berhad, Prodelcon, Tekun Asas dan Bi Technologies.

Untuk mengekalkan daya saing dalam industri ini, pembekal perlu meningkatkan kebolehan dalam menghasilkan reka bentuk mengikut spesifikasi baru sesuatu produk. Hal ini memerlukan mereka menarik minat, memperoleh dan mengekalkan bakat. Dalam usaha mengatasi cabaran ini, pembekal sedang meningkatkan penglibatan mereka dengan universiti-universiti seperti USM melalui ceramah kerjaya dan kerjasama teknikal untuk memastikan sukatan pelajaran universiti memenuhi keperluan industri. Hal ini juga menyediakan akses pantas kepada pakar-pakar Keysight untuk khidmat nasihat dan pengesahan buat pasukan R&D pembekal.

Meningkatkan pengujian dan pensijilan produk solar dan LED

Pusat-pusat pengujian produk solar dan LED telah ditubuhkan oleh QAV Technologies Sdn Bhd (QAV) untuk memberikan perkhidmatan pengujian dan jaminan kualiti. QAV ialah satu-satunya pusat analisis kegagalan, pengujian kebolehpercayaan dan kesesuaian elektromagnetik yang diiktiraf oleh TUV NORD di Malaysia. QAV juga merupakan makmal pertama di luar Amerika Syarikat yang diiktiraf oleh Institut Piawaian Kebangsaan Amerika (American National Standards Institute, ANSI). QAV telah memperluas operasi pengujian LED di Pulau Pinang dan menubuhkan cawangan operasi baru di Selangor. Operasi QAV di Malaysia memanfaatkan pengeluaran tempatan dengan menjana pertumbuhan pendapatan memandangkan pensijilan QAV membolehkan penghantaran terus ke Amerika Syarikat. Pusat pengujian QAV juga membantu membangunkan kaedah pengujian dan pensijilan syarikat tempatan yang belum boleh didapati di negara ini.

Pada tahun 2017, 52 buah produk telah diuji oleh QAV. Setakat ini, QAV menyasar untuk mewujudkan satu platform bagi pensijilan piawaian produk Malaysia, dan seterusnya menjadikan Malaysia hab serantau di Asia Pasifik untuk pensijilan ANSI dan Jabatan Tenaga Amerika Syarikat. Hal ini boleh memberi manfaat kepada negara dengan menarik lebih banyak MNC LED ke Malaysia. Selain itu, QAV terus mengekalkan pelbagai kerjasama latihan industri dan penyelidikan dengan institusi pengajian tinggi seperti Monash University, Universiti Tenaga Nasional (UNITEN), Multimedia University (MMU) dan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR).

Walau bagaimanapun, QAV berdepan cabaran peningkatan kos pengujian dan sifat ketidakpastian piawaian serta keperluan. Hal ini membantutkan usaha QAV dalam melatih dan mengekalkan kakitangannya,

serta merumitkan hubungannya dengan pengeluar yang kebanyakannya tidak mengetahui tentang perubahan dalam piawaian dan keperluan. QAV kerap berhubung dengan pemain industri untuk mengatasi masalah ini.

Membina teras inovasi dalam pengujian dan pengukuran

Nukleus Inovasi dan Akademi National Instruments (NI-AIN), terus menggalakkan inovasi oleh PKS tempatan melalui fasiliti makmal perkongsian perkhidmatan miliknya. Pusat yang dilancarkan pada 13 September 2012 oleh National Instruments (NI), Taman Teknologi Malaysia (TPM) dan SME Corp ini kini menempatkan aset peranti dan perisian bernilai kira-kira RM20 juta. Pusat penyelesaian automasi ini juga berperanan sebagai pusat inkubator PKS khusus dalam reka bentuk, integrasi sistem, penyesuaian sistem dan perkhidmatan kejuruteraan. Hal ini membolehkan PKS berinovasi tanpa perbelanjaan modal yang besar, di samping mempercepat fasa dari makmal ke pengkomersialan. NI-AIN juga membantu R&D institusi penyelidikan dengan geran minimum.

Pada tahun 2017, pusat ini terlibat dalam 10 projek oleh syarikat tempatan, agensi dan institut yang merangkumi pengujian dan pengukuran, reka bentuk sistem, penghasilan prototaip, pembuktian konsep dan penyesuaian sistem, menjadikan jumlah projek sebanyak 74 sejak tahun 2014. Antara projek yang dijalankan tahun ini termasuklah mesin penggredan

buah kelapa sawit oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), pemantau suhu rotor kunci oleh Daikin Research & Development Malaysia Sdn Bhd, dan perkhidmatan sistem payout tension meter dan sensor penyelesaian masalah oleh Asian Geos Sdn Bhd.

“Fasiliti NI-AIN membolehkan PKS berinovasi tanpa perbelanjaan modal yang besar.”

Penggunaan pusat ini masih perlu ditingkatkan pada masa hadapan. Antara jalan penyelesaiannya termasuklah meyakinkan PKS untuk menerima automasi sebagai sebahagian landskap Industri 4.0 yang lebih luas melalui kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), MIDA dan SME Corp. Terdapat juga permintaan untuk menawarkan lebih banyak peralatan terkini. Oleh itu, pusat ini akan bekerjasama dengan SME Corp untuk menarik lebih banyak PKS, menggalakkan institut pengajian tinggi untuk menggunakan peralatannya dan menawarkan latihan untuk aplikasi Internet of Things (IoT) perindustrian.

Membolehkan pembuatan peralatan automasi

Industri jentera dan peralatan (M&E) di Malaysia yang bermula dengan keperluan untuk membaiki dan menyelenggara mesin-mesin import dalam industri



Kerjasama antara Keysight Technologies, Myreka dan CEEDTec dalam bidang pengujian dan pengukuran telah menubuhkan Fasiliti Perkongsian Perkhidmatan Jentera dan Peralatan di Bayan Lepas, Pulau Pinang.



berasaskan sumber dan pertanian, telah melalui fasa perkembangan yang pesat. Kemajuan pesat dalam teknologi dan inovasi telah memacu industri untuk menghasilkan M&E yang canggih bagi industri berteknologi tinggi seperti pemprosesan semikonduktor bahagian hadapan (front-end), peralatan perubatan, aeroangkasa serta minyak dan gas.

Sehubungan itu, syarikat-syarikat Malaysia telah beralih dari sekadar menjadi pengeluar kontrak (CM) kepada menjalankan R&D, reka bentuk dan pembangunan (D&D), serta integrasi sistem untuk menjadi OEM bagi pasaran eksport. Pada tahun 2017, MIDA telah meluluskan satu projek kepelbagaian dengan pelaburan bernilai RM181 juta untuk menghasilkan kamar dan modul untuk peralatan proses semikonduktor.

E&E PERINDUSTRIAN MENGUKUHKAN MOMENTUM PERTUMBUHAN

Projek-projek perindustrian E&E di bawah NKEA ini fokus kepada pembangunan pelbagai produk sistem terbenam dan IoT, pembuatan komponen kenderaan elektrik serta aplikasi nanoteknologi dan graphene komersial untuk bersaing di pasaran dunia dan menembusi sektor khusus. Dengan memanfaatkan kepakaran dan kebolehan sedia ada Malaysia dalam sektor E&E, segmen baharu dan pertumbuhan tinggi ini akan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan dalam sektor ini.

Membangunkan industri sistem terbenam dan Internet of Things

Peralatan moden perlu menjadi lebih pintar untuk memenuhi permintaan pelanggan yang semakin kompleks. Kepintaran peralatan ini terletak pada sistem terbenamnya yang merupakan penyelesaian pintar dengan peranti dan perisian bersepadu yang direka untuk menjalankan sesuatu fungsi khas. Sistem terbenam yang pintar ini telah berubah menjadi sesuatu yang kini lebih dikenali sebagai IoT, sebuah rangkaian komponen yang mengandungi teknologi terbenam untuk berkomunikasi melalui internet. Data daripada IoT antara lainnya akan memberikan maklumat untuk membolehkan aliran pendapatan yang baru, memahami tabiat pelanggan dengan lebih baik dan meningkatkan kawalan terhadap operasi.

Projek Membangunkan Industri Sistem Terbenam, yang diterajui oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), menumpukan kepada membangunkan industri tempatan melalui usaha sama industri dengan peneraju teknologi seperti Intel, NI, Altera, Cisco, Microsoft, Windriver dan PTC-ThingWorx, serta pihak-pihak lain seperti MIDA, MATRADE, NCIA, MIMOS, SIRIM, SME Corp, TalentCorp, Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) untuk membangunkan kebolehan tempatan.

Dua projek sistem terbenam dan IoT telah berjaya disiapkan pada tahun 2017: penaiktarafan mesin layan diri pintar dari Silkron dan pengekstrak data IoT serta universal bus translators untuk pembuatan pintar dari Sophic Automation. Secara keseluruhannya, 23 projek telah diluluskan dan disiapkan dari tahun 2012 hingga 2017. Pada masa hadapan, MDEC akan terus memantau dan membantu pertumbuhan syarikat sistem terbenam ini, mempercepat penerimaan digital dan menembusi akses kepada pasaran global. Selain itu, syarikat-syarikat ini digalakkan untuk fokus kepada peningkatan kemahiran bakat dengan kebolehan analisis data untuk melonjakkan rantai nilai pembangunan serta mencuba model perniagaan baru. Berdasarkan latar belakang ini, peluang untuk perusahaan sistem terbenam dan IoT tempatan merangkumi pembangunan teknologi bidang khusus, pembangunan aplikasi, usaha sama teknologi dan perkongsian dengan MNC teknologi.

Pada tahun 2017, MIDA telah meluluskan sebuah projek baru oleh sebuah syarikat asing sedia ada dengan pelaburan sebanyak RM2.0 bilion dalam pembangunan teknologi semikonduktor terkini bagi proses pembuatan semikonduktor oksida logam pelengkap (CMOS) 10-nanometer, inovasi produk dan penyelesaian IoT. Melalui pelaburan ini, 100 paten dijangka untuk difailkan oleh bakat-bakat R&D tempatan dan 100 orang jurutera kakitangan akan digaji dalam masa lima tahun akan datang.

Sokongan dasar yang kuat adalah penting untuk mewujudkan projek berimpak tinggi dan membantu penerimaan sistem terbenam dan IoT ke dalam sektor vertikal dan pembangunan ekonomi digital. Dasar seperti ini perlu menggalakkan persaingan dan kerjasama antara pemain industri sistem terbenam dan IoT untuk membekalkan penyelesaian yang terbaik kepada pengguna. Ketersediaan bakat juga berkemungkinan besar akan kekal menjadi cabaran yang getir. Maka, dasar perlu menggalakkan pembangunan modal insan dalam bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Membolehkan pembuatan komponen kenderaan elektrik

Kenderaan elektrik yang dikuasakan oleh bateri ion litium (LIB) kini mendapat sambutan hebat daripada pembeli kereta kerana sifatnya yang jimat bahan api. Pembuatan komponen kenderaan elektrik di Malaysia bermula dengan projek pembuatan LIB. Projek ini diketuai oleh Institut Automotif Malaysia (MAI), melalui Kerjasama Ekonomi dan Teknikal (ECOTECH) yang di bawah Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia-Australia (MAFTA) pada tahun 2013. Sasaran pertama projek ini adalah untuk memperoleh IP Malaysia dalam pembuatan LIB sebagai platform komersial untuk pengeluar Malaysia. Sasaran menjelang tahun 2020 adalah untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu pengeluar tempatan yang menghasilkan LIB untuk pasaran domestik dan eksport. Setakat ini, bahan bateri dihasilkan pada skala rintis untuk menyokong pembuatan terhad LIB jenis 18650. Ujian prestasi dan kitaran juga telah dijalankan ke atas LIB ini.

“Manfaat sampingan daripada permintaan bas elektrik akan mencergaskan industri pembuatan domestik, terutamanya dalam sektor E&E.”

Pembangunan pasaran di Eropah, Jepun dan China telah mewujudkan peluang yang unik untuk Malaysia. Negara-negara ini telah mengumumkan keinginan mereka untuk beralih dari pilihan mobiliti konvensional kepada alternatif tenaga hijau termasuklah mobiliti elektrik. Pengumuman ini telah disokong oleh beberapa pengeluar automobil yang telah berikrar untuk beralih kepada mobiliti elektrik sepenuhnya dalam masa terdekat. Malaysia akan mendapat manfaat dari perkembangan ini disebabkan oleh kepakarannya dalam penghasilan teknologi bateri serta lokasinya yang strategik.

MAI juga telah memulakan projek pembuatan bas elektrik di bawah ECOTECH pada tahun 2013. Sasaran pertama projek ini ialah untuk memperoleh IP Malaysia dalam bas elektrik prototaip sedia ada sebagai platform untuk pemasangan bas komersial Malaysia. Sasaran tahun 2020 ialah untuk mempunyai sekurang-kurangnya satu pengeluar pemasangan tempatan (CKD) yang menghasilkan bas-bas elektrik untuk pasaran domestik dan eksport dengan adanya infrastruktur sokongan yang lengkap. Sebuah prototaip bas elektrik telah disiapkan bagi menjadi platform untuk pembangunan pembuatan komersial. Aktiviti-aktiviti pemindahan pengetahuan yang melibatkan jurutera

tempatan telah dijalankan, sementara bakal pelabur telah dihubungi dan pelan perniagaan sedang dinilai.

Permintaan untuk bas elektrik dijangka meningkat dengan penyediaan dan pelaksanaan lebih banyak projek pembangunan negara untuk mempertingkatkan pengangkutan awam dan mobiliti di kawasan bandar. Terdapat permintaan antarabangsa untuk teknologi yang telah terbukti bagi iklim panas dan lembab seperti Malaysia. Manfaat sampingan daripada permintaan bas elektrik akan mencergaskan industri pembuatan domestik, terutamanya dalam sektor E&E. Setakat ini, corak pelaburan yang berintensif modal masih menjadi halangan yang terbesar kepada perkembangan inisiatif ini. Oleh itu, lebih banyak projek rintis perlu dijalankan untuk meningkatkan kesedaran awam dan permintaan pasaran untuk platform ini.

Transformasi sektor E&E melalui nanoteknologi

Nanoteknologi memainkan peranan yang penting dalam perjalanan Industri 4.0 Malaysia kerana pasaran global bagi bahan nano dan produk berasaskan nanoteknologi dijangka akan mencapai US\$3 trilion menjelang tahun 2020. Oleh itu, Malaysia sedang mempersiapkan para usahawan dan syarikat tempatan untuk menguasai bahagian pasaran yang signifikan.


Inisiatif ini disokong dengan program-program pengkomersialan nanoteknologi NanoMalaysia Berhad, seperti Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020 (NGAP2020) dan iNanovation. Kedua-dua program ini membantu memperkenalkan syarikat kepada penerimaan produk-produk graphene komersial dan nanoteknologi untuk aplikasi E&E mereka. NanoMalaysia juga menerajui Advanced Materials Industrialisation, sebuah platform inovasi terbuka di bawah MITI yang dihasilkan untuk mempertingkatkan pembuatan E&E di Malaysia.

Sasaran tahun 2017 untuk inisiatif ini terdiri daripada dua pengkomersialan produk menggunakan graphene komersial dan nanoteknologi untuk aplikasi E&E. Projek yang pertama iaitu projek backup-storage graphene-based quantum cells (BSGQC) telah dijalankan untuk membantu MNA Research yang merupakan sebuah syarikat kepakaran tempatan baru yang menerima dana pemangkin dari NGAP2020 NanoMalaysia untuk mempertingkatkan sistem pengurusan penyimpanan tenaga menggunakan graphene dari peringkat pembangunan produk dan membawanya menembusi pasaran. MNA Research telah berjaya menyiapkan penghasilan rintis dan pengujian sistem tersebut serta memperoleh pesanan jualan dari pelbagai syarikat tempatan yang khusus kepada tenaga boleh diperbaharui.



Backup-Storage Graphene-Based Quantum Cells (BSGQC)

BSGQC berpotensi menjadi pengganti untuk bateri valve-regulated lead-acid (VRLA) kerana sistem pengurusan penyimpanan tenaganya yang cekap boleh berfungsi dengan baik dalam penjanaan tenaga boleh diperbaharui yang mampan, terutamanya dalam aplikasi solar dan menara telekomunikasi. BSGQC mempunyai kelebihan tambahan kerana mampu bertahan dengan suhu yang ekstrem di samping mempunyai ciri-ciri mesra alam.



Struktur backup-storage graphene-based quantum cells (BSGQC).

Projek kedua mensasarkan untuk menyiapkan pembangunan produk sinki haba LED menggunakan substrat copper-carbon nanotube (Cu-CNT) dan melesenkan teknologi tersebut dari Universiti Teknologi PETRONAS (UTP) kepada HANS LEDLite menggunakan dana pemangkin yang disediakan di bawah iNanovation, seterusnya membawa produk ini ke pasaran. Pengeluaran rintis ini telah dilengkapkan dan pelesenan teknologi bagi substrat Cu-CNT telah ditandatangani pada tahun 2017 antara UTP, NanoMalaysia dan HANS LEDLite. Hal ini membolehkan kumpulan pertama substrat dibawa masuk ke pasaran.

Substrat Copper-Carbon Nanotube (Cu-CNT)

LED berasaskan Cu-CNT mempunyai kekonduksian terma yang lebih tinggi berbanding LED berasaskan aluminium yang merupakan varian yang dominan dalam pasaran buat masa ini. Teknologi ini akan membantu HANS LEDLite membezakan mereka dalam pasaran LED global melalui produknya yang mempunyai prestasi yang lebih tinggi, kebolehpercayaan yang lebih baik dan jangka hayat yang lebih panjang.




Penjimatan Kos kepada Pengguna

Jangka hayat produk elektrik dan elektronik yang lebih lama.



Pembuangan Haba yang Lebih Baik

Haba lesap dengan lebih cepat melalui komposit nano berbanding dengan substrat logam konvensional.



Sistem Pengurusan Haba yang Cekap

Komposit nano membolehkan sistem pengurusan haba yang cekap dan keberkesanan produk yang lebih tinggi.



Substrat untuk Elektronik Berkuasa Tinggi

Meningkatkan prestasi produk pada kos yang lebih murah.



Pengurangan Penggunaan Kuasa

Penjimatan kepada perkakasan isi rumah.

Kelebihan substrat copper-carbon nanotube (Cu-CNT).

Pengkomersialan kedua-dua produk yang berjaya ini akan meningkatkan kebolehan Malaysia dalam penyimpanan tenaga untuk LED berprestasi tinggi dan tahan lama dalam pasaran. Namun, projek-projek ini berdepan cabaran keupayaan yang terhad, masalah pentadbiran dalam mendapatkan projek dan pemasaran. Syarikat-syarikat juga perlu mengoptimalkan prestasi dan kos bagi memastikan produk-produk mereka memenuhi jangkaan di samping memberikan margin keuntungan yang berpatutan dan mampan.

Bagi menangani masalah ini, NanoMalaysia menyediakan platform pengesahan pasaran untuk menjalankan penilaian bukti nilai bagi produk-produk ini dalam situasi pasaran sebenar. NanoMalaysia juga menjalankan program pengesahan produk berasaskan nanoteknologi NANOVerify untuk meningkatkan keyakinan pelanggan. Disebabkan produk-produk ini hanya baru diperkenalkan dalam pasaran, kerjasama berterusan dengan NanoMalaysia akan memberikan syarikat-syarikat ini akses kepada dana pada masa akan datang untuk pembangunan produk baru atau meningkatkan pengeluaran mereka, perkhidmatan perundingan teknikal dan perniagaan, perundingan dan perkhidmatan hak IP, serta peluang untuk akses pasaran yang lebih luas.

MEMBANGUNKAN MODAL INSAN E&E

Menempa kecekapan lanjutan dalam fabrikasi wafer

Pusat Pembangunan Kompetensi Termaju MIMOS-NCIA (MIMOS-NCIA ACDC) merupakan sebuah pusat pembangunan modal insan dalam bidang peralatan dan fabrikasi wafer. Ditubuhkan bersama oleh MIMOS dan NCIA, pusat ini memanfaatkan kemudahan MIMOS dan kurikulum latihan semikonduktor yang dibangunkan bersama dengan SFAM bagi menawarkan latihan yang hujung ke hujung, berteknologi tinggi dan berpanduan industri untuk membina pengalaman hands-on yang diperlukan bagi melahirkan pekerja-pekerja berkemahiran tinggi untuk sektor E&E.

Sejak pelancarannya pada Julai 2017, 430 orang jurutera dan pelajar telah menjalani program peningkatan kemahiran di pusat tersebut. MIMOS juga telah melatih lebih daripada 2,400 pekerja berkemahiran dalam sektor E&E sejak sedekad lalu dengan menawarkan latihan berimpak tinggi kepada ahli-ahli SFAM, MNC, PKS, institusi penyelidikan, para pensyarah serta pelajar universiti.

Berbanding dengan pusat latihan tradisional yang fokus kepada teori dan memberikan pendedahan amali yang terhad, MIMOS-NCIA ACDC menawarkan kemudahan yang dipertingkatkan untuk pembelajaran berasaskan pengalaman dalam penyelenggaraan peralatan dan proses berteknologi tinggi. Malah, 80% daripada latihan di kemudahan ini dalam fabrikasi wafer perindustrian terdiri daripada pembelajaran praktikal dan 20% selebihnya fokus kepada rangka kerja teori. Hal ini membolehkan pembangunan set kemahiran yang cepat yang membantu peningkatan dalam rantai nilai E&E dan melengkapi program-program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) dan Lembaga Teknologis Malaysia (Malaysia Board of Technologists, MBOT).

“430 orang jurutera dan pelajar telah menjalani program peningkatan kemahiran di MIMOS-NCIA ACDC.”

Walau bagaimanapun, pusat ini perlu sentiasa dinaik taraf untuk memastikan ia mengikuti kemajuan teknologi global, termasuklah penyelarasan dengan amalan Industri 4.0. Oleh itu, lebih banyak aktiviti keterlibatan strategik boleh dilakukan bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menjadikan pusat ini peneraju dalam pendidikan mikroelektronik dan semikonduktor, dan seterusnya meningkatkan minat dan perkembangan para pelajar dalam bidang-bidang yang diperlukan untuk menampung keperluan industri.

Membina keupayaan dalam pengujian, pengukuran dan automasi

Program Pembinaan Keupayaan NI-AIN berperanan sebagai hab latihan bagi jurutera dan pelajar universiti untuk memperoleh dan meningkatkan kemahiran mereka dalam platform reka bentuk sistem LabVIEW. Program ini juga menawarkan bimbingan kepada jurutera untuk menyiapkan projek automasi mereka, latihan untuk peserta dalam kaedah pemindahan data termaju menggunakan teknologi pencegahan kehilangan data, dan latihan bagi jurulatih bagi meningkatkan pengetahuan mereka dalam bidang pengujian, pengukuran dan automasi. Hasilnya, para jurutera boleh menghasilkan penyelesaian yang lebih baik dan mempraktikkan teknologi industri baru seperti IoT, automasi dan integrasi sistem. Pada tahun 2017, program tersebut telah berjaya meningkatkan kemahiran 130 orang bakat tempatan.



PEMANGKIN TRANSFORMASI

Menggalakkan penyelidikan dan pembangunan bersama

Collaborative Research in Engineering, Science & Technology (CREST) ialah sebuah pemangkin yang diterajui industri untuk pertumbuhan sektor E&E Malaysia dengan menggalakkan kerjasama antara industri, akademik dan kerajaan dalam bidang R&D, pembangunan modal insan dan pengkomersialan. CREST memberi perhatian kepada enam kluster fokus seperti yang digariskan oleh pihak-pihak berkepentingan dalam industri, iaitu:

1. Optoelektronik, LED dan SSL;
2. Sistem terbenam dan IoT;
3. Reka bentuk, pengujian dan pengesahan IC;
4. Bahan termaju dan pembungkusan lanjutan;
5. Pembuatan elektronik bertaraf dunia; dan
6. Dron, kenderaan tanpa pemandu dan autonomi.

Sejak CREST memulakan operasi pada bulan Jun 2012, sejumlah 46 buah syarikat tempatan, 17 buah MNC dan 20 buah universiti awam dan swasta telah menjalankan 118 projek usaha sama R&D, menjadikan jumlah nilai projek sebanyak RM125.0 juta, di mana

industri menyumbang 61% kepada jumlah ini. Daripada 118 projek yang diluluskan, 41 telah disiapkan sejak akhir tahun 2014, dan 10 daripadanya telah dijadikan produk serta proses baru yang menjana pendapatan baru dan penjimatan dari produktiviti dalam proses reka bentuk dan pembuatan.

Hasil dan penjimatan yang akan diraih dalam masa lima tahun dari produk-produk baru dan peralatan produktiviti ini dianggarkan sebanyak RM60.2 juta – satu pulangan yang sangat besar, memandangkan dana CREST hanya sejumlah RM9.1 juta untuk membiayai projek-projek tersebut. Usaha sama R&D ini juga telah membolehkan 57 siswazah menamatkan pengajian pascasiswazah dengan 13 pernyataan IP dan tujuh paten untuk difailkan.

Dua peluang perniagaan sampingan yang baru juga telah dihasilkan melalui projek-projek ini. Makmal Penyelidikan Bahan Terma Pusat Pengajian Fizik USM yang diketuai oleh Dr. Mutharasu Devarajan telah bekerjasama dengan PKS tempatan untuk membangunkan penyelesaian reka bentuk kejuruteraan antaramuka terma bagi pengeluar komponen LED dan semikonduktor. Selain itu, 'TheVibrationLab' Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik USM yang diketuai oleh Profesor Mohd Zaidi Ripin menawarkan perkhidmatan reka bentuk kejuruteraan akustik dan getaran untuk pengeluar produk elektronik dan pemaju peralatan pengesahan pengujian.



Pelancaran rasmi Pusat Pembangunan Kompetensi Termaju MIMOS-NCIA pada 18 Julai 2017 oleh Ahmad Rizan Ibrahim, Datuk Wira Dr. Abu Bakar Mohamad Diah dan Datuk Redza Rafiq Abdul Razak.

Pembangunan Industri E&E di Malaysia

Industri elektrik dan elektronik (E&E) kini memainkan peranan yang besar dalam sektor pembuatan Malaysia dan merupakan antara penyumbang utama kepada eksport dan peluang pekerjaan negara. Industri ini telah dikenal pasti sebagai sebuah subsektor pemangkin di bawah Rancangan Malaysia ke-11 untuk menggiatkan semula sektor pembuatan domestik negara kerana kesan berganda yang dibawa olehnya, serta perhubungan sektor ini dengan subsektor-subsektor lain.

Sehubungan itu, Lembaga Kemajuan Pelaburan Malaysia (MIDA) berusaha untuk menggalakkan pertumbuhan industri semikonduktor, solar, diod pemancar cahaya (LED), pengujian dan pengukuran, serta automasi. Usaha ini juga dijalankan secara meluas pada skala serantau di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Northern Corridor Economic Region, NCER) oleh Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (Northern Corridor Implementation Authority, NCIA).

Usaha sama kunci kejayaan

Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif MIDA, menyatakan bahawa usaha sama di antara sektor awam, industri dan pihak akademik amat penting untuk memenuhi permintaan bakat dalam industri ini di samping meningkatkan daya saing pekerja sedia ada. "MIDA telah menjalin usaha sama dengan pelbagai pihak berkepentingan seperti Dewan Perniagaan Amerika Malaysia (AMCHAM), USAINS – cabang korporat Universiti Sains Malaysia (USM), Perbadanan Bakat Malaysia Berhad

(TalentCorp), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Persatuan Fabrikasi Semikonduktor Malaysia (SFAM)," jelas Azman.

Inisiatif Kerjasama Industri-Akademik (IAC) yang dilancarkan pada tahun 2015 telah menyaksikan pelbagai usaha sama strategik di antara institusi-institusi pengajian tinggi seperti USM, Universiti Malaya (UM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersama syarikat-syarikat seperti Intel, First Solar, National Instruments, Motorola dan OSRAM. MIDA juga bekerjasama dengan Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), MIMOS Berhad dan syarikat-syarikat berkaitan untuk menubuhkan Pusat Inovasi Pembuatan (Manufacturing Innovation Centre, MIC). Di samping itu, MIDA bekerjasama dengan Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Majlis Strategik Elektrik dan Elektronik (EESC) untuk membangunkan Pasaran Digital Internet of Things (IoT), sebuah inisiatif yang diterajui oleh Silterra. MIDA turut menyelaraskan usahanya dalam bab eksport melalui Majlis Eksport Negara (NEC) dan dalam bab produktiviti melalui Nexus Produktiviti E&E (EENP).

Datuk Redza Rafiq Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif NCIA, bersetuju dengan pendirian MIDA mengenai usaha sama antara agensi. Beliau menyatakan bahawa NCIA mengguna pakai "model heliks ganda empat" yang melibatkan Kerajaan, pemain-pemain sektor swasta, pihak akademik dan komuniti dalam semua inisiatif pembangunannya. "Kami memanfaatkan penglibatan sektor swasta seiring dengan matlamat Kerajaan untuk memposisikan mereka sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi, disokong oleh peranan Kerajaan sebagai



Datuk Redza Rafiq Abdul Razak, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara.



Dato' Azman Mahmud, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia.



pemboleh dan pemudah kerja,” kata Redza. Beliau juga menambah, keterlibatan ahli-ahli masyarakat dan akademik sangat penting bagi mendapatkan sokongan dan pendapat mereka untuk menyempurnakan penyampaian inisiatif-inisiatif pembangunan NCIA.

Hasil positif usaha sama

“Usaha sama kami dengan NEC dan EEPN telah mendorong kepada peruntukan insentif untuk Industri 4.0 dan Pembuatan Pintar, seperti yang diumumkan dalam Bajet 2018, termasuklah Elaun Modal Dipercepat sebanyak 200% untuk perbelanjaan modal layak RM10 juta yang pertama dalam tahun-tahun taksiran 2018 hingga 2020 untuk sektor pembuatan dan sektor perkhidmatan berkaitan pembuatan,” kata Azman.

“Elaun Modal pula diperuntukkan untuk pembelian peralatan dan perisian ICT, berkuatkuasa dari tahun taksiran 2017, dan perbelanjaan bagi penghasilan perisian khas, berkuatkuasa dari tahun taksiran 2018. Kerajaan turut melanjutkan Elaun Modal Dipercepat Automasi yang telah diperkenalkan pada tahun 2015 hingga tahun taksiran 2020 bagi industri-industri berintensif buruh seperti getah, plastik, kayu dan tekstil,” tambah beliau.

Pencapaian-pencapaian NCIA juga amat membanggakan. Sebagai contoh, NCIA telah

1. menyokong inisiatif pengembangan kapasiti pengeluaran cip wafer, yang turut memanfaatkan PKS yang menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan sampingan seperti pembersihan alat ganti, pembekalan dan pemasangan peralatan;
2. menubuhkan sebuah pusat latihan peralatan semikonduktor bersama MIMOS;
3. menubuhkan sebuah kemudahan pemprosesan rawatan sisa buangan untuk menyokong industri-industri di Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP);
4. membangunkan sistem-sistem pemasangan dan pengujian menggunakan teknologi pembungkusan lanjutan;
5. menyokong pertumbuhan pengeluaran-pengeluaran substrat dan industri-industri berkaitan;
6. membantu penubuhan pusat pengujian dan pensijilan LED bernilai RM30.5 juta oleh QAV;
7. bekerjasama dengan Keysight Technologies untuk membina sebuah hab pengujian dan pengukuran; dan
8. bekerjasama dengan TF-AMD Microelectronics untuk membangunkan pembuatan peralatan automasi bersama 12 vendor tempatan;

Pencapaian kemuncak ialah keputusan OSRAM untuk menubuhkan fasiliti bernilai RM4.9 bilion di KHTP.

Namun, kesemua pencapaian di atas bukanlah mudah untuk dicapai. “Kekangan kewangan telah menghalang kami untuk memberi lebih banyak insentif kepada syarikat-syarikat untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif Industri 4.0 dan Pembuatan Pintar,” terang Azman. Hal ini menyukarkan usaha meningkatkan kadar inovasi yang rendah dalam negara ini dan mengekalkan modal insan untuk menyokong industri E&E.

Usaha sama antara agensi sememangnya sangat penting dalam menangani cabaran-cabaran ini. Bagi mengatasi kekangan dana, MIDA menggandakan usaha untuk menghubungkan syarikat-syarikat tempatan dengan syarikat-syarikat multinasional (MNC) bagi mencapai integrasi dalam rantai bekalan mereka dengan mengamalkan dan menghasilkan pelbagai teknologi, proses dan produk baharu. Untuk membangunkan modal insan, MIDA bekerjasama dengan para penggubal dasar, ahli-ahli akademik dan pihak-pihak berkepentingan lain melalui inisiatif-inisiatif seperti karnival kerjaya dan Jawatankuasa Kerja Industri yang berperanan memperkasa dan membentuk kurikulum yang menepati keperluan baharu industri.

Redza menyebut mengenai penubuhan Taman Sains dan Teknologi Kedah (KSTP) yang berperanan untuk membantu menyebarkan pengetahuan dan maklumat mengenai kemajuan-kemajuan teknologi dan menarik lebih banyak PKS untuk menyertai Industri 4.0. KSTP akan memacu ekonomi wilayah melalui aplikasi R&D dengan menyediakan platform untuk membangunkan teknologi baharu melalui Pusat Penyelidikan Global dan Taman Perindustrian Moden.

Jelas sekali, masa hadapan industri ini amat cerah, kerana MIDA dan NCIA akan terus bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang relevan bagi menggalakkan produktiviti dan inovasi di samping membiasakan syarikat-syarikat tempatan dengan trend-trend teknologi baharu.

Memajukan Teknologi Melalui Pembinaan Hab Pengujian dan Pengukuran

Pengujian dan pengukuran adalah penting kepada industri elektrik dan elektronik (E&E), kerana teknologi-teknologinya dalam sensor pintar, kejuruteraan kejituan, instrumen pintar, perolehan data dan pemprosesan isyarat merupakan asas kepada automasi, pemboleh untuk mencapai kemajuan dalam teknologi Industri 4.0 dan pembuatan pintar.

Oleh itu, di bawah NKEA E&E, penubuhan hab pengujian dan pengukuran dijadikan keutamaan dalam perkembangan sektor ini. Dua buah syarikat telah dipilih untuk merealisasikan keperluan ini iaitu Keysight Technologies (Keysight), sebuah syarikat pengujian dan pengukuran elektronik terkemuka dan National Instruments (NI), sebuah penyedia sistem-sistem berplatform yang membolehkan para jurutera dan saintis menyelesaikan isu-isu kejuruteraan yang kompleks.

Melalui usaha sama dengan Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (Northern Corridor Implementation Authority, NCIA), Keysight telah melancarkan program dengan dua rakan kongsi rekaan tempatan, CEEDTec dan Myreka. Program ini bertujuan untuk meningkatkan keupayaan mereka dalam penyelidikan dan pembangunan (R&D) serta sebagai pengeluar rekaan tulen (original design manufacturer, ODM) agar mampu mereka cipta

produk-produk tersendiri. Dua makmal perkongsian kemudahan perkhidmatan telah ditubuhkan di Keysight untuk membangunkan kepakaran CEEDTec dan Myreka masing-masing dalam bidang penyelesaian sumber kuasa jitu dan penyelesaian analisis isyarat audio.

NI pula bekerjasama dengan Taman Teknologi Malaysia (TPM) dan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) untuk melancarkan salah satu inisiatif awam-swasta terbesar NI pada tahun 2013, yang dikenali sebagai Nukleus Inovasi dan Akademi National Instruments (National Instruments Academy and Innovation Nucleus, NI-AIN). NI-AIN ialah sebuah makmal kemudahan perkongsian perkhidmatan yang menempatkan makmal-makmal asas untuk latihan, serta makmal-makmal aplikasi vertikal untuk mencipta sistem-sistem pengujian, pengukuran dan kawalan untuk pelbagai aplikasi industri. NI-AIN direka untuk menjadi sebuah pusat inkubator perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk perkhidmatan reka cipta dan kejuruteraan bernilai tinggi.

“Hasil daripada kerjasama dengan Keysight, CEEDTec dan Myreka kini mempunyai keupayaan yang menyeluruh dari tahap reka cipta hinggalah ke tahap pembuatan. CEEDTec dan Myreka terbukti mendapat manfaat



Chandran Nair, Naib Presiden, Penjualan dan Pemasaran untuk Asia-Pasifik, National Instruments.



Chan Keng Cheong, Naib Presiden Perolehan Global dan Bahan Keysight.



daripada kolaborasi teknologi dan piawaian global Keysight serta akses kepada maklumat pasaran. Hal ini telah membolehkan mereka untuk bersaing pada skala antarabangsa dan meningkatkan kedudukan mereka dalam rantai nilai,” kata Tay Eng Su, Pengarah Pengalaman Pelanggan, Kualiti dan Pematuhan Keysight.

Hing Wai Toong, Pengurus Jualan Kawasan NI, menyatakan bahawa NI-AIN menyediakan infrastruktur perkongsian teknologi yang boleh diakses oleh PKS untuk pembangunan dan integrasi sistem. “Pusat pembangunan modal insan kami juga menawarkan program-program latihan, pensijilan dan pembangunan kemahiran dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Program-program ini melengkapkan pusat inkubator PKS kami yang turut menempatkan pakar-pakar dari dalam dan luar negara yang menyediakan rundingan teknikal bagi projek-projek kejuruteraan, terutamanya untuk pengujian, pengukuran dan kawalan,” jelas Hing.

“Melalui penyertaan dalam program ini dengan Keysight, CEEDTec telah membangunkan keupayaan termaju dalam reka bentuk dan pembuatan peralatan gred ukuran canggih yang membolehkan mereka menjadi syarikat pengeluar peralatan tulen pada masa depan dengan jenama tersendiri. Myreka pula telah memperoleh 15 harta intelek (IP) dan membangunkan keupayaan teknologinya untuk menawarkan penyelesaian-penyelesaian reka bentuk kepada syarikat-syarikat multinasional,” kata Chan Keng Cheong, Naib Presiden untuk Perolehan Global dan Bahan Keysight.

Pembangunan pesat CEEDTec dan Myreka telah melahirkan rakan kongsi ekosistem tempatan tahap kedua yang menawarkan sokongan teknologi termaju dalam pemasangan papan litar tercetak, pembuatan logam jitu dan transformer berketumpatan tinggi. Secara keseluruhannya, inisiatif ini telah berjaya membangunkan tujuh PKS tempatan dan mencipta lebih daripada 200 peluang pekerjaan.

Selain itu, Hing dari NI juga mengenal pasti kesedaran yang rendah mengenai manfaat-manfaat NI-AIN sebagai satu cabaran yang perlu diatasi. “NI sememangnya komited untuk menyokong ekosistem PKS. Oleh itu, kami akan meneruskan komitmen untuk menggalakkan PKS menggunakan kemudahan ini,” kata Hing. Untuk tujuan tersebut, NI telah bekerjasama dengan beberapa agensi kerajaan bagi melaksanakan program-program promosi dan keterlibatan yang menyasarkan PKS.

Inisiatif Keysight, dengan kerjasama NCIA, telah menjadi pemangkin kepada CEEDTec dan Myreka untuk membangunkan teknologi yang baru dan berbeza melalui R&D dan mempamerkan inovasi bertaraf dunia dari Malaysia. Strategi Keysight dengan CEEDTec dan Myreka akan terus menawarkan bimbingan dalam teknologi dan pasaran baru untuk menangani cabaran masa depan dan memenuhi permintaan kompleks daripada persekitaran perniagaan yang semakin kompetitif.

Chandran Nair, Naib Presiden untuk Asia-Pasifik NI, menyatakan bahawa Kerajaan Malaysia memainkan peranan yang penting dalam menggalakkan syarikat-syarikat tempatan melabur dalam teknologi bagi menyelaraskan proses-proses kerja mereka. “Usaha ini menggalakkan penggunaan sistem-sistem pengujian dan pengukuran automatik bagi mencapai sasaran produktiviti dan keperluan pengujian untuk peralatan-peralatan berteknologi tinggi dan kompleks,” kata Nair. “Melalui kerjasama dengan NI, Kerajaan memenuhi keperluan-keperluan industri dalam R&D dan usaha sama, dan terus membantu meningkatkan kemahiran tenaga kerja E&E sedia ada selain membantu menghasilkan bakat baharu melalui pembelajaran berasaskan kemahiran untuk pelajar-pelajar universiti dan siswazah-siswazah baru.”

Segmen pengujian dan pengukuran akan menyaksikan pertumbuhan yang pesat pada masa hadapan. Kemajuan teknologi seperti Industrial Internet of Things (IIoT), kenderaan autonomi dan sistem tanpa wayar 5G akan menghasilkan permintaan yang sangat tinggi untuk sistem-sistem pengujian dan pengukuran generasi baharu. Syarikat-syarikat dalam bidang ini akan terus berada di baris hadapan, membantu memajukan teknologi dan membawa produk-produk yang canggih ke pasaran dengan lebih pantas dan murah.

Mewujudkan Peneraju Pencahayaan Keadaan Pepejal (Solid-State Lighting) Tempatan

Produk-produk pencahayaan keadaan pepejal (solid-state lighting, SSL) seperti diod pemancar cahaya (light-emitting diode, LED) telah mendapat perhatian oleh kerana manfaat-manfaat yang ditawarkan seperti jangka hayat yang lebih panjang dan penggunaan tenaga yang lebih rendah berbanding teknologi-teknologi pencahayaan konvensional.

Dalam usaha memacu Malaysia menjadi peneraju dalam penghasilan penyelesaian-penyelesaian pencahayaan yang canggih ini, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) telah ditugaskan untuk menyelia 10 buah syarikat di bawah Konsortium LED Malaysia (Malaysian LED Consortium, MLC) melalui program peningkatan keupayaannya yang akan membantu syarikat-syarikat tersebut dalam pensijilan dan sokongan pengawalseliaan, penghasilan pelan tindakan teknologi, pengurusan rantai pembekalan, pelaksanaan strategi pemasaran, penjenamaan dan pencarian rakan kongsi. Program ini telah memasuki fasa keduanya pada tahun 2014 dan telah membantu MLC mencapai jualan sebanyak RM84.2 juta pada tahun tersebut.

Datuk Dr. Hafsah Hashim, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp, berkata program tersebut merupakan program “penglibatan penuh” di mana agensi tersebut terlibat sepenuhnya dengan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang mengambil bahagian dari hujung-ke-hujung rantai penciptaan nilai. “SME Corp menawarkan dua jenis bantuan: yang pertama dalam bentuk dana bagi pembangunan atau penambahbaikan produk-produk SSL yang berpotensi dikomersialkan, manakala yang kedua dalam bentuk geran sepadan untuk perolehan atau penambahbaikan peralatan pengeluaran, pengujian, proses atau teknik pemantauan, untuk mendapatkan pensijilan antarabangsa,” jelas beliau.

Dua buah syarikat yang menerima manfaat daripada program ini ialah Avialite Sdn Bhd dan Primelux Energy Sdn Bhd. Avialite membekalkan lampu-lampu amaran halangan penerbangan untuk memberi amaran kepada pesawat mengenai bahaya penghalang tinggi dalam keadaan penglihatan rendah, manakala Primelux Energy membekalkan pencahayaan luar rumah dan lux, serta rekaan fotometrik 3D.

Membawa industri ke tahap yang lebih tinggi

Sejak program tersebut dimulakan, Hafsah mendapati bahawa usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan ahli-ahli konsortium semakin mendapat perhatian.



Primelux Energy Sdn Bhd.

“Dengan bantuan dana yang kami berikan, syarikat-syarikat ini dapat menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk-produk inovatif dengan lebih baik bagi memenuhi permintaan pasaran global,” kata beliau. “Sebahagian daripada mereka telah mencipta nama di negara-negara seperti India, Australia, Vietnam, Indonesia dan Thailand, di mana produk-produk mereka digunakan di stadium, sistem pengangkutan awam dan dewan pameran.”

Hee Wee Leng, Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Avialite, melaporkan bahawa syarikatnya telah menerima banyak pesanan daripada syarikat-syarikat telekomunikasi di Indonesia, Filipina dan Myanmar untuk keperluan-keperluan penyelenggaraan dan projek menara baru. “Ini menyokong pesanan-pesanan domestik kami yang terdiri daripada projek-projek seperti pembekalan dan pemasangan lampu-lampu di seluruh negara untuk edotco Group Sdn Bhd yang bernilai RM8 juta bagi tempoh lima tahun, dan kontrak seluruh negara selama tiga tahun dari Telekom Malaysia Berhad yang bernilai RM16 juta,” kata Hee. Penawaran-penawaran berkualiti daripada Avialite juga berjaya meraih beberapa anugerah untuk syarikat tersebut seperti Anugerah Inovasi Terbaik Kategori Pengeluaran SME Corp (2014), Anugerah Inovasi Terbaik daripada Persatuan Elektrik dan Elektronik Malaysia (2016), dan Anugerah Enterprise 50 daripada SME Corp dan Deloitte (2017).

Begitu juga dengan Primelux Energy di mana Aimi Syairah Md Zin, Timbalan Pengurus Bear di syarikat tersebut menyatakan bahawa keupayaan syarikat tersebut yang telah dipertingkatkan membolehkannya bekerjasama dengan institusi-institusi antarabangsa seperti LUX-TSI, di mana syarikat tersebut telah menerima perundingan, perkhidmatan pengujian dan pensijilan bertaraf dunia apabila menjalankan kerja-kerja rekaan dan pembuatan untuk lantera-lanteran jalan LED. “Kami juga mendapatkan bantuan penyelidikan dan latihan daripada



Oxford University Innovation untuk membangunkan strategi perniagaan kami,” kata Aimi yang menambah bahawa syarikat tersebut bakal menerima tanda CE yang berprestij yang mencerminkan pematuhan kepada piawaian-piawaian kesihatan, keselamatan dan perlindungan alam sekitar untuk produk-produk yang dijual dalam Kawasan Ekonomi Eropah.

Dengan penggalakan inovasi, pendapatan pekerja juga semakin meningkat: pekerja-pekerja berkemahiran kini mampu memperoleh lebih RM3,000 sebulan, manakala kakitangan peringkat pengurusan pula memperoleh lebih RM5,000, kata Hafsah. Tahap produktiviti pekerja dan peluang pekerjaan juga semakin meningkat, seiring dengan peningkatan jualan di pasaran domestik dan luar negara.

Walaupun kejayaan-kejayaan positif ini telah berjaya dicapai, Hafsah percaya masih ada ruang untuk peningkatan. “Memandangkan PKS dari negara ini semakin mencipta nama di luar negara, saya berharap lebih banyak syarikat multinasional akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat ini untuk mendorong mereka agar menjadi lebih progresif dari segi pandangan dan bertaraf dunia dari segi sistem dan proses.”

Selain itu, PKS perlu menyelarikan organisasi mereka dengan Industri 4.0 dan meningkatkan penerimaan kemajuan-kemajuan teknologi terkini untuk lebih berdaya saing di pasaran global. Beliau juga percaya bahawa walaupun PKS tempatan kreatif dan berminat untuk menghasilkan rekaan-rekaan LED baharu, mereka perlu melindungi harta intelek (intellectual property, IP) melalui pendaftaran IP dan mendapatkan pensijilan antarabangsa untuk produk-produk mereka bagi memperoleh kelebihan yang premium.

Masa Hadapan Kelihatan Cerah

Hafsah melihat potensi yang tinggi bagi penyelesaian-penyelesaian SSL di luar negara memandangkan Eropah telah mengharamkan pencahayaan pendarflood dan Australia juga bakal melaksanakan dasar tersebut. Hee menambah bahawa penerimaan pencahayaan LED di Malaysia semakin meningkat, menjadikan industri ini membangun dengan pesat. “LED ialah masa hadapan pencahayaan. Prestasinya dari segi pengeluaran cahaya bagi setiap unit tenaga dan jangka hayat juga akan menjadi semakin baik,” kata Hee.



Avialite Sdn Bhd.

Projek-projek ini membawa pelbagai manfaat kepada bidang E&E tempatan, termasuklah membantu PKS membangunkan teknologi baru, memupuk syarikat-syarikat baru dalam membawa produk-produk inovatif ke pasaran, mempertingkatkan reka bentuk dan tempoh kitaran pembuatan untuk meningkatkan produktiviti, membentuk bakat pascasiswazah dan usahawan teknologi yang relevan, serta meningkatkan kebolehan universiti tempatan untuk menyokong industri dalam aktiviti penyelidikan, kejuruteraan dan reka bentuk.

“24 aplikasi reka bentuk eko telah dijalankan menggunakan kemudahan perkongsian EIDC.”

Selain itu, lebih banyak syarikat tempatan, sama ada PKS ataupun perusahaan besar tempatan (LLE), perlu bekerjasama dalam pengkomersialan hasil penyelidikan ke pasaran. Terdapat juga kekurangan dalam pendanaan sendiri dan pendanaan usaha niaga dalam membangunkan teknologi dan penyelesaian yang baru dalam pasaran. Oleh itu, skim pendanaan bersama pra-permulaan dan permulaan perlu ditubuhkan untuk membantu pengesahan teknologi baru ke pasaran. Agensi pendanaan Kerajaan juga perlu memperuntukkan dana bagi pengkomersialan teknologi baru sehingga ke tahap produk minimum berdaya maju (MVP) bagi mengurangkan risiko teknologi.

Mempromosikan reka bentuk kejuruteraan eko-perindustrian

Pusat Reka Bentuk Eko-Perindustrian (EIDC) SIRIM melengkapkan usaha CREST dengan membantu PKS untuk meningkat dalam rantai nilai melalui penawaran perkhidmatan yang berpatutan dalam konseptualisasi dan visualisasi produk, reka bentuk dan pemodelan 3D, analisa alam sekitar dan kejuruteraan serta penciptaan prototaip. EIDC mewujudkan kecemerlangan dalam bidang reka bentuk perindustrian yang menggabungkan elemen eko-inovasi untuk mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar dan pada masa yang sama mengekalkan nilai estetika, ergonomik dan kebolehgunaan produk. Fasiliti di EIDC turut diperkasa bagi mematuhi Arahan Sekatan Bahan Kimia Berbahaya (RoHS).

Pada tahun 2017, bilangan aplikasi reka bentuk eko yang dijalankan oleh syarikat-syarikat menggunakan kemudahan perkongsian EIDC ialah sebanyak 24,

menjadikan jumlah aplikasi sebanyak 68 sejak tahun 2015. Manfaat-manfaat lain yang dibawakan oleh pusat ini termasuklah penyetempatan komponen yang lebih baik, perluasan pasaran untuk perniagaan, pengurangan tempoh pemprosesan, sisa buangan dan kos, serta keselamatan alam sekitar.

Walau bagaimanapun, EIDC berdepan masalah kemudahan yang semakin lusuh, perbelanjaan penyelenggaraan peranti dan perisian tahunan yang tinggi serta penggunaan kemudahan dan perkhidmatan reka bentuk eko-perindustrian yang rendah. PKS juga mempunyai pengetahuan dan peralatan yang terhad untuk reka bentuk, pembangunan dan pengujian produk. Oleh itu, mereka fokus kepada pembangunan produk dan R&D tahap rendah. Pusat ini juga sangat bergantung kepada bahan-bahan import untuk pencetakan 3D, sementara kesediaan PKS yang rendah untuk menerima Industri 4.0 juga menjadi penghalang keseluruhan kepada perkembangan yang berterusan.

Untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut, SIRIM sedang menubuhkan Additive Manufacturing Demonstration Centre (AMDC) di EIDC untuk menggalakkan PKS untuk membangunkan dan menghasilkan lebih banyak produk dengan nilai tambahan. EIDC akan terus fokus pada sektor sasarannya, khususnya E&E, M&E, peralatan perubatan dan aeroangkasa, dalam bidang kemajuan teknologi pembuatan tambahan. Tambahan pula, pusat ini juga menyasarkan untuk mewujudkan ekosistem pembuatan konduktiviti yang mampu memudah cara pengamalan teknologi pembuatan tambahan dalam kalangan PKS dalam usaha menyokong pelaksanaan Industri 4.0 di Malaysia.



Ir. Dr. Mohamad Jamil Sulaiman, Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau dan Profesor Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani melawat Pusat Reka Bentuk Perindustrian SIRIM, Bukit Jalil, Kuala Lumpur.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Kerajaan akan terus memacu pembangunan sektor E&E dengan memperuntukkan pelbagai insentif dan dana tersasar untuk menggalakkan pengamalan Industri 4.0, seiring dengan komitmennya untuk mengurangkan kebergantungan Malaysia kepada pekerja asing berkemahiran rendah dalam sektor pembuatan. Pengamalan Industri 4.0 dalam konteks ini akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti, seiring dengan trend-trend global.

	Robot Berautonomi	Robot yang berautonomi, fleksibel dan kooperatif berinteraksi dengan satu sama lain, dan bekerja dengan selamat serta belajar daripada manusia
	Simulasi	Model maya, yang mencerminkan dunia fizikal, boleh mensimulasikan mesin, produk dan manusia, serta membolehkan pengujian dan pengoptimuman penetapan mesin sebelum perubahan fizikal
	Integrasi Sistem	Integrasi data universal syarikat, jabatan and fungsi untuk menubuhkan keupayaan yang padu dan membolehkan rantai nilai yang automatik
	Internet of Things Perindustrian	Peranti yang diperkaya dengan pengkomputeran terbenam dan disambung menggunakan teknologi standard membenarkan perkhidmatan medan berkomunikasi dan berinteraksi dengan satu sama lain dan pengawal terpusat
	Keselamatan Siber	Keperluan untuk melindungi sistem perindustrian yang kritikal dan barisan pembuatan yang mempunyai ketersambungan yang tinggi dan komunikasi protokol standard, daripada ancaman keselamatan siber
	Pengkomputeran Awan	Perkongsian data yang merentasi laman web dan batasan syarikat akan meningkatkan data dan fungsi mesin serta membolehkan lebih banyak perkhidmatan berasaskan data untuk sistem pengeluaran
	Pembuatan Tambahan	Sistem berprestasi tinggi dan tidak terpusat menghasilkan kelompok kecil produk tersuai yang menawarkan kelebihan pembuatan, seperti reka bentuk yang kompleks dan ringan
	Realiti Berantara dan Maya	Sistem maya yang menyediakan maklumat masa nyata mampu meningkatkan pengambilan keputusan dan prosedur kerja, melatih kakitangan kilang untuk menangani kecemasan, berinteraksi dengan mesin dan arahan penyelenggaraan
	Analitik Data Raya	Pengumpulan dan penilaian komprehensif data dari sumber yang berbeza mampu membantu pengambilan keputusan pada masa nyata

Sembilan kemajuan dalam teknologi yang membentuk asas Industri 4.0.

Impak Industri 4.0 adalah besar – ia akan mentransformasikan proses reka bentuk, proses pembuatan, operasi, perkhidmatan produk dan sistem pengeluaran, manakala peningkatan kesalinghubungan dan interaksi antara bahagian, mesin dan manusia akan mempercepat sistem pengeluaran sehingga 30% dan meningkatkan tahap kecekapan sebanyak 25%, dan seterusnya meningkatkan pengkhususan massa ke tahap yang baru. Hal ini membolehkan proses-proses yang lebih cepat, lebih anjal dan lebih cekap untuk menghasilkan barangan yang lebih berkualiti pada kos yang lebih murah.

Kerajaan telah menggubal Pelan Tindakan Industri 4.0 Kebangsaan yang diketuai oleh MITI dengan kerjasama MOSTI, KPT, Kementerian Sumber Manusia (MOHR), Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU), untuk menerajui pembangunan strategi Industri 4.0 yang fokus kepada pembuatan dan perkhidmatan berkaitan pembuatan, dengan input dari pihak-pihak berkepentingan di dalam dan luar industri. Pelan Tindakan Industri 4.0 Kebangsaan ini akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri pada suku pertama tahun 2018. MIDA juga dijangka akan menyiapkan kajian yang bertajuk “Future of Manufacturing: Industry 3+2” pada suku pertama tahun 2018 yang merangkumi lima sub-sektor industri pemangkin dan pertumbuhan berpotensi tinggi, iaitu E&E, M&E, kimia, aeroangkasa dan peralatan perubatan.

Dalam masa terdekat, Kerajaan akan menggalakkan pelaburan dari syarikat berteknologi tinggi untuk menjalankan aktiviti R&D termaju di Malaysia. Terdapat juga perancangan untuk menghasilkan program peningkatan kemahiran untuk melatih jurutera-jurutera Malaysia untuk menjalankan aktiviti R&D dan reka bentuk IC bagi memenuhi permintaan industri untuk kakitangan R&D. MNC digalakkan untuk mempersiapkan syarikat-syarikat baru melalui usaha sama R&D, penyumberan luar dan sokongan pengkomersialan, manakala kerjasama dibentuk antara MNC dan universiti tempatan untuk menjalankan aktiviti R&D, meningkatkan kadar pengkomersialan dan menyelaraskan sukatan akademik dengan keperluan industri.



PERKHIDMATAN PERNIAGAAN



**MEMANTAPKAN KEBITARAAN
MALAYSIA DALAM INDUSTRI
PERKHIDMATAN PERNIAGAAN GLOBAL**

**YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED**

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Malaysia terus mengekalkan kedudukannya sebagai sebuah pusat perkhidmatan perniagaan yang berdaya saing di peringkat global. Pada tahun 2017, sektor perkhidmatan dan perniagaan berjaya menjana pelaburan sebanyak RM41.1 bilion dan mencatatkan PNK sebanyak RM64 bilion, meletakkan NKEA ini pada landasan yang tepat untuk mencapai sasaran PNK keseluruhan bagi tahun 2020 iaitu sebanyak RM78.7 bilion. Keseluruhan pelaburan tersebut adalah hasil daripada sumbangan projek-projek perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar (shared services and outsourcing, SSO), teknologi hijau dan projek-projek aeroangkasa. Sektor perkhidmatan perniagaan tempatan dijangka mencatat kadar kompaun pertumbuhan tahunan sebanyak 10%-15% dalam tempoh tiga tahun yang akan datang.

Sektor aeroangkasa telah berkembang menjadi enjin pertumbuhan utama bagi sektor perkhidmatan perniagaan. Sektor ini telah mewujudkan lebih daripada 21,000 peluang pekerjaan sejak bermulanya NKEA ini dan mencapai kemajuan yang ketara pada tahun 2017 di mana lebih daripada 200 perusahaan kecil dan sederhana (PKS) kini terlibat dalam industri aeroangkasa. Malaysia juga telah menempa posisi sebagai pembekal komponen kapal terbang yang utama. Misalnya, UMW Aerospace merupakan syarikat Malaysia pertama yang menjadi pembekal tahap satu kepada Rolls-Royce dengan nilai kontrak berjumlah RM830 juta pada tahun 2017.

GBS Iskandar turut disasarkan untuk meningkatkan daya saing dan penglibatan Malaysia dalam industri perkhidmatan perniagaan global yang kian berkembang. Setakat ini, GBS Iskandar telah mencipta lebih daripada 2,800 pekerjaan profesional dan menarik lebih daripada RM1.4 bilion (US\$315 juta) pelaburan.

Pada masa yang sama, Malaysia berjaya mengekalkan kedudukan ketiga secara konsisten dalam AT Kearney's Global Services Location Index untuk 14 tahun berturut-turut sejak tahun 2004. Malaysia juga mengekalkan tempat di antara 25 negara teratas dari segi kemudahan menjalankan perniagaan, suatu pencapaian yang mencerminkan usaha Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan yang amat menarik.

INDUSTRI AEROANGKASA TERUS BERKEMBANG PESAT

Industri aeroangkasa turut mencatatkan peningkatan pada tahun 2017 setelah merekod hasil tahunan sebanyak RM6.96 bilion* dan pelaburan sebanyak RM600 juta*. Hasil keseluruhan bagi industri aeroangkasa bersumber daripada tiga bidang fokus aeroangkasa di bawah NKEA ini iaitu dari segi SME pembuatan (RM17.2 juta), perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (Maintenance, Repair and Overhaul, MRO) (RM6.23 bilion*), serta perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi (pure-play engineering services) (RM125 juta*). Secara keseluruhannya, pelaburan yang diperoleh industri ini telah mencapai RM2.55 bilion* berbanding sasaran sebanyak RM1.9 bilion menjelang tahun 2020.

Antara pencapaian utama dalam industri aeroangkasa pada tahun 2017 ialah pelantikan Composites Technology Research Malaysia (CTRM) Sdn Bhd sebagai pembekal sumber tunggal bagi pembuatan dan pembekalan penutup kipas Airbus A350. CTRM telah melabur sebanyak RM93.4 juta untuk membina fasiliti yang akan meningkatkan keupayaannya untuk memenuhi peningkatan permintaan yang akan datang bagi alat ganti pesawat Airbus A320 dan A350. Tambahan pula, Malaysia telah mencipta nama sebagai pengeluar alat ganti

enjin aero, berikutan pengoperasian fasiliti pembuatan kelongsong kipas UMW Aerospace di Serendah, Selangor. Apabila kesemua fasa projek ini selesai, fasiliti tersebut akan berupaya menghasilkan sehingga 250 unit kelongsong kipas setahun yang bernilai RM770 juta. Kelongsong kipas tersebut digunakan dalam enjin Rolls Royce Trent 1000 bagi pesawat penumpang B-787 Dreamliner, serta enjin Trent 700 untuk pesawat Airbus A330 Neo. Pemain industri aeroangkasa Malaysia juga telah berkembang untuk menjadi pembekal komponen struktur aero komposit dan logam untuk keperluan Airbus serta Boeing. Segala pencapaian ini membuktikan pengetahuan teknikal dan keupayaan pembuatan bernilai tinggi yang dimiliki oleh pemain tempatan.

“Secara keseluruhannya, pelaburan dalam industri aeroangkasa telah mencapai RM2.55 bilion* berbanding sasaran RM1.9 bilion menjelang tahun 2020.”

Kemajuan penting turut disaksikan dalam sektor MRO sepanjang tahun 2017. Salah satu syarikat utama dalam sektor ini, Sepang Aircraft Engineering (SAE), telah membuka hangar keduanya secara rasmi pada tahun 2017. Hangar tersebut meliputi kawasan seluas 12,000 meter persegi dan akan meningkatkan keupayaan SAE untuk



Pelancaran hangar baharu Sepang Aircraft Engineering.

*Data unjuran dari Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) setakat Jan 2018.



mengendalikan rangkaian Airbus A320 dan memuatkan dua buah pesawat pada satu masa untuk pemeriksaan penyenggaraan yang berskala besar. Hangar ini melengkapi hangar pertama yang berkeluasan 37,000 meter persegi dan boleh memuatkan enam pesawat satu lorong atau dua pesawat berbadan lebar. Hangar tersebut juga mempunyai ruang mengecat tertutup khas mesra alam yang pertama di Malaysia serta bengkel-bengkel yang canggih untuk menjalankan kerja menyelenggara dan membaik pulih pelbagai komponen yang digunakan dalam pesawat Airbus, termasuklah sistem hidraulik dan pneumatik.

Kerajaan telah memberi keutamaan kepada pembangunan sektor aeroangkasa. Kerajaan juga akan berusaha untuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan syarikat aeroangkasa tempatan untuk memastikan mereka berdaya saing di peringkat global. Bagi mencapai matlamat ini, Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) telah melaksanakan program untuk mengasah dan meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) yang berkelayakan untuk membantu mempersiapkan mereka untuk menempa kejayaan dalam pasaran aeroangkasa. Sebanyak 20 PKS telah dipilih dalam masa dua tahun untuk menyertai program ini. Kebanyakan daripada syarikat-syarikat ini telah mendapat persijilan AS9100 dan telah menjana pendapatan sebanyak RM17.2 juta setakat ini.

Usaha Kerajaan untuk memudah cara penyelarasan industri dan meningkatkan usaha sama yang berterusan diterajui oleh Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO). Sebagai sebahagian daripada usaha ini, NAICO telah memperluaskan rangkaian globalnya secara strategik dan menjalin usaha sama yang lebih rapat dengan badan-badan industri aeroangkasa dari dua buah negara aeroangkasa yang sedang membangun, yakni Mexico dan Maghribi. NAICO juga telah menjalankan pelbagai aktiviti pengumpulan maklumat di sekitar Asia dan Eropah. Usaha-usaha ini dijangka akan mewujudkan lebih banyak peluang bagi syarikat tempatan untuk menembusi pasaran baru dan menarik lebih banyak pelaburan langsung asing.

NAICO juga telah menerajui pelbagai inisiatif pembangunan modal insan untuk memastikan bakat bertaualiah yang mencukupi dalam industri ini. Antara inisiatif tersebut termasuklah sebuah usaha sama dengan TalentCorp Malaysia untuk menghasilkan Senarai Pekerjaan Kritikal bagi industri aeroangkasa. Sebuah pusat Industry-Based Education Training (IBET) juga telah ditubuhkan di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTMM) Masjid Tanah. Pusat ini merupakan hasil daripada usaha sama di antara CTRM, Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (AMIC) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Pusat ini akan menawarkan program-program latihan khusus yang berasaskan industri.

MENINGKATKAN KEDUDUKAN DALAM RANTAIAN NILAI PENYUMBERAN LUAR

Sektor perkongsian perkhidmatan dan penyumberan luar (SSO) yang juga dikenali sebagai Perkhidmatan Perniagaan Global (Global Business Services, GBS), terus berkembang pesat dan menjana unjuran hasil tahunan sebanyak RM3 bilion* dan pelaburan sebanyak RM731 juta. Demi mengekalkan daya saing Malaysia dalam GBS, negara perlu mencapai sasarannya untuk beralih daripada sebuah pemain Penyumberan Luar Proses Perniagaan (BPO) kepada sebuah hab Penyumberan Luar Proses Pengetahuan (KPO).

“Demi mengekalkan daya saing Malaysia dalam GBS, negara perlu mencapai sasarannya untuk beralih daripada sebuah pemain Penyumberan Luar Proses Perniagaan (BPO) kepada sebuah hab Penyumberan Luar Proses Pengetahuan (KPO).”

Kerajaan memberi penekanan kepada usaha pembangunan modal insan bagi menyokong ekosistem SSO, terutamanya aktiviti lanjutan yang bernilai tinggi, demi meningkatkan kedudukan Malaysia dalam rantai nilai SSO dan mentransformasikan Malaysia untuk menjadi sebuah hab KPO. Oleh itu, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) dan Perbadanan Bakat Malaysia (TalentCorp) telah melancarkan Industry-Academia Collaboration for Global Business Services (IAC-GBS). Melalui IAC-GBS, pihak universiti, Kerajaan dan industri akan bekerjasama untuk membangunkan kurikulum bagi kursus pendek dan latihan industri yang relevan untuk menyokong peralihan kepada KPO. IAC-GBS merupakan sebuah model inovatif yang merangkumi latihan dan aktiviti penempatan dari ‘hujung ke hujung’ (end-to-end). Model ini melibatkan proses mewujudkan kesedaran tentang GBS, menyediakan peluang latihan industri dan pensijilan, melaksanakan pembenaman kurikulum, menganjurkan pertandingan dan kem latihan yang fokus kepada industri serta meningkatkan kemahiran para graduan. Setakat tahun 2017, 21 majikan dan

*Data unjuran dari Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) setakat Jan 2018.



Perasmian Aegis di Iskandar Puteri.

enam buah institut pengajian tinggi telah mengambil bahagian dalam program-program yang dianjurkan IAC-GBS. Lebih daripada 300 orang peserta telah mengikuti program-program IAC-GBS sejak tahun 2015, di mana kira-kira 70% daripada mereka telah berjaya ditempatkan di syarikat-syarikat GBS.

Di Selatan Malaysia, bandaraya Iskandar Puteri di Johor terus berkembang sebagai hab GBS. Bandaraya ini telah menarik lebih daripada RM1.6 bilion dalam bentuk pelaburan berkaitan GBS dan mewujudkan lebih daripada 3,000 pekerjaan setakat ini. Pada tahun 2017, Iskandar Puteri telah menerima beberapa kemasukan baru termasuklah Aegis, Courts, KPMG dan Technopals, yang membawa masuk pelaburan berjumlah RM447.7 juta dan mewujudkan 1,397 pekerjaan baru.

Dua buah kompleks pejabat yang terletak di Iskandar Puteri, Medini 7 dan Medini 9, telah diiktiraf dengan status MSC Malaysia. Pengiktirafan ini membuktikan ketersediaan perkhidmatan dan infrastruktur bertaraf dunia di Iskandar Puteri, seiring dengan matlamat keseluruhan pembangunan Medini untuk memperoleh status 'bandar pintar' (smart city).

Selaras dengan matlamat Iskandar Puteri, sebuah jawatankuasa pemandu telah ditubuhkan pada tahun 2017 untuk menumpukan fokus kepada pentadbiran pembangunan wilayah tersebut serta memastikan Iskandar Puteri terus berada di landasan yang tepat bagi mencapai sasaran pelaburan sebanyak RM6.5 bilion menjelang tahun 2020. Untuk mencapai sasaran ini, jawatankuasa tersebut akan memberi penekanan kepada mempercepatkan aliran pelaburan perkhidmatan perniagaan di Iskandar Puteri serta menghasilkan perancangan untuk menghadapi

suasana ekonomi global yang mencabar. Beberapa usaha sama dengan pihak-pihak berkepentingan dalam industri turut dijalankan bagi membangunkan bekalan bakat yang mampan untuk Iskandar Puteri, termasuklah inisiatif GBS Iskandar Campus Connect dan program GBS Iskandar Readiness Enhancement Dedicated Skilling (REDS), yang bertujuan untuk mempersiapkan bakat tempatan dengan kemahiran yang diperlukan oleh GBS selain membantu dalam penempatan pekerjaan.

Program Keterlibatan Pelanggan juga telah dijalankan untuk meningkatkan kadar pengekalan pelanggan dan menambah faktor daya tarik Iskandar Puteri. Program ini memaparkan pelbagai aktiviti bertumpukan komuniti seperti kejohanan sukan dan perkongsian pengetahuan.

MEMBANGUNKAN PUSAT DATA DI MALAYSIA

Sektor Pusat Data (DC) telah menjana unjuran hasil sebanyak RM1.0 bilion* pada tahun 2017. Sektor DC telah berkembang sejak kerajaan mula menggunakan pakai Strategi "Cloud First" dalam agenda negara, yang mula dilaksanakan dalam sektor awam. Penggunaan teknologi cloud mampu membawa inovasi dalam penyampaian perkhidmatan awam tanpa perbelanjaan yang tinggi untuk melabur dalam infrastruktur teknologi maklumat seperti pusat data, server serta infrastruktur untuk penyimpanan.

Malaysia juga telah berjaya menarik pelabur asing seperti Alibaba Cloud selain pengambilalihan CSF CX Sdn Bhd oleh Bridge Data Centres. Alibaba Cloud, cabang perkomputeran cloud Alibaba Group, akan menyokong PKS tempatan dan menawarkan program-program latihan seperti pensijilan Alibaba Cloud Certified Professional (ACP).

Sebagai sebahagian daripada aspirasi Malaysia untuk menjadi perintis dalam polisi pelaburan teknologi, rang undang-undang bagi Trusted Data Zone (TDZ) dijangka akan dibahas di Parlimen pada tahun 2018. TDZ disasarkan untuk membentuk dasar tadbir urus teknologi yang progresif, khusus untuk pusat data. TDZ juga dijangka akan mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai hab DC.

*Data unjuran dari Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) setakat Jan 2018.



MEMACU PERTUMBUHAN INDUSTRI PEMBINAAN DAN PEMBAIKAN KAPAL

Industri pembinaan dan pembaikan kapal (shipbuilding and ship repair, SBSR) di Malaysia sedang berkembang pada kadar yang stabil dengan jumlah eksport sebanyak RM700 juta pada tahun 2016, mewakili kenaikan sebanyak 2.5% dari tahun 2015. Dalam usaha meningkatkan pertumbuhan industri ini, sebuah Panel Penasihat SBSR telah ditubuhkan pada tahun 2017. Panel tersebut yang diketuai oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan dibantu oleh Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) telah diberi mandat untuk memulakan dan menerajui projek-projek utama bagi membangunkan industri SBSR.

Kerajaan telah melancarkan inisiatif pemodenan kapal perikanan pada tahun 2017 yang menyasar untuk menaik taraf kapal industri perikanan dari segi pembuatan badan kapal. Bagi memastikan piawaian yang ketat bagi aspek keselamatan, kebersihan dan kelayaklayaran secara keseluruhannya, di bawah inisiatif ini, badan kapal yang diperbuat daripada kayu akan digantikan oleh badan kapal yang diperbuat daripada keluli/kaca gentian. Berikutan itu, Jabatan Perikanan telah menetapkan piawaian dan reka bentuk untuk badan kapal keluli/kaca gentian, manakala MIDA dan Agrobank pula menawarkan skim pembiayaan untuk menyokong inisiatif ini dan membolehkan pemain industri perikanan menaik taraf kapal mereka, seiring dengan matlamat untuk memodenkan industri perikanan tempatan.

MEMANFAATKAN TEKNOLOGI HIJAU UNTUK MASA DEPAN YANG MAMPAN

Sektor teknologi hijau terus berkembang dengan penjana hasil sebanyak RM6.1 bilion selain menarik pelaburan sebanyak RM2.9 bilion pada tahun 2017. Sebagai pelaksana utama inisiatif hijau di negara ini, Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) menganjurkan International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) setiap tahun. Acara tersebut menjadi platform untuk syarikat-syarikat tenaga hijau di Malaysia untuk mempamerkan inovasi terkini kepada para penggubal dasar, organisasi Kerajaan, pelabur dan pihak berkepentingan di bawah jenama IGEM dalam usaha mereka untuk menembusi pasaran ASEAN yang pantas berkembang.

IGEM kali yang ke-lapan telah diadakan dari 11 hingga 13 Oktober 2017, menarik kehadiran 34,868 orang peserta dari seluruh dunia dan 320 buah syarikat daripada 30 negara. Sejumlah RM1.6 bilion dalam bentuk pelaburan telah berjaya diperoleh sepanjang acara tersebut.

“Menjelang tahun 2030, sektor teknologi hijau dijangka akan menyumbang kira-kira 1.5% kepada KDNK negara, bersamaan dengan RM60 bilion.”

Antara sorotan utama IGEM pada tahun 2017 ialah pelancaran Pelan Induk Teknologi Hijau (Green Technology Master Plan, GTMP). Pelan Induk tersebut menggariskan strategi teknologi hijau Malaysia untuk membangunkan ekonomi yang cekap sumber dan rendah jejak karbon. Pelan tersebut menyasar untuk membangunkan sektor teknologi hijau Malaysia dan menjana hasil sebanyak RM180 bilion selain mewujudkan lebih daripada 200,000 pekerjaan yang mesra alam menjelang tahun 2030. Menjelang tahun 2030, sektor teknologi hijau dijangka akan menyumbang kira-kira 1.5% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara, atau bersamaan dengan RM60 bilion, berbanding RM7.9 bilion pada tahun 2013. Pelan Induk tersebut juga menyasar untuk menarik pelaburan sebanyak RM86.3 bilion dalam sektor teknologi hijau.

Selain itu, GTMP juga menggariskan komitmen Kerajaan untuk mengubah hala tuju negara dari sekadar penggunaan teknologi hijau kepada penghasilan teknologi hijau. Objektif terutama bagi perubahan ini adalah untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia sebagai pelopor dalam gerakan hijau global selaras dengan aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50).



Pelancaran Pelan Induk Teknologi Hijau di IGEM2017.

Industri Aeroangkasa Malaysia Terus Maju Ke Hadapan

Industri aeroangkasa Malaysia telah mencapai kemajuan yang mengagumkan dalam usaha untuk menjadi hab aeroangkasa serantau. Malaysia kini merupakan pembekal sumber tunggal bagi pembuatan penutup kipas Airbus A350 dan kelongsong kipas bagi enjin Trent 1000 dan Trent 7000 Rolls Royce.

Pertumbuhan dan pembangunan industri pembuatan aeroangkasa banyak disumbang oleh usaha Kerajaan melalui Program Transformasi Negara dan sokongan daripada agensi-agensi seperti Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Kebangsaan (National Aerospace Industry Coordinating Office, NAICO). NAICO ditubuhkan pada bulan Ogos 2015 untuk membangunkan dan menambah baik industri aeroangkasa tempatan, melaksanakan Pelan Induk Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030, menyelaraskan dan memantau program-program pembangunan industri aeroangkasa serta menjadi pusat rujukan bagi pelabur asing dan domestik.

Shamsul Kamar Abu Samah, Ketua NAICO, berkata prospek bagi sektor aeroangkasa Malaysia amat menggalakkan dengan perkembangan perniagaan dua syarikat penerbangan utama negara – AirAsia dan Malaysia Airlines.

“Pertambahan bilangan pesawat bermakna akan wujudnya lebih banyak aktiviti kejutureraan dalam bidang ini,” kata Shamsul. Beliau juga menambah, bagi mencapai matlamat menjadi sebuah hab serantau, Malaysia harus bertindak pantas dan memanfaatkan peningkatan dalam bilangan pesawat di rantau Asia Pasifik yang dijangka akan mencecah 16,000 pesawat menjelang 2036. Malah, satu perempat daripada bilangan tersebut dijangka bakal memasuki pasaran Asia Tenggara.

“Kita perlu merebut peluang ini sebaiknya,” kata beliau. “Malaysia perlu bertindak secepat negara-negara lain di rantau ini kerana mereka juga melihat potensi yang sama. Maka, hubungan kita dengan pemain-pemain global amat penting.”



Shamsul Kamar Abu Samah, Ketua Pejabat Penyelaras Industri Aeroangkasa Kebangsaan.



NAICO bertungkus-lumus melaksanakan program-program pembangunan nasional. Dalam usaha meningkatkan daya saing dan kedudukan Malaysia dalam industri ini, NAICO dan rakan-rakan industri seperti Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia (Aerospace Malaysia Innovation Centre, AMIC) telah membangunkan Pelan Tindakan Penyelidikan dan Teknologi Kebangsaan, yang dijangka akan dilancarkan pada suku pertama 2018, bagi mengenal pasti bidang-bidang penyelidikan strategik. Pelan tindakan ini akan menetapkan bidang tumpuan kecekapan teknologi dalam ekosistem aeroangkasa Malaysia, serta memberi hala tuju kepada penyelidikan universiti, bantuan Kerajaan dan perolehan teknologi.

Memandangkan bidang aeroangkasa merupakan bidang yang memerlukan pengetahuan serta kemahiran yang tinggi, maka NAICO juga bekerjasama dengan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk membangunkan sumber manusia yang diperlukan oleh industri ini. NAICO juga telah dilantik oleh Kementerian Sumber Manusia (MOHR) untuk menerajui rangka kerja pembangunan kemahiran industri aeroangkasa.

Selain itu, NAICO juga bekerjasama dengan Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) untuk membangunkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) aeroangkasa dan PKS yang berminat untuk memasuki industri aeroangkasa. Di samping itu, NAICO juga terlibat dalam pembangunan infrastruktur untuk menyokong pertumbuhan industri aeroangkasa tempatan. Agensi itu bekerjasama dengan Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) untuk membangunkan KLIA Aeropolis, dan juga UMW untuk membangun Taman Pengeluaran Logam Keras Aeroangkasa di Serendah, Selangor.

Shamsul berkata, Program Transformasi Negara dan usaha-usahanya yang direka khusus untuk industri aeroangkasa banyak membantu meningkat profil Malaysia sebagai destinasi penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (Maintenance, Repair and Overhaul, MRO) serantau dan pembangunan PKS yang berdaya saing. “Usaha kami untuk membangunkan ekosistem aeroangkasa tempatan mendapat sokongan Kerajaan sepenuhnya melalui pelbagai projek di bawah Program Transformasi Negara.”

Tambahnya lagi, cabaran utama dalam industri tempatan adalah untuk menarik minat syarikat-syarikat di Malaysia untuk menerima dan mengamalkan Industri 4.0 demi kemampuan industri.

“Kita perlu beralih ke arah inovasi dalam pengeluaran komponen,” kata beliau. “Robot pintar, automasi dalam talian dan percetakan 3D perlu diperkenalkan kepada kilang tempatan kerana negara-negara maju telah melaksanakannya. Pemain industri tempatan perlu memahami bahawa kita perlu mengekalkan daya saing yang tinggi agar perkhidmatan kita terus relevan kepada pelabur-pelabur luar.”

Bagi menangani cabaran ini dan menggalakkan peralihan industri kepada Industri 4.0, NAICO dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sedang dalam proses menggubal Pelan Tindakan Industri 4.0 Kebangsaan. Pelan tindakan ini dijangka akan dilancarkan pada suku pertama tahun 2018.

Beliau menambah lagi bahawa semua pihak berkepentingan dalam ekosistem aeroangkasa Malaysia perlu bekerjasama dan membawa suara umum mewakili negara. Beliau menerangkan, Jepun membangunkan kelompok industri di kawasan-kawasan terpilih dan syarikat-syarikat dalam kelompok-kelompok tersebut boleh menyatukan sumber dan kebolehan mereka, lantas meningkatkan peluang untuk memenangi tender atau projek.

“Hal ini adalah amat penting untuk kita memperkasa ekosistem aeroangkasa tempatan, menyatukan kebolehan dan menyediakan penyelesaian yang lebih baik kepada syarikat pengeluar peralatan tulen (OEM) dan syarikat Tahap 1,” kata beliau. “Dengan cara ini, mereka akan dapat melihat kemajuan dan kekuatan ekosistem aeroangkasa di Malaysia.”

PKS dari Johor Maju ke Angkasa

Aerospace Partners Engineering (APE) ialah sebuah perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dari Johor yang menghasilkan bahagian-bahagian untuk syarikat-syarikat kelengkapan dalaman pesawat di Singapura. APE ditubuhkan pada tahun 2010 oleh seorang bekas kakitangan Malaysia Airlines, Jeffrey Lee, dan syarikat tersebut telah berjaya mendapatkan pelbagai kontrak termasuklah sebuah kontrak pada tahun 2012 untuk mereka bahagian untuk tempat duduk Kelas Perniagaan Singapore Airlines. Syarikat tersebut mempunyai keupayaan untuk menghasilkan 2,000 bahagian dimesin jitu yang digunakan dalam pesawat-pesawat di seluruh dunia termasuklah SilkAir, Xiamen Airlines dan Aeromexico.

APE juga merupakan salah satu penerima manfaat inisiatif-inisiatif di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan untuk meningkatkan pembangunan PKS dalam industri pembuatan aeroangkasa global. Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) menerajui usaha di bawah EPP8 – Membangunkan PKS dalam Industri Pembuatan Aeroangkasa Global yang menempatkan PKS yang terlibat dalam sebuah program pembangunan selama setahun bagi mempersiapkan mereka dengan segala yang diperlukan untuk menjadi pembekal kepada pengeluar peralatan tulen syarikat-syarikat (OEM) dan Tahap 1 aeroangkasa global. Walaupun APE telah dijemput untuk memohon bagi program tersebut, kemasukan

termaktub kepada pemilihan melalui persaingan, dan APE perlu membuat pembentangan kepada SME Corp sebelum dipilih.

Sebagai sebahagian daripada program tersebut, APE telah dibawa ke United Kingdom untuk belajar tentang industri aeroangkasa dengan lebih mendalam. Di sana, para peserta program telah melawat Farnborough Airshow serta menyertai sesi-sesi khas industri di Cranfield University. Di Cranfield, APE dan PKS Malaysia yang lain telah menjalani kursus tentang cara-cara untuk berjaya dalam perniagaan aeroangkasa serta kaedah untuk memajukan perniagaan mereka.

Di Malaysia, PKS-PKS tersebut telah diperkenalkan kepada pelanggan-pelanggan potensi OEM aeroangkasa yang beroperasi di negara ini, misalnya Spirit AeroSystems dan UMW. Mereka juga telah diberi taklimat oleh pakar-pakar pensijilan aeroangkasa dan berpeluang bertemu dengan wakil-wakil Airbus yang menerangkan kriteria untuk menjadi pembekal kepada pengeluar penerbangan global.

Lee berkata NKEA ini juga telah membantu APE berhubung dengan pelanggan-pelanggan potensi Tahap 1 dan Tahap 2 serta rakan-rakan kongsi di Malaysia. Program ini juga menyediakan platform perangkaian kepada PKS untuk berkongsi pengalaman, kemahiran dan sumber yang boleh membantu dalam menghasilkan bidaan yang lebih berdaya saing untuk mendapatkan kontrak.



Mesin *computer numerical control* (CNC).



Sebagai sebahagian daripada program tersebut, APE juga telah menerima geran peningkatan produktiviti sebanyak RM500,000 daripada SME Corp yang membantu meningkatkan keupayaan pengeluaran APE.

“SME Corp telah membimbing kami dan membantu membekalkan maklumat dan bantuan kewangan,” kata Lee.

Usahawan aeroangkasa tersebut juga menyatakan bahawa inisiatif-inisiatif Program Transformasi Negara seperti Bandar Aeroangkasa Asia dan Pelan Induk Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 akan membantu menarik syarikat-syarikat OEM aeroangkasa yang lebih besar ke negara ini dan seterusnya membantu membangunkan industri tempatan dan meningkatkan daya saing Malaysia sebagai sebuah hab aeroangkasa.

“Secara keseluruhannya, landskap aeroangkasa telah bertambah baik di bawah Program Transformasi Negara. Kini, kami tahu apa yang diperlukan untuk membina sebuah ekosistem aeroangkasa yang lengkap di Malaysia,” kata Lee.

APE mempunyai perancangan untuk meningkatkan kapasiti pengeluarannya daripada 4,000 jam pemesinan sebulan kepada 10,000 jam pemesinan sebulan. PKS tersebut juga ingin meningkatkan jumlah tenaga kerjanya daripada 30 orang kakitangan kepada 100 orang kakitangan dalam masa 5 tahun akan datang.

Lee juga berhasrat untuk meningkatkan kedudukan syarikat tersebut dalam rantaian nilai dan menaikkan statusnya dari pengeluar Tahap 2/Tahap 3 kepada pengeluar Tahap 1. Hal ini bermakna APE akan memiliki rekaan-rekaannya sendiri, melakukan kerja-kerja pemasangan dan pembekalan berkumpulan (kitting) serta menjalankan penyelidikan dan pembangunan.

“Kami ingin meningkatkan kedudukan kami dalam rantaian nilai dan melakukan kerja-kerja yang bernilai tinggi,” kata Lee.

Untuk menambah baik persekitaran operasi untuk PKS aeroangkasa, pengasas APE berkata Kerajaan boleh membantu menurunkan keperluan perbelanjaan modal untuk menerima Industri 4.0, mempercepatkan pemprosesan, dan membantu menghubungkan PKS-PKS dengan syarikat-syarikat Tahap 1. Beliau juga menyatakan bahawa kadar pertukaran asing yang tidak menentu dan kenaikan kos mungkin memberi kesan kepada daya saing serantau sektor aeroangkasa Malaysia.



Mesin *additive manufacturing*.

Selain itu, walaupun Kerajaan telah menggalakkan lebih banyak syarikat menerima pelbagai teknologi dan inovasi Industri 4.0 bagi mempersiapkan syarikat-syarikat tersebut untuk masa hadapan dan lebih berdaya saing, langkah ini juga mungkin melibatkan kos mencecah berjuta-juta, kata Lee. Beliau menyarankan agar Kerajaan mempertimbangkan skim-skim yang boleh membantu merendahkan halangan kewangan agar PKS-PKS dapat menggunakan teknologi-teknologi Industri 4.0 seperti percetakan 3D.

Lee juga berpandangan bahawa memandangkan pesaing-pesaing negara ini sedang berkembang dengan pesat, birokrasi perlu dikurangkan bagi meningkatkan daya saing Malaysia. Beliau menambah bahawa Kerajaan boleh mempertimbangkan pemberian insentif kepada syarikat-syarikat Tahap 1 dan Tahap 2 yang beroperasi di Malaysia untuk bekerjasama dengan PKS bagi membangunkan industri ini secara keseluruhannya, sama ada melalui pemindahan teknologi atau dengan menggunakan lebih banyak bahagian yang dihasilkan di Malaysia.

“Kita perlu menggandingkan lebih banyak PKS dengan syarikat-syarikat Tahap 1 dan Tahap 2,” kata beliau.

Memastikan Masa Depan Malaysia yang Hijau

Komitmen Kerajaan untuk membangunkan sektor teknologi hijau di bawah NTP serta pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi mengurangkan pelepasan karbon dan dasar pengurusan sisa yang lebih baik bakal mewujudkan Malaysia yang lebih bersih, hijau dan mampan pada masa akan datang.

Malaysia telah melakarkan hala tuju masa depan negara dalam Pelan Induk Teknologi Hijau Malaysia (Green Technology Master Plan Malaysia, GTMP), satu rangka kerja oleh Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yang akan memudah cara penerimaan teknologi hijau dalam negara, memperkasa peranan teknologi hijau serta menjadikannya sebagai pemangkin untuk memacu pertumbuhan yang mampan.

Antara sasaran di bawah GTMP menjelang 2030 termasuklah untuk memastikan semua kenderaan-kenderaan baharu berciri 100% elektrik dan cekap tenaga, 15% air sisa dirawat, serta bilangan bangunan yang diperakui hijau dalam negara untuk mencecah 1,750 buah.

Pelan induk yang setebal 200 halaman dan dilancarkan pada Oktober 2017 itu merupakan pencapaian penting untuk negara dan akan memacu perkembangan sektor teknologi hijau yang kian maju dalam negara, ujar Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha KeTTHA. Beliau menjelaskan bahawa teknologi hijau dan dasar hijau yang merentasi pelbagai kementerian dan portfolio menyukarkan kebanyakan negara untuk mencapai kata sepakat dalam tindakan seterusnya dan komitmen kepada sasaran.

"Semasa saya berada di Eropah, ramai bertanya kepada saya: 'Bagaimana tuan berjaya mendapat semua pihak untuk bersetuju dengan sebuah pelan induk?'" kata Dato' Seri Ir. Dr. Zaini. "Di sesetengah negara, mereka hanya bersetuju dengan prinsip umum pelepasan karbon tetapi tidak dengan butirannya, seperti kita. Di Malaysia, kita membutuhkan parameter serta memperincikan rancangan kita pada masa hadapan."

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini memuji komitmen kepimpinan tertinggi dalam Kerajaan kerana berjaya menyatukan semua kementerian untuk bekerjasama membangunkan sebuah pelan tindakan. "Perdana Menteri kita merupakan penggerak utama usaha ini," kata Dato' Seri Ir. Dr. Zaini, sambil menambah bahawa Perdana Menteri mempengerusikan Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim Malaysia dua kali setahun.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini menjangka, dengan GTMP, ekonomi hijau tempatan yang kini menyumbang lebih kurang

RM50 bilion kepada ekonomi Malaysia bakal berkembang sebanyak 5% setiap tahun dari segi pelaburan terlaksana. Pertumbuhan sektor ini dapat dilihat dari kemajuan sektor tenaga hijau di mana Malaysia merupakan salah satu pengeluar panel solar terbesar di dunia dan juga salah sebuah negara yang mempunyai bilangan bangunan yang diperakui hijau terbanyak di dunia.

Beliau turut menjelaskan bahawa mulai tahun 2018, dana tidak lagi diperuntukkan untuk pembinaan loji rawatan kumbahan baharu, sebaliknya dana hanya diperuntukkan untuk membina loji kitar semula air buangan. Dato' Seri Ir. Dr. Zaini menjelaskan bahawa kadar pengitaran semula air buangan yang lebih tinggi akan bermaksud bahawa tiada lagi keperluan untuk membina empangan baharu dalam negara.

Dana sebanyak RM5 bilion telah diluluskan untuk Skim Pembiayaan Teknologi Hijau 2.0 (Green Technology Financing Scheme, GTFS 2.0), yang dikendalikan oleh Perbadanan Teknologi Hijau Malaysia (GreenTech Malaysia). Dana yang diperuntukkan ini dijangka akan bertahan sehingga tahun 2022. GTFS bertujuan untuk menggalakkan perkembangan syarikat teknologi hijau dengan membantu pembiayaan melalui pinjaman mudah.

Dato' Seri Ir. Dr. Zaini berkata bahawa rakyat Malaysia haruslah memilih gaya hidup dan budaya yang lebih 'hijau' agar untuk meningkatkan permintaan untuk teknologi, produk dan perkhidmatan hijau.

Dr. Mohd Azman Zainul Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan GreenTech Malaysia bersetuju dengan Dato' Seri Ir. Dr. Zaini dan menyatakan bahawa dunia kian beralih kepada pengurangan jejak karbon dan rakyat Malaysia perlu menerima hakikat itu. Sebagai contoh, negara-negara seperti Sweden kini mengintegrasikan sisa dan air dengan grid bekalan elektrik, manakala sistem MRT India di Bangalore dan Hyderabad mengguna pakai tenaga boleh diperbaharui di stesen-stesen mereka.

Selaras dengan ini, RM7.05 bilion telah diluluskan sebagai pelaburan hijau untuk 319 projek bagi membantu Malaysia mengurangkan jejak karbon. "Ekonomi hijau adalah masa depan kita," kata Dr. Mohd Azman. Beliau juga menambah bahawa GreenTech Malaysia akan memberi fokus kepada bandar lestari pintar dan mobiliti karbon rendah, selain meneruskan usaha menggalakkan penggunaan tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga, serta pemprosesan sisa, air dan pembuatan lestari.

Untuk memacu perkembangan ekonomi hijau, Dr. Mohd Azman percaya bahawa inisiatif-inisiatif hijau haruslah disokong oleh peundangan yang akan membolehkan peruntukan dan kawalan tadbir urus yang lebih tinggi. Hal ini akan membolehkan GreenTech Malaysia menjalankan inisiatif-inisiatif hijau dengan lebih berkesan.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Sejak permulaan pelaksanaannya, NKEA Perkhidmatan Perniagaan telah menghadapi pelbagai cabaran dan kejayaan industri. Kemajuan teknologi dan realiti ekonomi global memberi kesan kepada inisiatif-inisiatif yang telah dirancang di peringkat permulaan, lantas inisiatif-inisiatif di bawah NKEA ini telah diolah mengikut keperluan.

Sebagai contoh, persekitaran kewangan global yang semakin mencabar telah mengakibatkan syarikat-syarikat besar MRO mengurangkan aktiviti MRO di Malaysia. Dalam industri pusat data, kemajuan teknologi cloud telah memaksa pemain industri melaras prinsip reka bentuk pusat data mereka apabila syarikat-syarikat menggabungkan keperluan perkakasan dan ruang lantai. Sementara itu dalam industri SBSR, trend menurun pasaran minyak dan gas telah memberi kesan yang buruk terhadap pembina kapal kerana permintaan kapal sokongan luar pantai (Offshore Support Vessels, OSV) telah berkurangan.

Namun begitu, inisiatif-inisiatif di bawah NKEA Perkhidmatan Perniagaan tetap tangkas dan inovatif dalam menangani cabaran-cabaran ini. Usaha selaras di antara beberapa agensi telah meningkatkan penyertaan PKS dalam rantaian bekalan industri aeroangkasa. Usaha berterusan juga dijalankan untuk menarik pemain pusat data global dan menambah baik sektor ini dari segi kewangan, kawal atur dan persekitaran untuk memastikan Malaysia menjadi lokasi pusat data yang menarik. Akhir sekali, industri SBSR telah mula mempelbagaikan perkhidmatannya daripada hanya bertumpu pada sektor minyak dan gas kepada menerokai peluang lain yang menggalakkan reka bentuk dan penghasilan tempatan seperti segmen perikanan dan pelancongan.

Untuk meneruskan momentum perkembangan industri ini di masa hadapan, Kerajaan akan mengambil langkah proaktif dan bergerak seiring dengan sektor swasta untuk melanjutkan perkembangan industri perkhidmatan perniagaan. Hal ini termasuk meningkatkan keupayaan dan kebolehan pemain industri tempatan dalam usaha mencapai sasaran NTP dan menuju ke Industri 4.0.



KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI

**MEREALISASIKAN MASA DEPAN YANG
LEBIH CERAH MELALUI KANDUNGAN
DAN KESALINGHUBUNGAN**



YB DATUK SERI PANGLIMA DR. MOHD SALLEH TUN SAID KERUAK

Menteri Komunikasi dan Multimedia

2017 merupakan tahun yang cemerlang bagi sektor kandungan dan infrastruktur komunikasi (communications content and infrastructure, CCI), di mana NKEA ini menyumbang RM58.7 bilion kepada PNK. Perkembangan yang mantap telah dicatatkan dalam inisiatif kewangan dan sosial yang dilaksanakan oleh Kerajaan, terutamanya program Broadband for All. Kerajaan komited dan berada di landasan yang tepat untuk menggandakan kelajuan jalur lebar dengan harga yang sama untuk mempertingkatkan kesejahteraan sosioekonomi rakyat, terutamanya bagi golongan berpendapatan 40% terbawah Malaysia (B40). Jalur lebar berkualiti tinggi pada harga yang mampu milik akan membolehkan rakyat memanfaatkan platform digital bagi menjana pendapatan tambahan yang mampan.

Liputan komunikasi dan internet di Malaysia telah meningkat berikutan penyiapan melebihi 800 buah menara telekomunikasi yang baru dan dinaik taraf. Inisiatif ini serta peluasan dan peningkatan liputan jalur lebar tanpa wayar 3G dan evolusi jangka panjang (Long-Term Evolution, LTE) telah menyumbang kepada usaha merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar. Saya juga gembira untuk melaporkan bahawa liputan jalur lebar tanpa wayar LTE telah meningkat kepada 77% di kawasan-kawasan berpenduduk di seluruh negara.

Kemajuan lain yang telah dicapai pada tahun ini ialah penyempurnaan projek kabel dasar laut sepanjang 3,800km yang dikenali sebagai Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKRIM), yang telah dilancarkan pada 16 September 2017. Penyiapan projek ini telah meningkatkan kesalinghubungan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak, serta mengurangkan kesesakan trafik Internet di antara ketiga-tiga wilayah tersebut.

Seiring dengan kemajuan yang dikecapi, sektor kreatif di Malaysia juga terus berkembang. Nilai eksport bagi

kandungan kreatif seperti filem, animasi, permainan video dan perkhidmatan yang berkaitan telah mencapai RM737.84 juta setakat suku ketiga tahun 2017.

Malaysia juga semakin dikenali di kalangan penerbit filem antarabangsa dan mereka telah memberi sambutan yang baik terhadap inisiatif yang diperkenalkan melalui Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI). Sepanjang tahun ini, pelbagai penerbit antarabangsa telah memilih Malaysia sebagai lokasi penggambaran filem mereka atau menggunakan studio yang canggih di negara ini seperti Pinewood Iskandar Malaysia Studios. Inisiatif FIMI ini akan ditambah baik dari semasa ke semasa untuk memastikan Malaysia dapat menarik pelaburan berkualiti tinggi dari dunia hiburan serta mencipta pekerjaan dan peluang bagi pemain tempatan dalam rantaian nilai industri kreatif.

Dalam usaha kami untuk memperluas penggunaan jalur lebar berkelajuan tinggi, Pelan Fiber Seluruh Negara (NFP) sedang dibangunkan untuk memperkembangkan infrastruktur jalur lebar tetap negara. Ia akan meliputi kira-kira enam juta premis, di mana dua juta daripadanya terletak di kawasan luar bandar. Inisiatif ini bertujuan untuk mempertingkatkan liputan yang bermula dengan projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSSB) pada tahun 2008.

Langkah untuk memperluas perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara sangat penting bagi mengekalkan daya saing negara dan agar rakyat Malaysia, termasuk yang tinggal di kawasan luar bandar, dapat memanfaatkan ekonomi digital. Dengan pelaksanaan langkah-langkah strategik ini, Malaysia ternyata berada di landasan yang tepat untuk mencapai aspirasi komunikasi, kandungan kreatif dan infrastrukturnya.

MEMPERTINGKATKAN KESALINGHUBUNGAN INTERNET UNTUK MENGGALAKKAN PERTUMBUHAN INKLUSIF

Untuk menjamin kesalinghubungan di seluruh negara, projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSSB) terus meraih momentum sepanjang tahun 2017 dalam pelaksanaan fasa kedua projek ini, yang juga merupakan fasa terakhirnya. Pada tahun 2017, sebanyak 480,084 port dengan kelajuan sehingga 100Mbps telah dipasang di kawasan bandaraya serta bandar-bandar utama, mencapai 183% daripada sasaran tahun 2017. Ini seterusnya melengkapkan keseluruhan projek HSSB seperti yang termaktub dalam perjanjian antara Kerajaan dan Telekom Malaysia melalui model perkongsian awam swasta (PPP).

Walau bagaimanapun, beberapa cabaran dihadapi dalam penyiapan projek HSSB ini. Antara masalah yang dihadapi dalam pelaksanaan projek ini termasuklah kekurangan infrastruktur yang diperlukan untuk pemasangan HSSB dan memastikan perkhidmatan ini dapat berfungsi secara optimum, khususnya pendawaian optik fiber dalam bangunan. Syarikat telekomunikasi juga menghadapi kesulitan berikutan proses permohonan yang tidak konsisten di peringkat pihak berkuasa tempatan untuk membina menara telekomunikasi dan menjalankan kerja-kerja awam. Beberapa mesyuarat secara khusus telah dijalankan di peringkat negeri mengikut cabaran yang telah dikenalpasti untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berkaitan dengan Infrastruktur Telekomunikasi.

Sementara itu, di bawah projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), 146,904 port telah ditambah pada tahun 2017. Pertambahan ini menjadikan jumlah keseluruhan 366,294 port dipasang sejak projek ini dimulakan, melebihi sasaran kumulatif 317,000 port pada tahun 2017. Inisiatif ini berada pada tahap penyiapan 150% dan disasarkan untuk siap sepenuhnya pada tahun 2019. Antara bandar dan bandaraya yang telah menerima liputan SUBB termasuklah Kota Belud di Sabah, Lundu di Sarawak, Jengka di Pahang, Batu Kikir di Negeri Sembilan, Bedong di Kedah dan Kuala Perlis di Perlis.

Liputan LTE dan 4G terus diperluas pada tahun 2017 memandangkan semakin ramai rakyat yang mengakses Internet melalui teknologi mudah alih. Inisiatif ini diterajui oleh penyertaan sektor swasta dan diselaras oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). Hasilnya, liputan LTE dan 4G mencapai 77% di kawasan berpenduduk padat, yang seterusnya meningkatkan kesalinghubungan ke lebih banyak kawasan seperti Penampang di Sabah, Bintulu di Sarawak, Kulaijaya di Johor, Seberang Perai Utara di Pulau Pinang dan Seremban di Negeri Sembilan.

Dalam usaha lanjut untuk meningkatkan kesalinghubungan, inisiatif Pusat Internet 1Malaysia (PIIM) terus memainkan peranan yang penting dalam menghubungkan kawasan-kawasan luar bandar dengan penyediaan komputer, kemudahan Internet serta pelbagai bengkel berkaitan teknologi maklumat (IT) telah diadakan dalam program komuniti. 52 buah PIIM baharu telah dibuka di bawah NKEA ini pada tahun 2017.

“Liputan LTE dan 4G telah mencapai 77% di kawasan berpenduduk padat.”

Tambahan pula, orang ramai juga dapat menikmati WiFi percuma dalam lingkungan satu kilometer dari PIIM, justeru meningkatkan lagi akses kepada Internet berkelajuan tinggi. Kemudahan ini juga telah membolehkan para usahawan di kawasan luar bandar untuk memanfaatkan saluran di atas talian untuk meningkatkan capaian pelanggan mereka, lantas meningkatkan pendapatan dan taraf kehidupan.

Seiring dengan inisiatif untuk meningkatkan kesalinghubungan jalur lebar, kabel optik dasar laut sepanjang 3,800 kilometer yang menghubungkan Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak telah siap dipasang di bawah program Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M). Dengan mengguna pakai teknologi 100 Gbps yang terkini, kabel ini mempunyai kapasiti empat terabit setiap saat (Tbps). SKR1M merupakan salah satu usaha transformasi oleh Kerajaan untuk meningkatkan kesalinghubungan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak dengan mempelbagaikan rangkaian saluran dalam negara serta memenuhi keperluan lebar jalur antara negeri. Projek ini bermula pada tahun 2015 dengan kos RM619 juta melalui inisiatif PPP di mana Kerajaan dan Telekom Malaysia masing-masing memperuntukkan sebanyak RM412 juta dan RM207 juta.



Membawa Ekonomi Digital kepada Usahawan Luar Bandar

Program Pusat Internet 1Malaysia (PI1M) bukan sahaja berjaya memenuhi objektif merapatkan jurang digital antara populasi bandar dan luar bandar, tetapi juga telah membantu usahawan-usahawan luar bandar meluaskan capaian pemasaran, menawarkan saluran-saluran media sosial baru untuk memasarkan produk-produk mereka, serta memudahkan urusan permohonan dana dan pensijilan.

Atas galakan yang diberikan melalui Program Transformasi Negara, 840 buah PI1M kini beroperasi di seluruh negara dengan lebih 550,000 orang ahli berdaftar. PI1M berfungsi sebagai pusat untuk mengakses jalur lebar serta tempat untuk komuniti luar bandar mendapatkan latihan ICT percuma, termasuklah latihan keusahawanan dalam talian. Seiring dengan peningkatan penerimaan e-dagang di seluruh dunia, program-program PI1M ini menggalakkan lebih banyak usahawan luar bandar untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan mereka di internet, antaranya termasuklah produk makanan, kraftangan atau inap desa.

Salah seorang usahawan yang menikmati manfaat tersebut ialah Masinah binti Paris dari Kampung Medong Dalat di Dalat, Sarawak. Masinah telah memasarkan produk-produk sagu di bawah jenama Sago Medang sejak tahun 1999. Sebelum mengenali dunia pemasaran dalam talian melalui PI1M, Masinah memasarkan produk-produk sagunya melalui iklan-iklan konvensional di kampung-kampung di sekitar daerah Dalat. Beliau kemudian menyedari bahawa internet dapat membantu memperluaskan capaian pemasaran beliau.

“Kaedah konvensional kini tidak lagi relevan dengan keadaan pasaran sekarang,” kata beliau. Untuk membawa perniagaannya ke dalam talian, Masinah telah mengikuti latihan ICT dan bengkel pemasaran dalam talian yang diadakan di PI1M di Kampung Medong Hilir.

Usaha-usaha pemasaran dalam talian Masinah mendapat sambutan yang menggalakkan dari para pelanggannya di Sarawak dan beliau turut menerima banyak pesanan dari Semenanjung Malaysia. Produk-produknya juga dipasarkan oleh PI1M Kampung Medong Hilir yang membantu menarik lebih ramai orang untuk mendapatkan produk-produk yang ditawarkan.

Hasil latihan dan panduan yang diberikan di PI1M Kampung Medong Hilir, Masinah berkata pendapatannya kini melebihi RM10,000 sebulan.

Seorang pengusaha kek dan biskut dari Hulu Terengganu, Mazni binti Muhamad juga memanfaatkan PI1M

untuk mengembangkan perniagaan beliau. Sebelum menggunakan kemudahan-kemudahan PI1M, beliau mengharapkan pelanggan-pelanggan setia, pertanyaan-pertanyaan melalui aplikasi WhatsApp dan bantuan rakan-rakan untuk mempromosikan produk-produknya.

Namun, melalui PI1M, Mazni berkata beliau kini boleh mempromosikan perniagaannya dengan lebih mudah dan PI1M itu sendiri turut membantu mempromosikan produk-produk beliau melalui pelbagai program dan acara yang dianjurkan, sama ada program yang diadakan di PI1M atau di luar PI1M.

“Saya berharap PI1M akan terus menjadi platform untuk membantu usahawan kecil.”

“Saya berharap agar PI1M akan terus menjadi platform untuk membantu usahawan-usahawan kecil seperti saya,” kata beliau. “Walaupun sokongan yang diberikan adalah dari segi latihan dan perkongsian pengetahuan dan bukan bantuan kewangan, saya tetap bersyukur dan bangga dengan kewujudan pusat ini,” tambah beliau.

Seorang lagi usahawan yang menerima manfaat daripada penawaran-penawaran PI1M ialah Mohd Jaid bin Aspar dari Bagan Datoh, Perak. Jaid, yang memasarkan dodol and susu soya, menggunakan kemudahan-kemudahan PI1M di Simpang 4 Rungkup untuk memanfaatkan ciri-ciri penjimatan masa yang ditawarkan melalui perkhidmatan e-kerajaan bagi memohon geran dan pensijilan dalam talian.

“Agak sukar untuk kami mendapatkan talian telefon mudah alih yang baik di Bagan Datoh, jadi PI1M ini sangat membantu kerana pusat ini menyediakan talian internet yang baik,” kata beliau.


Antara kursus yang diikuti oleh Jaid di PI1M termasuklah kursus e-kerajaan, media sosial dan latihan mengenai cara-cara mengisi permohonan dalam talian seperti permohonan untuk pensijilan MeSTI, pensijilan Halal serta permohonan geran daripada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan SME Corp.

Sebagai tanda penghargaan, Jaid kini seorang penyokong setia pusat-pusat PI1M dan telah bekerjasama dengan Rangkaian Penyelidikan Awam Swasta (PPRN) untuk mempromosikan kemudahan internet dan latihan yang boleh didapati di PI1M kepada para usahawan di kawasan tersebut.

MEMPERBAIK PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM MELALUI TEKNOLOGI

Sistem Pengurusan Dokumen Digital 2.0 (DDMS 2.0) adalah sebahagian daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan kecekapan pengurusan fail, menggalakkan amalan mesra alam dan memantapkan mutu perkhidmatan kepada rakyat. Sehingga Disember 2017, 32 buah agensi Kerajaan telah bermula mengguna pakai sistem DDMS berbanding sasaran 30 buah agensi untuk keseluruhan tahun 2017. Sejumlah 65 buah agensi telah menggunakan DDMS sejak tahun 2011, dengan 21,000 orang pengguna dan 1.2 juta rekod telah didigitalkan. Antara agensi dan Kementerian terbaharu yang telah menggunakan system ini ialah Majlis Sukan Negara (MSN), Hospital Shah Alam, Suruhanjaya Hak Asasi Malaysia (SUHAKAM), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Universiti Putra Malaysia.

Seperti mana-mana inisiatif, pelaksanaan DDMS juga menghadapi beberapa cabaran. Amalan mencetak dokumen digital amat sebatik dalam budaya kerja secara amnya, maka untuk mengubah cara kerja pengguna kepada kaedah yang lebih mesra alam memerlukan perubahan pada corak pemikiran terlebih dahulu. Sebagai contoh, untuk menghapuskan amalan mencetak, Kerajaan perlu sentiasa meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengguna DDMS mengenai manfaat sistem ini dalam meningkatkan kecekapan dan mengurangkan pembaziran.



Memasukkan maklumat ke dalam DDMS 2.0 sistem oleh Kementerian Pendidikan.

MEREALISASIKAN POTENSI GLOBAL KANDUNGAN KREATIF MALAYSIA

Kandungan kreatif Malaysia terus mencatatkan prestasi yang baik pada tahun 2017 dengan mencatatkan nilai sasaran eksport sebanyak RM737.84 juta berbanding sasaran sebanyak RM670 juta. Dari tahun 2012 hingga 2017, eksport kandungan kreatif telah meningkat dengan begitu tinggi pada kadar CAGR 6.15%. Sebagai agensi yang bertanggungjawab dalam membangunkan ekonomi digital Malaysia, Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) terus bertindak sebagai pemudah cara bagi aktiviti eksport melalui promosi, program pembangunan kebolehan dan pelbagai usaha sama untuk menyokong pembangunan dan eksport kandungan kreatif.

Pencapaian ini telah membolehkan harta intelektual (IP) Malaysia mengukuhkan daya saing globalnya melalui perjanjian work-for-hire. Antara contoh IP yang dihasilkan di negara ini dan telah berjaya ke peringkat global ialah Chuck Chicken, Seafood, Saladin, Upin & Ipin, Boboiboy, Ejen Ali, Kuku Harajuku, Boeing, Origanimals, Didi & Friends dan Hogie the Globehopper.

“Dari tahun 2012 hingga 2017, eksport kandungan kreatif telah meningkat dengan begitu tinggi pada kadar CAGR 6.15%.”

Salah satu komponen kandungan kreatif iaitu pembangunan permainan video juga telah meraih momentum positif di Malaysia dengan penghasilan lebih daripada 30 permainan AAA oleh bakat-bakat tempatan. AAA merupakan pengiktirafan tidak formal yang digunapakai oleh industri ini untuk permainan video dengan bajet pembangunan dan tahap promosi yang tertinggi. Antara contoh permainan video yang dihasilkan oleh tenaga kerja di negara ini termasuklah Final Fantasy XV, Uncharted, Tekken 7, Gears of War 4, Fable Legends, Street Fighter V, Dark Souls 3 dan Bloodborne.

Untuk meningkatkan taraf kandungan kreatif yang dihasilkan di Malaysia, MDEC telah menganjurkan Kre8tif! Conference untuk menggalakkan inovasi dan eksplorasi trend utama dalam sektor kreatif. Program ini



telah menarik lebih 550 peserta dari tujuh buah negara dan menampilkan 35 orang penceramah dari Amerika Utara, Eropah, Australia dan Asia Tenggara. Sementara itu, dalam usaha membangunkan Malaysia menjadi Hab Permainan Video menjelang tahun 2025, MDEC juga telah menganjurkan acara tahunan Level UP KL untuk membuka peluang perniagaan dan menjadi platform untuk pakar-pakar dalam industri untuk berkongsi pengetahuan teknikal serta trend yang bakal membentuk masa hadapan.

Dari segi penerbitan filem dan video, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) terus menerajui usaha menarik pelaburan asing melalui program Insentif Penerbitan Filem di Malaysia (FIMI). Program ini menawarkan rebat tunai sebanyak 30% bagi semua Kelayakan Perbelanjaan Pengeluaran Malaysia (Qualified Malaysian Production Expenditure, QMPE) dan telah berjaya menarik penerbit asing untuk menjalankan penggambaran di Malaysia serta meningkatkan penerbitan dalam negara, merangkumi penerbitan berasaskan studio serta penerbitan berasaskan lokasi. Antara penerbit yang menyertai program ini termasuklah ASTRO Shaw (Ola Bola), Animonsta Studios (BoboiBoy Season 3), KRU Studios (Cicakman 3D) dan penerbitan asing seperti siri TV Hi-5, Prey dan Asia's Got Talent. FINAS juga telah

menjalankan usaha sama strategik bersama Khazanah Nasional Berhad untuk mempromosikan Pinewood Iskandar Malaysia Studios bagi menarik penerbit filem antarabangsa ke Malaysia, seterusnya menjana sumber pendapatan yang baik untuk industri ini.



Contoh IP yang dihasilkan di negara ini yang telah berjaya ke peringkat global.

Menghubungkan 1Malaysia

Bidang fokus Menghubungkan 1Malaysia bermatlamat untuk mewujudkan ekosistem yang memacu penggunaan teknologi komunikasi baharu.

Dengan penyempurnaan inisiatif Menghubungkan 1Malaysia seperti Get Malaysian Business Online (GMBO) dan Telepresence, inisiatif baharu yang dikenali sebagai Digital Mailbox telah diperkenalkan pada 2017. Perkhidmatan ini dibangunkan oleh Pos Malaysia sejajar dengan trend yang menurun dalam penggunaan surat serta peningkatan permintaan untuk keselamatan mel.

Oleh kerana kebanyakan *server* e-mel dihoskan di negara asing dan tidak mempunyai sekatan pada penghantaran atau penerimaan e-mel, kebanyakan organisasi dan individu teragak-agak untuk berkongsi butiran sulit melalui perkhidmatan e-mel konvensional. Oleh itu, Digital Mailbox telah mewujudkan persekitaran yang selamat untuk pertukaran maklumat melalui platform dalam talian yang dihoskan pada pelayan di Malaysia. Antara ciri-ciri yang ditawarkan adalah:

- Hanya pengguna berdaftar di dalam platform boleh berkomunikasi antara satu sama lain. E-mel tidak boleh diterima dari, atau dihantar ke pelayan e-mel yang lain (di luar Digital Mailbox);
- Keselamatan platform ini terjamin kerana semua penghantar dan penerima dikehendaki melalui proses pengesahan tunggal yang memerlukan mereka hadir di pejabat pos untuk pengesahan identiti.

Perkhidmatan Digital Mailbox akan dilancarkan kepada orang ramai pada tahun 2018. Pada tahun 2017, pra pelancaran telah dilaksanakan bagi kegunaan kakitangan Pos Malaysia dengan 19,000 pelanggan baharu telah didaftarkan pada tahun tersebut. Pos Malaysia akan terus menjalankan ujian yang menyeluruh dan akan mendapatkan maklum balas dari pelbagai Kementerian dan agensi untuk perkhidmatan tersebut sebelum dilancarkan. Pada masa yang sama, Pos Malaysia akan terus berusaha untuk mendapatkan keyakinan pengguna terhadap perkhidmatan ini bagi memastikan perkhidmatan yang akan ditawarkan ini berjaya.

Menyediakan Infrastruktur Negara untuk Ekonomi Digital

Infrastruktur komunikasi yang canggih dan andal memainkan peranan yang penting dalam dunia yang semakin berkembang mengintegrasikan penggunaan teknologi. Oleh itu, Kerajaan mempergiatkan usaha memperkembangkan infrastruktur komunikasi di kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Liputan jalur lebar berkelajuan tinggi dari jenis gentian dan tanpa wayar di negara ini semakin luas seiring dengan matlamat NKEA Kandungan dan Infrastruktur Komunikasi yang menggalakkan penerimaan perkhidmatan dan kandungan digital bertaraf dunia.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan memastikan kesalinghubungan melalui inisiatif-inisiatif Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB), Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB), Sistem Kabel Rakyat 1Malaysia (SKR1M), liputan mudah alih, liputan 4G/LTE dan liputan 3G yang dipertingkatkan.

Untuk menggerakkan seluruh negara seiring dengan kemajuan teknologi ini, Kerajaan perlu memastikan kawasan luar bandar berkembang pada tahap yang sama dengan kawasan bandar. Oleh itu, dalam usaha untuk merapatkan jurang pembangunan kawasan luar bandar dengan kawasan bandar, Kerajaan memperuntukkan pembiayaan melalui Skim Pembekalan Perkhidmatan Universal (USP) untuk pembinaan menara-menara komunikasi di kawasan-kawasan luar bandar serta penubuhan Pusat Internet 1Malaysia (pusat-pusat internet komuniti).

Dato' Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, Ketua Pegawai Komunikasi dan Ekosistem Digital, berkata inisiatif USP Kerajaan sangat penting untuk menggalakkan syarikat-syarikat telekomunikasi untuk membekalkan perkhidmatan kepada kawasan-kawasan luar bandar

yang membawa margin keuntungan yang lebih rendah. "Kami maklum bahawa industri akan berkembang di tempat yang mampu menjana keuntungan, dan mereka tidak berminat untuk memasuki kawasan luar

bandar," kata beliau. "Inilah kegunaan USP. Dengan dana tersebut, mereka boleh membina menara-menara dan memperluas liputan di kawasan-kawasan luar bandar, lantas memberi manfaat kepada industri."

Dato' Mohd Ali menekankan bahawa PI1M bukan sahaja menyediakan kemudahan internet, tetapi juga menyediakan pelbagai sesi latihan asas teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang merangkumi kursus keusahawanan dalam talian.

"Kami mengajar pengguna-pengguna PI1M cara-cara untuk memasarkan produk-produk makanan, kraftangan dan inap desa (homestay) secara atas talian," kata beliau. "Dari situ, mereka boleh memperluaskan capaian produk dan perkhidmatan ke seluruh negara dan ada sesetengahnya hingga ke luar negara."

PI1M menghadapi cabaran dari segi kemampuan inisiatif tersebut. Pusat-pusat ini tidak dapat menjana pendapatan yang secukupnya, oleh itu, sesetengah negara di rantau ini telah mentransformasikan pusat-pusat sebegini menjadi pusat-pusat jenis koperasi yang mampu menjana pendapatan melalui cara-cara seperti pengutipan yuran keahlian.

Selain itu, dari segi pelaksanaan infrastruktur, kerajaan kerajaan negeri mengenakan bayaran untuk pemerolehan tapak untuk membina menara-menara telekomunikasi dan kabel-kabel optik gentian.

"Bagi pemasangan gentian, sesetengah agensi kini mengenakan bayaran RM30-40 bagi setiap 100 meter," kata beliau. "Sebelum ini, tiada bayaran yang dikenakan. Pertambahan ini mewujudkan kos-kos baharu. Bayangkan kosnya jika kita ingin memasang gentian ini secara besar-besaran. Ekonomi digital ialah trend terkini dan kita memerlukan gentian dipasang di semua tempat."

Untuk mengatasi isu-isu ini, MCMC telah mengadakan sesi libat urus dengan kerajaan-kerajaan negeri. Syarikat-syarikat telekomunikasi utama juga terlibat dalam perbincangan ini dan semua pihak digalakkan memberi pandangan dan mencari jalan penyelesaian. Dato' Mohd Ali berkata isu ini sangat penting bagi memastikan pelaksanaan infrastruktur komunikasi yang menjimatkan kos.

Kerajaan terus bekerjasama dengan negeri-negeri dan agensi-agensi bagi menyelaraskan proses-proses infrastruktur untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dan menyelesaikan isu-isu yang berbangkit.



Dato' Mohd Ali Hanafiah Mohd Yunus, Ketua Pegawai Komunikasi dan Ekosistem Digital, SKMM.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Pembangunan sektor CCI sangat penting dalam peralihan Malaysia dari ekonomi berpendapatan sederhana kepada ekonomi berpendapatan tinggi. Sektor ini telah maju ke hadapan sejak permulaan NTP pada tahun 2011, dengan pelbagai pencapaian besar diraih sepanjang tahun – terutamanya peluasan liputan Internet berkelajuan tinggi di seluruh negara yang memberi impak kepada ramai rakyat Malaysia, serta perkembangan industri kreatif. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran sepanjang tempoh tersebut, sektor ini terus menunjukkan perkembangan yang positif dalam perkhidmatan komunikasi, penyampaian perkhidmatan awam serta segmen kandungan kreatif.

Seiring dengan sasaran sektor ini untuk menyediakan kandungan dan perkhidmatan yang baharu dan menarik bagi merangsang permintaan dan memacu pertumbuhan yang pesat dalam komunikasi, Kerajaan terus komited untuk mencapai sasarannya. Sektor ini juga memainkan peranan dalam mencapai transformasi yang inklusif dalam usaha Kerajaan merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar. Usaha ini dilakukan melalui peluasan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan luar bandar, memberikan komuniti luar bandar akses kepada ekonomi digital.

Seiring dengan trend global dan usaha Kerajaan meningkatkan kesalinghubungan, MDEC menerajui inisiatif Digital Free Trade Zone (DFTZ) yang kini disokong oleh kesalinghubungan jalur lebar berkelajuan tinggi di KLIA Aeropolis dan pada masa akan datang, di Bandar Malaysia.



PENJAGAAN KESIHATAN

**MEMAJUKAN PERKHIDMATAN
PENJAGAAN KESIHATAN**



YB DATUK SERI DR. S.SUBRAMANIAM
Menteri Kesihatan

Sejak menerajui tampuk kepimpinan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sukacitanya saya memaklumkan bahawa Industri Penjagaan Kesihatan telah menunjukkan pertumbuhan yang sangat memberangsangkan pada tahun 2017. Inisiatif KKM yang menyumbang kepada NKEA ini telah membawa hasil yang positif. Ini dapat dilihat dengan jelas dalam Penyelidikan Tajaan Industri (ISR) yang dijalankan oleh Clinical Research Malaysia (CRM) dan peningkatan dalam hasil yang dijana daripada sektor pelancongan kesihatan yang diketuai oleh Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC). Selain itu, inisiatif yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA) yang membawa kepada peningkatan jumlah kelulusan permohonan lesen institusi, pematuhan makmal terhadap piawaian Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD) Good Laboratory Practice (GLP), bagi menjalankan ujian praklinikal serta pertambahan dalam jumlah pendaftaran Peranti Perubatan juga merupakan pencapaian yang membanggakan. Pencapaian paling ketara ialah peningkatan yang tinggi dalam pendaftaran produk farmaseutikal generik di bawah Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA) juga telah menyumbang secara signifikan kepada pembangunan sektor Penjagaan Kesihatan di Malaysia.

Melalui pencapaian dan komitmen yang berterusan tersebut, Industri Penjagaan Kesihatan telah menjana PNK sebanyak RM26 bilion pada tahun 2017 berbanding RM15 bilion pada peringkat awal NTP pada tahun 2010.

Untuk memberi lebih manfaat kepada rakyat, sistem penjagaan kesihatan di Malaysia telah mengalami dua proses transformasi. Transformasi yang pertama ialah penambahbaikan penjagaan kesihatan primer, yang mengguna pakai kerangka penjagaan kesihatan primer

yang sedia ada dalam sektor awam dan swasta. Sistem kesihatan kita memberi tumpuan pada penyakit tidak berjangkit dan memberi penekanan kepada pengesanan awal, intervensi serta rawatan. Transformasi kedua pula ialah pembangunan Skim Insurans Kesihatan Sukarela (VHI) yang bakal memastikan kemampuan sistem perubatan awam yang sedia ada di samping merapatkan jurang di antara penjagaan kesihatan awam dan swasta.

Satu lagi pencapaian penting pada tahun ini ialah pembentangan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Warga Emas Swasta untuk menyelaraskan dan mengawal selia semua pusat penjagaan warga emas swasta, dan menjamin piawaian sepatutnya dipatuhi dalam penjagaan golongan warga emas. Akta tersebut penting untuk memenuhi permintaan yang tinggi bagi perkhidmatan penjagaan warga emas, memandangkan Malaysia bakal menjadi negara tua menjelang tahun 2030 dengan 15% daripada populasi menjangkau usia 60 tahun.

Sebagai tambahan, pelancaran program e-Kesihatan seperti My Health Information Exchange (MyHIX) dan My Health Data Warehouse (MyHDW) akan meletakkan Malaysia sebagai peneraju industri penjagaan kesihatan. Usaha pendigitalan ini selaras dengan usaha Industri 4.0 yang memfokus kepada pemodenan sektor kesihatan dalam usaha melengkapkan NTP dan menuju TN50.

*Termasuk penjagaan kesihatan awam.

MEMPAMERKAN KUALITI PENJAGAAN KESIHATAN MALAYSIA

Malaysia telah berjaya menjadi salah satu destinasi pilihan global untuk pelancongan kesihatan. Ini terbukti melalui pengiktirafan yang diterima daripada majalah International Living di Amerika Syarikat yang memberi penarafan kepada Malaysia sebagai salah sebuah negara pilihan utama di dunia dalam penjagaan kesihatan dari segi kualiti perkhidmatan, kebolehcapaian, standard pilihan pemulihan selepas prosedur dan daya saing dari segi kos untuk tiga tahun sejak tahun 2015. International Medical Travel Journal (IMTJ) juga telah mengiktiraf Malaysia sebagai "Health and Medical Tourism: Destination of the Year" selama tiga tahun berturut-turut dari tahun 2015 hingga tahun 2017.

Pelancongan Kesihatan (Pelancongan Perubatan) ialah salah satu sektor yang paling pantas berkembang di



YB Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia, mempengerusikan perbincangan dengan peneraju industri penjagaan kesihatan swasta berkenaan pelancongan perubatan dan rancangan untuk masa hadapan.

negara ini, dengan mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 16% kepada 17% setiap tahun. Pada tahun 2017, industri pelancongan kesihatan telah merekodkan prestasi awal sebanyak RM1.3 bilion*. Kadar purata pertumbuhan tahun ke tahun industri ini dijangka berkembang sebanyak 16%*. Pelancongan kesihatan juga menghasilkan kesan gandaan yang besar. Malaysia melampaui pertumbuhan industri serantau dengan menerima lebih daripada satu juta pelancongan kesihatan yang membelanjakan kira-kira RM5 bilion* untuk rawatan perubatan dan aktiviti pelancongan. Sasaran yang ingin dicapai menjelang tahun 2020 ialah pertumbuhan tahun ke tahun sebanyak 30%.

Usaha dalam bidang ini diterajui oleh Majlis Pelancongan Kesihatan Malaysia (MHTC) yang telah memperkenalkan inisiatif jangka panjang yang mampan bagi mengekalkan trajektori pertumbuhan yang cemerlang, sejajar dengan tiga rukun utama iaitu pemudahan industri, pengoptimuman pemasaran digital dan pertumbuhan yang mampan. MHTC telah menggariskan strategi-strategi berikut untuk memacu pertumbuhan industri ini:

- Mengukuhkan pengalaman keseluruhan bagi pelancong dari saat ketibaan pelancong kesihatan sehinggalah kepulangan mereka selepas rawatan;
- Menjalankan usaha sama dengan pemain industri dan mempertingkatkan rangkaian dan hubungan;
- Meningkatkan penjenamaan dan pengiktirafan.

Untuk meningkatkan promosi dengan berkesan, MHTC telah mengenal pasti empat negara fokus sebagai pasaran sasaran utama: Indonesia, China, Myanmar dan Vietnam manakala usaha diteruskan untuk menembusi pasaran penting lain seperti Singapura, Brunei, Bangladesh, Timur Tengah, India, Australia dan New Zealand.



Pn. Sherene Azli bersama-sama dengan En. Mohd Hassan Bal, Duta Malaysia ke Zagreb dan Keith Pollard, Ketua Editor International Medical Travel Journal di IMTJ Awards 2017.

*Unjuran data daripada MHTC. Data semasa setakat 29 Januari 2018, bagi data yang berakhir pada 31 Disember 2017.



Hospital-hospital Elit

Kerajaan Malaysia telah meningkatkan sokongan terhadap sektor pelancongan kesihatan dengan memudah cara pelaburan dalam infrastruktur perubatan untuk hospital, meletakkan Malaysia pada tahap yang sama dengan negara maju serta melahirkan kakitangan perubatan yang mahir dan menyediakan kemudahan hospital yang terbaik.

Hospital Elit di bawah MHTC mewakili perkhidmatan kesihatan terbaik yang diiktiraf di peringkat antarabangsa, menyediakan perkhidmatan sokongan yang bertaraf antarabangsa bagi pesakit dari luar negara. Akreditasi antarabangsa yang diterima oleh Hospital Elit menjamin standard kualiti dan keselamatan yang paling tinggi untuk semua pesakit. Perkhidmatan Hospital Elit ditanda aras dengan amalan terbaik dunia dan menyediakan kemudahan yang canggih serta kakitangan perubatan yang berkelayakan tinggi.

Pada tahun 2017, Hospital Elit Malaysia menumpukan usaha untuk memenuhi permintaan bagi penjagaan kesihatan khusus yang bernilai tinggi dan berkualiti. Banyak hospital telah membangunkan rawatan pakar dan fakulti diagnostik, yang turut merangkumi pusat penjagaan mewah.

Beberapa buah Hospital Elit juga telah menerima anugerah dan pensijilan global dan serantau pada tahun 2017. Ini termasuk Sunway Medical Centre untuk ortopedik, Prince Court Medical Centre untuk pediatrik dan pelancongan kesihatan, TMC Fertility Centre untuk perkhidmatan kesuburan, dan KPJ Berhad sebagai hospital terbaik di Malaysia untuk tahun 2017.

Memperkuh pengalaman keseluruhan

MHTC berusaha untuk mewujudkan ekosistem yang holistik agar pelancong kesihatan dapat menikmati pengalaman penjagaan kesihatan yang lancar menerusi inisiatif-inisiatif berikut:

- Penubuhan pejabat perwakilan di pasaran fokus untuk akses yang lebih cepat kepada pasaran dan memberi panduan kepada bakal pengunjung tentang pelancongan kesihatan;
- Pengenalan perkhidmatan Meet-and-Greet di aerobridge oleh Malaysia Healthcare Concierge and Lounge;
- Proses pemeriksaan passport dan pelepasan kastam yang lebih pantas di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Tahun 2017 berfokus kepada melancarkan proses sambutan di lapangan terbang. Sepanjang pelaksanaan projek ini, lebih banyak inisiatif akan dilaksanakan untuk mempertingkatkan perkhidmatan di sepanjang rantai nilai. Pada masa akan datang, MHTC berazam untuk mengeratkan kerjasama dengan hospital dan ejen pelancongan untuk memastikan pengalaman selepas rawatan bagi pesakit dipertingkatkan melalui program Affiliate mereka.

Menjalin usaha sama dengan pemain industri untuk mempertingkatkan rangkaian dan hubungan

Pengalaman keseluruhan merupakan aspek penting dalam pelancongan kesihatan, apabila pelancong kesihatan tidak menghadapi sebarang masalah dari saat mereka mula mencari maklumat di negara asal mereka, sehinggalah menjalani rawatan dengan jayanya dan pulang semula ke rumah. Oleh itu, MHTC berusaha untuk menghasilkan pakej menarik dan berbaloi kepada pelancong kesihatan dengan menggabungkan perkhidmatan hospital dan tawaran sedia ada dari ejen pelancongan dan syarikat penerbangan. Selain itu, untuk meningkatkan kesedaran terhadap usaha-usaha ini, MHTC memilih saluran pengedaran yang berkesan melalui usaha sama dengan ejen pelancongan tempatan di samping mengekalkan integrasi yang strategik antara syarikat penerbangan, agensi pelancongan dalam negara dan perkhidmatan pelengkap dalam rantai nilai penjagaan kesihatan.

Mempertingkat penjenamaan dan pengiktirafan

Meningkatkan jenama penjagaan kesihatan Malaysia dan membuatnya lebih dikenali adalah penting dalam usaha memperluas saiz pasaran pelancongan kesihatan Malaysia. Sehubungan itu, kempen “Malaysia Loves You” telah dilancarkan pada tahun 2016 untuk mempromosikan nilai-nilai penjagaan kesihatan di Malaysia iaitu kualiti, kebolehcapaian, kemampuan dan kemudahan berkomunikasi. Pada tahun 2017, usaha pemasaran ini diteruskan dengan kempen “Share My Love” yang mengambil pendekatan yang lebih kontemporari dan artistik untuk menerangkan definisi kesihatan yang baik kepada rakyat Malaysia. Kempen “Share My Love” ini memaparkan hasil kerja tujuh pelukis tempatan untuk memberi inspirasi kepada orang ramai dalam menyebarkan nilai penjagaan dan gaya hidup yang sihat.

Dengan memanfaatkan kuasa media sosial untuk meraih publisiti, orang ramai telah diberi peluang untuk memenangi hadiah melalui pertandingan di media sosial apabila menghantar versi lukisan hati yang menarik. MHTC telah menerima lebih daripada 1,400 penyertaan dalam peraduan Instagram tersebut.

MENJANA PENGELUARAN DAN PENGEKSPORTAN PRODUK PENJAGAAN KESIHATAN MALAYSIA

Kerajaan telah mengenal pasti dan menyenaraikan sektor peranti perubatan dan farmaseutikal sebagai sektor pertumbuhan tinggi di bawah Rancangan Malaysia ke-11 2016-2020, eksport peranti perubatan telah meningkat secara konsisten dari tahun ke tahun pada kadar purata 14.2%. Pada tahun 2017, jumlah eksport peranti dan produk perubatan mencapai kira-kira RM11.3 bilion dan berkembang sebanyak 16.8% berbanding dengan nilai eksport untuk tahun 2016 yang berjumlah RM9.7 bilion. Saiz pasaran keseluruhan untuk peranti perubatan di Malaysia kini berjumlah US\$1.4 bilion, berbanding dengan nilai pasaran peranti perubatan global yang sebanyak US\$324 bilion.

“Eksport farmaseutikal meningkat pada kadar purata tahunan 8%, iaitu dari RM577.8 juta pada tahun 2011 kepada RM938.5 juta pada tahun 2017.”

Sementara itu, eksport farmaseutikal meningkat pada kadar purata tahunan 8%, iaitu dari RM577.8 juta pada tahun 2011 kepada RM737.3 juta pada tahun 2016. Eksport produk farmaseutikal pada tahun 2017 meningkat sebanyak 27.3% berbanding tahun 2016 dan sasaran Kementerian sebanyak 8%. Hasil eksport keseluruhan mencecah RM938.5 juta berbanding sasaran RM796.3 juta.

Kesan keseluruhan daripada penumpuan kepada pengeluaran dan eksport produk penjagaan kesihatan Malaysia membawa kepada penggantian produk import secara berperingkat, lantas membangunkan keupayaan pengeluaran tempatan dan menyumbang kepada peningkatan dalam jumlah dan nilai eksport. Langkah ini juga menjimatkan kos kepada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Peranti Perubatan

Kategori eksport utama Malaysia untuk peranti perubatan ialah sarung tangan pembedahan dan pemeriksaan,

peralatan perubatan elektrik, picagari, jarum dan sutur, kanta oftalmik, peralatan sinar X, peralatan ortopedik dan perabot perubatan. Kesemua peralatan ini kebanyakannya dieskport ke Amerika Syarikat (23%), Belgium (13%), Jerman (12%) dan Singapura (9%).

Sektor ini merekodkan pelbagai pencapaian pada tahun 2017 termasuklah peningkatan yang tinggi dalam pendaftaran peranti perubatan. Ini menandakan peningkatan dalam jumlah peranti perubatan yang berkualiti tinggi dan selamat untuk kegunaan pesakit, seperti yang termaktub dalam Akta Peranti Perubatan 2012 (Akta 737). Setakat bulan Disember 2017, lebih daripada 195,000 peranti perubatan telah didaftarkan dan lebih 2,000 lesen institusi, iaitu lesen syarikat yang diberikan kepada fasiliti, telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (MDA).

Untuk membangunkan sektor ini, MDA telah berusaha meningkatkan pengetahuan pemain industri tentang keperluan pengawalan pengeluaran peranti perubatan di Malaysia melalui sesi latihan, program kesedaran, sesi khidmat nasihat dan Persidangan Peranti Perubatan Antarabangsa yang diadakan pada 8-10 Ogos 2017.

Sebagai sokongan terhadap ekosistem peranti perubatan tersebut, Kerajaan telah menyediakan geran untuk menubuhkan dua buah makmal yang mematuhi pensijilan Amalan Makmal Baik (Good Laboratory Practice, GLP) di Malaysia pada tahun 2016 iaitu MyBioScience Lab Sdn Bhd, Melaka dan Makmal Bioserasi, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Makmal GLP ini membolehkan pengeluar peranti perubatan mengurangkan kos dan menggalakkan



Makmal kajian mutasi dengan kaunter koloni automatik dan kabinet biokeselamatan di Makmal Bioserasi, UKM.



pengeluar asing melabur di Malaysia dengan menyediakan fasiliti pengujian untuk produk-produk mereka. Kedua-dua makmal ini dijangka untuk menerima status OECD GLP pada tahun 2018.



Objektif utama persidangan ini adalah untuk mendapatkan kemas kini mengenai keperluan pengawalseliaan global peranti perubatan serta menerajui pertumbuhan sektor peranti perubatan.

Vigilenz Medical Devices

Sebagai salah satu peneraju projek NTP, Vigilenz Medical Devices (Vigilenz) telah memulakan operasi kilang barunya di Penang Science Park pada tahun 2017.

Kilang baru ini akan menghasilkan sutur pembedahan seperti sutur Class II, jejaring (mesh) hernia, cecair pengurusan luka antibakteria dan implan ortopedik antibiofilm yang akan dieksport ke seluruh dunia.

Pencapaian utama yang dicatatkan dalam sektor peranti perubatan pada tahun 2017 ialah pemeteraian perjanjian Off-take (Off-take agreement, OTA) pertama antara KKM dan Vigilenz untuk Antibacterial Electro Activated Super Oxidized Water (Hydrocyn Aqua). Produk Hydrocyn ini telah mendapat kelulusan FDA 1510K.

Melangkah ke hadapan, Vigilenz telah memulakan penghasilan balutan luka fiber nano dan ujian klinikal bagi implan ortopedik antibiofilm (Orthosyn). Untuk memastikan produk-produknya menepati standard, syarikat ini menyediakan latihan untuk kakitangan mengikut piawaian Peraturan Peranti Perubatan dan Pengurusan Risiko yang baru. Syarikat tersebut juga telah memulakan usaha sama penyelidikan pembangunan dengan UKM, UTM dan USM. Tahun 2017 telah menyaksikan pendaftaran produknya di pasaran eksport seperti UK dan Australia.



Kawasan pembuatan Vigilenz yang mematuhi ISO 13485:2016, lengkap dengan makmal mikrobiologi.



Fasiliti pembuatan serantau Fresenius Medical Care Sdn Bhd (FME) di Bandar Enstek.

Fresenius Medical Care Sdn Bhd

Fresenius Medical Care Sdn Bhd (FME) telah mencatatkan pencapaian baharu dalam industri peranti perubatan di Malaysia apabila menjadi pengeluar Continuous Ambulatory Peritoneal Dialysis (CAPD) yang pertama di Malaysia pada tahun 2017.

Fasiliti pengeluaran serantau FME di Bandar Enstek, Fresenius Medical Care Production Sdn Bhd (FMCP) telah dilancarkan pada bulan September 2017. FMCP menghasilkan larutan hemodialisis A & B, Citrosteril (sejenis disinfektan untuk mesin hemodialisis), serta CAPD Stay.Safe Link untuk rawatan dialisis.

Produk-produk FME yang dihasilkan di Malaysia memenuhi piawaian kualiti global FME, memberikan pasaran tempatan akses kepada bekalan produk yang stabil dan memastikan rawatan yang berterusan untuk pesakit. Setakat ini, FME telah melabur hampir RM80 juta dalam fasilitinya, dengan pelaburan tambahan untuk peluasan dalam lima tahun akan datang.



(Dari kiri ke kanan) En. Carsten Fischer, Chargés d'Affaires Kedutaan Jerman, En. Harry De Wit, Presiden dan CEO, Fresenius Medical Care Asia Pacific, En. Gerhard Breith, Naib Presiden Kanan, GMQ Asia Pacific, En. Mahesh Nair, Naib Presiden Kanan, Fresenius Medical Care South Asia Pacific, YBhg. Dato' Seri Dr. Chen Chaw Min, Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia, dan En. Michael Wong, Pengarah Urusan, Fresenius Medical Care Malaysia di majlis pelancaran fasiliti pembuatan serantau Fresenius Medical Care di Bandar Enstek, Malaysia.



Satu sesi latihan berkenaan Sistem Pengawalseliaan Farmaseutikal Malaysia telah diadakan melibatkan 12 pengawal selia dari Tanzania, Uzbekistan, Nigeria, Thailand, Jordan, Sudan, Indonesia, Iran, Kazakhstan dan Maghribi bertujuan untuk mempromosikan sistem pengawalseliaan Malaysia dan membina keyakinan terhadap produk farmaseutikal yang dihasilkan di dalam negara.

Farmaseutikal

Malaysia berada pada kedudukan ke-14 sebagai pengeksport farmaseutikal terbesar di Asia, dan telah mengeksport ke lebih daripada 50 buah negara termasuk negara-negara di Afrika dan Amerika Selatan. Destinasi eksport utama ialah Singapura, Brunei, Hong Kong, Vietnam dan Indonesia yang merangkumi ubat-ubatan yang mengandungi antibiotik dalam dos tersukat dan makanan tambahan kesihatan seperti vitamin dan antibiotik. Walaupun saiz industri ini agak kecil dan bertumpu kepada ubat-ubatan generik.

“Malaysia merupakan pengeksport farmaseutikal ke-14 terbesar di Asia dan mengeksport ke lebih 50 negara di seluruh dunia.”

Iklim pelaburan farmaseutikal dimajukan dengan pelancaran QUEST 3+ pada bulan Januari 2017 oleh Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan (NPRA). QUEST 3+ merupakan sistem pendaftaran atas talian yang ditambah baik untuk mempertingkatkan kecekapan

proses pendaftaran farmaseutikal. Selain daripada automasi proses di bawah QUEST 3+, NPRA turut melaksanakan pendaftaran pantas bagi produk-produk generik, mengurangkan tempoh pendaftaran kepada tiga bulan (90 hari bekerja) dari tarikh permohonan berbanding tujuh bulan (210 hari bekerja) untuk ubat-ubatan preskripsi yang lain.

Demi membina kepercayaan dan penerimaan terhadap produk farmaseutikal yang dihasilkan di Malaysia, latihan mengenai Sistem Pengawasan Farmaseutikal telah dijalankan oleh NPRA pada bulan September 2017. Sesi latihan tersebut mempamerkan penajajaran sistem pengawasan farmaseutikal Malaysia selari dengan kriteria antarabangsa dan dijangka akan terus membantu pengeksportan produk farmaseutikal Malaysia.

Sektor ini juga telah mencatatkan pencapaian yang penting apabila Thailand mengesahkan kesediaannya untuk menandatangani ASEAN Mutual Recognition Agreement (MRA) untuk Bioequivalence (BE) Study Reports of Generic Medicinal Products. Ini bermakna hanya satu lagi negara iaitu Filipina yang belum menyatakan keinginan untuk menandatangani MRA tersebut.

Memperkukuh Sektor Bioteknologi Negara: Memberi Tumpuan Kepada Malaysia

Meningkatkan pengeluaran generik tempatan bagi tujuan eksport adalah fokus di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan dalam Program Transformasi Negara (NTP). Fokus ini membawa kepada pewujudan persekitaran perundangan, kewangan dan institusi yang menyokong pertumbuhan sektor bioteknologi serta pelaksanaan langkah-langkah polisi yang proaktif.

“Persekitaran ini telah mendorong Biocon, syarikat biofarmaseutikal yang terbesar, bersepadu dan diterajui inovasi dari India, untuk bekerjasama dengan Kerajaan Malaysia pada tahun 2010 bagi memperkasa sektor bioteknologi negara ini,” kata Srivinasan Raman, Naib Presiden dan Ketua Bahagian Operasi Biocon Malaysia.

Syarikat ini dipilih sebagai peneraju Projek Permulaan (Entry Point Project, EPP) di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan susulan cadangannya untuk membina sebuah fasiliti pengeluaran dan Penyelidikan dan Pembangunan (Research and Development, R&D) biofarmaseutikal yang canggih di BioXcell Biotech Park di Johor yang

merupakan pelaburan yang terbesar dalam sektor bioteknologi Malaysia. Biocon Sdn Bhd telah ditubuhkan sebagai anak syarikat milik penuh Biocon di Malaysia untuk membina fasiliti baharu ini. Setakat ini, Biocon telah melabur hampir US\$275 juta dalam fasiliti yang menempatkan loji pengeluaran insulin bersepadu canggih yang terbesar di Asia. Fasiliti ini telah direka untuk mengeluarkan insulin dan analog insulin bagi menampung keperluan para pesakit diabetes di Malaysia dan pasaran-pasaran global lain.

Pada bulan November 2016, Biocon Sdn Bhd telah dianugerahkan kontrak untuk membekalkan katrij rh-insulin dan pen insulin boleh guna semula sepanjang tempoh tiga tahun di bawah inisiatif Perjanjian Jualan (Off-Take Agreement, OTA) Kerajaan Malaysia.

Insugen®, rh-insulin Biocon yang dikeluarkan di fasilitinya di Johor merupakan produk biosimilar yang pertama dihasilkan di Malaysia dan mendapat kelulusan Agensi Regulatori Farmasi Negara (National Pharmaceutical Regulatory Authority, NPRA) untuk



Insugen®, rh-insulin yang dikeluarkan oleh Biocon adalah produk biosimilar pertama dihasilkan di Malaysia yang mendapat kelulusan NPRA untuk jualan komersial di negara ini.



Fasiliti Biocon di Malaysia.

jualan komersial di negara ini. Insugen® membolehkan lebih 3.3 juta penghidap diabetes di Malaysia mendapat akses kepada pilihan rawatan yang selamat, mampu milik dan berkualiti.

Terdapat banyak faedah pembelian insulin daripada pembekal tempatan. Kira-kira 3.3 juta individu dikesan menghidap diabetes dan Kerajaan Malaysia membelanjakan hampir US\$566 setahun untuk setiap pesakit diabetes di Malaysia. Jumlah pesakit diabetes dijangka meningkat kepada 4.5 juta orang menjelang tahun 2020 dan ini akan memberi impak besar kepada perbelanjaan penjagaan kesihatan oleh Kerajaan. Rh-insulin yang dihasilkan di negara ini dengan harga mampu milik berpotensi untuk mengurangkan beban kos rawatan diabetes dan meningkatkan akses kepada terapi insulin bagi pesakit-pesakit diabetes di Malaysia.

OTA ini memberi jaminan pembelian produk-produk farmaseutikal yang dihasilkan di negara ini oleh sektor awam di samping membantu meningkatkan jumlah eksport. “Apabila Kerajaan Malaysia membeli dan menggunakan produk-produk ini, keyakinan pasaran eksport terhadap keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan tersebut akan meningkat. Penganugerahan OTA ini meningkatkan kredibiliti kami sebagai pengeluar produk-produk insulin yang berkualiti tinggi dan mampu milik.”

Untuk meningkatkan kemahiran komuniti tempatan, Biocon menggaji lebih 550 orang kakitangan, termasuk 450 orang rakyat Malaysia di loji pengeluaran insulinnya di Johor. Selain mencipta peluang pekerjaan di negara ini, syarikat ini juga telah melatih lebih 240 orang kakitangan warga Malaysia di ibu pejabat syarikat tersebut di India. “Kami terus menyediakan latihan kepada kakitangan kami di Malaysia dalam pelbagai bidang termasuklah pengeluaran biofarmaseutikal, kawalan kualiti, rantai bekalan serta penyelidikan dan pembangunan. Syarikat ini juga mendapatkan bahan-bahan input serta perkhidmatan daripada pembekal-pembekal tempatan, termasuklah untuk pembinaan loji pengeluaranannya,” kata Srivinasan.

Biocon juga banyak menyumbang kepada pertumbuhan ekosistem industri bioteknologi di Malaysia. Tiga orang pemimpin kanan Biocon Malaysia telah menyertai panel industri-akademik Universiti Teknologi Malaysia dan Universiti Kebangsaan Malaysia. Usaha sama industri-akademik ini membolehkan universiti-universiti menyesuaikan kurikulum mereka dengan trend industri dan keperluan bakat baharu.

Mengakhiri perbincangan ini, Srivinasan berkata “Sokongan Kerajaan Malaysia terhadap sektor penjagaan kesihatan melalui NTP membuktikan kepada dunia bagaimana polisi-polisi yang progresif boleh menghasilkan transformasi berimpak.”

MRA ini mengeneppikan keperluan untuk menjalankan kajian BE tambahan kerana kajian tersebut akan dijalankan di sebuah pusat BE yang tersenarai. Pemurnian keperluan kajian BE dan penghapusan halangan teknikal untuk pendaftaran produk generik di ASEAN akan mempercepat pengeksporan produk farmaseutikal generik ke rantau ini, selain mengurangkan kos pendaftaran di negara ASEAN lain.

Bagi mengukuhkan lagi penghasilan farmaseutikal generik di Malaysia, pemain-pemain industri di bawah EPP ini telah melabur dalam pengeluaran berteknologi tinggi. Antara sumbangan utama dalam sektor ini ialah 11 projek yang telah menjana RM852.95 juta dalam pelaburan komited yang diterajui oleh peneraju projek farmaseutikal seperti Kotra Pharma Sdn Bhd dan Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd.

Kotra Pharma Sdn Bhd

Kotra Pharma sedang menjalankan tiga buah projek di bawah NKEA Penjagaan Kesihatan iaitu:

- Projek Accessible Sterile IV Export / Prefilled Syringe Line (PFS) dengan 12 produk akan dihasilkan;



Suntikan Vaxcel Omeprazole 40mg untuk rawatan ulser duodenal dan gastrik, refluks esofagitis dan sindrom Zollinger-Ellison.

- Projek Alat Sedutan Asma MDI (Metered Dosage Inhaler, MDI) di mana lapan produk akan dihasilkan;
- Usaha sama pengeluaran kontrak dengan syarikat Servier untuk menghasilkan produk-produk yang dipatenkan olehnya.

Ketiga-tiga projek tersebut melibatkan anggaran pelaburan sebanyak RM25 juta untuk pembinaan dan



Formulasi pengeringan-beku lebih stabil daripada *small volume liquid injectables* dan secara umumnya mempunyai jangka hayat yang lebih panjang.



pembangunan line pengeluaran, latihan kakitangan, serta penyelidikan dan pembangunan produk.

Rangkaian MDI dan PFS kini berada dalam peringkat akhir persiapan dan kesediaan untuk pemeriksaan line dan audit oleh NPRA. Selepas mendapat kelulusan daripada NPRA, produk yang pertama di bawah line PFS disasarkan untuk pengkomersialan pada suku kedua tahun 2018 sementara produk MDI dijangka akan dikomersialkan pada suku keempat tahun 2018. Namun, melalui kontrak pengeluaran bersama antara Malaysia dengan Servier, Kotra Pharma telah memulakan eksport produknya ke Brunei.

Sebanyak lima OTA telah dianugerahkan kepada Kotra Pharma. Ubat-ubatan di bawah OTA ialah untuk merawat masalah perut dan esofagus, penyakit kardiovaskular, jangkitan saluran pernafasan atas dan bawah dan jangkitan-jangkitan lain dalam abdomen, serta kawalan paras glukosa dalam darah untuk pesakit diabetes.

Pharmaniaga LifeScience Sdn Bhd

Pharmaniaga LifeScience (Pharmaniaga) merupakan syarikat yang pertama dan satu-satunya pengeluar Small Volume Injectable (SVI) di Malaysia yang memasang dan menggunakan teknologi Lyophilisation (beku-kering) melalui pelaburan sebanyak RM21 juta untuk memperluas fasiliti pengeluaran sedia ada.

Sehingga kini, syarikat ini merancang untuk menghasilkan 15 produk melalui proses Lyophilisation dan telah berjaya menghasilkan kumpulan rintis bagi empat produk pertamanya pada bulan Jun 2016. Kajian kestabilan telah dilengkapi dan dosir tersebut kini sedang dalam proses semakan terakhir oleh Pharmaniaga, sebelum produk-produk tersebut diserahkan kepada NPRA bagi tujuan pendaftaran.

Pengkomersialan produk-produk dijangka bermula pada tahun 2018 yang akan disusuli oleh eksport ke pasaran ASEAN pada tahun 2022 dan Eropah pada tahun 2024. Syarikat ini dijangka dapat mewujudkan 21 peluang pekerjaan berkemahiran tinggi bermula pada tahun 2019.

Kerajaan dijangka akan menikmati penjimatan yang besar melalui pembelian produk lyophilise generik kerana produk asal biasanya dijual pada harga yang lebih mahal.

MENINGKATKAN KEDUDUKAN DALAM RANTAIAN NILAI PENJAGAAN KESIHATAN MELALUI PENYELIDIKAN KLINIKAL

Penyelidikan klinikal di Malaysia diketuai oleh Clinical Research Malaysia (CRM) sebagai badan induk yang menguruskan keseluruhan bidang penyelidikan klinikal yang turut melibatkan hospital universiti. Pemusatan sumber dalam bidang yang khusus ini adalah penting untuk membolehkan Malaysia mengoptimumkan sumber dengan lebih cepat dan berkesan. Trajektori positif sektor ini telah diakui oleh para penaja antarabangsa dan komuniti penyelidikan. Ini terbukti melalui pelaburan yang melebihi RM220 juta sejak tahun 2012 oleh syarikat-syarikat yang menjalankan ujian klinikal di negara ini.

“Dapatan kajian yang dijalankan dijangka akan menurunkan kos rawatan hepatitis C daripada RM320,000 kepada hanya RM1,200 bagi setiap pesakit di Malaysia.”

Malaysia berjaya mencipta nama di peringkat global hasil daripada penyelidikan canggih yang dijalankan terhadap hepatitis C dengan kerjasama Drugs for Neglected Diseases Initiative (DNDi). Projek ini merupakan satu-satunya model yang akan membuka jalan kepada kerjasama pintar antara Kerajaan dan NGO. Dapatan kajian tersebut dijangka akan menurunkan kos rawatan hepatitis C daripada RM320,000 kepada hanya RM1,200 bagi setiap pesakit di Malaysia. Ini membolehkan lebih daripada 500,000 pesakit hepatitis C di Malaysia mendapatkan rawatan pada harga yang berpatutan.

Dalam perkembangan lain, sektor ini turut menyaksikan pengurangan tempoh semakan Clinical Trial Agreement (CTA) dan kelulusan dari tiga bulan kepada hanya lima hari bekerja melalui pelancaran sistem penyerahan elektronik.



Memorandum Persefahaman (MoU) antara C&R Research Inc dan Clinical Research Malaysia ditandatangani untuk mempromosikan penyelidikan klinikal di Malaysia dan Korea Selatan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa cabaran untuk menarik lebih banyak penyelidikan klinikal antaranya:

- Jumlah pakar onkologi yang tidak mencukupi untuk menjalankan ujian onkologi;
- Penglibatan Malaysia yang tertumpu kepada ujian fasa akhir menyebabkan negara ini kurang menarik kepada syarikat farmaseutikal dan peranti perubatan;
- Kekurangan kesedaran dan minat terhadap kepentingan ujian klinikal dalam kalangan pakar perubatan dan masyarakat.

Bidang penyelidikan klinikal yang belum diterokai sepenuhnya membawa banyak manfaat dari segi meningkatkan pilihan rawatan untuk pesakit serta manfaat ekonomi kepada negara. Penyelidikan klinikal akan memberi pesakit peluang untuk mendapatkan ubat-ubatan atau rawatan yang belum wujud di pasaran, terutamanya bagi ubat-ubatan onkologi yang mahal harganya.

Selain kesukaran untuk menarik lebih banyak penyelidikan klinikal, cabaran seterusnya adalah memastikan Malaysia menggerakkan aktivitinya memfokus ke arah aktiviti hulu dalam ekosistem penyelidikan klinikal. Ini akan ditangani oleh Projek Realisasi Fasa I (Phase I Realisation Project, PIRP) yang merangkumi Projek

ACCELERATE. Kedua-dua projek ini diterajui oleh CRM untuk membolehkan Malaysia menjalankan ujian fasa awal dan seterusnya memulakan penghasilan dan penemuan ubat-ubatan baru.

Kajian fasa awal memainkan peranan yang penting dalam penghasilan ubat-ubatan baharu kerana fasa ini mengkaji kesan, keberkesanan dan keselamatan ubat-ubatan farmaseutikal terhadap manusia. Bagaimanapun, fasa ini bertindih dengan penyelidikan saintifik dan perubatan klinikal. Pelaksanaan kajian fasa awal juga mampu menyumbang kepada pemindahan pengetahuan dan teknologi terkini ke Malaysia, mewujudkan pekerjaan baru dalam penyelidikan klinikal, memacukan inovasi tempatan dan mengurangkan pelaburan keluar. Ini seterusnya membawa negara ini ke peringkat yang lebih tinggi dalam rantai nilai penyelidikan klinikal. Malah, Garis Panduan Ujian Klinikal Fasa I telah siap pada November 2017. Garis panduan ini akan memberi gambaran keseluruhan tentang pengendalian ujian klinikal Fasa I di Malaysia kepada para penaja, penyiasat dan penguji tapak.

Projek ACCELERATE melibatkan kerjasama antara agensi, industri penyelidikan klinikal dan universiti dalam projek-projek pra-klinikal. CRM juga akan bekerjasama dengan universiti tempatan dan KKM dalam projek 'bench to bedside'. Selain itu, kumpulan terlatih bagi pengurusan



krisis juga telah dipersiap untuk menangani sebarang masalah berkenaan ujian klinikal fasa awal.

Ujian Fasa I berjaya menarik minat pelbagai syarikat di Malaysia. Ini terbukti dengan pengesahan sebuah syarikat untuk menjalani ujian Fasa I pada awal tahun 2018 manakala tiga buah syarikat lain sedang mempertimbangkan Malaysia sebagai pusat untuk ujian klinikal Fasa I untuk pembangunan ubat-ubatan mereka. Terdapat sekurang-kurangnya lima lagi syarikat yang berada di peringkat kebolehlaksanaan. Tambahan pula, CRM juga membantu Aurigene dalam kerja-kerja pra-klinikal untuk bahan antikanser dan biomarker baru yang berkaitan. Projek pra-klinikal Fasa I ini dijangka akan meningkatkan kepekaan industri tempatan terhadap penemuan dan seterusnya membawa kepada pengeluaran ubat-ubatan berinovasi (innovator drugs) di Malaysia.

Berdasarkan keperluan untuk mempromosikan kepentingan ujian klinikal, CRM telah memulakan kempen 'I AM AWARE' dan Clinical Trials Day, selain aktiviti kesedaran yang diterajui media lain. Melalui kempen tersebut, CRM telah mendaftarkan lebih daripada 2,000 orang pesakit dan sukarelawan sihat yang berminat untuk melibatkan diri dalam ujian klinikal.

CRM aktif dalam usaha menjalin usaha sama antarabangsa contohnya:

- MoU dengan C&R Research Inc, organisasi penyelidikan kontrak (Contract Research Organisation, CRO) terbesar di Korea untuk menarik lebih banyak syarikat biofarmaseutikal Korea untuk menjalankan ujian klinikal di negara ini. Melalui kerjasama ini, C&R dan CRM telah bersetuju untuk mempromosikan aktiviti ujian klinikal di Malaysia dan Korea Selatan, di samping menyediakan sokongan dan sumber untuk melengkapi keperluan masing-masing dari segi pembangunan perniagaan, operasi ujian klinikal dan latihan. Hasilnya, CRM telah menerima pertanyaan daripada syarikat-syarikat Korea yang berminat untuk menjalankan ujian klinikal di Malaysia. C&R Research juga sedang mempertimbangkan untuk menubuhkan pejabatnya di Malaysia;
- CRM sedang membantu FIND, sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan yang berpusat di Geneva, Switzerland untuk mengenal pasti tapak ujian klinikal bagi kit diagnostik hepatitis C. Kerjasama ini akan meluaskan akses kepada diagnosis hepatitis C di Malaysia dan mempercepat pengeluaran keputusan ujian kepada pesakit.

MENJAMIN KESIHATAN WARGA EMAS

Selain menyediakan perkhidmatan yang mampu milik dan berkualiti kepada rakyat Malaysia, industri penjagaan kesihatan juga perlu memberi perhatian khusus kepada keperluan warga emas. Ini konsisten dengan perubahan demografik negara di mana 15% populasi dijangka akan berusia 65 tahun ke atas menjelang tahun 2030, daripada 9.3% pada masa ini. Perubahan ini dijangka akan memberi tekanan yang agak tinggi kepada sistem penjagaan kesihatan di negara ini, terutamanya dengan peningkatan kadar penyakit tidak berjangkit di seluruh dunia.

“Akta baru di bawah KKM telah dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2017 untuk mengawal selia pusat penjagaan warga emas swasta.”

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Warga Emas Swasta

Setakat ini, hanya 21 buah pusat penjagaan kesihatan warga emas telah didaftarkan di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586), iaitu undang-undang yang mengawal semua pusat perubatan swasta. Ini jelas sekali tidak mencukupi untuk memenuhi permintaan dalam penjagaan warga emas yang semakin meningkat dan telah membuatkan Kerajaan mencadangkan peraturan-peraturan yang lebih spesifik kepada penyedia kemudahan dan perkhidmatan swasta bagi penjagaan warga emas. Oleh itu, akta baru di bawah KKM telah dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober 2017 untuk mengawal semua pusat penjagaan warga emas swasta. Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Warga Emas Swasta ini akan menetapkan tahap kualiti minimum untuk penjagaan dan perkhidmatan yang diberikan di pusat penjagaan warga emas swasta, juga menggalakkan pusat penjagaan yang tidak berdaftar untuk mendaftar. Rang undang-undang ini memberi sokongan kepada warga emas yang memilih untuk tinggal di rumah sendiri dan mengurangkan kebergantungan dalam kalangan komuniti warga emas seperti yang dinyatakan oleh standard Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO).

Sunway Menyerlah Dengan Perkembangan Pelancongan Perubatan di Malaysia

Dasar kerajaan yang berpandangan jauh untuk meneroka pasaran pesat pelancongan kesihatan nampaknya berhasil. Pelancong berterusan mengunjungi negara ini untuk memanfaatkan rawatan perubatan yang bukan sahaja berpatutan tetapi juga bertaraf dunia. Ini terbukti dengan peningkatan mendadak aliran masuk pelancong perubatan ke dalam negara untuk tujuan perubatan yang mencecah seramai 921,000 pelawat pada tahun 2016 berbanding 643,000 pelawat pada tahun 2011.

Antara pemain utama dalam industri ini ialah Sunway Medical Centre, salah sebuah hospital swasta terbesar di Malaysia dan di rantau ASEAN. Sunway berpendapat bahawa inisiatif utama NTP seperti penubuhan Majlis Pelancongan Penjagaan Kesihatan Malaysia (Malaysia Healthcare Travel Council, MHTC) telah membantu menaikkan profilnya dalam arena pelancongan penjagaan kesihatan di rantau ini.

Dr. Michelle Mah, Pengarah Pembangunan Perniagaan dan Komunikasi Korporat di Pusat Perubatan Sunway berkata MHTC telah banyak menyumbang kepada penggalakan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan perubatan, serta membantu mengangkat bukan sahaja profil Malaysia tetapi juga hospital-hospital di Malaysia. Kemajuan ini telah membantu menarik lebih ramai pesakit dari negara asing yang memerlukan khidmat perubatan.

“Pelancaran NTP membantu menyatukan pemain industri untuk menjenamakan negara sebagai destinasi pelancongan perubatan secara lebih berkesan,” ujar beliau. “NTP juga meningkatkan fokus dan tindakan segera pelaksanaan langkah-langkah penting bagi memudah cara pembangunan sektor ini selain melancarkan perjalanan pesakit dari negara luar. Inisiatif-inisiatif ini telah membuka laluan untuk meletakkan Malaysia di peta dunia dalam industri pelancongan perubatan.”

Dr. Mah menambah bahawa inisiatif lain di bawah NTP yang tidak berkaitan dengan penjagaan kesihatan seperti penambahbaikan pengangkutan awam turut membantu meningkatkan daya tarikan Sunway kepada pelancong perubatan. Infrastruktur pengangkutan yang bertambah baik menjadikan kluster hospital, pusat beli-belah, taman tema dan hotel di Bandar Sunway lebih menarik.

“Kesan tidak langsung NTP dengan tumpuan khusus kepada pembangunan sistem pengangkutan awam bersepadu telah mewujudkan pengangkutan yang hebat untuk pelancong perubatan terutamanya di Bandar Sunway di mana BRT (Bus Rapid Transit) menghubungkan hotel, pusat beli-belah, taman tema dan kediaman dengan hospital kami,” jelas Dr. Mah.

Sunway juga merupakan ahli Elit dalam MHTC, yang mana status ini turut menambahkan daya tarikannya. Dr. Mah berkata sebagai ahli hospital elit, Sunway mendapat lebih banyak peluang untuk meneroka pasaran asing. “Hubungan



Sunway juga bekerjasama dengan Harvard University dan University of Cambridge untuk menambah baik standard penjagaan kesihatan dan pendidikannya.



Sunway Medical Centre merupakan antara ahli elit MHTC.

kami dengan MHTC telah meningkatkan kredibiliti Sunway di pasaran antarabangsa serta memudahkan inisiatif-inisiatif bantuan luar kami,” kata beliau.

Dr. Mah turut memuji komitmen dan dedikasi wakil MHTC, dan berkata bahawa Ketua Pegawai Eksekutif MHTC, Sherene Azli, amat menyokong usaha mereka dengan membekalkan maklumat dan analisis tentang trend pasaran dan pesaing serta mempromosikan pusat perubatan Sunway di luar negara.

Pusat Perubatan Sunway juga telah berjaya menarik bakat dalam bidang perubatan yang menetap di luar negara untuk kembali ke Malaysia di bawah Program Kepulangan Pakar (Returning Expert Programme, REP). Ini membolehkan Sunway untuk mengembangkan kumpulan pakarnya dan menyampaikan perkhidmatan perubatan yang lebih menyeluruh kepada pesakit. “Kepulangan mereka ke Malaysia membantu untuk memperbesar kumpulan bakat perubatan dalam negara,” kata beliau.

Meninjau masa hadapan, Dr. Mah berkata bahawa hospital di Malaysia semakin berdaya saing dari segi standard dan penjagaan yang komprehensif. “Sebagai contoh, Sunway Medical Centre kini mempunyai salah sebuah pusat kanser yang paling komprehensif, bukan sahaja di Malaysia tetapi juga di rantau ini,” kata Dr. Mah. “Kami juga bekerjasama dengan institusi-institusi terkenal seperti Cambridge University dan The Royal Papworth Hospital, hospital jantung dan paru-paru terkemuka di Eropah, untuk

meningkatkan standard penjagaan yang kami berikan.”

Baru-baru ini Sunway turut bekerjasama dengan beberapa universiti global terkemuka seperti Harvard University dan University of Cambridge untuk menambah baik standard penjagaan kesihatan dan pendidikan di Malaysia. Sebagai sebahagian daripada kerjasama itu, Sunway Medical Centre menubuhkan Pusat Penyelidikan Klinikal Sunway yang akan menjadi Rakan Tapak Serantau (Regional Site Partner) bagi Pusat Pengajian Perubatan milik University of Cambridge.

Dari segi cadangan untuk menambah baik landskap pelancongan penjagaan kesihatan dalam negara, Dr. Mah berkata mungkin Kerajaan boleh mengkaji pemberian bantuan dalam bentuk geran dan penajaan untuk sektor swasta dalam bidang latihan dan penyelidikan untuk memperhebat usaha penyelidikan dan menjadikan Malaysia peneraju dalam pelbagai bidang perubatan di rantau ini.

“Kita perlu mengalihkan tumpuan penjagaan kesihatan di Malaysia kepada kualiti dan bukan hanya sekadar sebagai destinasi mampu milik,” kata Dr. Mah. “Usaha ini bukan sahaja memerlukan pelaburan dalam bakat dan teknologi tetapi juga penyelidikan klinikal yang lebih aktif dan penandaarasan hasil klinikal dengan aktif. Kami yakin bahawa MHTC telahpun mengusahakan sebahagian daripada inisiatif ini.”

Menyampaikan Penjagaan Kesihatan ke Rumah anda

Dalam era pendigitalan dan mekanisasi perkhidmatan, salah satu peneraju projek NKEA, Love on Wheels menyediakan perkhidmatan penjagaan dan fisioterapi bergerak (mobile), iaitu perkhidmatan yang ditawarkan kepada pesakit di rumah sendiri termasuk nasihat perubatan yang mudah difahami melalui sebuah aplikasi mudah alih.

Baru-baru ini, syarikat ini telah membangunkan sebuah program berstruktur yang diluluskan oleh Jabatan Kemahiran Malaysia untuk melatih penjaga tentang pengetahuan, kemahiran dan sikap yang diperlukan untuk memberi khidmat penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada warga emas. Program ini memberi penekanan kepada latihan praktikal dan dilengkapi dengan pembelajaran berpusat (teori) untuk memastikan penjaga lebih peka terhadap keperluan warga emas dan mampu mengesan masalah kesihatan yang kritikal. Inisiatif pembinaan keupayaan ini dijangka akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing sebagai penjaga warga emas serta mengurangkan kos penjagaan warga emas dalam jangka panjang.

Satu lagi inisiatif yang dijalankan oleh Love on Wheels ialah aplikasi mudah alih mSIHAT. Melalui aplikasi ini, penjaga akan tahu bahawa perkhidmatan mereka diperlukan oleh pesakit dalam masa-nyata, di mana sahaja mereka berada di Malaysia. Aplikasi ini menjadi platform untuk pesakit dan pengamal penjagaan kesihatan untuk menghubungi perkhidmatan penjagaan mobile seperti fisioterapi dan kejururawatan. mSIHAT juga memastikan

pengamalnya bertauliah dan berkelayakan supaya pesakit mempunyai kesinambungan dalam penjagaan kesihatan walaupun menerima perkhidmatan daripada pengamal yang berbeza, di samping mengekalkan privasi dan keselamatan maklumat pengguna. Buat masa ini, perkhidmatan ini hanya boleh didapati di Lembah Klang dan akan diperluas ke seluruh negara tidak lama lagi. Memandangkan Malaysia dijangka akan menjadi negara tua menjelang tahun 2030, mSIHAT boleh membantu menangani beberapa cabaran seperti katil yang terhad di hospital dan kos penjagaan yang tinggi.

Masa hadapan penjagaan warga emas

Projek Eden-on-the-Park, sebuah fasiliti penjagaan warga emas bersepadu yang menyediakan kediaman persaraan dan penjagaan kesihatan di Kuching telah siap dibina pada tahun 2015. Ia merupakan kompleks penjagaan canggih dengan 71 bilik suite (142 katil), blok kondominium dengan 104 buah pangsapuri dan 14 buah vila.

Sejak ditubuhkan, pusat jagaan tersebut telah membuka mata rakyat Malaysia tentang keselesaan gaya hidup dan penjagaan kesihatan yang boleh ditawarkan oleh sebuah pusat penjagaan warga emas, dan seterusnya mengubah persepsi negatif terhadap pusat penjagaan warga emas yang sedia ada.

Eden-on-the-Park Sdn Bhd kini merancang untuk menghasilkan semula konsep ini di pembinaan luar kawasan yang pertamanya iaitu di Kota Kinabalu yang akan memulakan pembinaan sebaik sahaja rancangan pembangunannya diluluskan.



Pangsapuri Gaya Hidup Aktif Warga Emas Eden dengan kolam air masin sepanjang 50 meter.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Pelancongan kesihatan sedang berkembang dan negara ini menyaksikan trend pertumbuhan yang positif dalam hasil pelancongan kesihatan sejak enam tahun yang lalu. Pertumbuhan ini penting bagi mencapai sasaran RM2.8 bilion dalam hasil pelancongan kesihatan menjelang tahun 2020. MHTC kini berusaha untuk meningkatkan profil Malaysia sebagai peneraju destinasi pelancongan kesihatan global dan akan diperkukuhkan sebagai salah satu sumber pendapatan negara. Perancangan telah dibuat untuk menubuhkan hospital khusus (flagship hospitals), memposisikan Malaysia sebagai hab peneraju dalam bidang kesuburan dan kardiologi di Asia, dan pengenalan pakej perubatan atasan (high-end) untuk pelancong kesihatan diperkenalkan bagi mengukuhkan industri ini.

Dari segi eksport produk penjagaan kesihatan, Kerajaan perlu terlibat secara konsisten dengan industri untuk memahami cabaran dan keperluannya. Ini juga akan membantu mengimbangkan bekalan daripada pengeluar tempatan dan permintaan daripada KKM. Kerjasama antara kedua-dua pihak akan memastikan pengeluaran produk penjagaan kesihatan diselaraskan dengan matlamat kebangsaan dan polisi kesihatan yang relevan. Tambahan pula, sinergi yang lebih kuat di antara Pelan Induk Farmaseutikal Perindustrian, Polisi Perubatan Kebangsaan dan Pelan Penjagaan Kesihatan Kebangsaan diperlukan untuk mencapai kesan berganda yang lebih besar bagi industri farmaseutikal.

Sektor swasta perlu memberi fokus kepada peluasan pasaran bagi pemain besar dan membentuk strategi khusus untuk pemain kecil. Pengeluar tempatan harus mampu membezakan produk dan perkhidmatan mereka dengan cara yang unik untuk menghasilkan ekosistem yang lebih kuat dan berdaya saing melalui pengukuhan jenama mereka secara sistematik.

CRM akan terus berusaha meningkatkan usaha sama awam swasta (PPP) dalam penyelidikan klinikal onkologi. Ini membolehkan pakar onkologi dari hospital swasta menjalankan ujian klinikal onkologi di hospital KKM. CRM juga akan terus bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) dan syarikat-syarikat lain dalam usaha sama ujian praklinikal bagi meningkatkan turnover kepada ujian klinikal fasa awal nanti. Selain itu, organisasi ini akan mempromosikan Malaysia sebagai hab ujian klinikal di Asia melalui penyertaan dalam kongres antarabangsa, mesyuarat dan media sosial.

Untuk menyokong inisiatif penjagaan kesihatan warga emas, industri perlu mempertimbangkan sistem kewangan bersepadu dan sokongan yang kukuh seperti insurans penjagaan jangka panjang dan gadai janji balikan (reverse mortgage), untuk memastikan golongan ini mampu menikmati dan menggunakan kemudahan penjagaan warga emas.

Masa depan industri penjagaan kesihatan Malaysia akan banyak bergantung kepada penggunaan e-Kesihatan (e-Health), seiring dengan konsep Industri 4.0 untuk memodenkan lagi perkhidmatan penjagaan kesihatan dan menerokai lebih banyak peluang pertumbuhan. Ini juga memerlukan peraturan yang bersesuaian bagi memaksimumkan manfaat penggunaan teknologi dalam penjagaan kesihatan.





PERKHIDMATAN KEWANGAN

**MENYEDIAKAN PENYELESAIAN
KEWANGAN YANG
INKLUSIF DAN MAMPAN**

**YB DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI**

Menteri Kewangan II

NKEA Perkhidmatan Kewangan telah mencapai kemajuan ketara dalam membangunkan industri kewangan Malaysia dan meningkatkan daya saingnya di rantau ini sejajar dengan keperluan sistem kewangan bagi sebuah negara berpendapatan tinggi. Kemajuan ini dicapai dengan panduan para pengawal selia serta usaha yang didorong pasaran. Kerajaan juga telah menggariskan tiga bidang strategik untuk memperkukuhkan ekonomi Malaysia di samping memacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif dan mampan untuk masa hadapan. Ini termasuk memastikan pertumbuhan dan perkembangan ekonomi yang sama rata untuk memberi peluang kepada mereka yang berada di pekan dan kawasan luar bandar; menjadikan Malaysia sebuah pasaran yang berdaya saing dalam ekonomi digital; serta memanfaatkan teknologi kewangan sebagai pemboleh untuk memperkukuhkan ketahanan dan kemampunan sistem kewangan.

NTP telah menyumbang kepada aspek-aspek ini, dan NKEA ini telah membuka jalan bagi akses menyeluruh insurans untuk rakyat, dan pengawal selia serta pemain pasaran juga telahpun merebut peluang dalam teknologi kewangan. Petunjuk lain seperti nilai pasaran modal, ekuiti dan hutang, Aset di bawah Pengurusan (Assets under Management, AUM) dalam industri pengurusan dana dan kedudukan Malaysia dalam aset Islam di bawah pengurusan global turut mencerminkan ketahanan sistem kewangan kita di peringkat global.

Sehingga akhir tahun ini, nilai modal, pasaran ekuiti dan hutang masing-masing berjumlah RM3.2 trilion, RM1.9 trilion dan RM1.3 trilion, manakala AUM berjumlah RM776.2 bilion. Malaysia menguasai 30% daripada US\$71 bilion nilai pasaran global aset Syariah, dan juga merupakan peneraju terbitan sukuk di peringkat global. Ini menyumbang kepada RM73.9 bilion PNK yang dihasilkan oleh NKEA ini pada tahun 2017, dan merupakan 6% daripada jumlah PNK yang dijana.

Kegiatan bank perdagangan Malaysia dalam kalangan negara ASEAN membuktikan bahawa sistem kewangan Malaysia lebih bersepadu di peringkat serantau dan mampu untuk menyokong rangkaian ekonomi dan kewangan yang lebih teguh. Selain penyepaduan perbankan, inisiatif lain yang diambil untuk mengukuhkan penyepaduan ekonomi dan kewangan dalam ASEAN termasuk penggalakan persetujuan penyelesaian mata wang tempatan antara negara-negara ASEAN dengan bank-bank memainkan peranan sebagai pemboleh utama mekanisma ini, memperkukuhkan pasaran kewangan serantau, mengeratkan saling hubungan dan menjamin keselamatan sistem pembayaran selain meningkatkan rangkaian kewangan.

Teknologi, tingkah laku pelanggan serta pengawalaturan sentiasa berubah dalam industri perbankan. Akibatnya, model operasi industri yang sedia ada mungkin tidak lagi berdaya saing dan mampan dalam jangka panjang.

Kementerian yakin bahawa dengan penggunaan yang optimum, teknologi akan membantu meluaskan penyertaan pelabur runcit dan merangsang pemilihan pembiayaan yang lebih inovatif dan berasaskan pasaran. Rangkaian nilai perkhidmatan kewangan yang menghala ke arah mengadaptasi teknologi digital juga akan memudahkan pengguna untuk mengakses perkhidmatan kewangan. Perubahan ini akan membantu syarikat-syarikat di Malaysia, terutamanya dalam segmen perusahaan mikro, kecil dan sederhana dalam jangka panjang, selain merancakkan lagi industri perkhidmatan kewangan seiring dengan transformasi kita ke arah negara berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020.

MENGALAKKAN PERLINDUNGAN KEWANGAN SECARA INKLUSIF

Kadar penembusan insurans dan takaful di Malaysia berada dalam julat 54% hingga 56% antara tahun 2012 dan 2017. Bank Negara Malaysia (BNM) menyasarkan peningkatan kepada 75% menjelang tahun 2020. Bagi meningkatkan pengambilan insurans dan takaful dalam kalangan rakyat Malaysia, BNM telah mengambil beberapa inisiatif termasuklah bekerjasama dengan industri insurans dan takaful untuk memperkenalkan pelbagai rangkaian produk yang mampu dimiliki, mudah diakses dan ringkas bagi memenuhi keperluan segmen isi rumah yang kurang menerima perkhidmatan kewangan. Selain meningkatkan perlindungan insurans dan takaful dalam kalangan rakyat Malaysia, inisiatif ini juga dijangka akan meningkatkan kesedaran tentang insurans dan takaful dalam jangka panjang.

Satu lagi inisiatif utama yang dilaksanakan adalah mempelbagaikan saluran pengedaran produk insurans. Industri insurans dan takaful telah mula menawarkan produk insurans hayat melalui saluran langsung sejak Julai 2017, khususnya melalui ruang digital. Hasilnya, produk insurans kini boleh didapati melalui saluran yang cekap dari segi kos. Pendekatan ini membolehkan pembangunan laman web untuk perbandingan produk dan seterusnya memangkin inovasi untuk produk insurans.

KEWANGAN DIGITAL DEMI MASA HADAPAN

Susulan daripada rangka kerja pembiayaan *peer-to-peer* (P2P) yang berkuat kuasa pada 2 Mei 2016 serta pendaftaran operator platform pembiayaan, RM37.15 juta telah dipinjamkan melalui platform ini. Pengenalan pembiayaan P2P menyusuli pelancaran equity crowdfunding (ECF) pada tahun 2015, menjadikannya kelas aset pembiayaan berasaskan pasaran yang kedua di Malaysia. Sejak pasaran ECF mula beroperasi pada pertengahan tahun 2016, sehingga Disember 2017, 37 penerbit telah memperoleh sejumlah RM32.74 juta melalui operator ECF.

Pada tahun 2017, Suruhanjaya Sekuriti (Securities Commission, SC) telah memperkenalkan rangka kerja Pengurusan Pelaburan Digital dan menetapkan keperluan pelesenan dan syarat bagi penawaran perkhidmatan pengurusan portfolio menurut budi bicara secara automatik kepada pelabur, membuatkan pelaburan

mampu dimiliki dan mudah diakses oleh semua orang pada setiap peringkat kehidupan.

Hala tuju ini juga memerlukan evolusi ekosistem yang lebih menyeluruh bagi inovasi, termasuklah program inkubator yang telah terbukti berjaya membantu usahawan mengkomersialkan idea dan membangunkan syarikat. Program sedemikian mampu mengurangkan kos inovasi untuk syarikat-syarikat serta risiko untuk pembiaya dan pengurus risiko seperti penyedia insurans. Dalam usaha ini, institusi-institusi tempatan juga memainkan peranan untuk menyokong penyelesaian kewangan yang inovatif.

“Sejak pasaran ECF mula beroperasi pada pertengahan tahun 2016, sehingga Disember 2017, 37 penerbit telah memperoleh sejumlah RM32.74 juta melalui operator ECF.”

Dalam usaha untuk mengetengahkan agenda digital bagi pasaran modal Malaysia, SC melalui program aFINity (alliance of FinTech Community) telah mengutamakan keterlibatan dengan syarikat permulaan, usahawan teknologi, peserta pasaran modal yang sedia ada, pemain sektoral dan pihak berkepentingan lain. SC juga melancarkan *Engagement Labs* pada tahun 2017 bagi pihak-pihak yang berminat untuk mendalami aspek-aspek utama perniagaan digital dan meningkatkan pemahaman tentang kedudukannya dalam pasaran modal Malaysia.

BNM juga telah mempertingkatkan pendekatan pengawalseliaannya bagi kewangan digital dengan memperkenalkan Rangka Kerja Pendekatan Pengawalseliaan (Sandbox) pada 18 Oktober 2016. Di bawah *Sandbox*, institusi-institusi kewangan yang dikawal selia oleh BNM dan syarikat-syarikat teknologi kewangan yang ingin menjalankan perniagaan di bawah kawal selia BNM diberi kelonggaran pengawalseliaan tertentu untuk menguji penyelesaian inovatif dalam persekitaran pengeluaran ataupun langsung dengan perlindungan yang sewajarnya. *Sandbox* boleh digunakan bagi tempoh tidak melebihi 12 bulan dan enam syarikat teknologi kewangan telah diluluskan untuk menguji penyelesaian mereka di bawah *Sandbox*.

Bagi menarik lebih ramai pengguna, Bursa Malaysia telah menambah baik platform atas taliannya, BursaMktPlc, yang bertujuan untuk meningkatkan kadar celik kewangan, mendidik dan memperkasa pelabur untuk mengambil bahagian dalam pertumbuhan ekonomi dan pewujudan nilai. Laman web tersebut mengandungi maklumat mengenai pasaran kewangan Malaysia, termasuk laporan penyelidikan, selain melengkapkan bakal pelabur dengan pengetahuan tentang pasaran modal dan menyediakan kemudahan untuk pelabur berpengalaman membuat keputusan pelaburan.



MEMBINA PASARAN MODAL SEKURITI YANG MAMPAN

Pasaran modal ekuiti kekal bertahan pada tahun 2017 dengan sokongan dan usaha bersama daripada SC, Bursa Malaysia dan pemain-pemain industri yang bekerjasama untuk membina pasaran yang teguh, berdaya saing dan mampan. Selain meluaskan jenis produk yang boleh didagangkan, usaha juga tertumpu untuk memudah cara kecekapan dan akses kepada pasaran, lantas meluaskan pengaruh Malaysia di pasaran serantau.

Pasaran ekuiti telah mencatatkan peningkatan yang ketara sejak tahun 2009, dipacu oleh pertumbuhan ekonomi Malaysia yang stabil. FBMKLCI meningkat 105% dalam tempoh tersebut, dengan permodalan pasaran meningkat 187% dan Nilai Purata Dagangan Harian (Average Daily Value, ADV) mencatatkan pertumbuhan teguh sebanyak 105%. Pasaran juga mencatatkan aliran masuk bersih bernilai RM16.5 bilion dari institusi asing dari Januari 2010 hingga Disember 2017.

Pencarian modal kini yang dijana melalui pasaran modal berjumlah RM146.7 bilion pada tahun 2017. Terbitan

pasaran utama berjumlah RM132.1 bilion, dengan sejumlah RM124.9 bilion yang dijana melalui bon korporat dan pasaran sukuk, serta RM7.4 bilion yang dijana melalui senaraian ekuiti baharu. Antara tawaran utama awal (initial public offering, IPO) yang utama termasuklah Lotte Chemical Titan Holding Bhd (RM3.8 bilion) dan Eco World International Bhd (RM2.6 bilion). RM14.5 bilion juga dijana melalui pasaran sekunder melalui melalui isu-isu hak dan penempatan persendirian. Sejak tahun 2010, jumlah pencarian modal kini dalam pasaran modal telah mencecah hampir RM900 bilion.

Antara aktiviti utama dalam pasaran pada tahun ini termasuk pelancaran Amanah Pelaburan Hartanah KIP (KIP Real Estate Investment Trust) pada 6 Februari 2017, yang menjana RM234 juta.

Sebagai sebahagian daripada usaha dalam memastikan penciptaan pasaran yang menyokong penerbit dan pelabur, pada 25 Mei 2017 Bursa Malaysia melancarkan Skim Penyelidikan Syarikat Modal Kecil dan Sederhana (MidS Scheme), satu platform yang memberi liputan penganalisis bebas oleh firma penyelidikan berlesen untuk 100 syarikat tersenarai awam (public-listed company, PLC) modal kecil dan sederhana. Syarikat-syarikat ini merupakan kelompok pertama di bawah skim ini.

Pertumbuhan Pasaran Ekuiti Malaysia dari Januari 2009 hingga Disember 2017


FBM KLCI	▲ 105%
Permodalan Pasaran	▲ 187%
Nilai Purata Dagangan Harian	▲ 105%
Pegangan Saham Pasaran Asing	▲ 2.4 mata peratusan
Aliran Bersih Institusi Asing	2017 (aliran masuk) RM11.1 bilion 2014 - 2016 (aliran keluar) RM28.9 bilion 2010 - 2013 (Inflow) RM34.3 bilion

Sumber: Bursa Malaysia MIS

Aliran Bersih Institusi Asing Januari 2010 - Disember 2017

RM16.5 bilion

Sumber: Bursa Malaysia MIS



MENINGKATKAN KEPIMPINAN MALAYSIA DALAM KEWANGAN ISLAM DI PERINGKAT GLOBAL

Pada bulan Julai 2017, BNM dengan kerjasama industri kewangan telah mengeluarkan Kertas Strategi Pengantaraan Berasaskan Nilai (Value-based Intermediation, VBI). VBI menggariskan pendekatan menyeluruh untuk industri kewangan Islam bagi menyampaikan hasil yang diharapkan daripada kewangan patuh Syariah. Ini termasuk proses dan hasil yang menjana impak positif dan mampan ke atas ekonomi, komuniti dan persekitaran.

“Malaysia kini menawarkan keupayaan pasaran modal Islam yang komprehensif dengan dana Islam dan pasaran sukuk terbesar di dunia dan disokong oleh pasaran ekuiti Islam yang besar.”

Pelaksanaan VBI akan bermula dalam industri perbankan Islam dan seterusnya diperluaskan kepada industri takaful dan bidang lain dalam sektor kewangan.

Sejajar dengan usul di bawah Pelan Sektor Kewangan yang berusaha untuk memartabatkan Malaysia sebagai pusat rujukan penawaran produk dan perkhidmatan kewangan Islam, BNM juga telah melancarkan inisiatif Piawaian Syariah. Inisiatif ini bertujuan untuk membangunkan rangka kerja pengawalseliaan berasaskan kontrak yang disokong oleh piawaian bagi kontrak Syariah yang mengandungi panduan mengenai amalan telus dan tadbir urus yang berkesan.

Dari tahun 2013 hingga 2016, 11 piawaian Syariah telah dikeluarkan meliputi dokumen dasar mengenai murabahah (kos dan tokok), mudharabah (perkongsiian untung), musyarakah (perkongsiian untung dan rugi), istisna' (pembinaan), tawarruq (perdagangan komoditi), kafalah (jaminan), wakalah (agensi), wadi'ah (jagaan selamat), hibah (pemberian), qard (pinjaman) and ijarah (sewaan).

Separuh pertama tahun 2017 menyaksikan pengeluaran satu lagi dokumen dasar mengenai wa'd (perjanjian) dan dua draf pendedahan mengenai rahn (kolateral) dan bai' al-sarf (pertukaran mata wang) kepada industri.

Dokumen dasar mengenai rahn dan bai' al-sarf yang telah dimuktamadkan akan diterbitkan menjelang akhir tahun 2017. Penerbitan ini melengkapkan ikhtisar piawaian pengawalseliaan untuk kontrak Syariah yang diguna pakai secara meluas dalam industri kewangan Islam.

Malaysia juga terus memanfaatkan aset patuh Syariah dalam pasaran modalnya. Malah, aset berkenaan dikawal selia berdasarkan undang-undang dan amalan sekuriti yang ditanda aras pada peringkat antarabangsa. Malaysia kini menawarkan keupayaan pasaran modal Islam (Islamic capital market, ICM) yang komprehensif dengan dana Islam dan pasaran sukuk terbesar di dunia dan disokong oleh pasaran ekuiti Islam yang besar. Pasaran modal Islam walau bagaimanapun memerlukan pemacu baharu pada peringkat global untuk berkembang pada skala yang lebih besar dan mengangkat pertumbuhannya ke peringkat seterusnya. Dalam hal ini, permintaan untuk perkhidmatan pengurusan dana dan kekayaan Islam menggambarkan peluang baharu untuk perkembangan ICM.

Oleh yang demikian, SC telah melancarkan Pelan Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam (Islamic Fund and Wealth Management Blueprint) untuk tempoh masa lima tahun pada Januari 2017 untuk memacu pembangunan dan pertumbuhan pasaran modal Islam. Inisiatif-inisiatif utama akan dilaksanakan atas dasar tiga strategi yang saling mengukuhkan. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini akan memperteguh kedudukan Malaysia sebagai hab global bagi dana Islam, memantapkan Malaysia sebagai pusat serantau untuk pelaburan patuh Syariah yang mampan dan bertanggungjawab serta membangunkan Malaysia sebagai penyedia perkhidmatan pengurusan kekayaan Islam di peringkat antarabangsa.

Dengan memanfaatkan kekuatannya dalam pasaran modal Islam, SC juga telah membangunkan rangka kerja Dana Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (Sustainable and Responsible Investing, SRI) yang akan memainkan peranan penting dalam membangunkan dan menjenamakan Malaysia sebagai pasaran SRI serantau, dan mengukuhkan lagi kedudukan negara sebagai pasaran SRI terbesar di Asia. Rangka kerja tersebut memperincikan keperluan yang mesti dipatuhi oleh dana SRI, termasuk pendedahan tambahan.

Bursa Malaysia terus mencatatkan perkembangan positif dalam penyenaraian sekuriti patuh Syariah di Pasaran Utama dan Pasaran ACE. Sehingga 31 Disember 2017, 76% daripada 902 syarikat patuh Syariah disenaraikan di Bursa Malaysia mewakili permodalan pasaran keseluruhan sebanyak 60.5%. Selain itu, sejak pelancarannya pada September 2016, Bursa Malaysia-i



telah mendaftarkan 14 Organisasi Peserta (Participating Organisations, PO) Islam, iaitu hampir separuh daripada 30 PO yang kini berdaftar dengan Bursa Malaysia Securities. PO merupakan syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan berurusan dengan sekuriti.

MEMBOLEHKAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MENGAKSES PASARAN MODAL

Memandangkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) penting dalam memacu ekonomi Malaysia, para pengawal selia menyedari akan keperluan untuk membangunkan satu mekanisma yang membantu perolehan dana daripada pasaran modal bagi segmen perniagaan ini. Selaras dengan ini, Bursa Malaysia melancarkan Leading Entrepreneur Accelerator Platform (LEAP) pada 25 Julai 2017. LEAP merupakan program perintis pertama sepertinya di rantau ASEAN dan direka khas untuk PKS dan pelabur sofistikated. Pasaran baharu ini bertujuan untuk menyediakan satu platform bagi PKS untuk memperoleh dana dengan cepat dan cekap di samping memberi pendedahan di pasaran modal. Inisiatif ini akan menyumbang kepada penambahbaikan aktiviti pemerolehan dana untuk PKS di Malaysia.

Pasaran LEAP menawarkan beberapa faedah kepada pelbagai pihak berkepentingan. Sebagai contoh, pasaran ini memberi manfaat kepada penerbit dengan penyediaan platform pemerolehan dana alternatif pada kos yang lebih murah. Selain itu, pasaran ini juga membolehkan pelabur sofistikated mengakses himpunan pelaburan berpotensi yang lebih besar yang mungkin memberi pulangan yang tinggi atau menyediakan peluang mempelbagaikan pelaburan, di samping membenarkan penasihat untuk menambah baik profil mereka dan mengakses aliran hasil tambahan. Pelancaran MidS Scheme oleh Bursa Malaysia juga bertindak sebagai pemangkin ekosistem pasaran LEAP.

Tambahan lagi, dua indeks baharu telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif untuk menjejaki prestasi dan menarik minat PLC modal sederhana dan kecil. FTSE Bursa Malaysia MidS Cap Index dan FTSE Bursa Malaysia MidS Cap Shariah Index yang telah dimasukkan dalam Siri Indeks FTSE Bursa Malaysia adalah sejajar dengan pergerakan trend global di mana pelabur mengagih-agihkan portfolio pelaburan mereka secara strategik ke dalam segmen modal kecil dan sederhana. Saham syarikat modal kecil dan sederhana menawarkan prospek pertumbuhan yang menarik dan memberi lebih banyak

peluang untuk pengurus aktif membuat keputusan berdasarkan maklumat dalam sektor tersebut. Bursa Malaysia berhasrat untuk mengembangkan lagi dua segmen ekuiti baharu ini dan terus memacu kemampanan dalam pasaran dengan membawa produk baharu yang boleh dilabur dalam pasaran.



Pertukaran MoU dan perjanjian LEAP Market pada 25 Julai 2017.

MEMBOLEHKAN PERKEMBANGAN BERTERUSAN UNTUK PASARAN MODAL

Berdasarkan saiz keseluruhan pasaran modal yang kini berjumlah lebih RM3.2 trilion, SC menubuhkan Institut Penyelidikan Pasaran Modal untuk mempercepat momentum pertumbuhan pasaran.

Institut ini akan memberi manfaat kepada industri dan pembuat dasar dengan memudahkan pengenalan produk dan perkhidmatan inovatif melalui penyelidikan gunaan yang lebih luas, mengenal pasti bidang pertumbuhan baharu, menjalankan penyelidikan ke atas pergerakan trend dan isu pasaran modal dengan lebih mendalam dan rapi, menyediakan pemikiran analitikal dalam perumusan polisi di samping meningkatkan bakat dalam pasaran modal melalui kerjasama industri dan perkongsian strategik.

Institut ini juga berfungsi sebagai pusat simpanan dan titik rujukan untuk data pasaran modal dan statistik lengkap untuk kegunaan pemain industri, serta penuntut pra-siswazah dan pasca-siswazah yang melaksanakan projek penyelidikan berkaitan dengan pasaran kewangan, perniagaan dan ekonomi.

KEMENTERIAN KEWANGAN MEMBAWA PEMBAHARUAN KEPADA SEKTOR PERKHIDMATAN KEWANGAN

Sektor perkhidmatan kewangan Malaysia merupakan sumber utama pembiayaan bagi sektor swasta untuk menjalankan aktiviti perniagaan dan merangsang pertumbuhan ekonomi, kata Datuk Siti Zauyah Md Desa, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) Kementerian Kewangan. Subsektor perkhidmatan kewangan merangkumi kira-kira 14% sektor perkhidmatan, dan sektor perkhidmatan pula mewakili hampir 53% Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara antara tahun 2010 dan 2016.

Menurut Datuk Siti Zauyah, industri kewangan kita yang mantap ini adalah hasil daripada perancangan yang teliti dan pelaksanaan inisiatif Kerajaan yang direka khas untuk memperkuat sektor ini. Inisiatif-inisiatif ini termasuklah NKEA Perkhidmatan Kewangan di bawah NTP, Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK) 2000, Pelan Sektor Kewangan 2011-2020, Pelan Induk Pasaran Modal 2 (Capital Market Masterplan, CMP2) dan usaha-usaha di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

Antara usaha yang diambil untuk membangunkan industri kewangan negara termasuklah menambah baik tadbir urus, daya saing, integrasi serantau dan keterangkuman. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah dalam memastikan perkhidmatan kewangan menyokong keusahawanan dan inovasi.

Beliau menambah lagi, sektor perkhidmatan kewangan perlu lebih cekap dan berintegriti bagi meningkatkan tahap daya saing sektor tersebut. “Sektor ini perlu ada strategi komunikasi yang baik untuk mendidik pihak-pihak berkepentingan, dan ini boleh dilakukan dengan lebih cekap melalui proses digitalisasi dan transaksi atas talian.”

Beliau juga mengatakan bahawa Malaysia perlu mewujudkan perkongsian strategik dengan negara-negara serantau. Misalnya, Perkongsian Awam-Swasta dalam Kewangan Islam untuk Pembangunan Infrastruktur demi memenuhi permintaan modal.

“Dalam masa yang sama, risiko dan keuntungan perlu diagihkan secara adil bagi semua pihak berkepentingan, dan memberi insentif kepada mereka yang menonjolkan prestasi yang baik,” kata Datuk Siti Zauyah.

Beliau juga menyatakan bahawa lanskap kewangan Malaysia akan bertambah baik dengan adanya liberalisasi

progresif bagi sektor perbankan, insurans dan subsektor pasaran modal.

“Penglibatan institusi-institusi kewangan ASEAN dalam sistem kewangan dan pasaran modal domestik, dipadankan dengan fleksibiliti operasi yang ditawarkan oleh institusi-institusi ini akan terus menggalakkan sistem kewangan domestik yang berdaya saing dan dinamik, lantas terus menyokong pertumbuhan dan pembangunan ekonomi,” kata beliau.

Salah satu cabaran yang dihadapi industri ini adalah peningkatan populariti syarikat-syarikat FinTech (teknologi kewangan) yang mengganggu cara kerja perbankan tradisional.

“Hal ini membawa cabaran yang besar kepada bank-bank tradisional kerana mereka tidak mampu menyesuaikan diri kepada perubahan dengan cepat, bukan sahaja dari segi teknologi, malah dari segi operasi, budaya dan hal-hal lain dalam industri,” ujar Datuk Siti Zauyah.

Antara isu lain yang menjadi kerisauan dalam peningkatan FinTech adalah kebarangkalian ‘kebocoran’ cukai, dan cabaran mengenakan cukai terhadap hasil yang dijana melalui e-dagang atau transaksi FinTech lain yang mampu memintas pengawalseliaan dengan mudah.

Namun begitu, Kerajaan Malaysia telah mempersiapkan perkhidmatan kewangan untuk memanfaatkan teknologi disruptif seperti FinTech, sejajar dengan amalan antarabangsa. Usaha ini termasuklah memperkenalkan persekitaran kawal selia yang kondusif dan mampu memanfaatkan FinTech demi proses modenisasi, selain meningkatkan daya saing pasaran kewangan dan pembiayaan domestik.

“FinTech adalah *game changer* yang akan membawa industri perkhidmatan kewangan ke tahap yang baru,” akhiri Datuk Siti Zauyah.



Datuk Siti Zauyah Md Desa, Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Kewangan.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Ekonomi Malaysia telah membuktikan ketahanannya dalam persekitaran ekonomi global yang tidak menentu dengan memacu bidang fokus strategik dalam industri kewangan. Meskipun menerima pembaharuan, pengawal selia dan peraturan telah membuktikan kebolehan untuk membuat penyesuaian mengikut keperluan. Memandangkan terdapat keperluan untuk lebih kepastian dalam agenda pengawalseliaan, dasar yang dirangka mestilah terus memperkasa peranan sistem kewangan sebagai penyumbang positif kepada pertumbuhan ekonomi serta sebagai pembuka jalan menuju keterangkuman.

Institusi kewangan kini perlu meningkatkan fokus strategik agar kekal relevan dengan kehadiran pesaing baharu, anjakan demografi, permintaan pelanggan yang semakin meningkat dan peraturan yang kerap berubah. Persekitaran perniagaan yang lebih kondusif dan teguh akan terus menjadi faktor penting untuk mengekalkan pertumbuhan dan kemampuan industri.



PERTANIAN

**MEMBAWA HASIL
PERLADANGAN MALAYSIA
KE PASARAN DUNIA**



YB DATO' SRI AHMAD SHABERY CHEEK

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia

Inisiatif pertanian di bawah NTP telah mengambil pendekatan yang baru untuk mencungkil nilai tambah daripada sektor yang secara tradisinya dilihat sebagai sektor golongan berpendapatan rendah. Kerajaan melihat pertanian sebagai sektor yang boleh mendapatkan faedah kekayaan sumber asli Malaysia dan memangkinkan pertumbuhan ekonomi, membuka peluang pekerjaan baru, menjana pendapatan tinggi serta memastikan keselamatan makanan negara.

Melalui pendekatan ini, NKEA ini telah mentransformasi sektor pertanian tempatan daripada konsep pertanian untuk sara diri kepada pertanian untuk perniagaan dengan memudah cara eksport hasil tani yang bernilai tinggi. Pada tahun 2017, sektor pertanian menjana sejumlah RM73.6 bilion kepada PNK, pencapaian yang menjangkau sasaran RM49 bilion menjelang tahun 2020. Keberhasilan ini didorong oleh pertumbuhan sektor pemprosesan makanan, segmen akuakultur dan produk herba bernilai tinggi, di samping pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pertanian melalui penglibatan syarikat induk yang mengambil bahagian dalam projek-projek NKEA, lantas menyediakan peluang penjana pendapatan bagi pengusaha-pengusaha kecil.

Dalam sektor pemprosesan makanan, dalam tahun 2017 kita telah merekodkan pembangunan 154 PKS dengan hasil jualan RM511.21 juta, jumlah terbesar yang pernah direkodkan semenjak tahun 2015 apabila program pembangunan PKS diperkenalkan. Jumlah ini telah melepasi sasaran yang ditetapkan bagi tahun 2017 untuk membangunkan hanya 40 PKS dengan penjana jualan sebanyak RM320 juta. Sehingga kini, sebanyak 323 PKS telah berjaya dibangunkan dengan penjana jualan terkumpul sejumlah RM1.1 bilion.

Sementara itu, industri ternakan udang pula telah menjana hasil melebihi RM2.7 bilion sejak penubuhan model projek

Zon Bersepadu untuk Akuakultur (Integrated Zone for Aquaculture, IZAQs). Pengeluaran udang bagi tahun 2017 mencapai 25,399 tan jika dibandingkan dengan hanya 10,464 tan pada tahun 2012. Sejajar dengan lumrah industri pertanian, sektor akuakultur terjejas dengan risiko penyakit serta keperluan untuk mematuhi piawaian minimum. Bagi mengatasi cabaran ini, Kerajaan menjalankan pelbagai usaha bagi mengekalkan kualiti serta menggalakkan pengeluaran produk akuakultur. Usaha ini termasuk membenarkan syarikat-syarikat mengimport stok anak udang melalui sumber yang telah diluluskan dari negara Thailand, Singapura, Brunei dan Amerika Syarikat serta dalam masa yang sama menggalakkan syarikat induk untuk mempraktikkan Amalan Pertanian Baik Malaysia (Malaysian Good Agricultural Practices, MyGAP).

Dalam sektor herba, 27 produk telah melalui ujian pra-klinikal dan klinikal sejak tahun 2011 di mana tiga daripadanya telah selesai dan telah dilancarkan untuk kegunaan dalam industri pemakanan kesihatan dan kosmetik. Pertumbuhan segmen ini menggalakkan permintaan untuk pertanian botani tempatan secara kontrak di bawah inisiatif kluster herba yang diperkenalkan pada tahun 2012. Pada tahun 2017, kluster herba merekodkan perolehan jualan RM5.25 juta, berbanding hanya RM1 juta pada tahun pertama dilancarkan.

Dengan projek-projek baharu seperti pengeluaran susu segar yang masih terus berjalan, serta momentum berterusan projek-projek sedia ada, saya yakin sektor pertanian tempatan akan kekal pada kedudukan yang baik bagi menyempurnakan transformasinya, sehaluan dengan agenda sosioekonomi di bawah NTP.

PEMBANGUNAN PKS PERTANIAN

Dalam mengukuhkan keupayaan eksport industri pemprosesan makanan tempatan, Kementerian Pertanian menyasarkan penyatuan pengusaha-pengusaha industri pemprosesan makanan tempatan di bawah projek taman makanan bersepadu. Melalui projek ini, PKS menghasilkan makanan berbungkus siap untuk dimakan bagi tujuan pemasaran dan pengedaran kepada syarikat-syarikat induk dan syarikat-syarikat induk pula akan membantu PKS memperoleh pensijilan produk, pembungkusan, penjenamaan, pemasaran, pengurusan pembekal serta membangunkan peniaga-peniaga kecil melalui latihan perantisan.

“Pada tahun 2016, peratusan bahagian pasaran susu segar tempatan berada pada 61.24% berbanding bahagian pasaran susu segar import.”

Buat masa ini, salah satu syarikat induk di bawah projek taman makanan ini, Holstein Milk Sdn Bhd, menggunakan saluran ejen jualan selain pasar raya, untuk mengedarkan produk tenusu berjenama “Farm Fresh”. Setakat ini, syarikat Holstein telah melantik 350 agen jualan dan 25 stokis. Pendekatan yang diambil syarikat Holstein dalam mengedarkan produknya melalui ejen jualan telah membuka peluang pekerjaan kepada lebih dari 300 orang

di samping meningkatkan bahagian pasaran susu segar tempatan. Pada tahun 2016, peratusan bahagian pasaran susu segar tempatan berada pada 61.24% berbanding bahagian pasaran susu segar import.

Di bawah projek ini, 154 PKS telah dibangunkan berbanding sasaran 40 PKS bagi tahun 2017. Hasil jualan PKS di bawah program ini mencecah RM511.21 juta, melebihi 50% daripada sasaran asal.

Projek lain yang dilaksanakan melalui NKEA ini ialah transformasi ternakan rumpai laut Sabah bagi meningkatkan produktiviti ke arah perniagaan berskala komersial. Diterajui oleh Jabatan Perikanan Malaysia, sehingga kini, lima projek estet mini dan empat program kluster sedang beroperasi, memberi peluang kepada 615 penternak rumpai laut untuk menikmati pendapatan yang lumayan.

Walau bagaimanapun, pengusaha-pengusaha rumpai laut menghadapi beberapa cabaran seperti isu pengeluaran dan permintaan, pertikaian tapak tanah dan juga harga rumpai laut yang rendah. Semporna telah dikenal pasti sebagai habitat yang sesuai untuk pengeluaran rumpai laut berkualiti tinggi. Justeru, usaha telah diambil untuk membangunkan teknik yang optimum bagi ternakan rumpai laut. Walau bagaimanapun, keuntungan yang terhasil dari segi kualiti dan kuantiti seharusnya diimbangi dengan pelaksanaan amalan pertanian yang baik, yang secara keseluruhannya masih kurang diamalkan dalam kalangan pengusaha-pengusaha rumpai laut. Walaupun piawaian MyGAP telah diwujudkan, tidak semua penternak dan pengusaha mengamalkannya.

Antara cabaran lain pula adalah keterbatasan kerajaan negeri untuk mewartakan dan memperuntukkan kawasan



Seramai 3,441 peniaga menyertai program PAKAR pada tahun 2017.



bagi ternakan rumpai laut dan sebaliknya memberi pajakan jangka masa pendek iaitu kurang dari lima tahun. Hal ini telah mengehadkan keupayaan Jabatan Perikanan Malaysia untuk menarik lebih ramai penternak rumpai laut mengambil bahagian dalam program ini. Tambahan pula, terdapat hanya satu syarikat pemprosesan rumpai laut yang aktif di mana penternak boleh menjual produk mereka; dan ini turut menjejaskan pasaran permintaan dan harga, selain mengehadkan pendapatan penternak. Bagi menangani hal ini, pihak Kementerian sedang berusaha menggalakkan kumpulan usahawan untuk membeli dan memproses rumpai laut bagi mengelakkan harga pasaran terjejas kerana perniagaan dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu. Justeru, Kementerian akan menyediakan Pelan Pembangunan Rumpai Laut Negara berdasarkan kajian yang telah dijalankan bersama universiti tempatan pada tahun 2016 untuk menambah baik keseimbangan pengeluaran dan permintaan dalam industri.

Sementara itu, Inisiatif Pasar Komuniti dan Karavan (PAKAR) di bawah NKEA Pemborong dan Peruncit telah diperkenalkan pada tahun 2010 untuk memodenkan konsep pemasaran tradisional kepada kaedah perdagangan terkini dengan penyediaan persekitaran yang lebih bersih dan selesa kepada peniaga dan pengguna. Inisiatif ini kemudiannya dipindahkan kepada NKEA Pertanian pada tahun 2013 dan semenjak itu, 10 tapak PAKAR di Manjung, Jengka, Pekan, Bera, Mersing, Paroi, Kuala Kedah, Kota Belud, Keningau dan Kuching telah dibina. Pada tahun 2013, seramai 1,865 orang mengambil bahagian dalam inisiatif ini dan jumlah ini telah meningkat dua kali ganda kepada 3,441 pada tahun 2017. Pada tahun 2017 sahaja, jualan dari PAKAR mencecah RM103 juta, 24% melebihi sasaran.

Bagi menggalakkan penyertaan para peniaga, pihak Kementerian sedang berusaha menambah baik koordinasi aktiviti pemasaran pertanian antara sektor swasta dengan agensi Kerajaan untuk meningkatkan pemasaran serta mengusahakan pembangunan pasaran baharu demi memajukan hasil pertanian Malaysia.

MENINGKATKAN EKSPORT HASIL PERTANIAN

Projek produk herba dilaksanakan dengan tujuan untuk memanfaatkan kekayaan biodiversiti Malaysia demi membawa negara ke arah menjadi pengeluar global produk herba bernilai tinggi untuk perubatan tradisional dan makanan tambahan. Setakat ini, sebanyak 27 produk herba bernilai tinggi telah melalui kajian pra-klinikal dan klinikal. Sementara itu, beberapa syarikat herba tempatan

yang telah mempamerkan potensi dari segi penawaran produk, penguasaan pasaran serta kewangan yang kukuh telah dikenal pasti sebagai syarikat induk bagi pelaksanaan projek produk herba.

Pada tahun 2017, sejumlah 14 produk herba telah melalui kajian pra-klinikal manakala 11 lagi telah memulakan kajian klinikal. Selain itu, empat produk herba bernilai tinggi telah selesai kajian pra-klinikal dan klinikal, lantas menyumbang kepada pertumbuhan pasaran produk herba bernilai tinggi dalam dan luar negara. BioAlpha, sebuah syarikat pengeluar perubatan herba yang juga memiliki taman herba merupakan salah sebuah syarikat terkemuka dalam bidang ini. Syarikat ini disenaraikan oleh Focus Malaysia di tempat teratas sebagai syarikat yang pesat membangun untuk permodalan pasaran bawah RM500 juta di Bursa Malaysia pada tahun 2017. BioAlpha telah disenaraikan di pasaran saham pada tahun 2015 dan berkembang ke pasaran baharu.

“Dari tahun 2011 hingga tahun 2017, Malaysia telah mengeksport produk EBN, sebahagian besarnya ke Hong Kong (RM507.51 juta), diikuti China (RM360.57 juta) dan Taiwan (RM166.71 juta).”

Jabatan Perikanan Malaysia turut menerajui projek Zon Bersepadu untuk Akuakultur (Integrated Zone for Aquaculture, IZAQs) yang memberi fokus kepada penambahbaikan pengeluaran udang agar memenuhi piawaian kualiti eksport ke pasaran premium. Penternak kecil dan PKS digalakkan untuk mengambil bahagian dalam projek ini melalui penternakan secara kontrak atau perjanjian perkongsian keuntungan (profit-sharing) bersama syarikat induk. Setakat tahun 2017, syarikat induk dalam projek IZAQs telah memberi komitmen untuk menghasilkan 9,264 peluang pekerjaan dalam sektor ini. Modal berjumlah RM300 juta yang dibelanjakan oleh Kerajaan untuk sektor ini telah memangkin pengeluaran udang yang mencecah RM2.7 bilion.

Walau bagaimanapun, projek ini berhadapan dengan cabaran yang unik memandangkan kebanyakan kolam-kolam ternakan berada di kawasan terpencil. Misalnya, Pegagau, salah satu syarikat induk dengan pengeluaran yang tertinggi -yang beroperasi di Kalabakan yang terletak 90 km dari Tawau, Sabah - menghasilkan 2,651 tan udang pada tahun 2017. Sebelum ini, syarikat tersebut menghadapi masalah bekalan elektrik yang menjadi punca kelewatan projek hampir setahun. Intervensi strategik serta pemantauan oleh agensi persekutuan

Menerokai Peluang Baharu dalam Industri Tenusu

Perladangan tenusu sering dikaitkan dengan negara New Zealand, dan bukannya Malaysia yang beriklim tropika. Namun, syarikat The Holstein Milk Company Sdn Bhd berjaya mengatasi jenama antarabangsa dalam kategori susu segar dan membantu merangsang pembangunan baharu industri tenusu tempatan secara lestari, serta meningkatkan pendapatan peladang tenusu di negara ini. The Holstein Milk Company, salah satu jenama tenusu utama di Malaysia telah membantu meningkatkan kualiti susu segar di pasaran dengan mengeluarkan susu segar tulen bebas pengawet, suatu perbezaan jika dibandingkan dengan kebanyakan jenama luar yang mengaku menjual susu segar, walhal susu tersebut diperbuat daripada serbuk atau pepejal susu atau dirawat dengan bahan pengawet.

Melalui jenama susu segara “Farm Fresh” yang merupakan jenama susu segar No. 1 di Malaysia, Holstein memegang 39% bahagian pasaran industri tenusu. Syarikat tersebut merupakan

sebuah syarikat induk di bawah NKEA Pertanian yang bermatlamat untuk membangunkan kluster perladangan tenusu di semenanjung Malaysia, di samping membangunkan usahawan kecil sebagai pengedar produk mereka.

Diasaskan tujuh tahun lalu oleh Loi Tuan Ee, seorang usahawan dari Johor, syarikat ini mendapat sokongan kuat dari Kerajaan serta pelaburan dari firma pelaburan strategik negara, Khazanah Nasional yang memegang 30% saham syarikat. Holstein juga telah menerima pinjaman bernilai RM10 juta dari Kerajaan untuk pelaburan awal peralatan.

Holstein kini mengeluarkan kira-kira satu juta botol susu sebulan dari kira-kira 4,000 ekor lembu. Syarikat tersebut kini memiliki dua ladang yang terletak di Kota Tinggi, Johor dan Pusat Penyelidikan dan Inovasi Lembu Muadzam Shah di Pahang. Pusat penyelidikannya dibangunkan pada tahun 2014



Loi di ladang tenusunya di Kota Tinggi, Johor.



dengan bantuan dari Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region, ECER) dan MARDI. Ladang-ladang dan kilang pemprosesan baharu juga akan dibina pada masa akan datang.

“Malaysia sebuah lokasi yang kondusif untuk memulakan perniagaan, dan Kerajaan amat menggalakkan usaha tersebut,” kata Loi.

“Malaysia sebuah lokasi yang kondusif untuk memulakan perniagaan, dan Kerajaan amat menggalakkan usaha tersebut.”

Holstein juga memainkan peranan dalam meningkatkan pendapatan peladang tenusu tempatan, lantas menyumbang kepada kemampanan jangka panjang industri ini. Kira-kira 30% susu diperoleh daripada petani kontrak dan Holstein membayar mereka pada kadar kira-kira RM2.80 seliter, berbanding RM1.20-RM1.40 seliter sebelum ini. Dengan berbuat demikian, Holstein telah berjaya menambah pendapatan para peladang tenusu kontrak tempatan sebanyak RM3,000-RM15,000 sebulan.

“Dalam konteks industri tenusu, kami berpendapat bahawa pencapaian NKEA Pertanian telah menjangkau sasaran,” kata Loi. “Selama beberapa dekad, harga susu mentah telah ditekan oleh para pemproses asing pada harga RM1.20-RM1.40 seliter. Hari ni, harga susu mencecah RM2.80 seliter dan ini telah mengubah hidup ramai peladang tenusu. Ramai peladang telah meningkatkan bilangan lembu mereka secara beransur-ansur untuk mengaut lebih banyak keuntungan.”

Loi berkata bahawa potensi untuk tenusu di Asia Tenggara adalah luas kerana pasarannya bernilai berbilion dolar. “Namun, pasaran Malaysia jauh lebih kecil berbanding Indonesia dan Vietnam,” kata beliau.

Usahawan tenusu ini mempunyai beberapa cadangan untuk mempertingkatkan industri ini, terutamanya dari segi tadbir urus industri susu. Beliau berpendapat perlu ada sebuah agensi pusat yang menyelaras semua program pembangunan tenusu kebangsaan. Loi juga menggesa agar label “susu segar” dilarang daripada digunakan untuk susu dari negara luar yang telah diproses. “Kawal selia ini akan membolehkan Kerajaan meletakkan harga yang lebih baik untuk peladang tempatan yang mengeluarkan susu segar,” katanya.

Loi juga berkata, beliau optimistik dengan masa hadapan jangka panjang industri tenusu kerana para pengguna kini semakin bijak dan cakna mengenai faedah dan perbezaan antara susu segar dan susu tepung.

Kata beliau, “Dengan pelaksanaan dasar pembangunan tenusu yang betul di Malaysia, pelaburan dari pihak swasta akan meningkat untuk menambah baik kualiti perladangan dan jenis produk susu segar.

“Usaha bersepadu dalam kalangan agensi-agensi Kerajaan untuk mendidik para ibu bapa Malaysia untuk memberi anak mereka susu segar mampu membawa kepada pertumbuhan pasaran susu segar mencecah RM500 juta. Kemajuan ini dapat dicapai dengan hanya tiga daripada 10 kanak-kanak beralih kepada susu segar. Ini bermakna kita akan memerlukan 70 juta liter susu segar tambahan daripada 20,000 lembu tenusu.

“Lebih ramai rakyat Malaysia kini beralih ke arah pemakanan yang lebih sihat dan berkhasiat,” kata beliau. “Masa depan jangka panjang industri ini di Malaysia amat baik.”

telah menyelesaikan isu-isu operasi ini dan membolehkan ladang ternakan beroperasi dan mencapai sasaran yang telah ditetapkan.

Sementara itu, pengeluaran sarang burung walit boleh dimakan (edible birds' nest, EBN) serta pembangunan produk hiliran dengan nilai tambah tinggi yang dipandu oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah merekodkan pencapaian ketara sejak projek tersebut mula diperkenalkan. Dari tahun 2011 hingga tahun 2017, Malaysia telah mengeksport produk EBN, sebahagian besarnya ke Hong Kong (RM507.51 juta), diikuti China (RM360.57 juta) dan Taiwan (RM166.71 juta). Setakat 2017, 15 syarikat sedang diaudit oleh Certification and Accreditation Administration of China (CNCA), manakala 19 syarikat telah memperoleh kelulusan untuk mengeksport. Pada tahun 2017, jumlah produk EBN yang telah dieksport mencecah 385.44 tan, melepasi sasaran 270 tan.

Cabaran yang dihadapi segmen ini melibatkan sekatan eksport berikutan penyebaran wabak selesema burung di Kelantan pada tahun 2017. Walaupun sekatan ini telah dimansuhkan oleh China pada 15 Jun 2017, penyebaran wabak tersebut telah menjejaskan reputasi Malaysia sebagai pengeksport EBN. Hal ini memaksa pemantauan ketat piawaian MyGAP bagi memastikan produk EBN tempatan mematuhi piawaian tertinggi.

Sementara itu, di bawah projek menaik taraf kemampuan industri pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran

premium, sektor pengeksportan buah-buahan tempatan dan sayur-sayuran menyaksikan peningkatan eksport buah-buahan dari RM630 juta pada tahun 2011 kepada RM1.09 bilion pada tahun 2016, sejumlah besar disumbangkan oleh pengeksportan buah tembikai dan durian ke Singapura dan Hong Kong. Manakala, eksport sayur-sayuran meningkat dari RM750 juta pada tahun 2011 kepada RM1.5 bilion pada tahun 2016, di mana sebahagian besar jumlah tersebut disumbangkan oleh pengeksportan tomato dan timun ke Singapura dan Emiriah Arab Bersatu (UAE). Malah, eksport buah durian ke negara China mencapai RM18 juta pada tahun 2016. Zon Pengeluaran Makanan Tetap yang sedia ada dimanfaatkan oleh pengusaha buah-buahan sayur-sayuran tempatan premium untuk meningkatkan pengeluaran buah-buahan dan sayur-sayuran yang telah disenarai pendek, selain menjadi pemangkin kepada pertumbuhan yang menyeluruh bagi sektor ini.

Kerumitan utama dihadapi oleh projek ini adalah akses pasaran ke negara-negara lain yang terhad. Walau bagaimanapun, agensi-agensi persekutuan yang diketuai oleh Jabatan Pertanian sedang dalam rundingan bersama rakan sejawat mereka dalam pasaran sasaran termasuklah China, Amerika Syarikat, Australia dan Jepun. Salah satu hasil usaha ini adalah pemeteraian protokol keperluan fitosanitasi (phytosanitary requirement) pada Mei 2017 yang membenarkan Malaysia mengeksport 12,000 tan nanas bernilai RM40 juta setiap tahun ke China. Buat masa ini, Malaysia mengeksport nanas bernilai RM160 juta setiap tahun, terutamanya ke Singapura, Iran dan UAE.



Lawatan sambil kerja YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek ke sebuah pengeluar ekstrak daun belalai gajah.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Kementerian Pertanian telah membangunkan Program Pembangunan Industri Tenusu (NDIDP) 2017-2020 untuk meningkatkan pengeluaran susu dengan pertambahan sebanyak 20 juta liter menjelang tahun 2020 dengan mengimport 10,000 ekor lembu tenusu. Pada tahun 2017, pembiayaan telah diperuntukkan bagi program ini meliputi pembangunan Muadzam Dairy Valley serta projek menaik taraf ladang ternakan di Segamat, Johor dan Gemencheh, Negeri Sembilan. Kerja-kerja naik taraf ini dijangka akan bermula pada Januari 2018 dan pengeluaran susu disasarkan bertambah sebanyak 4.5 juta liter menjelang Ogos 2018 (19 juta liter untuk keseluruhan tahun), dan 28 juta liter disasarkan menjelang Disember 2019.

Menyedari keperluan pensijilan bagi menjamin kawalan mutu, Kementerian akan memastikan keseluruhan industri pertanian mematuhi MyGAP menjelang tahun 2020.



TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

**MENYUNTIK PERUBAHAN
DALAM KEHIDUPAN MELALUI
PERKHIDMATAN AWAM**



YBHG TAN SRI DR. ALI HAMSA
Ketua Setiausaha Negara

Sepanjang tempoh NTP, bidang fokus SRI Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam (PSDT) telah berkembang daripada menambah baik perkhidmatan Kerajaan bagi mewujudkan persekitaran yang sesuai untuk perniagaan kepada memastikan perkhidmatan awam Malaysia menangani isu-isu rakyat yang utama. Ini telah dicapai melalui aktiviti holistik yang tertumpu kepada memaksimumkan hasil dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber, seperti yang digariskan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang diperkenalkan pada tahun 2009. Prinsip utama NBOS adalah untuk meningkatkan kerjasama antara kementerian dan agensi bagi melaksanakan projek berimpak tinggi untuk rakyat dengan cepat dan menggunakan kos yang rendah.

Sebagai bukti kejayaan inisiatif ini, Malaysia berada di tempat kedua daripada sembilan buah negara ASEAN dan berada di tempat ke-15 pada peringkat global bagi kecekapannya dari segi perbelanjaan Kerajaan dalam Laporan Daya Saing Global 2017-2018 yang dikeluarkan oleh Forum Ekonomi Dunia. Pada peringkat global, Malaysia berada di hadapan beberapa negara Eropah dan negara Asia lain seperti Finland, Norway, China, Iceland, Sweden dan Japan.

Sehingga kini, lebih 100 inisiatif NBOS telah dilaksanakan untuk menangani pelbagai aspek sosio-ekonomi dan menyediakan perkhidmatan awam yang membawa perubahan kepada rakyat. Inisiatif ini termasuk Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) yang berperanan sebagai premis sehentian yang menyediakan pelbagai perkhidmatan Kerajaan bersepadu bagi kemudahan rakyat dan bagi penggunaan sumber awam dengan cekap.

Di bawah SRI PSDT, Kerajaan memberi tumpuan kepada transformasi penyampaian perkhidmatan kesihatan awam kepada rakyat dengan memperkenalkan inisiatif

Penjagaan Kesihatan LEAN. Inisiatif ini bermula sebagai projek perintis di Hospital Sultan Ismail, Johor Bharu pada 2013. Penambahbaikan ketara dalam mengurangkan masa menunggu serta kesesakan di hospital mendorong peluasan Penjagaan Kesihatan LEAN ke semua 133 hospital di seluruh negara secara berperingkat.

52 hospital di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN di pelbagai jabatan mereka. KKM berhasrat untuk mengembangkan metodologi LEAN ke seluruh hospital di seluruh negara.

Seterusnya, kami juga telah menjalankan transformasi yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk menambah baik penggunaan teknologi dalam perkhidmatan awam. Sebanyak 1,432 inisiatif transformasi telah dilaksanakan, termasuk inisiatif berimpak tinggi seperti Khidmat Pelanggan 1Malaysia bagi Penjawat Awam (ISERVE), Bantuan Persaraan Penjawat Awam 1 Malaysia (IPESARA), Perkhidmatan Rawatan di Tempat Tinggal (Domiciliary Treatment Services) dan Ez ADU KPDNKK.

Kerajaan akan terus komited dalam mengkaji semula dan menambah baik perkhidmatan yang sedia ada. Kami akan terus menggunakan NBOS untuk menyampaikan visi TN50 yang memerlukan anjakan paradigma dalam perancangan dan pelaksanaan. Kami yakin, dengan pemikiran yang inovatif dan perubahan dalam strategi pelaksanaan transformasi nasional, kita akan berjaya dalam pelaksanaan NTP yang akan membawa kepada permulaan fasa baharu pembangunan Malaysia yang bertransformasi dan inklusif.

MENAMBAH BAIK PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN UNTUK RAKYAT

Projek SRI PSDT memberi tumpuan kepada penambahbaikan proses dan “menghasilkan lebih banyak dengan sumber sedia ada atau kurang”. Untuk mencapai matlamat ini, inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menunjukkan peningkatan dari segi kualiti penjagaan yang diberikan oleh hospital awam, justeru menambah baik pengalaman pesakit dan menambah nilai dalam penyampaian penjagaan kesihatan kepada orang awam.

Sehingga 2017, 52 hospital telah memulakan perjalanan transformasi Penjagaan Kesihatan LEAN terutamanya di Jabatan Kecemasan (Emergency Department, ED) dan Wad Perubatan (Medical Wards, MW) termasuk 16 hospital baharu pada tahun ini. Inisiatif ini bertujuan untuk mengurangkan masa menunggu dan kesesakan di hospital dengan menambah baik aliran proses lawatan pesakit di hospital KKM.

16 hospital baharu yang terlibat pada tahun ini adalah Hospital Banting, Hospital Segamat, Hospital Kluang, Hospital Port Dickson, Hospital Bukit Mertajam, Hospital Kepala Batas, Hospital Sibu, Hospital Pekan, Hospital Tawau, Hospital Duchess of Kent, Hospital Keningau, Hospital Lahad Datu, Hospital Bintulu, Hospital Kapit, Hospital Sri Aman dan Hospital Seri Manjung.

Selain ED dan MW, KKM juga telah memulakan lima projek perintis LEAN pada tahun ini:


1. Memperkenalkan sistem temu janji blok (block appointment system) di klinik pakar;
2. Memperbaiki penggunaan Bilik Bedah (Operating Theatre, OT);
3. Memperbaiki pengurusan rekod perubatan;
4. Memendekkan masa untuk mendapatkan keputusan ujian diagnostik segera yang dijalankan oleh Jabatan Patologi; dan
5. Memperbaiki penyampaian perkhidmatan sokongan hospital.

Memperkukuhkan barisan hadapan

Oleh sebab Jabatan Kecemasan dan Wad Perubatan merupakan pintu masuk utama pesakit baru unit-unit yang paling kerap digunakan bagi sesebuah hospital, KKM memberi penekanan untuk memperbaiki perkhidmatan di bahagian ini. Sehingga kini, KKM telah melaksanakan LEAN di ED dan MW di 52 buah hospital. Penambahbaikan aliran pesakit di Zon Hijau ED ini diukur melalui tahap pencapaian dua sasaran metrik yang berikut:

- Masa menunggu dari ketibaan hingga ke penilaian awal (arrival to consultation, ATC) selama 60 minit atau kurang; dan
- Jumlah tempoh tinggal (length of stay, LOS) di ED selama 120 minit atau kurang.


Throughput menunjukkan peratusan kejayaan ED untuk mencapai sasaran seperti yang dinyatakan di atas. Sebelum pelaksanaan LEAN, setiap ED terlebih dahulu disusun mengikut kategori A, B, C dan D berdasarkan *throughput* ATC dan LOS. Satu ukuran kejayaan ED ialah apabila ia berjaya bergerak dari Kategori D ke Kategori A selepas pelaksanaan LEAN. Pergerakan ini menunjukkan bahawa



Gambar rajah di atas menunjukkan bagaimana Jabatan Kecemasan dikategorikan mengikut matriks 2x2 berdasarkan *throughput* ATC dan LOS.



Kategori Kecekapan Jabatan Kecemasan (ED) Pasca-LEAN



Gambar rajah di atas menunjukkan kategori kecekapan 16 ED selepas pelaksanaan LEAN.


ED tersebut sudah menjadi lebih cekap dan mencapai *throughput* yang lebih tinggi.

Empat daripada 16 ED yang terlibat telah menunjukkan *throughput* yang lebih tinggi selepas pelaksanaan LEAN, dan meningkat dari Kategori B ke Kategori A. ED yang selebihnya pula menunjukkan sedikit penambahbaikan dan masih berada dalam kategori A dan B.

Untuk mencapai sasaran LEAN, langkah-langkah yang tidak menambah nilai diketepikan manakala perubahan yang membawa nilai tambah berimpak tinggi diperkenalkan.


Sementara itu, KKM berhasrat untuk menambah baik pengurusan katil di MW. Ini melibatkan penambahbaikan tempoh discaj (discharge time, DT), masa penyediaan katil (bed turnaround time, BTT), kadar penggunaan katil (bed occupancy rate, BOR) dan masa menunggu katil (bed waiting time, BWT) untuk memperkemaskan proses. Sasaran untuk metrik ialah empat jam atau kurang untuk DT, 30 minit atau kurang untuk BTT, 85% atau kurang untuk BOR dan 120 minit atau kurang untuk BWT.

Sebagai ukuran prestasi, MW juga dikategorikan mengikut matriks 2x2 yang turut digunakan untuk ED, seperti dalam gambar rajah yang berikut:



Gambar rajah di atas menunjukkan bagaimana Wad Perubatan dikategorikan mengikut matriks 2x2 berdasarkan prestasi DT, BWT dan BOR.

Kategori Kecekapan Wad Perubatan (MW) Pasca-LEAN



Gambar rajah di atas menunjukkan kategori kecekapan bagi 16 MW selepas pelaksanaan LEAN.

Peningkatan keseluruhan MW dapat dilihat selepas pelaksanaan LEAN, di mana secara purata:

- Masa discaj wad telah dikurangkan sebanyak 94 minit (peningkatan sebanyak 39%);
- Masa menunggu katil telah dikurangkan sebanyak 40 minit (peningkatan sebanyak 35%);
- Kadar penggunaan katil menunjukkan peningkatan sebanyak 8%.

Dalam melaksanakan projek-projek ini, KKM dapat melihat tahap semangat kerjasama dalam kalangan kakitangan ED dan MW yang sangat menggalakkan, manakala Pengurus Kualiti Hospital juga memudahkan kerjasama antara kedua-dua jabatan ini dengan jabatan lain seperti patologi, radiologi, IT dan kewangan. Cabarannya adalah untuk menerapkan pemikiran LEAN dalam kerja seharian kakitangan memandangkan mereka sudahpun sibuk dengan tuntutan beban kerja yang tinggi. Kesyukuran kakitangan juga merupakan satu cabaran disebabkan oleh pertukaran kakitangan yang kerap di kebanyakan hospital KKM. Bermula dari 2018, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) ED dan MW akan digabungkan dalam Petunjuk Prestasi Hospital bagi Kebertanggungjawaban (Hospital Performance Indicators for Accountability, HPIAs) untuk menyokong penghayatan LEAN.



Zon discaj sebelum pesakit meninggalkan wad perubatan.



ROMBAKAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN PENJAGAAN KESIHATAN MALAYSIA

Memantapkan Hospital Kuala Lumpur sebagai Hospital Premier

Dalam ucapan Belanjawan 2012 beliau, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Hospital Kuala Lumpur (HKL) akan dinaik taraf kepada hospital *premier*. Untuk mencapai sasaran ini, HKL diperuntukkan dana sebanyak RM300 juta untuk pembinaan kemudahan baharu termasuk kompleks pakar baharu, pusat jagaan ambulatori, pusat nefrologi dan tempat letak kereta tujuh tingkat.

Untuk menjayakan peralihan HKL menjadi hospital premier, satu bengkel yang terdiri daripada dua fasa yang melibatkan KKM, HKL dan Institut Teknologi Industri Malaysia, Universiti Kuala Lumpur (UNIKL MITEC) telah dijalankan pada Jun 2016. Bengkel tersebut telah mengenal pasti tiga aspek yang perlu ditangani oleh HKL: Masa Mendapatkan Keputusan (Turnaround Time, TAT) untuk ujian diagnostik segera, pengurusan dan perolehan semula rekod perubatan pesakit dan kualiti perkhidmatan sokongan. Fasa 1 perjalanan Transformasi HKL telah dibentuk untuk menangani isu-isu tersebut.

Oleh itu, projek perintis LEAN dimulakan dengan mempercepatkan keputusan diagnostik yang dikeluarkan oleh makmal patologi (Makmal Teras). Makmal ini menerima secara purata 2,300 sampel darah sehari pada hari bekerja dan 500 sampel darah sehari pada



Makmal Teras HKL - Proses pencatitan masa dihentikan untuk memantaskan pemprosesan sampel.

hujung minggu, di mana jam 6:00 pagi hingga 7:00 pagi merupakan jam beroperasi yang paling sibuk.

Ujian rutin perlu diproses dalam masa 4 jam, tetapi bagi ujian segera, ia perlu dibuat dalam masa 45 minit. Cabaran untuk kakitangan makmal adalah dalam aliran kerja bagi ujian segera, di mana 60% daripada semua ujian yang diterima adalah ujian segera. KKM telah menetapkan yang 90% daripada permintaan segera biokimia dan hematologi mesti dilaporkan dalam masa 45 minit.

Berikutan projek perintis tersebut, penambahbaikan pencapaian KPI untuk TAT ujian Biokimia telah meningkat dari 9% ke 24% (bertambah sebanyak 167%), manakala TAT untuk ujian Hematologi telah meningkat dari 56% ke 66% (bertambah sebanyak 18%).

Projek kedua HKL LEAN dimulakan dengan menambah baik pengurusan rekod perubatan pesakit yang penting untuk menyampaikan perkhidmatan penjagaan kesihatan di hospital dengan cekap dan berkesan. Antara manfaat penambahbaikan pada sistem rekod perubatan pesakit adalah ia boleh memastikan keselamatan pesakit, mengurangkan masa pesakit menunggu, membantu dalam membuat keputusan klinikal dengan lebih baik serta dapat mengurangkan permintaan ujian yang tidak diperlukan. Projek LEAN memberi penekanan kepada tujuh jabatan yang banyak merawat pesakit dan mengalami peningkatan bilangan pesakit setiap tahun, iaitu Jabatan Kecemasan, Perubatan Umum, Oftalmologi, Ortopedik, Pediatrik, Neurologi dan Nefrologi; yang meliputi aliran kerja pesakit luar dan pesakit dalam.

Antara pencapaian pelaksanaan projek perintis LEAN Rekod Perubatan 2017 adalah:

- Pengurangan tempoh pengambilan semula rekod dari 14 hari ke 5 hari;
- Jumlah rekod yang tidak dijumpai pada mana-mana hari klinik telah dikurangkan dari 35% ke 5%; dan
- Jumlah rekod sementara yang dijana telah diturunkan dari 80 kad sehari ke bawah 10 kad sehari.

Projek perintis LEAN yang ketiga dimulakan untuk mengoptimumkan penyampaian perkhidmatan sokongan hospital. Ini adalah inisiatif pertama yang melibatkan pihak ketiga, iaitu Radicare Sdn Bhd yang merupakan pemegang konsesi HKL untuk perkhidmatan sokongan hospital. Projek ini memberi penekanan kepada dua bidang utama dalam rangka kerja pengurusan khidmat luaran: pengurusan komunikasi dan pengurusan prestasi. Pengurusan komunikasi adalah untuk memastikan bahawa kakitangan HKL dan wakil Radicare sefahaman tentang keperluan hospital, manakala sistem pengurusan prestasi yang berkesan akan memastikan bahawa bantuan diberikan pada masa yang tepat serta memenuhi keperluan penjagaan kesihatan pesakit. HKL dan Radicare telah mengenal pasti isu-isu yang berkaitan, dan hampir

Jabatan Perkhidmatan Awam: Tunjang Transformasi Nasional

Dalam usaha meneruskan momentum transformasi nasional yang berteraskan falsafah 1Malaysia “Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”, program Transformasi Perkhidmatan Awam telah diperkenalkan pada tahun 2013 untuk menyokong usaha Malaysia untuk menjadi negara yang membangun dan berpendapatan tinggi. Usaha ini diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan sokongan perkhidmatan awam Malaysia bagi memastikan pencapaian hasil yang diinginkan.

Adalah penting untuk perkhidmatan awam Malaysia untuk mengadaptasi kepada realiti hari ini bagi menyampaikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat. Sehubungan itu, pembangunan inisiatif transformasi oleh agensi Kerajaan telah dilaksanakan berlandaskan kepada Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam (KTPA) yang berasaskan kepada lima Teras Strategik yang meliputi transformasi perkhidmatan awam melalui kolaborasi strategik, kerjasama dan kesaling bergantung antara agensi bagi membentuk perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, berintegriti, dinamik dan berjiwa rakyat.

Pendekatan secara holistik, bersepadu serta pembudayaan kreativiti dan inovasi telah dizahirkan melalui pelaksanaan makmal transformasi perkhidmatan awam setiap tahun bagi mendapatkan komitmen serta kerjasama setiap agensi awam yang membawa perubahan yang nyata kepada mutu perkhidmatan awam yang dapat dirasakan oleh rakyat.

Hasil daripada kesepaduan dan kesepakatan perkhidmatan awam Malaysia dalam melaksanakan TPA selama lima tahun, sebanyak 1,432 inisiatif transformasi dengan 216 inisiatif berimpak tinggi inisiatif yang mendatangkan keberhasilan yang nyata kepada golongan sasaran, meningkatkan produktiviti, membentuk model penyampaian perkhidmatan baharu, menawarkan kepelbagaian saluran perkhidmatan dan memperkenalkan produk atau perkhidmatan baharu telah dilaksanakan. Keberhasilan inisiatif transformasi ini memberi keselesaan kepada rakyat untuk mendapatkan pelbagai perkhidmatan seperti perkhidmatan kesihatan dan perundangan untuk menjana serta meningkatkan pendapatan serta produktiviti. Selain itu, saluran penyampaian perkhidmatan juga telah diperluas melalui penglibatan organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO) dan komuniti.

Usaha sama agensi Kerajaan juga mendorong kepada pengoptimuman penggunaan sumber. Pelbagai inisiatif telah dicetuskan melalui kerjasama dan kolaborasi strategik pelbagai agensi, antaranya adalah Pensijilan Kemahiran Penghuni Penjara (Kementerian Dalam Negeri). Program ini bertujuan untuk meningkatkan penyampaian latihan kemahiran dan pensijilan kepada para banduan untuk meningkatkan peluang mereka mendapatkan pekerjaan dan mengurangkan kebarangkalian kemasukan semula ke dalam penjara dan kejadian jenayah berulang.

Contoh lain adalah inisiatif 1Malaysia Map yang diterajui oleh Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar yang bertujuan untuk membantu perkongsian maklumat geospasial dalam kalangan agensi-agensi awam melalui infrastruktur teknologi maklumat yang terkini sebagai platform bagi membolehkan penyebaran maklumat yang terkini dan tepat. Maklumat yang dapat diakses oleh orang ramai adalah berdasarkan lima kategori Point of Interest (POL) yang meliputi maklumat kecemasan, bencana, pendidikan, alam sekitar dan kesihatan. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar turut menerajui satu lagi kerjasama strategik, iaitu sistem Pengurusan Ramalan dan Amaran Banjir, dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM), Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) bagi meningkatkan ketepatan ramalan banjir dan mengurangkan kehilangan nyawa dan harta.

Inisiatif 1SERVE juga antara inisiatif peka rakyat yang berjaya. 1SERVE menawarkan pelbagai perkhidmatan melalui kaunter-kaunter perkhidmatan awam sehenti, dan pelaksanaannya berjaya dengan kerjasama pelbagai jabatan seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Imigresen Malaysia dan pihak berkuasa tempatan. Selain itu, antara inisiatif berimpak tinggi lain adalah perkhidmatan perawatan domisiliari yang ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia di mana rawatan diteruskan di rumah pesakit setelah mereka discaj dari hospital.

Sehubungan itu, usaha pelestarian dan pembudayaan transformasi menjadi keutamaan bagi perkhidmatan awam pada masa kini bagi memastikan perkhidmatan awam kekal relevan dan terus berupaya memenuhi keperluan rakyat. Penetapan hala tuju baharu menerusi Transformasi Perkhidmatan Awam 2.0 telah menggariskan beberapa fokus utama melalui pemantapan pelaksanaan fungsi teras (core business), kaedah pelaksanaan Do-It-Yourself (DIY), mengoptimumkan kos serta keberhasilan yang kos efektif (outcome-based), menggiatkan usaha secara kolaborasi strategik, memantapkan penyampaian perkhidmatan secara alternatif, mengutamakan perkhidmatan yang memberi titik sentuhan kepada rakyat (touch points), penyampaian yang segera (quick wins) dan berimpak tinggi. Penekanan juga diberikan kepada aktiviti promosi dan penyebaran pelaksanaan transformasi di peringkat agensi, negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Usaha menjayakan Transformasi Perkhidmatan Awam perlu dilestarikan dan sentiasa disematkan dalam jiwa setiap penjawat awam bagi membentuk perkhidmatan awam yang amanah dan mengutamakan rakyat. Kejayaan pelaksanaan TPA juga bergantung kepada kesungguhan dan komitmen penjawat awam untuk melonjakkan kualiti penyampaian perkhidmatan secara holistik dan inklusif yang mana akhirnya mampu menyejahterakan hidup rakyat bagi menggapai aspirasi utama negara terkini menerusi Transformasi Nasional 2050 (TN50).



Strategi Lautan Biru Kebangsaan: Pendapatan Tinggi untuk Kesejahteraan Rakyat

Malaysia bergerak pantas ke arah mencapai status negara maju seiring dengan wawasan 2020. Oleh itu, Kerajaan harus memastikan rakyat dapat menikmati pendapatan tinggi serta kemakmuran hidup. Salah satu strategi berkesan yang digunakan adalah Strategi Lautan Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS) yang dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada tahun 2009 untuk melaksanakan inisiatif berimpak tinggi, berkos rendah dan boleh dilaksanakan dengan pantas dan mampan.

NBOS mengetengahkan konsep kreativiti dan inovasi dalam penyelesaian tanpa bersaing dengan sempadan sosioekonomi sedia ada. Aplikasi NBOS kritikal dalam usaha meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam serta mempercepatkan proses transformasi negara.

Setakat ini, 115 inisiatif NBOS telah dilaksanakan dalam lebih 80 Kementerian dan agensi dalam negara. Antara inisiatif-inisiatif tersebut adalah Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre, UTC), Transformasi Luar Bandar (Rural Transformation Centre, RTC), Program Pusat Transformasi Bergerak (Mobile Community Transformation Centre, Mobile CTC) dan Program Pemulihan Pemasarakatan (Community Rehabilitation Programme, CRP).

Pusat Transformasi Bandar

Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre, UTC) ialah sebuah pusat sehati yang menawarkan pelbagai perkhidmatan kepada penduduk bandar khususnya melalui operasi melangkaui waktu dan hari bekerja biasa (kecuali cuti umum).

Matlamat utama Kerajaan dalam pelaksanaan UTC ini adalah untuk mempertingkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan, swasta dan NGO dengan menempatkan perkhidmatan di lokasi yang mudah diakses rakyat. UTC menawarkan perkhidmatan kepada komuniti bandar khususnya, di samping berfungsi sebagai pusat aktiviti komuniti bandar dengan menggunakan kos yang rendah berbanding kaedah konvensional, melalui penggunaan bangunan kerajaan dan pemulihan bangunan dan menggiatkan kegiatan ekonomi kawasan sekitar.

Keputusan bagi mewujudkan UTC dibuat dalam Mesyuarat Strategi Lautan Biru Kebangsaan pada 24 April 2012 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. UTC berjaya direalisasikan dengan hasil perundingan, penglibatan serta kerjasama pelbagai pihak terutamanya Kerajaan Pusat yang melibatkan pelbagai Kementerian/Jabatan/Agensi dan Kerajaan Negeri.



Ketua Setiausaha Negara, YBhg Tan Sri Dr. Ali Hamsa menyambut seorang pelanggan di UTC Kuala Terengganu.

Kerajaan bercadang untuk menubuhkan UTC di setiap ibu negeri di Malaysia, dan sekiranya terdapat keperluan, Kerajaan akan mewujudkan UTC di bandar-bandar dengan kepadatan penduduk yang tinggi. Setiap Kerajaan Negeri selepas menerima permintaan Kementerian Kewangan Malaysia hendaklah mengemukakan cadangan tapak bagi pembinaan UTC. Tapak yang dicadangkan haruslah memenuhi kriteria berikut iaitu bangunan sedia ada milik Kerajaan yang tidak digunakan secara optimum, terletak di ibu negeri atau bandar dengan kepadatan penduduk yang tinggi serta lokasi yang strategik dan mudah akses melalui pengangkutan awam. Setakat ini, terdapat 20 UTC di seluruh negara.

UTC menempatkan pelbagai Agensi Kerajaan Persekutuan, Agensi Kerajaan Negeri, Badan Berkanun, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga Agensi Swasta di bawah satu bumbung bagi memudahkan rakyat mendapatkan perkhidmatan. Ia bertujuan untuk meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan kepada rakyat dengan mengoptimumkan penggunaan sumber sedia ada.

Perkhidmatan di UTC Negeri merangkumi 10 kluster perkhidmatan:

1. Perkhidmatan Guna Sama Kerajaan
2. Perkhidmatan Kesihatan
3. Perkhidmatan Keselamatan
4. Perkhidmatan Latihan, Pendidikan dan Pekerjaan
5. Pembangunan Usahawan dan Peluang Perniagaan
6. Pusat Aktiviti Belia

7. Perkhidmatan Kebajikan
8. Perkhidmatan Utiliti
9. Perkhidmatan Perbankan
10. Perkhidmatan NGO

Perkhidmatan di UTC Bandar termasuk:

1. Perkhidmatan Guna Sama Kerajaan
2. Perkhidmatan Kesihatan
3. Perkhidmatan Keselamatan
4. Pembangunan Usahawan dan Peluang Perniagaan
5. Perkhidmatan Utiliti
6. Perkhidmatan Perbankan

Penggunaan bangunan-bangunan kerajaan yang tidak digunakan secara optimum untuk membina UTC sejajar dengan konsep asas NBOS yang mengutamakan impak yang tinggi, kos yang rendah dan pelaksanaan yang pantas. UTC juga mendapat pengiktirafan sebagai idea inovatif oleh delegasi antarabangsa termasuklah Bank Dunia, Singapura, India, Sri Lanka dan Tanzania. Usaha ini juga telah mendorong kepada penganugerahan Anugerah Inovasi Perdana Menteri pada tahun 2014.

Program Pusat Transformasi Bergerak

Program Pusat Transformasi Bergerak atau Mobile Community Transformation Centre (CTC) dilancar oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 1 Mac 2013 sebagai salah satu inisiatif yang diperkenalkan di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS) dan merupakan kesinambungan kepada program Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Centre, UTC).

Melalui Mobile CTC, perkhidmatan awam dan swasta yang sedia ada di premis-premis UTC adalah dibawa kepada komuniti di kawasan luar bandar dan pedalaman. Sejak mula pelaksanaan program tersebut sehingga 2017, program Mobile CTC telah diadakan di sebanyak 152 lokasi dan memanfaatkan seramai 2.59 juta rakyat di pekan.

Antara perkhidmatan yang disediakan di Mobile CTC termasuklah pendaftaran kad pengenalan, pembaharuan lesen memandu, pemeriksaan kesihatan, penyaluran bantuan Kerajaan seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan khidmat nasihat perniagaan.

Di samping itu, beberapa inisiatif baharu telah diperkenalkan termasuklah pemeriksaan mata secara percuma di beberapa lokasi program yang terpilih,

penyediaan perkhidmatan kepada rakyat yang terlibat dengan bencana banjir menerusi program pasca banjir Mobile CTC, kelas tambahan percuma kepada pelajar sekolah, dan penglibatan agensi tambahan seperti JobsMalaysia melalui Program Kembara Kerjaya Jelajah FELDA, Institut Jantung Negara (IJN) melalui Program Pemeriksaan Jantung dan Kesihatan Rakyat, serta Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia dan Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata.

Program Mobile CTC dilaksanakan dalam bentuk karnival iaitu melalui himpunan bas-bas dan van Kerajaan dan swasta ke sebuah lokasi di kawasan pedalaman. Di samping itu, bagi kawasan-kawasan yang tidak dapat dihubungi dengan jalan darat seperti di Sarawak, perkhidmatan bot Mobile CTC turut disediakan.

Pelaksanaan program Mobile CTC memberi penekanan kepada elemen-elemen utama NBOS seperti penggunaan kos yang efektif melalui perkongsian sumber antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri dan agensi-agensi yang terlibat untuk meningkatkan impak perkhidmatan kepada rakyat. Sejak program ini dijalankan, ianya telah berjaya mengubah cara akses perkhidmatan kepada komuniti terpinggir.

Program Pemulihan Pemasarakatan

Program Pemulihan Pemasarakatan (CRP) yang diperkenalkan pada tahun 2011 melengkapi inisiatif NKRA Mengurangkan Jenayah untuk menurunkan kadar ulang laku penjenayah ringan serta kapasiti berlebihan di penjara dengan memastikan banduan atau Orang Diselia (ODS) mendapat persediaan pengintegrasian dan penyesuaian semula ke dalam masyarakat sebelum



Mobile CTC memberi perkhidmatan kepada para pelanggan di Besut, Terengganu.



mereka dibebaskan. Pemulihan tersebut adalah dilaksanakan melalui latihan dan kerja-kerja produktif yang menggunakan kem tentera seperti pertanian, perikanan, ternakan dan pembuatan, selain kemahiran teknikal lain.

CRP merupakan agenda transformasi kerajaan di bawah NBOS untuk mengoptimumkan penggunaan sumber kerajaan yang sedia ada bagi mencapai impak lebih besar. Pemilihan kem-kem tentera sebagai Pusat Pemulihan Pemasyarakatan adalah cetusan idea daripada YAB Perdana Menteri yang melibatkan kolaborasi inovatif antara dua agensi kerajaan, iaitu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Jabatan Penjara Malaysia. Kem tentera yang terlibat dalam program ini adalah:

1. Kem Mahkota di Kluang, Johor;
2. Kem Sultan Abdul Halim Muazam Shah di Jitra, Kedah;
3. Kem Syed Sirajuddin di Gemas, Negeri Sembilan;
4. Kem Desa Pahlawan di Kota Bharu, Kelantan;
5. Kem Batu 10 di Kuantan Pahang; dan
6. Kem Paradise di Kota Belud, Sabah.

Melalui CRP, banduan diberi peluang untuk mempelajari dan mendalami bidang pekerjaan yang diceburi dengan lebih mendalam. Selain itu, ODS yang akan dibebaskan dapat menambah sumber pendapatan sebagai persediaan di hari pembebasan kerana pendapatan yang diterima oleh ODS adalah sebanyak RM200 sebulan lebih tinggi berbanding dengan pendapatan banduan di penjara.

Sehingga kini, pelaksanaan PPP berjaya mengubah bekas ODS sebanyak 88.48 % atau 3,665 daripada 4,142 peserta program mempunyai pekerjaan, bekerja dengan majikan atau bekerja sendiri. Tambahan pula, kerajaan telah mendapat penjimatan kos penyenggaraan sebanyak RM 2.9 juta setiap tahun bagi kerja-kerja pemotongan rumput dan pembersihan longkang Kem ATM yang dilaksanakan oleh ODS. Selain itu, penjimatan kos sebanyak RM 232.2 juta dari segi pembinaan penjara baharu adalah angka yang besar berbanding dengan kos pembinaan lima pusat CRP pada RM22.8 juta sahaja untuk menampung 1,450 ODS.



Banduan bersenam di salah satu kem CRP.

Projek LEAN: Menambah Baik Pengalaman Pengguna

Dr. Marzilawati Abd Rahman menerajui program LEAN di Hospital Kuala Lumpur (HKL) sejak program tersebut bermula pada tahun 2015. Pakar Perubatan Dalam Akut ini memulakan perjalanan LEAN ini dengan mempelajari asas konsep LEAN dan alat pembelajaran yang disediakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), termasuklah dari Bahagian Perkembangan Perubatan, Institut Penyelidikan Sistem Kesihatan dan Universiti Kuala Lumpur. “Kami memulakan pelaksanaan LEAN Healthcare di dua jabatan yang paling sibuk, iaitu Jabatan Perubatan dan Jabatan Kecemasan, di mana kami memperbaiki proses bagi menambah nilai kepada aspek penjagaan pesakit,” kata Dr. Marzilawati.

Sebagai pelaksana LEAN Healthcare di HKL, Dr. Marzilawati juga memberi ceramah kepada staf-staf HKL dan staf hospital KKM lain di semenanjung Malaysia dalam usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai program LEAN Healthcare. “Saya amat berbesar hati kerana diberi peluang untuk bekerja dengan Datin Dr. Nor Akma binti Yusuf yang bukan sahaja mengetuai pembangunan dan pelaksanaan LEAN Healthcare, malah merupakan pengasas “Kaizen Officer” di HKL. Beliau menggalakkan semua jabatan untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pengguna dengan penghapusan amalan yang tidak cekap dan melaksanakan

proses yang menyeragamkan cara kerja mereka bagi memastikan kelancaran.” Setakat ini, lebih daripada tujuh jabatan di HKL terlibat dalam program ini, termasuklah jabatan ortopedik, oftalmologi, nefrologi, neurologi, patologi, pediatrik, pejabat rekod perubatan dan jabatan perkhidmatan sokongan.

Tambahan lagi, sebagai Pengerusi Budaya Korporat HKL sejak tahun 2016, Dr. Marzilawati dan pasukan budaya korporatnya telah membangunkan modul latihan kemahiran yang dikenali sebagai “Modul Budaya Kerja Premier”. Modul tersebut membolehkan para petugas memberikan khidmat penjagaan dengan sentuhan peribadi, sejajar dengan objektif LEAN Healthcare. Sejak diperkenal pada tahun 2016, seramai 1,350 petugas kesihatan HKL telah menjalani latihan tersebut, dan mereka menerima maklum balas yang baik daripada pihak atasan.

Dr. Marzilawati berpendapat bahawa program LEAN Healthcare memberi tambah nilai kepada perkhidmatan kesihatan Malaysia secara keseluruhan. Ujarnya lagi, “Program ini membolehkan hospital menambah baik kualiti perkhidmatan penjagaan dengan mengurangkan kesilapan dan waktu menunggu yang dapat mengurangkan kos operasi hospital tersebut. Pendekatan



Dr. Marzilawati Abd Rahman, pelaksana LEAN Healthcare di HKL.



LEAN Healthcare membantu para petugas kesihatan dengan mengurangkan halangan dan membolehkan mereka fokus kepada memberi khidmat penjagaan yang terbaik. Pendekatan ini juga membantu meruntuhkan silo antara jabatan dan membolehkan mereka bekerjasama demi manfaat para pesakit.”

Di HKL sahaja, program ini telah mencapai beberapa pencapaian yang signifikan termasuklah penyelarasan diagnosis tuberkulosis pulmonari awal (pulmonary tuberculosis, PTB) di wad hospital dengan mempercepatkan proses mikroskopi kahak and menubuhkan unit bergerak untuk menyediakan perkhidmatan pendaftaran dalam wad dan kaunseling untuk para pesakit. Hasilnya amat memberangsangkan di mana pesakit PTB dapat didiagnosis dan dirawat lebih awal, selain penurunan 40% waktu bekerja (man hour) dalam wad.

Dr. Marzilawati menambah, “Kini, penambahbaikan kami berkembang dalam banyak aspek dan penambahbaikan ini dibentangkan di the International Conference 2017 (British Medical Journal Quality and Safety in Healthcare) dan di National QA Convention 2017 di Malaysia.

Meskipun beliau berpuas hati dengan hasil program ini, beliau percaya masih banyak yang perlu dilakukan untuk menjadikan LEAN Healthcare sebahagian daripada budaya kerja HKL. Proses transformasi budaya bukanlah suatu yang mudah, terutamanya bagi sebuah organisasi besar seperti HKL. “Memulakan sesuatu yang baharu sentiasa mencabar, dan cabaran utama yang saya hadapi adalah meruntuhkan silo antara jabatan dan mengubah mindset dan persepsi terhadap pelaksanaan LEAN demi membawa perubahan. Namun begitu, konsep LEAN itu sendiri mengajar saya dan pasukan saya untuk menghormati dan terus menyokong semua petugas. Semua ini adalah usaha berpasukan, dan bukan usaha individu,” kata beliau.

Beliau menambah, LEAN Healthcare, atau konsepnya perlu diperluaskan kepada Kementerian-Kementerian lain di bawah Kerajaan untuk meningkatkan kebolehan dan kualiti perkhidmatan awam di Malaysia. “Kerjasama antara Kementerian akan memastikan keselamatan para pesakit, penambahbaikan aliran kerja serta pencapaian keseimbangan dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan di Malaysia. Perkongsian inovasi, kepakaran serta perkhidmatan antara Kementerian akan mewujudkan platform yang kondusif untuk perkembangan sektor perkhidmatan kesihatan awam,



Makmal Teras HKL - Sampel darah disimpan di dalam bakul selepas diberikan barkod walaupun sepatutnya dbungkus semula dalam beg spesimen bagi memendekkan tempoh pemprosesan.

selain meningkatkan pencapaian LEAN Healthcare,” kata Dr. Marzilawati. Penerapan NBOS juga akan terus menambah baik inisiatif-inisiatif penjimatan kos serta mencipta pelbagai manfaat untuk rakyat Malaysia melalui peningkatan kualiti.

Dr. Marzilawati menjangka sektor penjagaan kesihatan awam akan terus menerajui pasaran penjagaan kesihatan di Malaysia pada masa akan datang. Peningkatan harga juga akan mendorong lebih ramai pengguna untuk memilih perkhidmatan penjagaan kesihatan awam. Dalam hal ini, doktor ini percaya bahawa kaedah LEAN memainkan peranan yang penting dalam membolehkan penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan awam mengurangkan kos dan menyediakan perkhidmatan yang baik.

dua pertiga daripada isu-isu ini dikategorikan sebagai kejayaan pantas (quick wins) dan sedang ditangani oleh HKL dan Radicare.

Mengoptimumkan Penggunaan Bilik Bedah

Projek Bilik Bedah (OT) LEAN telah dimulakan di Hospital Sultan Ismail, Johor pada tahun 2017. Projek ini bertujuan untuk mencapai 80% penggunaan bilik bedah dan tempoh pemulihan dalam masa 20 minit. Masa pemulihan ini merujuk kepada masa yang diambil dari waktu seorang pesakit meninggalkan OT sehinggalah waktu pesakit berikutnya memasuki bilik itu. Tiga jenis pembedahan yang dilakukan di dalam OT adalah prosedur kecemasan, prosedur elektif dan prosedur tanpa pembedahan. Penjadualan penggunaan OT adalah rumit kerana OT digunakan oleh kakitangan perubatan daripada pelbagai disiplin, kadar penggunaan adalah tidak jelas dan pembedahan kecemasan kerap mengambil alih slot masa pembedahan elektif yang sudah ditetapkan. Projek ini masih berterusan dan kini berada dalam proses pengumpulan data awal.

Meningkatkan Kecekapan di Klinik Pakar

Hospital Sungai Buloh telah menjalankan projek perintis sistem temu janji berperingkat untuk mengurangkan kesesakan di klinik pakar. Pada tahun 2014, kehadiran

pesakit luar di Hospital Sungai Buloh adalah lima kali lebih banyak daripada kemasukan pesakit ke hospital, di mana majoriti pesakit luar mendapatkan rawatan di klinik pakar. Pada masa ini, terdapat 14 jabatan di Hospital Sungai Buloh yang mempunyai klinik pakar iaitu Oftalmologi; Ortopedik; O&G; Telinga, Hidung dan Tekak (ENT); Pediatrik; Penyakit Berjangkit; Pembedahan; Dermatologi; Psikiatrik dan Kesihatan Mental; Pembedahan Plastik; Pembedahan Oral dan Maksilofasial (OMFS); Neurosurgeri; Pergigian Pediatrik; dan Anestesiologi.

Pada masa ini, kebanyakan pesakit dengan temu janji tiba di klinik pakar sekitar 8:00 pagi dan ini telah menyebabkan kesesakan di klinik. Pesakit juga menghadapi kesukaran untuk mendapatkan ruang meletakkan kenderaan. Untuk mengatasi masalah-masalah ini, sistem temu janji pesakit berperingkat diperkenalkan di kesemua 14 klinik pakar. Sistem ini akan menggunakan blok masa yang telah ditentukan terlebih dahulu untuk penjadualan temu janji dengan memastikan bahawa permintaan pesakit dan bilangan kakitangan adalah sepadan. Melalui penambahbaikan tersebut, masa menunggu dijangka akan dapat dikurangkan dan akan memberi pengalaman yang positif kepada pesakit yang menerima rawatan. Pelaksanaan sistem temu janji berperingkat ini akan dilaksanakan oleh kesemua 14 klinik pakar pada masa yang berlainan sepanjang tahun 2018.



Kesesakan di kaunter pendaftaran sentral di Hospital Sungai Buloh.



TINJAUAN MASA HADAPAN ▶▶

Inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN akan diperluaskan di hospital yang sudah melaksanakan projek tersebut di ED dan MW melalui projek perintis Klinik Ortopedik, Klinik Oftalmologi, Bilik Bedah, Perkhidmatan Rekod Perubatan dan Perkhidmatan Sokongan Hospital. Projek-projek perintis ini kini dalam fasa penentukuran. Kesemua data yang dikumpul daripada projek-projek ini akan digunakan kemudian untuk membentuk templat induk untuk dilaksanakan di seluruh negara.

Faktor penting untuk kemampanan LEAN ialah pembangunan sebuah organisasi yang menyokong penglibatan kakitangan serta pendidikan LEAN bagi menyemai pemikiran untuk pelaksanaan LEAN dalam kerja seharian mereka. Struktur tadbir urus Penjagaan Kesihatan LEAN yang baharu juga akan diperkenalkan untuk memastikan kemampanan inisiatif Penjagaan Kesihatan LEAN. Ini akan melibatkan penubuhan sub-unit khusus yang diletakkan di bawah Unit Kualiti pada peringkat Negeri dan hospital untuk memudahkan pelaksanaan dan pemantauan serta memberi maklum balas tentang kemajuan pelaksanaannya.

Berikutan pelaksanaan program-program NBOS serta inisiatif-inisiatif transformasi Jabatan Perkhidmatan Awam, Kerajaan masih bersemangat untuk meneruskan usaha yang menyentuh kehidupan sebanyak 30 juta rakyat. Ini adalah sejajar dengan visi TN50 bagi mencapai negara yang maju, inklusif dan lestari.



PEMBANGUNAN MODAL INSAN



**MEMBANGUNKAN
TENAGA KERJA YANG
BERKEMAHIRAN TINGGI**



YB DATO' SRI RICHARD RIOT ANAK JAEM

Menteri Sumber Manusia

Dalam membangunkan modal insan, Kerajaan sedang berusaha untuk menyediakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi bagi menyokong usaha ke arah status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020. Demi mencapai matlamat ini, SRI ini memberi fokus kepada 6 bidang utama: memodenkan perundangan tenaga kerja; mempertingkat jaringan keselamatan buruh; memperkukuh program pengurusan sumber manusia; melaksanakan analisis pasaran buruh; meningkatkan kemahiran (upskilling) dan membina semula kemahiran (reskilling); serta memperkasa tenaga kerja wanita.

Usaha ini telah membuahkan hasil yang positif dalam landskap modal insan negara dan telah menyumbang kepada pertumbuhan pendapatan secara berterusan. Purata pendapatan bulanan isi rumah rakyat Malaysia meningkat kepada RM6,958 pada tahun 2016 daripada RM4,025 pada tahun 2009. Sementara itu, median pendapatan bulanan isi rumah rakyat juga meningkat kepada RM5,228 pada tahun 2016, berbanding RM2,841 pada tahun 2009. Tambahan pula, Laporan Modal Insan Global 2017 terbitan Forum Ekonomi Dunia (World Economic Forum, WEF) menyenaraikan Malaysia di tempat kedua antara negara-negara Asia Tenggara dan di tempat ke-33 daripada 130 negara dari segi prestasi pembangunan modal insan di peringkat global. Kedudukan Malaysia meningkat daripada kedudukan ke-42 pada tahun 2016 dengan skor yang tinggi bagi komponen keupayaan, pembangunan dan pengetahuan.

Di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM), pasaran buruh turut menyaksikan perubahan yang ketara tahun ini apabila tiga undang-undang utama diluluskan. Undang-undang ini termasuklah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017, Rang Undang-Undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 dan Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (Employment Insurance System, EIS).

Dalam usaha untuk terus meningkatkan kecekapan, daya saing dan keupayaan tenaga buruh Malaysia, kita mesti terus proaktif dalam berhadapan dengan trend global seperti digitalisasi dan automasi seiring dengan Industri 4.0, dan juga crowdsourcing yang akan mengubah seluruh lanskap perburuhan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah mengambil inisiatif untuk meningkatkan penjenamaan TVET Malaysia bagi menghasilkan sumber manusia yang memenuhi keperluan industri dan menjadi pilihan kerjaya bagi tenaga kerja muda. Justeru, agensi sumber manusia dan institusi pendidikan negara perlu menumpukan fokus untuk menyokong dan membangunkan kemahiran yang berkaitan.

Dengan pertumbuhan ekonomi dan unjuran masa depan yang positif dari segi permintaan (demand), lebih banyak pekerjaan berkualiti dijangka akan diwujudkan untuk menampung peningkatan sumber tenaga manusia. Perkembangan ini dijangka akan membantu negara mencapai salah satu sasaran RMK-11, iaitu untuk meningkatkan komponen penggajian para pekerja dalam KDNK kepada 40% berbanding 33.6% pada tahun 2013.



YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM

enteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Pembangunan bakat wanita merupakan komponen penting dalam SRI ini untuk mencapai aspirasi NTP untuk membangunkan negara secara terangkum. Inisiatif ini diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat (KPWKM) yang tertumpu kepada prinsip “3R” iaitu Mengekalkan (Retaining), Mengembalikan (Returning) and Mengangkat (Rising) bakat wanita ke arah pembangunan sumber bakat yang seimbang dan mampan untuk negara.

Sepanjang tahun ini, KPWKM telah memudah cara beberapa inisiatif seperti menyediakan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dengan kadar bayaran yang berpatutan dan mudah diakses serta menggalakkan pengaturan kerja fleksibel (flexible working arrangement) bagi memenuhi keperluan ibu bekerja yang mempunyai anak kecil. Pada tahun 2017, 329 TASKA baharu telah ditubuhkan, sekali gus menambah jumlah TASKA berdaftar kepada 4,143 berbanding 2,045 pada tahun 2012. Sementara itu, 92 syarikat telah melaksanakan pengaturan kerja fleksibel sejak inisiatif ini dimulakan pada tahun 2012. Usaha-usaha KPWKM ini telah secara tidak langsung membuahkan hasil dengan pencapaian yang ketara dalam kadar penyertaan tenaga kerja wanita, dengan catatan peningkatan kepada 54.6% pada tahun 2017 (setakat suku ketiga) berbanding 54.3% pada tahun sebelumnya.

Di samping itu, pada tahun ini KPWKM turut memainkan peranan utama dalam mengaktifkan semula Daftar Pengarah Wanita bagi pencalonan ahli lembaga pengarah dan memanfaatkan kemahiran wanita melalui program pementoran dan latihan. Sehingga kini, 1,326 calon telah disenaraikan dalam daftar tersebut, di mana 1,051 telah mengikuti Program Pengarah Wanita yang mempersiapkan mereka untuk menjadi ahli lembaga pengarah. Inisiatif ini telah menyumbang kepada pertambahan bilangan wanita yang dinaikkan jawatan

ke peringkat jawatan pembuat keputusan dan dilantik sebagai ahli lembaga pengarah. Hasilnya, pada tahun 2017, 19.2% daripada ahli lembaga dalam 100 syarikat senaraian awam teratas mengikut permodalan pasaran di Malaysia terdiri daripada wanita, berbanding dengan 16.6% pada 2016.

Semua pencapaian ini, antara lain, telah meletakkan Malaysia di pentas dunia dalam inisiatif untuk menggalakkan penyertaan wanita dalam sektor korporat. Laporan Antarabangsa Pengarah Wanita Korporat antara Syarikat Asia Pasifik 2017 (2017 Corporate Women Directors International Report on Women Board Directors of Asia-Pacific Companies) telah mengiktiraf pencapaian ini dengan meletakkan Malaysia di tempat ketiga daripada 20 negara Asia Pasifik bagi pencapaian wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah. Kajian ini adalah berdasarkan 1,597 buah syarikat tersenarai awam besar daripada negara-negara tersebut.

Usaha bagi memastikan kaum wanita diwakili dalam tenaga kerja serta memegang jawatan utama sebagai pembuat keputusan merupakan usaha rentas sektor yang memerlukan komitmen tidak berbelah bagi daripada sektor swasta. Meskipun perkembangan yang memberangsangkan dapat dilihat dalam usaha mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi wanita untuk terus menyumbang kepada tenaga kerja, namun kesedaran tentang kepentingan kepelbagaian gender dalam tenaga kerja masih rendah. KPWKM akan terus memanfaatkan platform Pembangunan Modal Insan - Jawatankuasa Pemandu Bakat Wanita untuk menyelesaikan isu rentas sektor yang berkaitan dengan portfolio SRI ini.



JAMINAN KESELAMATAN PEKERJAAN

Undang-undang buruh Malaysia sedang dipermodenkan bagi tujuan transformasi bakat tempatan ke arah penghasilan 35% tenaga kerja berkemahiran menjelang 2020, selari dengan hasrat negara untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Program jaringan keselamatan buruh telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha untuk melindungi tenaga kerja Malaysia dalam mengharungi detik-detik kesusahan dan memastikan bahawa hasil kekayaan yang diperoleh dalam peralihan kepada ekonomi berpendapatan tinggi dikongsi bersama rakyat. Sehingga kini, tiga undang-undang utama berkaitan perlindungan tenaga kerja telah diluluskan pada 2017.

Undang-undang pertama, iaitu Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri atau Akta 789 di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), telah diluluskan oleh Parlimen pada April 2017 dan dilaksanakan secara rasmi pada 13 Jun 2017 bagi meluaskan perlindungan keselamatan sosial kepada sektor informal. Fasa awal inisiatif ini melibatkan penyediaan perlindungan untuk pemandu teksi dan perkhidmatan lain yang serupa. Sehingga kini, 2,800 pemandu teksi telah didaftarkan dan dilindungi insurans. Daripada jumlah itu, lapan orang telah mendapat pampasan akibat kecederaan di tempat kerja atau ketika berulang-alik. Skim ini menjajarkan keperluan untuk perlindungan keselamatan sosial dengan prinsip keadilan sosial sejagat seperti yang tercatat dalam Perkara 23 Perisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat, Konvensyen Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) 102 dan Rekomendasi 202 ILO.

Undang-undang kedua pula adalah Rang Undang-Undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2017 yang diluluskan pada 14 Ogos 2017 dengan tujuan untuk melindungi pekerja tempatan yang mendapat pekerjaan di luar negara melalui agensi pekerjaan swasta. Undang-undang ini dijangka dilaksanakan pada tahun 2018.

Undang-undang ketiga, iaitu Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (Employment Insurance System (EIS) Bill) 2017, telah diluluskan pada 25 Oktober 2017, menandakan kemajuan penting dalam usaha mengukuhkan perlindungan pekerja di Malaysia. EIS, yang akan ditadbir oleh PERKESO mulai tahun 2018, membenarkan pewujudan satu skim insurans untuk pekerja yang diberhentikan agar mereka dapat menuntut sebahagian daripada gaji mereka yang diinsuranskan bagi tempoh antara tiga hingga enam bulan. Pekerja yang kehilangan pekerjaan juga akan layak untuk menerima elaun berdasarkan pendapatan yang dikurangkan dan latihan yang dihadiri. Mereka juga akan diberi keutamaan untuk peluang bekerja semula. Skim ini menyediakan perlindungan untuk pekerja yang terlibat dengan skim pemisahan sama ada sukarela, bersama atau mereka yang diberhentikan atas alasan penstrukturan semula atau penutupan perniagaan.

Perintah Gaji Minimum telah diperkenalkan pada tahun 2012 dan perintah ini dikaji semula setiap dua tahun. Penyemakan semula

yang terkini telah dilaksanakan pada tahun 2016. Pemeriksaan statutori yang dikendalikan oleh Jabatan Buruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dari Januari 2013 hingga Disember 2017 mendapati bahawa 98% daripada 154,501 majikan yang diperiksa mematuhi Perintah Gaji Minimum. Sementara itu, kajian Penyata Guna Tenaga Kebangsaan (National Employment Returns, NER) 2016 yang dijalankan oleh Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (Institute of Labour Market Information and Analysis, ILMIA) menyatakan bahawa 76.3% daripada perusahaan yang ditinjau tidak merekodkan penambahan dalam kos buruh mereka berikutan pengenalan gaji minimum.

“Program Kembali Bekerja anjuran PERKESO menyediakan sokongan untuk kembali bekerja, latihan serta perkhidmatan penempatan kerja kepada peserta yang diinsuranskan.”

Beberapa undang-undang utama lain juga sedang dikaji semula pada masa ini termasuk Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981, Akta Kilang dan Jentera 1967, Akta Kerja 1955, Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dan juga Akta Kesatuan Sekerja 1959.

Dalam usaha menjaga kebajikan pekerja, Program Kembali Bekerja (Return to Work, RTW) anjuran PERKESO menyediakan sokongan untuk kembali bekerja, latihan serta perkhidmatan penempatan kerja kepada peserta yang diinsuranskan. Bantuan ini menandakan satu lagi usaha Kerajaan untuk membolehkan pekerja yang mengalami kecederaan untuk kembali bekerja dengan segera. Program ini juga memastikan produktiviti negara tidak terjejas. Sejak pelancaran program ini pada bulan Disember 2016, seramai 18,137 pekerja yang diinsuranskan telah berjaya menjalani pemulihan dan kembali bertugas.

Berhubung kait dengan RTW, Pusat Rehabilitasi PERKESO Tun Razak di Ayer Keroh, Melaka telah ditubuhkan pada tahun 2014 dan dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 21 April 2017. Pusat tersebut menyediakan rawatan dan perkhidmatan pemulihan untuk pekerja yang mengalami kecederaan di tempat kerja atau semasa dalam perjalanan pergi-balik dari tempat kerja. Sehingga kini, 2,187 pesakit telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan pusat ini.

Pusat Penempatan Luar 1Malaysia (1Malaysia Outplacement Centre, 1MOC) di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Human Resource Development Fund, HRDF) adalah inisiatif berasingan tetapi mempunyai tujuan yang sama untuk meningkatkan kebolehgajian pekerja yang diberhentikan. 1MOC berperanan sebagai pusat sehati yang menyediakan khidmat nasihat berkaitan perancangan kerjaya serta pemohonan dan padanan kerja. Sehingga kini, 1MOC telah membantu 3,162 pekerja yang diberhentikan untuk mendapatkan semula pekerjaan.



Pusat Penempatan Luar 1Malaysia menyediakan khidmat kaunseling, perancangan dan penyediaan untuk perkembangan dan kemajuan kerjaya yang seterusnya.

PENGUKUHAN SYARIKAT MELALUI SUMBER MANUSIA

Pengurusan sumber manusia yang cekap adalah kunci kejayaan utama bagi semua perniagaan. Pada tahun 2017, tumpuan KSM adalah memastikan syarikat-syarikat di Malaysia bersedia untuk menghadapi perubahan dalam undang-undang buruh dan pewujudan sistem jaringan keselamatan buruh. Kementerian menyedari bahawa perubahan yang diperkenalkan hanya akan berkesan sekiranya pemain industri memahami justifikasi di sebalik perubahan ini dan mematuhi keperluan undang-undang tersebut.

Bagi menyokong usaha ini, liputan HRDF telah diperluas dari hanya sektor Pembuatan, Perkhidmatan dan Perlombongan dan Pengkuarian kepada sektor lain juga pada tahun 2017. Sesi perbincangan bersama para pemain sektor swasta telah diadakan untuk merangkumi majikan yang mempunyai seorang atau lebih pekerja dalam semua sektor (dengan pengecualian sektor awam, badan-badan berkanun, NGO, sektor kewangan dan pembinaan) untuk memastikan semua pekerja di Malaysia mendapat akses kepada dana latihan ini.

Selain itu, Portal Pusat Sumber Manusia Kebangsaan (National Human Resource Centre, NHRC) yang dibangunkan oleh HRDF merupakan satu platform untuk memperoleh maklumat berkenaan sumber manusia dalam bentuk kertas penyelidikan berkualiti tinggi dan

kertas putih yang menyumbang kepada perancangan pertumbuhan modal insan. Portal ini telah digunakan oleh 1,315 pengguna individu dan 20,444 syarikat setakat Disember 2017, dan akan dipertingkatkan pada tahun 2018 untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada lebih ramai pengguna.

“HRDF telah membangunkan Alat Diagnostik Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dipanggil MyFuture bagi membolehkan pendekatan latihan yang berstruktur.”

HRDF juga telah membangunkan Alat Diagnostik (Diagnostic Tool) Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang dipanggil MyFuture bagi membolehkan pendekatan latihan yang berstruktur. MyFuture membantu dalam mengenal pasti jurang dalam keupayaan modal insan PKS, dan membolehkan HRDF untuk mencadangkan program pembinaan keupayaan yang lebih berstruktur untuk mereka. 1,296 syarikat telah menjalani penilaian ini dan telah menerima cadangan bagi program latihan berstruktur itu.

Untuk menambah baik pengurusan sumber manusia pekerja asing, Kerajaan juga telah memperkenalkan sistem atas talian untuk memudahkan majikan memohon pengambilan pekerja asing. Pengenalan sistem atas talian itu juga bertujuan untuk mengelakkan penglibatan orang



tengah, lantas meminimumkan kos dan memendekkan tempoh pengambilan pekerja serta membendung kes penderaan dan pemerdagangan pekerja asing. Berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017, dengan menandatangani Surat Aku Janji Majikan, majikan terikat dengan undang-undang Malaysia untuk bertanggungjawab ke atas pengurusan pekerja asing.

MERUMUS DASAR BURUH YANG EFEKTIF

Sejak penubuhannya pada tahun 2012, Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh atau ILMIA memainkan peranan sebagai sumber data pasaran buruh yang komprehensif untuk membantu Kerajaan merumus dasar buruh yang efektif dan menyumbang kepada merealisasikan hasrat Kerajaan untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Gudang Data Maklumat Pasaran Buruh (Labour Market Information Data Warehouse, LMIDW) telah dilancarkan pada 18 Julai 2017. Sistem Pengurusan Aliran Data (Data Flow Management System, DFMS) dikenal pasti sebagai komponen penting dalam LMIDW untuk menguruskan semua inisiatif perkongsian data pasaran buruh, selain menyebarkan data pasaran buruh.

Prosedur Operasi Standard (*standard operating procedures*, SOP) untuk melaksanakan Mekanisma Perkongsian Data turut dibangunkan sebagai panduan kepada semua pembekal data pasaran buruh. LMIDW kini melibatkan penyertaan 14 agensi dan jabatan dalam KSM dan empat Kementerian dan agensi lain, iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, dan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Sehingga kini, sebanyak 142 penunjuk pasaran buruh boleh dijana daripada 43 data LMIDW untuk digunakan oleh pihak-pihak berkepentingan seperti pembuat dasar, pemain industri, ahli akademik, penggubal undang-undang, syarikat media dan mereka yang sedang mencari peluang pekerjaan.

Pada tahun 2017, ILMIA meneruskan usaha sama dengan TalentCorp untuk menghasilkan Senarai Pekerjaan Kritikal (Critical Occupation List, COL), satu inisiatif di bawah RMK-11 untuk menangani ketidaksepadanan kemahiran dalam pasaran buruh. COL yang sedang dikemas kini akan diterbitkan pada Februari 2018 dan akan digunakan untuk menyelaras intervensi yang berkaitan dengan pendidikan tinggi dan TVET, peningkatan kemahiran, biasiswa, dan pengurusan pekerja asing berkemahiran tinggi serta bakat Malaysia di luar negara.

Selain itu, Kajian NER 2017 sedang dijalankan dan dijangka akan siap menjelang Mac 2018. Bermula tahun 2017, Kajian NER dilaksanakan secara tahunan untuk memastikan adanya maklumat terkini yang boleh meningkatkan kefahaman berkaitan dinamik pasaran buruh, termasuk pecahan pekerja tempatan berbanding pekerja asing, jenis pekerjaan, gaji dan kepelbagaian gender.

ILMIA juga telah membangunkan Indeks Gaji Kebangsaan (National Wage Index, NWI) untuk menyokong langkah-langkah dasar yang berkaitan dengan perancangan sumber manusia, penggunaan buruh, penetapan gaji, keselamatan sosial dan kos buruh. NWI dibangunkan melalui tinjauan tiga bulan sekali ke atas sampel berlapis yang diambil melalui syarikat-syarikat yang mewakili ekonomi, pekerja-pekerja dan pekerjaan di Malaysia. Sehingga kini, lima tinjauan suku tahunan telah dijalankan sejak September 2016. Hasil dapatan NWI akan diterbitkan pada Mac 2018.

“Indeks Gaji Kebangsaan menyokong langkah-langkah dasar yang berkaitan dengan perancangan sumber manusia, penggunaan buruh, penetapan gaji, keselamatan sosial dan kos buruh.”

Walau bagaimanapun, kecekapan ILMIA kini agak terbatas kerana peranan ILMIA sebagai autoriti utama bagi semua data mengenai pasaran buruh kurang mendapat pengiktirafan. Bagi menangani hal ini, lebih banyak masa dan sumber perlu diperuntukkan untuk menjalankan kempen kesedaran ke seluruh negara. ILMIA juga memerlukan akses yang lebih baik kepada pakar dalam bidang, seperti ahli ekonomi buruh, saintis data dan kakitangan pengurusan data. Oleh yang demikian, ILMIA akan bekerjasama dengan KSM untuk menangani cabaran-cabaran yang dihadapi.



Pusat Penempatan Luar 1Malaysia: pusat sehati untuk pekerja yang diberhentikan untuk mendapat semula pekerjaan.

MEMUPUK TENAGA KERJA BERPENDAPATAN TINGGI

Bidang fokus ini menyokong keperluan bakat negara dengan meningkatkan kemahiran dan daya saing tenaga kerja Malaysia bagi memastikan negara mempunyai tenaga kerja mahir yang mencukupi ke arah mencapai matlamat negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Pengiktirafan Pembelajaran melalui Pengalaman (Recognition of Prior Experiential Learning, RPEL) telah dilancarkan pada 2016 untuk mengiktiraf pengalaman, kemahiran dan kompetensi pekerja Malaysia dengan kelayakan yang berkaitan. Sehingga Disember 2017, seramai 3,182 calon telah menyempurnakan pembangunan portfolio mereka dan menerima Diploma Kemahiran Malaysia Tahap 4 pensijilan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM).

Dalam usaha mengembangkan lagi kumpulan bakat tempatan, program Latih dan Ganti (Train and Replace) dilaksanakan oleh HRDF dengan tujuan untuk menggantikan pekerja asing berkemahiran dan ekspatriat dengan rakyat Malaysia. Program ini telah diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2016. Seramai 899 pekerja tempatan telah menggantikan pekerja asing setakat Disember 2017.

Program Latihan Kemahiran dan Penambahbaikan untuk Rakyat 1Malaysia (1Malaysia Skills Training and Enhancement for the Rakyat, 1MASTER) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) adalah satu inisiatif di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategy, NBOS) untuk meningkatkan kemahiran pekerja dalam pelbagai industri. Selain itu, inisiatif Pusat Kecemerlangan Teknologi (Centres of Excellence in Technology, CoET) oleh HRDF telah membantu memantapkan 26 institusi untuk memenuhi keperluan semasa industri dan perubahan teknologi pembuatan pengkomputeran. Selain itu, Program Peningkatan Bakat Orang Kelainan Upaya (OKU) (OKU Talent Enhancement Programme, OTEP) oleh HRDF yang telah dilancarkan pada 1 Mei 2017 menyediakan latihan berasaskan kompetensi kepada 129 OKU setakat Disember 2017.

Usaha-usaha yang dinyatakan di atas secara tidak langsung telah memanfaatkan sejumlah 4,210 orang dan menyumbang kepada peningkatan 0.7% dalam tenaga kerja berkemahiran. Hasilnya, pekerja berkemahiran membentuk 28% keseluruhan tenaga kerja pada tahun 2017 (setakat suku ketiga) berbanding dengan 27.3% pada tahun 2016.

Walau bagaimanapun, KSM mengakui bahawa terdapat beberapa halangan dalam memperoleh kepercayaan dan penglibatan majikan untuk menghantar pekerja mereka ke program peningkatan kemahiran. Tambahan pula, terdapat pertindihan isu berhubung dengan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) di bawah skop Kementerian Pendidikan Tinggi, dan JPK di bawah KSM. Sesungguhnya, banyak agensi dan Kementerian yang terlibat dalam program peningkatan kemahiran, dan pertindihan usaha berkemungkinan berlaku. Bagi menangani isu ini, KSM akan mengetuai pembangunan Pelan Induk TVET Malaysia (Malaysia TVET Masterplan) dengan kerjasama enam Kementerian lain, iaitu Kementerian Pendidikan, Kementerian Pendidikan Tinggi, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah, Kementerian Pertanian dan Kementerian Kerja Raya.

MEMANGKIN PENYERTAAN WANITA DALAM PASARAN BURUH

Inisiatif untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh adalah berdasarkan prinsip “3R”, iaitu *Retaining* atau mengekalkan pekerja wanita di tempat kerja, *Returning* atau mengembalikan mereka ke tempat kerjaselepas tempoh tertentu, dan *Rising* atau mengangkat mereka ke peringkat pembuat keputusan di sektor korporat.

Di bawah prinsip *Retaining* dan *Returning*, beberapa inisiatif yang diterajui oleh TalentCorp telah dilaksanakan bagi menarik dan mengekalkan kumpulan bakat dalam negara. Program Kembali Berkerjaya (Career Comeback Programme, CCP) adalah satu program yang bertujuan untuk menghubungkan wanita yang berehat daripada kerjaya kepada peluang pekerjaan dan menggalakkan majikan untuk mengguna pakai dasar yang menyokong kepelbagaian gender di tempat kerja. Pada tahun 2017, 650 wanita mengambil bahagian dalam CCP dan 195 daripada mereka telahpun kembali bekerja. Wanita-wanita ini berada dalam sektor perkhidmatan kewangan, perkhidmatan perniagaan dan sektor pendidikan dan memegang jawatan pentadbiran, sumber manusia, akaun dan kewangan dan perkhidmatan pelanggan.

Selain itu, Geran Kembali Berkerjaya (Career Comeback Grants) adalah satu lagi inisiatif yang memberi insentif kepada majikan untuk merekrut dan mengekalkan wanita yang berehat daripada kerjaya. Di bawah skim ini, Geran Pengekalan Kerja (Retention Grant) menawarkan majikan geran nilai yang bersamaan dengan sebulan gaji pekerja



TalentCorp Career Comeback Programme targeting women who are on career break.

wanita tersebut jika majikan itu berjaya mengekalkan pekerja tersebut dalam jawatan untuk sekurang-kurangnya enam bulan. Had geran yang ditawarkan ialah RM100,000 bagi setiap majikan.

Bagi memperluaskan usaha CCP, TalentCorp menganjurkan 4th Career Comeback Networking & Job Fair pada 25 Ogos 2017. Acara itu menyaksikan peningkatan kira-kira 20% dalam bilangan majikan yang menawarkan pelbagai peluang pekerjaan sepenuh masa dan fleksibel kepada lebih daripada 300 wanita yang telah meninggalkan pekerjaan atas pelbagai faktor. Majikan-majikan ini termasuklah Kumpulan UEM, Maybank, BASF, Astro dan Experian yang mewakili kebanyakan sektor penting dan utama dalam negara.

“Pada tahun 2017, 650 wanita mengambil bahagian dalam CCP dan 195 daripada mereka telahpun kembali bekerja.”

Menyedari bahawa bakat wanita tertarik kepada syarikat yang menawarkan pengaturan kerja fleksibel (FWA) dan dasar mesra keluarga, TalentCorp menawarkan Geran Pengambilan Kerja (Resourcing Grant) yang diberikan kepada syarikat yang melaksanakan atau menambah baik program atau kempen untuk merekrut wanita yang ingin kembali bekerja. Di bawah geran ini, TalentCorp turut menyediakan dana sebanyak 75% daripada kos yang ditanggung untuk menjalankan program ini, tertakluk kepada had maksima RM100,000.

Sehingga kini, 72 syarikat telah memohon Geran Pengekalan Kerja (Retention Grant) dan satu syarikat telah memohon Geran Pengambilan Kerja (Resourcing Grant). Sehingga November 2017, lebih 60 syarikat di Malaysia telah melaksanakan FWA sejak TalentCorp melancarkan usahanya untuk mempromosikan FWA.

Satu lagi pemangkin untuk memudahkan wanita kembali bekerja ialah penyediaan perkhidmatan pengasuhan anak yang berkualiti di tempat kerja. Dahulu, TASKA yang berada melebihi aras dua sesebuah bangunan tinggi perlu mendapat kelulusan bergantung kepada kes. Pengusaha sektor swasta juga sering menggunakan kos yang tinggi sebagai alasan untuk tidak membuka TASKA di tingkat yang lebih rendah, manakala menubuhkan pusat tersebut di tingkat yang lebih tinggi melibatkan proses yang rumit untuk mendapatkan kelulusan.

Dalam hal ini, PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, JPBD) di bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan mencadangkan pindaan kepada garis panduan penubuhan TASKA, termasuk tadika dan taman asuhan kanak-kanak. Pindaan yang membenarkan TASKA ditubuhkan di Tingkat 1 hingga Tingkat 5 bangunan telah diluluskan oleh Kabinet pada 21 Jun 2017 dan seterusnya dibentangkan kepada Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan pada 10 Julai 2017.

Pada masa hadapan, JPBD akan menggabungkan garis panduan pindaan yang baharu untuk dijadikan satu dokumen dan membentangkannya kepada pihak berkuasa tempatan untuk kelulusan dan pelaksanaan.

Maybank: Memperkasa Tenaga Kerja Wanita

Malayan Banking Berhad (Maybank) dikenali di peringkat nasional dan global sebagai majikan yang menggalakkan kepelbagaian gender, integrasi hidup dan kerja serta penyediaan persekitaran kerja yang baik untuk pekerja yang bergelar ibu atau bapa. Pencapaian ini adalah hasil inovatif inisiatif “People Transformation” yang dilaksanakan oleh Maybank pada tahun 2009.

Nora Abdul Manaf, iaitu Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan di Maybank, telah berkerja di Maybank sejak 2008. Beliau menyatakan bahawa pekerja wanita di Maybank telah mencatatkan skor penglibatan 85% dalam kajian penglibatan yang dijalankan ke atas tenaga kerjanya pada tahun 2017, berbanding 82% pada tahun 2014. “Tahap keterlibatan ini setanding dengan tahap prestasi tinggi global dan skor tersebut menunjukkan bahawa kami telah berjaya mengubah cara kerja pekerja kami untuk menghasilkan persekitaran yang inklusif, adil dan memperkasa bagi bakat kami dari latar belakang berbeza untuk berkembang. Perneriksaan wanita adalah amalan perniagaan yang beretika, bertanggungjawab, kritikal dan adil. Usaha yang berterusan diperlukan bagi memastikan transformasi yang mampan, dan kami komited untuk mencapai matlamat ini,” tambah beliau.

Sejak tahun 2009, Maybank telah mengambil pelbagai inisiatif untuk menggalakkan kesaksamaan gender di tempat kerja. Maybank telah memperkenalkan dasar berasaskan meritokrasi iaitu “Diversity and Inclusion Policy” untuk mentadbir urus amalan dan aktiviti penggajiannya dan dengan jelas melarang sebarang bentuk diskriminasi atau gangguan. Selain itu, Maybank juga telah menguatkuasakan pelbagai platform komunikasi dan penglibatan sejajar dengan usaha menggalakkan kesaksamaan gender, termasuklah dialog Conversation Series, mesyuarat dan jerayawara (roadshow) yang menampilkan pihak pengurusan tertinggi, saluran Ask Senior Management, sambutan Hari Wanita Sedunia dan program-program lain.

Pekerja wanita senior juga diberikan kursus profesional di institusi-institusi seperti Harvard, Cambridge dan INSEAD untuk mengasah bakat kepimpinan dan memastikan mereka sentiasa mengikuti pembangunan masa kini. 45% daripada peserta program “Transitioning Leaders to CEO” Maybank juga adalah wanita. Selain itu, Maybank turut menubuhkan Majlis Mentor Wanita

Maybank pada tahun 2014 untuk menyokong usaha-usaha membangunkan bakat wanita. Majlis tersebut telah memadankan lebih 100 wanita dalam usaha membentuk mereka menjadi pemimpin yang efektif melalui program pementorannya.

“Intervensi yang telah kami laksanakan secara sistematik ini membuka peluang kepada ramai wanita untuk membangun dengan cara memperluas cita-cita, potensi dan kebolehan profesional dan peribadi. Wanita membentuk 55% tenaga kerja kami dan perwakilan wanita dalam pengurusan juga telah meningkat dari 38% pada tahun 2009 kepada 45% pada tahun 2017. Bilangan wanita dalam pengurusan tertinggi juga telah meningkat dari 15.68% pada tahun 2009, kepada 30% pada tahun 2017,” ujar Nora.



Nora Abdul Manaf, Ketua Pegawai Modal Insan Kumpulan di Maybank.



Maybank menyambut Hari Wanita Sedunia setiap tahun.

Nora mengakui bahawa perwakilan kaum wanita dalam industri perbankan global masih kurang. “Di Maybank, kami berusaha untuk mencipta persekitaran kerja yang kurang halangan bagi wanita, dan kami juga sedang membina pelapis pemimpin wanita melalui pelbagai inisiatif khusus. Semua inisiatif ini diselia dan diawasi di semua peringkat bagi menangani cabaran yang dihadapi dengan sebaiknya.”

Beliau berharap pada masa akan datang, lebih ramai majikan di Malaysia akan mengambil inisiatif untuk membina persekitaran kerja yang inklusif dan memperkasa untuk wanita, selain menggalakkan penglibatan wanita dalam kepimpinan di tempat kerja. “Usaha ini akan mewujudkan impak yang menggalakkan dalam keterangkuman, selain memberi peluang untuk bakat wanita berjaya dalam kerjaya, tanpa mengabaikan keseimbangan kerjaya dan kehidupan.”

Sementara itu, dalam usaha untuk menambah bilangan penjaga kanak-kanak yang berkelayakan, Kursus Asuhan Permata (KAP) yang direka khusus untuk membolehkan penjaga kanak-kanak memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian telah diperluas kepada calon-calon Program Latihan Khidmat Negara (PLKN). Pada tahun 2017, 201 calon telah dilatih dan 180 calon lagi telah menyatakan minat untuk menjalani latihan tersebut.

KAP versi atas talian yang dijalankan melalui Massive Open Online Course (MOCC) telah dilancarkan pada 8 Ogos 2017 adalah sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan akses kepada KAP. Program atas talian ini memerlukan peserta menjalani pembelajaran atas talian selama 23 minggu dan melaksanakan kerja kursus amali selama satu minggu di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

Inisiatif-inisiatif di atas telah menyumbang kepada kadar penyertaan tenaga buruh wanita yang membanggakan, iaitu 54.6% pada tahun 2017 (setakat suku ketiga) berbanding dengan 54.3% pada tahun 2016.

PELANTIKAN WANITA BERKELAYAKAN DALAM JAWATAN UTAMA PEMBUAT KEPUTUSAN DALAM SEKTOR SWASTA

Pada tahun 2011, YAB Perdana Menteri mengumumkan buat kali pertama aspirasi negara untuk wanita mewakili sekurang-kurangnya 30% Ahli Lembaga Pengarah untuk memastikan penyertaan wanita dalam tenaga kerja secara inklusif menjelang tahun 2020. Inisiatif ini merupakan inisiatif utama di bawah prinsip Rising. Pada tahun 2017, beliau menyatakan hasrat untuk mengumumkan nama-nama syarikat tersenarai awam yang tidak mempunyai wanita selaku Ahli Lembaga Pengarah mulai tahun 2018. Dalam ucapan Bajet 2018, YAB Perdana Menteri juga telah mengumumkan bahawa mulai hujung tahun 2018, Syarikat Berkaitan Kerajaan (*Government-linked Companies*, GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan Persekutuan (*Government-linked Investment Companies*, GLIC) perlu mempunyai sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Pada April 2017, Suruhanjaya Sekuriti telah melancarkan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia (Malaysian Code of Corporate Governance, MCCG) yang menyatakan syarikat senaraian awam dengan permodalan pasaran bernilai RM2 bilion atau lebih perlu mengaplikasikan amalan terbaik yang mengkehendaki 30% daripada Ahli Lembaga Pengarah mereka terdiri daripada wanita. Jika

gagal berbuat demikian, mereka dikehendaki memberi penjelasan dan garis masa untuk pembetulan dalam Laporan Tahunan mereka. Bursa Malaysia kini mengambil langkah tambahan dengan menjadikan penambahbaikan dalam MCCG ini sebagai keperluan untuk penyenaian syarikat awam.

“Peratusan pengarah wanita dalam semua syarikat senaraian awam ialah 13.3%, manakala peratusan pengarah wanita dalam 100 syarikat senaraian awam teratas berada pada 19.2%.”

Sehingga kini, peratusan pengarah wanita dalam semua syarikat senaraian awam ialah 13.3%, manakala peratusan pengarah wanita dalam 100 syarikat senaraian awam teratas berada pada 19.2%. Angka-angka ini amat menggalakkan memandangkan peratusan pengarah wanita di semua syarikat senaraian awam hanyalah 7.5% pada tahun 2008, manakala peratusan di 100 syarikat senaraian awam teratas ialah 13.2% pada tahun 2014. Pencapaian ini dimudah cara dengan penglibatan 30% Club, iaitu organisasi yang mempromosikan kesedaran tentang kepelbagaian gender dalam kalangan Ahli Lembaga Pengarah, dan Institut Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) bagi Memperkasa Wanita Malaysia (NAM Institute for the Empowerment of Women Malaysia, NIEW), yang menguruskan latihan dan menyediakan daftar calon Ahli Lembaga Pengarah wanita yang berpotensi di bawah KPWK.

Pada tahun 2017, 30% Club menjalankan empat sesi Meja Bulat Bersama Pemimpin Perniagaan sebagai sebahagian daripada Skim Pementoran Lembaga Pengarah dengan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah daripada lebih 50% daripada 100 syarikat senaraian awam teratas, seperti Petronas Holdings, Boustead, Top Glove, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, RHB Insurance Bhd, PLUS Bhd dan Telekom Malaysia. Hasilnya, 29 syarikat senaraian awam telah mendapatkan bantuan daripada 30% Club bagi calon Ahli Lembaga Pengarah wanita mereka.

Dengan usaha NIEW, seramai 1,051 wanita telah menghadiri Program Latihan Pengarah Wanita (Women Directors Training Programme, WDP) antara tahun 2012 hingga Disember 2017. Sehingga Disember 2017, 74 Alumni WDP telah ditempatkan di lembaga pengarah syarikat senaraian awam.



TINJAUAN MASA HADAPAN ▶▶

Dalam usaha mencapai status negara berpendapatan tinggi menjelang 2020, SRI Pembangunan Modal Insan (HCD) merupakan salah satu pemboleh utama untuk mencapai 35% tenaga kerja berkemahiran untuk memenuhi keperluan kemahiran tenaga kerja dalam semua sektor ekonomi utama. Usaha ini memerlukan kerjasama penuh daripada sektor awam dan swasta. KSM dengan itu akan terus melibatkan pihak berkepentingan dalam semua bidang fokus untuk merealisasikan aspirasi portfolio SRI ini menjelang tahun 2020.

Ternyata bahawa penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan jawatan pembuat keputusan penting untuk menyumbang kepada 35% tenaga kerja berkemahiran, lantas mengurangkan isu aliran keluar kepakaran (brain drain) dan menambah baik amalan perniagaan. Oleh itu, KPWKM akan terus bekerjasama dengan pihak berkepentingan bagi membolehkan lebih ramai wanita berada dalam tenaga kerja dengan akses yang sama rata untuk memainkan peranan sebagai pembuat keputusan utama.



PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI

**MENINGKATKAN DAYA
SAING GLOBAL MALAYSIA**

**YB DATO' SERI HAMZAH ZAINUDIN**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan

Antara misi utama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) adalah untuk menggerakkan sektor domestik utama ke arah berdaya saing, progresif dan mampan, seterusnya merangsang ekonomi domestik berasaskan persaingan adil dan inovatif serta membangunkan ekosistem perdagangan yang beretika dan menjaga kepentingan pengguna.

Undang-undang persaingan di negara ini memainkan peranan yang penting dalam mencapai matlamat ini dengan memastikan persaingan yang kondusif dan sihat di dalam negara.

Dengan proses persaingan yang sihat, pengguna akan dapat menikmati lebih banyak pilihan, harga yang kompetitif serta barangan dan perkhidmatan yang lebih berkualiti. Ekonomi negara pada keseluruhannya pula akan mendapat manfaat yang positif hasil daripada peningkatan produktiviti dan pengagihan sumber yang

lebih cekap. Menurut World Economic Forum's Global Competitiveness Report 2017-2018, Malaysia berada di tangga ke-23 dalam kalangan 137 negara dari segi daya saing global. Laporan tersebut juga menyatakan bahawa Malaysia merupakan peneraju ekonomi di rantau ini, mendahului China yang berada di tangga ke-27.

Saya yakin bahawa Suruhanjaya Persaingan Malaysia (Malaysia Competition Commission, MyCC) akan terus berusaha untuk melaksanakan rejim persaingan yang berkesan untuk menyokong persekitaran mesra perniagaan demi meningkatkan daya saing Malaysia di peringkat global. MyCC telah mengubah persekitaran perniagaan dengan mengubah peraturan perniagaan ke arah yang lebih baik.





YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED MADIUS TANGAU

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi

Standard memainkan peranan yang penting untuk membantu perusahaan-perusahaan, tanpa mengira saiz dan sektor, untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan menembusi pasaran baharu. Keperluan untuk mematuhi standard, serta kos yang terlibat, sering dipersoalkan kerana pada pandangan para peniaga, pematuhan standard merupakan kos kepada perniagaan dan bukannya suatu pelaburan. Lantas, standard tidak dijadikan suatu keutamaan. Syarikat-syarikat perlu menyedari bahawa pematuhan standard dapat meningkatkan keyakinan para pelanggan terhadap keselamatan, kebolehpercayaan dan kualiti sesuatu produk. Ia juga membantu untuk mengurangkan kos operasi, meningkatkan pulangan serta menambah daya saing.

Standard juga telah dikenal pasti sebagai pemangkin penting dalam memastikan daya saing syarikat-syarikat Malaysia di pentas global. Bilangan pensijilan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) digunakan sebagai petunjuk Indeks Inovasi Global (Global Innovation Index, GII). Menurut laporan 2017 GII, Malaysia berada pada kedudukan ke-26 daripada 127 buah negara bagi pensijilan QMS dan pada kedudukan ke-35 bagi pensijilan EMS. Berdasarkan pencapaian terkini, bilangan pensijilan yang telah dikeluarkan melonjak sebanyak 19% dan kedudukan GII Malaysia dijangka akan bertambah baik pada tahun 2018. Ini merupakan bukti bahawa industri-industri kini menerapkan standard dalam amalan perniagaan teras.

Selain itu, para pengguna juga perlu meningkatkan permintaan terhadap produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan menepati standard agar dapat mengubah sikap para pengeluar terhadap pematuhan standard. Standard perlu dilihat sebagai wadah bagi melindungi keselamatan dan kesihatan rakyat serta persekitaran. Kini, lebih banyak standard dilaksanakan merentasi pelbagai produk, antaranya tayar, reka bentuk bangunan,

cermin gelap dan peralatan taman permainan kanak-kanak. Standard berimpak tinggi seperti Reka Bentuk Struktur untuk Rintangan Gempa, Sistem Pengurusan Anti Rasuah, amalan terbaik dalam pertanian dan spesifikasi untuk madu kelulut dan kaedah pengesanan DNA untuk pensijilan halal telah dibangunkan pada tahun 2017. Setakat akhir 2017, 5,331 standard tempatan telah disediakan untuk perusahaan dan pengguna, dan 510 daripada standard-standard tersebut akan diwajibkan.

Kita menghadapi pelbagai cabaran termasuklah urbanisasi yang pesat, mandat pemodenan dan tekanan untuk membuat penjimatan. Oleh itu, adalah menjadi matlamat SRI ini agar standard terus menjadi tunjang pembangunan negara kita, selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11. Standard akan menjadi asas ekosistem ekonomi kita bermula dari pembuatan, pembangunan, penggunaan, akses kepada pasaran serta penghapusan halangan teknikal dalam perdagangan. Kita berazam untuk menjadikan standard Malaysia suatu simbol bagi kualiti produk dan perkhidmatan Malaysia.



YB DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri

Misi kita untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 disokong oleh beberapa langkah penting di bawah SRI ini. SRI ini merupakan sebahagian daripada langkah-langkah berkaitan polisi yang disyorkan di bawah Model Ekonomi Baru untuk Malaysia Bahagian 1 – Hala Tuju Dasar Strategik yang diterbitkan oleh Majlis Penasihat Ekonomi Negara. Langkah ini memberi fokus kepada keperluan untuk terus memajukan sektor perkhidmatan tempatan dengan memacu tahap daya saing kita melalui penglibatan pelaburan asing yang lebih tinggi. Liberalisasi sesebuah sektor perlulah berjalan secara progresif dan perlindungan yang berlebihan haruslah dihentikan secara beransur-ansur.

Pelan Induk Sektor Perkhidmatan (Services Sector Blueprint, SSB) yang dilancarkan pada tahun 2015 bertujuan untuk menyokong pasaran domestik dan menyediakan hala tuju dasar untuk pembangunan sektor perkhidmatan Malaysia. SSB juga direka khusus untuk menyokong dan bergerak seiring dengan program-program Kerajaan yang sedia ada, termasuk Rancangan Malaysia ke-11. Oleh itu, sektor perkhidmatan terus menjadi tunjang utama ekonomi, dan akan terus menjadi antara penyumbang terbesar kepada pendapatan negara kita sehingga tahun 2020 dan tahun-tahun seterusnya.

Kita harus terus merangka dan mempertingkatkan langkah-langkah strategik dan hala tuju dasar dalam menghadapi cabaran-cabaran ekonomi yang kian berubah, agar potensi ekonomi negara dan kepelbagaianannya dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Kerumitan seperti kekurangan tenaga kerja mahir serta kekangan pengawalseliaan yang masih wujud dalam struktur tadbir urus negara perlu ditangani secara pragmatik dan menyeluruh, sejajar dengan NTP.

Dalam mengejar matlamat kita untuk menjadi ekonomi yang paling berdaya saing di rantau ini, usaha mesti diperkukuh untuk mempercepat pertumbuhan eksport bagi sektor barangan dan perkhidmatan. Produktiviti yang lebih tinggi dan nilai tambah bagi semua segmen sasaran dalam industri negara juga perlu dipertingkatkan. Sektor perkhidmatan menawarkan peluang yang luas dengan potensi pertumbuhan yang tinggi dalam tahun-tahun yang akan datang, dan pemain-pemain industri perkhidmatan negara perlu merebut peluang-peluang yang tersedia ini. Kerajaan sentiasa berazam untuk terus memainkan peranan penting dalam memudah cara dan menambah baik prospek pelaburan. Kami akan terus menyediakan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan, sejajar dengan visi untuk menjadikan Malaysia sebuah destinasi pelaburan yang ulung.

MEMUPUK BUDAYA PERSAINGAN

Sebagai sebuah badan penguat kuasa, MyCC berusaha keras untuk memupuk budaya persaingan di Malaysia. Sepanjang tahun 2017, MyCC telah mencapai beberapa kejayaan melalui aktiviti penguatkuasaan, advokasi, kajian semula pasaran, pembinaan kapasiti dan perkongsian pengetahuan dalam usaha menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih berdaya saing di peringkat global.

Antara tindakan yang diambil oleh MyCC termasuklah Keputusan Cadangan terhadap Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan 22 ahlinya pada 22 Februari 2017 kerana melanggar Seksyen 4(2)(a) Akta Persaingan 2010 (CA 2010) di mana mereka didapati terlibat dalam perjanjian anti-persaingan untuk menetapkan diskaun perdagangan dan kadar buruh sejam bagi bengkel-bengkel di bawah Skim Bengkel Pembaikan Diluluskan PIAM ("PARS"). MyCC telah mencadangkan beberapa tindakan, termasuk penalti kewangan terhadap 22 syarikat insurans am tersebut.

“MyCC turut menjalankan aktiviti advokasi dan kajian pasaran yang melibatkan sektor awam dan swasta bagi meningkatkan kesedaran tentang persaingan dan kajian pasaran untuk mengenal pasti jika berlakunya pelanggaran undang-undang persaingan dalam industri.”

Pada 27 Februari 2017, Tribunal Rayuan Persaingan (Competition Appeal Tribunal, CAT) telah menetapkan rayuan Prompt Dynamics Sdn Bhd yang telah melanggar Seksyen 4(2)(a) CA 2010 dan seterusnya mengenakan denda sebanyak RM152,042 kerana terlibat dalam aktiviti kartel harga. Selain Prompt Dynamics Sdn Bhd, MyCC turut menyiasat dan mendenda empat syarikat lain yang terlibat dalam aktiviti kartel harga. Kelima-lima syarikat tersebut dikenakan denda berjumlah RM645,000.

Berikutan Keputusan Cadangan MyCC terhadap My E.G. Services Berhad (MyEG) atas kesalahan melanggar Seksyen 10(2)(d)(iii) CA 2010 kerana menyalah guna kedudukan dominannya, MyEG telah membuat rayuan

kepada CAT pada Julai 2016. Pada 28 Disember 2017, CAT telah menolak rayuan MyEG dan My E.G. Commerce Sdn Bhd (MyEG Commerce) berhubung keputusan MyCC dengan denda berjumlah RM6,412,200.

Selain itu, MyCC juga telah memanjangkan tempoh pengecualian blok bagi perjanjian perkapalan berhubung dengan Perjanjian Perkongsian Kapal (Vessel Sharing Agreements, VSA) dan Perjanjian Perbincangan Sukarela (Voluntary Discussion Agreements, VDA) yang bermula pada 7 Julai 2017 bagi tempoh dua tahun. Permohonan pembaharuan pengecualian blok telah diserahkan oleh Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA) dan Persatuan Pengusaha-pengusaha Perkapalan Malaysia (SAM) pada 6 Mac 2017. Sebelum itu, MyCC telah memberikan pengecualian blok selama tiga tahun bagi perjanjian perkapalan, yang telah tamat tempoh pada 6 Julai 2017.

Dalam menerajui undang-undang persaingan di Malaysia, MyCC terus menjadi tunggak Jawatankuasa Khas Persaingan yang ditubuhkan pada tahun 2011. Ahli jawatankuasa tersebut terdiri daripada pelbagai pengawal selia sektor yang membincangkan isu-isu berkenaan undang-undang dan dasar persaingan, selain memastikan ketekalan dalam pelaksanaan CA 2010 dan undang-undang yang berkaitan. Jawatankuasa tersebut telah bersidang pada bulan Julai dan Disember 2017 untuk membincangkan pelbagai isu merentasi sektor. Bagi meningkatkan kesedaran tentang undang-undang persaingan, MyCC turut menjalankan aktiviti advokasi dan kajian pasaran yang melibatkan sektor awam dan swasta bagi mengenal pasti jika berlakunya pelanggaran undang-undang persaingan dalam industri. Sejak penubuhannya, MyCC telah menganjurkan lebih 200 program advokasi untuk sektor awam dan swasta di seluruh negara.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran dalam kalangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia, MyCC telah melancarkan Sistem e-Pembelajaran berkenaan Program Pematuan Persaingan bagi PKS pada bulan Mac 2017. Satu kursus pengenalan telah direka khusus untuk memperkenalkan CA 2010 kepada mereka yang memiliki dan/atau bekerja dalam PKS untuk membantu mereka mematuhi keperluan Akta tersebut. Matlamat utama Sistem e-Pembelajaran tersebut adalah untuk digunakan sebagai alat pembelajaran bagi semua PKS dan berfungsi sebagai portal sehati untuk mendapatkan maklumat tentang CA 2010, terutamanya tentang pematuan persaingan.

Susulan kejayaan Pertandingan Mahkamah Moot berkenaan Undang-undang Persaingan yang julung-julung kali diadakan pada tahun 2016, MyCC menganjurkan Pertandingan Mahkamah Moot berkenaan Undang-undang Persaingan kali ke-2 di Kuliah Undang-undang



Pertandingan Mahkamah Moot berkenaan Undand-undang Persaingan kali ke-2 diadakan di Kuliah Undang-undang Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Ahmad Ibrahim (AIKOL), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Kuala Lumpur pada 28 hingga 29 Oktober 2017. Pertandingan kedua ini telah menarik minat tujuh pasukan daripada universiti-universiti di seluruh Malaysia, dan dimenangi oleh Universiti Malaya. Pertandingan ini bertujuan untuk mempromosikan CA 2010 dalam kalangan pelajar universiti, sejajar dengan matlamat untuk mewujudkan kumpulan pakar dalam bidang persaingan pada masa hadapan di Malaysia.

Selain itu, MyCC turut menganjurkan dua persidangan antarabangsa, iaitu Persidangan Persaingan Malaysia 2017 pada 6 hingga 7 Mac 2017 yang berfungsi sebagai platform untuk pendedahan yang lebih mendalam tentang dasar persaingan dan Persidangan Persaingan ASEAN kali ke-7 pada 8 hingga 9 Mac 2017 yang memberi fokus kepada pembangunan dasar dan undang-undang persaingan di negara-negara ASEAN sepanjang dekad yang lalu, menilai keutamaan bagi agensi-agensi persaingan yang baru ditubuhkan dalam landskap ASEAN yang penuh persaingan, memahami cabaran yang dihadapi dalam perkembangan teknologi baharu, dan bagaimana kerjasama serantau dapat diperkukuh untuk menggalakkan ASEAN agar menjadi lebih kuat dan berdaya saing.

MyCC telah menyempurnakan dua kajian semula pasaran ke atas sektor farmaseutikal dan bahan binaan bangunan dalam industri pembinaan di Malaysia di bawah CA

2010. Kajian semula tersebut dijalankan dalam usaha memahami pasaran industri pembinaan dan mengenal pasti sebarang kelakuan anti-persaingan dalam penghasilan bahan binaan utama, serta menilai amalan dan peraturan industri sedia ada yang membataskan persaingan dan menyebabkan beban pengawalseliaan yang tidak sepatutnya. MyCC juga sedang dalam proses memuktamadkan garis panduan baharu bagi penggunaan hak harta intelektual di bawah CA 2010.

Perjalanan Malaysia dalam perundangan berkaitan persaingan masih jauh. Isu-isu dalam bidang ini adalah rumit dan bersifat teknikal, penguatkuasaan undang-undang persaingan adalah mencabar, mahupun di negara-negara yang mempunyai sistem perundangan yang kukuh. MyCC perlu mempertingkatkan kapasitinya dari segi kepakaran ekonomi dan undang-undang memandangkan bidang tersebut diperlukan dalam pengesanan dan penyiasatan kes berkenaan persaingan. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, MyCC tetap bertekad untuk melaksanakan mandatnya dengan cekap dan berkesan.

MEMASTIKAN BARANGAN DAN PERKHIDMATAN MALAYSIA MENEPATI STANDARD BERTARAF DUNIA

Menghasilkan lebih banyak produk berkualiti

Inisiatif Standard di bawah SRI ini telah menyumbang kepada kesedaran yang lebih tinggi di kalangan entiti perniagaan tentang keperluan pensijilan bagi produk mereka. Hal ini adalah kerana pensijilan telah menjadi prasyarat bagi eksport yang memudahkan pemasaran produk Malaysia, serta membolehkan pemain industri tempatan menikmati akses pasaran yang lebih baik. Peningkatan kesedaran dan pelaksanaan standard telah memungkinkan kecekapan dalam pengeluaran, terutamanya dalam sektor elektrik dan elektronik (E&E), makanan dan minuman (F&B), dan pertanian, di samping meningkatkan sumbangan KDNK dengan ketara daripada sektor-sektor tersebut (E&E - 0.02%, F&B - 0.26% dan pertanian - 0.06%).

“Peningkatan kesedaran dan pelaksanaan standard telah memungkinkan kecekapan dalam pengeluaran.”

Pelancaran program pensijilan baharu, iaitu Minyak Sawit Mampan Malaysia (Malaysian Sustainable Palm Oil, MSPO) (pematuhan kepada MS 2530:2013), turut menyumbang kepada penghasilan lebih banyak produk berkualiti tinggi. Sehingga kini, 210 ladang kelapa sawit telah dianugerahkan pensijilan MSPO. Dalam usaha menjenamakan minyak sawit tempatan sebagai produk yang dihasilkan secara mampan dan selamat, maka Kerajaan - melalui Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) - akan mewajibkan pensijilan MSPO kepada semua ladang kelapa sawit menjelang akhir tahun 2019. Bagi mempertahankan kebolehpercayaan pensijilan MSPO, Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia (MPOCC) dengan kerjasama Standards Malaysia telah membangunkan program pengiktirafan yang menekankan tiga tunjang kemampanan iaitu daya maju ekonomi, kebolehterimaan sosial dan keutuhan alam sekitar.

Peluasan standard dalam sektor perkhidmatan

Standards Malaysia telah menjalin kerjasama yang erat dengan industri perkhidmatan untuk menggalakkan pelaksanaan standard dalam pelbagai subsektor perkhidmatan. Sebagai contoh, Standards Malaysia telah bekerjasama dengan Persatuan Kontraktor Perkhidmatan Pencucian Malaysia untuk mempromosikan standard perkhidmatan pencucian MS ISO 2550:2014 - Cleaning Performance for Commercial & Public Buildings untuk diterima pakai oleh industri perkhidmatan pencucian. Standard ini mengambil kira amalan terbaik dalam pengurusan serta kesihatan dan kebersihan. Kontraktor-kontraktor pencucian di bawah Persatuan tersebut seperti Industrial & Commercial Cleaning Sdn Bhd, Q-Services Sdn Bhd dan Juwara Trading & Resources Sdn Bhd telah menawarkan diri untuk mempelopori projek rintis menggunakan standard ini. Universiti Teknologi MARA (UiTM) Raub, UiTM Shah Alam, Boustead Curve Sdn Bhd dan Express Rail Link (ERL) Sdn Bhd telah membenarkan kemudahan mereka untuk digunakan dalam projek rintis ini.

Sementara itu, Majlis Selam Skuba Rekreasi Kebangsaan di bawah Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia (MOTAC) telah mempelawa Standards Malaysia untuk memberi nasihat profesional dari perspektif pematuhan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengendali selam skuba dan entiti perniagaan lain yang berkaitan dengan selam skuba mengenai kepentingan mematuhi standard. Antara standard yang ditetapkan untuk industri penyelaman termasuklah MS ISO 11121:2011 - Recreational Diving Service yang menetapkan keperluan minimum bagi organisasi yang menawarkan latihan pengenalan pengalaman skuba kepada peserta yang tidak mahir dalam persekitaran perairan lepas.

Standards Malaysia juga telah memulakan program dengan MOTAC untuk meningkatkan tahap perkhidmatan pengusaha pelancongan pengembaraan di Taman Negara Pahang. Bagi tujuan ini, Standards Malaysia telah menandatangani MoU dengan Persatuan Kembara & Persahabatan Alam Tropika Malaysia (Malaysian Tropical Environment Adventure & Fellowship Society, MyLEAF) untuk mempercepat pembangunan skim pensijilan bagi pelancongan pengembaraan, agar standard kualiti minimum dipatuhi oleh pengusaha. Selain aspek keselamatan, skim ini merangkumi aspek pemeliharaan, pemuliharaan dan pengekalan habitat semula jadi.

Memastikan kualiti dan keselamatan makanan

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan program Makanan Selamat Tanggungjawab Industri



(MeSTI) dengan matlamat untuk mewujudkan sistem bagi kebersihan makanan dan kawalan proses termasuk jaminan keselamatan makanan dan kebolehesaan makanan. Sasarannya adalah untuk sekurang-kurangnya 50%, atau 3,874 daripada 7,749 premis pengeluaran makanan didaftarkan dengan KKM dan menerima pensijilan MeSTI, termasuk pembaharuan MeSTI. Sejak pengenalan MeSTI pada tahun 2012, 3,895 premis telah mendapat pensijilan dan menjelang tahun 2021, semua premis pengeluaran makanan akan dikehendaki mendapatkan pensijilan berdasarkan keperluan KKM.

Program Perkongsian Pintar yang menyaksikan kerjasama antara KKM dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk menyediakan latihan tentang modul MeSTI kepada pelajar pelatih telah diperluas untuk melibatkan 127 pelajar daripada Institut Teknologi Kimia & Biokejuruteraan Malaysia Universiti Kuala Lumpur (UniKL MICET) di Melaka, dan 94 pelajar daripada Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) di Pahang. Para pensyarah UPM, UniKL dan POLISAS turut menerima latihan yang berkaitan dengan pensijilan MeSTI.

Di bawah Program Pembangunan Pembekal Lestari (Sustainable Supplier Development Programme, SSDP), KKM telah bekerjasama dengan lima pasar raya besar di Malaysia untuk meningkatkan keselamatan makanan di sepanjang rantai bekalan. Selain itu, KKM telah menjalin kerjasama dengan Tesco untuk mewajibkan pembekal hasil tani segar Tesco mempunyai pensijilan MeSTI, dan keperluan ini akan diperluas kepada pembekal produk Tesco yang lain. KKM turut bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) untuk mewajibkan program jaminan keselamatan makanan seperti pensijilan MeSTI kepada syarikat yang memohon pensijilan halal.

Pensijilan MeSTI akan diperluas untuk merangkumi pasar raya besar dan pasar raya hiper seperti AEON, Mydin, Giant dan 99 Speedmart. KKM juga bekerjasama dengan pengilang makanan seperti kilang pemprosesan durian, kilang pembungkusan sarang burung, pengeluar madu dan lain-lain untuk memperluas dan memperkenalkan manfaat pensijilan MeSTI.

Dalam usaha untuk mempromosikan MeSTI dan mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam tentang pensijilan, banyak aktiviti dan kempen promosi berskala besar dijalankan sepanjang tahun melalui media sosial, media elektronik dan media cetak, selain beberapa platform interaksi setempat yang lain.

Sementara itu, standard Amalan Pertanian Baik versi Malaysia, iaitu myGAP, telah memperlihatkan CAGR sebanyak 37% bagi pensijilan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran, CAGR sebanyak 130% bagi ladang ternakan akuakultur serta 14% untuk bilangan ladang/premis ternakan sejak pengenalannya pada tahun 2011. Bilangan kumulatif ladang yang diiktiraf oleh myGAP meningkat sebanyak 451% dari 1,378 ladang pada tahun 2011 kepada 6,226 ladang pada tahun 2017. Pencapaian ini boleh dikaitkan dengan peningkatan kesedaran, akses pasaran dan insentif pembiayaan kepada petani untuk menaik taraf kemudahan mereka dan memenuhi keperluan pensijilan myGAP.

Walau bagaimanapun, permintaan bagi hasil tani masih rendah dalam pasaran domestik. Oleh itu, bagi mewujudkan permintaan bagi hasil tani yang diperakui, kerjasama dengan pasar raya dan kedai runcit adalah diperlukan. Selain itu, peningkatan penguatkuasaan oleh agensi pelaksana, serta pemahaman yang lebih baik dalam



Premis pengeluaran makanan Serantau Desa Industries, Kuala Lumpur yang mendapat pensijilan MeSTI.

kalangan pengguna tentang keperluan pensijilan akan membantu proses meningkatkan permintaan bagi hasil tani yang diperakui.

Pada masa ini, pensijilan myGAP dibuat secara sukarela, di mana pengauditan dan pensijilan ladang adalah terserah kepada budi bicara para petani. Ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang diperakukan oleh Jabatan Pertanian (DOA) untuk pensijilan myGAP terdiri daripada ladang-ladang kecil sahaja yang mencakup hanya 2%, atau 22,877 hektar, daripada jumlah tanah ladang di Malaysia. Oleh yang demikian, masih terdapat banyak ladang-ladang yang lebih besar yang wajar memohon pensijilan myGAP. Untuk memantapkan lagi standard bagi hasil tani, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) turut memperuntukkan dana untuk membantu para petani menaik taraf sistem penyimpanan, kumbahan, pengumpulan dan lain-lain kemudahan. Selain menyediakan pembiayaan, Jabatan-jabatan Pertanian, Perikanan dan Sains Veterinar turut menyokong usaha MOA melalui program penglibatan, termasuk program bina upaya ke arah pematuhan myGAP.

Pensijilan myGAP juga mula mendapat pengiktirafan negara-negara jiran, dan telah dijadikan pra-syarat bagi kemasukan sayur-sayuran dan buah-buahan ke negara Indonesia dan Brunei Darussalam. Indonesia telah mula menguatkuasa syarat tersebut pada bulan Februari 2016, manakala di Brunei, syarat tersebut mula berkuatkuasa pada tahun 2017 dan bakal dikuatkuasa sepenuhnya mulai Januari 2018.

MOA melihat peningkatan permintaan domestik terhadap myGAP sebagai komponen penting dalam menggalakkan petani untuk mendapatkan pensijilan. Buat masa ini, tidak terdapat sebarang pembezaan harga di antara produk

yang telah diperakukan dengan myGAP, dan produk yang tidak diperakukan. Oleh itu, usaha mendidik pasaran domestik untuk mendapatkan produk diperakukan yang berkualiti, selamat dan dihasilkan melalui kaedah yang mengambil kira faktor kemampanan akan menjadi keutamaan yang tinggi, selain mewujudkan satu lagi peringkat bagi penawaran produk. Sepertimana KKM dalam usahanya untuk mempromosikan pensijilan MeSTI, MOA juga akan bekerjasama dengan pasar raya besar, kedai istimewa (specialty stores) dan pasar raya untuk mewujudkan permintaan bagi hasil tani yang diperakukan.

“Pensijilan myGAP mula mendapat pengiktirafan negara-negara jiran, dan telah dijadikan pra-syarat bagi kemasukan sayur-sayuran dan buah-buahan ke negara Indonesia dan Brunei Darussalam.”

Menambah baik standard alam sekitar

Program MyHIJAU merupakan inisiatif di bawah Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) yang bermatlamat untuk membangunkan keupayaan dan kemahiran pihak industri bagi menghasilkan lebih banyak produk dan perkhidmatan hijau yang berdaya saing di pasaran tempatan dan antarabangsa. Program ini juga sekaligus menggalakkan pembelian barangan dan perkhidmatan yang memenuhi piawaian alam sekitar. Program MyHIJAU merangkumi inisiatif



Ladang Ngee Teck Huat Farming Sdn Bhd di Johor yang mendapat pensijilan myGAP.



MyHIJAU Mark dan MyHIJAU Direktori, di mana kedua-duanya diwujudkan untuk menyelaraskan dan memantau semua inisiatif berkaitan pelabelan hijau sedia ada, serta memantapkan aktiviti promosi dan pengumpulan maklumat pelabelan hijau yang pada masa ini dilaksanakan oleh pelbagai agensi. Penyelarasan ini bertujuan untuk memberikan penjelasan dan mengelakkan sebarang kekeliruan ke atas pelbagai label hijau yang tidak diiktiraf di pasaran. Sehingga Disember 2017, sebanyak 2,319 produk tempatan baharu yang terdiri daripada alat-alat seperti penyaman udara, televisyen, peti sejuk dan produk pengguna seperti bahan pencuci terbiodegradasi (biodegradable detergents) telah mendapat pensijilan hijau di bawah MyHIJAU.

Selain itu, Program Pembangunan PKS & Keusahawanan yang merupakan salah satu sub-program di bawah MyHijau turut dilaksanakan untuk mempromosi dan meningkatkan kesedaran tentang program pensijilan hijau, serta menyediakan bantuan dan khidmat nasihat kepada usahawan tempatan dalam menggalakkan syarikat mendapatkan pensijilan hijau. Sehingga Disember 2017, sebanyak 423 syarikat telah menyertai program pembangunan keusahawanan ini.

Pada tahun 2017, pelaksanaan inisiatif Perolehan Hijau Kerajaan (Government Green Procurement, GGP) telah diperluaskan kepada semua 25 Kementerian dan agensi Kerajaan. Di bawah bajet pembangunan Rancangan Malaysia Ke-11 bagi tempoh tahun 2016–2017, sebanyak RM4.88 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan program pembangunan industri teknologi hijau dan perolehan hijau. Secara keseluruhan, pelaksanaan program ini melibatkan pembangunan kapasiti pegawai-pegawai perolehan dalam melaksanakan GGP, serta program khidmat bimbingan kepada PKS bagi menggalakkan penyesuaian teknologi dan amalan hijau dalam operasi syarikat. Selain itu, program ini juga mempromosi dan memudahkan cara pendaftaran MyHIJAU Mark bagi entiti perniagaan yang menghasilkan produk dan perkhidmatan hijau.

Sehingga kini, inisiatif GGP yang dilaksanakan melibatkan 20 kumpulan produk terpilih yang dijadikan sebagai salah satu kriteria penilaian dalam mekanisme Penarafan Bintang untuk agensi awam oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU). Garis Panduan GGP yang melibatkan 20 kumpulan produk tersebut telah dibangunkan berdasarkan prosedur perolehan Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), standard kebangsaan dan ekolabel yang berkaitan. Pada tahun 2016, nilai GGP yang direkodkan melibatkan 12 Kementerian terpilih berjumlah RM130 juta.

Beberapa isu dan cabaran perlu diambil kira dalam usaha untuk menambah baik standard alam sekitar di Malaysia.

Produk dan barangan mesra alam dianggap lebih mahal berikutan implikasi kos permulaan yang tinggi dalam mengeluarkan produk hijau. Hal ini mengakibatkan pembekal merasa bimbang terutamanya dengan wujudnya persaingan daripada produk dan perkhidmatan tradisional atau bukan hijau sedia ada yang lebih murah dan mudah didapati di pasaran. Selain itu, kekurangan pengetahuan dan kesedaran tentang kepentingan produk hijau dalam kalangan masyarakat juga merupakan salah satu faktor pasaran produk hijau kurang mendapat sambutan.

Dalam hal ini, pihak Kerajaan perlu meneliti langkah-langkah yang perlu diambil untuk menangani isu-isu tersebut. Langkah pertama adalah dengan mewujudkan dan meningkatkan kesedaran bahawa agenda hijau merupakan satu pelaburan jangka panjang yang lestari. Selain itu, insentif dan bantuan kepada industri perlu disediakan untuk menggalakkan industri menyesuaikan teknologi hijau dan amalan hijau dalam pengoperasian syarikat. Strategi yang dilaksanakan juga harus meliputi pengukuhan sistem pelabelan dan pensijilan hijau sedia ada. Pada masa yang sama, pihak Kerajaan juga perlu memberi perhatian kepada pematuan peraturan perolehan dalam sektor awam dan swasta.

“Sehingga Disember 2017, sebanyak 2,319 produk tempatan baharu yang terdiri daripada alat-alat seperti penyaman udara, televisyen, peti sejuk dan produk pengguna seperti bahan pencuci terbiodegradasi telah mendapat pensijilan hijau di bawah MyHIJAU.”

Pelaksanaan Elaun Cukai Pendapatan Hijau dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau wajar diteruskan untuk mewujudkan lebih banyak permintaan bagi produk hijau. Sehubungan dengan itu, KeTTHA terlibat dalam interaksi berterusan dengan pelbagai agensi yang menyediakan Skim Pensijilan Alam Sekitar di bawah program MyHIJAU. Tambahan pula, di bawah inisiatif ‘Penghijauan PKS’, pematuan piawaian dan kriteria mesra alam akan dimasukkan dalam semua program pembangunan PKS yang dianjurkan oleh Kementerian dan agensi Kerajaan. Di samping itu, penyelarasan pelan tindakan PKS ke arah pendekatan mesra alam akan dilaksanakan oleh Kementerian dan agensi dalam usaha untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau oleh sektor pembuatan dan perkhidmatan.

LIBERALISASI DAN PEMBAHARUAN MERANGSANG PELABURAN

Sejak tahun 2009, Malaysia telah melaksanakan dasar liberalisasi dan pembaharuan perniagaan secara progresif terhadap sektor perkhidmatannya untuk menarik lebih banyak pelaburan asing dan meningkatkan daya saing negara. Kerajaan juga menjalankan pembaharuan tadbir urus sektor yang menambah baik iklim perniagaan. Aktiviti-aktiviti dalam liberalisasi dan pembaharuan diteruskan dalam pelaksanaan NTP.

Pada Mac 2015, Kerajaan melancarkan Pelan Induk Sektor Perkhidmatan (SSB) untuk merancakkan lagi pelaburan dan aktiviti dalam sektor perkhidmatan. Pelan induk tersebut memberi fokus kepada sektor keutamaan, Pelan Transformasi Industri Pembinaan (Construction Industry Transformation Plan, CITP) serta Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan, sekali gus merintis jalan ke arah perubahan dalam komposisi sektor perkhidmatan untuk memperkukuh dan memanfaatkan hubungan antara sektor serta meningkatkan daya saing dan menjana pekerjaan berpendapatan tinggi.

“Beberapa insentif seperti Dana Eksport Perkhidmatan, Program Kerjasama Syarikat Besar-PKS, Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan dan GoEx telah diperkenalkan untuk menyokong dan memudahkan perkembangan eksport.”

SSB turut memberi fokus kepada tiga perubahan strategik, termasuk fokus kepada perkhidmatan berasaskan kepakaran (knowledge-intensive services), melaksanakan pembaharuan tadbir urus sektor bersepadu dan meningkatkan usaha pengantarabangsaan syarikat perkhidmatan tempatan. Pelan induk tersebut telah mengenal pasti cabaran yang dihadapi oleh sektor ini dan mencadangkan empat penggerak dasar, iaitu strategi pengantarabangsaan, insentif pelaburan, pembangunan modal insan dan pembaharuan tadbir urus sektor untuk dilaksanakan.

Strategi dan pelan tindakan telah dirumuskan bagi syarikat-syarikat tempatan untuk meningkatkan

eksport dan memperluas capaian mereka dalam pasaran antarabangsa. Beberapa insentif telah diperkenalkan untuk menyokong dan memudahkan perkembangan eksport, seperti Dana Eksport Perkhidmatan, Program Kerjasama Syarikat Besar-PKS, Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan dan GoEx. Program-program ini dirangka untuk menangani keperluan khusus bagi firma perkhidmatan sedia eksport, bukan hanya melalui peluang pembiayaan tetapi juga melalui sokongan lain seperti khidmat nasihat, penyelidikan pasaran dan promosi eksport. Program-program seperti Program Kerjasama Syarikat Besar-PKS turut menggalakkan perkongsian antara syarikat besar dengan PKS untuk menceburi projek di luar negara.

Keberkesanan insentif pelaburan boleh dipertingkatkan dengan penyelarasan dan pengurusan berpusat bagi pelbagai skim insentif, penumpuan kepada kualiti, ketelusan dan penilaian yang lebih menyeluruh bagi skim insentif masa kini dan akan datang. Pelaburan dalam bakat juga amat penting untuk memastikan kejayaan sektor perkhidmatan.

Selain tiga perubahan strategik tersebut, SSB mengesyorkan penubuhan Pejabat Penyelarasan dan Kerjasama Insentif (Incentive Coordination and Collaboration Office, ICCO), yang telah ditubuhkan oleh MIDA pada 15 April 2015. ICCO mengenal pasti jurang dan peluang penambahbaikan merentasi semua skim yang ditawarkan dan memastikan perhatian turut diberikan kepada segmen yang kurang menyerlah. MIDA mentadbir semua insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 (Promotion of Investment Act, PIA) dan insentif terpilih di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967. Sejajar dengan Akta Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) 1965, organisasi tersebut turut diberi mandat untuk menjadi pusat pengumpulan, rujukan dan penyebaran maklumat yang berkaitan dengan pelaburan merentas semua sektor ekonomi.

Pada dasarnya, ICCO menyantuni tiga kumpulan pihak berkepentingan utama, iaitu syarikat-syarikat asing dan tempatan yang berminat untuk memulakan operasi dan yang telah beroperasi di Malaysia, agensi-agensi yang mengurus insentif seperti MOSTI, MIDF, MDEC dan MATRADE, serta pihak berkuasa pemantauan insentif seperti EPU dan MOF.

Bagi fasa pertama pelaksanaan ICCO, MIDA telah membangunkan portal web interaktif yang kini menyimpan maklumat tentang 120 insentif oleh 31 Kementerian dan agensi Persekutuan. Bagi fasa kedua, ICCO akan bekerjasama dengan Kementerian dan agensi yang berkaitan untuk menyusun pangkalan data tentang syarikat-syarikat yang diberi insentif di bawah sistem pengurusan pangkalan data kelulusan berpusat untuk menambah baik penyelarasan dan pengurusan berpusat bagi penguntukan insentif.



Peningkatan kedudukan dalam laporan Doing Business

Kejayaan usaha-usaha yang dilaksanakan Kerajaan boleh diukur melalui kedudukan Malaysia di tangga ke-24 dalam laporan Doing Business 2018 oleh Bank Dunia, meletakkan negara kita di tempat kelima di Asia selepas Singapura, Korea Republik, Hong Kong SAR dan Taiwan. Antara pembaharuan positif yang diketengahkan termasuk aspek mendapatkan kredit, perdagangan rentas sempadan dan perlindungan kepentingan golongan minoriti. Malaysia turut meraih kedudukan ke-8 di dunia dari segi mendapatkan bekalan elektrik kerana kebolehan untuk membuat sambungan semula kepada grid dalam tempoh yang singkat (31 hari berbanding dengan 78 hari dalam kalangan ekonomi berpendapatan tinggi OECD), kestabilan bekalan, ketelusan tarif dan kos sambungan yang berpatutan.

“Malaysia menduduki tangga ke-25 dalam laporan Doing Business 2018 oleh Bank Dunia.”

Tambahan pula, dalam tempoh 15 tahun yang lepas, Malaysia telah melaksanakan 23 pembaharuan tadbir urus yang disasarkan untuk menambah baik peraturan perniagaan. Menurut Bank Dunia, bilangan ini adalah jauh lebih tinggi daripada purata 15 pembaharuan bagi setiap negara di rantau Asia Timur dan Pasifik. Selain itu, negara kita juga dinobatkan tempat ke-11 dalam petunjuk ‘berurusan dengan permit pembinaan’, dengan masa purata untuk mendapatkan permit perniagaan di Malaysia dalam 78 hari berbanding dengan purata global 158 hari.

Laporan tersebut turut mengetengahkan penubuhan pusat perkhidmatan sehenti oleh Kerajaan serta usaha memperkemas proses pendaftaran melalui pengenalan e-daftar untuk memudahkan pendaftaran perniagaan baharu. Langkah ini telah membantu untuk mengurangkan separuh masa yang diperlukan untuk mendaftarkan perniagaan baharu, daripada 37 hari pada 15 tahun yang lampau, kepada 18 hari pada masa ini, manakala kos telah dikurangkan daripada 33% pendapatan per kapita kepada 5% pada hari ini.

Laporan Doing Business 2018 turut mencadangkan beberapa penambahbaikan, termasuk pelaksanaan pembaharuan tadbir urus yang lebih konsisten dengan semua Kementerian dan agensi. Meskipun terdapat enam pembaharuan kawal selia dalam bidang Memulakan Perniagaan yang telah dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun ini, penambahbaikan selanjutnya dicadangkan untuk terus mempertingkatkan manfaat dan keberkesanan pembaharuan kawal selia kepada komuniti perniagaan.

Mengurangkan beban kawal selia yang tidak wajar

Usaha untuk memastikan persekitaran yang kondusif bagi perniagaan turut dijalankan oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), yang telah mengadakan satu siri kajian semula pengawalseliaan khusus dan membangunkan Dasar Negara bagi Pembangunan dan Pelaksanaan Peraturan (NPDIR) untuk membentuk amalan baik bagi proses pembaharuan. Pelaksanaan NPDIR termasuklah menjalankan rundingan mendalam dengan orang ramai dan penilaian kesan pengawalseliaan untuk memastikan perubahan pengawalseliaan baharu ini kukuh dan berkesan kepada orang ramai dan industri yang berkaitan di Malaysia.

Susulan usaha ini, antara peraturan yang telah dilonggarkan termasuklah permit pendaratan untuk penerbangan sewa (chartered flights). Sebelum usaha tersebut dijalankan, masa purata yang diambil untuk mendapatkan permit pendaratan adalah tujuh hari bagi penerbangan kargo dan 14 hari bagi penerbangan penumpang, berbanding dengan amalan terbaik antara dua hingga tiga hari. Usaha ini telah memendekkan masa pengeluaran Permit Pendaratan Penerbangan Sewa kepada tiga hari bagi penerbangan kargo dan penumpang, serta mengurangkan 70% daripada dokumen permohonan bagi syarikat penerbangan domestik dan 30% bagi syarikat penerbangan asing. Penambahbaikan ini akan membawa kesan yang besar dari segi merangsang perdagangan, memudahkan kecekapan perniagaan dan memacu pertumbuhan ekonomi selain turut menyumbang kepada matlamat yang lebih besar untuk mentransformasikan Malaysia menjadi gerbang logistik pilihan ke Asia.

Walaupun usaha pembaharuan tadbir urus dan pengawalseliaan dilakukan secara konsisten, beberapa penambahbaikan diperlukan untuk menyokong matlamat menambah baik lagi tahap kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia. Ini termasuklah keperluan untuk memantapkan pengetahuan tentang Amalan Baik Peraturan (GRP) dalam kalangan agensi Kerajaan untuk memperkukuh mekanisme rundingan awam dan tadbir urus demi memastikan pihak berkepentingan tidak terjejas apabila Kerajaan memperkenalkan dan meminda sebarang dasar atau peraturan. Kementerian dan agensi adalah digalakkan untuk menjalani Analisis Kesan Peraturan (Regulatory Impact Assessment, RIA) agar dapat mengurus keadaan yang mungkin timbul daripada proses kajian semula peraturan.

Mengukuhkan Jenama Malaysia dengan Meningkatkan Standard

Membina kepercayaan terhadap produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Malaysia sangat penting dalam usaha meningkatkan daya saing negara ini. Oleh itu, produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Malaysia haruslah mencapai standard yang tinggi, dan perlu dilihat dapat mencapai standard yang tinggi.

Standards Malaysia, sebuah jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab menetapkan standard untuk produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan di negara ini adalah salah satu penggerak utama SRI CSL. SRI ini dibangunkan untuk mewujudkan persekitaran dan budaya perniagaan yang cekap dan berdaya saing melalui penambahbaikan dan penerimaan standard-standard serta amalan-amalan terbaik.

Datuk Fadilah Baharin, Ketua Pengarah Standards Malaysia berkata, produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Malaysia perlu mematuhi standard yang tinggi kerana itu merupakan salah satu komponen yang penting dalam usaha mentransformasi negara menjadi sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. “Standard penting kerana melalui pencapaian standard yang tinggi, lebih banyak peluang akan terbuka untuk kita, pertumbuhan pasaran akan semakin cepat dan kepercayaan domestik dan antarabangsa terhadap produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan Malaysia akan meningkat.”

Standards Malaysia telah membangunkan lebih 6,000 standard merentasi 25 sektor, antaranya pensijilan Halal yang diberikan dan dikuatkuasakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Tahap kepercayaan, jualan dan kualiti yang lebih tinggi dapat dicapai oleh syarikat-syarikat di Malaysia melalui pelbagai usaha Kerajaan menguatkuasakan program-program pensijilan.

Sebagai contoh, susulan penerapan MS 1784 Good Agriculture Practice Crop Commodities (MyGAP) pada tahun 2004, sebuah syarikat dari Terengganu, GM Peladang Sdn Bhd yang mengusahakan ladang tembikai dan tomato menikmati peningkatan

keuntungan dari hanya RM3,870 pada tahun 2005 kepada RM124,567 kini. Keuntungan berlipat kali ganda ini jelas sekali dapat dikaitkan dengan pensijilan MyGAP yang membolehkan produk-produk GM Peladang diterima masuk ke pelbagai pasaraya hiper, pasar tani dan dapur hotel.

Penerapan standard yang dibangunkan oleh Standards Malaysia telah membantu sebuah firma sekuriti digital dari Kuala Lumpur, Securemetric Technology Sdn Bhd, menggandakan hasil importnya ke RM4.95 juta pada tahun 2014 berbanding RM2.4 juta pada tahun 2010. Securemetric mengguna pakai dua standard iaitu ISO 15408 – Common Criteria Evaluation Assurance dan ISO 9001 – Quality Management Systems. ISO 15408 membantu Securemetric mendapatkan kontrak-kontrak baharu dari sektor Kerajaan dan swasta yang sebelum ini syarikat tersebut tidak dapat perolehi.

Jabatan ini juga memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kesedaran tentang kepentingan standard kepada generasi-generasi yang akan datang. Bagi tujuan ini, Standards Malaysia bekerjasama dengan universiti-universiti untuk menjadikan pelajaran tentang standard sebahagian daripada sukatan pelajaran mereka. Jabatan ini turut bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan untuk menyebarkan pengetahuan mengenai standard kepada pelajar-pelajar sekolah rendah dan menengah. Usaha ini dilakukan melalui permainan dan pertandingan seperti National Standards Olympiad yang mana para pelajar perlu mempamerkan kreativiti, kemahiran menyelesaikan masalah dan kerjasama melalui aktiviti-aktiviti berkumpulan berdasarkan topik berkaitan standard seperti penghasilan prototaip.

Para pemenang National Standards Olympiad akan mewakili negara ke International Standards Olympiad. Dua buah sekolah dari Malaysia, Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Mutiara Rini 2, Johor dan Sekolah Menengah Kebangsaan Rantau Petronas, Terengganu, masing-masing telah memenangi pingat perak dan gangsa dalam pertandingan global yang diadakan di Yongin, Korea pada tahun 2017.

Standards Malaysia kini sedang berusaha untuk memperkenalkan penanda kualiti negara untuk membantu mengembangkan jenama Malaysia di peringkat global. “Dengan penanda kualiti negara ini, Malaysia akan melangkah lebih jauh,” kata Fadilah. “Kepercayaan terhadap produk-produk Malaysia akan meningkat dan produk-produk kita akan menjadi jenama pilihan di seluruh dunia.”



Datuk Fadilah Baharin,
Ketua Pengarah
Standards Malaysia.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

SRI Persaingan, Standard dan Liberalisasi telah membawa banyak kemajuan kepada negara dalam tempoh tujuh tahun yang lalu, termasuk peningkatan kesedaran tentang undang-undang persaingan, peningkatan standard bagi produk dan perkhidmatan tempatan, serta peralihan sektor perkhidmatan secara progresif untuk menjadi sektor yang lebih menekankan pengetahuan dan diterajui inovasi.

Demi menghasilkan rejim persaingan yang cekap di Malaysia, MyCC akan terus memainkan peranannya untuk melaksanakan dan menguatkuasa CA 2010 bagi memastikan budaya persaingan yang kondusif untuk para pengguna, perniagaan dan ekonomi Malaysia secara keseluruhan.

Sementara itu, fokus standard sentiasa diberikan pada usaha menggalakkan entiti perniagaan agar mendapatkan pensijilan untuk meningkatkan daya saing mereka, terutama sekali entiti yang ingin menembusi pasaran eksport. Walau bagaimanapun, keazaman untuk mendapatkan pensijilan masih lagi bergantung pada keperluan pasaran eksport, kerana produk yang diperakukan tidak mempunyai kelebihan harga berbanding dengan produk atau hasil tani yang tidak diperakukan. Lantaran itu, entiti perniagaan tempatan tidak merasai keperluan untuk mendapatkan pensijilan. Melangkah ke hadapan, Kerajaan perlu mempergiat usaha untuk meningkatkan permintaan terhadap produk yang diperakukan dalam kalangan pengguna domestik dan meningkatkan standard dalam negara demi mencapai penanda aras antarabangsa.

Dalam usaha liberalisasi sektor perkhidmatan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) akan menyelaraskan dan mengawas pelaksanaan SSB yang menggariskan 29 pelan tindakan merentas empat dasar utama: pengantarabangsaan firma perkhidmatan; pengurusan insentif pelaburan secara berkesan; pengukuhan pembangunan modal insan; dan pengukuhan penyepaduan tadbir urus sektor. Di samping itu, usaha berterusan perlu dilakukan oleh MPC untuk menilai Rangka Kerja Persekitaran Perniagaan, terutamanya dalam Mengurangkan Beban Kawal Selia yang Tidak Wajar bagi sektor-sektor perniagaan seperti sektor ICT, logistik dan perdagangan pengedaran demi meningkatkan tahap kemudahan menjalankan perniagaan di Malaysia.



MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN

**MELINDUNGI KESAMARATAAN
DALAM KEMAKMURAN**



YB DATUK SERI PANGLIMA ABDUL RAHMAN DAHLAN

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi

Dalam usaha meningkatkan keterangkuman menuju ke arah sebuah masyarakat yang saksama, Kerajaan terus meletakkan fokus dalam usaha menangani keperluan kumpulan sasar yang dikenal pasti, termasuk golongan Bumiputera. Sejak pelancaran Dasar Ekonomi Baharu (DEB) pada 1971, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menyokong agenda Bumiputera untuk meningkatkan taraf kehidupan dan mengurangkan ketidakseimbangan sosioekonomi. Kemiskinan dalam kalangan Bumiputera telah berkurang dari 64.8% pada tahun 1970 kepada 0.5% pada tahun 2016, dan purata pendapatan isi rumah kasar bulanan bagi Bumiputera telah meningkat dari RM172 pada tahun 1970 kepada RM6,267 pada tahun 2016.

Walaupun negara terus berkembang maju, penglibatan Bumiputera dalam ekonomi masih rendah. Oleh itu, usaha yang berterusan perlu bagi memastikan komuniti Bumiputera mendapat akses yang lebih saksama kepada peluang ekonomi. Dalam hal ini, Kerajaan melalui TERAJU telah menggerakkan dan menerajui pelaksanaan SRI Merapatkan Jurang Ketaksamaan (Narrowing Disparity SRI) dengan berpegang kepada “pembangunan saksama” sebagai prinsip utama dalam memastikan perancangan inklusif dan pertumbuhan ekonomi yang seimbang.

SRI ini telah merintis jalan ke arah pembangunan komuniti Bumiputera. Pelaksanaan Pelan Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera (Bumiputera Economic Transformation Roadmap, BETR) 1.0 pada tahun 2011 telah berjaya menangani isu asas yang dihadapi oleh komuniti Bumiputera secara tuntas dengan matlamat untuk memangkin kekayaan Bumiputera. Setakat ini hasilnya amat menggalakkan, dengan pewujudan peluang perniagaan, pekerjaan dan pendidikan untuk komuniti Bumiputera. Sehingga tahun 2017, sejumlah RM122.2 bilion peluang perniagaan telah diwujudkan untuk Bumiputera melalui inisiatif-inisiatif yang dijalankan di bawah BETR 1.0.

Pada 19 April 2017, YAB Perdana Menteri telah melancarkan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB) sebagai peluasan BETR 1.0. BETR 1.0 lebih tertumpu kepada penghasilan kekayaan, manakala fokus TKB adalah untuk meningkatkan kesejahteraan Bumiputera dalam semua aspek kehidupan. Majlis Ekonomi Bumiputera (MEB) memberi panduan berkaitan polisi dan inisiatif bagi melaksanakan TKB. Inisiatif-inisiatif TKB dituju untuk memberi penekanan khusus kepada wanita, belia dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak.

Kerajaan juga komited untuk membolehkan syarikat Bumiputera menembusi pasaran antarabangsa. Dalam hal ini, RM100 juta telah diperuntukkan kepada TERAJU untuk melaksanakan pelbagai program eksport untuk PKS Bumiputera. TERAJU International dilancarkan pada tahun 2017 untuk memainkan peranan sebagai pemudah cara bagi menghubungkan pengeksport Bumiputera ke arena global selain memperkukuhkan daya saing syarikat Bumiputera melalui pembinaan keupayaan yang merupakan perkara penting dalam pasaran antarabangsa.

Sambil kita melangkah ke hadapan, penekanan haruslah diletakkan pada transformasi penetapan minda Bumiputera untuk mengurangkan kebergantungan pada bantuan kewangan dan meningkatkan daya saing melalui pembangunan kapasiti dan keupayaan serta inovasi. Hanya dengan cara ini kita boleh meningkatkan kesejahteraan dalam kalangan Bumiputera dengan mampan.

MEMPERKASA MODAL INSAN

Pembangunan pendidikan dan penambahbaikan kemahiran adalah elemen penting untuk terus meningkatkan pemilikan kekayaan dan penglibatan komuniti Bumiputera dalam ekonomi. Dalam hal ini, Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) adalah badan yang telah diberi mandat untuk meningkatkan mutu, bilangan dan kerelevanan bakat Bumiputera selaras dengan usaha Kerajaan untuk memangkin pewujudan pekerjaan berkemahiran sejajar dengan transformasi Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi. Sebanyak RM419 juta telah diperuntukkan, melalui pembiayaan Kerajaan dan swasta bagi tiga program teras di bawah Yayasan Peneraju iaitu Peneraju Skil, Peneraju Profesional dan Peneraju Tunas. Selepas lebih lima tahun beroperasi, Yayasan Peneraju telah mendaftarkan 17,700 pelajar di bawah lebih 205 program intervensi. Daripada jumlah ini, 3,900 pelajar didaftarkan di bawah Peneraju Tunas, 10,300 pelajar di bawah Peneraju Skil dan 3,500 pelajar lagi didaftarkan di bawah Peneraju Profesional.

“Selepas lebih lima tahun beroperasi, Yayasan Peneraju telah mendaftarkan 17,700 pelajar di bawah lebih 150 program intervensi.”

Di samping menyediakan peluang pendidikan untuk masyarakat Bumiputera, Yayasan Peneraju juga memberi tumpuan kepada pemupukan disiplin yang lebih tinggi, etika, kesedaran diri dan sosial, selain memperkukuhkan kemahiran insani berkaitan kerja (*work-relevant soft skills*) dan menyediakan latihan semasa kerja agar para pelajar lebih bersedia untuk dunia pekerjaan. Keterlibatan yang lebih rapat dengan industri adalah untuk memastikan siswazah dilengkapi dengan kemahiran yang relevan. Pada masa hadapan, Yayasan Peneraju berhasrat untuk membangunkan dan melaksanakan program untuk bidang sasaran baharu yang memerlukan intervensi seperti pendidikan aliran agama, tenaga kerja untuk industri dan teknologi yang baharu serta menyediakan program yang khusus untuk kumpulan terpilih seperti Orang Asli, asnaf (penerima zakat) dan banduan.

Pada masa ini, sebilangan besar syarikat Bumiputera terlibat dalam projek bernilai rendah disebabkan



Program peningkatan keusahawanan oleh INSKEN.

oleh kepayaan dan kebolehan yang terhad. Dalam usaha untuk merangsang saiz dan kebolehan syarikat Bumiputera, INSKEN, sebuah unit di bawah TERAJU, memainkan peranan penting dalam membangunkan kepayaan syarikat Bumiputera dan memastikan syarikat-syarikat Bumiputera setanding dengan pesaing di pasaran. Sehingga tahun 2017, 325 syarikat telah mencatatkan peningkatan hasil minimum sebanyak 10%, melebihi sasaran 300 perniagaan sepanjang program INSKEN500. Keseluruhannya, 28,330 usahawan telah mendapat manfaat daripada 1,109 program INSKEN yang dilaksanakan di seluruh negara secara usaha sama dengan pelbagai entiti persekutuan dan negeri.

Dalam bidang korporat pula, INSKEN telah bekerjasama dengan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sabah (UPEN Sabah) untuk menjalankan Program Pembangunan Bakat Syarikat Berkaitan Kerajaan Sabah (Sabah GLC Talent Development Programme) yang bertujuan untuk membentuk modal insan dalam kalangan pemegang jawatan pengurusan kanan di Sabah. Individu-individu terpilih ditempatkan di syarikat berkaitan kerajaan (GLC) yang terpilih dan mereka dilatih selama enam bulan untuk memperoleh pemahaman yang lebih mendalam mengenai amalan terbaik dalam GLC. Program ini juga membolehkan pemindahan pengetahuan dan teknologi antara GLC berhubung pembangunan organisasi dan pelaksanaan dan penyampaian projek.

Sebagai Sekretariat untuk Program Pembangunan Bakat GLC, TalentCorp bertanggungjawab dalam pelaksanaan dan pemantauan program ini, termasuk mengatur strategi terbaik untuk membentuk bakat terulung, menetapkan kriteria pemilihan dan memadankan calon dengan GLC yang sesuai melalui penilaian profil. Pada September 2017, dua calon Program Pembangunan Bakat GLC Sabah telah memulakan latihan enam bulan mereka di dua buah GLC iaitu Khazanah Nasional Berhad dan TERAJU.



MERANGSANG EKONOMI BUMIPUTERA

Pada tahun 2017, peluang perniagaan bernilai RM80.47 bilion diwujudkan untuk syarikat Bumiputera melalui dua program pengantara – Dana Mudahcara dan program Carve-out & Compete. Melalui Dana Mudahcara, pelaburan swasta bernilai RM14.44 bilion telah dijana daripada kelulusan pembiayaan bernilai RM1.73 bilion untuk 455 syarikat dan 538 projek. Di bawah program Carve-out & Compete, dua projek dikenal pasti pada tahun 2017 – projek peluasan LRT3 dan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah – masing-masing menyediakan pakej kerja bernilai RM7.12 bilion dan RM3.9 bilion yang akan ditawarkan kepada syarikat Bumiputera. Sejak tahun 2012, sejumlah RM66.03 bilion nilai kontrak telah diusahakan untuk syarikat Bumiputera melalui program Carve-out & Compete.

Untuk meningkatkan penglibatan Bumiputera dalam projek infrastruktur mega, RM500 juta telah disediakan untuk kontraktor tempatan di bawah Program Pembiayaan Kontraktor Pan Borneo Highway (PPKPBH). Dana disediakan melalui kerjasama dengan SME Bank, RHB Islamic dan Credit Guarantee Corporation.

Sementara itu, bagi memastikan dana Kerajaan digunakan dengan cekap, TERAJU telah memperkenalkan penggunaan dana Kerajaan sebagai cagaran yang boleh dimanfaatkan oleh institusi kewangan untuk menyediakan pembiayaan kepada syarikat yang layak. Pembiayaan ini disediakan melalui program seperti Dana TeraS, Dana Pengembangan Perniagaan (Business Expansion Fund), Dana Ekuiti PKS Bumiputera (Bumiputera SME Equity Fund) dan Dana Teknologi Bumiputera (Bumiputera

Technology Fund). Hasilnya, daripada dana permulaan dari Kerajaan bernilai RM444 juta, syarikat-syarikat Bumiputera telah menerima RM1.62 bilion dalam bentuk pembiayaan, setara dengan pengganda pembiayaan 3.65 kali berbanding dengan sasaran tiga kali.

Walau bagaimanapun, kadar pemanfaatan dana didapati rendah dan syarikat-syarikat didapati kurang sedar tentang program-program yang sedia ada. Sebagai usaha untuk menangani cabaran ini, TERAJU sering bekerjasama dengan rakan pembiayaannya untuk melaksanakan program kesedaran.

Usaha di bawah BETR 1.0 juga termasuk meningkatkan ekuiti korporat Bumiputera melalui Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB). Pada tahun 2017, dua syarikat Bumiputera – GFM Services Bhd dan Serba Dinamik Holding Bhd – telah tersenarai di Bursa Malaysia pada bulan Januari dan Februari. Sejak itu, kedua-dua syarikat telah menyaksikan permodalan pasaran mereka meningkat melebihi 50%. Serba Dinamik, yang telah memperoleh RM2 bilion daripada tawaran awam awal (IPO) yang dilaksanakannya, telah menyaksikan permodalan pasarnya berkembang kepada RM4.3 bilion sehingga tahun 2017, manakala GFM Services memperoleh RM162.6 juta semasa IPO dan mencatatkan permodalan pasaran sebanyak RM214.1 juta pada tahun yang sama.

Usaha untuk memperkasa Bumiputera hendaklah diiktiraf sebagai agenda nasional. Demi memperluaskan capaiannya ke seluruh negara, TERAJU telah bekerjasama dengan berbilang agensi untuk mengagihkannya Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera (DPUB). Agensi yang terlibat termasuklah Lembaga Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC), Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA), Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA), Kementerian Pembangunan Perindustrian dan Usahawan Sarawak (MIED), Sedcovest Holdings Sdn Bhd (Sedcovest), sebuah agensi Kerajaan Negeri di Sabah, dan Yayasan Sabah. Dana berjumlah RM15 juta diperuntukkan bagi setiap koridor untuk digunakan sebagai dana usahawan, latihan dan penubuhan pusat inovasi komuniti, pembangunan infrastruktur dan pusat inkubator. Sejumlah RM110 juta telah disalurkan kepada para usahawan sejak tahun 2015. Sehingga kini, 11,488 usahawan telah mendapat manfaat daripada program-program di bawah DPUB yang dilaksanakan merentasi semua koridor.

Kerajaan terus bersikap inklusif dalam melaksanakan inisiatif untuk memperkasa Bumiputera dan telah merumuskan strategi untuk menaikkan taraf usahawan mikro Bumiputera. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dibangunkan untuk membantu mereka yang tergolong dalam segmen ini, terutama sekali usahawan mikro di koridor-koridor ekonomi dengan penekanan diberikan



YAB Tan Sri Datuk Seri Panglima Musa Aman melihat lakaran pelan pembangunan semula Anjung Usahawan Tanjung Lipat.

kepada Sabah dan Sarawak. Salah satu inisiatif tersebut termasuklah pembangunan semula Anjung Usahawan Tanjung Lipat dengan peruntukan RM13.5 juta melalui kerjasama dengan Sedcovest. Bangunan berkeluasan 51,130 kaki persegi itu dibina semula dan diberi wajah baharu dengan tujuan mewujudkan sebuah pusat perniagaan yang selesa dan terancang untuk usahawan Bumiputera dalam sektor makanan dan minuman, peruncitan dan perkhidmatan. Adalah diharapkan dengan pembangunan persekitaran perniagaan seperti ini, pembangunan di kawasan sekitarnya dan industri pelancongan di Kota Kinabalu akan lebih giat berkembang. Pembangunan semula Anjung Usahawan Tanjung Lipat bermula pada September 2017 dan disasarkan siap pada Disember 2018. Projek pembangunan semula ini akan memberi peluang perniagaan kepada 64 usahawan di sekitar kawasan tersebut dan dijangka akan mewujudkan 200 pekerjaan tambahan untuk penduduk setempat.

Usahawan Bumiputera yang muda, inovatif dan berdaya cipta serta syarikat permulaan juga diberi peluang untuk merealisasikan idea mereka melalui Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB). Sehingga Disember 2017, 201 pemenang telah dikenal pasti, melayakkan mereka untuk menerima peruntukan geran berjumlah RM79.8 juta melalui kerjasama dengan 10 agensi, iaitu Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), Perbadanan Usahawan Nasional Bhd (PUNB), Technology Park Malaysia, Malaysia Development Ventures, Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP), Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Cradle Fund, Bioeconomy Corporation, MyCreative Ventures dan Kumpulan Modal Perdana.

Kerajaan juga komited untuk membolehkan syarikat Bumiputera menembusi pasaran antarabangsa. Sehubungan dengan itu, RM100 juta telah diperuntukkan untuk melaksanakan pelbagai program eksport untuk PKS Bumiputera. Selaras dengan ini, TERAJU melancarkan TERAJU International pada tahun 2017 yang memainkan peranan sebagai pemudah cara untuk pengeksport Bumiputera melalui pelbagai program dan menghubungkan mereka dengan arena global dengan tujuan untuk memperkukuhkan daya saing mereka dalam pasaran antarabangsa.

Program Inisiatif Bumiputera dalam Globalisasi (Bumiputera Initiative for Globalisation, BIG) dan Dana Pembiayaan Bumiputera (Bumiputera Frontier Financing, BFF) adalah dua program utama di bawah TERAJU International, dengan peruntukan RM50 juta bagi setiap program. BIG merupakan kerjasama antara TERAJU dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Malaysia External Trade Development Corporation, MATRADE) untuk membantu syarikat

yang sudah bersedia untuk mengeksport dan syarikat yang mempunyai produk yang berdaya saing dan mampu menembusi pasaran antarabangsa. Program ini menetapkan sasaran untuk membentuk lima peneraju global dan 10 peneraju serantau dalam pelbagai sektor.

“TERAJU melancarkan TERAJU International pada tahun 2017 untuk memainkan peranan sebagai pemudah cara untuk pengeksport Bumiputera melalui pelbagai program dan menghubungkan mereka dengan arena global.”

Sementara itu, BFF merupakan usaha sama antara TERAJU dan EXIM Bank yang menyediakan kemudahan pembiayaan modal kerja dan perbelanjaan modal kepada pengeksport bagi eksport tidak langsung serta kontrak, projek, atau pelaburan luar negara. Menggunakan dana dari TERAJU sebagai cagaran, EXIM Bank dapat menyediakan kemudahan pembiayaan sebanyak RM150 juta yang membolehkan pengeksport menikmati kadar pembiayaan bersubsidi yang lebih murah, pengurangan dalam keperluan cagaran untuk pembiayaan dan akses kepada produk pembiayaan rentas sempadan bagi mengambil kesempatan ke atas peluang perniagaan baharu.

Untuk meneruskan agenda Bumiputera ini, Unit Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (UPEB) telah ditubuhkan dalam setiap Kementerian untuk memacu dan menerajui pelaksanaan agenda Bumiputera pada peringkat Kementerian. Kementerian-Kementerian ini perlu menjalankan inisiatif yang menggalakkan agenda Bumiputera dengan penunjuk prestasi utama (KPI) yang dilaporkan kepada MEB dua kali setahun bagi memastikan semua sasaran dicapai.

HALA TUJU EKONOMI BUMIPUTERA 2.0

Pada April 2017, Makmal Sindikasi BETR 2.0 diadakan dan dihadiri oleh lebih 600 wakil dari pihak Kementerian, agensi, usahawan, syarikat berkaitan kerajaan (GLC), syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dan NGO. Sejumlah 46 inisiatif diperoleh daripada makmal sindikasi ini, yang membuka jalan untuk YAB Perdana Menteri



memperkenalkan Transformasi Kesejahteraan Bumiputera (TKB). Matlamat TKB adalah untuk memperkenalkan prinsip-prinsip dasar yang akan memperkukuhkan agenda Bumiputera sepanjang 10 tahun yang akan datang, sambil menumpukan perhatian kepada program-program dan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun yang akan datang - bermula tahun 2017 sehingga tahun 2021.

Program-program dan inisiatif-inisiatif TKB akan berpandukan prinsip-prinsip dasar yang berikut:

1. Pendapatan sebagai hala tuju sebenar (*true north*) – memperoleh pendapatan purata bulanan RM5,000 untuk Bumiputera dalam lima tahun yang akan datang, merangkumi pendapatan daripada gaji dan bukan gaji.
2. Menggunakan kisah kejayaan sebagai model contoh – gabungan usaha menambah baik program yang sedia ada untuk membuatnya mudah direplika, serta melengkapkannya dengan inisiatif baharu.
3. Menggabungkan sumber kewangan awam dan swasta bagi melahirkan kesan yang lebih besar – menambah pembiayaan untuk golongan B40.
4. Rasionalisasi sistem penyampaian – memastikan manfaat diagihkan dalam kalangan Bumiputera berdasarkan keperluan dan dengan cara yang saksama berlandaskan latar belakang sosioekonomi dan jantina; syarikat Bumiputera yang berada dalam sektor keutamaan diberikan liputan mencukupi.
5. Dasar mesra syarikat Bumiputera mikro dan kecil – TERAJU akan bekerja sama dengan organisasi Kerajaan utama serta GLC bagi mempelopori dasar mesra syarikat Bumiputera mikro dan kecil dalam aspek perolehan dan projek.
6. Penekanan terhadap pemerkasaan wanita.
7. Belia Malaysia dan kesediaan untuk teknologi berdaya ubah – program-program seperti SUPERB untuk generasi muda perlu diteruskan dan dipertingkatkan agar negara bersedia untuk inovasi akan datang yang mencetus perubahan (*game-changing*).
8. Agenda Bumiputera perlu ditanamkan dalam aktiviti arus perdana di Kementerian-Kementerian dan agensi.

Pendekatan yang diambil oleh TKB untuk transformasi Bumiputera adalah untuk memperjuangkan rakyat dengan matlamat untuk meningkatkan status Bumiputera. Pendekatan ini berteraskan lima bidang: menaikkan taraf syarikat Bumiputera, memperkasa modal insan, meningkatkan daya saing Bumiputera, membolehkan mobiliti sosial dan memastikan bahawa transformasi Bumiputera adalah menyeluruh dan tuntas.



Sesi sindikasi makmal BETR 2.0 yang diadakan pada April 2017.

MELAKSANAKAN AGENDA BUMIPUTERA PADA SKALA NASIONAL

Program-program di bawah TERAJU telah menyaksikan berbilang kejayaan dan banyak syarikat serta ramai individu Bumiputera telah berjaya meningkatkan pendapatan dan kualiti kehidupan hasil daripada kesan positif program yang dijalankan. Oleh itu, dalam usaha untuk memastikan kemampanan penambahbaikan ini, TERAJU terus menggalakkan syarikat Bumiputera yang besar dan berjaya untuk mengguna pakai dasar atau rangka program seperti Carve-out & Compete atau melaksanakan program pembangunan vendor mereka sendiri.

Menyahut arahan Kerajaan yang berkuatkuasa pada 1 Ogos 2017 bahawa mana-mana syarikat yang menerima perolehan atau kontrak daripada Kerajaan dikehendaki menyediakan latihan untuk pelatih Skim Latihan 1Malaysia (SL1M) dengan memperuntukkan bajet sebanyak 1% daripada nilai perolehan/ atau kontrak untuk program SL1M, syarikat yang telah menerima dana daripada Kerajaan akan memainkan peranan mereka dalam mengatasi isu pengangguran dan pembangunan modal insan dengan mengambil pelatih SL1M. Ini akan membantu menangani isu pengangguran selain mewujudkan peluang untuk pembangunan kemahiran dalam kalangan belia.

Membangunkan Bidang Horologi di Malaysia

Horologi ialah kajian dan pengukuran masa serta seni penghasilan peralatan jam yang sinonim dengan minat dan pengkhususan warga Switzerland. Walaupun bidang horologi masih agak asing di Malaysia, seorang individu dan pasukannya ingin mengubah kenyataan ini.

“MASA Horlogerie ialah sebuah syarikat pembuat jam tangan istimewa yang diasaskan di Malaysia,” kata Dr. Ahmad Syahid Mohd. Fadzil. “Syarikat yang ditubuhkan pada 31 Ogos 2015 ini merupakan syarikat Bumiputera Malaysia tunggal yang terlibat dalam perniagaan jam tangan mewah buatan Switzerland yang berkualiti tinggi dan eksklusif. MASA Horlogerie mendapat inspirasi daripada warisan dan kesenian pembuatan jam tangan Switzerland yang menjadi pujian ramai, serta keindahan dan kekayaan warisan budaya Malaysia.”

Doktor perubatan yang menggelar dirinya sebagai ‘pengamal horologi, pereka, pembuat jam tangan dan usahawan’ ini ialah salah seorang pemenang program Skim Permulaan Usahawan Bumiputera (SUPERB) yang dilaksanakan di bawah naungan TERAJU dan Jabatan Perdana Menteri. Program ini memberikan geran dan dana untuk membantu syarikat-syarikat permulaan yang diterajui usahawan Bumiputera yang memiliki idea-idea perniagaan yang inovatif dan kreatif.

Cemerlang dengan SUPERB

“Secara jujur, saya menyertai program SUPERB kerana ingin menimba pengetahuan keusahawanan profesional, bukan untuk menang,” kata Dr. Ahmad Syahid, seorang graduan Universiti Malaya. “Pengalaman yang saya perolehi daripada program ini sangat berharga! Saya berpeluang mempelajari tentang ekosistem perniagaan permulaan di Malaysia, bertemu peneraju-peneraju industri dan meraih pengetahuan serta bimbingan daripada jurulatih-jurulatih berpengalaman, mentor-mentor dan peserta-peserta lain.”

Budaya tempatan, produk antarabangsa

Dr. Ahmad Syahid sangat berminat untuk merapatkan jurang perniagaan dan pengetahuan di antara Malaysia dan Switzerland dalam bidang horologi dan pada masa yang sama menonjolkan warisan Malaysia yang unik. Jam-jam istimewa dari MASA Horlogerie yang menerapkan ‘Horologi Warisan™’ mendapat sambutan di peringkat domestik dan antarabangsa.



Dr. Ahmad Syahid Mohd. Fadzil, pengasas MASA Horlogerie.

Syarikat ini sedang dalam proses menghasilkan jam-jam bertemakan sejarah seperti siri “Kerabat I” dengan jarum jam “Keris Lok 9” dan muka jam “Songket Bunga Pecah 8” yang pertama di dunia. MASA Horlogerie juga berjaya membangunkan sebuah label sartorial/fesyen eksklusif di bawah jenamanya iaitu MONT/OPHIR™ yang menampilkan nama klasik Gunung Ledang dan kisah legenda emasnya.


“SUPERB bukan sahaja memberikan bantuan kewangan, tetapi apa yang lebih penting, program ini menyediakan platform kepada MASA Horlogerie untuk memantapkan perniagaan, (serta) rangkaian sosial, sesi-sesi pemerkasaan usahawan, dan pementoran secara peribadi dan bertumpu. Melalui program ini juga, kami berpeluang untuk menyumbang semula kepada masyarakat, menzahirkan penghargaan tertinggi kepada negara, budaya dan semangat patriotik melalui horologi,” kata pengasas tersebut. “Program SUPERB telah membuka jalan untuk saya menerokai kebolehan serta potensi diri dalam bidang keusahawanan.”



Perancangan untuk masa hadapan

Dr. Ahmad Syahid percaya bahawa penting untuk kita menyumbang semula kepada masyarakat. Pasukannya kini sedang membangunkan sebuah sukatan pelajaran dan bahan-bahan pembelajaran untuk menggalakkan rakyat Malaysia menyertai pergerakan horologi tempatan. Syarikat ini melatih kakitangan dan pekerja-pekerja pelatuhnya dalam pentadbiran perniagaan antarabangsa, perniagaan horologi serta aspek-aspek teknikal asas dalam pembuatan jam buatan Switzerland. Selain itu, syarikat ini juga bercadang untuk menubuhkan sebuah institut horologi kebangsaan dan sebuah “Switzerland mini” yang bertemakan pelancongan horologi di Malaysia, yang pertama seumpamanya di Asia. Institut ini akan menempatkan sebuah institut pembuatan jam tangan, makmal sumber dan pusat latihan.

Dr. Ahmad Syahid yang memiliki semangat keusahawanan yang tinggi mempunyai perancangan yang besar untuk MASA Horlogerie. “Kami berharap agar dapat membina fasiliti pembuatan jam yang diiktiraf di Malaysia sebelum tahun 2020 untuk mendidik dan melatih bakat-bakat di negara ini dalam bidang horologi. Pada tahun 2018, kami akan mempertingkatkan pengalaman dan sokongan pelanggan dengan pembukaan sebuah galeri yang lebih besar dan sebuah fasiliti pembuatan jam bersebelahannya yang kami gelar “Montres MASA”.



Proses mereka bentuk jam tangan bersama pakar dari Switzerland.

Kepada mereka yang bercita-cita untuk menjadi usahawan yang berjaya, Dr. Ahmad Syahid berkongsi nasihat berikut: “Pengetahuan, ketabahan dan minat yang mendalam amat diperlukan untuk berjaya dalam apa jua bidang atau kerjaya, kerana nilai-nilai ini adalah motivasi yang paling penting. Apabila anda berminat dengan sesuatu yang anda percaya dengan sepenuh hati, anda akan berusaha mencari penyelesaian untuk setiap masalah yang dihadapi. Pengetahuan anda mestilah luas dan janganlah berhenti mengumpul ilmu.”



Jam tangan yang dihasilkan oleh MASA Horlogerie.

DPUB Membantu Perkembangan Perniagaan Usahawan Bumiputera di ECER

Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera atau DPUB yang dihasilkan untuk menangani masalah akses kepada dana dan kekurangan modal yang dihadapi oleh golongan Bumiputera telah menerima sambutan yang sangat baik; dan merupakan program yang paling diminati oleh usahawan-usahawan Bumiputera di Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region, ECER).

En. Mohd Suhaimi Ab Aziz, pengurus projek program pembangunan keusahawanan dalam Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (East Coast Economic Region Development Council, ECERDC) telah terlibat dalam DPUB sejak program tersebut dimulakan. “Saya terlibat dengan kerja-kerja merancang dan merangka polisi, memilih aktiviti, merancang bajet, menghasilkan SOP, serta aktiviti promosi dan kesedaran. Kini, saya menguruskan keseluruhan pelaksanaan program DPUB,” jelas beliau.

Sebagai sebahagian daripada usaha sama strategik bersama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU) sejak bulan Ogos 2015, DPUB mensasarkan untuk membantu PKS Bumiputera di ECER mengembangkan perniagaan mereka melalui empat inisiatif; pinjaman mudah untuk perusahaan mikro, bantuan peralatan perniagaan, geran pembayaran balik untuk pelabur-pelabur Bumiputera dalam taman-taman perindustrian dan dana pembangunan untuk petani-petani kontrak.

“Secara purata, usahawan-usahawan yang menerima bantuan DPUB berjaya meningkatkan jualan sebanyak 30% selepas hanya enam bulan.”

“Strategi kami adalah untuk mengenal pasti usahawan-usahawan Bumiputera yang mempunyai potensi, kemudian menggalakkan perkembangan organik serta meningkatkan daya saing mereka. Kami juga mengambil kira industri-industri yang kurang mendapat perhatian seperti perkhidmatan penjagaan selepas bersalin dan pengedar-pengedar hasil tani dari rumah, yang mungkin tidak dipertimbangkan untuk pinjaman daripada institusi-institusi kewangan komersial,” jelas Suhaimi.

Setakat bulan Disember 2017, DPUB telah membantu 1,630 orang usahawan ECER yang mana 95% daripada mereka mempunyai keuntungan tahunan di bawah RM300,000 dan 70% daripada usahawan tersebut terlibat dalam industri makanan dan minuman (food and beverages, F&B). “Secara purata, usahawan-usahawan yang menerima bantuan DPUB berjaya meningkatkan jualan sebanyak 30% selepas hanya enam bulan; ada di antara mereka, terutamanya dalam bidang F&B, berjaya meningkatkan jualan sehingga lebih daripada 50%,” tambah En. Suhaimi.

Beliau juga menyatakan bahawa transformasi perniagaan bukan sahaja meningkatkan kualiti hidup mereka, tetapi juga mencipta lebih banyak peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan. “Data kaji selidik kami menunjukkan bahawa secara purata, setiap usahawan telah mencipta tiga peluang pekerjaan baharu; di mana semuanya diisi oleh rakyat tempatan.”

Suhaimi percaya bahawa DPUB serta program-program pembangunan sumber manusia dan keusahawanan yang telah dilaksanakan sejak tahun 2009 telah berjaya merapatkan jurang ekonomi di negara ini, terutamanya di ECER. “Inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kerajaan ini telah memberi manfaat kepada kira-kira 11% keseluruhan isi rumah di ECER, dan ini sangat penting memandangkan 97% daripada mereka adalah dari kumpulan B40, dan lebih 85% daripada mereka adalah Bumiputera.”

Namun, beliau juga percaya bahawa Kerajaan perlu menggalakkan penerimaan teknologi dalam kalangan usahawan-usahawan Bumiputera. “Revolusi Industri Keempat bukan sekadar satu konsep. Revolusi ini akan memacu pertumbuhan industri. Kita perlu mengubah corak pemikiran dan persepsi para usahawan agar mereka dapat melihat bahawa teknologi dan automasi sebenarnya mengurangkan kos melalui pendigitalan operasi perniagaan dan peningkatan kecekapan. Oleh itu, Kerajaan perlu menetapkan kriteria-kriteria khusus berkaitan penggunaan automasi industri atau ICT dalam memilih usahawan-usahawan Bumiputera yang layak untuk program-program bantuan kewangan.”



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Pada masa hadapan, TERAJU berhasrat untuk menjadi Pusat Kecemerlangan bagi usahawan Bumiputera yang berperanan untuk membangunkan, mempelopori dan menggunakan program mudah direplika dalam sektor awam dan juga sektor swasta demi meningkatkan usahawan Bumiputera. Program di bawah TERAJU akan juga dipersiapkan untuk bersifat lebih holistik dan terangkum, selari dengan hasrat TKB untuk memperbaiki kesejahteraan komuniti Bumiputera. Penekanan juga akan diletakkan pada pembangunan wanita dan belia.

Selari dengan perkembangan program-program Bumiputera, akan wujud juga keperluan untuk menyelaras dan mentransformasi program pada peringkat Kementerian yang mana amalan terbaik dalam program TERAJU boleh diguna pakai untuk mengurangkan pembaziran dan meningkatkan kecekapan dalam penggunaan sumber.

TERAJU mensasarkan untuk melancarkan Indeks TKB (Bumiputera Well-Being Index) pada Mei 2018. Indeks ini akan diguna pakai untuk mengukur pencapaian dan keberkesanan pelaksanaan dasar-dasar Bumiputera. Penilaian ini amat penting dalam memastikan kualiti program yang dijalankan dan mengenal pasti aspek-aspek yang perlu ditambah baik agar hasil yang positif dijana secara berterusan.



PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM

**MEMPERKUKUH
KEMAMPAHAN KEDUDUKAN
FISKAL NEGARA**



YB DATUK SERI JOHARI ABDUL GHANI
Menteri Kewangan II

Tumpuan SRI Pembaharuan Kewangan Awam adalah untuk memastikan Kerajaan berhemat dalam membelanja dan pada masa yang sama meningkatkan hasil negara untuk mencapai kedudukan fiskal yang mampan. Pada masa-masa tertentu, langkah-langkah yang sukar adalah perlu dalam melaksanakan pembaharuan kewangan Kerajaan secara berstruktur dan berdisiplin.

Dua hasil utama daripada pendekatan ini ialah penarikan subsidi secara berperingkat bagi mengoptimumkan perbelanjaan awam dan pengenalan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) untuk meningkatkan kecekapan dan ketelusan sistem cukai. Walaupun pada mulanya rakyat berasa ragu-ragu, inisiatif-inisiatif ini membolehkan Kerajaan beralih daripada peruntukan subsidi menyeluruh yang tidak bersasar kepada bantuan kewangan bersasar. Ini telah membolehkan Kerajaan membantu rakyat dengan lebih berkesan dalam menguruskan kos sara hidup, terutama sekali bagi golongan 40% berpendapatan terendah (B40) yang paling memerlukan bantuan seperti ini.

Tambahan pula, GST telah mempelbagaikan sumber pendapatan Kerajaan dan mengurangkan kebergantungan pada hasil minyak dan gas selain memperkukuhkan daya tahan ekonomi kita terhadap cabaran-cabaran luar. Ini memastikan hasil Kerajaan dan ekonomi Malaysia dilindungi daripada harga komoditi yang tidak stabil, seperti yang dilihat dalam tahun-tahun kebelakangan ini. Pada tahun 2017, peratusan hasil Kerajaan yang berasaskan minyak telah menurun kepada 15.1% daripada 41.3% pada tahun 2009.

Hasil daripada inisiatif-inisiatif ini, defisit fiskal Malaysia terus berkurang daripada 6.7% pada 2009 kepada 3% pada 2017. Kedudukan fiskal negara yang bertambah baik turut disokong oleh siling hutang 55% daripada KDNK yang telah ditetapkan. Di samping itu, Kerajaan juga akan terus melaksanakan Bajet Berasaskan Outcome (Outcome

Based Budgeting, OBB) yang menggantikan Sistem Belanjawan Diubahsuai untuk mencapai pengurusan program sektor awam yang cekap dan berkesan.

Dengan pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini, sasaran belanjawan hampir seimbang menjelang 2020 akan dicapai, lantas memastikan kemampanan kewangan awam dan daya tahan ekonomi Malaysia bagi generasi yang akan datang.

MENYASARKAN KEDUDUKAN FISKAL HAMPIR SEIMBANG UNTUK MASA HADAPAN YANG MAMPAN

Kerajaan Malaysia telah mencapai kemajuan dalam pembaharuan kedudukan fiskal negara sejak 2009. Pelaksanaan NTP telah memperkenalkan pendekatan serampang dua mata bagi pembaharuan kewangan awam: menambah hasil Kerajaan dan melaksanakan kawalan perbelanjaan untuk mencapai belanjawan hampir seimbang menjelang 2020.

Menambah hasil Kerajaan

Langkah-langkah untuk menambah hasil Kerajaan tertumpu kepada penambahbaikan pentadbiran cukai dan pematuan cukai langsung dan cukai tidak langsung, serta pelaksanaan GST untuk membolehkan pungutan cukai secara meluas. Ini dilaksanakan oleh agensi cukai Kementerian Kewangan (MoF), iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN) yang memungut cukai langsung, dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang memungut cukai tidak langsung.

Ketidakpatuhan kepada undang-undang cukai, termasuk pelarian cukai dan pengelakan cukai terus menjadi cabaran dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif ini. Selain itu, lebih banyak penguatkuasaan diperlukan agar sistem pencukai boleh dikenakan ke atas sektor tidak formal, terutamanya e-commerce, untuk mengurangkan ketirisan cukai. Tambahan pula, masih terdapat syarikat yang belum berdaftar untuk GST, dan ini menghalang pungutan cukai secara optimum. Sehingga akhir Disember 2017, sejumlah 462,784 entiti perniagaan telah berdaftar dengan GST.

Kerajaan juga telah mewujudkan Collection Intelligence Arrangement (CIA) sebagai sebahagian daripada usaha berterusan untuk mengurangkan pelarian, pengelakan dan ketirisan cukai. Anggota CIA yang terdiri daripada LHDN, JKDM dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) menyediakan platform perkongsian maklumat yang bersepadu antara agensi-agensi untuk meningkatkan penguatkuasaan dan pematuan serta menangani sektor tidak formal dalam ekonomi.

Selain itu, Kerajaan juga sedang mengkaji semula insentif cukai untuk memastikan bahawa pelepasan cukai (tax breaks) yang diberikan mencapai matlamat yang diharapkan bagi memudahkan pelaburan swasta menyalurkan semula wang ke dalam ekonomi.

Melaksanakan kawalan perbelanjaan

Sejak 2010, Kerajaan secara berperingkat merasionalisasikan subsidi untuk beralih daripada subsidi menyeluruh kepada pemberian bantuan bersasar. Ini membolehkan Kerajaan menyalurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan melalui usaha seperti Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M). Sehingga akhir 2017, lebih RM26 bilion dalam bentuk bantuan tunai secara langsung di bawah BR1M telah diberikan kepada lebih tujuh juta individu dan keluarga dalam golongan B40. Usaha ini juga tertumpu kepada meningkatkan keterangkuman dalam ekonomi Malaysia.

Dalam memastikan pengurusan kewangan Kerajaan yang berdisiplin, Kerajaan juga membiayai perbelanjaan operasi melalui hasil Kerajaan manakala pinjaman hanyalah bertujuan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Oleh demikian, nisbah hutang Kerajaan berbanding KDNK pada 2017 telah menurun kepada 50.8% daripada 52.7% pada 2016.

Kerajaan terus melaksanakan OBB selaras dengan usaha Kerajaan untuk merasionalisasi inisiatif-inisiatif polisi fiskal melalui pengurusan perbelanjaan yang lebih baik dan peningkatan akauntabiliti pengurus di semua peringkat. OBB menyediakan kerangka prestasi bersepadu untuk memberi fokus kepada outcome dan mewujudkan hubungan menegak program kementerian kepada perancangan nasional dan hubungan melintang program-program kementerian bagi memastikan pengurusan program sektor awam yang lebih cekap dan berkesan. Kerangka keberhasilan Kementerian yang berasaskan struktur Program-Aktiviti OBB ini telah diumumkan melalui Bajet 2018 pada 27 Oktober 2017.



TINJAUAN MASA HADAPAN ►►

Pengurangan defisit fiskal secara berterusan sejak 2009 membuktikan kejayaan pembaharuan fiskal yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Di samping mengekalkan disiplin dan berhemat dalam pengurusan kewangan untuk mencapai sasaran belanjawan hampir seimbang menjelang 2020, Kerajaan juga akan terus mengutamakan program dan projek yang berteraskan rakyat dan berimpak tinggi.

Keutamaan akan diletakkan pada penciptaan hasil yang maksima, pengurangan ketirisan dan peningkatan nilai dalam perbelanjaan, dengan penekanan kepada penyediaan perkhidmatan penting kepada rakyat, terutamanya dalam bidang penjagaan kesihatan, pendidikan dan bantuan bersasar. Kerajaan akan juga meningkatkan fokus kepada generasi masa hadapan, mempertingkatkan kesejahteraan rakyat dan memastikan keterangkuman.

Gabungan usaha-usaha ini akan memperkukuhkan lagi asas dan daya tahan ekonomi negara, sejajar dengan dasar transformasi ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi dan menuju matlamat Transformasi Nasional 2050 (TN50) untuk meletakkan Malaysia sebagai antara negara 20 teratas di dunia dari segi perkembangan ekonomi, kemajuan sosial dan inovasi.

PERBELANJAAN 2017

Bagi mendukung asas ketelusan dan akauntabiliti, berikut adalah rumusan prestasi perbelanjaan peruntukan NKRA dan SRI. Sementara itu, perbelanjaan tidak dilaporkan untuk inisiatif NKEA memandangkan program-program tersebut dipacu oleh pihak swasta dan mengandungi data pasaran sensitif.

PERBELANJAAN MENURUS (OE) NKRA DAN SRI 2017

PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA (NTP)

NKRA	Pencapaian %	Jumlah Peruntukan OE 2017 (RM)	Jumlah Dibelanjakan (RM)	% Dibelanjakan
Mengurangkan Jenayah	161 	34,000,000	33,168,000	98 
Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	112 	21,000,000	21,000,000	100 
Jumlah		55,000,000	54,168,000	

SRI	Pencapaian %	Jumlah Peruntukan OE 2017 (RM)	Jumlah Dibelanjakan (RM)	% Dibelanjakan
Persaingan, Standard dan Liberalisasi	113 	896,266	438,280	49 
Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam	114 	250,000	207,500	83 
Jumlah		1,146,266	645,780	

Nota: Tiada peruntukan OE 2017 untuk NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat, NKRA Membanteras Rasuah, NKRA Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar, NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti dan NKRA Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar.

PERBELANJAAN PEMBANGUNAN (DE) NKRA DAN SRI 2017

PROGRAM TRANSFORMASI NEGARA (NTP)

NKRA	Pencapaian %	Jumlah Peruntukan OE 2017 (RM)	Jumlah Dibelanjakan (RM)	% Dibelanjakan
Mempertingkatkan Pembangunan Luar Bandar	100 	2,393,701,678	2,201,228,820	92 
Mengurangkan Jenayah	161 	25,000,000	21,907,036	88 
Meningkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah	112 	10,000,000	10,000,000	100 
Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar	100 	35,591,134	35,036,314	98 
Jumlah		2,464,292,812	2,268,172,169	

SRI	Pencapaian %	Jumlah Peruntukan OE 2017 (RM)	Jumlah Dibelanjakan (RM)	% Dibelanjakan
Persaingan, Standard Dan Liberalisasi	113 	5,000,000	4,983,618	100 
Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam	114 	200,000	200,000	100 
Jumlah		5,200,000	5,183,618	

Nota: Tiada peruntukan DE 2017 untuk NKRA Menangani Kos Sara Hidup Rakyat, NKRA Membanteras Rasuah dan NKRA Memastikan Pendidikan Berkualiti.

TATACARA YANG DIPERSETUJUI OLEH PWC

Salah satu prinsip teras Program Transformasi Negara (NTP) ialah ketelusan dan akauntabiliti. Dalam Laporan Tahunan ini, penunjuk prestasi utama 2017 bagi setiap Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) dan Inisiatif Pembaharuan Strategik (SRI) diterbitkan sepenuhnya, dengan pencapaian dibandingkan terhadap sasaran yang disenaraikan*. CSDU berusaha untuk memastikan sistem pemarkahan adalah telus dan tegas. Usaha yang rapi telah dilaksanakan untuk mengesahkan bahawa pengumpulan data, penjadualan statistik, dan keputusan adalah tepat. Pengesahan oleh pihak ketiga juga penting untuk menilai secara efektif keberkesanan NTP. Untuk mencapai tujuan ini, CSDU telah melantik PricewaterhouseCoopers Malaysia (PwC), iaitu sebuah firma perkhidmatan profesional, untuk mengendalikan penilaian secara Tatacara Disetujui (Agreed-Upon Procedures, AUP) dalam bentuk ujian dan tatacara tertentu untuk menilai keputusan yang dilaporkan bagi KPI dan projek-projek yang telah diumumkan. AUP digunakan terhadap suatu sampel yang diambil daripada setiap KPI. Hasil penilaian ini kemudiannya disemak berdasarkan kepada garis panduan dan formula yang dibangunkan dalam sesi makmal awal, dan ditetapkan oleh CSDU. Sepanjang pelaksanaan usaha ini, PwC mendapati beberapa pengecualian terhadap sampel yang dipilih, yang kemudiannya ditangani dan dilaporkan dalam Laporan Tahunan. PwC mengesahkan bahawa keputusan yang dilaporkan bagi sampel terpilih dalam Laporan Tahunan ini telah disahkan berdasarkan AUP. PwC juga mengenal pasti peluang untuk menambah baik proses dan kualiti maklumat. CSDU, bersama-sama dengan kementerian dan agensi kerajaan serta pihak berkepentingan sektor swasta yang relevan akan mengambil tindakan preskriptif yang positif untuk melaksanakan penambahbaikan sepanjang 12 bulan yang berikutnya.

*Pengecualian dibuat bila sasaran mempunyai data sensitif pasaran. Dalam situasi sebegini, maklumat dikekalkan sebagai sulit mengikut permintaan pihak berkepentingan.

PRESTASI NTP 2017

Ketiga-tiga kaedah telah dirumuskan untuk menyediakan sebuah gambaran pragmatik nombor KPI sebenar dalam peratusan. Keseluruhan pemarkahan komposit NKRA/ NKEA/ SRI adalah purata bagi semua markah.

KAEDAH 1 dan KAEDAH 2

PENCAPAIAN	KOD WARNA
90 % dan ke atas	■
51 %- 89 %	■
50 % dan kurang	■

KAEDAH 3

PENCAPAIAN	PEMARKAHAN	KOD WARNA
10 % dan ke atas	1	■
51 %- 99 %	0.5	■
50 % dan kurang	0	■

KAEDAH PEMARKAHAN

HURAIAN

Kaedah 1	Pemarkahan ditentukan dengan perbandingan mudah dengan sasaran 2017 yang ditetapkan.
Kaedah 2	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2017 yang ditetapkan, dengan peraturan tambahan: ▶ Jika markah kurang 100%, skor #2 diambil sebagai peratusan sebenar ▶ Jika markah sama atau lebih 100%, markah #2 diambil sebagai 100%
Kaedah 3	Pemarkahan dikira dengan membahagikan hasil sebenar dengan sasaran 2017 yang ditetapkan, dengan peraturan tambahan: ▶ Jika markah adalah sama atau kurang 50%, markah #3 dinyatakan sebagai 0 ▶ Jika markah melebihi 50% dan kurang daripada 100%, skor #3 akan dinyatakan sebagai 0.5 ▶ Jika markah sama atau lebih 100%, markah #3 dinyatakan sebagai 1

NKRA - MEMBANTERAS RASUAH		KPI (Kuantitatif)					
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3	
1	Transparency International (TI) - skor Indeks Persepsi Rasuah (CPI)	55	62	89% 	89% 	0.5	
2	Peratusan pendakwaan terhadap kes rasuah dalam tempoh 1 tahun selepas pendaftaran	85%	43.1%	51% 	51% 	0.5	
3	Seminar Hakim Mahkamah Rasuah Khas dijalankan	1	1	100% 	100% 	1	
4	Peratusan kadar sabitan kes-kes rasuah	85%	80.7%	95% 	95% 	0.5	
5	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dalam setiap sesi Parlimen	2	2	100% 	100% 	1	
6	Peratusan kes-kes yang berjaya diselesaikan dalam Laporan KAN Siri 1-2-2015 1 tahun selepas dibentangkan di Parlimen	90%	76.5%	85% 	85% 	0.5	
7	Rang Undang-undang Peruntukan Liabiliti Korporat dibentangkan di Parlimen	100%	60%	60% 	60% 	0.5	
8	Latihan kepada Syarikat Tersenarai Awam (PLC) dan Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) yang menandatangani CIP	30%	66%	220% 	100% 	1	
9	Akta Pembiayaan Politik: i. Kabinet meluluskan pembentukan Jawatankuasa Khas untuk mendraf rang undang-undang Pembiayaan Politik - 33% ii. Pembentukan Jawatankuasa Khas untuk menyediakan draft - 50% iii. Draf pertama disiapkan - 100%	100%	100%	100% 	100% 	1	
10	Menetapkan piawaian Malaysia menurut ISO 37001	100%	100%	100% 	100% 	1	
				100%	88%	0.5	

NKRA - MENGURANGKAN JENAYAH		KPI (Kuantitatif)					
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3	
1	Jenayah Indeks setiap 100,000 penduduk (114,042 kes)	352.07	306.15	100% 	100% 	1	
2	Peratusan peningkatan Penunjuk Persepsi Jenayah	10%	39.8%	398% 	100% 	1	
3	Kepolisian Moden - menerajui Fasa 2 projek Kepolisian Moden ke seluruh IPK Kuala Lumpur - 24 balai	120%	120%	100% 	100% 	1	
4	Pelaksanaan Indeks Penglibatan Komuniti (CEI) di seluruh negara menjelang 31 Disember 2017 (788 aktiviti)	100%	214%	214% 	100% 	1	
5	Pelaksanaan Program Pemerkasaan Komuniti kepada 50 daripada 178 kawasan berisiko tinggi (pada 1 Januari 2017) di seluruh negara menjelang 31 Disember 2017	50	64	128% 	100% 	1	
6	AADK mengambil alih peranan penguatkuasaan sepenuhnya di bawah Seksyen 3(1) Akta Penagih Dadah (Rawatan & Pemulihan) 1983 [Akta 283] di 80 daerah seluruh negara menjelang 31 Disember 2017	80	105	131% 	100% 	1	
7	Peningkatan kemahiran banduan - banduan menjalani latihan kemahiran yang diperakui	1,500	2,854	190% 	100% 	1	
8	Peratusan kutipan saman yang dikeluarkan PDRM pada tahun 2017 di bawah kategori POL 257	40%	41.4%	104% 	100% 	1	
9	Merintis inisiatif makmal keselamatan sempadan - AKSEM	6	8.748	146% 	100% 	1	
10	Melaksanakan E-Laporan (E-Reporting) (menjelang 31 Disember 2017) di Kuala Lumpur yang meliputi kejadian bukan jenayah sahaja	100%	100%	100% 	100% 	1	
				161%	100%	1	

NKRA - MEMASTIKAN PENDIDIKAN BERKUALITI		KPI (Kuantitatif)				
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3
1	Peratusan enrolmen prasekolah seluruh negara: i. Peratusan enrolmen prasekolah 4+ tahun (80%) ii. Peratusan enrolmen prasekolah 5+ tahun (98%)	100%	97%	97%	97%	0.5
2	Kadar literasi Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar Tahun 3	100%	95.7%	96%	96%	0.5
3	Peratusan guru yang meningkat kepada sekurang-kurangnya tahap kecekapan minimum setelah menjalani PSYNNOVA i-BMT	88%	81%	92%	92%	0.5
4	Peratusan pemimpin sekolah yang meningkat kepada sekurang-kurangnya tahap kecekapan minimum setelah menjalani PSYNNOVA i-BMT	95%	100%	105%	100%	1
5	Peratusan sekolah HIP yang mencapai penghayatan (immersion) Bahasa Inggeris tahap 3 dan ke atas	50%	58%	116%	100%	1
6	Peratusan pelajar DLP yang meningkatkan kecekapan dan kemahiran berbahasa Inggeris	30%	50.7%	169%	100%	1
7	Kadar enrolmen penjagaan kanak-kanak kebangsaan bagi kanak-kanak yang dilahirkan antara 2013-2017 (sistem Pusat Data Kanak-kanak Kebangsaan)	8%	6.92%	87%	87%	0.5
8	Kadar numerasi bagi murid Tahun 3	100%	98.8%	99%	99%	0.5
9	Kadar literasi Bahasa Melayu bagi murid Tahun 3	100%	98.3%	98%	98%	0.5
10	Peratusan guru dengan kefasihan minimum C1 berdasarkan CEFR	53%	34%	64%	64%	0.5
11	Peratusan guru Bahasa Inggeris baharu daripada IPG yang mencapai setara C1 berdasarkan CEFR sebelum ditempatkan ke sekolah	90%	60%	67%	67%	0.5
12	Peratusan penyempurnaan pelaksanaan inisiatif di bawah Hala Tuju Transformasi IPG (2016-2025)	28%	28.3%	101%	100%	1
13	Bilangan pelajar yang menggunakan VLE sekurang-kurangnya dalam 1 sesi pembelajaran setiap minggu	660,000	865,738	131%	100%	1
14	Bilangan model perkongsian awam-swasta baharu yang dilancarkan bersama senarai sekolah dikenal pasti	1	1	100%	100%	1
				102%	93%	0.5

NKRA - MEMPERTINGKATKAN TARAF KEHIDUPAN ISI RUMAH BERPENDAPATAN RENDAH		KPI (Kuantitatif)							
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Bilangan peserta baharu 1AZAM yang menyertai Program Literasi Kewangan dan Pengurusan Hutang, dan dipantau sekurang-kurangnya 6 bulan selepas pelaksanaan	3,975	5,340	134%		100%		1	
2	Bilangan peserta 1AZAM yang baharu dan sedia ada yang meningkatkan pendapatan sebanyak RM300 dalam mana-mana 3 bulan	5,150	5,708	111%		100%		1	
3	Bilangan 1AZAM NGO, sektor korporat dan projek komuniti/kumpulan	12	8	67%		67%		0.5	
4	Bilangan peserta Beyond 1AZAM yang memperoleh peningkatan minimum 20% dalam pendapatan daripada projek AZAM sedia ada (pada bila-bila masa)	1,930	1,982	103%		100%		1	
5	Bilangan projek untuk membangunkan usahawan B40 daripada segmen mikro kepada perusahaan kecil (kategori PKS)	2	2	100%		100%		1	
6	Penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi melalui pendaftaran dalam kalangan peserta B40 melalui platform e-Rezeki	5,000	5,898	118%		100%		1	
7	Bilangan peserta yang telah menjana pendapatan melalui portal e-Rezeki	500	500	100%		100%		1	
8	Bilangan usahawan B40 yang berdaftar dan dilatih melalui platform e-Usahawan	8,110	12,300	152%		100%		1	
				112%		96%		0.5	

NKRA - MEMPERTINGKATKAN PENGANGKUTAN AWAM BANDAR		KPI (Kuantitatif)							
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Bilangan teksi KL baharu di jalan raya	4,000	4,987	125%		100%		1	
2	Penyempurnaan Sistem Pembayaran Tanpa Tunai Bersepadu (ICPS) 100% penyempurnaan hasil bagi tahun 2017: i. Satu kad yang sama untuk MRT dan Prasarana (termasuk Bas Rapid dan Bas Pengantara Rel MRT) menjelang Julai 2017 ii. 99 pintu Touch n Go tambahan untuk orang awam di 14 stesen KTMB utama menjelang Ogos 2017	61%	61%	100%		100%		1	
3	Bilangan panel info bas dipasang di GKL/KV	3,000	3,257	109%		100%		1	
4	Ketepatan masa KTM Komuter pada waktu puncak pagi (dalam masa 10 minit)	95%	94.9%	100%		100%		1	
5	Tahap kepuasan pelanggan pengangkutan awam bandar	85%	90%	106%		100%		1	
6	Bilangan penumpang harian pengangkutan awam bandar	1,300,000	1,206,111	93%		93%		0.5	
7	Peratusan kemajuan pembinaan kemudahan parkway drop zone: i. Serdang : 80% (garis asas = 45%) ii. Batu Tiga : 20% (garis asas = 0%)	100%	98.4%	98%		98%		0.5	
8	Projek ITT Gombak - peratusanan pencapaian sasaran projek pada tahun 2017	100%	87.9%	88%		88%		0.5	
9	Peratusan kemajuan pembinaan 600 tempat letak kereta di Park N' Ride Klang	72%	57%	79%		79%		0.5	
				100%		95%		0.5	

NKRA - MEMPERTINGKATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR			KPI (Kuantitatif)							
#	Projek	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Pembangunan Luar Bandar: Infrastruktur Asas Luar Bandar	Meningkatkan pembinaan / naik taraf jalan luar bandar (km)	786.25	828.27	105%		100%		1	
		Meningkatkan kemudahan bekalan air bersih / terawat (bilangan isi rumah)	3,000	4,306	144%		100%		1	
		Meningkatkan kemudahan bekalan elektrik luar bandar (bilangan isi rumah)	8,271	8,110	98%		98%		0.5	
		Meningkatkan pembinaan / baik pulih rumah (bilangan rumah)	12,524	8,429	67%		67%		0.5	
2	Pembangunan Luar Bandar: Kampung Abad Ke-21	Program Desa Lestari - jumlah kampung yang dapat memulakan perniagaan sekurang-kurangnya satu projek ekonomi yang telah diluluskan	20	15	75%		75%		0.5	
		Pembangunan Usahawan Belia - peratusan pemenang pertandingan rancangan perniagaan Rural Business Challenge RBC 2015 yang meningkat pendapatan sebanyak 30%	80%	87%	109%		100%		1	
					100%		90%		0.5	

NKRA - MENANGANI KOS SARA HIDUP RAKYAT		KPI (Kuantitatif)							
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Peratusan pengurusan BR1M melalui edaran terus kepada Rakyat	100%	100%	100%		100%		1	
				100%		100%		1	

NKEA - PERTANIAN			KPI (Kuantitatif)						
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3		
1	Mencipta nilai daripada biodiversiti Malaysia melalui produk-produk herba	Jumlah bilangan produk herba yang selesai menjalani ujian klinikal	4	4	100%		100%		1
		Jumlah jualan produk herba (RM juta)	4.5	5.25	117%		100%		1
2	Penambahan pengeluaran sarang burung	Jumlah eksport produk sarang burung walit boleh dimakan (tan)	270	385.44	143%		100%		1
3	Projek Estet Mini Rumpai Laut Berskala Komersial dan projek kluster	Jumlah pengeluaran rumpai laut kering (tan)	2,500	1,855.54	74%		74%		0.5
4	Penternakan melalui Sistem Akuakultur Sangkar Bersepadu	Jumlah pengeluaran ikan ternakan oleh syarikat peneraju (tan)	9,000	8,265.34	92%		92%		0.5
5	Penternakan lembu di ladang kelapa sawit	Jumlah keseluruhan lembu di ladang kelapa sawit	54,800	41,822	76%		76%		0.5
6	Mereplikasi Model Penternakan Akuakultur Bersepadu (iZAQs)	Jumlah pengeluaran oleh syarikat peneraju (tan)	27,000	25,399.36	94%		94%		0.5
7	Menaik taraf keupayaan penghasilan buah-buahan dan sayur-sayuran premium	Jumlah pengeluaran daripada Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan syarikat peneraju (tan)	72,000	65,353	91%		91%		0.5
8	Mengukuhkan keupayaan eksport industri makanan yang diproses	Jumlah jualan Syarikat Peneraju (AC) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) (RM juta)	320	511.21	160%		100%		1
		Bilangan PKS baharu	40	154	385%		100%		1
10	Memperkuhkan dan menambah baik produktiviti penanaman padi di kawasan Muda	Jumlah pengeluaran daripada tanah yang digabungkan (tan)	352,082	361,537	103%		100%		1
		Jumlah kawasan tanah yang digabungkan (hektar)	3,500	4,145	118%		100%		1
		Jumlah diserahkan untuk perolehan tanah (bilangan lot)	8,050	8,182	102%		100%		1
11	Memperkuhkan dan menambah baik produktiviti penanaman padi di kawasan pengairan yang lain	Jumlah pengeluaran daripada tanah yang digabungkan (tan)	200,000	204,157.1	102%		100%		1
13	Membangunkan kluster tenusu di Malaysia	Jumlah susu segar yang dihasilkan (juta liter)	14.23	13.92	98%		98%		0.5
14	Pembangunan industri benih	Jumlah benih dihasilkan (tan)	105	28.36	27%		27%		0
17	Pasar Komuniti (PAKAR)	Jumlah hasil terjana daripada PAKAR (RM juta)	83	103	124%		100%		1
					118%		91%		0.5

NKEA - PERKHIDMATAN PERNIAGAAN			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Mengembangkan perkhidmatan penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat	Pendapatan daripada perkhidmatan MRO (RM juta)	6,100	6,230 (anggaran)	102%		100%		1	
2	Membina pihak penyedia perkhidmatan perkongsian dan penyumberan luar yang berdaya saing pada peringkat antarabangsa	Pendapatan hasil jualan luar negara (RM juta)	3,600	3,000 (jangkaan)	83%		83%		0.5	
		Anggaran nilai pelaburan (RM juta)	760	731 (jangkaan)	96%		96%		0.5	
3	Menempatkan Malaysia sebagai hab pusat data bertaraf dunia	Jumlah pendapatan perkhidmatan pusat data (RM juta)	1,100	1,004 (jangkaan)	91%		91%		0.5	
		Peratusan siap kerja persediaan tapak bagi pelaksanaan Hab Data Sedenak Iskandar (SIDH)	100%	96.7%	97%		97%		0.5	
4	Melonjakkan industri teknologi hijau yang dinamik	Hasil yang dijana daripada teknologi hijau dalam subsektor tenaga, pengilangan, pengangkutan, pembinaan, sisa, air dan perkhidmatan (RM juta)	6,000	6,090	102%		100%		1	
		Pendapatan daripada syarikat perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi (RM juta)	5,000	2,855	57%		57%		0.5	
5	Membangunkan perkhidmatan kejuruteraan pengkhususan tinggi	Revenue from pure-play engineering services companies (RM juta)	120	125 (anggaran)	104%		100%		1	
7	Menjadikan Malaysia sebuah hab OEM aeroangkasa di Asia Tenggara dengan memanfaatkan 'Bandar Aeroangkasa Asia'	Komitmen pelaburan daripada OEM, syarikat Tier 1 dan Tier 2 (RM juta)	500	600	120%		100%		1	
8	Membangunkan PKS dalam industri pembuatan aeroangkasa global	Hasil daripada aktiviti pembuatan aeroangkasa (RM juta)	24.6	17.2	70%		70%		0.5	
					92%		89%		0.5	

NKEA - KANDUNGAN DAN INFRASTRUKTUR KOMUNIKASI			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Kandungan Kreatif Malaysia	Hasil eksport kandungan kreatif (RM juta)	670	737.84 (jangkaan)	110%		100%		1	
		Anggaran jumlah yang dibelanjakan untuk penerbitan di bawah “Insentif Perfileman di Malaysia” (RM juta)	100	141.8	142%		100%		1	
6	e-Kerajaan	Pelaksanaan DDMS 2.0 (bilangan agensi baharu)	30	32	107%		100%		1	
		Peratusan peningkatan dari 2016 dalam bilangan transaksi dalam talian di Kementerian	10%	9.9%	99%		99%		0.5	
7	Jalur Lebar untuk Semua	Bilangan port yang menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi dengan kelajuan hingga 100Mbps di ibu negeri dan bandar utama	390,000	480,084	183%		100%		1	
		Bilangan port yang menyediakan jalur lebar berkelajuan tinggi di kawasan pinggir bandar (SUBB)	317,000	366,294	150%		100%		1	
		Peratusan akses (liputan) kepada jalur lebar wayarles LTE (% populasi yang dihubungkan dengan LTE)	77%	77.2%	102%		100%		1	
8	Memperluas Jangkauan	Bilangan tapak dengan menara baharu dan stesen utama 3G untuk liputan jalur lebar mudah alih yang lebih meluas	300	302	101%		100%		1	
		Bilangan stesen utama yang sedia ada dinaikkan taraf kepada stesen utama 3G	500	510	102%		100%		1	
		Bilangan tapak yang akan diletak atur dengan Pusat Internet 1Malaysia	50	52	104%		100%		1	
10	Rangkaian Serantau	Peratusan pelaksanaan bagi pemasangan kabel dasar laut (menghubungkan Sabah, Sarawak, dan Semenanjung Malaysia)	100%	100%	100%		100%		1	
					118%		100%		1	

NKEA - ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Pelaksanaan strategi Pengguna Pintar untuk kilang fabrikasi semikonduktor teknologi matang	Bilangan perkhidmatan yang disediakan kepada industri menggunakan kemudahan bersama MIMOS untuk E&E	800	850	106%		100%		1	
		Bilangan jurutera dan pelajar dilatih dalam E&E menggunakan rangka kerja kecekapan lanjutan MIMOS	300	430	143%		100%		1	
2	Membangunkan pemasangan dan pengujian menggunakan teknologi pembungkusan lanjutan	Bilangan syarikat pembungkusan lanjutan yang beroperasi	1	1	100%		100%		1	
3	Membangunkan firma reka bentuk litar bersepadu	Bilangan bakat untuk program peningkatan kemahiran industri/ peningkatan kemahiran lanjutan dalam reka bentuk Litar Bersepadu (IC)	15	100	667%		100%		1	
		Mewujudkan peluang perniagaan menggunakan produk GMC dan teknologinya untuk syarikat berpangkalan di Malaysia	2	2	100%		100%		1	
5	Menambah bilangan pengeluar silikon	Bilangan pengeluar silikon baharu untuk memulakan pengeluaran secara komersial	1	0	0%		0%		0	
8	Membangunkan operasi bahagian hadapan LED	Bilangan projek berkualiti yang beroperasi bagi pengilang epitaxy	1	1	100%		100%		1	
10	Mewujudkan peneraju Solid State Lighting (SSL) tempatan	Jumlah jualan tahunan syarikat LED tempatan di bawah program pembinaan kapasiti SMECorp (RM juta)	120	137.6	115%		100%		1	
11	Membina hab ujian dan pengukuran	Bilangan produk baru untuk meningkatkan ekosistem tempatan ujian dan pengukuran	4	4	100%		100%		1	
		Jumlah produk yang diuji menggunakan pusat pengujian QAV (Pulau Pinang dan Selangor)	52	52	100%		100%		1	
		Bilangan projek yang dijalankan oleh syarikat tempatan, agensi dan institut dalam ujian dan pengukuran, reka bentuk sistem, pemprototaipan, bukti konsep dan sistem pengubahsuaian di National Instruments Academy and Innovation Nucleus (NI-AIN)	30	10	33%		33%		0	
13	Membangunkan pembuatan peralatan automasi	Bilangan projek kualiti baharu yang menggunakan pembuatan pintar	1	1	100%		100%		1	
		Bilangan bakat untuk program peningkatan kemahiran industri / peningkatan kemahiran lanjutan dalam Pembuatan Lanjutan	15	19	127%		100%		1	
		Bilangan bakat tempatan diperakui melalui program National Instruments Academy & Innovation Nucleus (NI-AIN) yang membawa kepada pembangunan industri automasi dan pembuatan	60	130	217%		100%		1	

NKEA - ELEKTRIK DAN ELEKTRONIK (sambungan)			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
16	Perkembangan balance of systems untuk fotovoltan	Bilangan balance of systems untuk syarikat PV Solar yang beroperasi	1	0	0%		0%		0	
17	Membangunkan Industri Embedded Systems	Bilangan projek baru Embedded Systems / IOT	1	1	100%		100%		1	
		Bilangan bakat untuk program peningkatan kemahiran industri / peningkatan kemahiran lanjutan dalam Sistem Elektronik Lanjutan	70	79	113%		100%		1	
		Bilangan projek embedded systems terbiaya yang disiapkan pada 2017	2	2	100%		100%		1	
18	Memangkin pembuatan komponen kenderaan elektrik	Pelaksanaan pengeluaran bahan bateri pada skala pandu untuk menyokong pengeluaran terhad bateri Li-ion jenis 18650	100%	100%	100%		100%		1	
		Menyampaikan prototaip Bas EV dan Sistem Bateri bersepadu sebagai platform perkembangan selanjutnya kepada pengeluar bas komersial	100%	100%	100%		100%		1	
20	Memangkin Industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) melalui Nanoteknologi	Bilangan produk yang dikomersialkan atau syarikat menggunakan produk graphene dan nanoteknologi komersial untuk aplikasi E&E	2	2	100%		100%		1	
1-20	Pembolehan potongan silang	Jumlah bilangan projek baharu berkualiti NKEA E&E oleh MIDA	8	8	100%		100%		1	
		Peratusan pelaburan projek sektor E&E yang direalisasi sejak tahun 2011 hingga 2014 (RM bilion)	80%	78%	98%		98%		0.5	
		Jumlah pelaburan diluluskan untuk sektor E&E (RM bilion)	8	8.9	111%		100%		1	
		Bilangan aplikasi reka bentuk eko yang dilaksanakan oleh syarikat/organisasi menggunakan kemudahan bersama Pusat Reka Bentuk Eko Perindustrian (EIDC)	22	23	105%		100%		1	
		Membangunkan Rangka Kerja E&E Kebangsaan untuk kemajuan industri E&E (Penyiapan pelan tindakan kebangsaan E&E)	100%	0%	0%		0%		0	
		RM juta projek R&D yang dianugerahkan oleh CREST	6	8	133%		100%		1	
		Bilangan projek disiapkan	6	11	183%		100%		1	
		Bilangan projek R&D dikomersialkan atau dilaksanakan	1	1	100%		100%		1	
					119%		87%		0.5	

NKEA - PENDIDIKAN			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Peluasan pusat penjagaan dan pendidikan awal kanak-kanak	Pendaftaran di prasekolah swasta: i. 4+ tahun sahaja (59% - 251,406) ii. 5+ tahun sahaja (49% - 248,949)	100%	93%	93%		93%		0.5	
5	Penambahbaikan penyediaan latihan kemahiran swasta	Bilangan e-pemprofilan pengajar TVET berkualiti tinggi	15,000	15,471	103%		100%		1	
		Bilangan pelajar yang dilatih melalui pendekatan berasaskan industri	8,000	8,380	105%		100%		1	
		Kadar pembayaran balik dana pembangunan kemahiran	40%	42	105%		100%		1	
7	Membangunkan kluster disiplin pendidikan kewangan dan perniagaan Islam	Bilangan pelajar mendaftar di IPT dalam program kewangan dan perniagaan Islam	17,500	18,384	105%		100%		1	
		Bilangan pensyarah antarabangsa baharu yang berdaftar dengan Majlis Pendidik Kewangan Islam Antarabangsa (ICIFE)	30	61	203%		100%		1	
10	Membangunkan kluster disiplin hospitaliti dan pelancongan	Bilangan pelajar yang mengikuti program hospitaliti dan pelancongan di IPT swasta dan menjadi anggota MyCenTHE+3	6,000	8,409	140%		100%		1	
		Jumlah pendaftaran pelajar di IPTS swasta dalam program hospitaliti dan pelancongan	26,000	24,280	93%		93%		0.5	
11	Melancarkan EduCity@Iskandar	Bilangan pendaftaran pelajar di EduCity @ Iskandar	5,000	4,368	87%		87%		0.5	
12	Menerajui pendidikan Malaysia sebagai jenama antarabangsa	Bilangan pendaftaran pelajar antarabangsa (136,000 daripada KPT dan 34,000 daripada KPM)	170,000	170,068	100%		100%		1	
		Bilangan pendaftaran pelajar pascasiswazah antarabangsa di IPT	37,000	32,285	87%		87%		0.5	
14	Membangunkan kluster pembangunan permainan video	Bilangan pendaftaran pelajar di IPTS dengan perhubungan	500	765	153%		100%		1	
17	Membangunkan kluster perakaunan	Bilangan pendaftaran pelajar di Sunway-TES melalui perkongsian awam-swasta dan inisiatif Bumiputera	1,020	1,079	106%		100%		1	
					114%		97%		0.5	

NKEA - PERKHIDMATAN KEWANGAN			KPI (Kuantitatif)						
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3		
1	Mencergaskan semula pasaran ekuiti Malaysia	Penubuhan Institut Penyelidikan Pasaran Modal	100%	100%	100%		100%		1
		Meningkatkan kepantasan dalam pasaran Nilai Harian Purata (ADV) (RM Bilion)	2.1	2.3	110%		100%		1
		Peningkatan dalam terbitan baru daripada IPO dan juga pasaran sekunder (terbitan saham baru daripada terbitan hak, terbitan khas, dll) (RM bilion)	11	36	327%		100%		1
		Penambahan bilangan produk dan penawaran	5	8	160%		100%		1
2	Pendalaman bon dan peluasan pasaran bon	Pelancaran rangka kerja untuk perkhidmatan pengurusan pelaburan digital	100%	100%	100%		100%		1
5	Melindungi hampir semua, jika pun tidak semua, penduduk Malaysia	Tawaran wajib produk insurans bertempoh asas dengan berjumpa terus dan/ atau melalui saluran pengagihan dalam talian oleh semua syarikat insurans hayat dan operator takaful keluarga	100%	90%	90%		90%		0.5
		Memperkenalkan 'pek pemula' ('starter pack') insurans hayat kebangsaan dan takaful keluarga bagi menawarkan perlindungan yang mampu diperolehi dan untuk meningkatkan kesedaran tentang insurans / takaful	100%	100%	100%		100%		1
10	Menjadi hab global kewangan Islam yang tidak dapat dipertikaikan	Pelancaran Pelan Tindakan Pengurusan Dana dan Kekayaan Islam	80%	80%	100%		100%		1
					136%		99%		0.5

NKEA - GREATER KUALA LUMPUR / LEMBAH KLANG			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Menarik 100 syarikat paling dinamik di dunia dalam sektor keutamaan	Bilangan Surat Tunjuk Minat atau Tawaran Insentif setara dimuktamadkan untuk MNC melaksanakan aktiviti ibu pejabat serantau/hab serantau di GKL	10	12	120%		100%		1	
		Bilangan pekerjaan serantau baharu diperuntukkan / diluluskan	600	1,685	281%		100%		1	
		Jumlah perbelanjaan MNC pada tahun 2017 (RM juta)	600	1,049	175%		100%		1	
		Bilangan pekerjaan serantau yang diwujudkan pada tahun 2017	617	324	53%		53%		0.5	
2	Menarik gabungan bakat terbaik dari dalam negeri dan luar negara	Bilangan permohonan diluluskan di bawah Returning Expert Program	400	405	101%		100%		1	
		Pemegang biasiswa JPA baru di bawah Program STAR	1,200	1,206	101%		100%		1	
		Peratusan pengeluaran Proses Pas Pekerjaan dalam masa 5 hari bekerja	80%	97%	121%		100%		1	
		Bilangan permohonan diluluskan di bawah Program Residence Pass-talent	900	1,049	117%		100%		1	
3	Menghubungkan KL dengan Singapura melalui sistem Kereta Api Berkelajuan Tinggi	Pembentukan Jawatankuasa Dua Hala – dinilai dan dimuktamadkan oleh SPAD	100%	100	100%		100%		1	
		Pelantikan Rakan Kongsi Pembangunan Bersama (pada Q1 2017)	100%	100	100%		100%		1	
		Pemulaan tender AssetsCo (pelaksanaan tender AssetsCo pada Q4 2017)	100%	100%	100%		100%		1	
4	Sistem Transit Aliran Berkapasiti Tinggi [KWP/ Inovasi]	Laluan 1: Penyiapan Stesen - Untuk menyiapkan semua 12 stesen yang ditinggikan dan 7 stesen bawah tanah (jumlah 19 stesen)	100%	100%	100%		100%		1	
		Nisbah kadar kekerapan kemalangan (kurang daripada atau bersamaan dengan 1)	1	1	100%		100%		1	
		Laluan 2: Kerja bawah tanah sementara bermula di semua tapak stesen menjelang akhir 2017, iaitu 10 stesen - Sentul West, Titiwangsa, Hospital KL, Kg Baru, Ampang Park, KLCC East, Conlay, Chan Sow Lin, Bandar Malaysia Utara dan Bandar Malaysia Selatan	100%	100%	100%		100%		1	
		Laluan 2: 9 pakej stesen ditinggikan dianugerahkan mengikut perancangan menjelang Q4 2017, seperti di bawah; - S201 – S203 @ jajaran utara (jumlah 11 stesen) - S204 – S210 @ jajaran selatan (jumlah 14 stesen)	100%	100%	100%		100%		1	

**NKEA - GREATER KUALA LUMPUR /
LEMBAH KLANG** *(sambungan)*

KPI (Kuantitatif)

EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3			
5	Memulihkan Sungai Klang untuk dijadikan Kawasan Warisan dan Pusat Komersial untuk Greater KL/KV	Peratusan kemajuan pembinaan bagi kerja-kerja Pengindahan Sungai dan sistem pemintas untuk Pakej Presint 7 (P7)- Kawasan Warisan menjelang Jun 2017	100%	100%	100%		100%		1	
		Peratusan kemajuan pembinaan bagi kerja-kerja Pengindahan Sungai dan sistem pemintas untuk Pakej 3A dan 3B (3A 3B)- Northern River Front menjelang Dis 2017	20%	24.5%	125%		100%		1	
		Peratusan kemajuan pembinaan bagi kerja-kerja Pengindahan Sungai dan sistem pemintas untuk Pakej 4A dan 4B (4A 4B) - Southern Riverfront & Brickfields menjelang Dis 2017	18%	12.6%	70%		70%		0.5	
		Peratusan kemajuan pembinaan bagi kerja-kerja Pengindahan Sungai dan sistem pemintas untuk Pakej 1C dan 1D (1C 1D) - Pusat Bandar Raya menjelang Dis 2017	18%	10%	56%		56%		0.5	
		Peratusan kemajuan pembinaan bagi kerja-kerja Pengindahan Sungai untuk Pakej 2 (Pakej 2) - Taman Titiwangsa	43.5%	0%	0%		0%		0	
		Peratusan penyiapan Loji Rawatan Pembentukan (STP) di Bunus	100%	99%	98%		98%		0.5	
		(Garis asas : 60%) Q1 - 71% Q2 - 82% Q3 - 100%								
		Peratusan penyiapan Loji Rawatan Pembentukan (STP) di Jinjang Kepong								
		(Garis asas : 11%) Q1 - 17% Q2 - 23% Q3 - 30% Q4 - 38%	40%	37.3%	91%		91%		0.5	
		Peratusan penyiapan projek rangkaian saluran paip Bunus D44	98%	64%	44%		44%		0	
(Garis asas: 37%) Q1 - 48% Q2 - 68% Q3 - 85% Q4 - 98%										
Peratusan penyiapan projek rangkaian saluran paip Jinjang Kepong D43										
(Garis asas: 69%) Q1 - 74% Q2 - 79% Q3 - 83% Q4 - 86%										

NKEA - GREATER KUALA LUMPUR / LEMBAH KLANG <i>(sambungan)</i>			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
5	Memulihkan Sungai Klang untuk dijadikan Kawasan Warisan dan Pusat Komersial untuk Greater KL/KV	Peratusan pematuhan piawai efluen A di Loji Rawatan Pembentungan Bukit Antarabangsa (STP)	100%	100%	100%		100%		1	
		Peratusanan pematuhan: Kualiti air Sungai Klang di stesen IK25 - Abdullah Hukum untuk memenuhi sasaran WQI ≥ 61 (Kelas III)	100%	58%	58%		58%		0.5	
		Peratusanan pematuhan: Kualiti air Sungai Gombak di stesen IK17 untuk mencapai sasaran WQI ≥ 61 (Kelas III)	100%	101%	101%		100%		1	
		Peratusanan penyerahan Laporan Interim Program Jangkauan Awam Sungai Nadi Kehidupan (ROL POP) untuk: 1. Fasa 3A – KL Timur 2. Fasa 3B – Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 3. Fasa 4 – Majlis Perbandaran Selayang (MPS) 4. Fasa 5 – KL Barat	100%	100%	100%		100%		1	
		Prestasi untuk 4 Loji Rawatan Air Buangan (SWTP) di P7 untuk mencapai sasaran Indeks Kualiti Air (WQI) ≥ 76.5 (Kelas IIB)	100%	100%	100%		100%		1	
		Pelepasan daripada Loji Rawatan Air Sisa (WWTP) untuk memenuhi sasaran Indeks Kualiti Air (WQI) ≥ 76.5 (Kelas IIB) 1. Pasar Jalan Kelang Lama 2. Pasar Air Panas 3. Pasar Sentul Pasar 4. Pasar Borong Kuala Lumpur	100%	99%	99%		99%		0.5	
		Peratusan efluen daripada 134 Perangkap Gris Komunal (CGT) terpasang yang mematuhi Garis Panduan Industri Pembentungan Malaysia (FOG ≤ 50 mg/l)	100%	100%	100%		100%		1	
		Peratusan efluen daripada 64 Perangkap Gris Komunal (CGT) terpasang di MPAJ yang mematuhi Garis Panduan Industri Pembentungan Malaysia (FOG ≤ 50 mg/l)	100%	100%	100%		100%		1	
		Peratusan efluen daripada 112 Perangkap Gris Komunal (CGT) terpasang di MPS yang mematuhi Garis Panduan Industri Pembentungan Malaysia (FOG ≤ 50 mg/l)	100%	100%	100%		100%		1	
6	Penghijauan Greater KL untuk memastikan penduduknya menikmati kawasan hijau yang mencukupi	Pokok ditag GPS	20,000	37,251	186%		100%		1	
		Bilangan taman dijadikan taman angkat/ditaja	4	4	100%		100%		1	

NKEA - GREATER KUALA LUMPUR / LEMBAH KLANG (sambungan)			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
7	Mewujudkan tempat dan tarikan ikonik	Jejak Warisan 5 Fasa 1 - Peratusan kemajuan pembinaan	50%	50%	100%		100%		1	
		Jejak Warisan 5 Fasa 2 - Kemajuan pencapaian projek: i. Pra-tender (20%) ii. Perolehan (70%) iii. Site possession (10%)	100%	100%	100%		100%		1	
		Jejak Warisan 6 (Jejak Rimba Bandar) - Peratusan pencapaian projek: i. Reka bentuk (35%) ii. Perolehan (55%) iii. Pemilikan tapak dan Kerja awal (10%)	100%	100%	100%		100%		1	
		Jejak Warisan 7 dan 8 (Jejak Pekan Dagangan Bijih Timah) kemajuan pencapaian projek	100%	100%	100%		100%		1	
8	Mewujudkan rangkaian pejalan kaki yang menyeluruh	Penyiapan Pelan Induk Rangkaian Pejalan Kaki & Lorong Basikal (sehingga 2018) kemajuan pencapaian projek	100%	100%	100%		100%		1	
9	Pengurusan Sisa Pepejal	Meningkatkan kadar pelencongan sisa sebanyak 2% (Garis asas: 17.5%)	19.5%	21.1%	180%		100%		1	
		Meningkatkan kadar kitar semula sebanyak 2% daripada pencapaian 2016 sebanyak 17.5% (Garis asas: 17.5%)	19.5%	20.9%	170%		100%		1	
		Penyediaan kertas konsep dasar mengenai tanggungjawab pengeluar dalam meminimumkan penjejakan sisa	100%	100%	100%		100%		1	
		Memuktamadkan model Bayar apabila Anda Buang (Pay-As-You-Throw, PAYT) daripada pilihan yang dikenal pasti	100%	90%	90%		90%		0.5	
		Pangkalan data pengurusan sisa makanan untuk Industri, Komersial dan Institusi (ICI) (20% lagi pada 2018)	80%	80%	100%		100%		1	
		Kaji selidik garis asas untuk sisa makanan di bawah Industri, Komersial dan Institusi (ICI)	100%	100%	100%		100%		1	
		Kaji selidik pensampelan mengenai kesediaan untuk menyertai Tanggungjawab Pengeluar Terperluas (Extended Producer Responsibility (EPR)) untuk Industri, Komersial dan Institusi (ICI)	100%	100%	100%		100%		1	
		Penyiapan sistem aplikasi berasas web untuk pemantauan yang berkesan dan merekodkan pembinaan dan pemusnahan (C&D) data sisa di seluruh negara	80%	80%	100%		100%		1	
	Kajian pasaran tentang pengitaran semula kaca di Malaysia	100%	90%	90%		90%		0.5		
	Penyiapan tender loji sisa kepada tenaga di Taman Beringin, Kepong, Kuala Lumpur	100%	90%	90%		90%		0.5		

NKEA - GREATER KUALA LUMPUR / KLEMBAH KLANG <i>(sambungan)</i>			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3			
9	Pengurusan Sisa Pepejal	Perkhidmatan operasi dan penyenggaraan untuk loji penunu di Pulau Langkawi, Kedah	100%	40%	40%		40%		0	
		Mewujudkan projek perintis pangkalan data Pernyataan Keperluan Kawasan Tadahan (Catchment Area Needs Statement, CANS) untuk Putrajaya	100%	40%	40%		40%		0	
		Penyerahan kertas konsep BEP2.0 untuk diterapkan	100%	100%	100%		100%		1	
		Kertas kabinet mengenai rasionalisasi kos penswastaan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam	100%	100%	100%		100%		1	
		Mendraf Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Pelesenan) (Sisa Pepejal Diimport) 2018	100%	100%	100%		100%		1	
		Kaji selidik tentang keberkesanan perkhidmatan oleh pemegang konsesi bagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam	100%	30%	30%		30%		0	
3	Pembentukan bukan sungai	Peratusan penyiapan loji rawatan kumbahan terpusat dan rangkaian di Langat								
		(Garis asas: 24%) Q1 - 28% Q2 - 33% Q3 - 38% Q4 - 42%	42%	61.7%	209%		100%		1	
		Peratusan penyiapan D49: Pembinaan Rangkaian Paip Pembetulan Di Kajang 1 Dan Kajang 3 (Reka & Bina)								
		(Garis asas: 44%) Q1 - 45 % Q2 - 52 % Q3 - 60 % Q4 - 65 %	70%	80.9%	142%		100%		1	
		Peratusan penyiapan D47: Pembinaan Rangkaian Paip Pembetulan Di Kawasan Petaling Jaya (Utara), Selangor (Reka & Bina)	100%	99.6%	93%		93%		0.5	
		(Garis asas: 94%) Q1 - 100%								
		Peratusan penyiapan D55 : Pembinaan Rangkaian Paip Pembetulan Di Lot 130, Klang Selangor Darul Ehsan (Reka & Bina)	100%	100%	100%		100%		1	
		(Garis asas: 99%) Q1 - 100%								

NKEA - GREATER KUALA LUMPUR / LEMBAH KLANG (sambungan)			KPI (Kuantitatif)					
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3	
3	Pembentukan bukan sungai	Peraturan penyiapan D52: Pembinaan Rangkaian Paip Pembetulan & Rationalisasi Loji Rawatan Kumbahan Di Puchong, Selangor (Reka & Bina) (Garis asas: 51.83%) Q1 - 80% Q2 - 85% Q3 - 95% Q4 - 100%	79%	73.5%	80%	80%	0.5	
		Peraturan penyiapan STP Upper Kerayong: Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan Sub-Serantau Upper Kerayong Di Zon 1 - Taman Maluri C Dan Zon 3 - Taman Lembah Maju, Selangor Darul Ehsan (Garis asas: 34.69%) Q1 - 70% Q2 - 80% Q3 - 90% Q4 - 100%	95.98%	84.5%	81%	81%	0.5	
					102%	91%	0.5	

NKEA - MINYAK, GAS DAN TENAGA			KPI (Kuantitatif)					
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3	
2	Membangunkan telaga kecil	Jumlah pengeluaran daripada kawasan pinggir (minyak dan gas) (kboe/d) Pengeluaran daripada Kawasan pinggir (minyak) (ribu tong sehari, kbd) Pengeluaran daripada Kawasan Pinggir (gas) (juta standard kaki kubik sehari, MMscfd)	*Maklumat adalah sulit atas permintaan pihak-pihak yang berkenaan					
3	Memperhebat Aktiviti Cari Gali	Bilangan telaga minyak yang telah diterokai						
5	Membuka permintaan gas premium di Semenanjung Malaysia	Pelaksanaan akses pihak ketiga - penyiapan instrumen relevan bagi 2017 Pelaksanaan akses pihak ketiga - Penyiapan purata harga gas bulanan, tarif dan caj sedia ada di laman sesawang ST	100%	75%	75%	75%	0.5	
			100%	100%	100%	100%	1	

NKEA - MINYAK, GAS DAN TENAGA <i>(sambungan)</i>			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
5	Membuka permintaan gas premium di Semenanjung Malaysia	Pelaksanaan Akses Pihak Ketiga - Sesi rundingan dengan pihak berkepentingan utama berhubung dengan TPA (bilangan peserta)	1,000	1,297	130%		100%		1	
		Penetapan Harga Gas & Pemasaran – RAPID & Pengerang COGEN Power GSA @ harga pasaran	100%	95%	95%		95%		0.5	
6	Menggalakkan pelaburan dalam perkhidmatan industri minyak dan gas serta peralatan (OGSE)	Jumlah pelaburan yang terikat oleh Pembekal minyak dan gas serta syarikat Perkhidmatan dan Peralatan Minyak & Gas yang dimudah cara oleh MPRC (RM juta)	650	724.5	111%		100%		1	
7	Membawa syarikat tempatan minyak dan gas dan peralatan (OGSE) ke peringkat global	Bilangan pembida untuk projek antarabangsa yang dimudah cara oleh MPRC	8	8	100%		100%		1	
8	Menarik minat MNC untuk menubuhkan operasi di Malaysia dan bekerjasama dengan syarikat tempatan	Bilangan MNC yang membawa operasi global mereka ke Malaysia atau penggabungan/ usaha sama antara syarikat OGSE tempatan dengan MNC global	6	6	100%		100%		1	
9	Mempertingkatkan kecekapan tenaga	Anggaran penjimatan elektrik yang diperoleh daripada pematuhan Peraturan-Peraturan Pengurusan Tenaga Elektrik dengan Cekap (EMEER) 2008	5%	2.7%	53%		53%		0.5	
		Bilangan bangunan yang telah diaudit dalam sektor kerajaan, sektor perindustrian dan komersial	30	30	100%		100%		1	
		Pengurangan Tarif Industri Khas (Special Industrial Tariff, SIT) sebanyak 2% bagi 2017	100%	100%	100%		100%		1	
10	Membangunkan kapasiti tenaga boleh diperbaharui	Tambahan kapasiti tenaga boleh diperbaharui (MW)	7,200	7,260.5	101%		100%		1	
		Amaun tambahan kapasiti tenaga boleh diperbaharui (MW) (Tarif Galakan)	520	528.1	102%		100%		1	
		Kapasiti/ Langganan Meter Tenaga Bersih (NEM) (KW)	2,500	6,114.5	245%		100%		1	
13	Meningkatkan output petrokimia	JPDC mendapatkan pelabur hiliran berpotensi daripada industri bukan bersepadu/ sokongan kepada PIPC melalui LOI (RM bilion)	1.0	2.38	238%		100%		1	
		Mempertingkatkan Pelan Induk PIPC (EPMS)	100%	100%	100%		100%		1	
		Pengurusan pembinaan program berkaitan dengan projek infrastruktur penting di PIPC (pemilikan tapak dan permulaan kerja fizikal di tapak)	100%	78.1%	78%		78%		0.5	
		Menyokong pembangunan bakat berkualiti	100%	135%	135%		100%		1	
					112%		92%		0.5	

NKEA - PENJAGAAN KESIHATAN			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
2	Mewujudkan ekosistem yang menyokong pembangunan penyelidikan klinikal	Bilangan Penyelidikan Ditaja Industri (ISR) yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) KKM dan Lembaga Kaji Semula Institusi (Institutional Review Board) (IRB)	170	171	101%		100%		1	
		Bilangan Penyelidikan Ditaja Industri (ISR) yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penyelidikan dan Etika Penyelidikan Perubatan (MREC) yang dijalankan di kemudahan KKM	110	110	100%		100%		1	
3	Meneroka peluang untuk eksport barangan farmaseutikal	Peratusan produk farmaseutikal generik (ubat terkawal) yang didaftarkan dalam tempoh 210 hari bekerja selepas penyerahan lengkap	90%	89.6%	100%		100%		1	
4	Mencergaskan semula pelancongan kesihatan melalui pengalaman pelanggan yang lebih mesra, kerjasama proaktif dan	Hasil yang dijana daripada Healthcare Travellers (RM juta)	1,150	1,200.5	104%		100%		1	
		Hasil yang dijana daripada Healthcare Tourists (RM juta)	825	776.1	94%		94%		0.5	
7-14	Peranti perubatan	Peratusan permohonan lesen penubuhan diproses dalam tempoh 21 hari selepas penyerahan lengkap	90%	98.5%	109%		100%		1	
		Perkembangan pematuhan 2 makmal ujian praklinikal dengan keperluan OECD GLP bagi pengujian praklinikal ke atas peranti perubatan.	100%	65.6%	66%		66%		0.5	
		Bilangan peranti perubatan didaftarkan	80,000	112,588	141%		100%		1	
					102%		95%		0.5	

NKEA - MINYAK SAWIT DAN GETAH			KPI (Kuantitatif)						
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenarnya (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3		
1	Mempercepat penanaman semula dan penanaman baharu kelapa sawit serta meningkatkan pendapatan pekebun kecil	Kawasan yang ditanam kelapa sawit oleh pekebun-pekebun kecil di atas tanah Hak Adat Bangsa Asal yang diwartakan di Sarawak (hektar)	1,960	1,207	62%		62%		0.5
		Kawasan penanaman semula dan penanaman baru oleh pekebun-pekebun kecil (hektar)	12,000	12,820	107%		100%		1
		Penyepaduan hasil tanaman akan dilaksanakan (hektar)	660	1,387	210%		100%		1
		NBilangan projek individu di bawah skim integrasi ternakan (kambing dan lembu)	60	90	150%		100%		1
2	Meningkatkan hasil buah tandan segar (BTS)	Jumlah BTS dijual kepada kilang oleh semua koperasi pada akhir tahun (tan)	50,000	93,200	186%		100%		1
		NBilangan koperasi baru (KPSM) yang menjual BTS kepada kilang dengan minimum 500 tan/tahun	5	5	100%		100%		1
		Kawasan baru ladang/pekebun kecil yang mematuhi MSPO (ha)	150,000	296,007	197%		100%		1
		Hasil Purata Nasional (tan/hektar/tahun)	19	17.9	94%		94%		0.5
		Pengeluaran BTS Nasional (juta tan)	103.5	101.7	98%		98%		0.5
		Bilangan sampel yang diuji menggunakan Kit Suresawit untuk membantu pensijilan tapak semaian kelapa sawit	238,000	243,175	102%		100%		1
4	Meningkatkan kadar pengekstrakan minyak (OER)	Bilangan Kilang Minyak Sawit yang diperakukan oleh MSPO	10	30	300%		100%		1
		Kadar Pengekstrakan Minyak (%)	21.50%	19.72%	92%		92%		0.5
5	Membangunkan kemudahan biogas di kilang minyak sawit	Peratusan kemajuan pembinaan loji biogas baru bagi 5 kilang	100%	120%	120%		100%		1
		PPeratusan kemajuan pembinaan 5 loji biogas baru yang disambungkan ke grid	100%	100%	100%		100%		1
6	Membangunkan derivatif oleo bernilai tinggi	Peratusan pemanfaatan RM2.15 juta dana prapengkomersialan dan pemerolehan teknologi	100%	124%	124%		100%		1
8	Mempercepatkan pertumbuhan segmen hiliran berasaskan makanan dan kesihatan	Peratusan pemanfaatan dana RM20.5 juta untuk produk makanan dan kesihatan (%)	100%	200%	200%		100%		1
9	Memastikan kemampunan industri hulu getah	Kawasan penanaman semula dan penanaman baru oleh pekebun kecil getah (hektar)	8,557	8,557	100%		100%		1
10	Meningkatkan eksport getah dan produk getah di pasaran dunia	Bilangan piawaian yang dipatuhi getah dan produk getah menggunakan peralatan yang baru dikomisenkan	5	5	100%		100%		1
					136%	97%	0.5		

NKEA - PELANCONGAN			KPI (Kuantitatif)					
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3	
1	Meletakkan Malaysia sebagai destinasi beli-belah yang dinamik	Peratusan perbelanjaan pelancong untuk membeli-belah daripada jumlah penerimaan pelancongan	30%	32%	107%	100%	1	
2	Menjadikan Kuala Lumpur City Centre-Bukit Bintang presint beli-belah yang meriah	Jumlah kunjungan ke gedung beli-belah di BBKLCC (juta)	105	124	118%	100%	1	
4	Memartabatkan Malaysia sebagai hab biodiversiti mega (MMBH)	Bilangan pengunjung ke Hab Biodiversiti Mega Malaysia (MMBH)	750,000	906,661	121%	100%	1	
6	Membangunkan Pelancongan Pelayaran Persiaran	Bilangan persinggahan kapal pelayaran persiaran antarabangsa di pelabuhan Malaysia	405	471	116%	100%	1	
		Bilangan penumpang kapal pelayaran persiaran di pelabuhan utama	577,500	924,885	160%	100%	1	
7	Meletakkan Malaysia sebagai destinasi acara & hiburan yang meriah	Bilangan pelancong antarabangsa di Acara Antarabangsa yang disokong oleh MyCEB	80,000	59,908	75%	75%	0.5	
9	Memartabatkan Malaysia sebagai destinasi acara & perniagaan yang utama	NJumlah kehadiran delegasi bagi acara yang dianjurkan/ tahun (delegate days)	320,000	381,342	119%	100%	1	
11	Mempertingkatkan kesalinghubungan udara ke Malaysia dari pasaran keutamaan	Jumlah tempat duduk mingguan daripada negara keutamaan yang dikenal pasti oleh semua syarikat penerbangan Malaysia	125,500	158,682	126%	100%	1	
					118%	97%	0.5	

NKEA - PEMBORONGAN DAN PERUNCITAN			KPI (Kuantitatif)							
EPP #	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Meningkatkan bilangan kedai format besa	Bilangan pasar raya hyper baru	2	1	50%		50%		0	
		Bilangan pasar raya besar baru	2	3	150%		100%		1	
2	Pemodenan melalui Program Transformasi Kedai Runcit Kecil (TUKAR)	Peratusan pembayaran daripada RM3 juta pinjaman TUKAR yang diperuntukkan	100%	123%	123%		100%		1	
		Peningkatan dalam hasil kedai TUKAR yang baru ditransformasikan sebanyak 25% bagi 3 bulan pertama selepas transformasi	100%	0%	0%		0%		0	
					81%		63%		0.5	

SRI - PEMBANGUNAN MODAL INSAN			KPI (Kuantitatif)							
#	EPP	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Pembangunan Modal Insan (KPWKM)	Peratusanan wanita dalam Lembaga Pengarah syarikat tersenarai awam	14%	13.3%	95%		95%		0.5	
		Peratusanan wanita dalam Lembaga Pengarah 100 syarikat tersenarai awam teratas	18%	19.3%	107%		100%		1	
		Bilangan pusat penjagaan kanak-kanak baharu di tempat kerja i. Awam (10) ii. Swasta (10)	100%	115%	115%		100%		1	
3	Pembangunan Modal Insan (EPU)	Bilangan penempatan pekerja wanita	100	196	196%		100%		1	
		Laporan senarai kemahiran kritikal - diperluaskan kepada lebih banyak sektor dan tahap kemahiran	100%	100%	100%		100%		1	
					123%		99%		0.5	

SRI - PERSAINGAN, STANDARD DAN LIBERALISASI			KPI (Kuantitatif)							
#	KPI		Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Persaingan, standard dan liberalisasi (MOA)	Bilangan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang diiktiraf di bawah MyGAP	750	951	127%		100%		1	
		Bilangan ladang akuakultur yang diiktiraf di bawah MyGAP	165	162	98%		98%		0.5	
		Bilangan ladang/premis ternakan yang diiktiraf di bawah MyGAP	100	78	78%		78%		0.5	
		Bilangan ladang buah-buahan dan sayur-sayuran yang diiktiraf di bawah myOrganic	40	51	128%		100%		1	
2	Persaingan, standard dan liberalisasi (KeTTHA)	Bilangan produk baharu di bawah Program MyHIJAU	2,000	2,319	116%		100%		1	
3	Persaingan, standard dan liberalisasi (MOSTI)	Bilangan syarikat yang dianugerahkan pensijilan baharu oleh Badan Pensijilan yang Bertauliah	1,500	1,937	129%		100%		1	
4	Persaingan, standard dan liberalisasi (KKM)	Peratusan premis pembuatan makanan yang berdaftar dalam Sistem Domestik FoSIM yang mendapat pensijilan MeSTI	50%	50.2%	100%		100%		1	
					113%		97%		0.5	

SRI - TRANSFORMASI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM		KPI (Kuantitatif)					
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1	Kaedah 2	Kaedah 3	
1	Bilangan Projek Penjagaan Kesihatan LEAN yang baru dilaksanakan di hospital KKM setiap tahun	35	40	114%	100%	1	
				114%	100%	1	

SRI - MERAPATKAN JURANG KETAKSAMAAN		KPI (Kuantitatif)							
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
4	Jumlah nilai peluang perniagaan yang dicipta untuk syarikat Bumiputera (RM bilion)	10	14.1	141%		100%		1	
	Mencapai kelulusan pembiayaan untuk syarikat Bumiputera pada minimum 3.0 kali ganda daripada dana Kerajaan yang diterima (kali ganda)	3.0	3.7	122%		100%		1	
	Peningkatan nilai syarikat senaraian awam Skim Jejak Jaya Bumiputera (SJJJB) sebanyak RM 1 bilion (bilion)	1.0	2.1	210%		100%		1	
	Peningkatan hasil minimum sebanyak 10% untuk peserta INSKEN500 (syarikat)	300	325	108%		100%		1	
				145%		100%		1	

SRI - PEMBAHARUAN KEWANGAN AWAM		KPI (Kuantitatif)							
#	KPI	Sasaran (FY)	Sebenar (YTD)	Kaedah 1		Kaedah 2		Kaedah 3	
1	Peratusan defisit fiskal berbanding KDNK pada tahun 2017	3.0%	3.0%	100%		100%		1	
				100%		100%		1	

**Unit Penyampaian Perkhidmatan Awam (CSDU)
Jabatan Perdana Menteri**

Aras 1, Blok Timur
Bangunan Perdana Putra
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
Malaysia

Tel : 03-8872 7249
Faks : 03-8889 4428